PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 5 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
14.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
15.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
16.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut

BIL.	NAMA	KAWASAN
19.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
20.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
21.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
22.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
23.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
24.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
25.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
26.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
27.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
28.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
29.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
30.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
31.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
32.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
33.	YB Tuan Haji Kamarol RIdzuan bin Mohd Zain	Paroi
34.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
35.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
2.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan.

Mesyuarat dimulakan pada jam 3.17 petang.

1. BACAAN DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara Pertama, Bacaan Doa.

[Setiausaha Dewan telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara Kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuhi wabarakatuh* dan salam Sejahtera. *Alhamdulillahhirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula.*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan Pencipta Alam, salam dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga dan para sahabat Baginda. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang Mesyuarat bagi Persidangan Ketiga (Belanjawan), Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini, 5 Disember 2025 merupakan hari pertama persidangan.

Sebagaimana maklum, agenda utama kita pada hari ini adalah untuk mendengar Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2026 yang akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan sebentar lagi. Sesi perbahasan akan dimulakan pada hari Isnin 8 Disember 2025 bagi memberi ruang dan peluang kepada semua ADUN untuk membaca dan menelaah pembentangan tersebut. Saya amat berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan yang akan bermula pada hari Isnin depan.

Adalah diharapkan semua Ahli Yang Berhormat dapat memberikan perbahasan yang komprehensif bagi memastikan urus tadbir Negeri Sembilan berjalan dengan baik dan lancar.

Hadirin sekalian, di sini saya juga ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Rantau tidak dapat hadir pada hari ini, 5 Disember 2025 kerana perlu mewakili Malaysia di satu sesi mesyuarat tergempar *Commonwealth Ministerial Action Group* (CMAG), Persatuan Negara-Negara Komanwel. Manakala Yang Berhormat ADUN Seri Menanti pula tidak dapat hadir pada 5, 8 dan 9 Disember kerana menghadiri Majlis Konvokesyen di Royal College London.

Seterusnya, Dewan ini mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Senator Dr. Jufitri Bin Joha, Ahli Dewan Negara yang turut hadir bersama-sama dengan kita pada hari ini. Adalah diharapkan dengan kehadiran Yang Berhormat Senator dapat menyampaikan input-input yang berkaitan dengan kepentingan Negeri Sembilan kepada Dewan Negara.

Hadirin sekalian, Dewan ini merakamkan ucapan takziah yang setulus-tulusnya kepada keluarga Allahyarham Dato' Sri Bung Moktar, Ahli Parlimen Kinabatangan atas pemergian beliau. Pada yang beragama Islam, marilah sama-sama kita menghadiahkan al-Fatihah kepada Allahyarham, bagi yang bukan beragama Islam, mohon kita bertafakur sebentar sebagai tanda penghormatan dan solidariti. Semoga keluarga Allahyarham diberi kekuatan dan ketabahan di dalam menghadapi waktu yang sukar ini.
(*Al-Fatihah*)

Seterusnya, sebagaimana biasa, saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai Ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Sekali lagi saya mohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian, terima kasih. Selamat Bersidang.

3. MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara Ketiga, mengesahkan Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Kedua, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 4 dan 5 Ogos 2025.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Kedua, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 4 dan 5 Ogos 2025 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadang dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat disahkan, sila angkat tangan. Yang berkecuali? Yang tidak bersetuju? Peringatan Mesyuarat ini disahkan sebulat suara tanpa pindaan.

[Keputusan undian: Semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju.]

[Peringatan Mesyuarat Kali Kedua, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 yang telah diadakan pada 4 dan 5 Ogos 2025 disahkan tanpa pindaan dan YB Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut]

4. MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu pertama:

4.1 Kertas Dewan Bil.4/2025
Memorandum Daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Mengenai Anggaran Hasil Tahun 2026.

4.2 Kertas Dewan Bil.5/2025
Memorandum Daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2026.

4.3 Kertas Dewan Bil.6/2025
Memorandum Daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Mengenai Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2026 dan Penetapan Siling Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK Ke-13).

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 4 hingga Bilangan 6 Tahun 2025 adalah dibentangkan.

5. MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan laporan berikut :

5.1 Laporan Ketua Audit Negara Bil. 3/2025 – Negeri Sembilan

5.1.1 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024.

5.1.2 Penyata Kewangan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2023.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan seperti yang telah dibacakan tajuknya oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat adalah dibentangkan.

6. USUL

Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan Usul **"Bahawa Mengikut Ceraian 3 Seksyen 4, di dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju perbelanjaan yang dicadangkan sebanyak Ringgit Malaysia 150 juta dengan maksud dan butiran Projek dalam Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026, seperti yang dibentangkan dalam kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2025 adalah diluluskan dan diperolehi untuk tujuan yang ditentukan Sahaja".**

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong usul tersebut.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026 ada kaitan dengan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025, maka saya mencadangkan supaya Usul ini dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang tersebut.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong usul tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat telah mencadangkan agar Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026 dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025, dan telah mendapat sokongan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Cadangan ini diluluskan. Kita terus kepada perkara berikutnya.

[Keputusan undian: Semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju.]

7. <u>RANG UNDANG-UNDANG PERTAMA</u>

Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Rang Undang-Undang yang pertama. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya, Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan bagi pengurusan tahun 2026 dibacakan bagi kali pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB ADUN Sikamat: *Bismillahirrahmanirrahim*, Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua, sebelum saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua, izinkan saya membuat pembentangan.

Bismillahirahmanirrahim.. [melafazkan bacaan ayat 25-28 Surah Taha dan Selawat Ibrahimiyyah.

Firman Allah dalam Surah Al-Hujurat, Ayat 13 [melafazkan bacaan ayat 13 Surah Al- Hujurat]

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Alhamdulillah, Negeri Sembilan merupakan Negeri yang unik dan istimewa kerana terkenal dengan semangat muafakat dan toleransi yang menjadi teras kepada kesejahteraan rakyatnya sejak dahulu lagi. Walaupun

masyarakat Negeri ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, keturunan dan agama, namun hidup bersatu padu dalam suasana aman dan saling hormat menghormati. Kepelbagaian ini bukanlah suatu perbezaan yang memisahkan, tetapi merupakan kekuatan yang menyatukan, dalam semangat perpaduan dan kasih sayang.

Jika diperhatikan dalam kalangan Anggota Pentadbiran Negeri sendiri, kepelbagaian kaum menjadi simbol kekuatan dan kematangan politik Negeri Sembilan, di mana kami sentiasa berganding bahu, turun padang bersama-sama meninjau ke segenap pelusuk daerah dan ceruk kampung, menyantuni, memahami, menghayati dan memenuhi keperluan rakyat. Kami telah sedaya upaya berusaha, supaya tidak ada seorang pun dalam kalangan rakyat Negeri ini, yang tertinggal daripada mengecapi manfaat dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Setiap keperluan rakyat sentiasa menjadi keutamaan. Inilah cerminan sebenar semangat Negeri Sembilan dan MADANI, yang menjadikan perpaduan dan kasih sayang sebagai asas membina Negeri yang makmur, stabil dan berdaya tahan.

Seyogia, saya menyeru kepada semua, marilah kita sebar luas semangat keharmonian ini, dengan terus saling mengambil berat, tolong menolong dan berkasih sayang, sebagaimana kehidupan pasangan suami isteri yang bahagia, supaya kemakmuran ini, akan terus dapat dikecapi oleh generasi kita yang akan datang sebagaimana **firman Allah dalam Surah Al-Maidah, Ayat 2** [melafazkan bacaan ayat 2 Surah Al- Maidah]

Ertinya: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat siksaan-Nya.”

Mutakhir ini, peringkat global termasuk Asia Tenggara menyaksikan beberapa cabaran. Sebagai contoh, banjir besar di Vietnam dan Filipina serta Hat Yai, Selatan Thailand yang menyebabkan banyak kawasan dinaiki air. Sekitar 4,000 rakyat Malaysia dilaporkan terkandas di Hat Yai dan kawasan sekitar. *Alhamdulillah*, keadaan di Malaysia walaupun turut berlaku banjir di beberapa tempat, masih aman, selamat dan terkawal. Selain daripada itu, Malaysia sebagai sebuah Negara yang terlibat aktif di peringkat antarabangsa, tidak terkecuali terpalit sama dengan isu-isu global termasuk pengenaan tarif 19 peratus oleh Amerika Syarikat ke atas barangan import Negara.

Namun, dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global, ekonomi Malaysia pada tahun 2025 dijangka terus berkembang pada kadar yang kukuh, antara 4.0 hingga 4.8 peratus didorong oleh peningkatan permintaan

dalam Negeri dan luar Negara. Pertumbuhan ini antara lain dipacu oleh prestasi positif dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga semasa berjumlah 1.93 trilion ringgit dan 1.65 trilion ringgit pada harga malar, manakala KDNK per kapita meningkat kepada 56,734 ringgit. Peningkatan ini menunjukkan daya tahan ekonomi Negara serta kemajuan dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. KDNK Malaysia bagi tahun 2026 dijangka berkembang antara 4.0 hingga 4.5 peratus.

Pasaran buruh Malaysia pada suku pertama 2025 kekal stabil dengan bilangan tenaga buruh meningkat kepada 17.2 juta orang berbanding 17.1 juta orang pada suku akhir tahun 2024. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh naik kepada 70.7 peratus berbanding 70.6 peratus pada suku akhir tahun 2024, yang menunjukkan lebih ramai rakyat Malaysia aktif dalam pasaran buruh.

Kadar pengangguran Negara pada suku ketiga tahun 2025 berada pada 3.0 peratus berbanding 3.2 peratus pada suku ketiga 2024, yang mencerminkan keupayaan ekonomi Negara dalam mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

Ekonomi Negeri Sembilan pada tahun 2025 dijangka terus berkembang secara positif, sejajar dengan pemulihan ekonomi Negara dan peningkatan aktiviti pelaburan domestik serta asing. **KDNK** diunjurkan **berkembang antara 4 hingga 5 peratus**, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, pelaksanaan projek strategik di bawah Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021–2025, serta peningkatan pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Eksport Negeri Sembilan pula dijangka terus meningkat, terutama bagi produk elektrikal dan elektronik (E&E), komponen automotif dan minyak sawit yang kekal mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa. Import pula berkembang seiring dengan peningkatan aktiviti pengeluaran dan pelaburan industri dalam Negeri.

Secara keseluruhannya, prospek ekonomi Negeri Sembilan bagi tahun 2025 kekal kukuh dan stabil, dengan pertumbuhan disokong oleh asas ekonomi domestik yang mampan, pelaburan strategik, serta pelaksanaan dasar yang inklusif dan mampan di bawah RPNS 2021– 2025. Manakala pada tahun 2026, ekonomi Negeri dijangka berkembang antara 3.7 hingga 4.0 peratus sejajar dengan unjuran pertumbuhan ekonomi Negara sekitar 4.0 hingga 4.5 peratus.

Kadar pengangguran Negeri Sembilan menurun **kepada 2.9 peratus** pada suku kedua 2025, lebih rendah berbanding purata nasional iaitu 3.1 peratus. Ia mencerminkan keadaan pasaran buruh yang berdaya tahan. Penurunan ini juga membuktikan keberkesanan program kebolehpasaran pekerjaan, dan inisiatif penempatan semula tenaga kerja termasuk pelaksanaan latihan semula *(reskilling),* dan peningkatan kemahiran *(upskilling)* melalui agensi Negeri dan Persekutuan.

Alhamdulillah, pada bulan Februari 2025, Kementerian Ekonomi melaporkan bahawa Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Melaka dan Perlis telah berjaya menghapuskan miskin tegar. Sehingga 15 Oktober 2025, Negeri Sembilan kekal mencapai status sifar miskin tegar berdasarkan nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Sembilan pada tahun 2022, iaitu 2,402 ringgit sebulan. Walau bagaimanapun, fokus berterusan perlu diberikan kepada seramai 2,969 orang Ketua Isi Rumah mudah miskin tegar berstatus produktif, khususnya isi rumah dengan pendapatan per kapita sekitar 500 ringgit yang masih memerlukan intervensi strategik bagi memastikan mereka terus keluar daripada risiko kemiskinan dan kekal berdikari.

Pencapaian ini menggambarkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Sembilan, hasil sinergi dan usaha bersepadu penjawat awam Negeri dan Persekutuan, dalam melaksanakan pelbagai inisiatif pembasmian kemiskinan, bagi memastikan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan menyantuni rakyat secara inklusif dan berfokus, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kadar penyertaan tenaga buruh pada suku kedua tahun 2025 pula meningkat kepada 67.3 peratus dan bilangan guna tenaga mencapai 566,300 orang, meningkat berbanding tahun 2024. Pertumbuhan ini menunjukkan keberkesanan inisiatif pembangunan modal insan dan keupayaan sektor industri tempatan menyerap tenaga kerja baharu.

Pada suku kedua tahun 2025, kadar inflasi Negeri Sembilan kekal rendah sekitar 1.7 peratus, menggambarkan kestabilan harga pengguna yang dipacu oleh pemulihan permintaan domestik, peningkatan pelaburan, keadaan pasaran buruh yang kukuh, serta dasar yang menyokong kuasa beli isi rumah dan kestabilan pasaran.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK Negeri, dipacu oleh aktiviti perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, serta perkhidmatan Kerajaan Negeri. Sektor pembuatan juga menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan, khususnya dalam subsektor E&E, automotif serta produk berasaskan sumber. Kawasan

perindustrian utama seperti Senawang, Bandar Sri Sendayan, Nilai dan Sungai Gadut terus menarik pelaburan baharu, sekali gus memperkukuh asas industri Negeri.

Kerajaan Negeri juga giat memperkukuh ekonomi melalui peningkatan pelaburan strategik. Pada tahun 2024, Negeri ini merekodkan jumlah pelaburan swasta sebanyak 7.2 bilion ringgit. Sementara itu, sehingga suku ketiga tahun 2025, Negeri Sembilan telah mencatatkan nilai pelaburan berjumlah 6.2 bilion ringgit.

Dalam perkembangan yang sama, Projek F&N di Gemas, Tampin telah beroperasi pada suku pertama tahun 2025. Fasa 1 dianggarkan menyumbang 300 peluang pekerjaan baharu. Apabila keseluruhan fasiliti beroperasi sepenuhnya, kapasiti guna tenaga dijangka meningkat kepada 600 peluang pekerjaan, sekali gus memberi impak positif terhadap pasaran buruh tempatan.

Negeri Sembilan dijangka mampu meningkatkan kemasukan pelaburan bernilai 8 bilion ringgit pada tahun 2026, mencerminkan pertumbuhan berterusan dan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Negeri.

Seiring dengan kemajuan ekonomi, Negeri Sembilan menumpukan usaha untuk rakyat 'Tinggal, Bekerja dan beriadah' di Negeri Sembilan. Usaha ini disokong dengan pembangunan kawasan perindustrian baharu yang tertumpu dalam wilayah *Malaysia Vision Valley 2.0* (MVV 2.0) iaitu di daerah Seremban dan Port Dickson dengan keluasan sebanyak 8,593 ekar yang berpotensi menarik lebih banyak pelaburan.

Selain itu, projek MVV 2.0 turut menjadi pemacu utama pelaburan, dengan tumpuan kepada sektor perkilangan, teknologi hijau, aeroangkasa, logistik dan bandar pintar. Inisiatif ini akan menjadikan Negeri Sembilan sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi, meningkatkan daya tarikan pelabur serta menyumbang kepada transformasi Negeri ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

Kerajaan Negeri juga melaksanakan Peraturan Tangkas *(atau pun Fast Lane)* sebagai langkah strategik bagi mempercepatkan proses kelulusan permohonan, pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan, dan lesen pengoperasian. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk memperkukuh tadbir urus penyampaian perkhidmatan, serta mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses pembangunan. Melalui pelaksanaan mekanisme *Fast Lane*, permohonan yang memenuhi kriteria ditetapkan akan diproses dalam tempoh yang lebih singkat melalui penyelarasan antara agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan dan pelaburan strategik ini menjadikan Negeri Sembilan sebagai Negeri pilihan untuk didiami dengan selamat dan selesa, selain menawarkan peluang pekerjaan yang lebih luas dan juga menyediakan persekitaran yang selamat sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri ke arah Negeri Makmur, Rakyat Sejahtera, sepertimana Pelan Pengurusan Kewangan MADANI iaitu :

[melafazkan bacaan ayat 15 Surah Saba]
"(Negeri kamu ini adalah) Negeri yang baik (aman dan makmur, dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun"

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan terus mengekalkan rekod pencapaian yang cemerlang dari segi kutipan hasil, perbelanjaan, rizab Negeri mahupun tatakelola. Pada tahun 2024, kita telah mencatatkan kutipan hasil yang terbaik di mana sebanyak 636.17 juta ringgit telah dikutip atau 122.34 peratus berbanding sasaran 520 juta ringgit. Ia sekaligus mengubah defisit 35 juta ringgit kepada surplus 83.07 juta ringgit. Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut (sejak tahun 2022), kita berjaya mengubah belanjawan Negeri daripada defisit kepada surplus.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2024 juga telah dibentangkan di Parlimen yang menyaksikan Ketua Audit Negara telah memberikan pengiktirafan Sijil Bersih Tanpa Teguran Dengan Perenggan Hal-Hal Lain. Kecemerlangan ini bukan yang pertama kali, sebaliknya Kerajaan Negeri telah berjaya mencipta legasi yang konsisten dengan memperolehi Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran selama tujuh (7) tahun berturut-turut semenjak tahun 2017 lagi. Justeru, saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri yang telah membuktikan profesionalisme dan dedikasi yang luar biasa dalam memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri sentiasa cemerlang dan berintegriti.

Sehingga 5 Disember 2025 jam 12.00 tengah hari, jumlah kutipan hasil Negeri adalah sebanyak 655.8 juta ringgit atau 111 peratus daripada sasaran 590 juta ringgit. Kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak 156.66 juta ringgit atau 98.31 peratus, Hasil Bukan Cukai sebanyak 434 juta ringgit atau 119 peratus dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak 65.22 juta ringgit atau 98.69 peratus. Pencapaian ini mengatasi rekod pencapaian keseluruhan bagi tahun 2024 dan ini merupakan rekod tertinggi dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan setakat ini.

Justeru, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Pejabat Pemungut Hasil serta Pejabat Kewangan dan

Perbendaharaan Negeri atas kejayaan melaksanakan tugas dengan penuh integriti, dedikasi dan cemerlang.

Penyediaan Belanjawan Tahun 2026 ini menggunakan pendekatan berpandukan kepada Pelan Pengurusan Kewangan MADANI 2025-2030, di mana menerusi pelan ini, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk mencapai hasil 1 bilion ringgit pada tahun 2030. Pelaksanaan dan penghayatan nilai-nilai teras kewangan MADANI iaitu al-Qawiyyul Amiin (kuat dan amanah) dan al-Hafizul 'Alim (berilmu dan bijaksana), akan terus diterapkan kepada seluruh Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri ini. Saya cukup optimis, dengan semangat, kesungguhan dan sinergi yang ditunjukkan oleh semua, sasaran hasil 1 bilion ringgit tersebut dapat dicapai lebih awal lagi. *Insya Allah.*

Firman Allah dalam Surah Al-Furqan, **ayat 67**:[melafazkan bacaan ayat 67 Surah Al Furqan]

Ertinya:
"Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (perbelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian."

Ayat inilah yang menjadi inspirasi utama pengurusan kewangan Negeri 'dari rakyat untuk rakyat'. Lafaz *qawama* menurut ulama' tafsir seperti Ibnu Kathir, al-Tabari, al-Qurtubi dan al-Alusi adalah perbelanjaan yang seimbang, mengikut keperluan sebenar dan adil, tidak berlebih-lebihan serta cermat. Berdasarkan ayat ini ada lima (5) nilai kerja yang boleh kita cermati:

1. Keseimbangan (*Balance*);
2. Keutamaan (*Priority*);
3. Ketelusan (*Transparency*);
4. Akauntabiliti (*Accountability)*; dan
5. Integriti (*Integrity*).

'Dari rakyat untuk rakyat' adalah perbelanjaan yang tidak *israf* (boros/ membazir) لَمْ يُسْرِفُواْ, tidak pula *qatr* (bakhil/ kedekut) وَلَمْ يَقْتُرُواْ, tetapi adalah perbelanjaan yang seimbang dan berhemah قَوَامًا.

Pengurusan kewangan yang baik juga telah dibuktikan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan melalui pengurusan MARRIS. Sejak tahun 2019 hingga kini, sepanjang 8,016.49 kilometer daripada keseluruhan 10,165.31 kilometer jalan yang ada di Negeri Sembilan telah diselenggara termasuk

jalan luar bandar, jalan perbandaran dan kawasan perindustrian. Sebanyak 170 buah jambatan telah dibaiki dengan kos 78.51 juta ringgit. Manakala 244 juta ringgit telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih cerun. Sistem perparitan dan longkang turut menjadi salah satu keutamaan dalam penyelenggaraan MARRIS, di mana sebanyak 388 juta ringgit dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tersebut. Untuk rekod, bagi tempoh 2019 hingga Oktober 2025, sebanyak 1.46 bilion ringgit telah dibelanjakan bagi pelbagai kerja penyelenggaraan jalan Negeri.

Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta JKR Negeri Sembilan telah merangka strategi perbelanjaan peruntukan MARRIS termasuk melaksanakan perolehan kerja secara undian. Ia adalah inisiatif Kerajaan Negeri dalam memberi peluang pendapatan kepada kontraktor-kontraktor kecil di Negeri Sembilan. Untuk rekod, dalam tempoh 2020 hingga 2025, sebanyak 4,665 projek MARRIS telah diundi dengan jumlah kos projek sebanyak 453 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

"Dijadikan sahabat ianya dekat
Dijadikan saudara ia percaya
Dijadikan umat hidup selamat
Memimpin Negeri berlimpah rezeki"

Alhamdulillah, pada hari ini, Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan sudah pun berusia 2 tahun, 3 bulan dan 20 hari. Hari demi hari yang dilalui bersama, semakin dirasai keakraban, keserasian dan kasih sayang sesama kami dalam mentadbir Negeri. "Seikat seperti sirih, serumpun seperti serai". Di kesempatan ini, sukacita saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco Kanan, Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain daripada Barisan Nasional dan Pakatan Harapan, kerana terus memberikan sepenuh komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan, serta telah sama-sama berjuang dalam menjayakan Aspirasi Kerajaan Negeri yang dicintai ini.

Dalam tempoh ini, pelbagai program telah kita jayakan bersama-sama di bawah Aspirasi Perpaduan. Sehingga bulan Oktober 2025, sebanyak 12.98 juta ringgit telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada lebih 56,000 individu dan keluarga di seluruh Negeri Sembilan. Para penerima manfaat daripada program ini termasuk:

1. 48,611 orang warga emas;
2. 5,367 orang ibu tunggal ;
3. 1,832 orang bagi Insentif Perkahwinan Belia;

5. 171 orang bayi dan kanak-kanak bagi caruman *one-off* Skim Simpanan Pendidikan Nasional;
6. 1,659 orang pelajar sekolah rendah dibantu dengan kelengkapan persekolahan;
7. 1,599 orang pelajar sekolah menengah menerima biasiswa kecemerlangan; dan
8. 2,287 orang siswa-siswi diringankan beban pengajian di peringkat IPT.

Kerajaan Negeri Sembilan akan terus merancang dan melaksanakan lebih banyak inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Dengan berpegang kepada prinsip keadilan sosial dan pengagihan yang saksama, Kerajaan Negeri akan terus berusaha memastikan tiada siapa yang ketinggalan dalam menikmati limpahan kemakmuran dan kesejahteraan Negeri ini.

"Dapat sama laba,
Cicir sama rugi,
Nan ada sama dimakan,
Nan tidak sama dicari."

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Syukur *Alhamdulillah*, Negeri Sembilan meningkat maju terutama dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan sektor-sektor yang lain, antara faktor lainnya adalah hasil kerjasama rapat dengan Badan-badan Berkanun Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS), Perbadanan Negeri Sembilan (NS Corporation), Yayasan Negeri Sembilan (YNS) , Majlis Agama Islam (MAINS), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Menteri Besar Negeri Sembilan (Perbadanan) (MBI) serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Ada antara Badan-badan Berkanun ini yang mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri dalam bentuk geran atau pinjaman. Badan Berkanun ini memainkan peranan sebagai pemudah cara dan pelaksana kepada projek-projek serta inisiatif Kerajaan Negeri.

Mengambil kira peningkatan hasil yang positif Badan-badan Berkanun Negeri, saya menetapkan agar agensi ini menyumbang kepada hasil Negeri sebagai timbal balik atas manfaat yang diterima daripada Kerajaan Negeri. tersebut boleh diguna semula bagi tujuan pembangunan Negeri demi kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Belanjawan Tahun 2026 ini merupakan belanjawan ketiga Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan. Kerajaan Negeri meneruskan tekad dan iltizam untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai model sebuah Negeri maju yang bertamadun, didasari oleh ekonomi yang mampan, kehidupan rakyat yang bersatu padu, saling bertoleransi, hormat menghormati dan sejahtera serta bahagia sentosa. Mendasari tekad ini, sukacita saya mengumumkan tema Belanjawan Tahun 2026 iaitu: "BELANJAWAN MADANI, RAKYAT HARMONI"

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Dewan yang mulia, Belanjawan Tahun 2026 dengan peruntukan Anggaran Belanja Mengurus sebanyak 640 juta ringgit berbanding Anggaran Hasil sebanyak 610 juta ringgit. Peruntukan bagi Anggaran Belanja Pembangunan pula adalah sebanyak 150 juta ringgit. Belanjawan Tahun 2026 yang dicadangkan merupakan belanjawan defisit sebanyak 30 juta ringgit.

Pada tahun 2026, Kerajaan Negeri telah menetapkan Anggaran Hasil sebanyak 610 juta ringgit iaitu meningkat sebanyak 20 juta ringgit, atau 3.39 peratus berbanding 590 juta ringgit pada tahun 2025.

Daripada Anggaran Hasil keseluruhan, anggaran Hasil Cukai adalah sebanyak 172.64 juta ringgit iaitu kenaikan sebanyak RM13.29 juta ringgit berbanding 159.35 juta ringgit pada tahun 2025. Hasil Bukan Cukai terus menjadi penyumbang utama dengan anggaran sebanyak 372.6 juta ringgit iaitu peningkatan sebanyak 8.03 juta ringgit berbanding hasil bukan cukai sebanyak 364.57 juta ringgit pada tahun 2025. Terimaan Bukan Hasil dijangka mengalami sedikit penurunan daripada 66.08 juta ringgit pada tahun 2025 kepada 64.76 juta ringgit pada tahun 2026.

Pada tahun 2026, Anggaran Belanja Mengurus diperuntukkan sebanyak 640 juta ringgit. Perbelanjaan tertinggi disediakan bagi maksud emolumen sebanyak 258.31 juta ringgit atau 40.36 peratus. Seterusnya Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak 237.55 juta ringgit atau 37.12 peratus, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak 138.31 juta ringgit atau 21.61 peratus, perolehan aset sebanyak 770 ribu ringgit atau 0.12 peratus dan peruntukan perbelanjaan-perbelanjaan Lain sebanyak 5.06 juta ringgit atau 0.79 peratus.

Bagi Kerajaan Negeri atas dasar tanggungjawab, menyediakan pelbagai bentuk insentif dan inisiatif termasuk bantuan kewangan, pemberian tunai, insentif bukan kewangan dan bantuan sokongan kepada rakyat. Belanjawan 2026 ini akan memberi fokus kepada sembilan (9) Bidang Tumpuan iaitu:

1. Bidang Tumpuan Pertama: Kemampanan Ekonomi;
2. Bidang Tumpuan Kedua: Keterjaminan Makanan;
3. Bidang Tumpuan Ketiga: Pendidikan;
4. Bidang Tumpuan Keempat: Pemerkasaan Komuniti;
5. Bidang Tumpuan Kelima: Kerohanian dan Agama;
6. Bidang Tumpuan Keenam: Pemerkasaan Wanita, Belia dan Sukan;
7. Bidang Tumpuan Ketujuh: Pelancongan, Adat dan Budaya;
8. Bidang Tumpuan Kelapan: Kelestarian Alam Sekitar; dan
9. Bidang Tumpuan Kesembilan: Kebajikan dan Kesihatan.

Sejak tahun 2019 hingga kini, sebanyak 214 inisiatif telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri meliputi pelbagai bidang tumpuan. Kesemua inisiatif ini sama ada akan diteruskan, ditambah baik atau distruktur semula berdasarkan pencapaian *outcome* masing-masing. Bagi meneruskan transformasi tersebut, sukacita saya umumkan, 23 inisiatif baharu akan diperkenalkan, dan 46 inisiatif sedia ada akan dikekalkan atau ditambah baik, menjadikan jumlah inisiatif berfokuskan rakyat dalam Belanjawan 2026 adalah sebanyak 69 inisiatif dengan peruntukan berjumlah 112.80 juta ringgit.

Kerajaan Negeri sentiasa menumpukan agenda Kemampanan Ekonomi di mana tujuh (7) inisiatif telah dirangka merangkumi lima (5) inisiatif baharu, dan (dua) 2 inisiatif sedia ada dengan jumlah peruntukan sebanyak 6.7 juta ringgit.

Inisiatif-inisiatif sedia ada adalah *NS Choice* (Program Pemerkasaan Usahawan), sebanyak 1 juta ringgit dan penjenamaan semula Halal Kotej kepada Halal Kotej *Go Global*, dengan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit.

Inisiatif Pengukuhan Pasukan Penguatkuasaan diperkenalkan bagi mempertingkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan Negeri, terutama dalam membanteras pencerobohan tanah Kerajaan serta sumber alam yang ada, sekaligus meningkatkan keberkesanan kutipan hasil Negeri. Usaha meningkatkan kecekapan pasukan penguatkuasaan tanah akan dibuat melalui pelaksanaan latihan secara berterusan dan perolehan peralatan perlindungan diri seperti jaket dan kasut keselamatan, pakaian seragam dan peralatan elektronik dan teknikal yang berkaitan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 600 ribu ringgit bagi tujuan ini.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2040, terdapat keperluan bagi menetapkan *blueprint* pembangunan kawasan industri, mengenal pasti potensi, cabaran dan perancangan kawasan industri masa hadapan. Inisiatif ini turut merangkumi naik taraf pencahayaan solar dan longkang di beberapa kawasan industri terpilih. Ia dijangka dapat merancakkan lagi aktiviti pelaburan di Negeri Sembilan yang sekaligus memberi peluang pekerjaan untuk peningkatan ekonomi tempatan. Untuk itu, sebanyak 2 juta ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan.

Inisiatif baru ketiga, Bantu Selenggara @N9, Penyelenggaraan jalan raya yang berterusan amat penting bagi memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Tidak kira jalan Negeri atau jalan Persekutuan, nilai nyawa pengguna adalah sama. Jangan Jalan yang diselenggara dengan baik bukan sahaja mengurangkan risiko kemalangan dan kerosakan kenderaan, malah meningkatkan kecekapan perhubungan, yang seterusnya tidak akan menjejaskan tarikan Negeri sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan.

Justeru, atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 1 juta ringgit di bawah Akaun Amanah Selenggara Jalan Raya yang akan diwujudkan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan bagi pelaksanaan pembaikan kecemasan ke atas jalan-jalan Persekutuan.

Inisiatif baru keempat adalah Urus MARRIS@N9, Kerajaan Negeri amat bersyukur dan menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan kenaikan siling peruntukan bagi pengurusan MARRIS daripada 5 juta ringgit kepada 10 juta ringgit melalui Garis Panduan MARRIS 3.0.

Oleh itu, bagi mengoptimumkan peruntukan tersebut, sebanyak 1.1 juta ringgit diperuntukkan bagi perolehan peralatan dan aset untuk pasukan pemantauan projek MARRIS ke atas jalan-jalan Negeri.

Inisiatif baru Kelima Galeri NS Choice @ Sunggala Prima. Inisiatif ini bertujuan memperkasa ekosistem keusahawanan Negeri serta memartabatkan produk buatan anak tempatan. Objektif utama pewujudan galeri ini adalah untuk menyediakan ruang pameran dan jualan sehenti yang menampilkan produk di bawah program *NS Choice* dan produk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di bawah satu bumbung, sekali gus meningkatkan keterlihatan dan potensi pasaran. Melalui pewujudan galeri ini, para usahawan berpeluang mempamerkan dan menjual produk masing-masing dalam persekitaran yang lebih menarik dan kondusif. Pada masa yang sama, masyarakat setempat turut mendapat manfaat melalui akses kepada produk berkualiti, peluang pembelajaran mengenai industri

tempatan, serta sokongan terhadap pembangunan ekonomi komuniti secara inklusif.

Selain itu, pewujudan galeri ini turut dijangka memberi impak positif kepada sektor pelancongan dengan menjadikannya tarikan baharu kepada pelancong domestik dan antarabangsa yang ingin mendapatkan produk tempatan yang berkualiti seperti makanan tradisional, kraf tangan serta hasil seni budaya Negeri Sembilan. Untuk itu, saya mengumumkan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit disediakan pada tahun hadapan bagi pewujudan Galeri *NS Choice* @ Sunggala Prima.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Agenda Keterjaminan Makanan merupakan bidang tumpuan kedua semestinya menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Di bawah Bidang Tumpuan ini, lapan (8) inisiatif disediakan, iaitu tiga (3) inisiatif baharu dan lima (5) inisiatif sedia ada dengan jumlah peruntukan sebanyak 5.76 juta ringgit.

Inisiatif sedia ada yang dikekalkan termasuk:

1. IKMAR (Insentif Keterjaminan Bekalan Makanan Rakyat): 2 juta ringgit;
2. I-TUAH (Insentif Tanah Untuk Aktiviti Hasil): 500 ribu ringgit;
3. *Touchpoint* Insentif Sentuhan Rakyat: 1.2 juta ringgit;
4. I-TANAM (Insentif Tingkatkan Aktiviti Agro Makanan): 1 juta ringgit; dan
5. Program Peningkatan Industri Lembu Negeri Sembilan: 410 ribu ringgit.

Inisiatif Baru Keenam, Program *Anak Pokok Harapan: 1 Desa 1 Tanaman.* Program *Anak Pokok Harapan: 1 Desa 1 Tanaman* merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan individu, dan komuniti kampung dalam usaha penanaman pokok buah-buahan berkualiti secara tersusun di seluruh Negeri Sembilan. Hasilnya nanti boleh dinikmati oleh komuniti kampung dan boleh juga dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan. Program ini dijangka untuk dilaksanakan secara berperingkat, melibatkan setiap kampung di semua Dewan Undangan Negeri (DUN) bermula pada tahun 2026, agar pelaksanaannya lebih teratur dan memberi peluang penyertaan yang lebih menyeluruh. Sebagai permulaan, sebanyak 250 ribu ringgit akan diperuntukkan untuk pelaksanaan program ini.

Inisiatif yang ketujuh, Program *Touch Point* Ternakan Ikan Air Tawar: Kolam Rakyat. Program ini bertujuan menambah dan mempelbagaikan aktiviti

perikanan di kolam-kolam terbiar yang terpilih dan projek-projek ternakan ikan melalui tangki di kawasan penduduk setempat. Ianya dapat membantu menjimatkan kos untuk mendapatkan sumber makanan. Inisiatif ini dilaksanakan melalui bantuan tuaian ikan di kolam rakyat yang juga dapat merangsang ekonomi secara berkelompok. Sebanyak 300 ribu ringgit diperuntukkan untuk program ini.

Inisiatif kelapan INSAN (Insentif Sokongan dan Anjakan Nelayan), Program INSAN merupakan manifestasi keprihatinan Kerajaan Negeri Sembilan terhadap para nelayan. Bagi meringankan beban dan menyokong kelangsungan sumber pendapatan para nelayan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan bantuan secara *in-kind* dalam bentuk alat penangkapan ikan seperti GPS dan *echo sounder* atau bantuan lain yang bersesuaian dengan peruntukan 100 ribu ringgit pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

"Pendidikan suluh menyuluh,
Generasi baharu janganlah luluh,
Ilmu ditimba, akal diasuh,
Negeri Sembilan maju bersuluh."

Pendidikan adalah tunjang utama kepada pembangunan sesebuah bangsa dan Negara. Ia adalah pelaburan jangka panjang yang akan menentukan hala tuju dan kemajuan generasi akan datang. Oleh itu, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa meletakkan bidang pendidikan sebagai keutamaan tertinggi dalam agenda pembangunan Negeri.

Kita percaya bahawa setiap anak Negeri Sembilan berhak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti, tanpa mengira latar belakang atau status sosioekonomi. Justeru, pelbagai inisiatif dan program telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hasrat ini tercapai. Untuk itu, sebanyak 28.81 juta ringgit diperuntukkan pada tahun 2026 merangkumi 17 inisiatif dengan satu (1) inisiatif baharu.

16 inisiatif yang dikekalkan adalah:

1. Elaun Tambahan kepada Guru Kelas KAFA Tulen dengan peruntukan keseluruhan 1.37 juta ringgit;

2. Elaun Tanggungjawab kepada Guru Besar (yang menjalankan KAFA di premis KPM/ SAR) dengan peruntukan 350 ribu ringgit;

3. Bayaran 1/2 Bulan Elaun Kepada Guru KAFA Tulen (yang Cuti Bersalin 2 bulan), 140 ribu ringgit;

4. Program *Fast Track* SPM Pelajar Tahfiz, 500 ribu ringgit;

5. N9 BAS (Bantuan Anak Sekolah), dengan peruntukan dinaikkan daripada 1 juta ringgit kepada 1.2 juta ringgit;

6. N9 BAN (Bantuan Anak Negeri), dinaikkan daripada 800 ribu ringgit kepada 1 juta ringgit;

7. Tabung Amanah Penyelenggaraan Sekolah, 1 juta ringgit;

8. Bantuan Sekolah Tahfiz/ SJKC/ SJKT/ Swasta, dinaikkan daripada 2 juta ringgit kepada 2.5 juta ringgit;

9. Bantuan Komputer Riba, 3.35 juta ringgit;

10. Skim Dermasiswa Sara Hidup (Pelajar IPTA), 3.6 juta ringgit;

11. Inisiatif Khas Galakan Kecemerlangan (SPM/ STPM/ STAM), 100 ribu ringgit;

12. Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama (IPT), 3.5 juta ringgit;

13. Pinjaman Pendidikan Tanpa Faedah (Masters/ Ph.D di IPTA), 1 juta ringgit;

14. Insentif dan Bantuan Pelajar TVET KYNS, 5.25 juta ringgit;

15. Tuisyen MADANI Kerajaan Negeri Sembilan, 650 ribu ringgit; dan

16. Generasi Celik AI, 300 ribu ringgit.

Inisiatif Baru Kesembilan adalah Pembangunan Bangunan Tambahan Sekolah Agama Johol, Kerajaan turut memberi perhatian khusus kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang dikendalikan secara bersama oleh Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk tahun 2026, SMA Johol dipilih untuk diperuntukkan bangunan tambahan. Pada masa kini, SMA Johol mempunyai persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif dengan keadaan bangunan yang uzur. Demi keselesaan dan kelancaran proses pembelajaran anak-anak, saya dengan sukacitanya mengumumkan peruntukan sebanyak 3 juta ringgit untuk pembinaan bangunan tambahan SMA Johol.

Bidang Tumpuan Keempat, Pemerkasaan Komuniti. Jaringan komuniti yang berkesan merupakan asas penting dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Kerajaan Negeri terus memberi perhatian dan tumpuan kepada Pemerkasaan Komuniti dengan menyediakan peluang ekonomi untuk meningkatkan pendapatan dalam kalangan usahawan kecil dan sederhana. Kerajaan sedar bahawa pembangunan luar bandar akan memberi kesan langsung kepada komuniti di sesuatu kawasan, yang seterusnya akan menghasilkan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Justeru, sebanyak 25.17 juta ringgit diperuntukkan di bawah Pemerkasaan Komuniti merangkumi 11 inisiatif, iaitu empat (4) inisiatif baharu dan tujuh (7) inisiatif sedia ada.

Tujuh (7) inisiatif sedia ada adalah:

1. Menyenggara Taman-Taman Awam, 1 juta ringgit;

2. Penyelenggaraan Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) dan Rumah Pangsa Kerajaan Negeri, 3 juta ringgit;

3. Penyelenggaraan Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Sederhana Rendah Swasta, 2 juta ringgit;

4. Rumah Harapan Rakyat, dinaikkan daripada 5 juta ringgit tahun 2025 kepada 10 juta ringgit pada tahun 2026;

5. Sentuhan MADANI FELDA, 500 ribu ringgit;

6. Geran Aktiviti Kampung Orang Asli, 320 ribu ringgit; dan

7. ERAT@NS dan Program Pemerkasaan Komuniti, 1.5 juta ringgit.

Inisiatif Baru Kesepuluh, Program Pencahayaan Kampung dan kampung Orang Asli. Pencahayaan kampung dan Kampung Orang Asli amat penting bagi menyokong agenda pembangunan inklusif. Kawasan luar bandar sering berhadapan dengan keterbatasan infrastruktur asas, termasuk akses kepada bekalan elektrik yang stabil. Oleh itu, penggunaan sistem pencahayaan berasaskan tenaga solar menjadi alternatif yang efektif, terutamanya di kawasan yang jauh daripada grid elektrik. Dari segi manfaat kepada penduduk kampung dan komuniti Orang Asli, pencahayaan solar meningkatkan keselamatan pada waktu malam dengan menerangi laluan utama dan kawasan tumpuan. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit untuk program ini pada tahun 2026.

Inisiatif Baru yang ke sebelas (11), Naiktaraf Prasarana Awam, Pembaikkan instrastruktur FELDA. Penjagaan dan penyelenggaraan infrastruktur awam seperti jalan, dewan masyarakat, surau, kemudahan air, dan sistem perparitan amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat. Kerajaan Negeri memberi perhatian terhadap keperluan kemudahan-kemudahan ini termasuk kepada masyarakat FELDA. Untuk itu, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak 750 ribu ringgit secara *one-off* untuk inisiatif ini pada tahun 2026.

Inisiatif Baru Kedua Belas KORANS' 26 (Karnival Orang Asli Negeri Sembilan 2026). Penganjuran Karnival Orang Asli secara bersepadu secara dengan acara lain adalah platform untuk memperkenalkan keunikan seni, budaya, dan produk tempatan masyarakat orang asli kepada umum, di samping membuka ruang kepada usahawan dan belia orang asli untuk mempromosikan produk, dan meningkatkan pendapatan mereka. Ia merupakan inisiatif strategik ke arah integrasi sosial, pembangunan ekonomi dan pengukuhan perpaduan antara komuniti Orang Asli dan masyarakat. Justeru ~~sebanyak~~ 100 ribu ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan untuk program ini.

Inisiatif Baru Ketiga Belas, RMM@N9 (Rumah Mampu Milik Negeri Sembilan). Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat, khususnya golongan B40, Kerajaan Negeri bercadang akan melaksanakan Inisiatif RMM@N9 iaitu Skim Sewa Beli Rumah Mampu Milik *Type* A. Inisiatif ini diwujudkan bagi membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri, khususnya mereka yang gagal memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan komersial disebabkan kekangan kelayakan atau pendapatan tidak tetap. Inisiatif ini menawarkan pembiayaan mudah untuk pemohon yang layak. Sehubungan itu, saya mengumumkan peruntukan **sebanyak 5 juta ringgit** pada tahun 2026 untuk pelaksanaan inisiatif ini.

Kerohanian dan Agama, Komitmen Kerajaan Negeri Sembilan diteruskan dalam memperkasa agenda kerohanian dan agama di mana sebanyak 16.05 juta ringgit diperuntukkan bagi membiayai 11 inisiatif merangkumi enam (6) inisiatif baharu dan lima (5) inisiatif sedia ada pada tahun hadapan.

Lima (5) Inisiatif sedia ada adalah:

1. Elaun Tambahan kepada Guru Takmir Negeri Sembilan, 170 ribu ringgit;

2. Insentif Elaun Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita, 5.05 juta ringgit;

3. Caruman PERKESO untuk Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita yang menerima elaun Kerajaan Negeri, 150 ribu ringgit;

4. Dana Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI), 2.5 juta ringgit; dan

5. Program Pembinaan Karakter Bangsa (Pelajar dan Penjawat Awam), 600 ribu ringgit.

"Gunung tegak kerana tanahnya,
Pohon tinggi kerana akarnya,
Manusia mulia kerana agamanya,
Jiwa tenang kerana zikrullahnya."

Pelbagai usaha dan transformasi telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dalam memastikan agama Islam terus dimartabatkan dan aspek kerohanian masyarakat sentiasa diberi perhatian dan diperkasakan. Untuk itu, Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada baik pulih kemudahan infrastruktur termasuk pembinaan dan naik taraf kompleks pejabat serta masjid-masjid.

Inisiatif Baru Keempat Belas, Naik Taraf Masjid Negeri dan Penyenggaraan Masjid. Pada tahun 2026, Kerajaan Negeri Sembilan menumpukan perhatian kepada kerja-kerja menaik taraf serta penyelenggaraan masjid-masjid di mana tahun-tahun sebelum ini kita telah menumpukan perhatian kepada pembinaan masjid-masjid baharu yang lengkap dengan pelbagai kemudahan termasuk mesra orang kelainan upaya. Kerajaan Negeri komited dalam menjadikan masjid-masjid sebagai pusat pembangunan ummah yang kuat dan berkualiti. Masjid seharusnya bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang aktif dan relevan dalam pembangunan ummah.

Sehubungan itu, sebanyak 6.5 juta ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan bagi kerja-kerja menaik taraf bangunan, infrastruktur, sistem elektrik, *water proofing*, hiasan dalaman serta lain-lain kerja penyelenggaraan kecil. Masjid Negeri akan ditambahbaik dengan penyediaan bangunan sokongan baharu, sistem pendawaian semula serta hiasan dalaman dengan anggaran kos keseluruhan bernilai 16.0 juta ringgit. Selain itu Masjid Seremban 3 juga akan diteruskan pembinaannya dalam fasa ke-2, melibatkan peruntukan sebanyak 1.6 juta ringgit secara usahasama antara Kerajaan Negeri dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

“Berpucuk sirih di atas dulang,
Disambut mesra tanda berkat,
Adil dijunjung kasih disandang,
Syariat dijaga umat selamat.”

Inisiatif Baru Kelima Belas, Bantuan Guaman Syarie. Sebagai bukti kesungguhan Kerajaan Negeri terhadap kesejahteraan keluarga Islam dan keadilan sosial yang berpaksikan hukum syarie, Inisiatif Bantuan Guaman Syarie diperkenalkan. Melalui inisiatif ini, masyarakat Islam khususnya golongan berpendapatan rendah dapat dibantu untuk mendapatkan khidmat nasihat serta perwakilan guaman dalam urusan Mahkamah Syari’ah. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 150 ribu ringgit untuk inisiatif ini. Pelaksanaan program ini dijalankan secara kerjasama antara MAINS dan Jabatan Kehakiman Syari’ah Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Dato’ Yang Di-Pertua,

Inisiatif Baru Keenam Belas Jilul Quran. Jilul Quran merupakan program yang dilaksanakan di Negeri Sembilan yang merangkumi :

1. Program Pengukuhan Al-Quran Pelajar Sekolah Menengah;
2. Pelajar Tahfiz Di Penjara; dan
3. Program Huffaz Imam Muda.

Program ini dilaksanakan bagi memperkukuh kefahaman dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat. Program Jilul Quran menjadi wadah penting dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berteraskan nilai-nilai Al-Quran demi membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera di Negeri Sembilan. Sehubungan itu, saya umumkan peruntukan sebanyak 350 ribu ringgit untuk menjayakan inisiatif ini pada tahun hadapan.

Inisiatif Ketujuh Belas, Elaun Tambahan Kepada Imam-Imam Masjid. Bagi meningkatkan motivasi para Imam dalam mengimarahkan masjid, selain membantu meringankan beban kewangan mereka, sukacita diumumkan pemberian elaun kepada 654 orang Imam dengan peruntukan sebanyak 370 ribu ringgit pada tahun hadapan.

Inisiatif Kelapan Belas, Lambaian Baitullah, Program Lambaian Baitullah salah satu inisiatif baru kerajaan Negeri Sembilan dalam memperkukuh kefahaman ibadah haji dan umrah dalam kalangan masyarakat serta memberi penghargaan kepada para pegawai masjid yang telah banyak berkhidmat kepada komuniti. Program ini merangkumi:

1. Kursus Fardu Ain Bakal Haji (KAFAH); dan
2. Saguhati Menunaikan Haji dan Umrah Pegawai Masjid.

Selain Kursus Asas Fardu Ain Bakal Haji yang dilaksanakan bagi memastikan bakal jemaah haji bersedia, bayaran saguhati sebanyak 1,000 ringgit bagi umrah dan 3,000 ringgit bagi ibadah haji, diberikan sekali sepanjang tempoh perkhidmatan kepada Pegawai Masjid yang layak. Untuk itu, sebanyak 140 ribu ringgit diperuntukkan pada tahun 2026.

Inisiatif Baru Kesembilan Belas, Bantuan Sara Hidup RM200 secara *one-off* kepada Pembantu Am Wanita Masjid. Sebagai tanda penghargaan kepada Pembantu Am Wanita Masjid, Kerajaan Negeri telah menaikkan elaun bulanan mereka kepada 400 ringgit pada tahun 2019 dan menanggung caruman PERKESO mulai tahun 2025. Bagi meneruskan pendekatan prihatin ini, saya mengumumkan Bantuan Sara Hidup secara *one-off* sebanyak 200 ringgit seorang kepada 312 orang Pembantu Am Wanita Masjid dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak 62,400 ringgit.

Bidang Tumpuan Enam, Pemerkasaan Wanita, Belia dan Sukan, Sebagai Negeri ”tanah beradat” yang kaya dengan warisan budaya dan sistem sosial yang unik di Malaysia, Negeri Sembilan menjunjung tinggi kemuliaan dan peranan wanita dalam sistem masyarakat.

“Bunga kemboja harum mewangi,
Mekar sekuntum di tepi laman,
Wanita bijak sedia disanjungi,
Pewaris bangsa penentu zaman.”

Manakala belia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi berperanan sebagai agen perubahan sosial ke arah masyarakat yang lebih baik, dan seterusnya akan memacu pertumbuhan ekonomi. Mereka perlu menjaga kesihatan fizikal dan mental agar menjadi tenaga kerja yang produktif dan mampu menghadapi cabaran kehidupan.

Menyedari peri pentingnya wanita dan belia sebagai tulang belakang Kerajaan, maka agenda pemerkasaannya akan diteruskan dalam Belanjawan 2026. Untuk itu, sebanyak 13.1 juta ringgit diperuntukkan merangkumi (lima) 5 inisiatif iaitu satu (1) inisiatif baharu dan empat (4) inisiatif sedia ada.

Empat (4) inisiatif sedia ada yang diteruskan adalah:

1. Geran Aktiviti JPKK dan Geran Belia dan Beliawanis, 2.2 juta ringgit;

2. Pengurusan dan Pemerkasaan Belia dan Sukan; 3.7 juta ringgit;

3. Bantuan *Care For You* Ibu Tunggal; 1.2 juta ringgit; dan

4. Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan dengan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit.

Untuk rekod, beberapa kejayaan membanggakan telah dicatat oleh pasukan Negeri. Sebagai contoh, pasukan sepak takraw Negeri Sembilan Antlers menjadi juara tiga (3) tahun berturut-turut (2023 - 2025) pada Kejohanan Sepak Takraw STL Champion Cup. Kejayaan ini menyemarakkan semangat kesukanan dan perpaduan rakyat Negeri Sembilan dan begitu juga pasukan wusyu dan badminton.

Inisiatif Baru Kedua Puluh, SUKMA 2026, SUKMA akan berlangsung pada 15 hingga 24 Ogos 2026 di Selangor. Pada temasya SUKMA ke-21, daripada jumlah acara yang dipertandingkan, kita hanya terlibat dalam 55 peratus Bagi menyediakan pasukan yang terbaik pada temasya SUKMA tahun hadapan, persediaan jurulatih serta atlet telah dirancang seawal bulan Mei 2025 melalui penyertaan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan atau pun Jemputan Antarabangsa. Kerajaan Negeri mensasarkan penyertaan lebih tinggi dan peningkatan ini juga adalah selari dengan prestasi dan kualiti atlet. Oleh yang demikian, saya mengumumkan sebanyak 5 juta ringgit diperuntukkan bagi persediaan dan penyertaan SUKMA 2026.

Bidang Tumpuan Ketujuh, Pelancongan, Adat dan Budaya. Bidang tumpuan berikut adalah Pelancongan, Adat dan Budaya Tahun 2026 telah diumumkan sebagai Tahun Melawat Negeri Sembilan bersamaan juga dengan Tahun Melawat Malaysia. Negeri Sembilan mengetengahkan produk pelancongan pantai, eko-pelancongan dan warisan Adat Perpatih bagi menjayakan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Selain itu, usaha-usaha mempergiat promosi serta memperkasa produk pelancongan, dengan kerjasama agensi tempatan dan antarabangsa perlu dibuat bagi menarik lebih ramai pelancong -sekaligus memajukan sektor pelancongan Negeri.

Bagi memenuhi hasrat ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 13.05 juta ringgit untuk pelaksanaan tiga (3) inisiatif iaitu pertama satu (1) inisiatif baharu dan dua (2) inisiatif sedia ada.

Inisiatif sedia ada adalah:

1. Perpatih *Fest* 2026, 500 ribu ringgit; dan
2. Geran Aktiviti Adat, 550 ribu ringgit.

Inisiatif Baru Dua Puluh Satu, Pesona@N9. Bagi memperkukuh sektor pelancongan Negeri Sembilan, satu (1) inisiatif baharu iaitu PESONA@N9 diperkenalkan iaitu menjadi pemangkin utama kepada kempen TMNS 2026. PESONA@N9 berperanan sebagai platform sehenti bagi mempromosikan keunikan budaya, warisan, alam semula jadi serta produk pelancongan tempatan dengan mensasarkan peningkatan ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa serta merancakkan aktiviti ekonomi setempat.
Inisiatif ini turut memfokuskan promosi secara digital di peringkat nasional dan antarabangsa, pembangunan sistem cerapan data pelancong melalui kerjasama strategik, serta memperkukuh produk pelancongan melalui pelbagai aktiviti. PESONA@N9 juga mempelbagaikan segmen acara mengikut keunikan setiap daerah. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak 12 juta ringgit untuk Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.

Bidang Tumpuan Kelapan, Kelestarian Alam Sekitar. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin kepentingan kelestarian alam sekitar terutama bagi mengekalkan keindahan alam semulajadi di Negeri tercinta ini. Selain mengekalkan khazanah biodiversiti negeri, ia juga menjadi tarikan pelancong dari segi eko pelancongan negeri. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 1.83 juta ringgit bagi (dua) 2 inisiatif, (satu) 1 inisiatif baharu di bawah Bidang Tumpuan Kelestarian Alam Sekitar.

Inisiatif sedia ada adalah Pemulihan Dan Rawatan Kawasan Terosot di Hutan Simpan Kekal dengan peruntukan sebanyak 300 ribu ringgit.

Inisiatif Baru Kedua puluh dua, adalah Program Kelestarian Alam Sekitar. Inisiatif ini dilaksanakan sebagai usaha proaktif Kerajaan Negeri Sembilan dalam memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar serta membudayakan gaya hidup hijau dan lestari. Pelbagai program akan dijalankan di seluruh daerah dengan tumpuan kepada aktiviti gotong-royong, pengurusan sisa pepejal, kitar semula, penanaman pokok serta kempen kesedaran awam mengenai perubahan iklim dan pemeliharaan biodiversiti.

Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Seremban telah melancarkan Pelan Tindakan Iklim Seremban 2035 yang merupakan *Blueprint* yang pertama seumpamanya diwujudkan di Negeri Sembilan dan di antara PBT yang terawal merangka pelan tindakan khusus bagi mengatasi perubahan iklim serta mengurangkan risiko dan ke arah berdaya tahan. Pelan tindakan ini juga adalah selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai pembangunan mampan, pengurusan sumber yang lebih cekap serta komitmen Malaysia menuju sasaran karbon sifar bersih menjelang 2050.

Secara dasarnya, tujuan inisiatif kelestarian alam sekitar ini adalah untuk memperkukuh penglibatan masyarakat dalam memelihara alam sekitar ke arah Negeri Sembilan yang lebih bersih, hijau dan sejahtera. Untuk itu, 1.53 juta ringgit diperuntukkan untuk pelaksanaan inisiatif ini pada tahun hadapan yang merangkumi:

1. Pembangunan Hutan;
2. Sambutan Hari Cuci Malaysia Sempena *World Cleanup Day*; dan
3. Hari Kelestarian Alam Negeri Sembilan 2026.

Bidang Tumpuan Kesembilan, Kebajikan dan Kesihatan. Pelaksanaan inisiatif di bawah bidang tumpuan ini adalah sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memberi perlindungan kepada golongan rentan untuk mendapatkan kehidupan wajar dengan lebih berkualiti. Sebanyak 2.34 juta ringgit diperuntukkan dengan lima (5) inisiatif iaitu (satu) 1 inisiatif baharu dan (empat) 4 inisiatif sedia ada.

Inisiatif sedia ada adalah:

1. Rumah Minda Ceria, 120 ribu ringgit;
2. Sentuhan Prihatin OKU, 220 ribu ringgit;
3. Bantuan Perolehan Alat Implan Ortopedik kepada pesakit kurang berkemampuan, 500 ribu ringgit; dan
4. Bantuan Rawatan Pembedahan *AV Fistula* bagi rawatan hemodialisis, 500 ribu ringgit.

Inisiatif Yang Kedua Puluh Tiga, KanserCare (Bantuan Pesakit kanser), Inisiatif Pesakit Kanser atau KanserCare diperkenalkan sebagai bukti bahawa kesejahteraan kesihatan rakyat menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri. Bantuan ini sedikit sebanyak berfungsi sebagai sokongan moral kepada pesakit mengingatkan mereka bahawa mereka tidak bersendirian dalam perjuangan melawan penyakit.

Untuk itu, saya mengumumkan pemberian bantuan sebanyak 1,000 ringgit seorang secara *one-off* kepada pesakit kanser yang layak, dengan keseluruhan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Skim Sejahtera Rakyat (SSR), Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan tetap bertekad melunaskan segala janji yang terkandung dalam buku Aspirasi Perpaduan. Selain daripada 69 inisiatif yang telah diperincikan sebentar tadi, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pemberian insentif dan sumbangan tunai sebagai tanda ihsan kepada pelbagai kelompok masyarakat yang memerlukan. Ia dirangkumkan di bawah Skim Sejahtera Rakyat (SSR)

dengan peruntukan sebanyak 29.75 juta ringgit pada tahun 2026. Pemberian pelbagai insentif dan sumbangan tunai di bawah SSR ini dilaksanakan secara kerjasama dengan Yayasan Negeri Sembilan.

Sumbangan Keceriaan diteruskan dengan pemberian sebanyak 200 ringgit seorang kepada warga emas yang berusia 70 tahun ke atas dengan anggaran peruntukan sebanyak 14.8 juta ringgit pada tahun 2026.

Kelahiran bayi disambut dengan penuh kesyukuran kerana merekalah pembimbing masa hadapan. Justeru, bayi yang dilahirkan di Negeri ini layak memohon caruman 100 ringgit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional dengan peruntukan dianggarkan berjumlah 1.6 juta ringgit.

Golongan belia harapan Negara juga sentiasa dibantu di mana setiap mereka yang melangsungkan perkahwinan kali pertama layak menerima saguhati sebanyak 500 ringgit. Justeru, sebanyak 5 juta ringgit disediakan bagi inisiatif ini. Kali kedua jumpa Dato' Jalal.

Tahniah diucapkan kepada anak-anak yang bakal mendapat tempat di Sekolah Berasrama Penuh pada tahun hadapan. Justeru bagi meringankan beban ibu bapa, Kerajaan Negeri terus menyediakan peruntukan sebanyak 300 ringgit kepada setiap pelajar terhad kepada 500 orang penerima dengan peruntukan sebanyak 150 ribu ringgit pada tahun hadapan.

Selain itu, anak-anak remaja yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi juga tidak dilupakan. Kerajaan Negeri meneruskan bantuan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi pada kadar di antara 500 hingga 1,500 ringgit bergantung kepada tawaran yang diterima sama ada peringkat sijil, diploma atau ijazah pertama. Selain itu, bagi meraikan kejayaan anak-anak Negeri Sembilan yang cemerlang dalam pengajian, Anugerah Khas sebanyak 5,000 ringgit disediakan kepada para pelajar yang memperoleh keputusan Ijazah Kelas Pertama dari Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Tidak dilupakan adalah golongan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah 2,000 ringgit sebulan yang akan menerima sumbangan *one-off* sebanyak 200 ringgit seorang menerusi peruntukan berjumlah 1.2 juta ringgit.

Anugerah Khas kepada pelajar IPTA dan bantuan ibu tunggal merupakan antara inisiatif sedia ada sepertimana yang telah saya jelaskan di awal tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

"Negeri Sembilan nama dijulang,
Lain bicara, adat dan suku,
Satu matlamat sentiasa diulang,
Negeri makmur, rakyat Bersatu."

"Bunga melati di tepi tangga,
Harum baunya memikat rerama,
Hidup harmoni tak kira bangsa,
Penuh kasih sayang, aman bersama."

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa semua bentuk inisiatif dan bantuan yang diperkenal dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri merupakan manifestasi jelas tentang gambaran kasih sayang yang mendalam terhadap setiap lapisan masyarakat. Inisiatif-inisiatif ini merupakan jaminan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat terpelihara.

Pengagihan bantuan yang saksama dan inklusif dapat memupuk perpaduan dan keharmonian kaum. Ia juga boleh memperkukuh nilai-nilai kekitaan dan saling hormat-menghormati, seterusnya memastikan rakyat dapat terus hidup sebagai sebuah keluarga besar di bawah naungan Kerajaan Negeri.

Secara tuntasnya, kejayaan pelaksanaan inisiatif Kerajaan Negeri, adalah hasil kerjasama strategik semua agensi di peringkat Negeri, Persekutuan dan swasta serta masyarakat. Jaringan sinergi ini membolehkan Kerajaan Negeri menyampaikan perkhidmatan yang berfokuskan rakyat, menambah baik kecekapan pentadbiran awam, dan mengukuhkan perpaduan dalam Negeri sejajar dengan visi pembangunan yang mampan dan harmoni.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-pertua,

Anggaran Belanja Pembangunan 2026. Anggaran Belanja Pembangunan 2026 adalah berjumlah 150 juta ringgit. Sumber kewangan bagi perbelanjaan pembangunan ini adalah secara langsung daripada Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, peruntukan ini akan diagihkan kepada enam (6) sektor bagi menggalakkan pembangunan sosioekonomi di Negeri Sembilan seperti berikut:

1. Sosial : 73.85 juta ringgit;
2. Pentadbiran : 26.98 juta ringgit;
3. Infrastruktur : 22.39 juta ringgit;
4. Pertanian : 12.19 juta ringgit;
5. Kerohanian : 9.88 juta ringgit; dan
6. Pelancongan : 4.7 juta ringgit

Melangkah ke Fasa Pertama Rancangan Malaysia Ke-13 (2026 hingga 2030), Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan pelaksanaan sejumlah 194 projek bagi tahun 2026, merangkumi 160 projek baharu dan 34 projek sambungan.

Pelaksanaan projek-projek ini dirancang dengan matlamat utama merangsang pembangunan sosioekonomi, meningkatkan kualiti hidup rakyat, serta memperkukuh kesejahteraan masyarakat di seluruh Negeri. Bagi memastikan pelaksanaan yang teratur dan berkesan, peruntukan pembangunan akan diagihkan kepada 16 Vot Pembangunan Jabatan Negeri, berdasarkan keperluan semasa serta keutamaan sektor yang telah dikenal pasti.

Sektor Sosial sebagaimana lazimnya, Sektor Sosial kekal menjadi sektor utama dalam agihan peruntukan pembangunan, dengan jumlah 73.85 juta ringgit. Peruntukan ini akan dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat serta membangunkan kemudahan awam di seluruh Negeri. Daripada jumlah tersebut, 56 juta ringgit diperuntukkan bagi program perkhidmatan masyarakat yang akan memberi manfaat secara langsung kepada golongan yang memerlukan, terutamanya dalam aspek kebajikan, pendidikan, kesihatan dan kemudahan komuniti.

Sebanyak 5.35 juta ringgit diperuntukkan untuk pembinaan dan pengubahsuaian kompleks sukan di beberapa lokasi strategik seluruh Negeri. Ia sebagai usaha memperluas akses kepada kemudahan riadah dan sukan rakyat. Selain itu, sebanyak 500 ribu ringgit disediakan bagi kerja-kerja pembaikan dewan dan balai raya sebagai pusat aktiviti komuniti setempat. Sementara itu, 2 juta ringgit terus diperuntukkan bagi program pencahayaan jalan-jalan Negeri, bertujuan meningkatkan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya, khususnya di kawasan perumahan dan laluan pedalaman.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap keperluan rakyat untuk memiliki kediaman yang lebih selesa. Justeru, 3 juta ringgit disediakan untuk kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur Rumah Awam Kerajaan Negeri, termasuk sistem pembentungan, keselamatan bangunan dan penyelenggaraan elektrik.

Bagi memastikan keperluan pembangunan kecil komuniti di kawasan Dewan Undangan Negeri terus diberi perhatian, 7 juta ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan bagi pelaksanaan Kerja-kerja Kecil DUN demi kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.

Dalam menghadapi dinamik ekonomi semasa, khususnya berkaitan automasi, digitalisasi dan perkembangan Revolusi Industri 4.0, Kerajaan

Negeri sentiasa berusaha untuk bersedia dan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi serta budaya kerja baharu. Selaras dengan itu, sebanyak 10.43 juta ringgit telah diperuntukkan bagi pembangunan dan penambahbaikan sistem komputer Negeri. Ia adalah berkaitan pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Kerajaan Negeri. Peruntukan ini merangkumi pembangunan infrastruktur ICT serta pewujudan jaringan internet yang lebih luas dan berkeupayaan tinggi, bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan kekal cekap dan berkesan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (N9PAY) telah dibangunkan sepenuhnya dan kini beroperasi dengan lancar. Melalui N9PAY, rakyat boleh membuat pembayaran menggunakan FPX, DuitNow Online Banking (DOBW), kad kredit, kad debit, QR Pay serta aplikasi mudah alih. Sehingga 5 Disember 2025, sebanyak 31,142 transaksi telah direkodkan, dengan nilai transaksi berjumlah 2.54 juta ringgit, melibatkan 14,557 pengguna berdaftar. Saya menggesa lebih banyak perkhidmatan dalam talian dapat diintegrasikan dengan N9PAY pada masa hadapan, bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak 15.69 juta ringgit bagi pembinaan, pengubahsuaian dan menaik taraf kompleks pentadbiran serta kuarters kediaman anggota perkhidmatan awam di seluruh Negeri. Langkah ini adalah penting untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif sekali gus menyokong mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Bagi berdepan kemungkinan bencana dan keperluan kecemasan, Kerajaan Negeri turut menyediakan Peruntukan Luar Jangka berjumlah 250 ribu ringgit bagi tahun 2026.

Infrastruktur dan kemudahan awam merupakan asas utama kepada kejayaan setiap program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan. Sehubungan itu, bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 22.39 juta ringgit bagi sektor pembangunan infrastruktur, meliputi pelbagai inisiatif untuk memperkukuh kemudahan asas di seluruh Negeri. Daripada jumlah tersebut, 12.95 juta akan digunakan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, membina jajaran jalan baharu di kawasan luar bandar, serta menggantikan jambatan yang terjejas, terutamanya di kawasan yang menjadi pemacu pembangunan ekonomi Negeri.

Melalui Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS), Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah 528.31 juta ringgit pada tahun 2025 kepada Pejabat Daerah dan Tanah, PBT, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Kerja Raya melibatkan 2,207 bilangan projek. Dan

Kerja undi telah dilaksanakan yang melibatkan semua daerah di mana sebanyak 899 kontraktor G1 menerima manfaat daripada peruntukan ini.

Kerajaan Negeri turut memberi perhatian serius terhadap isu banjir kilat yang semakin kerap berlaku akibat perubahan pola cuaca. Bagi mengurangkan risiko dan kesan kepada rakyat, sebanyak 6.89 juta ringgit diperuntukkan untuk pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir, Pengurusan dan Penyelenggaraan Sungai, serta Pengurusan Sistem Saliran di kawasan zon pantai yang telah dikenal pasti.

Seterusnya, bagi merangsang pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), sebanyak 1.7 juta ringgit diperuntukkan bagi menaik taraf dan menyelenggara kawasan perusahaan, dengan tumpuan kepada pembangunan kawasan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, serta menyokong pelaksanaan program Pemangkin Zon Perindustrian Strategik MVV 2.0. Di samping itu, sebanyak 850 ribu ringgit turut disediakan untuk projek-projek kecil infrastruktur sosial, menaik taraf prasarana awam dan penyediaan dataran usahawan yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan komuniti setempat.

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sebanyak 18.69 juta ringgit di bawah Akaun Amanah MARRIS yang melibatkan kawasan industri. Projek yang telah dilaksanakan termasuk penggantian lampu-lampu jalan, penyelenggaraan longkang, penurapan semula jalan serta selenggara pokok dan tebing jalan. Usaha ini bertujuan tidak lain untuk menggalakkan pembangunan industri IKS dengan menyediakan kemudahan prasarana yang terbaik kepada pengusaha tempatan.

Sektor pembangunan pertanian, kekal menjadi salah satu fokus utama dalam Belanjawan tahun hadapan, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai pengeluar makanan utama dan pusat industri hiliran. Usaha ini amat penting bagi mengurangkan defisit imbangan perdagangan makanan Negara, serta memastikan kestabilan dan keselamatan bekalan makanan untuk rakyat.

Sehubungan itu, saya mengumumkan sebanyak 12.19 juta ringgit diperuntukkan kepada Sektor Pertanian dan Penternakan pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut, 7.25 juta ringgit akan disalurkan kepada Program Jaminan Bekalan Makanan, meliputi peningkatan hasil pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan, penyediaan input pertanian, peningkatan mekanisasi dan automasi, serta pengembangan teknologi pertanian berasaskan *Internet of Things*.

Sebanyak 4.94 juta ringgit pula diperuntukkan untuk pembangunan sektor penternakan, dengan tumpuan khusus kepada komoditi ruminan besar dan kecil, peningkatan perkhidmatan kesihatan veterinar, serta pelaksanaan projek-projek yang menyokong pertumbuhan industri penternakan secara mampan.

Sektor Kerohanian telah diperuntukan, pada tahun 2026, sebanyak 9.88 juta ringgit untuk menampung komitmen dua (2) projek sambungan, iaitu pembinaan Masjid Bandar Tasik Senangin melibatkan peruntukan sebanyak 1.3 juta ringgit, serta pembinaan Pejabat Agama Islam Daerah Port Dickson sebanyak 1.5 juta ringgit. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur bagi Institusi Pendidikan Islam di Negeri ini, termasuk:

1. Sekolah Tinggi Agama Malaysia (STAM) Maahad Ahmadi, Gemencheh;

2. Pembinaan bangunan kelas tambahan di Sekolah Menengah Agama Sains, Kuala Pilah dan

3. Kerja-kerja pembangunan di Sekolah Menengah Agama Chuah, Port Dickson.

Bagi tujuan ini, sebanyak 2.7 juta ringgit diperuntukkan pada tahun hadapan.

Sektor pembangunan pelancongan, kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Negeri. Sehubungan itu, bagi tahun hadapan, sebanyak 4.7 juta ringgit telah diperuntukkan bagi merancakkan usaha promosi dan pengukuhan ekosistem pelancongan Negeri. Daripada jumlah tersebut, 2.5 juta ringgit diperuntukkan untuk penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan pelancongan, kerja-kerja restorasi serta naik taraf bangunan dan produk pelancongan, serta kajian pembangunan industri pelancongan di Negeri Sembilan.

Sementara itu, sebanyak 2.2 juta ringgit turut disediakan untuk penyelenggaraan dan pembangunan sumber hutan, termasuk penguatkuasaan di premis dan destinasi eko pelancongan, bagi memastikan kawasan pelancongan berasaskan alam sekitar dapat terus dipelihara dan dimanfaatkan secara mampan. Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing, beridentiti unik, berteraskan warisan budaya dan keindahan alam semula jadi, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi rakyat dan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada produktiviti penjawat awam selaras dengan usaha memperkukuh kecekapan perkhidmatan. Sejak Pekeliling Pinjaman Komputer dan Kenderaan dilaksanakan pada tahun 2020 hingga November 2025, kita telah menyaksikan sambutan yang amat memberangsangkan, di mana 908 permohonan pinjaman telah diluluskan. Komitmen ini diterjemahkan melalui penyaluran peruntukan sebanyak 20.23 juta ringgit. Iaitu sebagai bukti jelas keseriusan Kerajaan Negeri dalam menyediakan kemudahan asas bagi memastikan penjawat awam Negeri dapat melaksanakan tugas dengan lebih efektif dalam menggerakkan pengurusan pentadbiran dan pembangunan Negeri.

Justeru, atas dasar keprihatinan yang mendalam dan memastikan penyampaian perkhidmatan Pentadbiran Kerajaan Negeri yang berkualiti, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa inisiatif Pinjaman Komputer dan Kenderaan diteruskan pada tahun 2026, kekal dengan penawaran istimewa yang tiada tandingan, iaitu kadar faedah 0 peratus. Ini adalah manifestasi Kerajaan Negeri, di mana kita sentiasa berada di belakang setiap penjawat awam Negeri, menyokong dengan penuh penyediaan keperluan terbaik, dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan.

Kepada semua penjawat awam di Negeri Sembilan, saya menggesa supaya melengkapkan ilmu dalam bidang masing-masing, dan sentiasa berusaha meningkatkan tahap integriti, tatakelola dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Para penjawat awam semua berperanan sebagai duta, bertindak sebagai mata dan telinga, dalam menyampaikan dasar pembangunan Kerajaan Negeri kepada rakyat. Penjawat awam di daerah pula berperanan penting dalam membantu Kerajaan Negeri membangunkan daerah melalui projek-projek infrastruktur, pembangunan kawasan komersial, kediaman, infrastruktur sosial, agar dapat memberi impak besar dan bermakna kepada masyarakat setempat.

Di samping itu, para penjawat awam juga perlu lebih peka dan cakna terhadap isu semasa dan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dan berintegriti, serta responsif dalam menangani aduan rakyat. Setiap isu yang dibangkitkan perlu diberi maklum balas segera, dan diselesaikan dengan penuh amanah, bertanggungjawab, tanpa birokrasi. Amalan tatakelola yang baik ini akan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat serta pelabur terhadap Kerajaan dan institusi awam. Saya menyeru kepada semua, jadikanlah *tagline* "Bersih, Muafakat dan Sejahtera" sebagai pedoman dan panduan semasa menjalankan tugas.

Sukacita saya mengimbau pencapaian Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2024 dan 2025:

1. *The International Business Review, ASEAN Awards* telah mengiktiraf Negeri Sembilan sebagai Negeri Paling Progresif di Malaysia Tahun 2024;

2. Sempena Sambutan Hari Pekerja, Kerajaan Negeri Sembilan telah menerima Anugerah Majikan Prihatin peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan oleh CEUPACS;

3. Negeri Sembilan merupakan Negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan Program Penggerak MADANI di peringkat Negeri; dan

4. Pada bulan Ogos 2025, Kerajaan Negeri dianugerahkan Sijil Penghargaan Projek Siap Reformasi Kerenah Birokrasi daripada Ketua Setiausaha Negara di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

Alhamdulillah, saya bersyukur dan amat berterima kasih serta berpuas hati dengan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh penjawat awam di Negeri ini. Pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional, membuktikan tadbir urus dan tatakelola perkhidmatan awam di Negeri ini berada pada tanda aras yang tinggi dan sering dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain.

Komitmen, usaha keras dan kegigihan serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua penjawat awam Negeri dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab telah dibuktikan dengan kejayaan kita yang berjaya mengubah belanjawan defisit kepada surplus selama empat (4) tahun berturut-turut sejak tahun 2022 hingga tahun 2025. Pada tahun 2024, kita telah mencapai surplus sebanyak 83.07 juta dengan jayanya mengutip hasil sebanyak 636.17 juta ringgit. Manakala pada tahun ini, pencapaian kutipan hasil setakat hari ini jam 12.00 tengah hari tadi telah mengatasi kutipan hasil keseluruhan bagi tahun 2024 iaitu 655.8 juta ringgit iaitu 111 peratus. Kedudukan rizab Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri juga berada pada satu kedudukan yang kukuh iaitu 897 juta ringgit sehingga 5 Disember 2025. Alhamdulilah. Ini merupakan pencapaian tertinggi dalam sejarah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Kita menjangkakan surplus akan lebih meningkat menjelang 31 Disember 2025 nanti.

Alhamdulillah. Syabas dan Tahniah kepada semua!

Sekali lagi ucapan penghargaan dan terima kasih saya rakamkan khususnya kepada semua Pejabat Pemungut Hasil dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri yang telah melaksanakan tugas dengan penuh integriti, dedikasi dan cemerlang.

Firman Allah dalam Surah At-Taubah, ayat 59 yang bermaksud:

"Seandainya mereka benar-benar redha dengan apa yang diberikan kepada mereka oleh Allah dan Rasul-Nya, dan berkata, "Cukuplah Allah bagi kamu, Allah akan memberikan kepada kami sebahagian dari kurnia-Nya, dan (demikian pula) Rasul-Nya. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang selalu hanya berharap kepada Allah."

Kita kena berharap kepada Allah *SWT.*

Firman Allah dalam Surah Al-Saba', ayat 39 yang bermaksud:

"Katakanlah (ianya kepada Nabi Muhammad), Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya. Suatu apa pun yang kamu infakkan pasti Dia akan menggantikannya. Dialah sebaik-baik Pemberi Rezeki."

Menyedari pengorbanan, kesetiaan dan sumbangan penjawat awam dalam memastikan tadbir urus yang cekap dan penyampaian perkhidmatan awam berjalan lancar, sukacita saya umumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) berdasarkan prestasi, terhad maksimum tiga (3) bulan gaji dan minimum dua (2) bulan gaji kepada semua penjawat awam yang berada di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Penghargaan ini juga dipanjangkan kepada semua penjawat awam Negeri, Badan Bukan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dibayar pada bulan Januari dan sebelum Hari Raya Aidilfitri pada bulan Mac. Manakala BKK berdasarkan prestasi hanya akan dibayar pada bulan Jun 2026 kepada mereka yang benar-benar berprestasi tinggi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan "bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 ini sekarang dibacakan bagi kali kedua."

Sekian, terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat sebentar tadi. Saya minta maaf saya batuk, untuk makluman ADUN Sikamat, ni maknanya kerja kuat ni. Jadi macam prestasi tadi 3 bulan layak untuk saya la, tu saya dh *booking* awal 3 bulan ni.

Dato' Yang Dipertua,

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT. salam sejahtera, salam Negeri Sembilan bersih, muafakat dan sejahtera. Pertamanya sebelum saya

meneruskan ucapan sokongan saya kepada pembentangan ADUN Sikamat, saya ingin menyampaikan salam takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berhormat Dato' Sri Panglima Bung Mokhtar Radin di atas kembalinya kerahmatullah pada pagi tadi semoga rohnya ditempatkan di kalangan solihin dan tabiin, *Insya-Allah.*. Bagi pihak UMNO dan Barisan Nasional khususnya di Negeri Sembilan ingin menyampaikan salam takziah kepada keluarga allahyarham.

Alhamdulillah kita telah selesai mendengar pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas terutamanya kepada semua pegawai dan ketua jabatan khususnya Pejabat Kewangan Negeri Sembilan yang telah berusaha keras bersengkang mata bersama-sama dalam menyiapkan Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan. Secara keseluruhan saya lihat belanjawan ini menggariskan keutamaan yang jelas untuk pembangunan ekonomi infrastruktur kesejahteraan rakyat dan transformasi urus tadbir Kerajaan Negeri. Belanjawan 2026 yang berjumlah hampir 640 juta ini yang dibentangkan pada hari ini adalah merupakan belanjawan ketiga Kerajaan Perpaduan hasil daripada gabungan antara Pakatan Harapan Dan Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Belanjawan ini juga hadir pada waktu yang mencabar keadaan ekonomi dan juga penuh peluang landskap ekonomi global yang berubah pantas menuntut negeri kita terus bergerak ke hadapan dengan strategi yang berani, realistik dan berdaya tahan.

Saya menyambut baik pendekatan belanjawan ini yang memberikan fokus seimbang antara rangsangan pertumbuhan dan perlindungan kesejahteraan rakyat. Dokumen belanjawan ini jelas memperlihatkan analisis yang menyeluruh, perancangan strategik yang teliti dan komitmen untuk memperkukuhkan pembangunan negeri secara mampan dan berimpak tinggi. Kita juga boleh lihat belanjawan yang dibentangkan pada hari ini telah mengambil kira kepentingan dan keperluan rakyat tanpa mengira latar belakang ekonomi, kaum, mahupun agama. Walaupun unjuran ekonomi menunjukkan prospek yg positif, saya berpandangan bahawa kita perlu memberikan fokus kepada keberhasilan sebenar pelaksanaan projek dan juga program. Kita tak boleh nafikan terdapat beberapa projek dan inisiatif yang telah dirancang masih perlukan pembaikan secara maksima dan masih lagi boleh kita jadikan sebagai satu kenyataan.

Dalam aspek infrastruktur, selain daripada pembinaan baru, penyelenggaraan aset, serta kemudahan sedia ada, perlu diberikan keutamaan secara lebih konsisten. Banyak isu yang timbul bukan kerana ketiadaan projek baru, tetapi kerana sistem penyelenggaraan yang tidak disepadukan dan juga kemungkinan kurang pemantauan. Kerana itu jabatan Kerajaan pada pandangan saya perlu melihat bagaimana pemantauan aset

dan infrastuktur sedia ada ini perlu diberikan perhatian yang lebih termasuk kaedah pengurusan aset berasaskan data serta penggunaan teknologi pemantauan yang boleh meningkatkan keberkesanan operasi.

Berkaitan kesejahteraan rakyat, program bantuan sosial dan pembangunan insan harus disasarkan dengan lebih tepat dan kita harapkan ianya, kerjasama yang bersepadu dapat diselaraskan antara agensi agar tidak berlaku pertindihan program dalam ketirisan di dalam penyaluran bantuan. Penambahbaikan penyampaian perkhidmatan sosial harus menjadi komponen penting di dalam pelaksanaan belanjawan ini.

Dato Yang Dipertua, kerana itu penyelarasan antara agensi pelaksana bersama dengan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak ataupun EXCO yang berkaitan, pematuhan garis masa penerima manfaat dan pengurusan risiko perlu diperkukuhkan secara lebih sistematik. Kecekapan pelaksanaan adalah faktor penentu kepada manfaat yang diterima rakyat. Bukan semata-mata jumpah peruntukan yang meningkat dari tahun ke tahun. Belanjawan ini memerlukan kerjasama semua pihak dalam Kerajaan, agensi sektor swasta, pimpinan akar umbi dan seluruh masyarakat dan rakyat. Dengan iltizam bersama saya yakin segala perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberi manfaat langsung kepada rakyat. Kejayaan sesuatu belanjawan tidak hanya bergantung kepada angka semata-mata, tetapi pada pelaksanaan yang teratur dan keupayaan kita mengurus projek serta program secara lebih berdisiplin. Matlamat utama Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan Adalah bagi memastikan ekonomi negeri berkembang dengan baik, poket rakyat sentiasa berisi dan kebajikan serta kesejahteraan rakyat akan sentiasa terbela.

Dalam kaedah ataupun peluang ini, saya harapkan supaya perbahasan belanjawan kali ini adalah merupakan ruang paling penting untuk semua Ahli Dewan Undangan Negeri bagi menilai keberkesanan dasar, meneliti keperluan rakyat secara objektif dan juga mempersoalkan pelaksanaan secara lebih professional. Saya berharap agar perbahasan kita berjalan atas dasar fakta, analisis yang berimbang dan cadangan yang memberikan pembinaan. Belanjawan bukan hanya satu dokumen rasmi Kerajaan ia adalah amanah bersama menuntut penelitian seluruh dewan tanpa mengira sudut pandang politik. Sekiranya kita membahaskannya penuh tanggungjawab, dan profesional, maka rakyat akan mendapat manfaat paling besar di dalam proses ini. Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas khusus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ADUN Sikamat di atas pembentangan belanjawan yang komprehensif dan berpaksikan masa depan yang lebih baik. Semoga Belanjawan Negeri Sembilan 2026 menjadi pemangkin kepada kemajuan negeri yang lebih makmur, sejahtera dan berdaya saing.

Dato' Yang Dipertua, saya daripada Jelebu datang ke Seremban, makan durian di Kampung Sikamat, Barisan Nasional datang penuh harapan, kuatkan muafakat, Negeri Sembilan *insya-Allah.* selamat. Seterusnya sekali lagi saya menyokong Rang-Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 dan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang amat Berhormat ADUN Sikamat. Terima kasih.

8. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Pertang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 telah dicadang dan disokong untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Kita juga telah bersetuju untuk membahaskan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026 bersekali dengan Rang Undang-Undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan mesyuarat Dewan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian juga, teks pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2026 boleh diperolehi dari portal rasmi Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan. Sesi perbahasan Rang Undang-Undang dan Usul ini akan dibuka pada hari Isnin; 8 Disember 2025 bersamaan 17 Jamadil Akhir 1447 Hijrah. Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.09 petang.]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 8 DISEMBER 2025 (ISNIN)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
14.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
15.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
16.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut

BIL.	NAMA	KAWASAN
19.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
20.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
21.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
22.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
23.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
24.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
25.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
26.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
27.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
28.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
29.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
30.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
31.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
32.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
33.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
34.	YB Tuan Haji Kamarol RIdzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
36.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.11 pagi]

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

1. BACAAN DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua Dewan. Susunan Mesyuarat Perkara Pertama, Bacaan Doa.

[Setiausaha Dewan telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT. *Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahhirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula.*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan Pencipta Alam Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW Ahli keluarga dan para sahabat baginda. Yang Amat berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, dan Puan-Puan, Hadirin yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga (Belanjawan), Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15.

Hari ini 8 Disember 2025 merupakan hari kedua persidangan. Di sini, saya ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Rantau tidak dapat hadir pada hari ini 8 Disember 2025 kerana perlu menghadiri mesyuarat isu pertikaian sempadan di Cambodia, persempadanan Cambodia-Thailand. Saya juga ingin memaklumkan bawah pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Negeri Sembilan akan membuka kaunter aduan di Aras G, Bangunan Dewan Undangan Negeri selama dua hari pada 8-9 Disember ini, bagi membolehkan

Yang Berhormat ADUN menyalurkan isu-isu capaian serta rangkaian kemudahan jalur lebar di kawasan DUN masing-masing. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian untuk membangkit isu-isu capaian kemudahan jalur lebar di kawasan DUN masing-masing Ahli Yang Berhormat sekalian. Sebagaimana maklum, sesi perbahasan akan dimulakan pada hari ini. Saya amat berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dan seterusnya memberi pendapat-pendapat yang dapat meningkatkan mutu penyampaian kerajaan kepada rakyat Negeri Sembilan khususnya.

Hadirin sekalian, sebagaimana biasa saya ingin menyeru kepada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai Ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian terima kasih. Selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, pertanyaan-pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan yang Berkehendakkan Jawapan Lisan Hari Kedua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput sesiapa bagi mengemukakan soalan bagi Rantau.

YB ADUN Kota: Mohon izin Dato' Yang Dipertua, mewakili Rantau bertanyakan soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Rantau dan terima kasih ADUN Kota yang mewakili Yang Berhormat ADUN Rantau. Soalan daripada ADUN Rantau Apakah perancangan dan strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap rakyat Negeri Sembilan dapat mengimbangi kos sara hidup harian mereka dan senaraikan mengikut kluster tertentu termasuk makanan asas, pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan utiliti awam.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri mengambil cakna akan suara keluh resah rakyat berkaitan kos sara hidup di samping perancangan dan strategi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negari dan Kos Sara Hidup untuk mengimbangi harga barangan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat akibat kos barangan perkhidmatan yang tinggi.

Kerajaan Negeri melalui belanjawan 2025 yang dibentangkan pada 20 November 2024 juga turut memberikan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang diyakini dapat menyeimbangkan antara keperluan sara hidup dan pengukuhan ekonomi supaya terus berdaya tahan dan *resilience.*

Dalam belanjawan saya telah menyatakan bahawa kos kenaikan harga barangan kita adalah terkawal. Antara bantuan dan inisiatif yang telah diumumkan oleh kerajaan negeri dalam belanjawan 2025, bagi membantu mengatasi kenaikan kos sara hidup kluster tertentu, termasuk makanan asas pendapatan, pendidikan, Kesihatan, perumahan dan utiliti awam adalah seperti berikut; Pertamanya, kluster makanan asas bermula 2022 kerajaan negeri mengumumkan peruntukan sebanyak 5 juta bagi menjayakan inisiatif jualan nismilan prihatin, iaitu jualan barang-barang keperluan asas seperti ayam, telur, minyak masak, sayur-sayuran dan daging pada harga murah sehingga 30% lebih rendah dari harga pasaran. Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di seluruh kawasan DUN setiap minggu. Untuk itu sebanyak 2 juta telah diperuntukkan pada tahun 2025 bagi meneruskan jualan nismilan prihatin. Bagi kluster pendapatan, Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) merupakan bantuan pembiayaan secara geran berjumlah RM3,000 yang disasarkan kepada penjaja dan peniaga kecil di Negeri Sembilan. Objektif utama penubuhan TUNS adalah supaya lebih ramai golongan usahawan pada skala ini dapat diwujudkan melalui inisiatif ini. Di samping itu juga diharapkan agar bantuan dapat meningkatkan perniagaan sedia ada para usahawan agar dapat melonjak ke satu tahap yang lebih baik daripada sebelumnya. TUNS juga secara tidak langsung dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan disamping membantu merangsang pertumbuhan ekonomi. Dari tahun 2019 hingga 2024 Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan sebanyak 19 juta bagi inisiatif yang telah dimanfaatkan oleh seramai 6,459 penjaja dan peniaga kecil di Negeri Sembilan. Melalui Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang bertemakan **"Bersama Membina Negeri Madani"** Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan inisiatif TUNS untuk tahun ke-7 pada tahun ini dengan peruntukan RM3 juta.

Program pemerkasaan usahawan Negeri Sembilan *NS Choice* NS adalah merupakan program pemerkasaan usahawan ke arah peningkatan kualiti produk, penjenamaan, pensijilan, dan pembungkusan. Sebanyak 30 syarikat Perusahaan mikro, dan mikro kecil dan sederhana PMKS, merangkumi pelbagai produk usahawan telah dipilih sebagai peserta peringkat fasa pertama *NS Choice*. Antara produk perniagaan makanan dan yang siap dibungkus, pakaian, minyak wangi dan juga produk Kesihatan. Usahawan-usahawan yang telah mendapat bimbingan dan peningkatan produk ini akan diketengahkan sebagai produk ikonik di bawah nama *NS Choice. NS Choice* merupakan label dan simbol yang mengiktiraf produk berkualiti dari Negeri Sembilan. Program pemerkasaan usahawan Negeri Sembilan *NS Choice* ini

dikekalkan pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM500,000. Inisiatif *"Halal Cottage"* diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi mendaya upaya *"empower"* usahawan-usahawan mikro dalam mematuhi prinsip halalan toyyiban yang melepasi piawaian pensijilan halal yang ditetapkan oleh kerajaan seperti kebersihan premis, kualiti alatan dan perkakasan yang digunakan. Usaha ini telah berupaya mengembangkan pasaran perniagaan masing-masing dengan lebih luas lagi. Jumlah usahawan yang telah menerima inisiatif ini adalah seperti berikut; pada tahun 2022 sebanyak 102 penerima, 2023, 101 penerima, dan 2024, 103 penerima.

Yang keempat adalah sumbangan keceriaan sebanyak RM200 ringgit kepada warga emas berusia 70 tahun. Warga emas telah dibantu melalui sumbangan keceriaan sebanyak RM200 ringgit seorang, kepada warga emas yang berusia 70 tahun ke atas dengan anggaran peruntukan RM14.8 juta. Sumbangan "one-off" sebanyak RM200 seorang bagi golongan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah RM2,000 ringgit sebulan. Golongan ibu tunggal berpendapatan RM2,000 sebulan menerima sumbangan *"one-off"* sebanyak RM200 ringgit seorang menerusi peruntukan berjumlah RM1.2 juta. Bagi kluster Pendidikan, pertamanya Inisiatif bantuan anak. Bas… N9Bas. Inisiatif bantuan N9Bas adalah bantuan tunai sebanyak RM50 ringgit sebulan kepada anak-anak Kumpulan B40 yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2019. Untuk itu, hanya diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak, ianya diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan RM1 juta ringgit, yang bakal memberi manfaat kepada 1,800 orang murid.

Kedua, Inisiatif Bantuan Anak Negeri, Bantuan Sekolah Tahfiz, SJKT, SJKT dan Swasta. Bagi menyuburkan program pembudayaan ilmu, dua inisiatif diteruskan pada tahun 2025, iaitu Inisiatif Bantuan Anak Negeri (N9BAN) dengan peruntukan RM800,000 ringgit dan Bantuan sekolah Tahfis, SJK(C), SJK(T) dan sekolah Swasta dengan peruntukan sebanyak RM2 juta ringgit. Bantuan peranti mudah alih, yang ketiga bantuan peranti mudah alih bagi pelajar tingkatan enam dan ke atas, sebanyak RM3.35 juta diperuntukkan bagi bantuan peranti mudah alih bagi sekolah tingkatan 6 ke atas jumlah penerima bantuan peranti mudah alih sehingga 2024 adalah seperti berikut; IPTA, komputer riba sebanyak 510 unit. Tingkatan 6, tablet, 500 unit, dan insyaAllah tahun depan kita tukar, untuk tingkatan 6, kita juga bagi komputer riba. Di samping itu juga kita sediakan *"SIM Card"* kepada semua pelajar tingkatan 6 di seluruh Negeri Sembilan.

Keempat, Skim Dermasiswa Sara Hidup untuk IPTA, sebanyak RM3.6 juta diperuntukkan bagi Skim Dermasiswa Sara Hidup untuk pelajar IPTA. Kelima, inisiatif khas galakan kecemerlangan SPM, STPM dan STAM, sebanyak RM100,000 ringgit diperuntukkan untuk inisiatif khas SPM, STPM dan STAM. Keenam, pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada pelajar Sarjana dan PhD di IPTA, dan sebanyak RM1 juta disediakan bagi pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada pelajar peringkat Sarjana dan PhD di IPTA. Ketujuh, inisiatif bantuan pelajar TVET-KYNS, sebanyak RM5.25 juta diperuntukkan bagi inisiatif bantuan TVET-KYNS.

Kelapan, Asrama Sekolah Menengah Agama Chuah. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan kekangan yang dihadapi oleh pengurusan Sekolah Menengah Agama Chuah, Port Dickson yang tidak mampu menampung kemasukan pelajar baharu yang sentiasa meningkat saban tahun berbanding kapasiti yang hanya boleh menampung seramai 50 orang pelajar sahaja. Justeru Kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan RM7 juta bagi pembinaan dua blok Asrama, satu bilik dewan makan dan satu blok kantin di Sekolah Menengah Agama Chuah. Dengan tempoh pelaksanaan dua tahun. Sehubungan itu, sebanyak RM100,000 diperuntukkan pada 2025 bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan. Inisiatif ini juga bertujuan membantu institusi keluarga bagi mengurangkan kos sara hidup melibatkan 24 pelajar yang terpaksa berulang alik ke sekolah setiap hari dari rumah yang jauh jaraknya.

Kluster kesihatan bantuan perolehan implan ortopedik. Peruntukan sebanyak RM500,000 ringgit telah disediakan bagi tahun 2025. Dan yang kedua, bantuan rawatan pembedahan AB Fistula bagi rawatan hemodialisis, peruntukan RM500,000 ringgit juga telah disediakan bagi tahun 2025.

Bagi kluster perumahan dan utiliti awam, penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah swasta di seluruh Negeri Sembilan, Kerajaan negeri memberi fokus bagi usaha memastikan setiap rumah pangsa didiami dalam keadaan yang baik dan selamat untuk dihuni. Kerajaan negeri amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh Jabatan Pengurusan Bersama (JMB), di rumah pangsa swasta terutamanya isu penyelenggaraan, kebersihan, keselamatan, dan infrastruktur yang tidak mencukupi. Oleh itu, tumpuan diberikan dalam menyantuni keperluan ini dengan menyediakan peruntukan yang diperlukan bagi memperbaiki kemudahan dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Inisiatif ini diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM2 juta ringgit. Program Rumah Harapan bagi memenuhi dan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat untuk memiliki kediaman, Kerajaan telah memperkenalkan Program Rumah Harapan Rakyat pada tahun 2021. Skim ini menyediakan kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi rumah bernilai

RM75,000 ringgit kepada golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina 31 rumah banglo setingkat di atas tanah milik sendiri. Sejak tahun 2021 hingga 2023, sebanyak 167 buah rumah telah siap dibina dan diserahkan kepada peserta, manakala 41 telah diluluskan bagi tahun 2024. Inisiatif Rumah Harapan Rakyat diteruskan bagi tahun 2025 dengan peruntukan RM5 juta ringgit.

Ketiga, kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara kawasan perusahaan di Seremban, Port Dickson, Jelebu, dan Tampin bagi menggalakkan lagi pembangunan industri perusahaan kecil dan sederhana (IKS), sebanyak RM1 juta ringgit diperuntukkan bagi kerja menaiktaraf dan menyelenggara kawasan perusahaan di Seremban, Port Dickson, Jelebu, dan Tampin. Keempat, kerja-kerja menaiktaraf kemudahan sukan, prasarana awam, dataran usahawan yang memberikan impak langsung kepada komuniti. Kerajaan telah memperuntukkan RM510,000 untuk projek-projek kecil melibatkan kerja menaiktaraf kemudahan sukan, prasarana awam dan dataran usahawan yang memberikan impak langsung kepada komuniti.

Bantuan dan inisiatif yang telah disediakan oleh kerajaan negeri di bawah belanjawan 2025 ini adalah merupakan antara usaha dan komitmen berterusan Kerajaan negeri dalam meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan agar dapat menikmati kehidupan yang lebih baik serta berkualiti dan seterusnya menjadikan golongan tersebut golongan yang lebih berdaya maju dan produktif. Dalam masa sama, kerajaan negeri melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Negeri Sembilan (KPDNNS) melaksanakan pelbagai program bagi mengatasi beban kos sara hidup rakyat. Di bawah kluster makanan asas, KPDN melaksanakan program Jualan Rahmah Madani yang menawarkan barangan keperluan asas dengan diskaun 10% hingga 30% lebih rendah daripada harga pasaran.

Inisiatif ini melibatkan beberapa mekanisme pelaksanaan seperti PJRM bergerak, PJRM premium, PJRM@premis, PJRM@pasar, PJRM@kampus, dan PJRM@kampung orang asli. Kaedah pelaksanaannya berjaya meluaskan capaian inisiatif ke segenap lapisan masyarakat meliputi rakyat di bandar dan luar bandar. Sebagai contoh, pelaksanaan PJRM@pasar dilaksanakan dengan Kerjasama strategik pihak berkuasa tempatan dan para peniaga pasar. Sehingga 25 Oktober 2025 sebanyak lima pasar telah terlibat dalam pelaksanaan PJRM iaitu Pasar Ampangan, Pasar Besar Port Dickson, Pasar Pekan Rantau, Pasar Awam Baru Kuala Pilah, dan Pasar Besar Tampin. Pelaksanaan PJRM@pasar telah melibatkan 51 peniaga dengan bayaran subsidi RM58,071.06. Selain daripada PJRM@kampus, ia juga merupakan inisiatif untuk membawa barangan keperluan harian kepada pelajar universiti awam dengan kerjasama peniaga koperasi sedia ada di kampus ataupun rakan strategik yang mempunyai kapasiti menyediakan barangan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Sehingga Oktober 2025,

sebanyak RM130,797.37 dibelanjakan bagi bayaran subsidi di 11 program PJRM@kampus yang melibatkan 8 universiti awam, iaitu UiTM Seremban 3 sebanyak 2 pelaksanaan, @TechJTM Kampus Pedas iaitu ILP Pedas, Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau, Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Universiti Sains Islam Malaysia, Politeknik Nilai sebanyak 3 pelaksanaan, UiTM Kampus Cawangan Kuala Pilah dan Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan.

PJRM@Premis telah dilaksanakan sebanyak 271 kali melibatkan 82 sehingga 2025. Inisiatif ini telah membawa purata 35 hingga 40 jenis barangan dengan nilai perbelanjaan subsidi sebanyak RM2.571 juta. Pelaksanaan PJRM telah membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan memberi manfaat kepada 1.3 juta rakyat di Negeri Sembilan dengan menggunakan peruntukan subsidi sebanyak RM28.9 juta yang ditawarkan oleh kerajaan.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada PJRM, inisiatif lain oleh KPDNNS adalah menangani isu kos sara hidup dengan melaksanakan inisiatif Menu Rahmah yang menggalakkan peniaga menyediakan makanan seimbang pada harga RM5 ringgit bagi menyokong inisiatif ini. KPDN Negeri Sembilan menyediakan kad diskaun Menu Rahmah yang dapat membantu peniaga menu rahmah mendapat bahan mentah dan barang keperluan masakan di PJRM dalam kuantiti yang lebih tinggi. Para peniaga yang berhasrat mendapatkan kad diskaun Menu Rahmah boleh berhubung dengan KPDN Negeri Sembilan untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Di samping itu juga, KPDN Negeri Sembilan telah melaksanakan Skim Harga Maksimum musim perayaan bagi 4 perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Krismas. Melalui pelaksanaan skim ini, penentuan harga maksimum yang dibuat ke atas barangan keperluan utama musim perayaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan tinggi yang tidak munasabah. KPDN Negeri Sembilan juga dapat memastikan bekalan barangan ditentu sahkan dalam operasi harian mereka.

Peniaga turut diwajibkan mempamer tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal sepanjang skim berlangsung. Sementelah itu, pelaksanaan program patuh pula merupakan langkah strategik bagi memperkukuhkan budaya pematuhan dalam kalangan entiti perniagaan di negara ini. Melalui program ini, KPDN Negeri Sembilan berhasrat memastikan setiap pemain industri beroperasi mengikut undang-undang, *standard* dan garis panduan yang ditetapkan.

Bagi tahun pertama pelaksanaan, dua inisiatif utama diperkenalkan bagi Projek Perintis iaitu Zon Persinggahan Patuh (ZPP) dan Pasar Patuh. Bagi Zon Persinggahan Patuh di Negeri Sembilan, terdapat empat lokasi yang terlibat iaitu Kawasan Rehat & Rawat, R&R Plus Seremban bagi kedua-dua arah utara

dan selatan dan Hentian Sebelah Nilai bagi kedua-dua arah utara dan Selatan, manakala Pasar Ampangan pula telah dipilih sebagai lokasi pertama Pasar Patuh bagi Negeri Sembilan. Pemantauan yang berterusan akan dilaksanakan ke atas premis-premis yang terlibat memastikan tahap pematuhan peniaga berada pada tahap yang baik dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif di samping melindungi kepentingan pengguna khususnya.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) memainkan peranan utama dalam memastikan semua majikan mematuhi Perintah Gaji Minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pelaksanaan dan Pematuhan Gaji Minimum ini membantu memastikan pekerja menerima pendapatan asas yang mencukupi, selaras dengan peningkatan kos sara hidup. Sementara JTK turut melaksanakan pemantauan melalui pemeriksaan tempat pekerjaan, Pendidikan, kesedaran hak pekerja dan tanggungjawab majikan bagi menjamin kesejahteraan, kestabilan pendapatan rakyat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Gemas: Dato' Yang Dipertua, boleh saya bertanya? aaa… tambah soalan? Yang Amat Berhormat, saya mohon bantuan Yang Amat Berhormat Sikamat dan Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat di luar bandar atau yang warga emas di mana sekarang KPDNKK memperkenalkan satu aplikasi yang dinamakan E-Cost untuk pembelian minyak masak. Langkah ini langkah yang baik cuma Yang Amat Berhormat, warga emas atau rakyat luar bandar perlu ada telefon pintar dan alamat *e-mail* untuk mendaftar. Jadi ia agak sukar. Jadi, kalau Yang Amat Berhormat boleh aaa…. di parlimen mohon menteri untuk mempertimbangkan gunakan IC pun cukuplah. Ini yang salah satu kesukaran untuk warga emas dan rakyat di luar bandar. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Gemas. Insya-Allah kita akan panjangkan perkara ini dan kita akan maklumkan kepada pihak yang terbabit. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: Assalamualaikum WBT. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Klawang mengemukakan soalan nombor 1.

YAB. ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, isu bekalan air di Klawang, ini merupakan satu isu yang, ya…. Isu yang belum dapat diselesaikan secara tuntas dan *insya-Allah.* kita telah melihat beberapa perkara. Dato' Yang Dipertua, masalah ganguan bekalan air semasa atau selepas hujan di kawasan Klawang berpunca daripada peningkatan kadar kekeruhan sumber air mentah yang tinggi di Loji Air Kuala Klawang. Dia daripada bukit tu, banyak sekarang mereka memajukan tanah-tanah

pertanian mereka dan apabila hujan, air termasuk daripada kebun-kebun turun ke sungai dan menyebabkan kekeruhan yang tinggi di kawasan Sungai tersebut. Terutama apabila hujan lebat berlaku di kawasan tadahan iaitu Muka Sauk, Ulu Kemin. Kadar kekeruhan yang optimum menyebabkan operasi rawatan air terpaksa dihentikan, dan baru-baru ini juga berlaku di Linggi.

Apabila hujan lebat di Seremban, kita terpaksa hentikan di LRA Linggi. Bagi memastikan kualiti air terawat yang dibekalkan kepada pengguna kekal mematuhi piawaian ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, SAINS telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut; Pertama, bagi memastikan kolam LRA Kuala Klawang sentiasa berada pada paras tinggi, bagi menyediakan bekalan air dalam jangka masa selama enam jam dari bermulanya gangguan bekalan air mentah di Muka Sauk, Kemin.

Kedua, meningkatkan sistem pam air rawatan LRA Kuala Klawang daripada 250 meter padu sejam kepada 500 meter padu sejam untuk mempercepatkan tempoh pengisian kolam LRA Kuala Klawang selepas kualiti air kembali normal. Bagi tindakan jangka panjang, Kerajaan Negeri melalui SAINS telah mengenal pasti, dan kini dalam proses pertimbangan serta kelulusan pihak agensi persekutuan negeri, dan negeri bagi melaksanakan pelan menyeluruh termasuklah kerja-kerja penambahbaikan LRA Kuala Kelawang daripada 6 juta liter sehari kepada 8 juta liter sehari melalui peruntukan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Status permohonan adalah dalam proses kelulusan oleh pihak PAAB. Yang keduanya, cadangan bagi menyambung sistem agihan bekalan air dari LRA TiTi ke sebahagian sistem agihan air LRA Kuala Kelawang. Ia dapat mengurangkan beban kepada LRA Kuala Klawang akibat daripada kualiti sumber air mentah di Muka Sauk, Ulu Kemin.

Dan yang ketiga, permohonan daripada Badan Kawal Selia Air (BKSA) untuk mempertimbangkan untuk mengadakan Empangan Sabo bagi Muka Sauk di Ulu Kemin. Kerajaan negeri yakin bahawa melalui pelaksanaan langkah-langkah ini, masalah bagi gangguan air semasa dan selepas hujan di kawasan Kuala Klawang dapat dikurangkan secara berperingkat. Seterusnya ditangani secara menyeluruh dalam tempoh beberapa tahun akan datang. *Insya-Allah.*, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Klawang: Okay YB Sikamat. Dato' Yang Dipertua, isu ini saya kira telah berlarutan begitu berpanjangan. Kita ada Empangan Sungai Triang yang besar dan dan ia menyalurkan air ke Empangan Sungai Trip, LRA Sungai Trip, bosa paip eh, ni apa Yang Dipertua, tetapi ianya tidak langsung memberikan apa-apa faedah kepada rakyat di Kuala Klawang. Paip tu lalu ke Kuala Klawang, kito tengok yo. Jadi saya kira, sekiranya adalah, apa nama ni, proses untuk kita menaik taraf LRA Kuala Klawang itu, supaya boleh menggunakan

air daripada empangan ini. Sebab sekiranya *upgrade* apa nama ni, LRA Kuala Klawang yang ada sekarang, dan masih lagi menggunakan Sauk di Ulu Kemin itu, makanya masalah ini tidak akan dapat diselesaikan dengan tuntas Dato' Yang Dipertua.

Saya harap, apa nama ni, perancangan yang lebih tuntas perlu kita buat, untuk memastikan kita dapat menoktahkan keadaan ini sebab dua minggu lepas, 28 haribulan begitulah, keadaannya. Pagi itu kita mengalami yang agak kuat ataupun hujan yang agak lebat pada paginya, petang tu bila orang nak membersihkan rumah, paip air dah terputus, air daripada paip SAINS dah terputus. Jadi saya kira Dato' Yang Dipertua, dapat kita menyelesaikan, kerajaan negeri dapat menyelesaikan keadaan ini yang sudah berlarutan begitu lama. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya akan melihat cadangan tersebut dan saya rasa kalau kita dapat persegerakan apa yang kita cadangkan terutamanya dalam mengagihkan air daripada Muka Sauk Titi ke Kuala Klawang juga akan mengurangkan kesan segera kepada penduduk di Kuala Klawang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chembong.

YB ADUN Chembong: Tanya salah, tak tanya pun salah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan nombor 1 saya iaitu soalan tentang perihal guru-guru. Khususnya guru-guru yang bertugas di Daerah Rembau Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Chembong di atas pertanyaan yang berkaitan dengan kekurangan guru-guru di Daerah Rembau. Untuk makluman Dato' Yang Dipertua, di Daerah Rembau ketika ini terdapat secara keseluruhannya 842 orang guru ya, di mana 549 adalah merupakan guru di sekolah rendah yang bersamaan dengan 96.83% dan 293 orang guru di sekolah menengah, yang bersamaan dengan 97.0%. Memang diakui bahawa ketika ini masih terdapat kekurangan, di mana di sekolah rendah terdapat kekurangan 18 orang guru sekolah rendah masih berkurangan yang melibatkan 13 buah sekolah dan di sekolah menengah pula terdapat 9 orang guru yang melibatkan 5 buah sekolah yang masih berkurangan Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Chembong: Dato' Yang Dipertua, izinkan saya bertanya satu, dua soalan tambahan. Tujuan saya tanya ni Dato' Yang Dipertua, kami nak taulah, apa tindakan daripada pihak yang berkenaan Dato' Yang Dipertua, satu. Di atas kekurangan yang berlaku sekarang. Keduanya Dato' Yang Dipertua, soalan saya ini kalaulah boleh diperlambangkan terutamanya kepada kepada guru-guru khususnya Daerah Rembau yang sedang menyaksikan siaran

langsung ni Dato' Yang Dipertua. Perlambangan bahawasanya saya mengambil berat keprihatinan yang tinggi terhadap nasib guru-guru di Daerah Rembau Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, saya nak bertanya sedikit adakah berlaku polisi tentang sedikit ketidaksamaan iaitu saya dimaklumkan tentang elaun *'cola'* Dato' Yang Dipertua. Elaun *'cola'* ni diberikan kepada guru-guru secara berlainan kadarnya diantara daerah-daerah, terutamanya di Daerah Rembau Dato' Yang Dipertua. Kenapakah ini berlaku? dan sekiranya kelainan perbezaan ini berlaku, saya harap ianya diberikan perhatian supaya ianya menampakkan keadilan untuk semua guru di daerah-daerah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkaitan dengan usaha kita untuk melengkapkan jumlah guru di sekolah-sekolah ni, sepertimana yang kita sedia maklum, kita bergantung kepada waran perjawatan dan kalau ada guru-guru baru, barulah kita dapat mengisi, tapi jumlah yang sebenarnya ni tak begitu kritikal sebenarnya di Daerah Rembau ni. Berkenaan dengan *cola* tu di luar, setakat yang saya maklum tidak ada dalam maklumat saya Yang Berhormat. Tentang perbezaan dari segi jumlah itu. Jadi saya minta maaf tak dapat jawab sekarang ni. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Chembong: Dato' Yang Dipertua, saya mohon jawapan semasa sesi penggulungan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih, *insya-Allah.* saya akan jawab sewaktu penggulungan.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Seremban Jaya mengemukakan soalan nombor tiga. Terima kasih.

YB ADUN Repah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada ADUN Seremban Jaya yang bertanyakan soalan berkaitan dengan pembinaan rumah pekerja ladang. Saya nak ucapkan terima kasih juga kepada ADUN Seremban Jaya atas keprihatinan dan juga peka terhadap isu pekerja ladang.

Dato' Yang Dipertua, kenyataan mengenai peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk pembinaan rumah pekerja ladang adalah merujuk kepada inisiatif seperti Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet yang juga dikenali juga dengan SKRE. SKRE adalah

inisiatif pembiayaan perumahan yang bersubsidi dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia, dengan dana disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional. Tujuan utama skim ini adalah untuk membolehkan pekerja ladang ataupun estet dan bekas pekerja ladang tempatan yang berpendapatan rendah iaitu isi rumah di bawah RM4,000 ke bawah, memiliki rumah pertama mereka sendiri melalui kemudahan pinjaman dengan kadar faedah tetap yang sangat rendah iaitu 2% setahun dan tempoh pembayaran balik juga adalah Panjang. Sebagai jaminan kepada kebajikan sosial. Namun begitu, ketiadaan peruntukan, tiada peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Sembilan melalui program tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sembilan telah menunjukkan usaha proaktif yang memanfaatkan mekanisme perumahan negeri iaitu untuk membantu nasib pekerja ladang, terutamanya bekas pekerja ladang.

Iaitu pertamanya, menawarkan Rumah Mampu Milik Type A bersubsidi, di mana Kerajaan Negeri pernah menawarkan Rumah Mampu Milik Jenis A Taman Kirby Labu, secara bersubsidi kepada bekas pekerja ladang seperti yang berlaku kepada bekas pekerja Ladang Sime Darby Plantation di Labu. Yang keduanya, subsidi ini termasuk menurunkan harga jualan rumah mampu milik, contohnya dari RM40,000 kepada RM36000 dan menyediakn subsidi sewa tambahan sementara menunggu rumah siap. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.3 juta ringgit meliputi RM2.8 juta untuk pembelian 36 unit rumah yang berharga RM80,000 dan RM484,200 ringgit sebagai kos pentadbiran dan pengurusan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan.

Bagi tujuan pembelian 36 unit rumah mampu milik Type A Taman Kirby Labu, seterusnya dijual dengan harga subsidi sebanyak RM36,000 kepada 36 bekas pekerja ladang Sime Darby Plantation di Labu. Untuk makluman juga, penyediaan rumah rakyat ataupun PPR terdapat usaha membina projek perumahan rakyat di kawasan yang mempunyai populasi pekerja ladang yang tinggi, seperti di PPR Rantau Seremban, PPR Taman Seliau Jaya, Port Dickson, dan PPR Ladang Tanah Merah Port Dickson, bagi memastikan mereka mempunyai tempat tinggal yang kondusif. Perincian maklumat adalah seperti berikut; Di mana di PPR Rantau Seremban terdapat sebanyak 100 unit, PPR Taman Seliau Jaya Port Dickson 150 unit, dan PPR Ladang Tanah Merah Port Dickson 100 unit. Kesemuanya berjumlah 350 unit telah siap dibina dan diserahkan. Terima kasih.

YB ADUN Seremban Jaya: Terima kasih EXCO Repah, Jawapan jelas, terima kasih. Tetapi soalan saya, bukan soalanlah. Ada satu peruntukan kira RM50 juta di Sumber Manusia, sudah lama, sudah lama saya ingat 20, 25 atau 30 tahun lah itu wang sudah ada sana, itu Bank Simpanan. Adakah rancangan akan datang, Kerajaan Negeri selalu, rumah mampu milik type A, ada satu *developer* mereka buat, kita minta Type A punya rumah, dulu RM80 ribu

sekarang tada salah RM120,000. Kerajaan kita negeri, kira Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Exco-Exco ada pengalaman, Exco Kanan, dan Dato' SS, Dato' Kewangan, Datuk Bandar. Adakah boleh rancangan kita MBI? Kita kira minta-minta cadangan, kira dalam 10 kilometer untuk Ladang Kombok. Bolehkah Pusat Sumber Manusia beri satu tapak lebih kurang 200 unit rumah mampu milik? Kita sendiri Kerajaan boleh buat, itu wang sudah ada sana, pusat. Bila kita Kerajaan negeri sendiri buat rumah itu, kita boleh beri banyak orang. Bila undi, 50 rumah, ada 100, 150 orang mari tunggu. Tapi baru dapat 50 orang. Tapi kerajaan negeri satu rancangan yang baik. Kita sendiri kita buat ada untung, ke MBI ada untung Kerajaan, nanti satu hari rakyat pun ada senang. Adakah rancangan jumpa Menteri Sumber Manusia bincang ini hal? Pasal itu wang guna di Negeri Perak, ada satu tempat diorang ada buat masih Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia YB Kula. Sekarang adakah boleh bincang? Itulah soalah saya. Terima kasih.

YB ADUN Repah: Terima kasih kepada Seremban Jaya atas pertanyaan soalan tambahan tadi, dan saya mengalu-alukan cadangan daripada ADUN Seremban Jaya dan kita akan bawa perkara ini dan berbincang supaya kita pastikan pekerja-pekerja ladang ni dapat satu rumah yang kondusif untuk mereka dan kita akan berbincang di peringkat Kementerian Sumber Manusia dan juga akan mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB ADUN Labu: Dato' *Speaker*, boleh soalan tambahan? pada Repah?

YB Yang Dipertua Dewan: Ni apa ni? soalan tambahan?

YB ADUN Labu: Ya, satu boleh? Berkenaan soalan, Yang Berhormat Exco, berkenaan pekerja-pekerja ladang ni yang tadi sebut di Labu, ada pekerja ladang mereka dah lama memohon rumah ni dan bila tiba masa nak dapat mereka ni dah habis kontrak ataupun kerja di ladang yang berkenaan tetapi mereka dinafikan hak, saya rasa ada beberapa penduduk di sana ada datang jumpa dengan mereka bagitau ada datang jumpa dengan Exco YB Arul, tapi mereka tidak dipertimbangkan. Bayangkan mereka dah memohon sejak lama dan mereka tahu ladang ni, mereka akan tamat pekerjaan mereka. Tetapi dalam tempoh beberapa tahun, mereka telah tidak lagi berkhidmat, tetapi bila Kerajaan selesai berunding dengan pihak-pihak tertentu, untuk memberi rumah, mereka dinafikan hak. Jadi, saya rasa di pihak Kerajaan Negeri ataupun Exco perlu mempertimbangkan sebab mereka adalah juga pekerja yang lama telah berjuang tapi sampai masa dinafikan hak sebab tidak bekerja lagi. Terima kasih.

YB ADUN Repah: Terima kasih kepada Labu, atas pertanyaan soalan tadi. Ini adalah satu maklumat yang baru untuk saya, saya akan kaji dan maklumkan semasa penggulungan nanti. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Labu.

YB ADUN Labu: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya bangun bertanya soalan nombor satu.

YAB ADUN Sikamat: Dato' Yang Dipertua, soalan Labu mengenai rizab jalan JKR. Dato' Yang Dipertua, rizab jalan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak dibenarkan untuk kegunaan awam atau mana-mana pihak tanpa kelulusan bertulis daripada Kementerian Kerja Raya (KKR). Perkara ini adalah selaras dengan seksyen 3 dan 4 Akta Jalan Persekutuan 1959, Akta 376 serta Seksyen 84 dalam Seksyen 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta 333.

Sebarang aktiviti seperti pembinaan gerai tepi jalan, penyimpanan bahan ataupun barangan, serta pembuangan sisa binaan adalah dilarang, kerana ia boleh menyebabkan kacau ganggu keselamatan serta mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, pemasangan utiliti adalah dibenarkan tertakluk kepada pemohon rasmi dan dan kelulusan serta pematuhan kepada syarat teknikal dan keselamatan yang ditetapkan oleh JKR. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lukut: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Lukut mengemukakan soalan nombor satu.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih Yang Dipertua, terima kasih YB Lukut. Soalannya ialah, soalan nombor 1, Adakah Kerajaan negeri bercadang membina hospital baharu di Daerah Port Dickson bagi mengurangkan kebergantungan kepada hospital di Seremban? Dato' Yang Dipertua, ini jawapan saya. Buat masa ini, tiada perancangan bagi pembinaan hospital kerajaan baharu di Daerah Port Dickson. Walau bagaimanapun, bagi menampung keperluan perkhidmatan di daerah tersebut, Hospital Port Dickson telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM177 juta ringgit Malaysia di bawah Projek Rancangan Malaysia Ke-10 Bagi pembinaan blok pakar Hospital Port Dickson.

Skop projek meliputi tambahan 140 buah katil, 4 dewan bedah, klinik pakar, serta komponen klinikal dan sokongan klinikal yang lain. Buat masa ini, projek sedang dalam proses awal pembinaan. Itu sahaja, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Lukut: Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, selain kos kontrak tadi yang disebutkan, RM177 juta tadi, untuk rekabentuk dan bina, apakah anggaran kos tambahan untuk peralatan, perubatan, ICT dan penyediaan

operasi? Dan berapakah jumlah penjawatan baharu yang telah dipohon kepada JPA ataupun KKM bagi memastikan hospital ini dapat beroperasi dengan sempurna? terima kasih.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih YB Lukut atas soalan tersebut. Saya akan menjawab soalan tersebut secara bertulis. Buat masa sekarang, saya tiada data jawapan tersebut. Terima kasih YB, terima kasih Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lobak: Lobak. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Lobak mengemukakan soalan nombor satu. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkenaan paip air. Dato' Yang Dipertua, jumlah keseluruhan kes paip air pecah yang telah direkodkan melalui sistem pendaftaran aduan SAINS bagi tahun 2021-2025 adalah sebanyak 27,279 kes di seluruh Negeri Sembilan. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut; Seremban 11,059 kes, Port Dickson 2,554, Jempol 3,050 kes, Tampin 2,913 kes, Kuala Pilah 3,928 kes, Rembau 1,528 kes, Jelebu 2,247 kes. Tahap kerosakan paip melibatkan kategori kecil, yakni *minor leak,* sederhana, *join failure* dan besar *main burst* bergantung kepada lokasi dan tekanan saluran. Bagi kerja-kerja pembaikan, jenis bahan yang digunakan termasuklah paip jenis *mild steel* dan paip UPVC mengikut saiz serta tekanan air di lokasi yang terlibat. Jumlah kes perbelanjaan keseluruhan bagi tempoh tersebut dianggarkan sebanyak RM147 juta yang meliputi kes kerja-kerja pembaikan, penggantian paip serta pemulihan permukaan jalan. Bagi setiap kes pecah paip, tindakan segera telah diambil dengan penutupan sementara bekalan air melaksanakan kerja pembaikan dan pemulihan bekalan air secara berperingkat bagi memastikan gangguan bekalan air kepada pengguna diminimumkan.

Pertama, bagi menangani isu paip yang pecah, yang sering yang menimbulkan kesulitan kepada rakyat, kerajaan negeri melalui SAINS, telah merangka pelan jangka panjang untuk pengursan aset bekalan air yang dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negari. Buat masa ini, sebanyak 68 lokasi dan melibatkan paip sepanjang 243 kilometer telah dikenal pasti bagi penukaran paip melalui kolaborasi kerjasama antara PETRA, Pengurusan Aset Air Berhad, dan SAINS. Bagi penggantian paip melalui peruntukan SAINS, ia melibatkan 12 lokasi iaitu 2 lokasi di Seremban, 1 lokasi di Port Dickson, 1 lokasi di Jempol, dan 2 lokasi di Tampin, 3 lokasi di Kuala Pilah, 1 lokasi di Rembau, dan 2 lokasi di Jelebu, penggantian paip ini melibatkan jumlah sepanjang 14.2 kilometer. Bagi penggantian paip melalui peruntukan PAAB, ia melibatkan 16 lokasi iaitu 4 di Seremban, 3 lokasi di Port Dickson, 1 lokasi di Jempol, 2 lokasi di Tampin, dan 2 lokasi di Kuala Pilah, 2 lokasi di Rembau dan 2 lokasi di Jelebu. Penggantian paip ini

melibatkan jumlah 60.8 km. Bagi penggantian paip peruntukan PETRA, ia melibatkan 40 lokasi, 8 lokasi di Seremban, 7 lokasi di Port Dickson, 2 lokasi di Jempol, 12 lokasi di Tampin, 2 lokasi di Kuala Pilah, 4 lokasi di Rembau dan 5 lokasi di Jelebu. Penggantian paip ini melibatkan jumlah sepanjang 168 km.

Kedua, bagi memperkukuhkan sistem bekalan air negeri, projek menaik taraf infrastruktur utama telah dan sedang dilaksanakan termasuk pembinaan loji rawatan air baru, tangki imbangan, serta peningkatan kapasiti, sistem pengepaman dan paip agihan utama. Akhir sekali, aspek berkesan, pengurusan dan penyelenggaraan turut dipertingkatkan melalui penambahan pasukan rondaan teknikal, peningkatan keupayaan logistik serta latihan berterusan kepada kakitangan bagi memastikan tindak balas yang lebih cepat dan *efisien* terhadap sebarang aduan kebocoran. Dengan pelaksanaan pelan jangka panjang ini, kerajaan negeri yakin kadar insiden paip pecah dapat dikurangkan secara *significant* dalam tempoh beberapa tahun dan akan datang, sekaligus memastikan bekalan air yang lebih stabil berkualiti mampan untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Sembilan dan insya-Allah pelaksanaannya akan bermula pada awal tahun hadapan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lobak: Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Jawapan yang paling jelas sekali dari Sikamat, dan kami ucapkan di dewan yang mulia ini tahniah dan syabas kerana SAINS bawah bimbingan Sikamat bekalan air di Negeri Sembilan tu memang bertambah baik. Itulah satu *i think* usaha yang tadi *team* SAINS sekali saya pun di dewan yang mulia ini ucapkan terima kasih kepada SAINS, bahawa di Taman Bukit Berlian, dulu saya telah suarakan di Dewan yang mulia ini, satu bulan empat ke lima kali paip bocor, *so* saya ucap terima kasihlah, dengan utama sekali Sikamat, dengan ahli-ahli SAINS bahawa yang 200 meter tu sudah tukar paip baru. Jadi, yang paip bocor ni tak ulang lagi, terima kasih. Lagipun, saya pun nak tanya dengan SAINS dengan kerjasama dengan penduduk, *as* bila ada aduan paip SAINS, saya ada berhubung dengan pegawai tu dia dalam 4 jam selesaikan masalah. *So* dah janjikan bekalan air, tapi soalan tambahan saya ialah NRW tambahan saya nak tanya, NRW statusnya yang terkini, lagipun bil kehutangan air, apa statutnya? Terima kasih.

YAB ADUN SIKAMAT: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan NRW, insyaa allah saya pastikan saya jawab secara panggulungan ataupun secara bertulis nanti, dan NRW kita agak tinggi sekarang, kerana kita berusaha untuk tukarkan paip-paip lama kepada paip baru dengan dengan kerjasama daripada PETRA, daripada PAAB, daripada SAINS sendiri, dan kita akan keluarkan peruntukan masing-masing bagi memastikan bahawa apa yang kita lakukan, laksanakan ini dapat mengurangkan NRW kita hanya sekitar 33%, *insya-Allah.*, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Paroi: Dato' Yang Dipertua, skit, celahan sikit, nak bertanya tentang isu SAINS, berkanaan aaa…. saya nak tanya sikit ni, rakyat bertanya ni, berkenaan dengan tangki, baru-baru ini ada kita aaa… takda air 3 hari, dan ada di kalangan taman-taman yang ada tangki, tetapi tidak beroperasi. Contohnya, Taman Exora, Taman Senawang Perdana dan apa status tangki-tangki yang tidak beroperasi? Ya, saya nakkan sedikit data, mungkin boleh penangguhan lah dan sebab apa bend ani berlaku? sekarang? Saya ingin mendapatkan beberapa data tentang ini Mengapa ini berlaku? sebab kita tidak ada air, kalau, kalau, kalau.. kita gunakan tangki yang tidak beroperasi, lebih baik lah.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, Exora baru selesai, dah lama, saya rasa dah enam bulan kita selesai tangki baru, kita tukar tangki lama kepada yang baru. Senawang Perdana, saya akan semak sebab taman tu taman baru lagi, dan saya akan semak status dan apa yang kita buat sekarang adalah kita sedang membuat kajian ke setiap tangki-tangki yang sedia ada di taman-taman untuk kita selesaikan masalah ini, kita telah selesaikan di sebahagian Lukut, sebab tempohari kita ada masalah di Lukut, kita telah ganti lebih kurang enam, enam…. Enam tangka air yang lama kepada yang baru kita ganti pam semua sekali, dan untuk itu, kita terus untuk kajian dan di…. kita juga tanti di Kuala Pilah, di Batu Kikir ya, Batu Kikir untuk satu tangka baru lepas tu kita sedang buat kajian ke beberapa yang sesuai untuk kita Ganti dari masa ke semasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Paroi: Aaa… sikit bukan Taman Senawang Perdana ya, Taman Pinggiran Senawang eh… tangki dia, yang lama

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih, saya akan semak Taman Pinggiran Senawang, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lobak: Dato' Yang Dipertua, tadi mungkin takut nak tinggalkan soalan tambahan, ialah bil kehutangan dari pengguna. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Ada soalan tambahan lagi sekali ya, sebenarnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat Negeri Sembilan kerana kesedaran mereka memastikan bahawa bil-bil yang kita bilkan kepada mereka, mereka bayar daripada semasa ke semasa dan buat masa ini, *Alhamdulillah* prestasi bayaran bil kita sekitar 98%. Ini merupakan satu perkara yang amat baik dan saya juga berharap bahawa mereka terus memberikan sokongan bagi SAINS meningkatkan prestasi kita di seluruh negeri, bagi memastikan kemudahan yang lebih baik, pengurusan air kita lebih baik, dan mereka mendapat air yang, yang cukup sihat untuk kegunaan semua, *insya-Allah.*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat aaaa….. Sungai Lui

YB ADUN Sungai Lui: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertu, saya kemukakan soalan pertama.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ADUN Lui kerana mengemukakan soalan yang berkaitan dengan pertanian. Dalam soalan DUN Lui ni, terdapat dua segmen, yang pertama berkaitan dengan produk pertanian dan yang kedua berkaitan dengan pembangunan pertanian komuniti. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Program *Touch Point* buah-buahan dan sayur-sayuran, merupakan salah satu inisiatif di bawah Kerajaan Negeri Sembilan yang dilaksanakan melalui Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, ni semua sedia maklum. Program ini tujuan kita ialah untuk memanfaatkan tanah bagi pengeluaran tanaman buah-buahan yang bernilai tinggi dan sayur-sayuran segar. Di samping meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar serta menyokong agenda *security* makanan negeri yang yang selalu saya sebut di dalam dewan dan juga majlis-majlis yang berkaitan. Sehingga kini, untuk makluman dewan, program *Touchpoint* buah-buahan telah dilaksanakan di 65 Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung yakni JPKK ya, 65, di seluruh Negeri Sembilan dengan penyertaan lebih daripada 1,800 peserta yang terdiri daripada penduduk tempatan. Program ini melibatkan pemberian anak benih pokok buah-buahan berkualiti seperti durian, cempedak, kelapa dan juga input pertanian sepanjang tempoh itu.

Manakala program *Touchpoint* sayur-sayuran, 1,600 peserta telah pun menerima kit pertanian. Yang terbaru, semua Pengerusi dan Setiausaha JPKK di seluruh Negeri Sembilan telah pun diberikan kit pertanian yang merangkumi bahan tanaman, biji benih, dan peralatan asas. Sebahagian daripada agendanya adalah supaya untuk menanam minat kepada agenda dan aktiviti pertanian di peringkat kepimpinan kampung sampai lah ke peringkat akar umbi. Program ini dilaksanakan sebagainya selain daripada perkara yang saya sebut ialah untuk memberi manfaat kepada penduduk bandar dan luar bandar. Program Pembangunan Pertanian Komuniti bertujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti penanaman serta menambah pendapatan individu dan isi rumah. Maka dengan itu Dato' Yang Dipertua, program pertanian secara komuniti ini, turut dilaksanakan di bawah Insentif Muafakat Tani, yang pun kita jalankan pada sejak berapa lama dahulu, dalam bentuk program atau pun projek pertanian berskala kecil. Melalui inisatif ini, pelbagai bentuk bantuan disalurkan termasuk sistem fertigasi berteknologi moden kepada kumpulan komuniti bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan kecekapan urus tanaman.

Untuk makluman dewan, sehingga kini sebanyak 30 komuniti…35 komuniti telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program ini dan sekaligus

membuktikan keberkesanan usaha Kerajaan Negeri di dalam memperkukuhkan sektor pertanian, komuniti dan memperluaskan penyertaan rakyat dalam agenda *security* makanan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat dan ahli-ahli dewan juga, dalam pembentangan Belanjawan Negeri 2026, pada hari Jumaat yang lepas, Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat telah pun mengumumkan Program Anak Pokok Harapan Satu Desa Satu Tanaman dengan peruntukan sebanyak RM250,000. Ini adalah merupakan satu lagi inisiatif baru yang akan diselaraskan bersama dengan Jabatan Pertanian dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk ini, Kerajaan Negeri komited untuk memperluaskan program ini di seluruh kampung mengikut peringkat demi peringkat. Tujuan Kerajaan Negeri mengadakan program ini adalah untuk memberikan satu lagi suntikan supaya lebih ramai penduduk kampung terlibat dalam aktiviti penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran dan sekaligus menjadikan sektor pertanian ini sebagai satu pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri, dan melalui pesanan ini Dato' Yang Dipertua, suka saya menyatakan bahawa daripada RM250,000 ini kita mampu untuk melaksanakan di 14 sekurang-kurangnya kawasan Dewan Undangan Negeri dengan penyertaan satu atau dua kampung untuk kita jadikan sebagai projek permulaan kepada satu kampung, satu produk ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Juasseh.

YB ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua saya kemukakan soalan nombor satu.

YB ADUN Senaling: Terima kasih. Terima kasih YB ADUN Juasseh, di atas soalan berkaitan dengan laluan TVET kepada pelajar-pelajar anak orang asli ya. Untuk pengetahuan Dewan, buat setakat ini, tidak ada data khas ya, yang menyatakan dari segi jumlah pelajar-pelajar anak orang asli yang mengikuti kursus TVET di negara kita. Tinggal lagi di peringkat nasional, terdapat peningkatan, ada data menunjukkan bahawa lebih daripada 500 pelajar orang asli telah mendaftar ke universiti dan juga kolej pada tahun 2025. Ini merupakan satu yang, berita yang baik ya, tapi data untuk khusus menyatakan berapa ramai yang mengambil kursus TVET ni belum ada Yang Berhormat ya.

Walaubagaimanapun, kita menghadapi sedikit kekangan dari segi membawa pelajar-pelajar orang asli, anak orang asli ni ke kursus TVET kerana masalah utamanya ialah soal *drop out,* soal keciciran pelajar-pelajar orang asli di peringkat persekolahan dan ini menjadi menjejaskan kesinambungan aliran daripada SPM ke TVET. Walaubagaimanapun Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan salah satu usaha kita yang kita perlu buat harini ialah kalau

kita nak memperluaskan TVET ini kepada pengetahuan masyarakat anak orang asli, ialah melalui *roadshow*, saya cadangkan *roadshowlah. Roadshow* cara yang paling baik yang melibatkan JAKOA, kemudian institusi TVET yang ada di dalam negara kita khususnya di Negeri Sembilan, kita buat *roadshow* dari perkampungan ke perkampungan. Ini mungkin akan memberikan maklumat kerana mereka ni kurang maklumat ya, seperti kata saya tadi, mereka ni banyak yang cicir dalam persekolahan dan mana yang berjaya tu sebenarnya mereka masuk ke pusat pengajian tinggi, tapi dari segi data TVET tu takda. Jadi oleh itu, saya cadangkan kita buat satu *roadshow*, kita boleh duduk sekali dengan institusi TVET dan juga JAKOA ni baru kita boleh mengenalpastilah tentang minat anak-anak orang asli dalam kursus-kursus TVET Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Serting.

YB ADUN Serting: Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Serting ya. Soalan Serting ni *special* sikit. Pertama dia kata sejauh mana usaha serius Kerajaan negeri bagi menyediakan rumah generasi kedua Felda yang sering dikatakan Ketika hendak berlangsungnya Pilihanraya Umum. Okay lagi. Yang soalan nombor dua tu Yang Berhormat. Adakah sekadar ia dijadikan isu atau gula-gula politik kepada generasi kedua Felda? Yang Berhormat *slow down* sikit Yang Berhormat, Saya dah sebut soal rumah generasi kedua ni Yang Berhormat, sejak saya angkat sumpah, sama ada sebagai ahli parlimen dan juga sebagai EXCO. Lambat lagi pilihanraya Yang Berhormat, 5 tahun lagi, ini bukan soal gula-gula politik. Ini adalah untuk kita menyelesaikan masalah generasi kedua Felda yang telah berlaku sejak zaman berzaman Yang Berhormat.

Jadi, saya nak terangkan pada hari ini Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat ya, saya nak imbau balik tahun 2019, peruntukan dana Pre-Prihatin dalam Kerajaan PH 1.0. Waktu itu, aaa… kalau tak silap saya Yang Berhormat Menteri daripada parti Yang Berhormat telah memperuntukan dana pada masa itu saya tidak di dalam Tabung PHRIHATIN. silap anda menteri dari parti anda telah memperuntukkan dana menyiapkan rumah 2,546 unit rumah generasi kedua Felda dalam pembentangan kertas putih di Dewan Rakyat. Dan waktu itu apa keputusan kerajaan? Keputusan kerajaan mengambil keputusan yakni, mana-mana tapak rumah generasi kedua Felda yang menyentuh 70 ke atas per…. aaa… apa ni? aaa…..proses penyiapannya 70 ke atas diteruskan projek itu dan 70 ke bawah, dihentikan.

Di Negeri Sembilan, bagi Wilayah Raja Alias, PGBF yang terlibat adalah PGBF Palong 8 (300 unit), PGBF Pasoh 2 (70 unit), dalam Daerah Jempol yakni DUN

Serting ni, manakala PGBF Bukit Jalur 239 dan PGBF Bukit Rokan Utara 300 di Daerah Tampin yang *in total* dengan izin 909. Ini termasuk dalam kertas putih ya, yang telah pun dibentangkan oleh menteri pada waktu itu. Kemudian dia akan berjalan seperti biasa, Yang Berhormat, isu kelewatan projek siap, lantik kontraktor, lepas itu kontraktor itu *failed,* gagal, *terminate,* kemudian lantik kontraktor baru dan sebagainya, sampailah ke hari ini, daripada 909 unit ini, tidak ada satu pun unit yang siap diselesaikan oleh Felda. Selain daripada 909 unit ini, yang berada dalam proses pemulihan dan penyiapan ini Yang Berhormat, Mesyuarat Lembaga Felda Bilangan 449 kali pertama 2024 pada bulan Januari 2024 telah luluskan lagi 3 projek. Bukan luluskan, projek terbengkalai jugak.

Kita ada 909 projek terbengkalai yang saya sebutkan tadi. Itu diserah kepada Felda di bawah kertas putih. Kemudian kita ada lima lagi kawasan, ada tiga lagi kawasan yang merangkumi 510 unit. Di mana 510 unit ni? Satu Pasoh 3 (150), Palong 12 (150), kemudian Palong 16 (210). 510 unit ni di bawah 70% yang termasuk dalam kertas putih yang dibentangkan di Dewan Rakyat. Kemudian daripada 510 unit ni, Felda pada yang saya sebut tadi, pada bulan Januari 2024 dah setuju serah kepada kerajaan negeri untuk ambil alih, *to execute* dengan izin, untuk *execute* projek ini melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri. Apa kerajaan negeri buat? Saya dah terang dalam dewan yang lepas, pada kerajaan negeri bila dah serah pada kerajaan negeri, kerajaan negeri melalui PKNNS, PKNNS melakukan RFP – *Request for Proposal* untuk memilih syarikat mana yang terbaik bagi menyiapkan projek yang terbengkalai ini. daripada yang dah keluar, yang aaa… ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bila kita dah keluarkan RFP, sebanyak 4 syarikat yang mengemukakan RFP.

Daripada 4 syarikat yang mohon untuk mengemukakan RFP cuma 3 syarikat sahaja yang *commit* untuk *tendered* dia punya *interest* bagi melaksanakan projek ini. Daripada 3 projek ini Yang Berhormat, tidak ada satu pun syarikat yang mengemukakan RFP ini, setelah diadakan aaa… apa dia, program libat urus dan temuduga dan sebagainya, tidak ada satu syarikat pun yang sanggup untuk melaksanakan bagi melaksanakan projek 510 unit ini. Maka apabila tidak ada satu yang sanggup, maka projek itu masih lagi *pending* di peringkat tindakan PKNNS dan UPEN, bagaimana untuk kita meneruskan projek ini. Kerana daripada 510 unit rumah ini, kos infra sahaja, kos infra untuk apa ni, untuk *execute,* dengan izin ya, Dato' Yang Dipertua ya, untuk melaksanakan projek, program ini memerlukan hampir RM35 juta ringgit. RM35 juta saya kemukakan kepada Kementerian Desa dan Wilayah, setakat ni belum mendapat *feedback* ataupun kelulusan dana RM35 juta ini. Kita nak minta pula letakkan di bawah RFP syarikat untuk menanggung kos RM35 juta ini, maka harga rumah ini tidak mampu dimiliki oleh golongan generasi kedua Felda, apabila kos ini dimasukkan dalam kos penyiapan keseluruhan, minta maaf, itu masalah kita, tapi daripada tiga projek ini, yakni daripada Pasoh 3,

Palong 12 dan Palong 16 ini, Pasoh 3 dan Palong 12 sudah mendapat status GSA yang telahpun dibatalkan, dan sekarang ini pihak UPEN sedang merangka *way forward* bagaimana kita nak selesaikan 2 projek ini dahulu supaya dapat 510 Pasoh 3 dan Palong 12 ini dapat kita selesaikan dalam tempoh-tempoh yang tertentu.

Dan akhirnya Yang Berhormat, saya juga nak kemukakan dalam projek 909 ini, ada kawasan Bukit Rokan dan Felda Yang Berhormat Razi ni, Felda Pasoh 3, Felda Pasoh 3 telah pun mencapai tahap yang sampai ke *border* sekarang, mana dah boleh *release* dah. Pasoh 3 kita tak *release* kerana haritu dia banjir. Bila banjir, CCC tak keluar daripada Majlis Perbandaran Jempol. Apabila Felda dan pihak Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah banjir yang sekarang ni kita dah kenal pasti *almost done, so insya-Allah.* aaa… saya harap supaya tidak lagi berlaku kelewatan, *insya-Allah.* dalam bulan Januari nanti, akan disampaikan penyerahan kunci kepada pemilik-pemilik yang berjaya, pada masyarakat ataupun penerima di Felda Pasoh 3 dan yang di Bukit Rokan juga sedang dalam tindakan sekarang, kerana ada sedikit masalah yang berkaitan dengan SAINS dan juga Tenaga Nasional, dan segala urusan sedang dilakukan sekarang ini, dan aaa… saya yakin ini juga dapat kita laksanakan sebahagian daripada 300 unit rumah di Bukit Rokan ini, *insya-Allah.*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Serting: aaa… soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, semuanya terima kasih di atas penerangan yang telah diberikan oleh Dato' Seri, cumanya saya nak tanya, masalah kepada harga yang mana, seperti mana yang disebutkan oleh Dato' Seri tadi, antaranya permasalahan harga, yang mana tak mampu milik oleh anak-anak peneroka ni, ataupun generasi, generasi peneroka ini. Adakah di sana ada satu cara ataupun proses yang membolehkan anak-anak peneroka ini mampu milik. Saya dimaklumkan, anak peneroka ini kebanyakan yang kerja, yang ada slip gaji tu takda masalah, kalau sekiranya mereka ingin membeli rumah, mana-mana rumah bukan hanya rumah yang ni, tapi benda lain, makna mampu untuk mereka buat pinjaman di bank. Adapun yang tidak ada slip gaji contohnya kerja sendiri dan sebagainya, adakah di sana ada komitmen yang lain yang boleh diusahakan. Sebab anak-anak ni pun kesian, duduk di rumah mak bapak diorang, ramai pulak tu, beranak pinak di sana, tu ya… terima kasih.

YB ADUN Pertang: Soalan yang baik Yang Berhormat ya, saya terima banyak *feedback* daripada aaa…. anak-anak generasi kedua Felda ni yang tag saya *personal* yang bawak melalui ADUN-ADUN, yang mengemukakan masalah ketidakmampuan mereka untuk mendapatkan *end financial* ataupun aaa…. apa ni, kemudahan kewangan daripada institusi kewangan kerana tidak ada *payslip,* tidak ada pendapatan tetap, dan sebagainya. Aaa… saya nak maklumkan kepada dewan bahawa ada dua kaedah yang akan kita laksanakan.

Yang pertama rumah ni kita tak boleh jual dengan harga seperti awal, RM90 ribu tak boleh lagi dah, tak boleh, apa cara pun kita dah tak boleh buat, kerana kos untuk kita bina dan juga siapkan rumah ni sudah melangkaui daripada harga yang sewajarnya. RM90 ribu dulu kerajaan subsidi hampir RM60 ribu setiap unit. Sekarang ini, dengan subsidi yang disediakan rupa tak boleh jual dah dengan harga RM90 ribu. Maka rumah di Felda Pasoh 3, kita jual RM110 ribu mengikut harga *standard* rumah mampu milik di bawah kerajaan negeri. RM110 ribu eh… untuk *corner lot* dia ada lebih sikit lah. Kemudian daripada RM110 ni, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita ada *special* aaa… bukan *special treat* tetapi ada keistimewaan sikit, mana-mana peneroka generasi kedua Felda yang tidak mempunyai *payslip,* yang tidak mempunyai pendapatan tetap untuk membolehkan dia mendapatkan kemudahan kewangan, kita uruskan dengan beberapa institusi kewangan seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia, dan beberapa institusi kewangan untuk meringankan sedikit syarat-syarat kelulusan bagi mendapatkan kemudahan kewangan bagi menampung pembelian mereka bagi rumah berkenaan. Ini telahpun dilaksanakan di Felda Pasoh 3 di kawasan DUN Lui sebanyak 77 unit rumah telah pun diluluskan bantuan kewangan bagi pembeli-pembeli bagi golongan Generasi Kedua Felda di kawasan yang berkenaan. Itupun dah kita jalankan ya.

Kemudian yang kedua, saya sedang menyediakan beberapa *paper* dasar untuk kelulusan di peringkat Felda, supaya kita bagi lagi satu keistimewaan iaitu *RTO Rent To Own.* Mana-mana rumah generasi kedua Felda yang telah pun berjaya diperolehi oleh golongan kedua Felda ini mendapat kemudahan *RTO-Rent To Own* maknanya dia sewa, dia masuk dia bayar duit api air terus dapat kunci, dan dia bayar sewa RM300 sebulan. Dalam RM300 sebulan ini, selepas 5 tahun, dia akan kira balik berapa engkau dah bayar? RM300 sebulan maknanya setahun RM3,600 5 tahun berapa? Dan 5 tahun ini dijadikan sebagai bayaran deposit bagi pemilikan rumah itu. Kemudian baru diusahakan untuk medapatkan *End Financial*, kemudahan kewangan. Kita buat macam tu, cumanya Yang Berhormat, ini dah kita buat di Felda Pasoh 1. 132 unit kita guna konsep yang sama, cumanya ada golongan kedua, generasi kedua Felda yang berjaya mendapatkan kemudahan ini, dia tak bayar sewa. Sampai setahun tak bayar, dua tahun tak bayar, dia tak bayar sewa. Bila tak bayar sewa, suka atau tidak, Felda kena ambil tindakan untuk menamatkan perjanjian ini. Ini masalah dia.

Jadi maknanya, kalau ada generasi kedua Felda datang mengadu rumah saya nak kena tarik kek Felda, Felda tak mau bagi *chance,* kat kita, kita bagi peluang, RM300 sebulan, *you* tak bayar, sampai 5 tahun kita tak bayar, macam mana kita nak selesaikan masalah kewangan ini yang berkait yang terkait dengan pemilikan rumah ini? Jadi suka tak suka, Felda terpaksa ambil satu tindakan untuk menamatkan perjanjian ini. Jadi maknanya, sekarang ni

proses tu sedang berjalan dan kemudahan itu akan dilanjutkan kepada mana-mana projek PGDBF yang akan kita laksanakan di bawah Kerajaan Negeri Yang Berhormat. Dan akhir sekali suka juga saya sebut untuk Bukit Rokan, Felda Pasoh 3, masih ada kekosongan, lepas tu di mana-mana kawasan yang, dalam proses yang kita jangka akan kita lulus dan berikan pemilikan pada bulan 1 nanti, bulan 2, maka proses pemilihan peserta di kalangan generasi kedua Felda sedang berjalan. Yang ni saya dah minta supaya IGM melalui Pengurus Felda dan juga aaa… apa ni? Ketua-ketua peneroka melaksanakan satu warga layak untuk memohon satu rumah. Kalau kata di Pasoh 3, kita ada 560 ketua isi rumah, rumah ada 150, semua keluarga boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan rumah ini. Kemudian pihak jawatankuasa akan menapis kesemuanya dan apabila didapati lebih kelayakan daripada jumlah rumah yang ada, maka proses pengundian akan dilaksanakan secara adil dan adil telus. Makna semua yang layak kita akan undi secara telus. Terima kasih Yang Berhormat.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput aaa… Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya kemukakan soalan pertama.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Temiang mengenai tanah perkuburan Cina. Untuk makluman Yang Berhormat Temiang, berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui sistem pendaftaran tanah berkomputer SPTB terdapat sebanyak 22 hakmilik yang berdaftar bagi tanah-tanah perkuburan Cina yang ada di Negeri Sembilan dengan jumlah keluasan 191.9493 hektar dan nilai cukai tahunan yang dibayar adalah sebanyak RM40,463 ringgit. Mengenai makluman yang terperinci nanti saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat Temiang dan untuk makluman semua, sebenarnya tanah-tanah yang berdaftar ini, kebanyakan adalah merupakan tanah perkuburan swasta. Contohnya *Nilai Memorial Park, Bahau Memorial Park, Melody Park, CL Memorial Park, The Titula Roman Catolic Bishop of KL* dan *Xiao En Land Berhad*. Terima kasih.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan dan YB Exco dalam memberikan jawapan. Ini Soalan tambahan saya ialah berkenaan tanah-tanah perkuburan yang diusahakan oleh Persatuan-Persatuan Cina lah. Di mana, saya nak tanya adakah adakah kerajaan negeri akan menkenakan had bayaran maksimum ah kepada persatuan-persatuan ini kerana pada masa sekarang, mereka telah mengenakan bayaran yang amat tinggi kepada kita masyarakat Cina lah, untuk urusan pengebumian ini. Dan ada yang harga berlain-lain mengikut tanah ataupun kedudukan tanah tersebut. Jadi ini amat membebankan masyarakat Cina untuk urusan ini. Dan tanah-tanah mereka tidak diberikan oleh Kerajaan negeri untuk membantu

dan mengusahakan hal ini. Jadi saya rasa kita kena memandang serius supaya tiada apa-apa penyelewengan berlaku.

YB ADUN Bahau: Ok, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Temiang. Soalan tambahan Yang Berhormat Temiang itu memang satu soalan yang cukup baik sekali. Saya rasa kita semua sedia maklum untuk tapak perkuburan ini, bagi saya dia, walaupun ada pihak yang cuba mengatakan tak mencukupi, tetapi apa yang sedang kerajaan laksanakan sepanjang masa ini adalah kita sentiasa nak memastikan tapak perkuburan ini dia mencukupi. Cuma masalah yang dihadapi oleh saya rasa semua masyarakat, tak kiralah masyarakat Cina, India atau pun yang beragama Islam, saya rasa masalah kita adalah kos untuk kita mengendalikan pengebumian itu, ia agak tinggi. Dan ada kalanya yang mengadu bahawa *charge-charge* tersebut adalah agak membebankan. Jadi dalam perkara ini, sebenarnya Kerajaan negeri walaupun kita takda dasar untuk mengawal harga yang dikenakan, cuma apa yang saya ingin maklumkan, di dewan yang mulia ini, bahawa untuk perkuburan yang diuruskan oleh Majlis Bandaraya Seremban, saya boleh katakan *charge* pengebumian itu adalah sangat munasabah.

Dan pada masa yang sama, untuk perkuburan ini, dia tak seperti macam dasar perumahan. Kita boleh menghadkan, kita boleh adanya polisi di mana kita adanya Rumah Mampu Milik Type A RM80,000 ringgit, RM110,000 ringgit, tetapi kita tak boleh, takda kuasa untuk menghadkan harga tersebut. Jadi dalam perkara tersebut, saya juga ingin nak maklumkan dalam dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya Kerajaan negeri, kita sentiasa mendengar, sentiasa meneliti pandangan-pandangan daripada persatuan yang menguruskan perkuburan Cina ini.

Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini bahawa ada beberapa persatuan perkuburan Cina telah pun memohon untuk mereka membina ni apa…rumah simpan abu, untuk mereka memastikan bahawa mereka mempunyai tapak yang mencukupi untuk menguruskan pengebumian. Itu sesuatu yang sedang diusahakan dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Dan bagi saya, yang penting kita perlu pastikan bahawa untuk NGO ataupun persatuan yang menguruskan perkuburan ini perlu memastikan bahawa segala harga ataupun segala nilai yang mereka tawarkan itu perlulah berpatutan dan perlulah memastikan bahawa rakyat kita yang menghadapi isu ataupun menghadapi masalah itu dapat diselesaikan. Itu sedikit sebanyak pandangan saya. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Johol, Yang Berhormat Johol

YB ADUN Johol: Terima kasih, Dato' *Speaker*, Johol soalan nombor dua.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih, Dato Yang Dipertua. Terima kasih, Johol. Mengenai tajuk agama. Dato' Yang Dipertua, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sembilan JHEAINS di bawah Rancangan Malaysia ke-13 telah mengambil inisiatif kuntuk merancang pembangunan yang memberi fokus utama kepada penyelenggaraan dan menaik taraf masjid-masjid sedia ada di Negeri Sembilan, dengan melihat keperluan dari masa ke semasa berdasarkan keutamaan dan peruntukan yang diterima. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah mengangkat kertas cadangan untuk menaiktaraf dua buah masjid yang berada di Kawasan Johol seperti berikut. Pertama, kerja-kerja menaiktaraf tandas dan dewan terbuka Masjid Kariah Kepis Baru, dan yang kedua kerja-kerja menaiktaraf bilik jenazah dan pagar Masjid Kariah Dingkir.

Walaubagaimanapun, berdasarkan perbelanjaan tahun 2023 hingga 2025 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM 1,770,000.00** bagi penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan-kemudahan asas seperti masjid, surau, baikpulih tanah perkuburan Islam dan sekolah agama di kawasan Johol. Kerja- kerja ini adalah tertakluk kepada keperluan penyelenggaran mengikut keutamaan projek dari masa ke semasa dan peruntukan yang diterima, dan *Alhamdulillah* untuk 2026 *insya-Allah.* kalau diluluskan kita juga ada peruntukan untuk kerja-kerja menaiktaraf masjid. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, Mambau kemukakan soalan pertama.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih, ADUN Mambau. Permohonan perlanjutan tempoh pajakan 99 tahun. Sila nyatakan secara terperinci jumlah permohonan yang telah diterima dan ditolak oleh Pejabat Daerah Seremban dan beberapa jangka masa yang diambil dalam proses mendapatkan kelulusan permohonan lanjutan temoh 99 tahun.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan PTGNS telah menambah baik proses permohonan tanah melalui arahan yang dikeluarkan oleh PTGNS iaitu Arahan PTGNS Bil.17(2022) iaitu senarai semak dan proses kerja bagi permohonan pembangunan tanah di bawah Seksyen 124(1), 124A, 204D dan 197 dan 76 Kanun Tanah Negara Akta 828. Secara keseluruhan, tempoh masa yang digariskan untuk memproses satu permohonan pembangunan tanah yang lengkap bermula di Pejabat Tanah adalah selama 4 hingga 5 bulan untuk diangkat kepada pihak Berkuasa Negeri, PTGNS juga mengguna pakai pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 2 tahun 2024 mengenai Perlanjutan Tempoh Pegangan hakmilik berstatus pajakan

Negeri dan Pajakan Mukim di bawah Seksyen 90A Kanun Tanah Negara. Secara purata, jangka masa bagi memproses permohonan tempoh pajakan 99 tahun adalah selama 12 bulan. Jumlah yang telah diterima dan ditolak oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban daripada tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut; Permohonan diterima sebanyak 1,770, permohonan diluluskan adalah 1,243, permohonan ditolak adalah 69 dan permohonan dalam proses adalah 458 sahaja lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

3.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

Setiausaha Dewan: Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan bertulis yang telah diberitahu terlebih dahulu seperti yang di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan bagi pertanyaan bertulis adalah dibentangkan.

4. RANG UNDANG-PERBEKALAN (2026) 2025

[sambungan urusan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025]

Setiausaha Dewan: Perkara Keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua dan telah disokong. Sepertimana yang telah dipersetujui, pada hari Jumaat yang lepas Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan tahun 2026 akan dibincang dan dibahaskan bersekali dengan rang undang-undang ini. Oleh itu seterusnya saya kemukakan kedua-dua perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja. Bagi….. bagi memulakan…. bagi memulakan perbahasan ini saya dengan hormatnya menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Chennah. Ooh… Johol.

YB ADUN Johol: *Bismillahirrahmanirrahim*, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Sikamat,

Yang Berhormat Dato' Seri Exco Kanan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan ahli dewan yang saya hormat sekalian. *Alhamdulillah* segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya kita dapat berhimpun pada hari ini untuk membahaskan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2026, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Jumaat lalu, dengan penuh komitmen, kejelasan strategi serta wawasan untuk membawa Negeri Sembilan ke tahap yang lebih tinggi. Pertama sekali izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Sikamat serta seluruh jentera pentadbiran negeri atas penyediaan sebuah belanjawan yang bukan sahaja komprehensif tetapi sangat berpaksikan kesejahteraan rakyat, pertumbuhan ekonomi dan kesinambungan pembangunan negeri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya memulakan ucapan ini dengan kata-kata Imam Al-Ghazali, kata beliau, sesebuah negari itu tidak akan makmur melainkan dengan dua perkara; pemerintah yang amanah dan rakyat yang bermaruah. Kata-kata ini walaupun ditulis lebih seribu tahun dahulu, tetapi relevan sehingga hari ini. Ia mengingatkan kita bahawa sesebuah kerajaan yang baik mesti perlu mengimbangi antara dasar yang bersifat material dan penyuburan insan yang merdeka, berminda dan beretika. Inilah nilai yang saya lihat terserlah dalam Belanjawan 2026 Negeri Sembilan kali ini. Ia memberi penekanan kepada pendidikan, pembangunan insan, kebajikan, pertumbuhan ekonomi dan reformasi pelaburan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh perkara pertama iaitu mengenai prestasi dan ekonomi pelaburan Negeri Sembilan seperti yang dibentangkan. Negeri Sembilan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan dijangka berkembang pada kadar 3.7% hingga 4% pada tahun 2026. Ini adalah angka yang selari dengan ramalan pertumbuhan ekonomi negara dan menunjukkan bahawa Negeri kita berada pada landasan kukuh meskipun berhadapan ketidaktentuan ekonomi global. Kadar pengangguran juga berjaya dikekalkan pada paras rendah iaitu sekitar 2.9%, manakala inflasi terkawal sekitar 1.7%. Ini bukan sahaja memberi keyakinan kepada pelabur, bahkan memberi kelegaan kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Bagi saya, ini mencerminkan kekuatan asas ekonomi Negeri Sembilan yang disokong oleh sektor pembuatan, pertanian moden, pelancongan serta peningkatan produktiviti dalam kalangan tenaga kerja. Namun, saya ingin menegaskan bahawa kejayaan-kejayaan ini tidak seharusnya membuatkan kita terlalu selesa kerana dunia hari ini bergerak terlalu pantas, teknologi berubah setiap hari dan persaingan ekonomi semakin sengit. Maka Negeri Sembilan mesti sentiasa ke hadapan dan tidak boleh hanya berada di zon selesa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara kedua yang ingin saya perincikan ialah mengenai pelaburan. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan Negeri Sembilan kerana telah berjaya menarik pelaburan sebanyak

RM7.2 bilion pada 2024 dan RM6.2 bilion sehingga suku ketiga 2025 dengan unjuran RM8 bilion pada 2026. Ini adalah pencapaian yang bukan kecil. Malah memberi kesan langsung kepada peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi negeri. Akan tetapi, saya berpandangan bahawa negari kita mempunyai potensi pelaburan yang jauh lebih baik daripada apa yang kita kecapi hari ini. Cumanya strategi pelaburan kita hendaklah diubah dengan menjadikannya lebih berstruktur dan tidak keterlaluan saya katakan bahawa sudah tiba masanya Negeri Sembilan mengambil pendekatan yang lebih jauh lebih liberal, progresif dan fleksibel dalam penawaran pakej pelaburan kita. Kita tidak boleh lagi kekal terlalu regit, terlalu konservatif atau terlalu terikat kepada kerangka yang lama. Dalam pelaburan hari ini, memerlukan kerajaan negeri bersifat lebih agresif dan responsif dalam meluluskan permohonan serta menawarkan insentif.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, kita perlu ambil contoh daripada negeri lain di sekeliling kita. Misalnya negeri Johor, kita bergerak sangat pantas sebagai hab digital dan pusat data. Mereka menawarkan kelulusan *fast track* dan skim insentif pelaburan yang sangat kompetitif. Selangor pula terus mendominasi kawasan Lembah Klang dengan ekosistem *start-up* dan teknologi yang mesra pelabur. Perak dan Melaka juga semakin mempelbagaikan tawaran insentif bagi menarik pelaburan bernilai tinggi ke negeri mereka. Ini bermakna kita juga perlu agresif. Jika kita tidak melakukan perubahan atau strategi pelaburan jangka masa panjang yang berstruktur, saya bimbang yang negeri kita akan ketinggalan. Pelabur akan membawa modal mereka ke tempat lain. Oleh itu, saya mencadangkan agar struktur insentif pelaburan Negeri Sembilan perlu dikaji semula secara komprehensif. Kita perlu menyediakan pakej yang lebih fleksibel, memperluaskan skim potongan premium tanah, memperkenalkan kelulusan cepat untuk industri strategik, dan memberi tawaran setara dengan negeri jiran. Hanya dengan cara ini Negeri Sembilan boleh kekal kompetitif dalam landskap pelaburan serantau. Dalam pada itu, suka saya kaitkan hal ini dengan kawasan DUN Johol yang saya wakili. Johol mempunyai potensi besar dalam sektor agro makanan moden, industri desa, teknologi pertanian dan pelancongan luar bandar. Sebagai ahli yang mewakili penduduk di kawasan Johol, saya mengimpikan bahawa akan ada satu pelaburan berstatus mega dengan nilai ratusan juta atau bilion ringgit malaysia dapat ditarik masuk ke kawasan saya. Pelaburan seperti ini bukan sahaja akan merancakkan ekonomi setempat, tetapi mampu membuka peluang pekerjaan baharu yang lebih bermakna untuk anak muda di kawasan lain seperti Kuala Pilah, Jelebu dan Jempol. Bukan sekadar pekerjaan berkemahiran asas, tetapi peluang pekerjaan berkualiti tinggi atau *high quality job* dengan izin yang membolehkan anak-anak Johol membina kerjaya profesional tanpa perlu berhijrah ke bandar-bandar besar. Sudah sampai masanya Negeri Sembilan melihat kawasan-kawasan ini lebih daripada sebuah kawasan luar bandar.

Pandang dan lihatlah daerah-daerah lain juga sebagai kawasan dengan potensi besar untuk menerima pelaburan yang mampu mengubah landskap sosio-ekonomi masyarakatnya. Dengan adanya pelbagai kemudahan asas dan *connectivity* sedia ada di kawasan-kawasan ini, saya percaya Kuala Pilah, Jelebu dan Jempol juga sepatutnya menjadi lokasi pilihan untuk kerajaan negeri mempertimbangkan supaya dijadikan sebagai kawasan berpotensi bagi pelabur baik dari dalam mahupun luar negara. Dan tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan sedia ada, seperti Nilai, Seremban dan Port Dickson semata-mata. Maka bukalah pintu pelaburan seluas-uasnya supaya kawasan luar bandar juga memperolehi limpahan pelaburan ini sekaligus berpeluang menjadi hub pertumbuhan baru dan tidak hanya sekadar bergantung kepada bandar-bandar utama sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara ketiga yang saya ingin sentuh mengenai keseimbangan antara kebajikan dan pembangunan insan. Saya amat menghargai usaha kerajaan negeri memperuntukkan bantuan tunai, skim sokongan rakyat, bantuan pendidikan, dan pelbagai bentuk perlindungan sosial. Segala bantuan ini memang diperlukan, sama juga seperti pengumuman bonus selama dua bulan untuk kakitangan kerajaan negeri disamping satu bulan bonus prestasi. Dan saya menyokong sepenuhnya. Namun saya ingin memberi ingatan bahawa fokus kebajikan tidak boleh menjadi terlalu dominan. Seiring dengan itu, kebajikan harus dilihat secara menyeluruh termasuk melalui pembangunan kesejahteraan rakyat dengan memastikan kemudahan infrastruktur di luar bandar sentiasa lengkap dan teratur. Tidak cukup dengan itu, perbelanjaan kepada kebajikan juga tidak seharusnya menenggelamkan kepentingan pembangunan insan, pendidikan, dan pembinaan kapasiti rakyat. Seperti kata Ibnu Khaldun dalam karya al-muqaddimah, kemajuan sesebuah tamadun tidak terletak pada harta benda semata-mata, tetapi pada ilmu, latihan, dan pembinaan insan.

Kenyataan ini disokong pula dengan ungkapan popular daripada tokoh Amerika Syarikat, Benjamin Franklin, iaitu *an investment is knowledge pays the best interest*. Kata-kata daripada dua tokoh tadi sangat bertepatan dengan konteks kita hari ini. Negeri Sembilan tidak boleh hanya memberi ikan, tetapi mesti mengajar rakyat kita cara memancing. Jika rakyat diberi ilmu dan kemahiran, mereka akan berdiri lebih berdikari dan mampu meningkatkan taraf hidup mereka. Justeru, saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM28.81 juta untuk pendidikan, termasuk program generasi celik AI, *Fast-Track* Tahfiz SPM, penyediaan laptop, dan bantuan dermasiswa. Tetapi, saya juga berharap agar program pembangunan kapasiti rakyat diperluaskan terutama dalam bidang TVET, kemahiran digital, keusahawanan desa, latihan pertanian moden, dan inkubator perniagaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Johol sendiri, anak muda memiliki potensi besar untuk memerlukan, tetapi memerlukan pendedahan dan kemudahan untuk meningkatkan pendapatan. Saya sendiri di Johol sangat memberikan perhatian kepada pembangunan pendidikan untuk orang Johol. Pelbagai aktiviti yang kami usahakan termasuk program tuisyen kepada anak-anak Johol yang dianjurkan sejak dari tahun 2019 sehingga ke hari ini. Tidak cukup dengan itu, program kepimpinan pelajar dan anak-anak Johol juga telah dianjurkan. Ini adalah dengan cara menjemput anak-anak tempatan merupakan graduan daripada *Imperial College United Kingdom* yang merupakan antara universiti antarabangsa terbaik di dunia untuk memberi inspirasi kepada anak-anak Johol agar mereka juga terus cemerlang dalam pendidikan masing-masing. Ini semua hanyalah usaha kecil kami di Johol. Di peringkat dasar, untuk pembangunan insaniah, kita perlu bekerjasama menyeluruh daripada pelbagai pihak. Maka, diharapkan aspek pendidikan ini akan terus diperkukuhkan oleh kerajaan negeri pada tahun-tahun mendatang. Untuk kami di Johol, selain kebajikan kami dipelihara, kami juga menjadi penyumbang aktif kepada ekonomi negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara keempat adalah mengenai input berkaitan projek pembangunan di sekitar kawasan Johol. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas kelulusan pembinaan tambahan bangunan Sekolah Menengah Agama Johol dengan peruntukan RM3 juta ringgit. Keadaan sekolah ini sememangnya memerlukan penambahan infrastruktur kerana bilangan pelajar semakin meningkat dan kemudahan yang ada sudah tidak mencukupi. Keduanya, saya memohon agar program seperti Inisiatif Anak Pokok Harapan, Inisiatif Kolam Rakyat, serta Projek Agro-Makanan berskala kecil diperluaskan ke kawasan Johol. Kawasan kami mempunyai tanah-tanah yang subur dan masyarakat yang rajin dan saya percaya program-program ini boleh menjadikan Johol sebagai model pembangunan luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara kelima suka juga untuk saya memberi sedikit pandangan atau komen mengenai pentadbiran kerajaan negeri. Sebab sebagai Pengerusi *Back Benchers*, saya ingin menyuarakan bahawa wakil rakyat di dewan ini khususnya daripada pihak kerajaan sentiasa bersedia memberikan pandangan, cadangan, dan input berkualiti kepada pentadbiran negeri. Namun, apa yang saya mahukan adalah polisi dan dasar pelaksanaan pentadbiran kerajaan negeri tidak hanya didominasi oleh anggota pentadbiran semata-mata, tanpa melibatkan libat urus dengan kami sebagai wakil rakyat kerajaan negeri. Sebagai contoh melibatkan isu-isu berkaitan caj-caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan kepada rakyat. Ini sedikit sebanyak menyukarkan kami kerana ada juga keputusan-keputusan itu yang akhirnya memerlukan kami untuk memberi penjelasan dan menerangkan kepada rakyat mengenai apa yang sedang dilaksanakan. Oleh itu, pada saya pejabat SUK perlu lebih inklusif dan melibatkan wakil

rakyat terutama dalam peringkat awal penggubalan polisi dan perancangan pembangunan. Ingatlah bahawa kami bukan sekadar pembentang isu, tetapi kami adalah jambatan antara rakyat dan kerajaan negeri. Bagi tujuan itu, suka untuk saya cadangkan agar sesi libat urus dwi-bulanan diantara Pejabat SUK dan ADUN kerajaan supaya kita dapat bersama-sama menyumbang untuk rakyat di negeri ini, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di penghujung perbahasan saya ini, saya menyambut baik rekod pentadbiran kerajaan negeri ini. Dengan usia kerajaan perpaduan telah berusia lebih dua tahun. Rekod pentadbiran negeri dilihat begitu meyakinkan. Oleh kerana itulah saya memberikan komitmen yang penuh, bahawa kami akan terus berdiri teguh di belakang kepimpinan Yang Amat Berhormat Sikamat dan Yang Berhormat Pertang demi kesinambungan pembangunan negeri yang kita sama-sama sayangi ini. Percayalah, jika kerajaan negeri ini meneruskan prestasi cemerlang seperti ini, kami akan terus menjadikan benteng kestabilan politik dan menyokong dasar baik yang hendak diperkenalkan insya-Allah. Akhir kata, akhir sekali saya akhiri perbahasan saya ini dengan membaca sepotong doa yang diriwayatkan oleh Musnad Ahmad. (Bacaan dalam Bahasa Arab) yang bermaksud "*Ya Allah, jadikan segala urusan kami berakhir dengan baik dan lindungilah kami dari bencana dunia dan azab akhirat*". Maka untuk itu, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya dengan ini menyokong Belanjawan Negeri Sembilan tahun 2026. Sekian wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Johol. Saya menjemput Yang Berhormat Chennah.

YB ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas kepada Yang Amat Berhormat Sikamat dan seluruh pimpinan kerajaan negeri, kerana sekali lagi berjaya membentangkan satu belanjawan yang baik dan menampakkan hasil kerajaan negeri kita semakin meningkat. Dalam trend 2 tahun yang lalu ini, walaupun di peringkat sini di Dewan Undangan Negeri, pada tahun 2024, 2023 kita meluluskan belanjawan defisit untuk 2024 dan pada 2024 kita meneruskan belanjawan berimbang. Namun begitu dalam 2 tahun lalu ini kita menampakkan bahawa pungutan dan kutipan hasil sebenar lebih tinggi daripada apa yang diunjurkan ataupun dianggarkan. Dan memberikan impak positif kepada kedudukan keadaan kewangan kerajaan negeri, di mana ada lebihan lebihan belanjawan sebenarnya. Dan ini, sudah tentu dapat memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan negeri dalam tempoh dua tiga tahun yang lalu ini.

Dan saya merasakan bahawa ini adalah satu kesan positif dan satu impak secara langsung daripada satu kestabilan politik yang kita ada di Negeri Sembilan. Khususnya selepas pilihan raya negeri yang lalu, pada tahun 2023, kita telah membentuk sebuah kerajaan perpaduan yang utuh, yang stabil, yang kuat dan yang paling penting bahawa kerajaan Negeri Sembilan, di bawah model kerajaan perpaduan ini telah menunjukkan satu semangat kerjasama yang cukup tinggi. Dan dalam negeri, kita tidak bermain politik. Kita memberikan fokus sepenuhnya sepenuhnya kepada pembangunan negeri. Jadi saya rasa dalam perkara ini saya ingin merakamkan tahniah kepada seluruh pimpinan kerajaan negeri, baik pimpinan daripada Pakatan Harapan mahupun daripada pimpinan Barisan Nasional. Kerana inilah yang bagi saya sesuatu yang paling penting. Bahawa fokus sebenar kita mestilah kepada pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Supaya negeri kita stabil, negeri kita makmur. Dan ini memberikan keyakinan kepada pelabur untuk terus melabur di Negeri Sembilan. Dan hasilnya kita Nampak begitu jelas sekali. Dua tahun ini, kita lihat hasil kita meningkat. Mengapa hasil kita meningkat? Bukannya kerana kita menaikkan cukai. Bukannya kita menaikkan kadar cukai tanah. Tetapi oleh kerana ada pembangunan dan pelaburan yang berterusan yang masuk ke Negeri Sembilan.

Ada pembinaan kilang-kilang baru, ada pembelian tanah-tanah baru yang sudah tentunya memberikan kesan positif kepada pungutan premium-premium tanah oleh kerajaan negeri. Ini amat jelas sekali dari segi hasil bukan cukai kita, unjuran untuk tahun 2026 hasil bukan cukai kita ialah RM372 juta. Sebahagian besarnya daripada premium-premium tanah. Begitu juga dalam dua tahun yang lalu ini. Jadi ini adalah satu petanda bahawa untuk kita meneruskan pungutan hasil yang tinggi ini dan sasaran kerajaan negeri untuk mencapai pungutan hasil sebanyak RM1 bilion ringgit menjelang tahun 2030 bukannya mustahil. Tetapi kita mesti memastikan bahawa iklim pelaburan pada Negeri Sembilan ini mesti kekal positif. Dan mesti kita dapat menarik minat pelabur-pelabur untuk terus melabur di Negeri Sembilan. Baru kita boleh mencapai status hasil cukai yang lebih tinggi. Dan ini juga saya ingin nyatakan bahawa kedudukan kita ini, kedudukan kewangan kita ni, walaupun ia baik sekarang, tetapi kita mesti berhati-hati. Kita mesti berwaspada, dan kita mesti sedar bahawa kedudukan kewangan yang kuat ini bukannya sesuatu yang *given.* Dia mesti ada usaha berterusan untuk memastikan kita terus mampu untuk berbelanja. Khususnya dari segi bantuan-bantuan kewangan kepada rakyat, bantuan kebajikan kepada rakyat termasuk juga kepada penjawat-penjawat awam di peringkat negeri. Di Negeri Sembilan ini telah pun mencapai rekod kita meluluskan, dan membentangkan, Yang Amat Berhormat membentangkan dan mencadangkan bonus ataupun bantuan khas kewangan minima dua bulan kepada semua penjawat awam negeri. Dan tambahan pula, 1 bulan tambahan sekiranya prestasi yang baik, menjadikan kita negeri yang antara yang tertinggi . Jadi, perkara ini mungkin negeri-negeri berlainan juga sekarang ini

berlumba-lumba nak lihat mana negeri yang mampu bayar lebih banyak bonus. Sarawak pun hanya bayar 2 bulan, Negeri Sembilan cadangkan 3 bulan. Jadi ini Yang Amat Berhormat Sikamat ni jaguh sikitlah. Bonus lebih tinggi dari Selangor dan Sarawak.

Namun begitu kita mesti sedar dan saya harap juga para penjawat awam sedar dalam perkara ini. Saya tiada masalah untuk memberikan bonus yang tinggi kepada penjawat awam. Kalau hasil dan prestasi kerajaan negeri kita baik. Namun begitu, semua pihak mesti juga sedar bahawa kedudukan ini atau bayaran bonus yang lebih tinggi juga mesti diikuti dengan produktiviti yang lebih tinggi. Dan kita mesti berusaha sekeras mungkin membantu merealisasikan aspek visi dan juga apa yang diharapkan oleh kerajaan negeri. Kalau kita nak berterusan seperti ini, tiap-tiap tahun ada bantuan khas kewangan 2 bulan, 3 bulan. Kita perlu memastikan hasil kena berterusan. Saya nak ingatkan bahawa hasil yang kita terima pada hari ini bukannya sesuatu yang kekal. Dia mesti atas usaha berterusan. Kerana kalau kita lihat struktur anggaran hasil kita, hasil cukai hanya 28%. Terimaan bukan hasil 10%. Dan kebanyakan hasil kita ini disumbangkan oleh hasil bukan cukai. Dan hasil bukan cukai ini boleh berubah-ubah tiap-tiap tahun. Ia bukannya kekal. Ia tidak sama dengan cukai tanah. Hasil cukai, cukai tanah adalah kekal. Tiap-tiap tahun kena bayar cukai tanah.

Tetapi, daripada hasil bukan cukai, premium tanah dan sebagainya, dan juga permit untuk galian dan sebagainya, itu amat bergantung kepada iklim ekonomi dalam negeri kita. Kalau pelaburan tak masuk, takda syarikat-syarikat baru nak datang membina kilang, membuat pelaburan, jadi premium tanah akan berkurangan. Dan kalau takda pembangunan, maka permintaan terhadap hasil-hasil galian seperti pasir, batu, dan sebagainya, juga akan berkurangan. Jadi, semua ini adalah satu kitaran ekonomi yang perlu kita fahami. Bahawa kalau kita nak baik, kita nak makmur, kita nak tiap-tiap tahun ada bonus, mesti kita sama-sama berusaha memastikan pertumbuhan ini berterusan, dan pembangunan ini mesti berterusan.

Jadi, saya nak mengatakan bahawa saya mengharapkan seluruh jentera Kerajaan negeri, mesti bersama-sama baik dalam dewan yang mulia ini, mahupun jentera pentadbiran kerajaan negeri, mesti berusaha dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada pimpinan kerajaan negeri untuk merealisasikan segala perancangan dan memastikan kestabilan dalam negeri kita ni berterusan, supaya Pembangunan akan dapat diteruskan dan pelaburan tetap masuk dalam Negeri Sembilan.

Sukacita saya nak berkongsi dalam dewan yang mulia ini, satu projek yang saya telah hadiri pada hari Sabtu yang lepas. Di mana saya sebagai Menteri Pengangkutan telah dijemput untuk merasmikan majlis pecah tanah kerana projek itu ada hubungkait dengan Kementerian Pengangkutan yang

berlangsung ataupun projek itu di Seremban. 2 tahun lalu, saya telah pun mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan Kumpulan Sunway, Pengasas Kumpulan Sunway Tan Sri Jeffry Chia untuk menjemput beliau untuk melihat potensi di Negeri Sembilan kerana di bawah agensi Kementerian Pengangkutan, *Railway Assets Corporation* ada sebidang tanah 20 ekar di belakang stesen kereta api Seremban.

Kita sudah tentu melalui proses RFP *(Request For Proposal)*, tender dan sebagainya, dan memastikan pihak yang ingin memajukan tanah tersebut memberikan pulangan yang tertinggi kepada kerajaan. Selepas proses hampir lebih setahun ini, akhirnya pada bulan Mei yang lalu, pihak RAC telah pun menandatangani satu perjanjian usahasama dengan Kumpulan Sunway pada bulan Mei yang lalu. Tak sampai 7 bulan, sukacita saya nak berkongsi pada dewan yang mulia ini, bahawa majlis pecah tanah telah pun disempurnakan pada hari Sabtu yang lepas di belakang Stesen Keretapi Seremban. Dimana projek ialah dinamakan sebagai Projek Seremban Sentral. Di mana kita nak berusahasama dengan pihak swasta, dalam kes ini Kumpulan Sunway, untuk membangunkan satu projek *Transit Oriented Development.* Pihak Kementerian Pengangkutan sedang membangunakan semula Stesen Keretapi Seremban, akan menjadikan stesen itu lebih moden, lebih baik dengan kemudahan yang lebih lengkap.

Tetapi, ia tidak cukup kalau tidak ada unsur TOD ataupun *Transit Oriented Development*. Jadi selepas RFP, pihak RAC telah pun memilih Kumpulan Sunway sebagai rakan usahasama untuk memajukan Projek Seremban Sentral ini. Komponen-komponen yang dibawa oleh Kumpulan Sunway ini adalah membangunkan pertamanya dalam fasa pertama, satu hospital swasta ataupun satu pusat perubatan swasta *medical centre* yang kita tau bahawa dalam negara kita ini ada pusat-pusat perubatan swasta di merata tempat terutamanya di bandaraya-bandaraya yang besar. Di Lembah Klang kita ada banyak, di Melaka, di Johor Bahru, di Pulau Pinang, memang ada banyak pusat-pusat perubatan swasta ini. Malah di Seremban juga ada 2,3 pusat perubatan swasta sebelum ini, tetapi skalanya belum cukup besar.

Jadi, Kumpulan Sunway telah pun bersetuju dan melabur untuk membina satu pusat perubatan swasta dengan 250 katil di Projek Seremban Sentral tersebut. Ditambah pula, bukan sahaja pusat perubatan swasta, akan ada projek pembangunan integrasi, ada pusat membeli belah, ada pusat komersial, ada ruang pejabat, dan juga dalam fasa kedua akan dibina projek-projek perumahan. Jadi, keseluruhan projek ini akan memberikan impak yang sangat besar kepada, khususnya kepada Seremban. Dan di mana Pusat Bandaraya Seremban kita, satu pusat bandar yang lama, yang tidak nampak banyak pembangunan-pembangunan baru, kerana banyak pembangunan berlaku ataupun berlangsung di luar pusat bandar lama kita. Terutamanya di Seremban 2, di Seremban 3, di kawasan Senawang dan sebagainya. Tetapi

di kawasan pusat bandar lama kita ni, sudah agak lama tidak ada pembangunan semula, dan ini bukannya pembangunan semula, ini satu projek pembangunan baru, di satu tapak yang terbiar selama ini. 20 ekar, kerana selama ini ia merupakan tanah reserved oleh *Railway Asset Corporation.*

Di mana kita sekarang ini menggunakan ataupun aaa…. menggunakan tanah ini untuk dibangunkan, untuk menjadikan tempat tersebut sebagai satu hab pengangkutan awam yang penting untuk Seremban. Dan saya rasa bahawa ini akan memberikan satu *catalyst* yang besar kepada pembangunan Bandaraya Seremban, dan mengubah wajah Bandaraya Seremban yang lebih moden. Kerana harapan saya ialah supaya ia akan membawa kepada pembangunan sektor *medical tourism* di Seremban. Kerana hospital tersebut dan projek tersebut bersebelahan dan akan diintegrasikan dengan Stesen Keretapi Seremban. Stesen Kereta Api Seremban ini akan bakal menjadi satu stesen yang sangat penting. Kerana yang pertamanya, kita akan bina satu stesen baru.

Yang kedua, ETS Selatan akan melalui stesen Seremban ini setiap hari, berulang kali. Kerana untuk makluman, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada Jumaat akan datang, 12 Disember, bermulalah satu sejarah baru dalam negara kita. Di mana perkhidmatan ETS Selatan akan bermula dari KL Sentral menuju ke Johor Bahru. Trek tersebut telah siap sepenuhnya, pada hari Khamis akan datang, 11 Disember, projek itu akan dirasmikan secara rasminya oleh Pemangku Sultan Johor dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru. Dan pada hari Jumaat, akan bermulalah perkhidmatan ETS dari Kuala Lumpur menuju ke Johor Bahru, dan juga Johor Bahru menuju ke Utara. Jadi, setiap perjalanan ini akan melalui Seremban. Kerana Seremban adalah stesen yang mesti dilalui oleh ETS Selatan sebelum sampai ke Kuala Lumpur, ataupun sebelum dari Utara sebelum sampai ke Selatan. Jadi, sudah tentu kita merupakan satu stesen yang sangat penting dalam laluan ini. Dan kita mengharapkan bahawa dengan adanya perkhidmatan ETS ini, ia akan menggalakkan dan membawa lebih ramai orang. Penumpang, pelancong dan sebagainya dan pelawat untuk datang ke Seremban, menggunakan ETS. Dan dengan ETS ini juga, apabila dah siap dalam tempoh 5 tahun, projek TOD ini, ada hospital swasta, ada pusat membeli-belah dan sebagainya, ia juga boleh membantu untuk memangkinkan dan menggalakkan pertumbuhan *medical tourism* di Seremban. Iaitu membawa pelawat-pelawat ataupun pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di hospital tersebut, menggunakan ETS datang ke Seremban dan boleh diintegrasikan dalam hospital dengan mudah.

Jadi, selain ETS, sudah tentu kerajaan pusat juga sedang membaik pulih dan membangunkan semula landasan berkembar di antara Seremban ke Kuala Lumpur. Dan projek ini dijangka siap dalam masa 1,2 tahun. Dan apabila siap

kelak, perkhidmatan KTM komuter antara Seremban ke Kuala Lumpur akan menjadi lebih kerap. Saya tahu rungutan daripada orang ramai khususnya orang-orang yang duduk di Seremban dan bekerja di Kuala Lumpur, rungutan mereka bahawa sekarang ini perkhidmatan KTM komuter ini tidak begitu baik. Kerana dulu boleh sampai ke Kuala Lumpur dalam tempoh 70 minit, 75 minit. Sekarang ini, tiap-tiap hari mengambil masa mungkin lebih 100 minit ataupun hampir 2 jam dari Seremban sampai ke Kuala Lumpur. Perkara ini memang saya faham, rungutan daripada orang ramai kerana sekarang ini, ada landasan-landasan yang sedang dibaikpulih menyebabkan bahawa kita tak boleh menggunakan dan mengoptimumkan secara sepenuhnya landasan berkembar dalam sektor di antara Seremban ke Kuala Lumpur.

Namun begitu, projek sedang dijalankan. Dan kita harap projek ini dapat diselesaikan dalam kadar yang lebih segera dan mengembalikan landasan berkembar itu seperti sebelum ini. Dan apabila siap nanti, landasan itu lebih elok, lebih selamat, lebih baik dan dan sudah tentu kelajuan *train* akan dapat ditambah baik. Begitu juga dengan *train set* atau *rolling stock,* yang sebelum ini, kita menghadapi pelbagai masalah teknikal. Kerajaan pusat juga sedang merangka satu kerangka baharu untuk mendapatkan *train* yang lebih banyak dengan melalui program *leasing*. Supaya *train set-train set* ini dapat diselenggara dengan lebih baik dan dengan jumlah yang lebih banyak, bilangannya lebih banyak, kita dapat menambah kekerapan bilangan *trip* di antara sektor-sektor utama ini. Dan sudah tentu antara Seremban ke Kuala Lumpur jarak itu dan masa yang digunakan akan dapat dipendekkan. Menjadikan kemudahan *train* ini akan dapat lebih selesa, lebih cepat, dan sudah tentu akan menjadi minat dan kegemaran kepada pengguna-pengguna. Dan semua ini akan dapat memberikan satu impak positif. Dan juga galakan kepada orang ramai menggunakan pengangkutan awam, menggunakan rel, untuk berulang-alik antara Seremban dan Kuala Lumpur. Dan dapat menjana lebih banyak pertumbuhan di Seremban. Khususnya warga Seremban, yang berulang-alik dengan Kuala Lumpur dan juga tempat-tempat lain. Saya harap dengan sokongan Kerajaan persekutuan, membangunkan sektor pengangkutan awam, membangunkan sektor rel ini akan menjadi satu lonjakan pertumbuhan kepada ekonomi Negeri Sembilan.

Jadi Dato' Yang Dipertua, Tuan Yang Dipertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengharapkan bahawa ini dapat direalisasikan dan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Begitu juga di Seremban, selain daripada projek TOD ni, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, supaya kita sama-sama melihat dan merangka strategi untuk menaikkan sektor perkhidmatan kita. Apa yang saya maksudkan sektor perkhidmatan ialah, dari segi kedudukan Seremban yang dekat dengan Lembah Klang, dekat dengan Kuala Lumpur, tambahan pula dengan rangkaian pengangkutan awam, yang akan ditingkatkan dan lebih baik, maka kita salah satu sektor yang boleh kita tarik minat daripada syarikat-syarikat besar iaitu Syarikat-syarikat MMC, ialah

relocate mereka punya operasi *back-end*, *back-end office* mereka, ke Seremban.

Ini merupakan satu *trend* yang kita lihat di bandaraya-bandaraya besar. Umpamanya operasi-operasi seperti *accounting*, HR dan sebagainya, dia tak semestinya perlu dilaksanakan di ibu kota, tak semestinya perlu dijalankan di pejabat di *downtown* bandar Kuala Lumpur.

Call Center umpamanya, ia boleh *relocate* ke tempat yang lebih murah. Dan Seremban akan menjadi pilihan kepada, kepada syarikat-syarikat ini. Kalau kita ada kemudahan yang lengkap, kalau kita ada rangkaian pengangkutan yang baik, maka kita juga dapat mendekatkan jarak ini dan menarik minat syarikat-syarikat untuk *relocate*. Dan sudah tentu ini, akan dapat kita melonjakkan permintaan kepada ruang-ruang pejabat di Seremban, yang sudah tentunya kadar sewa lebih murah. Dan saya yakin bahawa apabila kita dapat menaikkan sektor ini, akan dapat kita tarik lebih banyak syarikat-syarikat swasta untuk melabur, untuk membina bangunan-bangunan ruang pejabat di Seremban. Yang rata-rata kita lihat bahawa ruang pejabat di Seremban sekarang ini dia permintaannya tidak begitu tinggi. Dan menyebabkan ada *over supply* dan sebagainya. Jadi kita mesti merangka satu kaedah, satu strategi, bagaimana menarik minat syarikat-syarikat besar ini, atau syarikat-syarikat MMC ini untuk melihat, meletakkan sebahagian operasi mereka.

Kita tahu kebanyakan syarikat kalau mereka nak letak ibu pejabat, sudah tentu mereka nak letak di ibu kota di Kuala Lumpur ataupun di Lembah Klang. Tetapi banyak operasi sebenarnya boleh dilaksanakan di tempat-tempat seperti Seremban, yang tidak begitu jauh daripada Kuala Lumpur, dan menawarkan *value proposition* yang lebih tinggi kepada syarikat-syarikat ini, khususnya dari segi kadar sewa dan sebagainya. Jadi, sektor perkhidmatan ini memainkan peranan yang penting kepada ekonomi Negeri Sembilan. Namun begitu kita tahu bahawa kita tak boleh bergantung kepada satu-satu sektor sahaja. Ekonomi Negeri Sembilan banyak bergantung kepada *twins engine*, ataupun dua enjin ini, sektor perkhidmatan dan sektor perindustrian. Kerana kedua-dua sektor ini menawarkan peluang pekerjaan yang paling besar kepada rakyat Negeri Sembilan, kepada anak-anak tempatan. Jadi, kita mesti bergerak seiring. Kita nak menaikkan sektor perkhidmatan, kita juga nak majukan sektor perindustrian kita. Dan sektor perindustrian sekali lagi Negeri Sembilan semakin menjadi tumpuan. Ada laporan-laporan dalam sosial media menyatakan bahawa Negeri Sembilan sekarang ini sudah mula dikenalpasti apa yang dikatakan sebagai *hidden gem*. Selama ini, orang tak tengok dari segi pelaburan dan perindustrian di Negeri Sembilan. Banyak diperkatakan di Selangor, di Johor, di Pulau Pinang. Tetapi kebelakangan ini, Negeri Sembilan semakin menjadi tumpuan. Semakin menjadi perhatian daripada syarikat-syarikat besar termasuk perindustrian-perindustrian baru

yang ingin melihat kepada pelaburan dan pembukaan kilang-kilang ini di Negeri Sembilan. Kerana kita menawarkan pelbagai kelebihan, dari segi geografi, dari segi tanah, dari segi kos. Semua ini adalah faktor-faktor positif yang boleh menjadikan Negeri Sembilan antara pilihan utama kepada pelabur-pelabur asing, dan juga pelabur-pelabur tempatan. Jadi, dalam perkara ini, mesti kita teruskan usaha. Exco perindustrian perlu memainkan peranan yang lebih aktif. Sudah tentu, Yang Berhormat Bahau selaku Exco perindustrian, telah pun memberikan usaha ataupun memberikan usaha terbaik untuk menarik lebih banyak pelaburan dan perindustrian. Jadi, ini mesti diteruskan. Kerana ini sesuatu yang penting kepada pembangunan ekonomi Negeri Sembilan.

Namun begitu saya rasa, seperti yang pernah saya nyatakan dalam dewan yang mulia ini, kalau kita nak terus menaikkan sektor perindustrian Negeri Sembilan, salah satu projek ataupun salah satu faktor yang penting ialah kita mesti menaikkan kemudahan logistik dalam negeri kita. Negeri Sembilan takda lapangan terbang. Sebab kita punya lapangan terbang, tak perlu lapangan terbang di Negeri Sembilan. Kerana kita begitu dekat dengan KLIA. Jadi tidak timbul soal kita memerlukan satu lapangan terbang. Lapangan terbang KLIA cukup dekat dengan Negeri Sembilan. Kita hanya berjiran sahaja. Keluar sahaja daripada Nilai, kita sudah sampai ke KLIA. Jadi kita takda soal keperluan untuk sebuah lapangan terbang khusus untuk Negeri Sembilan. Permintaan itu atau syarat itu tidak timbul. Namun begitu, seperti yang saya nyatakan, kita juga walaupun ada pesisir Pantai, ada Port Dickson, kita ada jeti, tetapi kita tidak ada satu pelabuhan kontena di Negeri Sembilan. Jadi, sudah ada pelaburan swasta yang ingin melabur satu pelabuhan kontena di Port Dickson dan telahpun diluluskan. Kementerian Pengangkutan telahpun memberikan kelulusan secara prinsip untuk memberikan lesen operasi kepada pelabuhan ini sebagai pelabuhan swasta. Bukannya melalui konsesi, kerana tanah bukan milik Kerajaan persekutuan. Mereka milik swasta. Jadi, kita menggunakan model pelaburan swasta. Memberikan lesen kepada mereka. Namun begitu, pembinaan pelabuhan itu mesti dibiayai sepenuhnya oleh syarikat swasta tersebut. Dan dalam perkara ini, memang sudah diluluskan projek pembinaan AI Port di Port Dickson. Cuma saya difahamkan projek pembinaan belum dapat dimulakan kerana masih menunggu kelulusan merancang daripada pihak berkuasa tempatan.

Suka saya nak bertanya kepada pihak kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apakah status kebenaran merancang daripada PBT? Kerana ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan dari segi lesen operasi, bawah Kementerian Pengangkutan. Dari segi kajian-kajian teknikal, laporan hidrografi, laporan dia punya *marine risk assessment* dan sebagainya, itu memang di bawah Jabatan Laut. Tetapi untuk membina kemudahan Pelabuhan itu secara fizikal, itu memerlukan kelulusan KM ataupun kebenaran merancang daripada

pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan negeri. Saya faham bahawa ini adalah satu projek usahasama antara pihak kerajaan negeri dengan pihak . Jadi, ada isu-isu tanah telah pun diselesaikan. Cuma sekarang ini tertangguh hanya kebenaran merancang sebelum pembinaan fizikal dapat dimulakan. Saya mengharapkan supaya pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri memberikan perhatian yang lebih besar kepada perkara ini. Dan saya harap kebenaran merancang ini dapat diluluskan secepat mungkin supaya pembinaan secara fizikal dapat dimulakan. Kerana orang tak percaya sehingga mereka lihat. Saya tahu bahawa ada juga pihak-pihak yang meragui sama ada betul atau tidak. Banyak dah cakap. Saya dah cakap banyak kali. MB pun dah cakap banyak kali. Ada pelabuhan ini. Tetapi belum nampak ada projek pembinaan. Maka keyakinan itu belum ada sepenuhnya. Walaupun mereka lihat potensi begitu besar kalau dibina satu pelabuhan dekat Port Dickson, maka sudah tentu kawasan-kawasan perindustrian dapat dinaikkan di sekitar Port Dickson. Tambahan pula dengan perancangan daripada kerajaan negeri yang telah pun diluluskan oleh MPFN untuk menjadikan kawasan itu tersebut sebagai satu zon perindustrian dan satu zon logistik utama di bawah rancangan pembangunan Negeri Sembilan di bawah MVV 2.0. Jadi, ini semuanya memerlukan orang lihat secara fizikal, kerana saya faham psikologi ramai orang ni. Kalau mereka belum lihat projek itu bermula, maka keyakinan itu belum ada. Namun begitu apabila projek bermula, sudah minat dan keyakinan itu akan datang.

Ini sangat jelas. Pengalaman saya dalam Kementerian Pengangkutan, kita cakap pasal projek RTS di Johor Bahru. Semasa kita bincang projek itu, orang tak begitu berminat. Orang tak tahu sebab dia masih samar-samar, belum lihat. Tetapi apabila projek itu mula dibina, Nampak *wire path* dia, nampak jabatan dia, merentasi Selat Tebrau, maka banyak pihak swasta berpusu-pusu, berlumba-lumba untuk masuk melabur di kawasan Johor Bahru. Dan menyebabkan satu lonjakan yang besar. Kerana mereka lihat bahawa projek itu bukannya cakap omong-omong kosong. Itu adalah sesuatu yang reality, sesuatu yang benar yang di *commit* oleh kerajaan. Jadi, dalam perkara ini, saya rasa sama juga pertimbangannya. Kalau projek ini dapat dimulakan secepat mungkin, ia akan menjana satu minat yang lebih besar kepada sektor perindustrian di Negeri Sembilan, dan sudah tentu dapat memberikan keyakinan yang lebih besar kepada para pelabur asing. Saya harap ini dapat diberikan perhatian dan dapat dimulakan dalam kadar yang segera. Seboleh-bolehnya dalam suku pertama atau suku kedua tahun 2026, projek pembinaan secara fizikal dapat dimulakan dengan rasminya.

Yang terakhir Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan sektor perlombongan. Saya nak membahaskan perkara ini dari sudut keselamatan. Umum diketahui, saya telah pun nyatakan di parlimen dan di dewan rakyat, bahawa Kementerian Pengangkutan memang memandang serius isu keselamatan pengguna terutamanya dari segi

kemalangan-kemalangan yang berlaku akibat daripada kenderaan-kenderaan berat yang membawa muatan yang melebihi. Itu sebabnya, di bawah Kementerian Pengangkutan, kita telah melaksanakan satu kempen besar-besaran, perang terhadap *over loading* ataupun had melebihan muatan. Perkara ini banyak berkisar juga dengan sektor perlombongan, kerana antara punca ataupun antara sektor atau subsektor yang banyak *over loading* ini ataupun membawa had lebih muatan ini. Ialah sector kuari, lori-lori pasir, lori-lori batu, lori-lori yang membawa mineral. Jadi, dalam perkara ini, memang kita menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan. Banyak juga telah pun dilaksanakan di Negeri Sembilan, banyak juga dikuatkuasakan. Ada juga lori-lori yang telah pun disaman, disita dan sebagainya di Negeri Sembilan.

Jadi saya mengharapkan dan saya memohon kerjasama daripada pihak kerajaan negeri. Saya tahu bahawa permit untuk kuari dan sebagainya, itu di bawah kerajaan negeri. Kerana hasil royalti dan sebagainya itu dibayar kepada kerajaan negeri. Jadi, permit mesti dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri. Saya mengharapkan bahawa pihak-pihak berkuasa negeri melalui Jabatan Tanah dan Galian, dan juga Pejabat-Pejabat Tanah dan Daerah melihat balik supaya mengetatkan syarat-syarat kepada kuari-kuari ini. Supaya mereka juga ada aaa… ada tanggungjawab untuk memastikan bahan-bahan galian ataupun bahan-bahan mineral yang keluar dari kuari mereka tidak melebihi had yang dibenarkan. Kerana perkara ini kalau kita nak memerangi isu had melebihi muatan ini yang saya yakin semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bahawa ini perlu diperangi. Yang Berhormat Labu sebelum ini, pernah mengadu dalam dewan yang mulia ini, berkenaan dengan lori-lori pasir, saya terus mengarahkan JPJ kuatkuasa dan sebagainya. Tetapi, perkara itu kita tak boleh melihat pada satu sudut sahaja. Kerana penguatkuasaan memang ada pemandu-pemandu lori yang tidak berpuas hati. Syarikat-syarikat pengangkutan ada yang tak berpuas hati. Tetapi tanggungjawab itu tak boleh diletakkan kepada satu atau dua pihak sahaja. Bukan sahaja kepada pemandu lori. Pemandu dia hanya membawa lori. Dia diminta bawa lori itu kerana muatan itu ataupun produk yang dibawa bukan bawah dia. Dia kadang-kadang digaji atau dia diupah untuk membawa barangan, membawa kargo tersebut. Jadi apa yang dibawa itu, had dan sebagainya kadang-kadang di luar kawalan dia. Jadi pemandu ada tanggungjawab. Syarikat pengangkutan ada tanggungjawab. Tetapi kita juga nak meletakkan tanggungjawab itu kepada *consignor dan consignee* iaitu pemilik kargo dan juga kepada mereka yang memunggah kargo itu. Dalam kes ini, dalam hal ini, ialah umpamanya pihak kuari, kuari operator, mereka nak keluarkan satu lori pasir, mereka tahu bahawa, ia mesti, lori pasir itu sama ada melebihi had muatau atau tidak. Jadi jika melebihi had muatan, dan pemilik kuari itu membenarkan lori itu keluar dari kuari mereka, maka mereka juga perlu dipertanggungjawabkan. Dalam perkara ini, kita di peringkat Kementerian Pengangkutan masih melihat bagaimana kerangka

undang-undang ini dapat digubal supaya meletakkan tanggungjawab itu juga kepada pemilik kargo. Tetapi saya memerlukan, Kementerian Pengangkutan memerlukan kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri khususnya dari segi syarat permit kepada kuari. Dan juga tanggungjawab kepada pemilik-pemilik kuari. Dan ini saya rasa perlu dipastikan. Kerana saya juga tahu bahawa perkara-perkara ini kalau kita dapat tangani bersama, ini juga membawa kebaikan kepada kerajaan negeri, supaya doket-doket dan juga dia punya aaa…. premium dan sebagainya yang dibayar kepada kerajaan negeri itu lebih *transparent*. Lebih melambangkan jumlah yang sebenarnya.

Saya bukan nak kata ada pihak yang cuba tipu dan sebagainya. Tetapi kalau semua ini dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, saya rasa kita akan ada industri yang lebih *transparent* yang lebih baik dan supaya apa yang kita laksanakan ini, bukannya kita nak menutup lombong-lombong ini. Kita tahu bahawa sumber-sumber asli seperti pasir, tanah dan sebagainya, silika penting untuk perindustrian, penting untuk pembangunan. Kalau tanpa bahan-bahan ini, projek pembangunan tak boleh dilaksanakan. Kita memerlukan batu, kita memerlukan pasir. Ada kilang-kilang perindustrian kita yang membuat kaca memerlukan silika dan sebagainya. Tetapi semua ini perlu kita mengubah dengan cara pengendalian yang lebih selamat dan lebih *transparent*. Dan kita berharap bahawa kerajaan negeri dapat memberikan kerjasama dan memberikan bantuan kepada Kementerian Pengangkutan untuk memastikan kita mempunyai industri yang lebih selamat.

YB ADUN Labu: Mohon mencelah.

YB ADUN Chennah: Kerana ini adalah perkara yang baik.

YB ADUN Labu: YB boleh saya mohon mencelah sebentar?

YB ADUN Chennah: Kena bangun dulu.

YB ADUN Labu: Ah… ok…

YB ADUN Chennah: Baik

YB ADUN Labu: Baik…terima kasih. Yang Berhormat Chennah, aaa… sebenarnya memang saya ada bangkitkan berkenaan isu-isu lori-lori berat. Dan terima kasih kepada Yang Berhormat Chennah kerana mengambil tindakan segera. Baru-baru ini pun kita lihat banyak *driver* lori yang buat mogok eh… Cuma perkara yang saya nak tanya kepada kepada Yang Berhormat Chennah. Kita sedia maklum bila ada penguatkuasaan yang cukup ketat, itu adalah satu perkara yang cukup baik kepada masyarakat dan kita lihat baru-baru ni pun banyak kemalangan yang berlaku. Tapi bagaimana kita nak mengatasi kenaikan kos *transport* yang sangat tinggi pada masa ini?

Kalau kita lihat baru-baru ni saya lihat harga YTL, harga konkrit, tak silap saya kalau gred 25 naik dari RM220 ke RM354. naik hampir RM100. Kalau dari zaman MADANI memerintah daripada tahun 2022 kenaikannya hampir RM180. Ini akhirnya memberi kesan beban kepada rakyat. Kalau kita lihat harga-harga kos rumah sekarang ni meningkat mendadak, salah satunya adalah *transport* yang adalah sangat tinggi. Yang Kedua, adakah kerajaan negeri bersedia memberi ruang jugak kepada pengusaha-pengusaha mineral ni termasuk konkrit ataupun pasir dengan mengurangkan kadar loket yang dikenakan. Saya dimaklumkan kadar loket bertambah daripada mungkin dulu meter *cube* daripada RM2.70 sekarang ni dah hamper 1 tan RM4.00. Kalau kita dapat bekerjasama, saya rasa akhirnya kita dapat satu solusi yang baik. Kalau tidak, kesan akan terbebannya adalah kepada masyarakat jugak akhirnya. Terima kasih.

YB ADUN Chennah: Yang Berhormat, kita kena lihat perkara ini. Hujahan seperti ini saya dah dengar banyak kali dah termasuk di dewan rakyat. Kalau kita tak membuat penguatkuasaan secara ketat, Ahli Yang Berhormat pembangkang juga akan menyalahkan kerajaan. Apabila kemalangan berlaku, aaa… ini Menteri Pengangkutan tidak bekerja. Kementerian tak buat kerja. JPJ tak melaksanakan penguatkuasaan. Menyebabkan pelbagai kemalangan. Jadi apabila kita mengambil satu tindakan tegas untuk menguatkuasakan, Ahli Yang Berhormat pulak kata, aaa… ini akan menyebabkan kos naik. Kita kena ingat kalau dia kos naik sebab pengangkutan, sebab dia kata, saya sekarang ini buat penguatkuasaan. Adakah sebelum ini, mereka membuat kiraan kos berdasarkan kepada had yang melebihi muatan? Jadi yang pertamanya, saya telah berbincang dalam Kabinet dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri. KPDN akan masuk. KPDN memang telah masuk pun, untuk menyiasat. Kalau mana-mana pihak yang cuba mengambil peluang, mengambil aaa… kononnya bahawa kos pengangkutan menyebabkan mereka terpaksa menaikkan harga, itu sudah tentu adalah *profiteering,* yang perlu diambil tindakan oleh KPDN dan KPDN sudah tentu akan masuk.

Dan saya tahu bahawa dalam 2,3 minggu pertama, memang ada *reject reaction*. Dia naikkan harga sebab dia kata takda orang nak bawa. Penguatkuasaan yang tinggi yang kuat dan sebagainya. Tetapi saya difahamkan Syarikat-syarikat besar juga telah pun *adjust rate* kepada pemandu-pemandu dan syarikat pengangkutan. Kalau dari segi harga simen dan sebagainya naik, KPDN akan masuk, untuk memastikan bahawa mereka tidak boleh *profiteering*. Dia taklah masuk akal katakana dia naik harga kalau betullah yang dikatakan olah Yang Berhormat Labu, naik sehingga RM100 ringgit, 50-60%. Takkanlah kos pengangkutan 50% daripada bahan tersebut. Itu tidak masuk akal. Jadi ini sesuatu yang kadangkala pihak industry mengambil peluang. Saya tahu sekarang ini, jalan mudah, excuse mudah industri naik harga ialah Menteri Pengangkutan. Ni Menteri Pengangkutan

lah. Jahat ini, nak menguatkuasakan undang-undang ketat, kacau kita. Nak minta JPJ tiap-tiap hari tangkap. Menyebabkan kos pengangkutan naik. Dia menggunakan alasan itu untuk menaikkan harga. Ini adalah *profiteering*. Jadi kalau ahli Yang Berhormat pembangkang yang bertanggungjawab dalam perkara ini, mengambil satu sikap bertanggungjawab, sama-sama kita perangi.

Betul ada pemandu-pemandu mogok dan sebagainya. Mereka tak faham, sebenarnya apa yang kita buat ini baik untuk pemandu. Patutnya mereka jangan mogok, mereka sokong. Tetapi mereka di *instigate* oleh Kumpulan-kumpulan kecil untuk mogok. Datang parlimen dan sebagainya. Adakah kita berpaling tadah? Adakah kita berlembut dalam perkara ini? Tidak. Saya tidak akan tunduk kepada permintaan-permintaan untuk kita *bend the rules* ataupun kita tak menguatkuasakan undang-undang. Tidak, sebab untuk pemandu sebenarnya, merekalah, kalau katakana mereka pemilik kenderaan, pemilik lori. Kalau kita kuatkuasakan ini dengan tegas, dapat mengubah industri ini untuk jangka masa sederhana dan panjang, adalah lebih baik kepada mereka.

Yang pertamanya, pemandu lori akan mendapat kadar upah yang lebih tinggi yang sepatutnya. Mereka diminta untuk bawa *over loading*. Jadi kadar itu ditekan oleh syarikat-syarikat besar, oleh industri-industri besar. Sebenarnya, industri-industri besar perlu memberikan peruntukan untuk kadar sewa, kadar upah yang setimpal kepada pemandu-pemandu lori dan syarikat-syarikat pengangkutan. Tetapi oleh kerana semua pihak *over loading*, dan kita takda penguatkuasaan yang tegas sebelum ini, maka semua pihak berlumba-lumba untuk *over load*. *Over load* maka kadar untuk pengangkutan itu lebih rendah, untuk syarikat-syarikat besar, tetapi yang menjadi mangsa ialah syarikat-syarikat pengangkutan. Pemandu-pemandu lori individu. Yang pertamanya, apabila *over load*, kalau dikuatkuasakan ataupun dikenakan penguatkuasaan, mereka kena bayar saman.

Yang kedua, tak selamat kepada mereka. Pemandu bawa *over load*, Apabila berlaku kemalangan, pemandu juga ada risiko mati. Bukan sahaja kematian orang lain, pemandu itu juga ada risiko yang tinggi.

Yang ketiga, untuk kenderaan mereka, apabila mereka dipaksa membawa *over load*, ataupun had lebih muatan, *axle* mereka, komponen mereka, lebih cepat rosak. Lori itu tidak boleh bertahan. Kerana sudah tentu ada teknikal-teknikal *requirement* yang kita tahu bahawa yang berapa *load* lori itu boleh bawa. Apabila dibawa lebih muatan dan, Ahli Yang Berhormat, lebihan muatan ini bukannya 10%, 20%, kalau 10% atau 20% itu bagi kita, kita masih boleh kata ini bukan sesuatu yang serius. Tetapi ada lebihan muatan sampai 80%, sampai 100%. Ini sesuatu yang begitu berleluasa sebelum ini. Terutama lori-lori *tipper*, lori-lori pasir, lori -lori batu. Dia punya muatan, dia ubah dia

punya paras tu, naikkan paras, *load* sampai penuh, kadang-kadang dia tak cukup lagi, kat bawah dia tukar lagi, bawah tukar, atas tukar, bawah dia dalamkan, atas dia tinggikan, jadi *load* dia sampai 80% hingga 100% lebihan muatan.

Jadi saya terpaksa mengambil satu tindakan yang tegas. Saya tau saya popular di kalangan pemain industri, di kalangan pemandu, ada ni macam-macam pemandu, tiap-tiap hari dia nak ugut mogok. Ada satu orang dia dalam sosial media, hentam saya tiap-tiap hari dan sebagainya. Tetapi bagi saya, saya perlu melaksanakan sesuatu yang betul. Bagi saya, keselamatan orang ramai lebih penting daripada segala-galanya. Dan jangan lupa, baru Yang Amat Berhormat haritu kata, kita bentangkan berapa peruntukan MARRIS kita gunakan di Negeri Sembilan. Perkara ini saya ucapkan syabas kepada Negeri Sembilan. Memang Negeri Sembilan antara negeri yang *perform* paling baik dari segi peruntukan MARRIS. Kita membelanjakan peruntukan MARRIS menyelenggara jalan-jalan kita dan nampak jelas jalan-jalan negeri di dalam kawasan Negeri Sembilan adalah lebih baik kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Saya taknak bandingkan dengan negeri mana lah. Tapi Negeri Sembilan jauh lebih baik dari segi penyelenggaraan jalannya. Dan kita mengamalkan satu sistem yang cukup *transparent*. Ada undian macam cabutan bertuah. Pakai bola ping pong untuk pilih kontraktor. Supaya banyak kontraktor ada peluang. Jadi banyak yang telah kita belanjakan untuk menyelenggara jalan. Tetapi kalau kita tak *tackle* isu *over loading* ini, tiap-tiap tahun kita, penyelenggaraan pun tak cukup. Sepatutnya apabila satu-satu jalan itu telah diselenggarakan, 5 tahun tak payah tengok jalan tu. Tetapi mengapa kita punya jalan begitu cepat rosak, banyak lubang. Antara puncanya ialah *over loading*. Jadi perkara ini saya ~~harpa~~ harap Ahli-Ahli Yang Berhormat mesti memahami keseriusan dan juga impaknya kepada masyarakat. Impaknya begitu besar kepada faktor-faktor lain. Keselamatan satu, kerosakan jalan satu. Kita sering dengar ada budak, ada penunggang-penunggang motosikal kadang-kadang anak-anak muda pelajar sekolah, kena lubang sahaja, ada lubang tak nampak kalau malam, kawasan tu gelap, dia melalui lubang, jatuh mungkin mati. Cedera parah. Jadi, mengapa ada lubang-lubang itu? Begitu mudah kita punya jalan, walaupun diselenggara. Antara isu, antara faktor, saya bukan kata satu-satunya faktor, tetapi antara faktor penyumbangnya ialah *over loading* yang berleluasa. Jadi ini sesuatu yang mesti kita *tackle.*

Ahli Yang Berhormat, enam bulan lalu berlaku satu kemalangan yang menyebabkan kematian 9 orang FRU, 9 anggota FRU di Teluk Intan. Mengapa mereka mati? Trak itu berjalan dengan satu konvoi lebih 10 kenderaan. Dalam arah bertentangan, satu lori membawa batu *over load* 70% terbabas, melanggar arah bertentangan, kena trak FRU tu. FRU trak itupun terbalik. Apabila terbalik, oleh kerana trak FRU ini dia takda tali pinggang, ada berpuluh anggota FRU dalam kenderaan itu terbalik maka terpijak lah dan

sebagainya dan ada yang tercampak keluar. 9 anggota FRU maut, meninggal dunia. Sebab satu kelalaian daripada sebuah lori yang mengambil muatan yang berlebihan terbabas. Jadi perkara ini sepatutnya menjadi pengajaran kepada kita. Mengapa saya saya tegas dalam perkara ini? Dua perkara saya tegas. Satu *over loading.* Yang kedua *speeding.* Mengapa *speeding* kita mengambil tindakan tegas? Nak mewajibkan semua memasang *speed meter device?* Bas UPSI 15 saya…aaa lebih 10 pelajar mati, mengapa? Sebab pemandu itu turun bukit, memandu dengan laju, memandu dengan laju, dia terbabas dan terkena dengan penghadang jalan. Banyak pelajar-pelajar UPSI meninggal dalam kes tersebut. Jadi perkara seperti ini adalah faktor manusia. Jadi, kita mesti bersama-sama mengambil iktibar, mengambil pengajaran, saya taknak, kita taknak lihat, saya yakin semua kita semua rakyat taknak mendengar ada insiden-insiden seperti ini. Ada anggota FRU meninggal, ada pelajar IPTA meninggal disebabkan kemalangan.

Jadi, perkara-perkara seperti ini, mesti kita membuat perubahan. Kadangkala betul dia akan ada impak yang lain, ada kesan yang lain. Tetapi apa yang lebih penting daripada nyawa manusia? Ini persoalan saya. Apa yang lebih penting daripada nyawa manusia? Jadi, kita mesti bersama-sama memberikan kerjasama. Saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat baik Kerajaan, baik pembangkang sama-sama memberikan pendedahan ini dan juga kesedaran ini kepada semua pihak termasuk pemandu lori. Termasuk pengusaha-pengusaha pengangkutan. Sama-sama berusaha, sama-sama memberikan kerjasama. Dan saya harap perkara ini dapat kita tangani bersama. Walaupun ada pelbagai tentangan. Ada pelbagai tekanan. Tetapi saya yakin kalau kita berani buat perkara yang betul, kita dapat tunjuk *result* bahawa ini dapat meningkatkan keselamatan jalan raya dan orang ramai, saya yakin, majoriti orang ramai akan memberikan sokongan kepada tindakan oleh kerajaan. Jadi mesej saya mudah, saya tidak akan tunduk kepada tindakan-tindakan ini, biar pelbagai persatuan, pelbagai industri nak jumpa saya, saya jumpa, saya boleh jumpa mereka. Ada persatuan-persatuan tetapi bukannya cara-cara yang samseng lah. Dia nak ugut, nak jumpa kata you mesti batalkan saman, you mesti lepaskan mana-mana kenderaan yang disita, itu cara samseng. Cara ugutan. Kerajaan tak boleh diugut. Kita hanya melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang. Ini negara hukum. Kita ada rukun negara, Kedaulatan undang-undang. Undang-undang itu *supreme.* Jadi, mesti kita mengangkat sebagai anggota pentadbiran, sebagai kerajaan, kita mesti sama-sama memperkasakan undang-undang kita. Kita mesti melaksanakan undang-undang kita. Jadi, undang-undang ini bukannya dikuatkuasakan dengan tidak berhemah.

Ada orang kata, ini polisi baru, tak bagi masa. Ini bukannya dasar baru. Ini undang-undang berpuluh tahun dah. Akta Pengangkutan Jalan digubal di Parlimen tahun 1987. Masa saya hanya 10 tahun. Sekarang saya dah berumur 48 tahun dah. Dato' Yang Dipertua, sudah 38 tahun Akta itu digubal

di Parlimen. Akta JPJ, Akta Pengangkutan Jalan, Akta 333, 1987. Tahun ini masuk ke tahun 38. Ini bukannya akta baru. Bukannya peraturan baru. *Over loading* ini isu lama, isu legasi. Berpuluh tahun, tetapi tak pernah di *tackle* ataupun ditangani secara bersepadu. Sekarang ni kita nak sama-sama memerangi. Cukuplah dengan kematian dengan keselamatan yang telah pun disebabkan oleh isu ini. Jadi, saya berharap Kerajaan negeri juga dapat memberikan kerjasama. Saya pohon kalau adakan sesi libat urus dengan Kerajaan negeri, saya pohon Kerajaan negeri memberikan kerjasama kepada Kementerian Pengangkutan untuk sama-sama kita melihat bagaimana memerangi isu ini dengan lebih baik.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, saya mohon maaf, saya mengambil masa yang agak panjang dalam perbahasan ini. Saya yakin kerajaan negeri juga memperuntukkan tiga hari untuk membahas, Jadi ramai ada peluang lagi untuk membahas, dengan panjang lebar. Dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2026) 2025 dan juga usul Pembangunan untuk tahun depan. Saya menyokong Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Chennah. Mesyuarat kita rehat sekejap. Nanti kita sambung balik pada pukul 2.15 eh 2.30. Kita sambung balik 2.30 ya. Jadi mesyuarat dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.48 tengahari]

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.35 petang]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Datuk Timbalan Yang Dipertua Dewan.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Tenang, tenang.
Bismillahirrahmanirrahim innahu duwana rasulillah hil kareem. Saya mula dengan pantun eh…

Pohon meranti tegak berjajar,
Tumbuh megah di tepi perairan,
Perbahasan ini kita selesai segar,
Pembangunan bangsa terus jadi keutamaan.

Air tenang jangan disangka,
Dalamnya menyimpan rahsia tersirat,
Perbekalan negara, negeri terus dibawa berbicara,
Moga keputusan menjadi manfaat.

Dengan itu kita teruskan perbahasan Pembangunan dan Undang-Undang Perbekalan. Dipersilakan ADUN Labu.

YB ADUN Labu: Terima kasih Datuk Yang Dipertua Timbalan *Speaker*. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam hormat kepada Datuk Timbalan *Speaker* dan ahli-ahli dewan yang saya muliakan. Saya bangun pada hari ini sebagai ADUN, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Labu mewakili suara penduduk saya, suara Labu, dan juga suara masyarakat di Negeri Sembilan yang turut berkongsi masalah yang sama. Saya berdiri bukan sekadar membawa keluhan, tetapi membawa amanah, membawa tanggungjawab, dan membawa kebenaran yang rakyat mahu kita suarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Yang Dipertua Timbalan *Speaker*, *Alhamdulillah*, baru-baru ini Yang Amat Berhormat telah mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak tiga bulan iaitu bayaran pertama pada bulan Januari, bayaran kedua pada bulan Mac, iaitu sebelum hari raya Aidilfitri, dan bayaran ketiga pada bulan Jun 2026, dengan syarat berdasarkan prestasi kerja. Kami di pihak pembangkang *Alhamdulillah* bersyukur dengan bantuan khas kewangan yang diberi, dapat memberi dan menghargai jasa kepada penjawat awam. Di sini timbul hanya satu permasalahan yang ingin saya bangkitkan. Apakah sebenarnya ~~Adakah~~ kriteria penilaian prestasi kerja yang menentukan kelayakan bayaran BKK ketiga pada bulan Jun? Kita bukan bercakap soal bonus korporat, kita bercakap tentang penjawat awam negeri tulang belakang pentadbiran. Maka, adalah tidak masuk akal untuk kerajaan mengumumkan syarat berdasarkan prestasi. Tetapi sehingga kini tidak memperincikan apa nilai yang dinilai, bagaimana dinilai dan oleh siapa penilaian itu dibuat.

Datuk Yang Dipertua Timbalan *Speaker*, apabila kerajaan menetapkan syarat prestasi tanpa garis panduan yang jelas, ia membuka ruang persepsi bahawa keputusan boleh menjadi kabur subjektif dan berpotensi dipengaruhi oleh faktor bukan kerja. Justifikasi berdasarkan prestasi tidak boleh dibiarkan kabur. Kalau benar ingin menilai secara adil, maka kerajaan perlu tampil mengemukakan perkara-perkara berikut dengan jelas.

Yang pertama, apakah indikator prestasi utama KPI sebenar? Adakah melibatkan keberhasilan jabatan, kecekapan penyampaian, disiplin, atau sekadar laporan dalaman tanpa ukuran objektif. Siapakah yang menilai? Adakah ketua jabatan, panel khusus, atau adakah mekanisme pemantauan bebas untuk memastikan integriti penilaian? Yang ketiga, apakah standard untuk menentukan seseorang layak atau tidak? Adakah 80% pencapaian? Adakah markah tertentu atau keputusan dibuat secara budi bicara tanpa garis panduan penulisan? Panduan bertulis. Apakah plan ini membezakan jabatan terbeban tugasan dengan jabatan yang ringan kerja? atau semua

diletakkan di bawah satu garis ukur yang sama? Apakah ruang rayuan bagi penjawat awam yang merasakan mereka dinilai secara tidak adil?

Tuan Datuk Timbalan *Speaker*, kita ingin memastikan bahawa bayaran BKK ini tidak menjadi umpan bergantung kepada budi bicara politik atau bonus bersyarat yang masih kabur. Sebaliknya sebuah ganjaran yang jelas, adil, berdasarkan merit sebenar, bukan persepsi atau kesukaan pihak-pihak tertentu. Kalau benar kerajaan menghargai penjawat awam, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bahawa bantuan ataupn jasa penjawat awam di Negeri Sembilan ini amat besar. Sepatutnya saya merasakan bahawa harus terus memberi tiga bulan tanpa mengira berdasarkan merit ataupun berdasarkan prestasi kerja pada bulan Jun nanti.

Dato' Yang Dipertua, bayaran BKK ketiga pada bulan Jun 2026 ini bukan isu wang semata-mata. Ia melibatkan ketulusan, kebertanggungjawaban, dan integriti pentadbiran. Maka saya mohon kerajaan menjelaskan secara terperinci apakah asas, indicator dan kaedah penilaian yang digunakan untuk menentukan bayaran BKK bulan Jun itu. Supaya penjawat awam tahu mereka dinilai atas kerja dan bukan atas faktor lain. Datuk Timbalan *Speaker*, saya menyokong sekiranya pihak kerajaan dapat terus memberi tiga bulan takda bezanya pada bulan Jun nanti ada segelintir dapat, segelintir tak dapat. Jadi itu tidaklah seperti apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa pembayaran ini adalah berdasarkan usaha yang telah dilakukan penjawat awam. Jadi kami di peringkat pembangkang, bersetujulah sekiranya Menteri Besar dapat mempertimbangkan bayaran pada bulan Jun ini adalah atas merit, tidak perlulah berdasarkan atas faktor prestasi kerja.

Datuk Yang Dipertua Timbalan *Speaker*, saya terus ke kawasan saya kawasan Labu. Dato' Tmbalan *Speaker*, saya ingin membawa dewan yang mulia ini berkenaan satu isu keselamatan iaitu Jalan Enstek sehingga ke taman, *sorry* dari Taman Gadung Jaya ke Bandar Enstek. Satu laluan yang gelap dan baru-baru ini dan dalam tempoh tiga hingga empat bulan, banyak kemalangan jiwa yang dah berlaku. Jadi, saya mohon bila saya pergi ke kawasan itu baru-baru ini, baru dua hari lepas, di simpang LBJ kemalangan motosikal, satu budak meninggal dilanggar oleh treler disebabkan oleh faktor-faktor infrastruktur jalanraya yang bagi saya tidak begitu selamat, memandangkan laluan di kawasan Gadung dan Enstek ni menuju ke airport. Banyak kenderaan-kenderaan kargo yang lalu dan ia berdekatan dengan kampung. Jadi, bila saya berjumpa dengan penduduk kawasan, YB jalan terlalu gelap, gelap sampai orang kata nak lalu pun nak kena baca doa panjang, bukan sekali dua kemalangan berlaku tetapi sudah berulang kali termasuk kemalangan meragut nyawa. Ini bukan isu kecil, Datuk Timbalan *Speaker*, ini isu nyawa manusia, saya nak tanya dalam dewan ini sampai bila jalan ni nak dibiarkan gelap? Sampai bila kita nak tunggu laporan kematian berikutnya. Sampai bila

JKR nak kata dalam perancangan, dalam tindakan, tapi tiada perubahan di lapangan. Saya mendesak JKR. Pertama memasang lampu jalan di sepanjang Taman Gadung Jaya-Bandar Enstek. Jangan separuh-separuh. Jangan tunggu bajet tambahan selama bertahun-tahun. Kedua, pastikan Langkah-langkah keselamatan lain diberi perhatian. Garisan jalan yang jelas, pemantulan cahaya bahu jalan yang sempit dan yang tidak rata. Naik taraf lampu isyarat di simpang-simpang kritikal untuk kurangkan kesesakan dan punca pelanggaran. Sistem amaran kelajuan di kawasan yang berisiko tinggi.

Saya ucapkan terima kasih kepada JKR. Baru-baru ni dalam sidang DUN yang lepas, saya ada bangkitkan isu *traffic light* di Taman Gadung selepas 10 tahun. *Alhamdulillah* kini telah berfungsi. Tapi saya mohon, Labu juga adalah sempadan antara Sepang dan jugak Negeri Sembilan. Tetapi kalau saya lihat pembangunan hanya di kawasan nilai, di Enstek dinafikan. Walaupun kita berdekatan dengan airport, hanya jarak 10 minit. Jadi janganlah kalau ada peruntukan MARRIS tu hanya dibawa dalam kawasan Nilai Sahaja. Kalau boleh bawak dalam kawasan Labu. Ini adalah isu keselamatan. Jalan Gadung, saya yakin kepada ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Exco-Exco yang pernah melalui jalan ni, Jalan Gadung ke Enstek ni cukup bahaya. Jadi, saya mohon kepada JKR khasnya memberi perhatian serius kepada hal ini.

Satu perkara lagi jugak berkenaan JKR jugak. Saya tak faham. Banyak, tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah jawab, tapi saya taknak buat soalan tambahan, saya nak bercakap dalam saya punya ruang ni. Jalan-jalan rizab JKR. Banyak jalan-jalan rizab JKR sekarang tidak dibenarkan disewa. Sebagai contoh di kawasan Labu Jaya, dia ada dua jalan. Pertama adalah satu jalan baru. Jalan kedua jalan JKR yang lama tidak digunakan. Di sebelah kiri dan jugak di sebelah kanan telah terputus. Dan ramai penduduk LBJ menggunakan kawasan itu sejak dulu lagi dah, sejak hampir 20-30 tahun berniaga. Dan mereka mempunyai lesen perniagaan daripada PBT. Tetapi kini, bila mereka memohon untuk mendapatkan lesen perniagaan, tidak diluluskan. Disebabkan tidak ada kelulusan daripada pihak JKR. Jadi, saya rasa perkara ini memang tak patut. Bagi saya, Datuk Timbalan *Speaker*, saya ingin tegaskan di sini JKR dan jugak agensi bukan sekadar pemegang amanah. Mereka bukan sekadar pemegang tanah. Mereka adalah pemegang amanah. Dan amanah itu termasuk menggunakan budi bicara membantu rakyat dan bukan menyusahkan rakyat. Saya minta JKR dan agensi yang lain kenal pasti tanah rizab yang selamat digunakan dan buka untuk kegunaan komuniti, wujudkan garis panduan yang fleksibel. Bukan satu garis panduan yang membunuh peluang. Bekerjasama dengan Majlis Daerah untuk memberi lesen sementara atau permit komuniti. Jadi, saya mohon jika ada pegawai JKR yang hadir pada hari ini, pertimbangkan balik janganlah tolak bulat-bulat. Kan sekarang ni, rakyat susah, saya rasa ini bukan berlaku di kawasan Labu sahaja. Baru-baru ni, ada sahabat daripada Kuala Pilah pun hubungi. Mereka pun mendapat perkara yang sama. Mereka dah berniaga lama. Kalau tepi

jalan, jalan selekoh kita faham. Tapi kalau mereka berniaga di kawasan-kawasan yang agak selamat, benarkanlah. Itu pun jugak satu pendapat kepada Kerajaan negeri. Mungkin tahun depan boleh tambah jadi 4 bulan bonus, *insya-Allah.*.

Datuk Timbalan *Speaker* , satu lagi perkara yang saya rasa telah dibangkitkan pada sidang DUN yang lepas, dan telah dijawab jugak oleh Exco. Saya ingin masuk kepada isu MyKiosk Madani. Saya rasa sudah hampir setahun lebih kita harus membincangkannya dengan serius. Negeri Sembilan mempunyai banyak kiosk. Tapi persoalan rakyat ialah kenapa begitu banyak MyKiosk yang tidak digunakan. Ada kiosk ditinggalkan kosong hingga setahun, rosak berlumut dan akhirnya Kerajaan perlu berbelanja lagi dibaiki. Apa perancangan Kerajaan negeri adakah ini satu pembaziran? Apakah MyKiosk Madani ini satu kejayaan? Ia melibatkan satu, MyKiosk tu bukan murah, satu MyKiosk tu melibatkan RM25,000 ringgit. Tak taulah siapa yang luluskan dulu. Atau, kalau takda jalan, perlu fikirkan mekanisme lain mungkin digunakan oleh sesuai digunakan untuk perkara-perkara perniagaan yang lain. Kita tak boleh biarkan begitu. Di Labu ada 5 MyKiosk diletakkan di Kampung Jerangkang. Saya mintaklah pada Exco lalu kawasan Labu Kampung Jerangkang daripada Nilai toleh sebelah kanan. Ada 5 dah setahun lebih. Siapa nak berniaga kat situ? Kalau boleh pindahkan. Pindahkan ke Lokasi yang lebih hidup, lebih aktif. lebih peluang kepada rakyat. Insyaallah rakyat nak berniaga.

Dan yang kedua, ubah sikit. Kalau boleh benarkan mereka memasak dalam tu. Kalau mereka tak boleh masak, akhirnya saya rasa lagi dua tahun akan ada tender dibuka untuk besi buruk kepada kiosk-kiosk ini. Nilai bukan sikit Dato' Yang Dipertua. hampir RM25,000 ~~untuk~~ satu kiosk. Kalau 100 kiosk, dah RM2.5 juta. Takkan duit rakyat kita nak biarkan begitu sahaja? Jadi saya minta kepada semua ADUN-ADUN yang hadir pada hari ini, lihat dalam kawasan masing-masing. Sama-sama kita cari jalan, kita bantu rakyat. Sudahlan orang nak berniaga tepi jalan tak dibenarkan. Kiosk yang diletak pun tak boleh nak berniaga. Diletak di kawasan-kawasan yang tidak berpotensi. Jadi saya harap perkara ini dapat kita ambik berat dan dapat kita selesaikan. Semoga dalam sidang DUN akan datang, sekurang-kurangnya ada jawapan yang bernas daripada Exco, *insya-Allah.*.

Datuk Timbalan *Speaker*, satu perkara lagi, baru-baru ni saya didatangi oleh rakyat di kawasan saya, meminta tandatangan untuk borang pengesahan kepada Jabatan Kebajikan. Selepas daripada tu, beliau datang berjumpa dengan saya balik, mengatakan YB, kenapa tandatangan YB tak diterima? Mereka suruh dapatkan tandatangan penyelaras. Tandatangan ADUN kawasan tidak terima. Saya terus pergi ke Jabatan Kebajikan Seremban 2. Rujuk kepada pegawai yang terbabit. Saya tanya kat dia dua soalan. Yang pertama, betul atau tidak? Kalau betul siapa? Dan beliau menjawab, minta

maaf YB, saya menjalankan arahan. Arahan datang daripada Exco. Saya nak bertanya kepada Exco yang terbabit.
YB ADUN Seremban Jaya: Boleh celah? Celah sikit. Boleh?

YB ADUN Labu: Boleh.

YB ADUN Seremban Jaya: aaa… ADUN Labu, masalah tandatangan ni aaa… saya 2008 hingga 2018 kami masa itu ada 10 DUN, kita pun kerajaan punya borang, tak boleh tandatangani. Peringkat negeri. Ini memang benar dan sah. Terima kasih.

YB ADUN Labu: Yang Berhormat Seremban Jaya, kalau Yang Berhormat ingat lagi Yang Berhormat punya janji-janji pilihanraya, 2014 kalau menang, Yang Berhormat takkan ulang balik apa-apa yang dibuat oleh kerajaan terdahulu. Jadi saya rasa Yang Berhormat jawab dulu Yang Berhormat semasa jadi pembangkang, kena benda yang sama, berapa kita nak ulang? Ini bukan peruntukan. Ini Yang Berhormat dah bersama. Dah kosong-kosong dah. Kami ni berapa lama nak ulang? Rakyat yang datang ke kawasan saya tu orang susah B40. Datang dekat 20km, datang tandatangan, pergi Seremban 2. Bila serah, balik cakap tak boleh. Jadi saya mohon lah, saya setujulah. Yang Berhormat kalau betul itu masih diamalkan oleh kerajaan….

YB ADUN Jeram Padang: Boleh saya mencelah? Dia bukan tak boleh, boleh… YB Labu. Dia mintak pengesahan Penyelaras DUN saja. Bukan tak boleh, boleh. Betulkan balik statement tu. Ok?

YB ADUN Labu: Yang Berhormat Jeram Padang, sebab tu saya cakap dengar baik-baik. Kan saya cakap tandatangan YB Labu tidak boleh. Yang boleh ialah penyelaras…

YB ADUN Jeram Padang: Ya saya cakap, saya cakap tadi, dia hanya bukan tak boleh. Dia mintak pengesahan penyelaras DUN. Sebab tu sistem dalam Kerajaan Negeri Sembilan. Kalau YB Labu nak persoalkan, dulu di Kerajaan Negeri Terengganu, bawah kerajaan PAS, kita nak bagi dividen FELCRA dalam masjid pun dia tak bagi. Halau tepi pantai boleh pulak.

YB ADUN Labu: Yang Berhormat saya….

YB ADUN Jeram Padang: Cuba jawab isu tu boleh?

YB ADUN Labu: Saya tak pernah jadi ADUN kat Terengganu dohh…

YB ADUN Jeram Padang: Tak isu dia.

YB ADUN Labu: Yang saya tengah cerita pasal Negeri Sembilan.

YB ADUN Jeram Padang: aaa….Negeri Sembilan la ni….

YB ADUN Labu: ….. *follow lah…*

YB ADUN Jeram Padang: Tak, awak pembangkang, terima la keaadan eh… ikut la peraturan Kerajaan Negeri Sembilan.

YB ADUN Labu: Saya… itu jelas

YB ADUN Jeram Padang: Itu isu dia.

YB ADUN Labu: Sidang DUN ni, Sidang DUN yang mulia ini, *column* YB di borang-borang di kawasan pembangkang jangan lotak, lotak je penyelaras.

YB ADUN Jeram Padang: Awak tu YB Pembangkang, YB Pembangkang.

YB ADUN Labu: Saya tak bagi ruang lagi. Jadi Dato' *Speaker*, kalau tak boleh, borang tu di kawasan pembangkang ni, jangan letak lagi. Letak penyelaras, dalam kawasan Labu tak boleh. Saya cabar Yang Berhormat Sikamat ataupun daripada Kerajaan cakap dalam Sidang DUN ni biar rakyat dengar, lain kali tak payah la mereka datang di Pejabat ADUN pembangkang. Jadi tadi kita boleh ambik kira lah yang bermaksud di pihak Kerajaan ya, ni wakil Jeram Padang bersetuju ADUN-ADUN Kerajaan ni tak boleh tandatangan borang.

YB ADUN Jeram Padang: Setuju… (suara perlahan).

YB ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya nak aaa… tahun 2026, telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Negeri Sembilan. Satu detik penting untuk mengangkat martabat negeri, merancakkan ekonomi pelancongan, dan menunjukkan kepada seluruh negara bahawa Negeri Sembilan bukan sekadar persinggahan, tetapi destinasi. Namun persoalannya kali ini, kalau ini tahun yang penting, kenapa laluan masuk ke Negeri Sembilan masih kosong, sunyi, dan tak berwajah? Di mercu, di mana mercu tanda kita? Di mana papan tanda megah yang mengalu-alukan pelawat? Di mana identity negeri yang sepatutnya berdiri tegak di sempadan memaklumkan kepada sesiapa yang masuk, selamat datang, ini Tahun Melawat Negeri Sembilan pada tahun 2026. Apa yang ada sekarang hanya jalan masuk yang kelihatan seperti laluan biasa. Seolah-olah negeri ini tidak bersedia, tidak bersemangat, dan lebih malang, tidak menghormati pengorbanan besar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Dato, Yang Dipertua Timbalan *Speaker*, Tahun Melawat Negeri Sembilan bukan slogan kosong. Ia adalah strategi ekonomi dan pelaburan masa depan. Ia peluang menarik pelabur, peniaga, pelancong, dan meningkatkan imej negeri. Tetapi bagaimana dunia nak percaya kita serius, kalau pintu masuk

rumah kita pun tidak dijaga? Rumah yang menyambut tetamu dengan pagar terbiar, laman tak berlampu, dan pintu tak berganti cat? Adakah itu gambaran negeri yang bersedia menerima kunjungan? Kerajaan negeri harus menjawab, adakah tahun Melawat Negeri Sembilan ini sekadar acara atau kertas atau agenda sebenar untuk rakyat? Kalau serius, tunjukkan keseriusan itu. Mercu tanda bukan sekadar batu atau besi. Ia adalah simbol komitmen. Negeri lain pasang mercu tanda sebelum pengumuman pun dibuat. Kita pula tahun melawat sudah di depan mata.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, dua minit lagi Yang Berhormat.

YB ADUN Labu: Baik. Mercu tanda pun masih dalam perancangan. Ini bukan soal domestik, ini soal imej, maruah, dan konsistensi kerajaan. Kalau Tahun Melawat Negeri Sembilan mahu berjaya, biarlah dunia Nampak kita benar bersedia. Bukan hanya melalui plan atas kertas, tetapi dengan mercu tanda yang dilihat, disentuh dan dibanggakan sebagai pintu masuk ke negeri kita. Jangan sampai Tahun Melawat Negeri Sembilan dikenang bukan kerana kejayaannya, tetapi kerana pintu masuknya sendiri tidak pernah mencerminkan apa-apa. Yang saya cuba maksudkan kepada sini, kepada YB Exco, saya harap ada satu tindakan segera supaya nampaklah Negeri Sembilan ni daripada pintu masuknya, orang tau tahun 2026 ni adalah Tahun Melawat Negeri Sembilan. Jangan mereka masuk dan lalu begitu sahaja. Patutnya sejak awal lagi dah pasang. 2025 dah nak habis, 2026 kan daripada *airport* kebanyakan lalu daripada Nilai nanti lalu kawasan ADUN Nilai tak singgah. Mereka tak tau apa pun. Jadi saya rasa perkara-perkara sebegini sepatutnya dapat diselesaikan lebih awal *insya-Allah.*.

Jadi Datuk Timbalan *Speaker* , hari ni saya berdiri pada semua sahabat bukan nak bersilat kata tetapi untuk menegakkan hak rakyat Negeri Sembilan. Hak sebagai ADUN Pembangkang. Kalau tak boleh dapat semua dapat sikit pun jadilah. Kalau dulu diulang-ulang, kalau boleh kita berhenti. Kita berhenti buat. Sebab kita berkhidmat untuk rakyat. Saya bukan nak berdebat, tapi bagi saya adalah satu tindakan yang tidak wajar kalau surat sokongan…

YB ADUN Paroi: aaa… Ketua Pembangkang, saya nak tambah sikit eh..

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: masa dah habis dah ni….

YB ADUN Paroi: saya rasa….aaa… sikit je. 1 minit je… saya nak penjelasan sikit lah, tentang *sign* tadi tu. Sebab saya di pejabat tu, kalau JKM, rakyat datang dia suruh *sign* memang kami *sign* memang sampai hari ni pun ada mintak nak *sign.*

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: tu juga tak laku…

YB ADUN Paroi: Nak sikit penjelasan adakah sign kami ni tak laku. Kalau tidak, kalau tak laku, kalau pergi menyusahkan mereka. Lebih baik pergi pada Penyelaras DUN. Itu benda yang inginkan penjelasan jugak lah, ya

YB ADUN Labu: Jadi itulah yang saya maksudkan, Dato' hampir 2 tahun lebih jadi YB, baru saya tahu tandatangan saya tak boleh, kan? Baru saya tahu tandatangan tak boleh. Tu yang kita tanya kat Dewan yang mulia ini. Inilah tempat yang kita boleh dapat jawapan. Kalau tak boleh takpa bagitau, senang kita nak jawab kepada kita punya pengundi. *Insya-Allah.*. Yang Berhormat Dato' *Speaker*, rakyat tidak perlukan alasan, tidak perlukan borang yang sia-sia dan tidak perlukan simbolik kosong. Mereka perlukan tindakan nyata, bukan birokrasi politik. Jangan terlalu menafikan pembangkang. Jangan biarkan rakyat terus dibebani dengan prosedur berat sebelah. Hari ini saya tegaskan jika Kerajaan negeri gagal bertindak, rakyat tidak akan lupa. Sejarah akan mencatat siapa yang benar-benar berkhidmat untuk mereka dan siapa sekadar bermain politik. Rakyat Negeri Sembilan telah menunggu terlalu lama dan kami ADUN pembangkang akan terus berdiri memastikan hak mereka dipertahankan sepenuhnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, bukan kata manis, bukan janji kosong, tetapi suara rakyat yang tidak boleh dibungkam. Dan percayalah, kerajaan negeri akan sentiasa dipantau oleh rakyat. Setiap kertas, setiap borang, setiap tandatangan dan setiap janji, *insya-Allah.*. Terima kasih Datuk Timbalan *Speaker*. Assalamualaikum WBT.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Waalaikumussalam..terima kasih. Saya jemput YB Seremban Jaya untuk terus perbahasan.

YB ADUN Seremban Jaya: Datuk Timbalan *Speaker* , terima kasih. Saya tahniah, saya puji kepada Longgeng, YB Dato' pasal hari ini sejarah, sudah duduk kerusi itu, saya memang tahniah.

YB ADUN Chembong: Baru dua kali cakap.

YB ADUN Seremban Jaya: Okay….aaa terima kasih kerana memberi ruangan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15. Dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Belanjawan 25, 26. Memang tahniah dan puji. Aaa… kira, sehubungan itu, Kerajaan negeri mencadangkan kepada dewan yang mulia ini, belanjawan tahun 2026 dengan peruntukan anggaran belanja mengurus sebanyak RM640 juta ringgit. Berbanding anggaran hasil sebanyak RM610 juta ringgit peruntukan bagi anggaran belanja pembangunan pula adalah sebanyak 150 juta ringgit. Belanjawan

tahun 2026 yang dicadangkan ini merupakan belanjawan defisit sebanyak RM30 juta ringgit. aaa….. aaa…. aaa…

Timbalan Datuk, jiran saya selalu lambat. Mau mintak maaf lah. Okay. Tapi Chembong tarak sombong manyak baik punya orang. Bila kita turun Pedas, Chembong dia punya orang belanja teh tarik. Terima kasih. Okay. aaa… Timbalan Datuk, yang mulia ini, kira dewan yang mulia ini, kira 2018 belanjawan RM412 juta. 7 juta ada naik sebelum itu, 2019 RM430 juta, 18 juta ada naik. 2020 RM457 juta naik 27 juta. 2021 RM560 juta naik 103 juta, tapi 2022 masalah pandemik covid memang 1 dunia ada masalah masa itu RM520 juta 40 juta ada turunlah. Tapi 2023 RM550 juta 30 juta ada naik. 2024 RM555 juta 5 juta ada naik. 2025 RM590 juta kira 35 juta ada naik. Memang naik. Kira kita punya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco Kanan, Exco-Exco, Dato' SS, Dato' Kewangan, Dato' Undang dan kakitangan Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan saya mau tahniah, saya mau terima kasih. *Sorry-sorry*, selalu salah, ini itu selalu dalam dewan sebut itu selalu salah. aaa… Pegawai Undang-Undang. Ini hari saya tukar. Bukan tukar, cakap benar punya, Pegawai Undang-Undang. Okay, okay, okay, Dato', terima kasih. Okay, 2026, 2026 kira satu belanjawan yang besar di Negeri Sembilan memang saya ucapan ribuan terima kasih tahniah Kerajaan negeri RM640 juta 50 juta ada naik. Memang saya mahu terima kasih, saya mau tahniah.

Kira Kerajaan Negeri tahun-tahun memang ada bukti dasar ekonomi dan peruntukan-peruntukan rakyat Negeri Sembilan apa kita janji, sebelum 2018, sebelum pilihanraya, manifesto semua sudah tunai. Sekarang warga emas mereka pun boleh dapat RM200, 70 tahun ke atas. Hari jadi 70, mereka boleh dapat. Waktu *Chinese New Year*, kita beri kepada Chinese. Waktu raya, kita beri kepada orang Melayu. Waktu Deepavali dan Krismas, satu kaligus kita beri kepada India sama Kristian. Kali ini DUN Seremban Jaya saya mau ucapan ribuan terima kasih kepada Dato' SS, mereka sudi turun DUN Seremban Jaya, warga emas mereka panggil beliau duduk, kita kasi makanan kira kita taruk daun, kita kasi makan, mereka semua banyak *happy.* Itu saya mau terima kasih Kerajaan negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Exco-Exco, Dato' SS, aaa… serupa jugak aaa… Dato' Kewangan, semua Pegawai Undang-Undang. Okay, terima kasih Penasihat, Penasihat Undang-Undang itu kita terima kasih lah. Lagipun kakitangan Kerajaan pun kita terima kasih.

Okay sekarang kira masalah DUN saya lah. Masalah DUN saya memang sebelum DUN saya ada 2 perkara, kira 1 luar negara, 1 luar *district.* Saya ingin merakamkan tadi sudah cakap tahniah, *last minute* dapat …. Sikit. Dato' Yang Dipertua, Timbalan Datuk Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang pembinaan pelaburan baru di Port Dickson. Baru tadi pun Menteri Pengangkutan ADUN Chennah ada beritau aaa…. pelaburan ini akan membuka banyak peluang pekerja dan menarik banyak syarikat untuk

melabur di kawasan tersebut. Oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan negeri melalui MBI ini saya punya cadangan aa..atau saya punya pandangan, boleh tak boleh, ada akta, ada undang saya tak tau. Tapi saya punya cadangan, dewan yang mulia hari ini, baru-baru kita punya timbalan speaker ada duduk, saya mau cakap. Kira MBI membeli tanah di ladang-ladang seluruh port sana atau Jalan Rantau, Rantau *to* Linggi. Ada *estate* punya tanah, boleh beli itu tanah, kita sekarang simpan. Itu tanah beli pun takda rugi, pasal itu ada hasil, sekarang ada hasil, kelapa sawit ada. Kasi baik punya kontraktor, memang ada dapat hasil punya. Terutamanya tanah Sime Darby Guthrie, pembelian boleh dibuat melalui pinjaman bank, MBI boleh ka tak boleh saya tak tau, bank atau cara pembiayaan lain jika tanah ini dimiliki lebih awal, kita oleh bangunkan kilang, gudang, atau rumah mampu milik untuk pekerja apabila pelaburan nanti beroperasi. Saya juga ingin tekanan bahawa hanya kilang yang tidak mencemarkan alam sekitar. Perlu dibenarkan kita patut memberi keutamaan kepada kilang elektrik, elektronik dan industri yang bersih dan tidak membenarkan kilang yang melibatkan bahan kimia berbahaya. Ini penting untuk menjaga kesihatan rakyat dan alam sekitar. Langkah ini akan, okay, dua menarik lebih ramai pekerja dan pelabur. Pembangunkan ekonomi Port Dickson itu kita punya Yang Amat Berhormat punya kawasan sudah masuk. Kita punya Yang Amat Berhormat banyak baik, cakap nama dia sudah ada dalam. Itulah tuhan memang baik. Memang baik punya orang. Nanti saya mau pergi negeri India boleh pinjam sikit.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Tenang, bertenang, bertenang, kita minta YB Seremban Jaya teruskan, yang lain bertenang ya.

YB ADUN Seremban Jaya: Okay, okay, okay…. kasi *warning* sama Chembong. Yang membantu negeri mencapai sasaran belanjawan. Satu hari selalu MB punya ingatan, fikiran, siang malam, ingat ni Yang Amat Berhormat dewan yang mulia ini satu hari satu billion ringgit belanjawan. aaa… ini memang Dato' Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Utama punya ingatan, memang aaa… itu kira saya punya pandangan saya yakin dengan langkah-langkah ini Negeri Sembilan akan terus maju dan berkembang. Okay.

Ini luar negara, ini bukan Malaysia, ini luar negara. Tapi luar negara, ada masuk negeri. Malaysia negeri, ada nanti, saya ingin mengambil peluang ini untuk berbahas sedikit tentang cadangan pembangunan pelancongan di Jambatan Bukit Putus. Jambatan kedua tertinggi di Malaysia tapi banyak orang tak tau, pasal sana, kereta tak boleh diri ada *signboard.* 1 *signboard* boleh nampak. Seremban ke arah Kuala Pilah, boleh nampak itu *signboard*, tapi tak boleh baca kereta laju. Pasal Malaysia kenderaan tarak *slow* punya. *Speed,* sudah laju tak boleh baca. *Righten side*, kira Kuala Pilah ke arah Seremban, itu tak boleh baca. Pasal kita punya saudara Arul pun tarak, mau kasi tau sama dia. Ini, itu pokok semua sudah tak boleh nampak. Itu *signboard* ada, tulisan tak boleh nampak. Itu kasi tau MBS lah, tolong-tolong aaa….

tolong-tolong. JKR juga…. aaa macam itu JKR tolong lah JKR. Okay, okay, okay, okay……

Datuk Timbalan *Speaker*, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengucap beberapa minggu lalu saya telah mengikut lawatan kerja ke China, bersama, bersama Exco Pelancongan, Saudari YB Nicole Tan Exco. Salah satu tempat penting yang kami lawati ialah Shanghai, sebuah kawasan yang kini terkenal sebagai aaa….destinasi pelancong antarabangsa. Namun apa yang ramai tidak tahu ialah Shanghai pada asalnya hanya sebuah perkampung kecil nelayan. aaa… bila ada satu orang kira dia orang kaya, dia tengok melawat, tempat itu kampung. Tapi itu kampung itu rumah semua kira 200 meter 500 meter atas bukit, mereka sudah tengok, ok dia *planning, planning* dia panggil itu kampung punya orang duduk, bincang saya mahu buat satu rancangan yang baik, *you* orang daripada bukit mau turun bawah, anak mau pergi sekolah susah, mau pergi kedai susah, mau makan susah, mahu pergi makan kedai pun susah, mau beli barang pun susah, ini semua saya kasi *settle*. Dia panggil itu orang semua, satu tempat saya buat rumah, you orang tinggal sini. Saya buat sini tradisional jugak tempat, cantik. Cantik saya buat. Okay, 60% setuju, 40% tarak setuju. Kemudian bincang-bincang, dia pun itu rumah sudah siap, 40% pun sudah setuju. Semua 100%. Sekarang orang itu kaya mewah. Tempat itu cantik. Ratus-ratus ribu orang melawat itu tempat. Aaa… Serupa macam itu saya minta ini jambatan, itu jambatan, itu tempat saya ingat tempat kira kerajaan negeri punya tempat. Bila kita atas, dalam Malaysia, jambatan yang nombor dua tertinggi, orang tak tau, banyak orang tak tau. Banyak orang tak tau. Saya ingat aaa…. itu jalan selalu pakai punya kita punya ADUN-ADUN lebih kurang tau lah. Pasal selalu nampak. Tapi atas juga, bawah takda nampak. Sebab itu, kita itu tempat kita buat cantik-cantik, buat jalan, sana itu kedai makanan punya. Okay makanan, kedai orang Melayu, tradisional punya. Makanan Chinese satu tempat. Makanan India satu tempat. Makanan Indonesia satu tempat. Kita semua buat sana. Itu boleh kalu tapi dulu saya ada cakap Yang Amat Berhormat punya dekat, itu haiwan-haiwan, dia cakap tarak sesuai la… Tapi itu tempat saya ingat ada sesuai sikit. Itu haiwan ular ka, dulu pun tu ular semua ada, ular anaconda, anaconda, anaconda ada lepas sana. Tapi sekarang tarak, itu ular sudah tak tau mana. Anaconda aaa…. anaconda. Anaconda ka, apa conda ka tak tau lah. Tapi, kita tengok macam mana, itu tempat nanti ramai orang. Seluruh Malaysia punya orang, boleh turun sana. Diorang boleh melawat *tourism* punya tempat. Boleh buat, saya punya ingat, saya punya pandangan, saya punya cadangan, saya ingat Dato SS atau jabatan hutan turun tengok itu tempat boleh ka. Sekarang kita tak payah turun, itu dron ada bukan? Itupun boleh kita nampak. Aaa… tapi itu tempat kita boleh buat satu tempat tourism yang cantik. Aaa… itu satu.

Lagi ini aaa.. ini serius sikit tapi saya mau terima kasih PBT, Majlis Bandaraya Seremban, sekaran mereka banyak masalah sudah *settle*, saya terima kasih lah. Tapi sekarang selalu ini masalah kawasan saya, penutup *mainhole* TM sering dibuka pihak tidak bertanggungjawab untuk tujuan kecurian kabel. Selalu ini masalah saya punya kawasan, sebab itu saya minta ini jaga keselamatan aaa… Majlis Bandaraya atau itu TM tolong selalu pasal apa saya takut satu hari jalan itu sapa guna, diorang sudah motor ka, apa-apa sudah berlaku. Tarak ingat punya benda sudah jadi, itu satu masalah yang besar atau kakitangan ada cedera nanti diorang *sue* siapa? Mesti diorang *sue* MBS, masa tu kita kena pulak. Diorang *sue* MBS. Masa itu MBS mau bayar pampasan. Kita punya Yang Amat Berhormat susah-susah cari wang nanti satu hari ini wang semua hilang macam itu. Saya ingat itu mau serius sikit lah. Saudara Arul nanti saya kasi tau sama dia. Ini masalah ada. Memang saya itulah saya punya ucapan. Lagi belanjawan tadi saya baca punya 2018 hingga 2026 MB takda, lagi satu kali boleh baca ka? Tak payah aaa? Tadi MB takda, MB pun gembira bukan? Okay, aaa… mic sudah merah, kawan baik kita rapat.

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat, saya minta tolong satu boleh?

YB ADUN Seremban Jaya: Boleh…boleh.

YB ADUN Chembong: Tadi cakap suma betul, saya mohon tarik balik tadi cakap ADUN Chembong selalu lambat. Itu tadak betul.

YB ADUN Seremban Jaya: Okay…okay…boleh…boleh.

YB ADUN Chembong: Tolong tarik boleh?

YB ADUN Seremban Jaya: Okay…okay….okay…terima kasih.

YB ADUN Chembong: Tarik balik la….

YB ADUN Seremban Jaya: Nanti…nanti duduk dulu, tarak boleh. Ini kita, saya punya jiran memang orang bagus lah. Dulu kita berbangkang pun aaa… dia okay, tapi masa itu dia satu orang jugak naik *tempreture.* Lain semua okay. Dia sampai bangun ini macam, dia sama Temiang. Tapi sekarang banyak baik, tapi tadi patut saya cakap dia lambat, tapi dia lambat bukan banyak lambat, sikit-sikit ada la, takpa itu takpa. Cakap la sikit, sikit-sikit ada, tapi dia cakap punya pasal, selalu bila turun kawasan Pedas, Chembong ada teh tarik, nanti saya tarik balik. Lagi satu, saya sokong belanjawan 2026 satu belanjawan yang baik saya ucapan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan. Terima kasih…xie xie ni, nanri, vanakam. Okay.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Seremban Jaya. Kita jemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: Assalamualaikum WBT. *Bismillahirrahmanirrahim*, *Alhamdulillahi rabbil alamin, wa abihi nasta'in, wa salatu wa salamu ala ashrafi anbiya wal mursalin, wa ala alihi wa sahbihi ajma'in.*

[melafazkan bacaan ayat 25-28 Surah Taha]

A'udhu billahi minash shaitanir rajim, wa anfiquhu fissabilillah, berinfaqlah ke jalan Allah, *wa la tulqu biaidikum ilattahlukah*, yang kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan, *wa ahsinu* berbuat baiklah kamu, *innallaha yuhibbul muhsinin.* Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.

Qa'la Rasulullahi sallallahu alaihi wa sallam, ya ayyuhan nas, wahai manusia, *afsus salam*, sebarkalah salam, *wasilul arham*, dan sambunglah *silatul rahim, waat imutta'am*, dan berilah makan, *wasallu bil-lail wannaasu niyam*, bersolatlah malam ketika manusia tidur, *tadkhulul jannah bissalam*, maka kamu masuklah ke dalam syurga dengan selamat.

Pertamanya, tahniah kepada Timbalan Yang Dipertua. Terima kasih saya ucapkan memberi saya peluang berbahas di dalam Persidangan Ketiga Belanjawan Penggal Ketiga DUN Ke-15 Negeri Sembilan. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Jalaluddin, Haji Alias Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan. Saf kepimpinan Yang Berhormat- Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada daripada barisan kerajaan dan pembangkang, semua ketua jabatan ketua jabatan di peringkat negeri dan persekutuan, hadirin hadirat, sama ada berada di dalam dewan yang mulia ini, mahupun mengikuti persidangan ini di luar sana melalui media massa kontemporari.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Menteri Besar kita, sudah tentulah dengan nasihat dan kerja keras *team* Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang baru kita, Dato' Masri bin Haji Razali, mengunjurkan pendapatan negeri bagi tahun 2026 kepada RM610 juta, meningkat sebanyak RM50 juta seperti yang disebut oleh Seremban Jaya tadi, dari tahun yang lalu. Ini juga yang tertinggi setakat ini dalam perbelanjaan kita dan tahun hadapan perbelanjaan defisit negeri kita, kepada perbelanjaan berjumlah RM640 juta. Mari kita berusaha dan berdoa supaya ianya menjadi belanjawan surplas seperti yang telah berlaku tahun-tahun yang sebelum ini insyaAllah. Datuk Timbalan Yang Dipertua, saya ucapkan syabas dan selamat berjaya juga. Target pendapatan negeri tahun 2030 nanti telah ditargetkan ke RM1 bilion, satu angka yang saya kira boleh dicapai tetapi perlu perancangan dan perlaksanaan yang tuntas. Saya rasa ini satu target yang berani dan berjiwa besar. Saya mengharapkan semua pihak berusaha keras mencapai target ini

dan kesannya nanti sudah tentulah ianya akan dirasai terus dan kembali kepada rakyat Negeri Sembilan.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, peruntukkan keseluruhan bagi Jabatan Agama Islam Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun 2026 adalah RM55.35 juta yang tertinggi diantara jabatan-jabatan di kerajaan Negeri Sembilan. Ianya juga mencerminkan betapa kerajaan negeri, kerajaan perpaduan ini mengutamakan kemajuan dan perkembangan agama Islam di negeri ini. Dan ini saya kira bercanggah dengan dakwaan pembangkang di luar sana semasa era pemerintahan kerajaan perpaduan ini agama Islam terpinggir. Dato' Yang Dipertua, malah bukan hanya itu saja. Ada yang mendakwa agama Islam ini terancam di negara ini. Ini merupakan satu dakyah malah fitnah yang tidak berasas dan saya menyeru kepada semua yang terlibat menghentikan usaha-usaha mengelirukan dan menyesatkan rakyat dengan isu-isu yang sensitif ini. Kalau diperhatikan bidang tumpuan kerohanian dan agama, kerajaan telah memperuntukkan RM7.5 juta untuk inisiatif baru agama dan kerohanian iaitu melibatkan naik taraf masjid negeri, bantuan guaman syarie, jilid Al-Quran, elaun tambahan imam-imam, lambaian baitullah dan bantuan *one off* dengan izin bagi pembantu am wanita masjid. Tahniah saya ucapkan.

Tetapi Datuk Timbalan Yang Dipertua, dari sudut keagamaan ini, mencegah lebih banyak baiknya daripada mengubati. Apabila terkait dengan ajaran sesat seperti yang terlibat di dalam Arqam pada satu ketika dulu, sehingga sekarang kesannya masih ada kes DISB sebagai contoh. Oleh itu saya menyarankan usaha yang berterusan memantau, mencegah dan penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan terutamanya ada guru-guru yang mengajar di tempat-tempat yang terpencil dan tidak di tempat-tempat awam ataupun umum. Ini pengalaman saya baru ini Datuk Timbalan Yang Dipertua. Ada pendapat oleh pendakwah terkenal dan figura rancangan TV, menyatakan eddah isteri yang kematian suami bermula apabila mayat suami itu masuk liang lahad. *First time* saya dengar, tak tahulah ahli dewan di sini pernah dengar sebelum ini ataupun orang-orang yang di luar sana. Masalahnya Datuk Timbalan Yang Dipertua, bila bercakap dengan orang kampung dan figuranya ini memang terkenal pula, dia tak cek lagi dah, terus diamal. Maka isterinya pun keluar melihat bagaimana suaminya disenggarakan, mayat suaminya disenggarakan di masjid. Saya kira ini Tok Mufti lah kot, kena menengok keadaan ini dan kok lah ada dia punya dalil wallahualam. Inilah kadang-kadang Dato' Yang DiPertua, di mana perkara-perkara yang sebegini keluar apabila tempat-tempat pengajian itu tersorok, tidak di tempat-tempat umum. Saya nak tanya kepada figura ini, sekiranya mayat suami itu tertangguh seminggu, makanya seminggu lagi itu isteri yang kematian suami ini boleh buat seperti biasa lah.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, seperti tahun lalu, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran ini, terutama JPS Jelebu yang banyak membantu saya menyelesaikan masalah yang timbul berdekatan aliran sungai dan manda yang tersekat, serta tebing sungai yang runtuh. Daripada rang undang-undang perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Jumaat yang lalu, JPS akan menerima peruntukan sebanyak RM22.4 juta pada tahun akan datang. Ianya pertambahan hampir 80% dari peruntukan tahun semasa. Ini menunjukkan keperhatian Kerajaan Negeri Sembilan berkaitan infra serta kebajikan rakyat di negara ini. Usaha mendalamkan dasar sungai yang pernah saya sebut di dewan yang mulia ini harus diteruskan untuk mengelakkan kawasan-kawasan tertentu supaya tidak terlibat dengan masalah banjir kilat. Sungai Klawang contohnya Dato' Yang Dipertua walaupun 4 tempat yang cuba diusahakan tetapi malangnya oleh kekangan-kekangan tertentu hanya 2 tempat yang berjaya diusahakan dan terbukti banjir…situasi 2 minggu yang lepas tempat dimana kita dapat mengeluarkan pasir ini sehingga kedalaman yang asal tidak berlaku sebarang banjir tetapi di 2 kawasan lagi 5 banjir dinaikkan air. Saya tegaskan sekali lagi BAU - *Bisnes As Usual* dengan izin Datuk Timbalan Yang Dipertua perlu dikaji semula apabila nak mendalamkan sungai-sungai ini dengan meletakkan pasir itu di tebing sungai sebab apabila hujan datang pasir itu akan masuk semula ke dalam sungai dan ianya akan mendengkatkan semula sungai itu.

Datuk Timbalan Yang Dipertua sungai-sungai ini pada pandangan saya ianya adalah ciptaan Allah dan DIA yang *design*. Sekiranya kita mengekalkan dasar sungai asal ini bermakna kita mengekalkan ciptaanNya moga-moga dia tidak menurunkan ujian yang berlebihan mengakibatkan banjir kilat di satu-satu tempat. Dato' Yang Dipertua izinkan saya menyentuh infra jalan raya termasuk jalan ladang. Meneliti peruntukan kepada JKR RM46.18 juta kedua tertinggi berbanding jabatan-jabatan lain ianya juga mencerminkan keperhatian kerajaan perpaduan ini terhadap pembangunan infrastruktur untuk rakyat. Tetapi pembangunan infra jalan-jalan ladang harus juga diberi perhatian dan dipertingkatkan kemudahan untuk rakyat ini mengeluarkan hasil tanaman mereka. Saya mencadangkan supaya diwujudkan peruntukan khas ataupun bentuk-bentuk yang bersesuaian untuk menangani jalan-jalan yang rosak, jalan-jalan ladang ini yang rosak apabila musim tengkujuh dan banyak jalan-jalan ladang ini dikawasan Jelebu dan DUN Klawang khasnya terjejas termasuk peristiwa hujan lebat dua minggu yang lepas ini.

Datuk Timbalan Yang Dipertua sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Dapatlah kiranya pembangunan Jabatan Pembangunan Negeri memperuntukkan kos biaya membina anjung tinjau di Taman Rekreasi Bukit Tajali berhampiran Masjid Jamek Klawang. Dia sudah beberapa kali saya utarakan setakat ini belum lagi berhasil lah ya. Oleh itu saya minta jabatan-jabatan tertentu untuk melihat supaya projek ini dapat dijalankan dan

pengunjung-pengunjung ke taman rekreasi ini boleh naik ke anjung tinjau itu dan meninjau Pekan Kuala Klawang seolah-olah berada di Cameron Highland pada pada waktu yang tertentu. Taman rekreasi ini diharap menjadi tumpuan untuk beriadah, boleh hiking di sana dan juga menjadi tarikan pelancongan. Dato' Yang Dipertua saya ingin menarik perhatian kepada isu anjing liar. Ianya satu isu saya kira tidak berkesudahan. Mungkin di dalam kawasan perbandaran boleh dikatakan selesai di tatacaranya dari sudut performannya masih boleh lagi dipertikaikan. Tetapi bagaimana pula isu anjing liar ini di kawasan perkampungan yang selalu bila diadukan kepada pihak-pihak tertentu ianya tidak ada *authority* dan kadang-kadang tidak ada bajet. Penyelesaian yang tuntas juga dari sudut ini perlu perhatian dewan yang mulia ini Datuk Timbalan Yang Dipertua. NGO-NGO berkaitan perlu menilai keutamaan kebajikan binatang berbanding kemanusiaan. Apabila anjing-anjing terbiar ini menyerang manusia.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, kita nak memasuki Tahun Melawat Negeri Sembilan, tetapi isu kenderaan terbiar dan tersadai di tempat-tempat awam, di tepi jalan raya, saya juga mohon untuk perhatian Dewan Yang Mulia ini. Sebagai contoh, kereta yang terbakar di tepi jalan raya Pantai Temiang, saya kira bangkai kereta itu dah lebih 2 tahun kot, tersadai di sana dan tiada tindakan. Yang Berhormat Lenggeng pun saya kira nampak benda itu kan. Jadi saya mengharapkan adanya tindakan-tindakan yang berkesan apabila keadaan ini dilihat di mana-mana.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, satu lagi isu yang saya temui yang agak juga tidak masuk akal terjadi, tetapi ia terjadi. Reka bentuk rumah PPRT, di mana saya jumpai mungkin ianya kes terpencil atau tidak, saya tidak tahu, tetapi kes yang saya jumpai ini air kumbahannya dan limbahannya masuk ke dalam *septic tank* yang sama. Copek la ponoh eh Dato' Yang Dipertua, dan terpaksa disedut setiap 6 bulan kena sedut. Sedangkan perkara itu sekiranya ini masalah *design* atau masalah perlaksanaan, saya kira perlu penyelesaian yang mendalam. Datuk Timbalan Yang Dipertua, di kesempatan ini saya ingin menyentuh rancangan perlombongan RRE di Jelebu yang perlu dilaksanakan dengan penuh berhemah supaya tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada semua pihak, terutamanya rakyat Jelebu. Saya ingin bertanya apakah manfaat yang akan diperolehi oleh rakyat Jelebu secara amnya? Berapa peluang pekerjaan yang akan wujud dengan perlombongan ini? Setakat ini tiada pihak saya belum diberi sebarang penerangan terperinci apa sebenarnya yang akan kita laksanakan di sana. Rakyat di luar sana bertanya dengan kegusaran sebab kes-kes yang sebelum ini dan perlu jawapan daripada pihak kerajaan. Dato' Yang Dipertua sebagai penutup, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada semua yang telah bertungkus-lumus mengadakan, merancang bajet ini. InsyaAllah kita akan dapat melaksanakannya bersama dengan usaha yang gigih di antara kita semua.

Sekian, Wabillahi Taufiq wal Hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wa barakatuh.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, Yang Berhormat Klawang. Seterusnya, kita jemput Yang Berhormat Sungai Lui meneruskan perbahasan.

YB ADUN Sungai Lui: *Bismillahirrahmanirrahim*, Assalamualaikum WBT Yang Berhormat Datuk Timbalan Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 yang bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Pertama-tama sekali, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan yang bersifat progresif, praktikal dan juga berpaksikan kepada rakyat. Belanjawan 2026 ini memberi tumpuan kepada pengukuhan ekonomi, kebajikan rakyat serta kelestarian pembangunan negeri. Belanjawan kali ini memberi fokus kepada 9 bidang tumpuan dan 69 inisiatif berfokuskan kepada rakyat. 23 inisiatif baru diperkenalkan dan 46 inisiatif sedia ada dikekalkan.

Saya tertarik kepada agenda pengukuhan pasukan penguatkuasaan bagi membanteras sebarang bentuk pencerobohan tanah kerajaan serta sumber alam yang sedia ada. Hasil negeri boleh dipertingkatkan tanpa menaikkan cukai tetapi dengan meningkatkan pematuhan dan juga memperkukuhkan penguatkuasaan yang cekap di kalangan agensi penguatkuasaan. Yang Berhormat, Datuk Timbalan Yang Dipertua. DUN Sungai Lui, terdapat 8 penempatan Felda, 4 perkampungan orang asli, 2 kampung baru Cina dan juga 3 kampung tradisi di DUN Sungai Lui. Hal yang berkaitan dengan infrastruktur sering menjadi perbualan utama rakyat. Kawasan-kawasan ini masih ada lagi masalah longkang, masalah jalan yang menuntut penyelesaian secara berterusan daripada pihak kerajaan negeri mahupun persatuan. Kemudahan awam yang lain seperti Balai Raya, Dewan, Gelanggang Sukan selain sekolah tabika, sekolah menengah juga sekolah rendah, serta lampu jalan juga perlu diberi perhatian. Penambahan lampu jalan setiap kampung dan juga lokasi-lokasi tertentu membantu mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dan juga aktiviti jenayah ringan. Lampu jalan bukan saja soal keselamatan tetapi juga asas kemudahan asas yang menyumbang kepada kualiti hidup yang mana dapat memberi peluang kepada penduduk melakukan aktiviti malam komuniti tanpa rasa takut. Rakaman setinggi penghargaan kepada pihak kerajaan negeri serta jawatan berkaitan di atas kelulusan kerja-kerja menukar paip usang di Kampung Asli Sungai Sampo dan juga Feda Lui Selatan 1 dan 2. Di Kampung Sungai Sampo, kerja-kerja sedang dilaksanakan oleh pihak SAINS, manakala di Lui Selatan 1 dan 2 sedang dalam peringkat juru ukur perunding oleh PAAB - Perbadanan Aset Air Berhad.

Kelulusan ini bukan sekadar projek kecil tetapi adalah tanda keprihatinan kerajaan terhadap denyut nadi rakyat luar bandar yang telah saya bawa dalam Dewan ini dulu. Selama bertahun-tahun, penduduk di kawasan ini berdepan dengan masalah bekalan air yang kerap terganggu akibat paip lama yang bocor dan juga rosak. Kini, dengan kelulusan ini masyarakat di kawasan tersebut boleh menarik nafas lega kerana mereka bakal menikmati bekalan air yang lebih stabil dan juga selamat. Sesungguhnya, inilah bukti suara rakyat DUN Sungai Lui didengari dan juga kawasan luar bandar tidak dipinggirkan. Saya berharap kejayaan ini menjadi permulaan kepada lebih banyak projek Infrastruktur yang sepatutnya di Sungai Lui agar kesejahteraan rakyat terus terjamin. Dalam belanjawan ini juga, dinyatakan berkenaan program pencahayaan kampung dan juga kampung orang asli dimana ianya amat penting bagi menyokong agenda pembangunan inklusif.

Penganjuran KORAN 2026, Karnival Orang Asli Negeri Sembilan, bukan sekadar acara kebudayaan tetapi satu platform strategik untuk memperkasakan masyarakat orang asli melalui ekonomi, sosial dan juga budaya. Karnival ini membuka peluang kepada masyarakat orang asli untuk memasarkan segala produk yang dihasilkan oleh mereka di samping memperkukuhkan hubungan masyarakat umum serta mengurangkan jurang sosial dan juga mempertingkatkan kefahaman. Karnival ini bukan saja acara hiburan tetapi simbol komitmen kerajaan negeri dan juga pusat yang membawa impak menyeluruh ekonomi berkembang sosial terjalin, budaya terpelihara, pembangunan masyarakat orang asli diperkukuhkan. Masyarakat orang asli mesti terus diberi peluang dan juga peluang di dalam arus pembangunan negeri.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, rumah adalah asas kesejahteraan rakyat. Tanpa rumah yang selesa dan juga rumah yang mampu milik rakyat akan terus bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi. Generasi baru Felda di DUN Sungai Lui berdepan dengan kesukaran untuk memiliki rumah sendiri. Ramai anak-anak peneroka masih tinggal bersama ibu bapa serta menyewa di kawasan-kawasan berhampiran. Harga rumah di pasaran terlalu tinggi dan skim perumahan khusus untuk generasi baru Felda masih belum nampak jalan penyelesaian. Cadangan untuk memperkenalkan pocket land dalam Felda di DUN Sungai Lui adalah langkah strategik untuk memastikan generasi baru tidak terpinggir. Felda juga pentabiran tanah serta pentabiran daerah dan juga tanah seharusnya mengambil langkah awal dan juga segera. Jadi, cadangan untuk usaha ini sebenarnya dapat direalisasikan untuk penempatan ekonomi komuniti generasi baru akan lebih kekal di kampung halaman mereka, membina masa depan yang lebih cerah dan menjadi pelapis kepada peneroka terdahulu. Untuk makluman, di kebanyakan kawasan-kawasan Felda telah ada penempatan-penempatan yang telah didirikan terdahulu kawasan perniagaan dan sebagainya dan kita mohon supaya kawasan-kawasan penempatan yang didirikan yang menjadi satu ketika dulu

kawasan lot kedai dan juga penempatan-penempatan yang telah didirikan ini, supaya dapat kita putihkan untuk membolehkan mereka memiliki rumah sendiri.

Dalam pada itu, rancangan bagi menambah bilangan perumahan awam harga rendah perlu diperhalusi dan dijadikan agenda utama dalam sesi pembentangan belanjawan pada masa-masa akan datang. Yang Berhormat Datuk Timbalan Yang Dipertua, isu kebajikan dan juga kos sara hidup tidak dapat dielakkan khususnya dalam kawasan desa seperti DUN Sungai Lui. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan negeri atas pengekalan skim Insentif Warga Emas. Bantuan Warga Emas (BWE) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri khususnya adalah penting bagi membantu golongan berusia khususnya di kawasan luar bandar. Bantuan Anak Sekolah (BAS), Biasiswa Anak Negeri (BAN) juga banyak memberi manfaat kepada masyarakat tetapi kaedah penyenaraian penerima sering menjadi perbualan di kalangan ibu bapa. Diharap keadaan penyenarai penerima dapat ditambah baik dan diperjelaskan kepada pihak pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah agar ianya tidak menjadi polemik di kalangan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, keterjaminan makanan bukan lagi isu dasar kecil dan ianya menjadi faktor keselamatan dan juga kesejahteraan kepada rakyat. Sungai Lui sebagai sebuah DUN yang mempunyai kombinasi kawasan felda, kampung tradisi, serta tanah pertanian yang berada dalam kedudukan yang strategik untuk menjadi penyumbang kepada rantaian makanan bagi Negeri Sembilan. Kita perlu mengubah persepsi bahawa pertanian adalah pekerjaan kelas kedua. Sudah tiba masanya felda diberi mandat baru sebagai hub agro-makanan yang merangkumi ternakan agro-teknologi dan juga pemprosesan makanan asas. Namun, hampir separuh petani berumur 60 tahun ke atas, sedangkan hanya 22% saja golongan muda yang berada dalam sektor pertanian. Kita sedang berhadapan dengan risiko krisis generasi dalam sektor makanan dan juga kajian menunjukkan golongan muda tidak menolak pertanian tetapi mereka menolak sistem yang tidak menyokong mereka seperti tiada tanah, modal, teknologi mahal dan juga status kerjaya yang dipandang rendah. Kita perlu memecahkan persepsi negatif terhadap pekerjaan pertanian dan menaikkan status kerjaya petani muda agar sektor ini dilihat setara dengan kerjaya professional yang lain.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri di atas penyelesaian permohonan pemilikan tanah Lot Dusun peserta Felcra Air Hitam peringkat satu seramai 37 orang yang mana mereka telah menanti selama 60 tahun untuk mencari jalan penyelesaian. Kebanyakan daripada mereka merupakan waris yang tinggal dan sesungguhnya mereka semua bersyukur atas apa yang telah Kerajaan

laksanakan bagi penyelesaian ini. Semoga kurniaan tanah ini dapat dimanfaatkan bagi kegunaan tanah untuk kebaikan dan juga pembangunan keluarga mereka.

Saya di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Tanah dan Daerah Jempol dan semua pihak MMK yang telah bersetuju dan telah meluluskan permohonan daripada para peneroka ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen Kerajaan Negeri terhadap penyelesaian permasalahan tanah GETCO dengan segera seberapa segera mungkin. Saya menyokong penuh langkah penyelesaian yang telah dibuat oleh Kerajaan dan berharap ianya dapat segera dinoktahkan.

Dalam komposisi kawasan yang sama dan juga berdekatan Kerajaan melalui Felda perlu mengambil tindakan tuntas iaitu jalan licin di jalan kilang sawit Serting dan juga kilang sawit Pasoh bukan perkara kecil yang boleh dipandang enteng. Keadaan ini boleh bukan saja menimbulkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya malah turut memberi kesan kepada kesempatan pekerja kilang penduduk setempat juga para pelawat. Kenderaan mudah terbabas ketika terutamanya ketika hujan dan pihak pengurusan kilang perlu dipertanggungjawabkan kerana operasi mereka menyumbang kepada keadaan jalan yang licin akibat daripada tumpahan minyak ataupun sisa minyak di jalan raya. Langkah segera oleh pihak pengurusan kilang melalui penyelenggaraan berkala pemasangan sistem pembersihan jalan atau pihak Kerajaan melalui Penguatkuasaan Undang-Undang yang lebih tegas demi menjamin keselamatan rakyat dan juga kelancaran ekonomi negeri.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, sebagai rumusan kepada perbahasan saya izinkan saya menegaskan bahawa Belanjawan Negeri Sembilan 2026 yang berjumlah RM640 juta dengan tema Belanjawan Madani Rakyat Harmoni adalah satu dokumen yang mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan rakyat secara menyeluruh. Namun dalam semangat keadilan sosial saya ingin menekankan pembangunan mesti benar-benar menyentuh denyut nadi rakyat luar bandar khususnya juga di DUN Sungai Lui. Isu-isu yang dibangkitkan semuanya adalah cabaran nyata yang dihadapi oleh masyarakat. Tanpa perhatian serius jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar akan terus melebar. Belanjawan ini mesti menjadi wadah kepada perubahan nyata dengan sokongan kerajaan negeri dan juga saya yakin rakyat akan menikmati kehidupan yang lebih baik dan negeri akan benar-benar menjadi negeri mandani yang harmoni.

Akhir kata DUN Sungai Lui mohon menyokong usul belanjawan yang telah dibentangkan. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Lui. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Gemas untuk meneruskan perbahasan.

YB ADUN Gemas: Assalamualaikum WBT. Terima kasih Datuk Timbalan Yang Dipertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya untuk bersama dalam perbahasan Belanjawan 2026. Yang saya hormati kekanda Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat, Barisan Exco-Exco, Pegawai-pegawai Kerajaan, Barisan ADUN-ADUN, DUN Negeri Sembilan. Pertama sekali tahniah diucapkan atas peningkatan anggaran hasil Negeri Sembilan daripada RM590 juta tahun lepas kepada RM610 juta pada tahun 2026. Hasil negeri ini meningkat sebanyak 20 juta tapi masih jauh lagi daripada sasaran 1 bilion yang disasarkan pada tahun 2030. Namun, disebalik angka yang di kelihatan positif ini timbul satu persoalan dalam saya membaca menilik buku ini dalam buku Belanjawan Anggaran terima bukan hasil bagi tahun 2026 iaitu berjumlah RM64,757 juta tapi angka yang diumumkan hanyalah 60 juta, wujud perbezaan hampir RM4.75 juta ini adalah dokumen yang diaudit angka yang sepatutnya ditulis dengan jelas, tepat dan tulus. Perbezaan ini juta ini tidak boleh dipandang ringan karena memberi ruang yang salah faham serta menimbulkan persoalan terhadap ketelitian penyediaan terimaan bukan hasil ini.

Yang kedua seterusnya apabila kita merujuk pada anggaran belanja pembangunan negeri tahun 2026 kita dimaklumkan anggaran hasil negeri pada tahun 2026 adalah berjumlah RM610 juta namun belanja mengurus dianggarkan sebanyak RM640 juta ini bermakna kita sudah pun memulakan tahun hadapan dengan defisit sebanyak RM30 juta. Lebih mengecewakan belanja mengurus ini meningkat hampir 50 juta berbanding tahun sebelumnya, tetapi peningkatan tersebut tidak mengalir kepada sektor yang benar-benar memberi manfaat kepada rakyat khususnya masyarakat luar bandar dan kumpulan berpendapatan rendah. Ini saya petik di mana pertama saya ingin persoalkan peruntukan pembangunan 2026 berbanding 2025, di mana peruntukkan Pejabat Menteri Besar meningkat mendadak daripada RM45 juta kepada RM56 juta kenaikan sebanyak RM11 juta yang hampir 24.44%. Peruntukkan ini merangkumi pembangunan sosial program sumbangan dan aktiviti kemasyarakatan yang dituliskan dalam buku ini. Mengapa peruntukkan sebesar ini dipusatkan hanya di bawah satu pejabat sedangkan pada masa yang sama peruntukan untuk sektor penting seperti pertanian, pengairan dan saliran, pelancongan pula dipotong. Kenaikan seupama ini menimbulkan tanda tanya sama ada kerajaan benar-benar memfokus kepada rakyat atau menumpukan kepada pengukuhan imej pentadbiran program berpusat di Pejabat Menteri Besar. Di mana jabatan pertanian pada tahun lepas mendapat RM11 juta. Sektor pertanian sepatutnya menjadi tulang belakang kekuatan negeri memandangkan ia merupakan punca pendapatan penting dan melibatkan ramai rakyat di luar

bandar. Pekebun kecil, penternak, pesawah dan peladang. Namun peruntukkan sektor pertanian dipotong daripada 11 juta kepada turun RM7.25 juta iaitu pengurangan sebanyak 30.91 pada tahun akan datang. Bagaimana kita mahu memperkukuhkan rantaian makanan, meningkatkan hasil tani, membantu keluarga peladang, petani jika peruntukkan pun semakin dikurangkan. Dalam keadaan harga barang semakin naik, kos input tani, peningkatan harga semua pengurangan ini adalah tidak wajar. Seterusnya Jabatan Parit Dan Saliran, sedangkan rakyat berdepan kerosakan saya ambil ucapan utama Yang Amat Berhormat pada mula-mula masa membentangkan keadaan negara ini cukup aman walaupun negara luar dilanda banjir, tapi kerosakan harta benda akibat banjir kilat di kawasan, memang sering menjadi tumpuan pada rakyat. Bagaimana peruntukan pengairan dan saliran dipotong daripada RM10.65 juta menjadi kepada RM6.89 juta pengurangan sebanyak 35.3%. Kerajaan mahu mengurangkan risiko banjir, jika peruntukkan asal untuk saliran pun dikurangkan, rakyat menghadapi banjir setiap tahun tetapi peruntukkan semakin mengecil untuk tahun hadapan.

Keempat, sektor pelancongan. Tahun 2026 seperti semua kita maklum diisytiharkan sebagai tahun melawat Negeri Sembilan. Namun peruntukkan pelancongan dipotong daripada RM6.2 juta kepada hanya RM2.5 juta bersamaan hampir 60% penurunan ini dalam bajet suku yang tinggal untuk melaksanakan program promosi menaikkan imej negeri semuanya memerlukan dana mencukupi. Bajet RM6.2 juta untuk tahun 2025 pun tidak nampak apa yang digambarkan, inikan pula bajet dikurangkan kepada RM2.5 juta. Sektor pengubah sektor perumahan rakyat yang diperuntukkan sebanyak RM3 juta. Dalam sektor perumahan rakyat seluruh Negeri Sembilan dijangka menerima RM3 juta dalam urusan untuk penambahbaikan. Dalam masa yang sama, untuk kerja-kerja pengubah suaian Rumah Rasmi Menteri Besar, Rumah Tetamu, Rumah Rehat, kerajaan memperuntukkan RM0.9 juta bandingkan rakyat hanya dapat 3 juta sedangkan yang diatas tadi mendapat RM0.9 juta. Ini menunjukkan ketidakseimbangan tidak munasabah dan memberi gambaran bahawa keutamaan kerajaan agak tersasar. Jika kita meneliti keseluruhan belanjawan kali ini banyak peruntukan meningkat tapi tertumpu kepada bahagian pengurusan Pejabat Menteri Besar dan menaiktaraf sistem komputer kerajaan negeri bukan kepada sektor membantu seperti pertanian, pengairan dan saliran, pelancongan dan perumahan. Maka apa sebenarnya yang hendak kita dendangkan kepada rakyat untuk belanjawan 2026 ini, kerajaan perlu ingat bahawa belanjawan bukan sekadar angka seperti yang dikatakan oleh ADUN Pertang, ia merupakan cerminan keutamaan. Hari ini kita berhujah bersama-sama untuk kepentingan rakyat Negeri Sembilan jangan kita dendangkan pemberian bonus 3 bulan ini tapi. Kami bersyukur dengan apa yang dibentangkan Yang Amat Berhormat tempoh hari cuma permintaan kami juga cuba fikir-fikirkan untuk kakitangan pusat yang bertugas. Tahun lepas diberikan pemberian

RM200 ringgit kepada kakitangan yang bertugas di Negeri Sembilan yang bekerja di pusat.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu-isu di DUN Gemas. Saya ada menghantar surat kalau ikutkan kalau laporan kepada SISPAA itu sudah sering kali. saya pun melihat ada pertanyaan lisan daripada ADUN-ADUN kerajaan yang bertanya tentang fungsi SISPAA ini dan saya pun ada menulis surat aduan terus kepada Pejabat Menteri Besar pada bulan 8 untuk mengetengahkan beberapa isu. Saya tidak mempersoalkan kenapa ia lambat tapi dengarkanlah antara perkara-perkara yang berlaku di DUN Gemas yang hampir sampai sekarang tidak selesai.

Yang pertama isu Muzium Kereta Api Gemas yang telah ditukar nama kepada Galeri Kereta Api Gemas. Untuk makluman Gemas ingin bawa perhatian Dewan kepada sebuah projek yang bukan saja penting untuk sejarah dan identiti Gemas. Gemas bukan sekadar pekan biasa tapi merupakan persimpangan yang seperti dimaklumkan oleh Chennah tadi, apabila kereta api ETS ini daripada KL Sentral ke Johor Baharu mereka akan berhenti di Gemas untuk bertukar, *interchange* yang mau ke pantai timur pula. Hari ini kita ada satu kawasan Projek Muzium Kereta Api Gemas yang telah dimasukkan dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Gemas melalui tiga fasa. Fasa 1 - 2019 hingga 2023, fasa 2 - 2023 hingga 2027, fasa 3 - 2027 hingga 2030. Merujuk kenyataan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada sidang sesi yang lepas pada 2022 selaku Exco menjawab persoalan daripada ADUN yang lama, MOTAC telah menyerahkan sebanyak RM490,000 kepada Pejabat Daerah Kecil Gemas pada tahun 2021 untuk tujuan pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf stesen kereta api lama Gemas untuk dijadikan muzium. Kerja-kerja tersebut diteruskan pada 2021. Seterusnya perancangan diserahkan kepada tindakan Majlis Daerah Tampin. Tahun lepas pada belanjawan yang sama saya bertanyakan soalan ini dan saya ingat lagi pada 3 Disember datanglah tiga..dua orang Exco, seorang ADUN ke Gemas untuk melihat aduan tersebut. Dimana tanpa sedar muzium ini dalam masa setahun ini telah bertukar menjadi Galeri Gemas. Namun begitu fasa satu telahpun disiapkan tapi tiada pameran telah disediakan. Lebih membimbangkan secara tiba-tiba projek ini ditukar nama kepada galeri kereta api lama dengan alasan…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: YB, minta *landing* YB ya, masa dah habis.

YB ADUN Gemas: Seterusnya Timbalan *Speaker*, saya bawakan dua tiga isu lagi yang pendek saya ambil masa dua minit saja, saya faham. Isu pembuangan sampah haram yang saya telah nyatakan dan rujuk dalam sistem SISPAA yang cukup lama. Isu ini telah berlaku di tanah Pejabat Tanah Taman Rekreasi Gemas. Hanya pejabat daerah hanya memasangkan tali

untuk untuk memastikan kawasan ini tidak diceroboh. Tapi gambar yang kami ambil pada baru-baru ini masih kekal pembuangan haram tetap dilakukan di Tanah Rekrasi Gemas ini.

Seterusnya isu melibatkan kontraktor meletakkan bahan binaan yang cukup lama di persimpangan Pasir Besar. Dimana persimpangan lampu isyarat ini mempunyai bahan-bahan binaan daripada kontraktor. Jika rakyat atau orang biasa berniaga tepi jalan cepat saja tindakan diambil, cuma kontraktor ini kalau dilihat kalau Tuan Tuan *Speaker* datang ke persimpangan Gemas nak ke Palong akan melihat sendiri longgokkan sampah atau bahan binaan diletakkan di hadapan stesen minyak BHP itu.

Seterusnya isu Jabatan Parit dan Saliran. Isu kerosakan jalan sawah Kampung Londah kesan daripada penggunaan jentera berat bagi kerja-kerja menyelenggara Parit dan Saliran. *Alhamdulillah* selesai satu isu Parit dan Saliran tapi kontraktor buat kerja dengan menggunakan jentera berat jalan yang digunakan telah rosak sebenarnya. Kawasan ini sering dijadikan tempat lawatan untuk pelancong tempatan melihat sawah padi, tapi jika digambarkan hari ini cukup dibiarkan jalan ini berlubang baru-baru ini dalam kejohanan larian terpaksa diletakkan *crusher run* saja. Tapi tidak dibiarkan, saya mengharapkan JPS dan Pejabat Tanah Dan Kecil Daerah Gemas mengambil tindakan sewajarnya. Seterusnya kerja Jabatan Kerja Raya. Aduan telah dibuat begitu lama iaitu persimpangan *traffic light* Pasir Besar dan Pekan Gemas. Sudah dua tahun papan tanda yang disiapkan oleh pihak Selia Selenggara. Saya setiap kali sidang dewan saya membawakan isu ini takkanlah jalan yang begitu hanya dibiarkan hanya dengan meletakkan papan tanda awas jalan rosak sepanjang dua tahun ini. Saya sudahi dengan isu yang terakhir iaitu saya mohon bantuan Dato' Jalal selaku Exco selaku Dato' Exco Kanan tahun lepas pada sesi yang sama saya membawakan isu banjir di Taman PGBF Felda Pasir Besar Dato', hingga hari ini semasa jawapan Dato' ada mengatakan pihak Felda akan melantik konsultan sehingga hari ini Dato', makluman saja kepada Dato' sehingga hari ini tiada sebarang tindakan daripada pihak Felda dan rakyat penduduk di kawasan itu tertanya-tanya juga adakah jawapan ini selari dengan tindakan Felda. Saya tidak menyalahkan Dato' cuma mohon dipanjangkan kepada pihak Felda keadaan ini. Yang terakhir minta maaf Dato' *Speaker*, Timbalan *Speaker*, isu air di Gemas sama juga di Sungai Lui, Gemas ingin menarik perhatian tentang kita ambil satu situasi di Pasir Besar satu tahun ini telah berlaku aduan sebanyak 23 laporan paip pecah di kawasan ini dan hingga hari ini yang sering menjadi, saya pun tak tahulah isu ini berlarutan agak lama mungkin kita kena fikirkan bersama bagaimana ini bukan melibatkan Gemas saja.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Okay YB, minta landing terus YB.

YB ADUN Gemas: Saya landing Dato' *Speaker*, Datuk Timbalan *Speaker* jadi saya harap dengan waktu yang singkat ini saya dapat suarakan isu-isu di peringkat Gemas dan peringkat belanjawan tadi. Dengan ini saya mohon maaf jika segala percakapan saya tadi ada tutur kata yang menyinggung perasaan. Saya mohon maaf dengan saya menyokong untuk belanjawan ini terima kasih.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Gemas kita jemput Yang Berhormat Seri Tanjung untuk teruskan perbahasan.

YB ADUN Seri Tanjung: Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker* saya ucapkan tahniah. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker* kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan di dewan yang mulia ini. Sidang Dewan ini bukan sekadar menjadi medan untuk kita membincangkan dasar-dasar dan halatuju pembangunan negara atau negeri bahkan lebih utama ia adalah tanggungjawab untuk kita menyuarakan denyut nadi rintihan harapan serta aspirasi rakyat yang telah memberi mandat dan kepercayaan kepada kita. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan atas komitmen berterusan dalam mentabir urus negeri secara berprinsip dan berteraskan nilai-nilai teras, bersih, mufakat dan sejahtera. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan atas kecemerlangan yang menakjubkan apabila Negeri Sembilan telah diiktiraf sebagai negeri paling progresif di Malaysia untuk tahun 2024, melalui anugerah *The International Business Review Asian Award 2025*. Pengiktirafan ini membuktikan kebijakan strategik yang dilaksanakan menerusi rancangan struktur Negeri Sembilan 2045 dan *Malaysian Vision Valley 2.0* yang menyasarkan pembangunan jangka panjang pelaburan berkualiti serta peningkatan ekonomi negeri secara mampan. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pelbagai insentif berani dan pro-rakyat serta melalui pelaksanaan projek *flagship industry semiconduktor high value high technology* dengan sasaran untuk meningkatkan nilai eksport produk E&E sehingga menghampiri RM1 trilion menjelang 2030. Dengan pengukuhan dasar-dasar ini dibawah kerangka RMK-13 saya yakin Malaysia akan terus berada di landasan ekonomi yang berdaya tahan, inklusif dan mampan. Sambil memastikan agenda Negeri Sembilan sebagai negeri progresif dapat terus dilestarikan dengan arus pembangunan nasional.

Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, izinkan saya memulakan perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 dengan sedikit pantun sebagai pembuka bicara;

Pergi ke Dusun mencari halia,
Halia dipilih yang paling wangi,
Belanjawan Madani jadi pembela,
Demi rakyat Negeri Sembilan harmoni.

Pertamanya saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Utama Aminuddin Harun atas pembentangan Belanjawan yang bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Belanjawan ini memperincikan sejumlah 69 inisiatif termasuk 23 inisiatif baru dan 40 inisiatif sedia ada yang ditambah baik. Sejak tahun 2019 hingga 2025 sebanyak 214 inisiatif telah berjaya dilaksanakan. Kejayaan ini lebih bermakna apabila Negeri Sembilan mencatat rekod *surplus* selama 4 tahun berturut-turut bermula tahun 2022 hingga 2025 sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan mengamalkan pengurusan fizikal yang berhemah dan penuh disiplin. Belanjawan Negeri Sembilan 2026 dibentangkan secara berhemat dengan anggaran hasil sebanyak RM610 juta. Anggaran belanjawan mengurus sebanyak RM640 juta dan turut merangkumi anggaran belanjawan pembangunan sebanyak RM150 juta. Saya juga menyambut baik kesinambungan skim sejatera rakyat SSR dengan peruntukan sebanyak RM29.75 juta yang memberi manfaat kepada rakyat dari bayi sehingga warga emas. Keberhasilan skim ini tidak akan tercapai tanpa komitmen seluruh adun kerajaan berpaduan yang sentiasa turun ke akar umbi untuk memastikan bantuan sampai kepada penerima yang layak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker* saya ingin menarik perhatian dewan kepada isu Rumah Mampu Milik Negeri Sembilan (RMMNS). Walaupun harga rumah yang ditawarkan adalah munasabah ramai rakyat tidak dapat memiliki rumah kerana pinjaman bank tidak diluluskan. Golongan bekerja sendiri peniaga kecil dan individu yang tidak mempunyai slip gaji atau rekod kewangan yang kukuh sering gagal dalam permulaan pinjaman meskipun mereka sebenarnya mampu membayar. Justeru itu saya mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan pelaksanaan skim sewa beli untuk membantu golongan ini memiliki rumah pertama mereka. Skim sebegini bukan sahaja membuka laluan pemilikan rumah kepada mereka yang terpinggir daripada sistem pinjaman bank, tetapi turut menyokong agenda negeri dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri atas peluang untuk saya menghadiri sebuah forum antarabangsa di Athens, Greece yang membincangkan kepentingan kecerdasan buatan AI dalam sistem demokrasi moden. Antara perkara penting yang ditegaskan dalam forum tersebut ialah bagaimana berita palsu dan maklumat tidak benar boleh mencetuskan

kegelisahan awam, rusuhan serta mengugat kestabilan ekonomi sebuah negara. Generasi muda hari ini amat terdedah kepada maklumat digital yang tidak ditapis. Oleh itu saya mencadangkan agar aspek literasi digital, pendidikan sivik digital, kesederhanan terhadap berita palsu serta etika pembangunan teknologi dan AI dimasukkan sebagai model tambahan dalam ko-kurikulum sekolah. Pendidikan awal adalah kunci untuk melahirkan generasi berpengetuhan, berfakta dan tidak mudah dipengaruhi oleh sentimen yang tidak benar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, izinkan saya membawa perhatian Dewan kepada beberapa isu infrastruktur pendidikan dan kemudahan awam di Seri Tanjung. Keadaan dewan sekolah SDASA kini tidak selamat digunakan kerana sebahagian strukturnya telah runtuh dan memerlukan tindakan segera. Ribut Senyar juga telah menyebabkan kerosakan serius kepada Sekolah Tinggi Port Dickson STPD khususnya pada bahagian bumbung struktur bangunan dan sistem loji kumbahan sekolah. Kolej Vokasional Port Dickson pula berdepan masalah asrama serta kemudahan yang uzur dan memerlukan pembaikan segera. Saya memohon agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan penggunaan peruntukan di bawah tabung amanah penyelenggaraan sekolah bagi menyegerakan kerja-kerja pembaikan ini demi keselamatan dan keselesaan para pelajar. Ribut Senyar turut mengakibatkan kerosakan teruk pada jeti penumpang Port Dickson sehingga feri tidak dapat berlabuh. Keadaan ini memberi kesan besar kepada operasi pintu masuk pelancongan serta menjejaskan pendapatan pemandu teksi dan peniaga tempatan. Saya memohon agar pembaikan jeti ini diberi keutaman kerana ia melibatkan kepentingan ekonomi daerah serta imej negeri sebagai destinasi pelancongan utama. Ribut Senyar juga mengakibatkan kerosakan infrastruktur di salah satu gereja Port Dickson. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Ahli Parlimen Port Dickson atas bantuan membaik pulih sebelum sambutan Hari Natal. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada PBT, pejabat tanah atas usaha mereka yang tidak mengenal penat lelah dalam menyemak dokumen dan menyelesaikan masalah pembaikan rumah yang terjejas dalam ribut tersebut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, sempena persediaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) atas pelbagai inisiatif menceriakan Daerah Port Dickson termasuk pemasangan lampu hiasan, mural, pencahayaan landskap dan elemen estetika yang mengindahkan kawasan tumpuan pelancong. Usaha ini wajar dipuji kerana berjaya mewujudkan suasana yang lebih hidup serta menarik minat pengunjung. Namun begitu. saya memohon kerjasama dan sokongan Exco Pelancongan dan Budaya untuk membantu pihak PBT khususnya MPPD untuk menambah baik aspek pencahayaan hiasan. Khususnya menjelang

perayaan-perayaan utama. Pelita hiasan masih belum mencukupi untuk memberi impak visual yang lebih meriah serta setara dengan imej Port Dickson sebagai destinasi pelancongan negara. Justeru saya mencadangkan agar pemasangan pelita hiasan dipertingkatkan dengan jumlah pelita yang lebih banyak pada setiap tiang bagi meraikan kepelbagaian budaya dan menarik perhatian pelancongan melalui pencahayaan lebih terang, kreatif dan berskala besar.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan kerana meluluskan cadangan Seri Tanjung iaitu penemuan perpustakan komuniti di flat Seri Bandar di Seri Tanjung. Datuk Timbalan *Speaker*, perpustakan komuniti ini merupakan perpustakan komuniti yang pertama di Negeri Sembilan. Saya berharap agar model perpustakan komuniti ini dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan flat lain di sekitar Negeri Sembilan dan lebih ramai anak-anak memperoleh akses kepada bahan pendidikan dan pembelajaran. Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, Belanjawan Negeri Sembilan 2026 merupakan sebuah belanjawan yang inklusif, realistik serta berpaksikan kebajikan rakyat. Ia mencerminkan kesungguhan kerajaan perpaduan untuk memastikan pembangunan negeri berlaku secara seimbang dan mampan. Dengan penuh rasa tanggungjawab saya menyatakan sokongan padu terhadap Belanjawan Negeri Sembilan 2026 dan berharap agar segala cadangan dan keperluan rakyat yang saya bangkitkan mendapat perhatian sewajarnya. Datuk Timbalan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati. Izinkan saya membuka perbahasan penutup ini dengan sebuah karya sastera dalam bahasa Tamil. Izin ya ha? [Sastera Bahasa Tamil] *Thirukkural* ini menegaskan bahawa pemerintah atau Kerajaan yang hebat bukan sekadar mengumpul hasil, tetapi bijak mengurus, melindungi dan akhirnya mengagihkan kembali kepada rakyat dengan penuh keadilan. Selaras dengan visi Kerajaan Negeri Sembilan, kerajaan cemerlang, kerajaan yang dikatakan cemerlang atau hebat, bukanlah kerajaan yang berhenti pada angka pendapatan semata-mata. Kerajaan yang benar-benar unggul ialah kerajaan yang bijak menjana pendapatan, mengurus kewangan dengan telus dan berhemat, melindungi aset dan hasil negeri dan akhirnya menyalurkan kembali manfaat itu kepada rakyat secara adil dan saksama. Inilah ciri pentadiran yang menjadi tonggak Kerajaan Negeri Sembilan, memastikan setiap ringgit diurus untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat,memperkukuh ekonomi negeri serta memastikan tiada kelompok masyarakat yang tercicir. Sekian Terima kasih.

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Seri Tanjung. *Alhamdulillah*, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan Mesyuarat Dewan. Sesi perbahasan Rang Undang-Undang dan Usul ini akan disambung semula pada hari Selasa, 9 Disember 2025. Kita tutup dengan *subhanakallahumma, wabihamdika ashhaduallaailahailla anta astaghfiruka waatubuilaik. M*esyuarat dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat Dewan ditangguhkan pada jam 4.23 petang.]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 9 DISEMBER 2025 (SELASA)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
14.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
15.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
16.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya

BIL.	NAMA	KAWASAN
18.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
19.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
20.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
21.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
22.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
23.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
24.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
25.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
26.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
27.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
28.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
29.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
30.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
31.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
32.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
33.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
34.	YB Tuan Haji Kamarol RIdzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
36.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG

TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.04 pagi]

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

1. BACAAN DOA

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan. Susunan mesyuarat, perkara pertama bacaan doa.

[Setiausaha Dewan telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: *Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam Sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahhirabbil'alamin wassolatu wassalamu'ala asrofil ambiya iwalmursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Rodhitu billahi robba, wabil islami diina, wabimuhammadin nabiyya warosuula. Alhamdulillah* segala puji bagi Allah Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W Ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun Menteri Besar Negeri Sembilan. Tahniah Yang Amat Berhormat menerima cucu yang pertama semalam. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga Belanjawan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini 9 Disember 2025 merupakan hari ketiga persidangan. Hadirin sekalian sebagai mana maklum sesi perbahasan akan disambungkan pada hari ini. Saya amat berharap semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dan memberikan input-input yang dapat meningkatkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat Negeri Sembilan. Hadirin sekalian sebagai mana biasa saya ingin menyeru pada semua hadirin agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap

dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai Ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna sekian terima kasih selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehandakkan Jawapan Lisan (Hari Ketiga)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, pertanyaan-pertanyaan. Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan hari ketiga.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Jeram Padang.

YB ADUN Jeram Padang: Jeram Padang soalan nombor satu.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Datuk Seri *Speaker* sebelum saya jawab soalan ini, saya nak minta izin untuk nyatakan sesuatu di dalam dewan pada pagi ini. Sempena dengan menyambutkan kelahiran cucu sulung kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya dengan ini menjemput Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Ahli-ahli Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan juga para pegawai untuk menikmati buah-buahan dalam Program Jom Makan Buah-Buah Tempatan yang akan diadakan, yang akan diadakan pada hari ini, Dewan Serbaguna, waktu 1.00 tengahari, tempat Dewan Serbaguna, dan antara jenis buah-buahan yang ada pada hari ini. *Speaker*, boleh saya baca *Speaker*? Pasal ni jarang berlaku ni *Speaker*. Tahun lepas buah sikit, tahun ini saya letak banyak lagi. Durian untuk mereka yang tidak batuk.
YB Yang Dipertua Dewan: Ni siapa yang dapat cucu ni?

YB ADUN Pertang: Ni makna YB PKN tak boleh lah makan durian.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Pertang, Yang Berhormat Pertang, siapa yang dapat cucu ni?

YB ADUN Pertang: aaa?

YB Yang Dipertua Dewan: siapa yang dapat cucu ni?

YB ADUN Pertang: ini sempena meraikan cucu kepada Dato' *Speaker*

YB ADUN Pertang: Durian, Jambu Batu, Melon, Buah Naga, Rambutan untuk yang tak batuk. Pisang, Cempedak dan Nangka. Buah-buahan ini disediakan

oleh semua Jabatan Pertanian yang dibawa daripada semua daerah daripada Negeri Sembilan. Jadi saya jemput semualah. Tapi saya ingatkan supaya jaga Kesihatan. Jangan makan banyak-banyak sangat nanti batuk dan susah kita nak rawat. Dato' Yang Dipertua, saya nak ucapkan terima kasih kepada ADUN Jeram Padang kerana terus-menerus membangkitkan isu laluan RAC di Jeram Padang ni. Dan dah banyak kali pihak kerajaan jawab berkaitan perkara dengan laluan di perkampungan orang asli di Kampung Jeram Padang ni. Terlebih dahulu saya nak ucapkan terima kasih kepada Jeram Padang kerana konsisten Yang Berhormat memperjuangkan masalah yang berkaitan dengan masyarakat orang asli dan perjuangan yang dibawa oleh ADUN Jeram Padang ini, untuk makluman ahli dewan mendapat perhatian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada bulan Oktober yang lalu, ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan peruntukan sebanyak RM155 juta yang diperuntukkan untuk menambah baik jalan-jalan kampung orang asli. Dan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika mengumumkan peruntukan itu hanya kampung orang asli Batu Peti dan kampung orang asli Pancor yang mana ianya dua-duanya di dalam kawasan DUN Jeram Padang. Tahniah DUN Jeram Padang ya. Di atas perjuangan untuk membela Masyarakat orang asli ini.

YB ADUN Jeram Padang: Terima kasih, terima kasih.

YB ADUN Pertang: Balik kepada soalan, kepada Yang Berhormat Jeram Padang ni, yang dia nak tahu pasal keutamaan jalan luar bandar khususnya penduduk asli kawasan luar bandar pendalaman yang tinggal berhampiran rel keretapi ni. Keutamaan yang diberikan bagi memastikan mereka Mempunyai akses keluar masuk yang selamat Praktikal dan mematuhi piawaian operasi rel yang ditetapkan oleh pihak berkuasa RAC. Untuk maklumat dewan yang mulia cadangan asal pembinaan LRA, Lintasan Rata Awam di kilometer 27.5 dan sebelum ini untuk maklumat Yang Berhormat ADUN Jeram Padang dan Yang Berhormat ADUN Jeram Padang pun faham ianya tak boleh lulus kerana di kilometer 27.5 ini jarak penglihatan 27.5 ni dia dekat *corner* ya, bila dekat *corner* ni jarak penglihatan terhad dan yang paling tidak selamat kedudukan permohonan yang diminta oleh ADUN Jeram Padang dan penduduk disitu di kawasan selekoh, tak selamat lebih-lebih lagi di kawasan itu pula, berhampiran itu ada Lintasan Rata Swasta (LRS) di bawah, di bawah seliaan Ladang Senama. *So* yang itu tak lulus. Dan untuk makluman ADUN, ADUN bersama dengan Ketua Pegawai Eksekutif RAC dan juga JAKOA termasuk KTMB telah lawat kawasan pada bulan Oktober 2025. Apa keputusan yang dibuat dalam lawatan itu? Keputusannya ialah pihak KTMB, pihak RAC dah bersetuju untuk engsotkan sikit, engsot tu maknanya dianjakkan laluan itu ke hadapan sikit, di kilometer 27.75, dianjakkan. Tapi malangnya pula Dato' Yang Dipertua, bila kita anjak ke dopan, laluan itu kena betul-betul dekat LRS Laluan Rata Swasta di bawah Ladang Senama. Dia kena ke situ pulak. Laluan lain tak ada jadi pandangan saya supaya ADUN bersama-

sama dengan RAC Bersama-sama dengan JAKOA bincang dengan Ladang Senama gunakan laluan ini secara bersama. LRA, LRS ni gunalah sama, buat apa kita nak buat dua laluan dalam tempoh yang sama? Itu pertama.

Yang keduanya syarat dan juga pembinaan rel ini ditetapkan oleh keretapi KTMB Keretapi Tanah Melayu Berhad. Jadi kerana itu apabila semuanya itu telah diselesaikan, maka Pihak RAC akan menyelaraskan satu kerjasama ataupun libat urus bersama kesemua kementerian, yang boleh diatur oleh ADUN kawasan Jeram Padang yakni Yang Berhormat ADUN Jeram Padang supaya satu keputusan *once for all* dengan izin Dato' Yang Dipertua, boleh kita buat. Maknanya kalau semuanya dah setuju bermakna laluan LRA ini Laluan Rentas Awam ini boleh kita samakan dengan LRS bersama dengan Ladang Senama, supaya perkara yang berkaitan dengan laluan dan akses bagi masyarakat orang asli di kawasan berkenaan dapat kita selesaikan. Dan satu lagi Dato' Yang Dipertua, kita buat semua ini kerana faktor keselamatan masyarakat orang asli. Saya faham apa yang diperjuangkan Oleh ADUN, apa yang diperjuangkan oleh masyarakat tempatan itu Untuk memberi kemudahan kepada masyarakat tetapi pihak kerajaan perlu berhati-hati dan meneliti secara telus supaya apa yang kita buat keputusan ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat terutama dalam soal keselamatan kita tak boleh kompromi Dato' Yang Dipertua, dalam soal keselamatan tak boleh kompromi dalam soal masa depan anak-anak yang menggunakan kemudahan tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Jeram Padang: Soalan tambahan ya. Terima kasih YB Exco. Soalan saya Sekiranya lulus Pelan tindakan ini di antara RAC dan Sime Darby, Adakah pihak KKDW sedia meluluskan peruntukan untuk merealisasikan impian penduduk orang asli di tiga kampung ini yang telah menunggu tiga puluh tahun. Saya mahu tahu jawapannya ya atau tidak. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya hari ini jadi Exco Kanan yang menjaga hal ehwal berkaitan dengan Desa dan Wilayah. Saya bukan menteri lagi. Kalau saya menteri, hari ini saya beri jawapan. Berapa yang…

YB ADUN Jeram Padang: Saya doakan, saya doakan.

YB ADUN Chennah: Berapa Yang Berhormat nak kelulusan untuk buat laluan ini. Jadi yang, maknanya soalan Yang Berhormat itu saya tak boleh jawab. Tapi sebagai Exco yang bertanggungjawab hal ehwal yang berkaitan dengan Desa dan Wilayah dan JAKOA, saya akan perjuangkan supaya peruntukan dapat kita laksanakan bagi kemudahan masyarakat di DUN Jeram Padang ni insyaAllah. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Sri Tanjung.

YB ADUN Sri Tanjung: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Sri Tanjung soalan nombor satu.

YB ADUN Palong: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih pada Sri Tanjung kerana mengemukakan soalan berkenaan dengan pelancongan sukan ataupun *sport tourism*. Soalan Sri Tanjung adalah apakah program *sport tourism* yang telah diusahakan dan dalam perancangan oleh kerajaan negeri dan apakah usaha dalam dan luar negara untuk meningkatkan potensi *sport tourism* khususnya di Port Dickson. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa memberikan tumpuan terhadap pembangunan sektor pelancongan sukan sebagai salah satu pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri serta usaha memperkukuh promosi imej Negeri Sembilan di peringkat nasional dan antarabangsa. Sepanjang tahun 2025 pelbagai program dan acara sukan berimpak tinggi telah dilaksanakan di seluruh negeri termasuk di Port Dickson. Sebagai persediaan menjelang Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 antara program yang telah dianjurkan ialah *Negeri Sembilan Forest Orienteering Cup* 2025 di PD Forest@Sungai Menyala Port Dickson, yang berjaya menarik penyertaan antarabangsa melibatkan 100 lebih peserta daripada 9 buah negara. Selain itu kita juga adakan *Angsi Forest Challenge.* Lebih kurang ribuan peserta yang telah terlibat yang datang daripada 12 negara seluruh dunia. Selain daripada itu *Negeri Sembilan Surveillance Challenge 2.0, 2025* turut dianjurkan sebagai Program Larian Denai atau pendakian di beberapa lokasi baru dan juga yang lama, dengan penyertaan setiap acara 1500 peserta, yang dihadiri oleh rakyat Negeri Sembilan dan juga di seluruh Malaysia. Program ini bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat malah memperkenalkan destinasi pelancongan baru di negeri kita ini.

Seterusnya kejohanan Lawan Pedang Negeri Sembilan NSYC 2025 di Seremban yang melibatkan lebih 50 peserta daripada 39 pasukan tempatan dan antarabangsa telah membuka peluang baru menjadikan Negeri Sembilan sebagai hub sukan lawan pedang di rantau ini. Bagi kawasan Port Dickson secara khususnya pula, pelbagai acara pelancongan telah dilaksanakan di antaranya PD 2km OWS Klasik, Port Dickson *Triathlon* 2025, *Fun Run* 13km, Sungai Menyala *Forest Trail*, *BWF Asia Pacific Badminton Championship,* Cabaran Ombak dan Eksplorasi Port Dickson, *Third Nation National and Merdeka Fest Open Water Swimming Championship, PD Golf ASEAN* dan juga *Petronas Le Tour D Langkawi* 2025.
Jadi itulah di antara yang telah dilaksanakan dan ada lagi beberapa program yang dalam perancangan seperti Port Dickson *Amphibian Race*, Larian *Army Half Marathon* dan juga Port Dickson *Surfcasting* 2025. Penganjuran acara-acara ini bukan saja meningkatkan penyertaan atlet dan pelancongan sukan malah menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Melalui peningkatan kehadiran pelancong. Penggunaan kemudahan pelancongan dan penglibatan komuniti dalam keusahawanan

serta perkhidmatan sokongan. Kerajaan Negeri turut menyalurkan peruntukan khas bagi projek pelancongan dan warisan bagi menyokong pelaksanaan program sukan berimpak tinggi serta komited memperkukuh pembangunan pelancongan sukan secara berterusan agar Port Dickson terus muncul sebagai destinasi *Sport Tourism* utama di Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Selain daripada itu, usaha dalam dan luar negara untuk meningkatkan potensi *Sport Tourism* di Port Dickson, MPPD turut melaksanakan pelbagai usaha strategik dalam dan luar negara bagi memperkukuh potensi pelancongan sukan di Port Dickson. Di antaranya, yang pertama penyediaan kalendar acara sukan tahunan berfokus Pantai. Yang kedua, penambahbaikan infrastruktur dan fasiliti sukan pantai dan yang ketiga, pembangunan komuniti dan tenaga kerja tempatan yang memberikan latihan kepada sukarelawan, jurulatih dan pengusaha tempatan dalam bidang sukan serta pelancongan bagi memastikan manfaat ekonomi diagihkan secara inklusif pada masyarakat setempat.

Selain itu, usaha luar negara juga ialah Program tarikan acara sukan antarabangsa iaitu mengadaptasi model kejayaan *Gold Coast* dengan menarik penganjur dan pasukan antarabangsa Untuk menjadikan Port Dickson sebagai destinasi pilihan bagi kejohanan dan latihan pra-musim. Dan keduanya, kerjasama, promosi dan jaringan luar negara iaitu menjalin hubungan strategik bersama badan sukan antarabangsa bagi membawa masuk untuk lebih banyak acara berimpak tinggi ke Port Dickson, serta memperluas capaian promosi destinasi sukan di peringkat negeri kita. Itu sahaja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YB ADUN Gemas: Dato' Yang Dipertua, boleh saya bertanya soalan tambahan?

YB Yang Dipertua Dewan: Sri Tanjung dulu.

YB ADUN Sri Tanjung: Terima kasih YB Dato' Exco yang selalu bantu kita untuk memajukan mutu sukan di kawasan kita. Tiada soalan tambahan.

YB ADUN Gemas: Dato' Speakar, boleh saya bagi soalan tambahan? Dato' Exco, Jumaat lepas, Menteri Belia dan Sukan mengumumkan penganjuran Sukan Sea 2027 akan diadakan di empat negeri iaitu, Sarawak, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur. Cuma, acara basikal akan diadakan di Velodrom Nasional Nilai. Kenapa Negeri kita tidak disebut sebagai salah satu *venue* untuk kejohanan untuk Sukan Sea 2027 nanti Terima kasih.

YB ADUN Palong: Dato' Yang Dipertua, nampaknya Gemas agak, apa kata tadi? Kecewa sebab Negeri Sembilan tak disebut. Tapi sebenarnya, betul kata Gemas tadi Velodrom kita memang termasuk dalam acara Sukan Sea, cumanya barangkali mungkin satu acara saja, sebab tu mungkin tak disebut

lah tapi tak apa Gemas, saya akan minta Menteri, betulkan balik kenyataan dia supaya masukkan Negeri Sembilan juga sebagai negeri yang terlibat dalam acara Sukan Sea terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Seri Menanti.

YB ADUN Seri Menanti: *Bismillahirrahmanirrahim*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Soalan Seri Menanti nombor satu.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan terima kasih juga Kepada YB Seri Menanti di atas soalan. Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk bantuan perolehan alat implan ortopedik dan bagaimanakah cara penyaluran bantuan ini kepada rakyat? Dato' Yang Dipertua, jumlah penerima atau permohonan yang telah diluluskan di bawah inisiatif implan otopedik Negeri Sembilan 2025 setakat bulan Oktober Adalah seramai 56 orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM297,918.60, daripada jumlah peruntukan asal sebanyak RM500,000. Pesakit yang layak untuk menerima bantuan ini akan ditapis oleh doktor pakar ortopedik di tiga buah hospital di Negeri Sembilan iaitu Hospital Tuanku Jafar Seremban, Hospital Tengku Ampuan Najihah Kuala Pilah, dan Hospital Port Dickson. Pihak hospital akan mengesahkan keperluan implan yang berkenaan dan seterusnya memanjangkan permohonan tersebut serta sebut harga implan ortopedik yang diperlukan kepada Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Pejabat Menteri Besar akan mengeluarkan surat atau email kelulusan kepada pihak hospital supaya pembedahan boleh dijalankan dengan segera. Pihak pembekal implan seterusnya akan mengemukakan dokumen tuntutan pembayaran kepada Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan bersama-sama dengan pengesahan doktor pakar bahawa pembedahan telah dijalankan. Terima kasih Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput YB Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mengemukakan soalan nombor satu.

YB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Rahang. Pelaburan asing apakah lima pelaburan asing terbesar yang sedang dalam perancangan untuk masuk ke Negeri Sembilan pada tahun 2026 serta sektor mana yang akan menerima manfaat utamanya. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha menarik pelabur, melonjakkan ekonomi Negeri dengan pelbagai usaha melibatkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak. Bagi mengekalkan momentum yang telah dibina sejak 2018, suka saya memaklumkan dalam dewan yang mulia ini

bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri sememangnya giat merealisasikan capaian pelaburan pada tahun mendatang.

Untuk itu bagi menjawab persoalan Yang Berhormat ADUN Rahang lima pelabur asing terbesar yang telah dikenalpasti bagi kemasukan pelaburan dalam perancangan ke Negeri Sembilan pada tahun 2026 adalah seperti berikut; Pertamanya projek gudang sejuk beku pintar bertingkat dari Jepun yang akan menjalankan operasi di Tech Park 2 Enstek dengan nilai pelaburan sebanyak RM300 juta. Operasi syarikat ini adalah dalam klasifikasi perkhidmatan logistiK. Kedua projek peralatan perubatan juga dari Jepun yang akan Beroperasi di Sendayan Tech Valley dengan nilai pelaburan RM280 juta yang berada dalam sektor pembuatan. Ketiga projek ENI Semikonduktor dari Belanda yang akan beroperasi di Senawang dengan nilai pelaburan lingkungan keseluruhannya RM2 bilion ringgit. Fasa pertama bagi projek ini dianggarkan dengan nilai pelaburan kos RM300 juta ringgit ataupun RM0.3 bilion. Projek ini juga adalah merupakan sektor pembuatan. Seterusnya bagi projek Kampus Data AI dari Amerika Syarikat yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan di Bandar Spring Hill, Lukut. Nilai pelaburan bagi pembangunan Kampus Data AI ini dianggarkan mencecah RM5 bilion ringgit dan diklasifikasikan dalam sektor perkhidmatan digital. Dan yang terakhir Dato' Yang Dipertua, juga saya dalam sektor perkhidmatan digital yang mana suka saya nyatakan bahawa Dewan yang mulia ini bahawa usaha dan gerak kerja di peringkat agensi berkaitan pelaburan dan juga teknikal dipergiatkan bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan ialah merupakan satu pelaburan daripada Australia bagi membangunkan projek Data AI berjumlah RM20 bilion ringgit Dan bagi keseluruhannya. Fasa pertama dijangka mencecah rekod pelaburan sebanyak RM10 bilion ringgit dan sekiranya berjaya insyaAllah bakal ditempatkan di Pembangunan NSSV Parcel F MVV 2.0. Kelima-lima projek strategi ini bertumpu di daerah Seremban dan Port Dickson yang terletak di wilayah MVV 2.0. Kawasan pertumbuhan utama yang kini menjadi pemangkin kepada pembangunan industri berimpak tinggi di Negeri Sembilan. Melihat kepada momentum semasa Kerajaan Negeri menjangkakan bahawa pelaburan baru khususnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan akan terus berkembang dengan lebih pesat pada masa akan datang. Pertumbuan ini dijangka rancak dalam tempoh 5 tahun seterusnya didorong oleh pembukaan kawasan-kawasan industri baru yang bukan sahaja strategik tapi turut dilengkapi dengan jaringan jalan raya yang baik, infrastruktur moden serta ekosistem sokongan yang komprehensif. Dengan hala tuju pembangunan yang jelas, perancangan yang berpandangan jauh serta komitmen menyeluruh semua pihak. Negeri Sembilan berada pada kedudukan optimum untuk muncul sebagai hub pelaburan serantau yang dinamik. Sekian terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: Assalamualaikum WBT. aaa… soalan nombor satu ya.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Paroi yang bertanyakan tentang statistik 5 tahun kemalangan yang melibatkan kecedaraan dan juga kematian di sekolah-sekolah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut rekod pelaporan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan terdapat 22 kes kemalangan yang mengakibatkan Kecederaan dalam kawasan Sekolah sepanjang tempoh tahun 2023 hingga tahun 2025.

Sebelum daripada itu kita semua tahu kita di bawah Perintah Kawalan Pergerakan PKP, jadi pergerakan di sekolah banyak tak buka dan sebagainya tak ada rekod lah Kemalangan ketika itu. Jadi Dato' Yang Dipertua, hari ini Unit Hal Ehwal Murid Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan sedang, sedang menambah baik kaedah pengumpulan data sebab dari segi kemalangan ni Dato' Yang Dipertua, kemalangan di sekolah ni ada yang kecil, ada kemalangan bermain bola, kemalangan main *netball,* semua tak direkodkan sebenarnya, kecuali kemalangan itu dianggap kemalangan yang besarlah. Kalau ikut kemalangan di sekolah ni, boleh kata tiap hari ya, budak-budak main kan? Pertandingan-pertandingan memang adalah seliuh lah itulah sebagainya. Jadi tak ada kita rekodkan yang itu. Yang kita rekodkan ni kemalangan yang agak besar mungkin yang terpaksa dirawat di hospital dan sebagainya.

Walaubagaimanapun dari segi pelaporan ni kita sedang menambah baik ya kaedah pengumpulan data supaya Mungkin di masa akan datang kita lebih dapat lagi mengumpulkan segala bentuk kemalangan melibatkan anak sekolah. Bagi memastikan tahap keselamatan sekolah sentiasa berada pada tahap memuaskan dan rasa terjamin, Kementerian Pendidikan Malaysia KPM telah memperkenalkan satu mekanisme penarafan, penarafan sekolah yang seragam dikenali sebagai Piawaian Keselamatan Sekolah PKS, untuk digunapakai di semua institusi pendidikan. Pelaksanaan piawaian ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 khususnya Subseksyen 2N yang memperincikan keperluan piawaian keselamatan di institusi Pendidikan. Jadi Berdasarkan data penarafan kendiri Sistem Penarafan Dan Keselamatan Sekolah SPKS yang dilaksanakan oleh semua sekolah di bawah KPM didapati bahawa keseluruhan sekolah berada dalam keadaan selamat. Pihak sekolah turut diingatkan agar terus melaksanakan langkah-langkah proaktif dan pencegahan Bagi memastikan persekitaran sekolah kekal terpelihara pada setiap masa. Jadi Dato' Yang Dipertua, kita pun sedang memperkokohkan sistem ataupun kaedah 3K yang kita pernah war-warkan dulu iaitu Keselamatan Kebersihan dan juga Kesihatan di sekolah-sekolah. Walaubagaimanapun Dato' Yang Dipertua, bagi Negeri Sembilan kita dukacita sikit kerana pada tahun 2025 ini terdapat 2 kes kematian murid yang dilaporkan berlaku di sekolah iaitu Sekolah Datuk Kelana Putra

Lenggeng dan juga Sekolah Taman Tuanku Jaafar 2. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YB ADUN Paroi: Soalan tambahan. Apabila berlaku insiden lebih-lebih lagi melibatkan kematian, agensi manakah yang terlibat dalam membuat siasatan di sekolah? Itu pertamalah, dan apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan sekolah mematuhi Piawaian Keselamatan dalam OSHA 1994 Pindaan tahun 2022 lah sebab saya rasa itu Akta yang digunapakai untuk negara kita lah. Dua soalan.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Yang Berhormat Paroi. Sepertimana kita sedia maklum, kalau kes itu kecederaan itu melibatkan kecederaan yang teruk ataupun melibatkan kematian sudah tentulah pihak PDRM akan kita panggil untuk menjalankan siasatan disamping siasatan dalaman yang dibuat oleh pihak sekolah dan juga oleh pihak jabatan. Dalam masa yang sama, seperti yang saya sebutkan di awal penjelasan saya tadi, kita sedang memperkasakan semula, dulu kita pernah perkatakan tentang konsep 3K iaitu sekolah-sekolah mestilah menitikberatkan soal keselamatan, soal kebersihan soal kesihatan murid-murid, tapi hari ini bila berlaku ini, kita perkasakan lagi soal keselamatan ini dan kita senantiasa memantau dari masa ke semasa tentang persekitaran sekolah, sama ada sekolah di sekitar tu selamat atau tidak dan begitu juga tentang kemudahan-kemudahan, memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada di sekolah, selenggaraan sekolah kerana kadangkala kemalangan berlaku sebab kurangnya selenggaraan dan mungkin dah ada yang dah rosak dan sebagainya. Murid-murid, kita faham murid-murid ni mereka kadang-kadang susah kita nak jaga. Khususnya sekolah-sekolah rendah ni. jadi kita sentiasa pantau dari segi selenggaraan sekolah supaya sekolah berada dalam keadaan selamat dan begitu juga kita melihat kepada soal keselamatan secara keseluruhannya Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lenggeng: YB minta soalan tambahan satu. Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi berkenan dengan kematian seorang kanak-kanak di sekolah di kawasan saya iaitu DUN Lenggeng, umum mengetahui bahawa kanak-kanak itu terjatuh ke dalam tangki septik di sekolah baru di belakang bangunan yang baru. Jadi apabila saya merujuk kepada pihak JKR bahawa mereka mengatakan bahawa penutup tangki septik itu mengikut SOP, mengikut piawai yang diluluskan oleh JKR. Saya ingin bertanyakan soalan, yang saya faham, yang dulu tangki septik yang lama, Dia dibuat daripada tembaga ataupun besi, tapi yang baru ini yang diluluskan oleh pihak JKR adalah dari segi fiber, dan apabila saya bertanyakan oleh pelajar-pelajar, guru, cuma fiber itu dia mudah bergerak. Jadi bila mudah bergerak, pelajar pijak, tu pelajar terus terjatuh ke bawah. Soalan saya adalah adakah selepas kejadian yang mendukacitakan ini berlaku, adakah pihak kerajaan negeri ingin mengubah ataupun mencadangkan ubah SOP ini dari seluruh sekolah

ataupun apakah tindakan susulan daripada kejadian yang telah berlaku yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri. Sekian terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggeng. Khusus kepada Yang Berhormat Lenggeng, kerana terlibat secara langsung dalam insiden anak kita yang meninggal di sekolah Lenggeng ni, terima kasih kerana beliau sendiri dilihat bersama ketika itu. Walaubagaimanapun, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggeng tadi, betullah hari ini JKR memperkenalkan sistem penggunaan fiber ya, pada penutup-penutup in.

Sebenarnya dari segi ni, dari segi keselamatannya memang terjamin. Kuat, boleh menahan kekuatan, saya tak ingat berapa kilolah, makna takda masalahlah. Makna kuatlah, macam besi juga kekuatannya. Tinggal lagi dia ringan. Tinggal lagi dalam keadaan tertentu seperti mana saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggeng apabila menyatakan bahawa bila dia ringan, jadi budak-budak ni, budak sekolah rendah dia boleh cungkil, itu masalahnya. Dia sendiri ni, dia anak-anak kita ni dia suka ambil tahu kan, suka *explore*, jadi kalau besi dulu dia tak terangkat. Bila dia di segi fiber ni, budak-budak boleh gunakan jari ataupun kalau gunakan kayu sebagainya boleh cungkil dan bila benda itu boleh terangkat dan sebagainya.

Jadi oleh yang demikian, saya dah memberitahu, maklumkan pada sekolah-sekolah dimana ada penggunaan penutup fiber seperti ini sewajarnya kawasan itu kita buat sedikit pagarlah. Kita pagar sikit sekeliling itu supaya menghalang anak-anak daripada masuk kawasan itu. Kalau dilihat di kacamata biasa, kawasan ini tak ada yang tak selamat, memang selamat. Sebab khususnya di Sekolah Kebangsaan Dato' Klana Putra, sebenarnya saya pun hadir sewaktu penyerahan bangunan baru oleh JKR sebab dia ada bangunan tambahan baru dan ini lubang yang berkaitan itu adalah sebahagian daripada proses penambahbaikan dan bangunan baru tu. Tinggal lagi kita mungkin terlepas pandang, kita tak memagar kawasan itu dan kita tak tahu pula yang penutup fiber ni ringan dan boleh, boleh boleh di apa? boleh bergerak, sekiranya kita, kita tekan dan sebagainya. Jadi itu Dato' Yang Dipertua, kita dah ada tindakanlah, kita minta mereka pagar sekeliling itulah.

YB ADUN Lenggeng: Maksudnya adakah sekolah itu saja ataupun semua sekolah di Negeri Sembilan?

YB ADUN Senaling: Kita minta dari segi ni, kita secara keseluruhan kita minta semua sekolah mengambil tindakan proaktif sekiranya ada kawasan-kawasan berlubang atau penggunaan penutup yang ringan seperti ini kita minta mereka mengambil langkah seterusnya untuk memagar kawasan yang berkaitan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Labu: Celahan. Dato' *Speaker*. Jadi kalau daripada jawapan yang diberikan oleh Exco tadi itu jelas menunjukkan penutup tadi itu tidak selamat digunakan sebab Exco memberitahu meminta sekolah untuk membuat pagar, jadi sepatutnya pihak JKR bila berlaku macam itu, ada daripada segi ketahanan mungkin sama, tetapi dari segi keberatan itu tidak sama. Jadi saya agak terkejut jugalah sebab perkara-perkara seperti ini sepatutnya kalau dibawa ke sekolah sudah tentu kalau nak tukar kepada satu perkara yang lebih baik mengambil kira kesemua faktor. Jadi saya mohon, saya rasa bukan satu cadangan yang baik untuk minta sekolah pagar dah tentu itu, apa? ada kos tambahan yang lain. Saya rasa lebih baik tukar saja kepada yang asal lebih berat sebab ini melibatkan keselamatan anak-anak sekolah. Kalau semua spek baru adalah serupa bagi saya lebih baik tukar saja dan saya rasa tindakan segera patut diambil. Kita tidak boleh mempertaruhkan nyawa semua anak-anak kepada cadangan-cadangan ataupun material baru yang digunakan oleh pihak JKR yang tidak selamat. Terima kasih. Saya rasa Exco wajib mengambil tindakan segera.

YB ADUN Senaling: Betul-betul Dato' Yang Dipertua, kaedah yang lama pun ada masalah juga, kaedah yang lama dulu dia pecah, mudah pecah, dia berkarat dan sebagainya. Tu sebabnya mungkin kementerian inovatif untuk buat satu kaedah baru dan ini sebagai satu perkara yang baru dan kita terima baik pandangan itu, tinggal lagi saya rasa pihak sekolahlah yang perlu mengambil tanggungjawab ini untuk memastikan kawasan-kawasan yang sedemikian itu kita buat langkah-langkah yang lebih, keselamatan yang lebih, seperti memagar dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Paroi: Sedikit pandangan ya. Apabila berlaku saja, sedikit pandangan Exco ya, apabila berlaku saja kematian, soalan saya tadi agensi manakah yang bertanggungjawab membuat siasatan. Saya rasa apabila berlaku itu pihak Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan sebenarnya, dan ana rasa siasatan tu akan merumuskan tindakan penambahbaikan yang akan dilakukanlah.

Soalan-soalan daripada Lenggeng, saya rasa adakah disebabkan oleh kualiti bahan, ataupun disebabkan oleh *position, position main hole* tu, itu melibatkan isu *safety,* keselamatan. Dan soalan saya tadi ialah agensi yang perlu membuat siasatan tersebut. Polis hanya melibatkan jenayah, tapi melibatkan keselamatan ni Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan. Saya rasa benda itu mesti dirujuk pada beliau kerana beliau lebih pakar untuk menentukan bahan itu selamat atau tidak. Itu sedikit jawapan daripada sayalah.

YB ADUN Senaling: Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Kota bertanyakan soalan nombor satu.

YB ADUN Nilai: Dato Yang Dipertua, Yang Berhormat Kota berkaitan dengan perumahan terbengkalai di jalan masuk ke Rumah Rakyat Lubok China. Berkaitan dengan projek-projek perumahan yang terbengkalai ini, kebiasaannya kerajaan negeri bersama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga KPKT akan mengambil beberapa tindakan untuk memastikan projek-projek terbengkalai ini dapat dilaksanakan, dapat diteruskan ataupun disiapkan dengan sebaik mungkin.

Dalam isu perumahan terbengkalai di jalan masuk ke Rumah Rakyat Lubok China ini, Majlis Daerah Rembau telah pun mengambil beberapa inisiatif untuk projek ini yang melibatkan pemaju PDS *Properties* untuk mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya. Dalam kes ini PDS *Properties* telah pun mengembalikan semua deposit kepada pembeli rumah dan PDS *Properties* juga bercadang untuk membangunkan semula projek tersebut. Majlis Daerah Rembau juga menekankan bahawa semua projek-projek terbengkalai ini, walaupun terbengkalai tetapi pemaju ataupun pemilik tanah tersebut mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kawasan tersebut dibersihkan dan juga diselenggara sehingga sebarang pembangunan baru dijalankan. Pada masa yang sama, pemaju juga sedang mencari pihak yang berminat untuk mengambil alih pembangunan semula projek ini, dan langkah-langkah ini diambil bagi memastikan keselamatan, kebersihan dan juga kesesuaian kawasan untuk pembangunan seterusnya dipastikan oleh Majlis Daerah Rembau, dan kita akan mengikuti beberapa perkembangan dalam projek ini bersama dengan Majlis Daerah Rembau dan juga KPKT. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Chuah mengemukakan soalan nombor satu.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua berkaitan dengan penjaja buah di Jalan Sepang-Lukut pada masa ini memang ada sepanjang jalan daripada Sepang ke Lukut ini ada beberapa penjaja buah di sepanjang jalan tersebut. dan Majlis Perbandaran Port Dickson, MPPD dalam proses mewujudkan ataupun melaksanakan pusat penjaja di kawasan di Ambang Kota dan di Kawasan Perindustrian Perdana Bukit Palong. Di mana pusat penjaja ini akan mempunyai sembilan unit tapak penjaja dan beberapa tempat penjaja yang berada di dalam kawasan yang berbahaya ini dapat kita pindahkan ke pusat penjaja yang akan disiapkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson. MPPD juga mengambil perhatian, pandangan, pembinaan pusat penjualan berpusat yang dikemukakan supaya semua peniaga-peniaga ini dapat dikumpulkan.

Tetapi masih dalam proses mengambil mendengar pandangan adakah ia ada sesuatu yang sangat sesuai kerana melibatkan beberapa peniaga ataupun penjaja namun kesesuaian itu adalah bergantung kepada kesesuaian lokasi yang sesuai dan juga strategik. Kita tidak mahu sesuatu pusat penjaja ini kita buat tetapi ia tidak mendapat apa ni dapat memasukkan penjaja-penjaja di tepi jalan ini di sesuatu kawasan yang mungkin kepada penjaja-penjaja kecil ini akan menunjukkan satu persaingan yang ini dan mungkin merugikan mereka. Tapi kita akan dengar lagi pandangan sebelum kita membuat sesuatu pusat penjaja pusat jualan berpusat di sana. Terima kasih.

YB ADUN Chuah: Dato' Yang Dipertua. Ini ada sikit tambahan. Sebenarnya saya ada pernah cadangkan kepada pihak MPPD di mana di Harapan Kampung Baru Tanah Merah Site A ada satu bidang tanah, kawasan lapang di bawah penyelenggaraan MPPD di mana saya nampak tempat itu lebih sesuai sebab memandangkan ini penjaja-penjaja di tepi jalan ini lebih kebanyakan mereka adalah daripada Kampung Baru Site A. Dan *I* rasa tempat itu juga mempunyai tempat *parking* yang cukup lah. *so* saya berharap kita juga dapat ambil kira lokasi yang saya cadangkan tersebutlah. Sebab kalau ikut ke Bukit Palong itu agak jauh daripada tempat hasil buah tu kan. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Terima kasih kepada Yang Berhormat Chuah, seperti mana yang tadi saya katakan di Ambang Kota itu adalah salah satu cadangan salah satu tempat yang telahpun diambil tindakan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson. Tetapi bukan itu sahaja tempat seperti mana yang tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Chuah, di Site A, kita akan melihat balik kalau tempat itu sesuai dan mungkin tempat itu pun, sebab saya tahu ramai peniaga, penjaja di tepi-tepi jalan tersebut. Tetapi keselamatan mereka pun kita perlu mengambil kira dan di Site A itu, kalau tempat itu sesuai, kita akan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu lagi tempat seperti di Ambang Kota untuk penjaja-penjaja, mungkin sebahagian kawasan di tepi jalan di kawasan tersebut. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Dijemput Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Gemencheh soalan nombor satu.

YB ADUN Sikamat: Terima kasih Gemencheh. Soalan nombor satu Gemencheh adalah mengenai bantuan anak sekolah dan bantuan anak negeri. Bagaimanakah proses pemilihan pelajar yang mendapat bantuan anak negeri serta bantuan anak sekolah oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan kerana semasa penyampaian bantuan anak negeri dan sekolah di DUN Gemencheh ada penerima bantuan daripada keluarga T20 yang mendapat bantuan tersebut.

Dato' Yang Dipertua, data Aplikasi Pengurusan Data Murid, APDM telah dikunci oleh Bahagian Data KPM. Telah di verifikasi secara kasar bagi murid yang telah ditakrifkan sebagai B40, miskin tegar. Data tersebut telah diturunkan ke Pejabat Pendidikan Daerah PPD di Negeri Sembilan dan PPD telah menurunkan data tapisan kasar ke sekolah untuk tapisan halus. Setelah data berkenaan dikembalikan semula kepada PPD, untuk dipanjangkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Pada 13 Mei 2025, JPN telah memanjangkan data yang telah disahkan oleh sekolah untuk dipanjangkan ke SUK secara email.

Data APDM yang digunakan telah diambil dan dikunci bertarikh 31 Mac 2025. Sebarang perubahan data selepas tarikh berkenaan adalah diluar jangkaan. Data asal juga adalah dari data APDM yang mana pendapatan dikemaskini oleh ibu bapa penjaga sendiri. Pihak Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk mengemukakan laporan ataupun aduan mengenai perkara ini kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan sekiranya didapati ada ibu bapa atau penjaga yang secara sengaja tidak mengisytiharkan secara jujur jumlah sebenar pendapatan isi rumah bagi mendapatkan bantuan yang tidak layak untuk mereka dan anak-anak mereka. Ini kita lihat bahawa seharusnya ada berlaku kejujuran di sini. Tapi, ada kebiasaan ibu bapa yang tidak bertanggungjawab sanggup meletakkan pendapatan yang lebih rendah bagi mendapatkan bantuan untuk anak-anak mereka. Jadi, ini mengambil hak orang lain, jadi kita berharap ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Rantau: Saya menjemput seorang Ahli Yang Berhormat mewakili Rantau membacakan soalan.

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' *Speaker insya-Allah.* ADUN Rantau sampai tak lama lagi. Tapi saya mewakili ADUN Rantau bertanyakan soalan beliau nombor satu. Tentang sektor utama yang boleh memberi kesan langsung di ekonomi negeri kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan ADUN Rantau semalam dan hari ini ada sedikit persamaan, namun saya jawab secara umum Sahaja. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan berbagai tindakan bagi membantu golongan B40 yang memerlukan. Selain bantuan dan inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri dalam Belanjawan 2025, bagi membantu mengatasi kenaikan kos sara hidup termasuk makanan asas, perdapatan, Pendidikan, Kesihatan, perumahan dan utiliti awam. Berikut merupakan Inisiatif yang merangkumi sektor kewangan, perdagangan, perkilangan, pembinaan dan pelancongan.

Kita sedia maklum mengenai kewangan, kita ada tabung TUNS. Kita juga memberi sumbangan keceriaan RM200 ringgit kepada warga emas. Kita juga

memberi sumbangan *one off* RM200 ringgit kepada ibu tunggal. Keempat kita adakan inisiatif bantuan anak sekolah N9BAS. Kelima kita ada bantuan anak negeri N9BAN. Keenam kita ada Bantuan Peranti Muda Ahli Pelajar Tingkatan Enam dan Pelajar IPTA. Ketujuh kita ada Skim Derma Siswa Sara Hidup untuk IPTA. Kelapan kita ada inisiatif khas galakan kecemerlangan SPM, STPM, STAM. Kesembilan kita ada pinjaman pendidikan tanpa faedah. Kesepuluh inisiatif bantuan pelajar TVET KYNS ini sekali menjawab soalan semalam daripada Gemas sebenarnya. Dia kata peruntukan tak sampai kepada rakyat, kita lihat kalau disini pun untuk bantuan peranti sahaja kita pun belanja RM3.5 juta. Peranti sahaja, Gemas. Ini yang lain tu sejuta, sejuta. Perdagangan dan runcit Nismilan Prihatin RM5 juta.

Perkilangan dan industri kita sedia maklum ini antara kita memberikan galakan pelaburan, pembukaan kawasan industri baru, kita ada lebih kurang 10 kawasan industri baru, SPD Tech Valley, kawasan industri Hamilton, Tech Park 3, Vision Business Park Labu, MVV City di Labu, Eco World Business Park 7 di Bukit Pelandok, NS Semiconductor Valley di Sungai Gadut, NS Smart Park di Labu, EKA Smart Industrial Park di Bandar Enstek, Spring Hill Industrial Park Fasa 3 di Port Dickson. Lepas tu kita juga menaik taraf kawasan perindustrian sedia ada, sokongan logistik dan digital industri dan banyak lagi. Dan bagi kita juga menyediakan inisiatif usahawan kepada untuk Halal Kotej, Program Pemerkasaan Usahawan di Negeri Sembilan, NS Choice.

Bagi hartanah, memperkukuhkan jaringan infrastruktur (NLE), kita sambung semula, walaupun haritu ada masalah. Penyelenggaraan rumah kos pangsa rendah, sederhana, swasta, ini juga melibatkan RM2 juta ringgit tahun 2025. Ini nak cerita *repair* rumah Kerajaan negeri, rumah kuaters kerajaan bawah RM900 ribu kita *repair*. Penyelenggaraan kos rumah pangsa rendah, sederhana, RM2 juta. Jangan kata tak ada. Rumah harapan rakyat RM5 juta, tahun depan RM10 juta. Kempen Tahun Melawat Negeri Sembilan untuk memperkasakan Tahun Kempen Melawat Negeri Sembilan. Penyasaran destinasi utama Port Dickson, Jelebu, Kuala Pilah dan semua daerah. Kita ada eko-pelancongan, kita ada pantai, kita ada eko-pelancongan dan warisan budaya adat juga kita ada. Peningkatan nilai komuniti. Komuniti pelancongan tempatan kraftangan, pembangunan kapasiti rakyat, latihan persijilan, pembangunan kapasiti bagi sektor hospitaliti dan pemandu pelancong dijalankan. Komitmen Kewangan Rancangan Malaysia ke-12, semua inisiatif pelancong didukung oleh komitmen kewangan yang kukuh melalui peruntukan pembangunan di bawah vot P62 Pelancongan Kerajaan Negeri. Jadi itu antara perkara yang boleh mengangkat golongan B40 bersama-sama dalam memastikan mereka menerima manfaat daripada bajet yang kita sediakan. Itu untuk tahun 2025 dan pastinya meningkat pada tahun 2026. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang: Assalamualaikum Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1. Terima kasih.

YB ADUN Sikamat: Dato' Yang Dipertua, soalan ADUN Bagan Pinang adalah status Projek Bekalan Air. Apakah perkembangan semasa projek-projek bekalan air utama di Negeri Sembilan khususnya di Port Dickson yang sedang dibangunkan untuk memenuhi keperluan penduduk. Dato' Yang Dipertua, pelbagai usaha telah kita laksanakan dan sedang laksanakan oleh Kerajaan Negeri, melalui pihak SAINS yang memenuhi keperluan penduduk di Daerah Port Dickson. Antara projek yang sedang dijalankan adalah cadangan merekabentuk dan membina 1 unit Rumah Pam berserta sistem pengepaman dan kerja-kerja berkaitan di kolam Telok Kemang, Daerah Port Dickson Negeri Sembilan, dengan kemajuan fizikal menunjukkan 80%, 81% siap.

Kerja-kerja pemasangan paip jenis *mild steel* bersaiz 200mm dari kolam Chuah ke Kolam Bukit Pelandok serta sistem pam penggalak dan kerja-kerja berkaitan daerah Port Dickson Negeri Sembilan. Kemajuan terkini adalah dalam semakan reka bentuk dan juru perunding daripada PAAB. Ketiga, pemasangan paip baru daripada Loji Rawatan Air LRA Sawah Raja ke Kolam Telok Kemang, Port Dickson bersaiz 800mm sepanjang 44km. Kemajuan terkini adalah dalam proses reka bentuk dan juru perunding daripada PAAB. Keempat, meroboh dan membina tangki baru Bukit Permata berkapasiti 5 juta gelen sehari. Kemajuan terkini adalah dalam proses reka bentuk dan juru perunding. Kelima, kerja-kerja penggantian paip di beberapa kawasan sekitar Port Dickson melalui peruntukan daripada SAINS, Pengurusan Aset Air Berhad, PAAB dan Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air, PETRA. Senarai projek adalah seperti berikut; Senarai projek penggantian paip di Port Dickson. Terdapat satu projek melalui peruntukan SAINS telah siap sepenuhnya dan diperakuan siap CPC pada 15 Oktober 2025. Kerja-kerja penggantian paip bersaiz 100mm asbestos cement AC kepada 100mm paip UPVC sepanjang 1300 meter di Ladang Tarzan, Port Dickson Negeri Sembilan Darul Khusus.

Terdapat tiga projek melalui peruntukan PAAB di mana pemajuan kini adalah dalam proses reka bentuk dan juru perunding. Senarai projek adalah seperti berikut; Kerja penggantian paip saiz 375mm asbestos cement AC kepada 400mm *mild steel* sepanjang 5200 meter Jajaran Kolam Si Rusa ke Kolam Sunggala Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kedua kerja-kerja pemasangan penggantian paip bersaiz 375mm asbestos cement AC kepada 400mm *mild steel* sepanjang 5000 meter Jajaran Kolam Si Rusa 2 ke PD Utama Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus. Ketiga projek penggantian paip bersaiz 450mm AC kepada 450mm *mild steel* sepanjang 5000 meter Jajaran Kolam Si Rusa ke PD Utama Port Dickson.

Terdapat tujuh projek melalui peruntukan PETRA dan kelulusan peruntukan adalah diperolehi daripada Makmal Penilaian Nilai VA. Senarai projek adalah seperti berikut kerja penggantian paip bersaiz 300mm AC kepada 600mm ductile iron di sepanjang 1700 meter di Teluk Kemang Port Dickson. Kerja-kerja penggantian paip bersaiz 300mm AC kepada 300mm DI sepanjang 3000 meter di Jalan Pantai Batu 9 hingga Batu 10. Ketiga kerja-kerja penggantian paip bersaiz 150mm *high density polyethylene* kepada 150mm *mild steel* sepanjang 3500 meter di Kampung Sawah Sunggala. Keempat kerja-kerja penggantian paip bersaiz 300mm *Asbestos Cement* AC kepada 350mm DI Sepanjang 5600 meter Jajaran Outlet Tangki Bukit Kuau Lama Port Dickson. Kelima kerja-kerja penggantian paip bersaiz 150mm AC Kepada 150mm MS Sepanjang 8000 meter di Bandar Sunggala. Keenam kerja-kerja penggantian paip bersaiz 100mm AC Kepada 100mm *Unplasticized Polyvinyl Chloride* UPVC Sepanjang 1300 meter di Taman Happy, Port Dickson. Ketujuh kerja-kerja penggantian paip bersaiz 100mm AC kepada 150mm UPVC sepanjang 800 meter di sekitar Jalan Shellgate, Port Dickson. Jadi itu antara yang akan kita laksanakan insya Allah pada tahun hadapan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Bagan Pinang: Ada tambahan ya. Yang Amat Berhormat, pada sidang 2024 menyatakan bahawa Kolam Takung Air di Teluk Kemang dijangka siap pada Julai 2025. Tapi apakah masalah sehingga sekarang masih belum disiapkan Terima kasih.

TAPS, TAPS, TAPS Barisan Nasional ya, Kampung Barisan Nasional, Kampung Barisan. Minta maaf, dia kena golak kot tak dia semua, serius. TAPS di Kampung Barisan insya Allah kita mula tahun ini Itu semua kelulusan daripada pihak pusat di bawah PAAB dan SYABAS dan kita telah dapat kelulusan insya Allah, saya dimaklumkan kontraktor itu telah dilantik untuk mula pada tahun hadapan. Awal tahun hadapan insya Allah, terima kasih.

YB ADUN Bagan Pinang: Kolam takung air di Teluk Kemang dijangka bila Dato' Seri? Sebab…

YAB ADUN Sikamat: Kolam takungan air di Teluk Kemang itu tengah nak siap 81% yang saya katakan tadi.

YB ADUN Bagan Pinang: Tapi kalau ikut Dato' Seri pada Julai 2025.

YAB ADUN Sikamat: Yalah biasalah dalam kita buat itu ada masalah.

YB ADUN Bagan Pinang: Ok, terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Jadi kita selesaikan masalah itu InsyaAllah Dah 81% kita tunggu PAM sebenarnya Sebenarnya PAM je PAM tak sampai lagi.

YB ADUN Bagan Pinang: Dibimbangi proses yang lama mungkin ganggu penduduk di sekitar bawah tu..

YAB ADUN Sikamat: Dia isu air pun masalah juga di LRA Linggi ini apabila air hujan lebat di Seremban kita tak dapat proses sebab kekeruhan terlalu tinggi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Bagan Pinang: Terima kasih Dato'.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Klawang.

YB ADUN Klawang: Assalamualaikum WBT Klawang mengemukakan soalan nombor satu.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Klawang. Yang Berhormat Klawang bertanyakan sama ada benar atau tidak ada murid-murid yang masuk ke sekolah menengah yang tidak boleh menguasai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Jawapannya ialah benar. Memang ada Dato' Yang Dipertua, pelajar kita yang lepasan sekolah rendah masuk sekolah menengah tidak menguasai 3M ini memang ada. Tak boleh baca, atau boleh baca tapi tak memahami, dan tak boleh mengira ni memang ada dan untuk ini, seperti mana kita tahu sekarang ini, kita tidak ada sistem peperiksaan, semua boleh naik. Baca, tak boleh baca, tak boleh ngira, tak boleh menulis semua masuk Form 1, Form 2, Form 3 sampai Form 5. Jadi kita hadapi masalah lah ya, kerana kita nak mereka ni menduduki SPM dengan bersiap sedia boleh membaca, mengira, menulis. Oleh itu, bila mereka masuk sekolah menengah Dato' Yang Dipertua, memang ada kelas-kelas intervensi yang kita buat yang dijalankan oleh jabatan seperti contohnya Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah mengadakan program peningkatan penguasaan literasi murid membaca dan menulis sekolah menengah, bermula tahun 2023 dulu sehingga sekarang. Masih berjalan program ini dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman, Pegawai *School Improvement Specialist Coaches SISC Plus* ni, yang ada sekarang ini ditempatkan bersama dengan Guru Bahasa di PPD, Pegawai Pemulihan Khas dan guru-guru Bahasa Melayu. Ini kita lakukan dari 2023 sampai sekarang. Di masa yang sama Unit Sains dan Matematik juga telah mengadakan pelbagai program Peningkatan Kaedah Pengajaran Numerasi kepada guru matematik untuk supaya guru Matematik menggunakan kaedah yang lebih berkesan kepada murid-murid yang tak boleh mengira ini, ini masalah kita, jadi kita *train* cikgu pun kita *train* supaya kaedah yang sesuai digunakan kepada murid-murid yang tak boleh mengira ni, tak reti mengira dan sebagainya jadi ada special *special courses* untuk guru-guru Supaya keupayaan guru ni meningkat dalam menyampaikan pengajaran kemahiran asas nombor, penaklukan logik dan penyelesaian masalah dengan lebih berkesan. Itu adalah antara usaha-usaha yang

dijalankan oleh jabatan untuk memberikan bimbingan kepada anak-anak kita yang masuk ke sekolah menengah tetapi tidak menguasai 3M Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, kalau kita hanya berharapkan kepada intervensi ianya sudah membebani pihak SMK itu sendiri. Saya mencadangkan puncanya perlu diperhalusi dan langkah pencegahan di peringkat awal perlu dilaksanakan. Kalau tidak seperti yang Exco sebut tadi Sampai SPM nanti pun mereka ini tidak dapat ke tahap yang kita harapkan jadi saya mengharapkan adanya usaha-usaha yang lebih awal di peringkat sekolah rendah itu sendiri ataupun mungkin sistem penilaian di peringkat sekolah rendah itu tidak, tidak dilaksanakan mengikut *standard.* Itu saya punya komen. Adakah soalan saya adakah pecahan ataupun statistik murid-murid ini berapa bilangan daripada sekolah dan apa nama ni, mengikut daerah. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih Klawang. Saya tak ada statistik sekarang, saya akan cuba dapatkan kalau boleh saya jawab sewaktu penggulungan, saya jawab. Kalau tidak saya akan beri jawapan secara bertulislah. Apapun memang kita memberikan penekanan Dato' Yang Dipertua, di peringkat anak-anak di sekolah kebangsaan sekolah rendah ni memang penekanan kita ialah untuk mereka menguasai 3M. Ini tak ada kompromi sebenarnya peringkat sekolah rendah memang itulah sebenarnya yang mesti kita pastikan Supaya anak-anak yang melangkah keluar, habis sekolah rendah ni, mesti mereka menguasai 3M ini Kalau tidak memang sukar bagi mereka Untuk meneruskan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi Dato' Yang Dipertua. Jadi saya harap ini menjadi satu perkara yang diambil berat yang memang ditumpukan oleh guru-guru khususnya di peringkat sekolah rendah. Bagi tujuan tadi yang apa disebut tadi? statistik ini nanti saya jawab di penggulungan ataupun jawapan secara bertulis Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' *Speaker*, jiran saya Chembong yang baik, dia *emergency* sudah pergi tandas. Boleh buka itu soalan?

YB Yang Dipertua Dewan: Seremban Jaya, sila-sila

YB ADUN Seremban Jaya: Okay, soalan nombor satu.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Seremban Jaya mewakili Chembong ya. Selalu gaduh pun harini wakil ya. Dato' Yang Dipertua, Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan PKNNS sedang menjalankan projek yang memberikan impak kepada masyarakat di daerah Rembau iaitu pembinaan 619 unit rumah yang terdiri daripada 135 unit rumah mampu milik Type A, 424 rumah Type B, 60 unit rumah mampu milik

Type C di Taman Desa PKNNS Chembong. Kedua, 22 projek di bawah Program Inisiatif Kemudahan Rakyat IKR yang merangkumi kerja-kerja pembaik, pulih dan menaik taraf infrastruktur kecil awam yang melibatkan masjid, surau, balai raya, tanah perkuburan Islam, gelanggang futsal dan jalan perhubungan di kampung. Dan ketiga, pembinaan 5 unit Rumah Harapan Rakyat RHR.

Dalam masa yang sama, pihak Yayasan Negeri Sembilan telah melaksanakan beberapa projek di daerah Rembau seperti kerja-kerja penyelenggaraan sungai tanpa melibatkan kos ataupun peruntukan kerajaan negeri dengan kaedah timbal balik hasil daripada mengeluarkan pengalih dan mengangkat batuan pasir sungai di Sungai Pedas sepanjang 10km dan di Sungai Rembau sepanjang 5km. Di antara skop kerja bagi projek ini adalah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala di bawah pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai yang perlu dilaksanakan dalam mengeluarkan halangan-halangan di dalam sungai seperti sampah sarap, batang-batang pokok yang hanyut di dalam sungai dan memastikan aliran sungai dalam keadaan lancar. Selain itu juga, jika terdapat sebarang aduan daripada penduduk kampung, aduan sebut perlu diambil tindakan segera. Aduan tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada jurutera daerah berkaitan kaedah pembaikan yang bersesuaian dengan aduan yang diterima.

Di samping itu juga, dalam projek ini turut dilaksanakan kerja perkhidmatan masyarakat komuniti setempat menganjurkan program gotong-royong di Masjid Kariah Kampung Pedas Tengah. Di dalam program tersebut, kerja-kerja membaik-pulih serta mengecat semula bangunan masjid telah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, daripada projek yang telah dilaksanakan oleh YNS Management, segala manfaat dan kesan baik telah dinikmati oleh penduduk kampung dan dengan berkurangnya kejadian banjir kilat di kawasan-kawasan berisiko sebelum ini. Penduduk kampung terpaksa berhadapan dengan bercana alam saban tahun. Selain itu, limpah rezeki telah dinikmati oleh penduduk kampung yang menjadikan kawasan sungai sebagai sumber mata pencarian mereka. Perkara ini adalah kerana apabila kawasan sungai telah disenggara dengan baik ia akan membaik-pulih ekosistem hidupan air sekaligus menyokong proses pembiakan spesis ikan air tawar seperti ikan seberau, ikan tengas dan ikan talapia serta ikan lampam.

Bagi MBI pula, setakat ini projek MBI yang diusahakan syarikat swasta sedang dilaksanakan di daerah Rembau adalah sebanyak 4 projek. Pertama, tanaman tembikai Jepun di Lot 2002 20,002 seluas 15.57 ekar. Projek pengoperasian ladang kelapa sawit di Lot 413 seluas 514 ekar. Projek ternakan lembu tenusu di Lot 385 seluas 20 ekar dan projek tenaga lembu

tenusu di Lot 17688 seluas 69.8 ekar. Pelaksanaan projek tersebut dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat. Antaranya dapat mengurangkan peratusan kawasan terbiar di daerah Rembau, selain projek tersebut juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar khususnya sektor pertanian dan peladangan sawit. Meskipun begitu, MBI komited untuk memperluaskan pelaksanaan projek-projek baru di atas tanah MBI di daerah Rembau untuk kebaikan dan manfaat kepada kerajaan negeri khususnya dan penduduk di Negeri Sembilan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' *Speaker*, DUN Seremban Jaya mengemukakan soalan nombor tiga.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Seremban Jaya, yang bertanyakan sebuah air terjun dekat Kampung Batu dan adakah Kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk menaiktaraf kawasan tersebut. Air terjun yang dimaksudkan adalah Jeram Papan yang terletak berhampiran dengan Kampung Batu, di laluan menuju ke Dangi, Daerah Kuala Pilah. Kawasan ini merupakan lokasi semula jadi yang sering dikunjungi oleh penduduk tempatan bagi aktiviti riadah ringan, serta rekreasi keluarga.

Namun, kemudahan asas di kawasan tersebut masih terhad dan memerlukan penambahbaikan agar lebih teratur, selamat dan mesra pengunjung. LPNS atau Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan bersama-sama dengan agensi berkaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah serta Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan sesi lawatan turun padang bagi meninjau kawasan tersebut dan hasil daripada lawatan tersebut beberapa cadangan penambahbaikan kemudahan telah dikenal pasti bagi meningkatkan keselesaan, keselamatan serta daya tarikan pelancongan di kawasan Jeram Papan.

Cadangan penambahbaikan merangkumi pembangunan laluan pejalan kaki atau denai, kawasan rehat yang selamat, pemasangan papan tanda maklumat dan keselamatan, penyediaan kemudahan asas seperti tandas, tempat letak kenderaan dan juga wakaf rehat, peningkatan kebersihan serta pengurusan sisa pepejal dan pemuliharaan kawasan hijau serta sumber air semula jadi bagi memastikan keselesaan pengunjung serta kelestarian ekosistem. Secara keseluruhannya kawasan Jeram Papan dilihat mempunyai potensi yang amat tinggi untuk dibangunkan sebagai satu kawasan eko-pelancongan, satu tarikan pelancongan berasaskan alam semula jadi di Daerah Kuala Pilah. Kerajaan negeri komited untuk menilai potensi ini secara menyeluruh bagi memastikan usaha pembangunan pelancongan dilaksana secara terancang,

selamat dan lestari Selaras dengan maklumat menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik dan berdaya saing terima kasih.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' *Speaker*, soalan tambahan. Kira Kampung Batu ada satu Sungai. Bukit tengah-tengah sungai itu banyak cantik air serupa cermin itu batu semua cantik-cantik tapi itu tempat itu tangga tada berapa baik, tapi ada serupa hutan sikit, kasih bersih, nanti pelancongan atau anak negeri pun boleh pergi tempat itu enjoy sikit lah. Tempat itu memang cantik itulah.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih Yang Berhormat ADUN Jaya atas soalan tambahan. Memang itu menjadi salah satu perancangan dekat Jeram Papan dimana kami akan juga lihat untuk potensi untuk *water rafting* kerana tempat itu agak sesuai untuk *water rafting* kami akan juga buat penambahbaikan seperti tadi saya sebut denai dan kawasan rehat. Ini termasuk dalam merangkumi sungai tersebut terima kasih.

YB ADUN Chembong: Dato' *Speaker*, tadi kenapa Senawang Jaya wakil saya, saya tak suruh dia Dato' *Speaker*. Saya pergi ke tandas sebentar, bukannya balik.

YB Yang Dipertua Dewan: Tadi saya jangkakan dia nak langkau, tapi kemudian dia kata nak wakilkan.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato *Speaker* sendiri tengok, Dato' *Speaker*…

YB Yang Dipertua Dewan: Mungkin ada, saya tak tau apa ada perjanjian sama, tapi ada soalan tambahan? takda tambah kan? Dah terlepas.

YB ADUN Seremban Jaya: Ah ya. Tolong, saya tolong sama dia, dia marah pulak. Ini Dato', ini Dato', ini YB Chembong baru dia sombong.

YB Yang Dipertua Dewan: Lain kali kalau dia minta tolong, tolonglah.

YB ADUN Chembong: Saya benarkan Dato' *Speaker*.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Lukut. Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lukut: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Lukut kemukakan soalan nombor tiga.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Datuk Yang Dipertua. terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Lukut berkenaan usaha kerajaan negeri dalam menarik pelabur ke kawasan perindustrian di Lukut terutamanya dalam

sektor teknologi hijau dan industri halal. Datuk Yang Dipertua, Lukut dalam daerah Port Dickson akan menerima banyak limpahan kepada pembangunan Malaysia Vision Valley 2.0 dengan penetapan tiga parcel pembangunan utama di bawah MVV 2.0 yang melibatkan yang pertama Parcel C, di Chuah yang dikenali sebagai *Integrated Industrial Hub* menekankan kepada perancangan menyeluruh yang mengabungkan sektor perindustrian berteknologi tinggi dan hub logistic. Yang kedua Parcel D, sebagai *Integrated Maritime Hub dan Waterfront Corridor* di persisir pantai Port Dickson, bagi menggalakkan dan mempergiatkan aktiviti industri perkapalan, pelabuhan dan logistik di Port Dickson. Dan yang ketiga Parcel E, sebagai pelabuhan kontainer AI dan *PD Free Zone* di Pasir Panjang bagi melengkapkan ekosistem perindustrian negeri ini dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan daya tarikan pelaburan ke Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, secara umumnya kita akui bahawa kebanyakan kawasan industri sedia ada di Lukut adalah tertumpu kepada industri ringan dan sederhana. Walau bagaimanapun kerajaan negeri komited untuk menggalakkan industri berasaskan teknologi hijau ditempatkan di daerah ini supaya tidak menyumbang kepada pencemaran alam sekitar yang mengurangkan daya tarikan pelabur dan juga pelancong ke Port Dickson. Dato' Yang Dipertua, untuk itu suka saya nyatakan dalam dewan yang mulia ini kawasan industri Spring Hill yang bersebelahan dengan Pekan Lukut, kini menjadi pusat penempatan industri berteknologi tinggi. Kemasukan projek-projek utama seperti Antmed (Malaysia) Sdn. Bhd., yang merupakan pemain industri peralatan perubatan dan Pharmaceutical dari China bernilai RM700 juta serta penempatan campus pusat data Gamuda Google yang bernilai RM5 bilion ringgit pada fasa pertama memberi impak tinggi khususnya dalam menjana peluang pekerjaan, berkualiti kepada penduduk di Lukut sekaligus menaik taraf ekonomi masyarakat setempat. Terima kasih.

YB ADUN Lukut: Terima kasih jawapan daripada Bahau. Lukut ingin mengemukakan soalan tambahan. Apakah insentif khusus contohnya macam potongan premium tanah, *rebate utilities* cukai ataupun geran yang ditawarkan oleh kerajaan negeri untuk pelabur teknologi hijau dan pengeluar halal yang mahu beroperasi di kawasan perindustrian Lukut dan bagaimanakah mekanisma *One Stop Center* diperkemaskan untuk mempercepatkan kelulusan pemohonan pelaburan berteknologi hijau ataupun halal dan berapakah purata tempoh kelulusan sekarang. Terima kasih.

YB ADUN Bahau: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lukut, soalan yang cukup baik sekali. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada semua ahli Dewan, sebenarnya kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama semua PBT, kita telahpun wujudkan *fast lane* di peringkat Negeri Sembilan. Kalau

pada masa dahulu mungkin kelulusan dia mengambil sedikit masa, tetapi kerajaan negeri kita telahpun memutuskan bahawa segala industri ataupun segala pelaburan yang berskala besar yang akan memberi impak yang tinggi kepada Negeri Sembilan, kerajaan negeri kita ada KPI kita di mana kita nak pastikan sekiranya pelaburan tersebut telahpun mengenal pasti, telahpun beli tanah, kita akan pastikan kilang tersebut akan dapat operasi dalam setahun.

Saya ingin ambil contoh, salah satu contoh yang paling baik adalah kilang Antmed yang saya sebut tadi, satu kilang Pharmaceutical dari China pelaburannya lebih kurang dalam RM700 juta ringgit. Saya rasa kilangnya, saya rasa tak sampai setahun telahpun siap dan akan dapat beroperasi tak lama lagi. Jadi ini salah satu kekuatan Negeri Sembilan di mana kerajaan negeri dengan semua agensi, kita akan memastikan segala pelaburan yang masuk itu, pelabur itu akan dijaga dengan cukup baik, di mana Invest Negeri Sembilan, termasuk MIDA kita akan pastikan bukan sahaja ketika mereka nak menunjukkan minat mereka, tetapi dalam proses mereka membuat permohonan dan selepas mereka mendapat kelulusan dan seterusnya, *after sales service* kita, kita nak memastikan bahawa semua industri park kita kemudahan awam itu dijaga dengan baik.

Jadi saya rasa itu merupakan salah satu daya tarikan utama kerajaan negeri, kerana kita dilihat sebagai satu kerajaan yang sangat *business friendly*, kerana bagi kerajaan negeri, yang penting adalah kalau kita dapat memastikan setiap pelaburan itu, dia dapat pemula di Negeri Sembilan dengan cepat, sebab tentunya dia akan mendatangkan hasil kepada kerajaan negeri dan pada masa yang sama, dia akan juga *mengenerate* ataupun memwujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat kita. Dan selain daripada itu ada kebiasaannya setiap pelabur yang masuk kita akan bersama Invest Negeri Sembilan dan juga MIDA kita akan wujudkan satu jawatankuasa khas untuk memastikan bahawa kita maklumkan pelabur-pelabur kita apakah insentif jikalau mereka melabur di Negeri Sembilan, dan di Negeri Sembilan seperti apa yang saya kata tadi, kita ada *fast lane* kita, selain daripada itu, dari segi premium kebiasaannya, kerajaan negeri kita akan memberi diskaun sebanyak 10% jikalau mereka membayar dalam masa sebulan. Itu sedikit sebanyak yang sedang diusahakan oleh kerajaan negeri untuk kita nak pastikan pelabur mempunyai keyakinan kepada kita dan bagi saya, yang paling penting yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Chennah pada semalam, kekuatan kerajaan negeri kerana kerajaan perpaduan adanya kerjasama diantara Pakatan Harapan dan juga Barisan Nasional.

Dia salah satu faktor di mana pelabur-pelabur besar ini dia memilih di Negeri Sembilan contohnya kita ada Google punya data centre di Lukut, di Springhill sama juga Antmed yang kita sebut tadi dan pelbagai MMC, Multinational Company, mereka memilih untuk melabur di Enstek dan juga di semua

industri park di Negeri Sembilan. Jadi saya rasa itu sesuatu yang kita perlu pertahankan dan sesuatu yang kita perlu kerjasama supaya kita nak pastikan, bukan sahaja pelabur dapat masuk dari luar ataupun dalam negeri dapat masuk, yang penting kita nak menjana ekonomi kita nak wujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Dijemput Yang Berhormat Gemas.

YB ADUN Gemas: Terima kasih Dato *Speaker*. Gemas bertanya soalan nombor satu.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan pengurusan dan juga inisiatif kerajaan terhadap Muzium Kereta Api di Gemas. Muzium Kereta Api Gemas merupakan salah satu ikon sejarah penting di daerah Tampin serta antara destinasi warisan pelancongan utama di Negeri Sembilan. Di mana stesen yang lama ini tidak lagi digunakan selepas satu stesen baru telah pun dibina. Dan untuk memastikan penyelenggaran, pengoperasian dan juga daya tarikan muzium ini dapat dikekalkan secara berterusan dan juga lebih berdaya saing.

Majlis Daerah Tampin telah pun meluluskan pelaksanaan pengurusan secara usaha sama dengan sebuah operator swasta yang berpengalaman iaitu syarikat Jemari Jaya untuk menguruskan serta menyelenggara dan juga pengoperasian di bangunan ataupun stesen kereta api gemas ini yang lama. Melalui model usaha sama ini, kerajaan negeri ingin memastikan muzium yang ada di sana juga terus dipelihara dengan baik, menawarkan pengalaman pelawat yang lebih berkualiti , serta kekal menjadi satu tarikan pelancongan yang mesra rakyat. Sehubungan itu, kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh operator untuk galeri sahaja, untuk galeri di stesen kereta api bagi warga negara, dewasa RM5 kanak-kanak RM3 pelajar sekolah beruniform dan juga warga emas serta OKU adalah RM1. Berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Gemas bagi perkhidmatan penggambaran pasangan pengantin di kawasan itu kadar bayaran yang ditetapkan oleh operator adalah RM150. Kita tahu stesen-stesen lama kereta api ini mempunyai satu daya tarikan dan juga beberapa tempat seperti struktur-struktur lama lokomotif dan juga landasan kereta api sendiri menjadi salah satu tempat untuk penggambaran. Penggambaran ini untuk pengantin adalah melalui beberapa syarikat ataupun yang membuat penggambaran secara profesional bukan yang pergi ambil gambar dengan sendiri. Sebab mereka mengenakan bayaran beribu-ribu ringgit mungkin RM3,000, RM5,000, RM6,000 *so* pihak operator kenakan bayaran untuk tujuan itu sahaja iaitu sebanyak RM150. Terima kasih.

YB ADUN Gemas: Soalan tambahan, dalam jawapan YB Exco tadi dua kali kod sebagai muzium, cuma baru-baru ini apabila EXCO Pelancongan mengatakan telah membuat satu video mengatakan disebabkan kos telah menukar kepada nama galeri dan papan tanda untuk sebelum ini memang ada di tempat yang sedia ada itu nama diletakkan muzium, sekarang ini dah tak ada dah, dah ditanggalkan dah dinamakan stesen kereta api lama. Jadi adakah muzium ini masih wujud sebab tahun lepas dalam bajet saya menyatakan soalan ini apa perancangan kerajaan negeri. Tuan Exco sendiri turun, tapi dalam masa setahun dalam masa dua bulan ini dah dibuat dalam bentuk video mengatakan muzium dah ditiadakan. Harap jawapan daripada EXCO.

YB ADUN Nilai: Dekat Stesen Kereta Api Gemas ini ada satu kawasan dimana kawasan itu akan dijadikan sebagai galeri. Saya dimaklumkan sebagai galeri yang akan diletakkan beberapa peralatan ataupun barangan yang berkaitan dengan sejarah Stesen Kereta Api Gemas ini. *So* apa yang saya dimaklumkan galeri stesen kereta api ini sahaja yang akan dikenakan *charge* ataupun akan dikenakan bayaran, seperti mana yang saya nyatakan tadi tetapi untuk penggambaran ia melibatkan satu kawasan keseluruhan stesen kereta api tetapi untuk tujuan penggambaran untuk tujuan komersial, tetapi muzium ini sekarang dinamakan sebagai Galeri Stesen Kereta Api.

YB ADUN Lobak: ok terima kasih Dato'. Muka dia je kasi lulus saya untuk keluarkan soalan nombor satu. Terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya nak ucapkan terima kasih kepada Lobak kerana bertanyakan soalan berkaitan dengan harga ladang Nismilan Prihatin. Jawapan ni saya nak jawab bersama dengan soalan Yang Berhormat ADUN Sungai Lui yakni soalan yang berkaitan dengan Progrm Jualan Nismilan Prihatin oleh kerana kedua-duanya adalah berkaitan. Progrm Jualan Nismilan Prihatin ni Dato' Yang Dipertua, seperti kita semua maklum adalah inisiatif daripada kerajaan Negeri Sembilan dalam membantu meringankan beban rakyat untuk menampung ataupun sedikit sebanyak menampung kos sara hidup yang semakin tinggi, khususnya dalam aspek keperluan makanan asas harian.

Program ini telah kita telah mulakan sejak tahun 2022 sehingga sekarang dan pendekatan turun pandang ke kawasan komiti dengan menawarkan harga keperluan barangan pada harga diskaun yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Dia rendah kadang-kadang sampai ke 30 ke 40% daripada *market price* yang kita edarkan kepada semua kawasan mengikut DUN. Ini membuktikan Dato' Yang Dipertua, bahawa intervensi kerajaan melalui konsep harga ladang terus ke pengguna ini mampu menyekat dan mengurangkan peranan orang tengah di dalam menaikkan harga barangan tempatan secara berleluasa. Kerana itu untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga Oktober 2025 program ni telah mencatatkan program yang sangat

memberansangkan. Untuk rekod dewan ini, Dato' Yang Dipertua, saya baca sejak mula dilaksanakan pada bulan September 2022 sebanyak 1052 siri program telah pun dijalankan dengan jumlah keseluruhan yang menerima manfaat daripada jualan nismilan prihatin ini seramai 252,600 orang bagi seluruh masyarakat di Negeri Sembilan.

Dalam soal peruntukan pula, Kerajaan Negeri Sembilan telah pun memperuntukkan RM7.5 juta yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri manakala jumlah kesemua hasil jualan di sepanjang tempoh jualan Nismilan Prihatin ini telah berjaya mencecah sehingga RM10.1 juta ringgit. Daripada bulan Januari sehingga Oktober 2025 jumlah jualan yang dicatatkan adalah seperti yang saya nak nyatakan untuk rekod Dewan. Minyak masak lebih daripada 160 ribu peket, ikan kembung lebih daripada 1500 kilo, telur daripada hampir mencecah ke 50 ribu papan, ayam 60 ribu ekor beras tempatan hampir ke 17 ribu beg.

Bagi memperkasakan antara soalan ataupun yang dikemukakan oleh ADUN Lobak ini, apakah langkah Kerajaan untuk memperkasa dan menambah keberkesanan program pada masa nak hadapan maka Kerajaan Negeri telah pun meneliti pelbagai pendekatan untuk menambah baik sistem jualan Nismilan Prihatin ini. Pertama ialah untuk menambah jenis barangan keperluan harian bagi program Nismilan Prihatin, tetapi untuk makluman dewan, kita juga mempunyai jualan Agro Madani, kita juga ada Jualan Rahmah dan pelbagai pendekatan jualan harga rakyat untuk menampung keperluan dan juga mengurangkan kos sara hidup bagi rakyat keseluruhannya. Dan yang kedua juga di samping program Jualan Nismilan Prihatan, Agro Madani dan sebagainya pelbagai pendekatan kolaborasi strategik bersama dengan daerah dan jabatan yang sekarang ini terus-menerus dijalankan oleh Jabatan Pertanian terutamanya di dalam kita kolaborasi dengan program Agrofest, Mantai Raya Kembara Merdeka dan pelbagai program yang boleh kita lebar-luaskan lagi pendekatan Nismilan Prihatin untuk kita libatkan kesemua usahawan koperasi dan juga pelbagai pihak agensi pengeluar bahan makanan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Lobak: Terima kasih, yang jelas sekali dari Pertang. Tapi saya nak suarakan di Dewan Yang Mulia ini memang ini program yang dua tahun lebih memang bermanfaat untuk golongan yang tertentu tapi ada sikit kena dipandang dengan serius sekali kerana sudah dua tahun lebih nampak, tapi cadangan dari Pertang itu ada nampak *item*, kerana di kawasan saya berbanding dengan Jualan Rahmah, berbanding dengan Jualan Madani, memang satu perjuangan yang hebat sekali untuk golongan yang khasnya B40. Jadi kami pun ada prihatian bahawa ada segolongan kicik mungkin dia salah guna jadi kami harap kerajaan kerana berjutaan wang itu dua tahun lebih ini, soal belanja di program prihatian ini kami takut, takut ada sebahagian kicik, salah guna *so* kami harap adalah kerajaan memantau

belanjaan ini dikeluarkan dengan ada audit atau apa cara dia memantau bahawa wang yang jutaan wang itu tak ada di salah, atau beli barang tu contohnya, dia ada segolongan dia datang, dia sapu barang ataupun sebahagian itu, barang itu yang *balance* itu, *tally* tak *tally,* saya kena harap sebelum bertimbulkan masalah, harap kerajaan dengan audit sekali terima kasih.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, soalan Lobak ini, saya ucap terima kasih kerana keprihatinan supaya tidak berlaku ketirisan dalam kita menggunakan dana kerajaan negeri. Tiap-tiap tahun, Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah kewangan yang besar, terutamanya kepada program kesejahteraan rakyat, seperti tahun 2026, kita ada penambahan dalam soal Nismilan Prihatin Agro Madani, apatah lagi Jualan Rahmah yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan setiap dana kerajaan ini, untuk makluman ahli Dewan penggunaannya melalui audit dan juga tatakelola yang ditentukan oleh tatacara perolehan kewangan. Maknanya setiap faktor dan item yang kita keluarkan dalam Nismilan Prihatin, Agro Madani dan sebagainya ini, melalui item yang dikeluar dan dijual, dan ini mempunyai rekod di peringkat jabatan, yang tentunya melalui proses-proses kewangan yang tertentu. Sebelum saya tutup jawapan saya pada hari ini, Dato' Yang Dipertua, saya ambil kesempatan ini, untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat ADUN Rantau selaku Menteri Luar kerana telah berjaya membawa balik rakyat Malaysia daripada Mae Sot, yang ada di persempadanan Mae Sot, kerana kesalahan pemerdagangan manusia, ini memberikan satu tanda, ataupun sebagai simbol bahawa rakyat Malaysia ini jangan terlalu mudah terpengaruh dengan janji-janji kosong yang ditawarkan oleh pihak luar. Tahniah kepada Yang Berhormat ADUN Rantau. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

4. RANG UNDANG-UNDANG

[sambungan Rang Undang-Undang perbekalan (2026) 2025

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi di dalam sesi perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025. Saya persilakan jika ada… saya persilakan Yang Berhormat Rantau.

YB ADUN Rantau: Terima kasih Yang Berhormat Dato' *Speaker*. Assalamualaikum Warahmatullahi Warahmatullahi Wabarakatuh.

Lama sudah tidak berkuda,
Berkuda di Batu Hampar,
Lama juga kita tak berjumpa,
Dato' *Speaker* apa khabar?

Dato' *Speaker*, terima kasih memberikan saya peluang untuk saya memberikan pandangan dan juga memberikan ulasan berkenaan dengan Belanjawan 2026 Negeri Sembilan yang telah pun dibentangkan dengan baiknya oleh Yang Amat Berhormat Sikamat pada hari Jumaat lepas. Saya minta maaf sebab semalam sepatutnya saya datang tetapi disebabkan oleh ada keadaan tidak baik yang berlaku di sempadan Cambodia dan juga Thailand saya terpaksa tidak dapat hadir semalam dan terpaksa menguruskan ketegangan yang berlaku yang menyebabkan banyak kehilangan nyawa di kedua-dua pihak di antara Cambodia dan juga Thailand. Keadaan di situ tidak baik sangat hari ini pagi tadi pun saya bercakap dengan rakan sejawat kedua-dua negara supaya balik semula kepada kita punya perjanjian *The Kuala Lumpur Accord* yang mana Artikel 7 menyatakan bahawa jika ada pertempuran yang sengaja ataupun tidak disengajakan, kedua-dua pihak mesti kembali semula ke meja rundingan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun menelefon kedua-dua rakan sejawat beliau, kita berharap supayanya tidak berlarutan kerana ia tidak baik kepada rantau Asia Tenggara ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan mengambil kesempatan mengucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat kerana telah dapat dan berjaya membentangkan bajet 2026 dengan anggaran perbelanjaan kita sebanyak RM640 juta dan anggaran pendapatan kita RM610 juta. Maka bajet tahun depan merupakan bajet yang difisit RM30 juta. Nanti saya nak beritahu bagaimana kita nak buat berimbang Yang Amat Berhormat. Kita mesti bentangkan bajet yang baik pada masa kita tidak menghadapi masalah, melainkan semasa kita menghadapi Covid dulu ataupun krisis ekonomi, kita mesti *stimulate the economy* dan kita mesti buat *pump prime*, kerajaan mesti menjadi sebagai pendukung kepada mengurus ekonomi. Tapi dalam keadaan baik ini seperti yang disebut oleh daripada Bahau tadi kita memudah carakan untuk kita pelabur-pelabur datang dan kita urus dengan baik supaya mereka dapat mengurus dan mereka mendirikan industri di Negeri Sembilan dan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak Negeri Sembilan dengan jayanya.

Tahniah kita ucapkan saya ucapkan juga pada tahun 2024 Negeri Sembilan telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu sebanyak 4.6% dengan jumlah keluaran negara kasar sebanyak RM54.6 bilion, kalau tak

salah saya kalau saya ingat lagi ini satu pertumbuhan yang amat baik dan negara kita pula Dato' Yang Dipertua pada tahun ini, kita amat sukacita dan kita berusaha dan usaha kita telah dapat mendatangkan hasil yang baik bertentangan dengan apa yang diberitahu oleh orang ataupun orang bercakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuma bercakap saja tapi tak nampak kesan. Kita keluar negeri, saya bersama sahabat saya, Menteri MITI mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keluar negara bukan nak makan angin Dato' Yang Dipertua, kita keluar negara untuk kita mengokohkan lagi hubungan dua hala, mengokohkan lagi hubungan berbagai hala di atas *platform* antarabangsa dalam masa yang sama kita menjual negara kita untuk lebih ramai lagi pelabur-pelabur yang datang dan mereka amat tertarik dengan negara kita, negara kita sebuah negara di Rantau Asia Tenggara ini yang kerajaannya dah menjadi sebuah kerajaan yang stabil. Ini merupakan kriteria pertama yang dilihat oleh pelabur-pelabur. Tidak ada mana pelabur yang akan datang membawa pelaburan mereka di negara yang tidak ada kestabilan. Kita dah capai kestabilan.

Di Parlimen kita dah ada lebih 2 pertiga. Ini satu keadaan yang baik itu sebabnya kita dapat banyak pelaburan diluluskan dan sebagai tanda awal kepada kesan daripada kedatangan pelaburan ini ringgit kita mengokoh, ringgit kita kalau kita lihat pada awal tahun ramai yang akan katakan ringgit kita akan menjadi RM5 kepada 1 Dolar Amerika. Pada ketika itu, bulan Mac juga ringgit kita didagangkan RM4.47, RM4.475, RM4.47 1 Dolar Amerika. Tetapi setakat semalam ringgit kita didagangkan RM4.112, RM4.112 ringgit *to a Dollar*. 40 lebih sen Dato' Yang Dipertua, ringgit kita telah mengokoh selama 8 bulan. Ini satu keadaan yang jelas menunjukkan bahawa ramai orang datang membeli ringgit kita, kerana dalam teori ekonomi, *basic economic theory* oleh kalau kita ingat dulu siapa ambil ekonomi? Harcharan Singh Khera kita tingkatan 6 ekonomi kita *economy is all about demand and supply*. Banyak permintaan untuk ringgit kerana orang datang nak melabur di sini dengan membawa *US Dollar,* mereka mesti membeli ringgit untuk mereka melabur di Malaysia. Maka permintaan untuk ringgit banyak. Oleh sebab itu juga untuk pertama kalinya selepas 2014 rezab antarabangsa kita melanjak naik menjadi RM124, RM124.1 bilion *US Dollar*. *reserve* antarabangsa kita, kita punya *foreign reserve* suatu jumlah yang amat besar Dato' Yang Dipertua. Ini satu kekuatan ekonomi, bila orang datang nak melabur, bila orang datang untuk melabur di negara kita terutamanya pengurus-pengurus dana, dia melihat betapa kuatnya kita punya kita punya *international reserve* ataupun *foreign reserve* kita. kita boleh mampu untuk menampung 48 bulan import kita dan kita boleh mengurus, kita boleh orang kata *we can we have the capacity to oblige obligation* kita terhadap hutang jangka pendek yang satu tahun ke bawah. Ini satu kekuatan yang kuat. Jadi saya nak minta Kerajaan Negeri Sembilan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Sikamat dan juga rakan-rakan pentadbiran ambil peluang ini, peluang ini peluang yang mana pedagang-pedagang datang pelabur-pelabur

datang ke negara kita. Dan mereka nak melabur maka permudahkan, ada tempat-tempat yang mana kita bawa pelabur-pelabur Dato' Yang Dipertua, tetapi mereka kecewa, satu tahun kadang-kadang isu tanah tak selesai-selesai. Jadi saya harap supaya kita Negeri Sembilan tadi Bahau mengatakan bahawa ada kita punya *fast track* apa semua *everything*, lakukan dengan terbaik kerana di peringkat persekutuan kita membawa pelabur, tetapi persekutuan mereka datang pelabur dia pilih pula kita nak pilih ke mana negeri. Sekarang ini kita tubuhkan *Johor-Singapura Special Economic Zone*, kerana kita nak supaya apa orang kata gandingan Singapura-Johor ini kita jangan menjadi sebagai satu masalah, tapi satu kekuatan. Maka berpuluh bilion sekarang telahpun datang dan melabur di Johor dengan *data center* dan macam-macam. Negeri Sembilan tidak terkecuali kerana kedudukan kita amat strategik. Kita dah masuk dalam *The Greater Klang Valley* dalam ***Kuala Lumpur Conglomeration Area***. Maka sebagai kerajaan negeri kita mesti menjadi sebagai *conduit* sebagai pemudah cara ataupun kita mesti mengadakan dasar-dasar yang merangsang pertumbuhan ekonomi. Ekonomi tak tumbuh dengan sendiri, ekonomi mesti dirangsang Dato' Yang Dipertua, tetapi sebagai kerajaan negeri bagaimana kita nak merangsang ekonomi maka itu sebabnya saya katakan bahawa perlu disegerakan kerana apabila kita bercakap di *Federal* kita lihat tak ada tempat nak dibawa pelabur di sini.

Boleh bertanya dengan rakan. Saya bersama dengan sahabat daripada Negeri Sembilan, saudara Loke kami sentiasa saja, asik-asik kita bawa kan kadang-kadang pergi ke Kedah, itu sebabnya Kedah kata wah dia bagus semua tapi dia punya kawasan peindustrian dia besar. Kawasan perindustrian dia Gurun, Kulimnya memang dah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi dia cari dapat nama pertumbuhan ekonomi Kedah bagus dan macam-macam lagi. Padahal siapa yang bawa pelabur? kita yang bawa pelabur, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Perpaduan Persekutuan. Jadi di Negeri Sembilan ini sayang saya pernah sebut, jangan tak nampak Negeri Sembilan saya katakan dalam kabinet, Negeri Sembilan dekat, pelabur lebih mudah datang melabur di Negeri Sembilan. Tetapi kita mesti wujudkan segera kawasan yang sesuai untuk pelabur datang melabur mendirikan industri-industri mereka industri yang strategik. Buat kluster-kluster dia kluster yang mana kelas A, kelas B, kelas C. Macam dulu kita buat dekat Enstek itu kluster A yang mana dia punya *discharge equivalent* to BOD 20. *Drinkable* punya kualiti. Itu sebabnya syarikat Amerika, dia mereka mahu melabur ataupun mendirikan industri di kawasan kelas A macam tu. Kita ada kawasan yang mana kita ada buat macam-macam dulu kerana kita tak boleh mencampur adukkan Dato' Yang Dipertua, kilang papan bersebelah dengan kilang makanan bersebelah dengan kilang elektronik, tak mahu begitu. Kalau nak buat kilang-kilang yang banyak pencemaran ini buat di hiliran.

Ini dah buat dah Dato' Yang Dipertua, kita kena rangsang itu sebabnya pada tahun 2015 saya nak cakap sejarah sikit lah 2015, kerajaan Negeri Sembilan

ketika itu kita telah pun buat satu Dasar Pembangunan Negeri Sembilan 30 tahun, 2015-2045. Macam mana kita nak menjayakan Dasar Pembangunan Moden Negeri Sembilan pada ketika itu kita rancang iaitu apa yang dipanggil sebagai *The Malaysian Vision Valley. Malaysia Vision Valley* pada ketika itu yang berada di atas kawasan yang amat luas 153 ribu hektar. Konsepnya Dato' Yang Dipertua adalah *from the mountain to the sea* iaitu daripada Bukit Mantin ke Port Dickson. Jadi ini China pun suka sebab dia pelabur negara China berlumba-lumba nak datang kerana dia punya feng shui kuat. Belakangnya gunung dan di depannya air. Mereka suka itu sebabnya kita kata kluster perindustrian mesti berada di Lukut, bukan saya nak sokong YB Lukut tapi industri jangan diletak di kawasan huluan Dato' Yang Dipertua.

Semalam saya pergi, bukan semalam lah hari Ahad saya mengadakan pergi di kawasan Senawang. Saya tengok bukit dah ditarah, kawasan tinggi ditarah. Saya tanya dengan Pengerusi KRT di situ nak buat apa tu, dengar khabar nak buat kawasan perindustrian. Yang Amat Berhormat Sikamat, saya nak bagi nasihat sebagai yang saya rasa saya yang paling *senior* dalam Dewan ni. *I think I'm the most senior in this Dewan*. Jangan buat industri di kawasan lebih tinggi daripada kawasan perumahan. Pencemaran nanti susah sebab kita susah. Di kawasan hiliran banyak kawasan tadahan air Sungai Linggi tu merupakan sungai yang tempat kita memberi minum orang Port Dickson dan juga orang di Seremban. Yang Amat Berhormat Sikamat itu sebab badan dia besar sikit, sebab dia banyak minum air Sungai Linggi. Tercemar Sungai Linggi tercemarlah air untuk minuman orang di Linggi orang Port Dickson dan orang Seremban Dato' Yang Dipertua. Elok letakkan industri di kawasan hiliran. Kalaupun ada pencemaran, dia akan terus pergi ke laut. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya harap supaya Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Sikamat kan, saya pernah cakap dengan beliau segerakan, segerakan buat rancangan meransang ekonomi, kerana ekonomi baik sekarang. Walaupun ekonomi dunia sekarang ni kelam kabut kerana politik dunia tak menentu. *Ekilibrium* politik dunia telah pun dipecahkan oleh kita tahu siapalah ya. Seorang ketua negara yang tidak mengikut norma-norma hubungan antarabangsa biasa. Biasanya hubungan antarabangsa hubungan dua hala, hubungan berbagai hala. Bilateral and multilateral. Tapi sekarang dia tak kisah bilateral, dia tak kisah multilateral dia kisah dia sahaja. Dia gunakan tarif sebagai senjata untuk mengugut negara-negara supaya akur dengan apa yang beliau mahu. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya harap supaya Negeri Sembilan buat elok-elok. Kita berada di kawasan yang amat strategik kawasan dalam *KL Cornovation Area*, dalam kawasan *The Greater Klang Valley*. The *facilities* kita tak perlu *airport, airport* dekat dengan kita tak perlu pelabuhan, pelabuhan dekat dengan kita. Kita ada, kita punya *Inland* Port di Nilai macam-macam. Jadi gunakan kelebihan kita ini untuk kita membangunkan ekonomi negara.

Ekonomi negara *Alhamdulillah 3rd quarter* GDP kita tumbuh dengan baik 5.2%. Ini merupakan suatu di luar jangka. Ekonomi negara kita pada *3rd quarter* Dato' Yang Dipertua, tumbuh pada 5.2%. Ini sesuatu yang masyarakat antarabangsa pun melihat begitu hairan. Bagaimana Malaysia boleh melonjak dalam keadaan ekonomi yang serba tak menentu sekarang. Tetapi kita boleh melonjak. Kerana apa? Ramai yang datang melabur. Negara jiran banyak tidak ketentuan. Banyak ketidaktentuan di negara jiran. Jadi di mana mereka nak datang? Mereka datang ke Malaysia. Di Malaysia di mana? Di sini Negeri Sembilan perlu mengambil tempat dengan segera kerana kita boleh bawa mereka datang ke Negeri Sembilan. Insya-Allah saya akan jual Negeri Sembilan sebagai anak Negeri Sembilan. Saya mahu melihat negeri saya membangun. Saya nak lihat supaya negeri Sembilan tumbuh ekonomi dengan baik dan kita sama-sama menikmati pertumbuhan ekonomi dan juga kejayaan yang dicapai oleh kerajaan Negeri Sembilan. *Insya-Allah.* Tetapi terpulanglah kepada rakan-rakan pentadbir untuk melihat dan juga menentukannya.

Dato' Yang Dipertua, sebelum saya duduk Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu satu. Di sini kita, kita *everything is the truth but the truth. Nothing is the truth but the truth*. Kita membentangkan, perbahaskan kita buat undang-undang kita buat dasar. Di sini kita bersetuju. Kita mesti orang tua-tua kata kalau kerbau kita pedgang pada talinya, kalau ada manusia pegang pada janji. Saya nak tanya satu, Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua ada dalam Al-Quran mengatakan (*ya aiyuhallazi*), bukan surahlah ayat (dibaca dalam Bahasa Arab) Dato' Yang Dipertua apa maknanya Dato' Yang Dipertua? Saya nak terjemahkan "*Wahai orang-orang yang beriman tunaikanlah janji-janji kamu*." Ukut itu akad. Akad itu janjilah. Apa saja kita janji, tunaikan. Supaya rakyat tidak merasa kecewa. Jadi saya harap supaya apa yang kita janjikan, apa yang kita cakapkan, kotakan. Kerana manusia dipegang pada janji. Janji, janji kita mesti ditepati. Saya nak menegur satulah sebagai wakil daripada rakan yang menubuhkan kerajaan Negeri Sembilan ini. Saya merasa kecewa, Dato' Yang Dipertua. Kerana kita berjanji di peringkat Persekutuan. Kita berjanji bersama untuk mengurus negara. Negara mesti diutamakan. Negeri Sembilan pun begitu. Kita bersama untuk urus negeri. Dan kita mesti bagi-bagi sama-sama. Itu sebabnya pembahagian jawatan di peringkat Kabinet, Dato' Yang Dipertua, kalau KPT-PH, Luar Bandar-Barisan Nasional. Kalau KPM-PH, KPTnya Barisan Nasional. Jika KDNnya-PH, KLNnya-Barisan Nasional. Dato' Yang Dipertua. Tetapi dalam masa di Negeri Sembilan baru-baru ini, keputusan dibuat, dia tak begitu pula. Patutnya satu untuk kau, satu untuk aku, satu untuk aku, satu untuk kau. Ini dua untuk aku, kosong untuk kau. Tak maulah macam itu. Saya tak maulah kerana di luar sana kita ada tahap kita boleh mengekang perasaan. Kami seboleh mungkin kami nak bersama-sama untuk kita mengurus negeri. Mengurus negara. Tetapi kita juga ada isu yang orang kadang-kadang bertanya kepada kita yang kita susah nak jawab. Bukankah ada baiknya itu pembahagian senator, satu untuk PH,

satu untuk Barisan Nasional? Kan begitu? Speakernya PH, timbalan speakernya BN. Jadi ini tak betul. Saya tak mahu perkara ini berlaku lagi. Hormatkanlah rakan kerjasama kita. Kerana bak kata di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Sikamat, labo sama dapek. Cicir sama rugi. Ini labo tak sama dapet. Labo seorang yang dapek. Yang cicir kami. Dan boleh dikatakan juga bahawa dalam itu gagahnya gunung dek tanah. Ingat itu. Gagahnya gunung dek tanah. Jangan tanah nanti lombik, gunung runtuh. Kita tak mahu itu jadi.

Jadi itulah pandangan saya Dato' Yang Dipertua. Tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat. Tapi bajet defisit RM30 juta itu Yang Amat Berhormat. Dia defisit itu kerana saya nak cadangkan. Kalau dalam keadaan situasi memerlukan perbelanjaan di luar jangka itu. Saya dulu yang menyokong. Saya juga yang disebut disokong oleh YB Loke. Supaya P50 peruntukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita bagi RM50 juta. Kalau tidak Dato' Yang Dipertua, saya 2 penggal RM5 juta saja. Penggal ketiga RM10 juta. 50 juta ini kalau dipotong 30 juta kita dah jadi *balance* bajet, bajet berimbang. Tinggal RM26 juta lagi. Banyak tu, RM26 juta. Kalau perlu nanti untuk buat-buat kerja kebajikan belanjalah. Kita bentang dalam peruntukan tambahan. Jadi cantik nampaknya. Negeri-negeri lain cantik bajetnya. Tapi kita dalam keadaan baik ekonomi yang baik, kita masih lagi membentangkan bajet yang defisit. Tak cantik Dato' Yang Dipertua. Optik dia tak elok. Negeri Sembilan membentangkan bajet yang defisit. Maka saya cadangkan. Saya menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Sikamat tetapi dengan pindaan. Supaya P50 dipotong RM30 juta, jadilah bajet kita bajet yang berimbang RM610 juta. Sekian terima kasih. Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Rantau.

Pohon korma jatuh tertimpa,
Jatuh menimpa di tanah rata,
Saya di sini sehat sejahtera,
Moga Yang Berhormat Rantau begitu juga.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya dengan Tok Mat sama umur. Okay saya jemput Yang Berhormat Lenggeng.

YB ADUN Rantau: Yang Berhormat, saya mohon sebab saya nak apa ada *video conferencing* dengan Cambodia dengan juga US dan juga dengan Thailand. Terima kasih.

YB ADUN Lenggeng: Terima kasih YB Menteri Luar. *Bismillahirrahmanirrahim*, Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi laluan kepada Lenggeng untuk berbahas bersama-sama berbahas dalam Belanjawan 2025 bagi 2026. Saya

mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dua perkara. Satu kerana berjaya membentangkan Belanjawan bagi 2026 dan yang kedua menerima berita gembira semalam menyambut cucu begitu juga tahniah saya kepada semua, kepada Exco Kanan, Exco-Exco dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang bersama-sama bertungkus lumus bagi membentangkan Bajet 2026.

Saya melihat, saya memuji barisan Kerajaan yang diketuai oleh Dato' SS, dan Pegawai Kewangan yang baru kerana berjaya surplus membuat *collection* surplus RM8.307 juta pada tahun 2025 pada tahun ini. Walaupun begitu kita melihat pelaburan Negeri Sembilan pada tahun 2025 sebanyak RM6.2 bilion berbanding tahun lepas RM7.2 bilion dimana ada penurunan sebanyak 1 bilion. Penurunan ini takut-takut akan menjadi trend pada tahun-tahun yang akan mendatang, kerana kita faham dan kita sudah maklum yang dibahas oleh Yang Berhormat Rantau panjang lebar tadi berapa begitu pentingnya pelaburan untuk negeri kita. Walaupun bagaimanapun saya juga melihat Kerajaan meletakkan target sebanyak RM8 bilion bagi tahun 2026. Jadi bagi mencapai target sebanyak RM8 bilion ini kita berharap seluruh jentera Kerajaan mempunyai satu misi yang sama satu fikiran yang sama yakni mencapai sasaran RM8 bilion pada tahun 2026.

Dato Yang Dipertua, mari kita melihat contoh negeri-negeri yang jauh lebih besar pada Negeri Sembilan. Contohnya seperti negeri Johor bukan saya nak memuji Johor dengan baju pada kita, tak sebab Johor dialah satu negeri yang besar dan satu negeri yang sedang pesat membangun. Apa yang telah dibuat oleh Johor itu pada 1 Jun, pada 1 Januari 2023, Johor telah membuat satu satu program yang dipanggil *Johor Fastlane. Johor Fastlane* ialah satu proses pembangunan bagi merancakkan pelaburan bagi negeri Johor, yakni mereka melaksanakan proses daripada untuk mendapatkan kebenaran merancang, kebenaran *building plan* pembinaan sijil siap, sehinggalah CCC dapat tercapai. Inilah satu idea yang sangat bernas yang telah dibuat di Johor dan kita melihat apa kesan dia mengikut daripada pemaju pemaju-pemaju yang masuk ke dalam negeri Johor melalui *Johor Fastlane* masa urusan yang biasa-biasa yang dulu ambil hingga 12 bulan, boleh disingkat bagi setengah projek urusan boleh siap dalam kira-kira empat bulan. Maksudnya apabila telah dilaksanakan program *Johor Fastlane* daripada setahun contoh setahun, boleh jimat sebanyak enam bulan, mungkin ada sehingga dua tahun, boleh jimat hingga setahun. Jadi ini sangat menjimatkan masa, tenaga dan wang ringgit dan kita boleh melihat pelabur-pelabur gembira masuk ke negeri Johor. Ini terbukti dari apabila pada tahun 2023 sebelum Johor melaksanakan *Johor Fastlane* pelaburan di negeri Johor hanyalah RM43 bilion setahun, tetapi apabila melaksanakan *Johor Fastlane*, pada tahun 2024, 48 Johor telah meningkat pelaburan daripada RM43 bilion kepada RM48.5 bilion, tapi pada tahun 2025 sebab pada tahun 2023, *Johor Fastlane* baru saja dilaksanakan kemudian masuk 2024 mungkin 2025 seluruh jentera kerajaan telah faham

dan telah berjaya laksanakan *Johor Fastlane* ni *Fast track* dan kelulusan merancang diluluskan sehingga CCC ini, mereka telah berjaya menjana pelaburan lebih RM90 bilion pada tahun 2026. Maksudnya dalam pada tahun 2023 sahaja Johor telah meningkat pelaburan berganda-ganda hebatnya mungkin kesan daripada dan semestinya kesan daripada *Johor Fastlane* ini dan juga kesan seperti YB Rantau bagitahu tadi, mereka bersama dengan PMX dan rakan-rakan keluar mencari pelabur-pelabur masuk ke dalam negeri masing-masing. Program ini saya melihat saya melihat program ini satu program yang sangat bagus, iaitu satu tindakan yang optimum, menghasilkan impak yang maksimum.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dalam ucapan Belanjawan Negeri Sembilan yang baru ini, Negeri Sembilan juga telah menubuhkan *Fastlane,* mungkin kita lebih panggil N9 Fastlane untuk memacu pelaburan negeri, sebab kita tahu halangan kepada pelaburan-pelaburan yang masuk adalah karenah birokrasi, kadang-kadang untuk mengambil, untuk tukar status tanah daripada zoning perumahan ke zoning perindustrian mengambil masa yang lama mungkin, jadi mungkin dengan dan bukan mungkin dalam kaedah *Fastlane* yang telah diwujudkan Negeri Sembilan pada tahun ini, saya begitu yakin bahawa Negeri Sembilan akan mampu memacu pelaburan dan mampu mencapai target sehingga RM8 bilion yang disasarkan pada tahun ini. Ini juga saya, tahniah kepada saya rasa dan saya diberi maklum bahawa *Fastlane* ini telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seremban yang menjadi pertama jadi saya mengharapkan PBT-PBT lain di seluruh daerah juga melaksanakan *Fastlane* diikutilah semua PBT-PBT seperti yang ditegur oleh ADUN Chennah baru-baru ini berkenaan dengan AI Port yang mungkin lewat dilaksanakan. Sesungguhnya kelewatan bagi kelulusan di peringkat PBT saya bercakap ini tidak mahu menyalahkan mana-mana agensi, cuma mungkin kita nak naik taraf cara-cara untuk meluluskan sesuatu keadah…

YAB ADUN Sikamat: saya mohon untuk betulkan sikit mengenai AI Port 8 haribulan 12 baru dihantar KM dan 12 haribulan 12, insya-Allah kita akan ada mesyuarat jawatankuasa, bermakna dalam 4 hari ni insya-Allah kita, kita cuba selesaikan. Jumaat minggu lepas baru dihantar ke MPPD hantar dokumen dia untuk KM insya-Allah 12 haribulan 12 kita mesyuarat.

YB ADUN Lenggeng: Baik *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi mungkin kita melihat kita tidak boleh salahkan dengan jawapan daripada Menteri Besar ni kita boleh lihat bahawa kadangkala bukan salah agensi kadangkala salah konsultan syarikat tersebut. Jadi kita kena lihat keseluruhan faktor mungkin juga agensi-agensi kerajaan boleh memberi nasihat kepada pelabur-pelabur supaya memilih konsultan-konsultan yang diiktiraf sahaja. Jadi kita lihat kenapa pelaburan ni sangat penting yang Dato'

Yang Dipertua, kita lihat pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, projek F&N di Gemas telah memberi peluang pekerjaan, meningkat fasa demi fasa, Gemas dan Tampin ada ADUN Gemas dan Tampin, dapat limpahan pelaburan dengan tersedia peluang pekerjaan hampir seribu peluang pekerjaan. Bukan itu sahaja kita dapat juga premium tanah, cukai-cukai syarikat pelaburan dan mampu memberi pendapatan kepada kerajaan Negeri Sembilan. Saya yakin dengan perlaksanaan *Negeri Sembilan Fastlane* pada tahun ini pada tahun akan datang pelaburan Negeri Sembilan akan rancak seperti mana-mana Johor yang mendadak naik ke RM91 bilion berbanding sebelum *Johor Fastlane* dilaksanakan hanya RM43 bilion hanya 43 bilion. Maka demi mencapai tadbir urus yang baik pelaburan yang baik mencapai sasaran pelaburan yang baik saya menyokong bonus minimum 2 bulan dan tambah 1 bulan bagi yang cemerlang. Saya yakin setiap ketua jabatan akan mula bermesyuarat dan akan set KPI bagi staf masing-masing.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih juga kepada Pegawai Kewangan Negeri serta JKR kerana mendengar keluhan saya berkenan dengan masjid di Bandar Tasik Senangin yang hampir 2 tahun telah terbengkalai. Kini masjid di kawasan saya sedang rancak dibangunkan, sejurus saja masjid beroperasi pembangunan berjalan semula saya telah memanggil 15 persatuan penduduk yang resah disebabkan masjid mereka terbengkalai lebih 2 tahun. Diantara perbincangan adalah mereka begitu gembira dengan pelaksanaan semula masjid ini dan yang kedua adalah penubuhan semula jawatankuasa penaja masjid yang baru bagi menyelesaikan isu-isu lama jawatankuasa penaja yang dulu dan menjadi penubuhan ini penting bagi menjadi mata dan telinga rakyat di sebelah sana terhadap kerajaan bagi pembangunan yang sedang dijalankan ketika ini. Dan saya berharap dan saya telah berjumpa dengan pengarah Jabatan Agama Islam, saya berharap pembentukan jawatankuasa ini dapat dilaksanakan.

Dato' Yang Dipertua terima kasih juga kepada PMX Perdana Menteri kita yang telah menubuhkan dalam membangun satu Projek Sejati Madani yang memberi impak kepada JPKK di seluruh Negeri Sembilan. Juga kepada persatuan-persatuan penduduk pelaksanaan ini telah dibuat di bawah pejabat PPN Negeri. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengarah PPN Negeri kerana kelulusan setiap permohonan begitu laju dan hampir semua JPKK di bawah Lenggeng lulus dan duit masuk dalam masa tak sampai 3 bulan. Inilah salah satu contoh yang terbaik *and very efficient* yang memberi impak kepada JPKK-JPKK saya. Hari ini setiap JPKK saya mampu menghasilkan pendapatan masing-masing dan mereka banyak membantu masyarakat kampung dengan duit hasil daripada program sejati madani seperti bakul makanan, duit-duit belanja, duit orang sakit dan adakalanya mereka melaksanakan gotong-royong kampung, semua menggunakan duit hasil daripada program sejati madani, dan saya berharap sejati madani bagi tahun 2026 dapat diteruskan lagi dengan pakej-pakej yang

lebih menarik dan terbaik. PPN Negeri juga dibawah PPN Negeri juga begitu pantas membantu apabila berlaku bencana di kawasan-kawasan saya contohnya. Ada satu kisah malam baru-baru ini berlaku ribut di kawasan saya pukul 7 malam, pukul 10 malam saya call pengarah PPN Negeri untuk menyatakan perkara bencana yang berlaku di kawasan saya, 7.30 pagi keesokannya pengarah telah sampai, kelam kabut saya bangun untuk sama-sama kerana saya telah minta tolong dia seawal pagi dia telah respon. Jadi Dato' Yang Dipertua inilah pujian kepada agensi-agensi kerajaan. Kami YB-YB kawasan bekerja siang dan malam tidak mengenal penat lelah dan tidak mengenal waktu. Adakala kami bekerja sehingga 12 malam sekiranya berlaku sesuatu bencana jadi saya nak ucapkan semua kepada agensi kerajaan kerana begitu pantas dan tangkas respon contohnya kepada Dato' SS. Kadangkala perlukan kelulusan daripada Dato' SS. dan beliau terus respon walaupun pada hari Ahad.

Jadi kita harap semua agensi-agensi kerajaan faham kalau kita kacau Sabtu Ahad itu jangan marah, tapi buat masa ini semua tak marah. DO kawasan saya semua baru, PTG semua sangat memberi respon walaupun di luar waktu pejabat. Dato' Yang Dipertua, masih tidak terlambat saya ucapkan selamat bertugas kepada Datuk Bandar Seremban baru yang dilantik sekitar Ogos. Saya melihat dan saya ikuti Facebook dan TikTok Majlis Bandaraya Seremban. Mereka melakukan lawatan-lawatan ke gerai-gerai sama ada yang mempunyai lesen atau tiada lessen. Lawatan beliau bukan untuk menghukum, tetapi untuk membantu malah MBS ini memudahkan gerai-gerai di kawasan saya amnya untuk diberi lessen. Terutama di kawasan-kawasan kampung. Gerai penjaja yang baru juga sedang dibangunkan di Lenggeng. Ini adalah respon yang pantas atas permohonan saya bagi menjana *income* dan pendapatan kepada rakyat-rakyat di kawasan Lenggeng. Ini dapat memberi peluang kepada anak-anak muda supaya dapat berniaga. Tahniah dan teruskan usaha ini kerana ini mengangkat imej kerajaan di mata rakyat. Saya cadangkan MBS turut membuat *fastlane* bagi permohonan lesen. Kerana ada juga di kalangan rakyat datang mengadu kepada saya mereka berulang alik ke MBS hanya untuk mendapatkan lesen dan ada kalinya sehingga 6 kali terpaksa ulang alik ke MBS. Jadi daripada Lenggeng ke majlis itu ataupun ke nilai jarak dia ada kadang menggunakan belanja yang banyak untuk orang-orang kampung kalau satu kali pergi RM50 itu banyak. Kalau sampai 6 kali pergi untuk dapatkan 1 lesen, akhirnya mereka buat keputuasan untuk berniaga secara *illegal*. Jadi cadangan untuk *fastlane* untuk permohonan lesen ini sangat dialuh-alukan.

Dato' Yang Dipertua, saya masuk menyentuh program *Fast Track SPM.* Satu program yang sangat baik. *Fast Track* tahfiz. Program ini sudah masuk penggal kedua dan rata-rata seluruh pelajar tahfiz di Negeri Sembilan mula memberi fokus kepada program kerajaan negeri, *Fast Track Tahfiz* ini. Pelajar-pelajar tahfiz dan ibu bapa mula berlumba-lumba ingin bersama-

sama dalam program ini. Saya cadangkan agar bajet RM500 ribu yang dibentangkan pada tahun ini dinaikkan kepada satu angka yang difikirkan relevan. Begitu juga dengan bantuan anak negeri dan bantuan anak sekolah yang berjumlah RM2.2 juta yang saban tahun kami ADUN salurkan kepada mereka-mereka yang telah terpilih. Bantuan anak negeri sebanyak RM550 dan bantuan anak sekolah sebanyak RM600. Tetapi ada kalanya nama-nama yang diberi adalah kepada pelajar yang bukan daripada anak negeri. Contohnya di kawasan Lenggeng, ada sekolah yang sempadan Selangor. Sekolah-sekolah di Lenggeng ada yang bersebelahan dengan Negeri Selangor dan ada anak Negeri Selangor yang bersekolah di kawasan Lenggeng. Dan nama-nama mereka apabila saya lihat, saya sampaikan duit, saya melihat mereka adalah rakyat Selangor. Tapi disebabkan nama mereka telah sampai, saya tetap sampaikan juga.

Jadi saya menyeru memohon agar pada tahun ini daripada Exco Pendidikan, agar nama-nama yang diberikan untuk bantuan anak negeri, bantuan anak sekolah ini dirujuk kepada pusat khidmat. Supaya kita dapat saluran kepada mereka sasaran kita yang sebenar. Kita tak nak lagi bagi duit anak negeri kepada anak Selangor ataupun anak negeri kepada anak Melaka. Malah ada anak Melaka pun saya bagi juga. Di belah-belah sini. Dia duduk di sini, mengundi di sini. Tetapi sekolah di sini dan dia dapat bantuan anak sekolah, bantuan anak negeri. Jadi untuk tahun ini, saya berharap dapat kita rujuk kepada pusat khdimat dan juga ada di kalangan mereka yang sepatutnya ada yang lebih layak dapat berbanding daripada mereka yang dapat. Saya rujuk kepada YB-YB kawasan lain, dia kata kadang-kadang mereka pun tidak boleh jawab apabila ada anak yang lebih susah tak dapat. Tetapi ada anak yang lebih senang dapat daripada program BAN dan BAS ini.

Dato' Yang Dipertua, rumah mampu milik adalah menjadi satu dasar kerajaan negeri pada hari ini. Ini adalah satu dasar yang terbaik bagi memudahkan bagi kepada semua rakyat untuk memiliki rumah, amnya kepada golongan muda. Kita ada kerajaan telah mensasarkan, menetapkan mana-mana tanah yang ingin dibangunkan lebih daripada 10 ekar, mestilah melaksanakan *type* A berharga RM110,000 dan *type* B berharga dengan berharga RM250,000. Jadi inilah satu rumah yang boleh dikatakan satu CSR oleh pemaju kepada anak-anak Negeri Sembilan. Dengan harga yang RM110,000 dimana saya maklumkan dengan harga yang RM110,000 saya rasa ramai pemuda belia yang sangat-sangat berminat untuk dapatkan. Saya maklumkan di kawasan Lenggeng di kawasan saya, Taman Arowana. Masih ada lagi 30 kekosongan bagi rumah type A. Kekosongan ini berlaku disebabkan apabila pengundian telah dilaksanakan, berlaku kerana loan-loan bank ataupun sebagainya telah ditolak kerana CCRIS dan sebagainya. Jadi dalam masa yang sama, ramai datang berjumpa dengan saya untuk mohon apabila tahu ada lagi kekosongan berlaku di Taman Arowana. Cuma saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan, permohonan-permohonan dan rayuan ini bilakah garis masa yang

diperlukan untuk diproses supaya mudah saya sampaikan kepada rakyat kawasan saya bila rayuan itu boleh dijawab. Kerana ada di kalangan mereka saya pun tak tahu entah betul atau tidak sebab dia tidak tunjuk dokumen pada saya.. Kata dah mohon 3 bulan, dah mohon 2 bulan. Tapi dokumen tak ada. Tapi saya perlukan garis masa untuk saya jawab kepada mereka.

Saya... Dato' Yang Dipertua, saya juga memuji belanjawan ini atas inisiatif baru di mana kerajaan menyediakan rumah sewa beli kepada rakyat yang sukar lulus pinjam mereka. Tadi kita yang dah *reject*, tadi kerajaan telah menyediakan satu belanjawan khas kepada mereka yang gagal memiliki rumah sendiri tapi satu peluang untuk sewa beli. Ramai orang muda yang laksanakan pinjaman, namun pinjaman mereka yang ditolak. Maka dengan inisiatif ini, mereka mempunyai peluang untuk memiliki rumah sendiri. Cuma saya mohon kerana kita tu dia agak terhad. Bukan semua orang boleh. Sebab ini tahun pertama. Mungkin tahun kedua mungkin boleh diangkat bajet yang lebih besar. Jadi saya mohon agar setiap DUN diberi kuota untuk program ini. Contoh Lenggeng bagi 10. Juasseh 5. Ya 10 kan.
Dato' Yang Dipertua, saya menyentuh program Perikanan Rakyat, Program Kolam Rakyat. Saya melihat program ini boleh dibuat projek ini boleh dibuat bersama-sama dengan pemuda ataupun JPKK-JPKK kampung yang terlibat. Supaya sama-sama dalam program rintis ini. Dengan ilmu dan pengalaman yang bakal diterima sekiranya mereka bersama-sama dengan kerajaan dalam program ini. Pemuda mampu belajar dapatkan ilmu pengalaman supaya satu hari nanti mereka boleh berniaga sini. Kita ambil contoh sekiranya satu kawasan dapat 3,000 ekor ikan. Kadar *survival* ikan seharusnya 80%. Kalau daripada 3,000, 2,400 ikan akan membesar. Saiz jualan 200 gram lebih kurang ambil masa 2-3 bulan. Harga pasaran dengan harga pasaran RM6, RM8, kita ambil ikan keli, ikan yang paling tahan lasak. Campak-campak jadi. Campak-campak jadi. Kalau ikan lain, campak-campak mati. Jadi pendapatan boleh dijana setiap 3 bulan hampir RM4,800. Jadi dengan Projek Rintis daripada Exco, Exco Kanan ini kita bukan sahaja dapat *touch point* kepada rakyat. Bukan sahaja dapat memberi impak kepada kampung-kampung yang terlibat. Tetapi dapat sebarkan ilmu bagaimana untuk menternak ikan. Jadikan itulah peluang pendapatan kepada rakyat-rakyat kawasan saya. Jadi Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya mengucapkan syabas kepada semua jentera-jentera kerajaan yang bersama-sama menjayakan Belanjawan 2026. Dengan ini, Lenggeng menyokong Belanjawan 2026. *Wabillahi taufiq wal hidayah*. Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Waalaikumsalam WBT. Terima kasih Yang Berhormat Lenggeng. Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada saya megambil bahagian dalam sesi perbahasan berkaitan dengan Belanjawan Negeri Sembilan tahun 2026. Dato' Yang Dipertua, saya

menyambut baik semua inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2026.

Secara ringkasnya, terdapat 69 inisiatif dengan jumlah RM112.8 juta di dalam sembilan bidang tumpuan. Terdapat 46 inisiatif yang sedia ada dalam dengan RM70 juta dan 23 inisiatif dengan RM42.8 juta. Belanjawan tahun depan merupakan Belanjawan yang paling tinggi dalam sejarah Negeri Sembilan iaitu sehingga RM640 juta. Memandangkan Belanjawan tersebut atau defisit dalam angka yang tidak tinggi, saya amat yakin bahawa kekurangan hasil ini dapat dikutip daripada hasil-hasil yang lain. Saya juga ingin mengambil peluang ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat MB, YB EXCO Kanan, Barisan ahli-ahli MMK, ADUN-ADUN Kerajaan dan semua penjawat awam kerana telah rajin berusaha menjalankan tugas dengan baik sekali. Maka saya yakin pada tahun 2026, ekonomi Negeri Sembilan akan terus meningkat dan rakyat boleh hidup dengan lebih selesa. Dato' Yang Dipertua Dewan, rakyat Negeri Sembilan amat menanti-nantikan sesi Belanjawan ini. Mereka memang berharap kerajaan negeri akan melaksanakan inisiatif yang bakal dilaksanakan untuk meringankan kos beban kehidupan mereka. Di samping itu, rakyat juga berharap kerajaan negeri boleh menyalurkan lebih banyak kewangan melalui perbelanjaan pembangunan negeri. Seperti yang kita ambil maklum, pembangunan negeri tidaklah boleh tertakluk semata-mata daripada pihak swasta sahaja. Kerajaan negeri perlu memainkan peranan penting dan perlu membelanjakan kewangan yang banyak melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

Untuk tahun 2026, perbelanjaan pembangunan negeri adalah sebanyak RM150 juta. Angka ini, walaupun telah bertambah sebanyak RM15 juta, berbanding dengan RM135 juta pada tahun ini, tapi saya rasanya amat sedikit kerana kerajaan negeri mempunyai kewangan yang kukuh dan tinggi. Maka saya berharap kerajaan negeri boleh menambahkan perbelanjaan pembangunan ini memandangkan kita mempunyai rizab yang tinggi. Contohnya, untuk P56, projek-projek kecil di kawasan DUN, walaupun pada tahun depan peruntukan telah bertambah kepada RM7 juta, tetapi kalau dibahagikan untuk 36 DUN, setiap kawasan DUN hanya dapat lebih kurang RM195 ribu sahaja, tak sampai pun RM200 ribu. Dengan harga kos bahan yang tinggi, harga prun yang tinggi, dengan harga maksimum setiap projek mungkin lebih kurang RM30 ribu, maka kita hanya mampu menjalankan 6 projek kecil-kecil di sesuatu kawasan sahaja. Jadi ini adalah amat kecil. Dan jika kita menerima banyak permohonan daripada rakyat jelata di kawasan kita. P56 ini adalah amat penting untuk kita kerana impaknya amat besar sekali. Ia dapat menyelesaikan masalah rakyat seperti bumbung rosak, jalan rosak, ataupun longkang yang rosak dan sebagainya dalam masa yang singkat. Rakyat nampak impaknya dan usaha kerajaan negeri untuk membantu mereka. Jadi saya berharap setiap kawasan DUN sekurang-

kurangnya diberikan peruntukan RM200 ribu melalui P56 untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya adalah berkenaan dengan masalah perumahan Taman Bukit Zamrud, Temiang di mana masalah ini telah membawa banyak kali setiap persidangan di mana mereka-mereka ada membeli rumah jenis 2 tingkat tersebut. Rumah jenis 1 tingkat telah disiapkan tetapi rumah-rumah jenis 2 tingkat masih belum dibina oleh pemaju iaitu Dhaya Maju Infrastructure Asia di mana pembeli-pembeli telah tua, mereka tidak lagi mempunyai sumber pendapatan, tetapi masih perlu membayar pinjaman perumahan kepada bank, tetapi tidak dapat memiliki rumah tersebut. Jadi walaupun pihak EXCO telah mengadakan mesyuarat bersama dengan pemilik tanah dan pemaju, tetapi sehingga hari ini tiada penyelesaian. Pembeli-pembeli tunggu sahaja. Dan saya selalu ditanya-tanya macam mana perkembangan. Jadi mereka amat berharap kerajaan negeri menolong mereka. Saya nak tahu apakah status tanah tersebut. Sama ada masih dipegang oleh pemilik tanah ataupun telah dipindah milik kepada pembina perumahan tersebut iaitu Dhaya Maju Infrastructure Asia. Kalau sekiranya tanah tersebut tiada siapa pemilik, saya cadangkan kerajaan negeri supaya mengambil alih projek perumahan tersebut melalui PKNNS dan membina rumah tersebut kepada pembeli-pembeli rumah tersebut. Seperti yang telah dilakukan kepada pembeli-pembeli Taman Perpaduan Heights di Kuala Pilah.

Perkara ketiga adalah berkenaan dan cadangan saya untuk menaiktaraf keseluruhan saluran longkang di Jalan Tun Dr Ismail. Pada tahun ini, saya telah hantar surat kepada JKR iaitu bermula daripada Stesen Petrol Shell sehingga ke Kedai Jin Jang Lee Frozen Food. Saluran longkang tersebut telah tersumbat dan rosak. Setiap kali hujan, berlakunya banjir kilat di kawasan tersebut. Air akan melimpah ke permukaan jalan. Maka, kita telah menghantar surat permohonan. Jadi, saya nak tahu apakah status permohonan pelaksanaan kerja tersebut daripada JKR.

Perkara seterusnya adalah berkenaan dengan Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan. Untuk konteks ini, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri kerana setiap tahun, mereka yang mendapat keputusan kelas pertama telah diberikan anugerah sumbangan ini. Maka, sekali lagi, saya ingin mengambil peluang ini merayu dan bercadang kepada kerajaan negeri agar dapat memberikan sumbangan anugerah Siswazah Cemerlang ini kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan kelas pertama daripada Universiti Pengurusan dan Teknologi Tengku Abdul Rahman. Di mana universiti ini merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang bukan berkeuntungan. Saya menerima banyak permohonan daripada pelajar-pelajar universiti ini di mana mereka telah mendapat keputusan kelas pertama tetapi dimaklumkan universiti ini tiada dalam senarai IPTA

Anugerah Cemerlang daripada Yayasan Negeri Sembilan. Maka permohonan mereka pun ditolak. Ini amat mengecewakan mereka kerana mereka juga merupakan anak jati Negeri Sembilan dan daripada golongan yang berpendapatan rendah. Mereka telah rajin belajar sehingga memperoleh keputusan yang cemerlang. Jadi saya berharap kerajaan negeri menerima cadangan ini dan memberikan semangat kepada mereka.

Perkara seterusnya adalah berkenaan dengan perlombongan NRE di Negeri Sembilan. Saya ingin tahu berapakah lesen perlombongan ini telah diluluskan oleh kerajaan negeri di manakah lokasinya. Saya juga ingin tahu bagaimana pembinaan kilang-kilang perlombongan ini. Saya berharap kerajaan negeri mesti tegas dan memandang serius dalam isu ini. Saya juga ingin tahu bagaimana kaedah pembahagian keuntungan oleh kerajaan negeri dan pengusaha-pengusaha perlombongan ini. Begitu juga berapa lamakah tempoh lesen perlombongan ini adakah ia selama-lama ataupun ada had tempohnya. Saya berpandangan kerajaan negeri mesti memastikan semua kerja pembinaan, fasiliti dan peralatan perlu disediakan dengan peralatan-peralatan yang moden. Kita jangan kita khuatir kerana ia akan mendatangkan mudarat kepada penduduk-penduduk di negeri ini sekiranya pembinaannya tidak mengikut undang-undang.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga mengambil peluang ini, ingin tanya berapakah ganjaran kerajaan negeri terhadap atlet-atlet sukan yang telah berjaya mendapat johan di peringkat antarabangsa seperti Chin Tan Jie yang telah menjuarai kejohanan badminton bergu campuran dunia pada tahun ini. Begitu juga pemain-pemain wushu yang selalu mencapai johan di peringkat antarabangsa ataupun atlet-atlet sukan yang lain. Di mana mereka telah berusaha menghrumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Jadi saya rasa kerajaan negeri perlu memberikan ganjaran yang sewajarnya kepada mereka. Malah ada negeri-negeri yang telah mengurniakan mereka pingat-pingat tertentu. Untuk sukan ini saya suka bercadang kepada kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri di mana veteran-veteran bermain sukan boleh menggaji mereka di mana untuk mencungkil bakat-bakat muda atau dari segi dari muda lagi. Contohnya untuk Pusat Khidmat saya, saya telah bekerja bersama dengan seorang veteran bermain ping-pong di mana beliau telah memenangi banyak pingat dan juara di Malaysia dan sekarang saya berusaha dengan beliau untuk mengadakan latihan ping-pong untuk murid-murid sekolah rendah. Jadi dia sangat gembira di mana kita masih menghargai jasa beliau.

Jadi saya rasa usaha ini boleh diteruskan di mana ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka melakukan latihan sukan kos yuran bulanannya amat tinggi. Jadi saya mengkenakan yuran yang amat rendah veteran tersebut amat gembira dan bolehlah mencungkil mereka yang minat dalam sukan. Maka secara tidak langsungnya dapat meringankan beban ibu bapa dan dapat

melahirkan anak muda yang minat dalam bidang sukan masing-masing. Jadi saya rasa veteran-veteran sukan ini, mereka rela bekerjasama dengan pihak MSN, demi dapat membangunkan sukan di negeri ini. Permintaan mereka juga tidak tinggi, kerana mereka amat minat dalam sukan.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya berkenaan dengan jenis-jenis penutup *mainhole* yang kita selalu nampak di jalan saya pun selalu keliru kerana dulu penutup-penutup *mainhole* dia ada labelkan siapakan agensi, contohnya MBS, Indah Water ataupun Telco masing-masing. Tetapi sekarang langsung tak ada apa-apa label. Kita pun tak tahu kepunyaan pemilik itu siapa. Tetapi apabila berlaku penutup longkang terbuka ataupun rosak, kita pun marah tu kalau MBS sajalah. Tetapi kadang-kadang bukan semua MBS. Jadi saya rasa pihak berkuasa tempatan kena mengaturkan syarat ataupun mengenakan syarat tertentu supaya kita kenal pasti dari segi bulat ke kebenaran siapa, segi empat ke kebenaran siapa. Supaya kita boleh menyenangkan kerja-kerja kita apabila berlaku sesuatu kerosakan pada penutup *main hole* tersebut.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya berkenaan dengan perkhidmatan SWM Environment Sdn Bhd. Saya melihat perkhidmatan mereka masih ok tetapi dengan cara yang lama iaitu banyak menggunakan tenaga orang. Di mana untuk kerja-kerja pembersihan longkang di mana di fahamkan ada saiz longkang yang kecil, orang pun tak boleh masuk. Tetapi telah tersumbat dan menyebabkan banjir kilat berlaku di suatu kawasan. Jadi saya rasa mereka perlu meningkatkan, menukar cara perkhidmatan mereka dan menggunakan alat-alat yang moden, contohnya mereka memotong rumput. Rumput dipotong dan disimpan dalam beg. Tetapi beg pasir tu bungkusan beg pasir tu diambil selepas tiga hari kemudian. Jadi orang ramai akan mempertikai kenapa begitu lama jadi cara-cara ini saya berharap pihak PBT kena menyesuaikan syarat-syarat tertentu, syarat-syarat baru supaya orang nampak ada nampak penambahbaikan dan meningkatkan kecekapan pekerjaan mereka. Dato' Yang Dipertua, inilah beberapa cadangan saya. Maka akhirnya saya menyokong Usul Belanjawan. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Temiang. Yang Berhormat Juasseh.

YB ADUN Juasseh: *Bismillahirrahmanirrahim*, Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Negeri Sembilan bersih, muafakat sejahtera. Dato' Yang Dipertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Sikamat atas pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan tahun 2026 yang bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Negeri Sembilan bukanlah sebuah negeri yang besar dan berpendapatan negeri dan pendapatan negeri pun agak sederhana seperti di dalam

Belanjawan yang dibentangkan. Namun kerajaan negeri dapat membangunkan negeri di samping melaksanakan pembangunan infra dan modal insan kepada rakyat seperti dalam Inspirasi 2025 Warga Emas, Belia Berkahwin, Pelajar-pelajar IPT dan ini amat membanggakan kita. Tahniah sekali lagi daripada saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Datuk Sri Exco Kanan, Ahli-Ahli Exco, Pegawai-pegawai Kerajaan, pelaksana-pelaksana termasuk pemimpin-pemimpin Akar Umbi di seluruh Negeri Sembilan. Juasseh melihat Belanjawan tahun ini sebagai satu perancangan yang bukan sahaja memberi fokus kepada pembangunan negeri secara fizikal tetapi lebih penting ia menyentuh dan menyantuni keperluan rakyat Negeri Sembilan dari segi pendidikan, digital, komuniti serta masa depan anak negeri.

Dato' Yang Dipertua, pertama sekali Juasseh saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah meneliti isu infrastruktur yang dibangkitkan dan sedang diselenggara untuk kesejahteraan rakyat. Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi perhatian kepada komuniti felda kampung tradisi, masyarakat orang asli serta memperkasakan komuniti. Isu infrastruktur luar bandar tidak boleh dilihat sebagai isu sampingan ataupun infrastruktur ialah asas untuk rakyat asas ekonomi kecil dan asas peluang sosial di mana mereka tinggal. Di Juasseh sendiri saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu jalan kampung seperti di Juasseh Tengah ke Pelangai, harap dapat disegerakan naik tarafnya kerana ini jalan ulang alik masyarakat kampung dan sangat perlu dibaik pulih. Selain daripada isu perparitan dan cahaya penerangan jalan adalah juga antara isu infra yang sering dibangkitkan. Juaseh juga hari ini ingin membangkitkan semula jalan Seremban-Kuala Pilah. Saya berharap agar kerajaan negeri dapat memainkan peranan yang lebih efektif untuk mensegerakan jalan tersebut bersama kerajaan pusat, kerana isunya hari ini keadaan itu semakin teruk ,trafik itu daripada Juaseh sampai ke Pekan Kuala Pilah dan terus ke Bukit Putus dan kemalangan-kemalangan juga kerap berlaku. Saya berharap agar kerajaan negeri dapat mendesak kerajaan pusat untuk segerakan dan kita juga semua faham jalan itu bukan saja kegunaan masyarakat Kuala Pilah tetapi juga orang-orang Jempol dan juga mahu pun ke Jelebu malah jalan-jalan ini juga adalah penyambung kepada negeri-negeri di luar Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, Juasseh juga ingin memohon agar pihak SAINS mengambil tindakan bagi memperbaiki isu bekalan air yang bukan sekadar keselesaan tetapi keperluan asas rakyat. Masalah ini telahpun Juasseh bangkitkan pada sidang Dewan yang lalu. Isu bekalan air terputus dari kampung Terentang ke Pasir Ambo terutamanya di Pasir Ambo ianya kerap berlaku terutamanya pada ketika-ketika musim perayaan kenduri-kenduri kahwin. Saya berharap ianya dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera melalui inisiatif infra dalam Belanjawan 2026.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin sekali lagi menegaskan kita tidak mampu bercakap mengenai ekonomi masa hadapan, pendidikan berkualiti atau transformasi digital sekiranya internet di luar bandar masih belum stabil dan tidak berkualiti. Juasseh mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat khususnya MCMC atas usaha menaik taraf liputan internet untuk beberapa kawasan di Juasseh seperti di Jemapoh dan Taman Ridani dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Digital yang telah pun datang membina satu lagi pencawang di kawasan Orang Asli di DUN Juasseh. Namun ada satu je lagi Yang Berhormat EXCO, kawasan ini sangat memerlukan bantuan segera iaitu Taman Desa Putera Juasseh yang mempunyai liputan internet yang lemah dan ini memberi kesan langsung kepada pelajar sekolah terutamanya pelajar-pelajar SPM, komuniti wanita yang berniaga dari rumah serta anak muda yang mahu mencari peluang ekonomi digital di kawasan itu.

Dato' Yang Dipertua, belanjawan kali ini memberikan perhatian besar kepada pendidikan dan TVET dengan jumlah belanjawan sebanyak RM28.81 juta untuk pendidikan dan Juasseh amat menyokong hal ini kerana dunia pekerjaan hari ini tidak lagi bergantung kepada ijazah semata-mata, tetapi kepada kemahiran teknologi dan teknikal. Juasseh juga ingin mengusulkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan untuk mewujudkan TVET MicroHub di Juasseh sebagai pilot model di Negeri Sembilan. MicroHub ini berfungsi sebagai model pusat latihan kecil berasaskan komuniti yang menyediakan latihan teknikal dan vokasional secara lebih fleksibel dekat dengan masyarakat dan kosnya rendah terutamanya di luar bandar. Ia berfungsi sebagai *mini learning lab* atau *mini training center* dengan izin yang memberikan akses awal kepada latihan kemahiran, pusat otomasi ataupun pertanian malah pusat pemasaran digital juga untuk sokongan pertanian moden dan lain-lain tanpa memerlukan kampus yang besar.

Jika kita menyediakan, tidak menyediakan anak luar bandar dengan kemahiran yang baru ini, maka mereka sendiri akan menjadi masyarakat yang tertinggal di dalam Negeri yang sedang membangun. MikroHub ini juga boleh menyasarkan wanita luar bandar, belia lepasan SPM, komuniti orang asli, serta golongan yang ingin menambah kompetisi digital. Saya sangat berharap agar TVET MikroHub ini dimulakan di Juasseh sebagai projek perintis negeri, di samping itu dapat juga memperkasakan institusi yang ada di Juasseh iaitu dua kolej yang boleh dinaik taraf iaitu Kolej Yayasan di Gentam dan Kolej Vokasional di Pekan Juasseh.

Dato' Yang Dipertua, Juasseh menyambut baik komitmen kerajaan dalam memperbaikkan masjid, tambahan Elaun Imam, Guru Kafa, urusan pentabiran agama dan naik taraf kemudahan masjid. Di Juasseh, masjid bukan sekadar tempat ibadah tetapi juga pusat kebajikan, saluran pendidikan dan juga komuniti terutama dalam mengembangkan Syiar Islam. Juasseh

memohon agar beberapa masjid dan surau di Juasseh diberi perhatian segera termasuk penyelenggaraan elektrik, kebocoran, kemudahan OKU dan keselamatan masjid. Di samping itu, saya juga berharap pentabiran surau-surau yang berdaftar di seluruh Negeri Sembilan diselaraskan seperti penyelarasan pentabiran masjid yang lalu. Oleh yang demikian, pengurusan masjid dan surau di dalam kariah tersebut dapat kita selaraskan dengan baik dan kerjasama yang baik itu akan lebih mantap berlaku di DUN masing-masing.

Dato' Yang Dipertua, Juasseh juga menegaskan bahawa isu wanita, warga emas dan kanak-kanak adalah isu pembangunan negara, bukan isu sampingan. Didapati dalam belanjawan ini juga banyak perkara menyentuh untuk wanita dan kanak-kanak. Juasseh juga ingin mencadangkan program kesedaran keselamatan kanak-kanak, terutamanya seperti membenteras isu buli, pendidikan kesihatan reproduktif seperti yang telah saya cadangkan dahulu, pencegahan, penderaan juga perlu dirancakkan. Tambahan lagi, Negeri Sembilan sedang menuju ke negeri menua dengan 28, dengan 12.8% penduduk dalam berusia 60 tahun ke atas. Dan keadaan ini memberi kesan yang besar kepada wanita kerana beban penjagaan warga emas biasanya dipikul oleh mereka. Kajian menunjukkan 65% warga emas menghadapi 2 penyakit tidak berjangkit. Maka perkhidmatan kesihatan pemulihan dan penjagaan di rumah perlu diperkukuhkan termasuklah di DUN Juasseh. Pada masa yang sama, penuaan penduduk memberi peluang *silver economy* dengan izin dalam sektor penjagaan dan kesihatan yang boleh memanfaatkan wanita sebagai penyedia perkhidmatan. Justeru, sistem sokongan sosial untuk warga emas, wanita bekerja dan kanak-kanak perlu diperkasakan secara menyeluruh oleh kerajaan negeri terutamanya dalam belanjawan ini.

Dato’ Yang Dipertua, Juasseh berdiri menyokong penuh belanjawan ini kerana ia memihak kepada rakyat. Memihak kepada masa depan negeri, memihak kepada pembangunan luar bandar dan memihak kepada komuniti akar umbi. Sokongan ini juga datang bersama cadangan dari saya iaitu memperluaskan akses pendidikan luar bandar, memperkasakan TVET melalui inisiatif MicroHub TVET, memperkukuhkan infrastruktur digital luar bandar, meningkatkan penyelesaian infra dan juga memberikan fokus dan sokongan sosial kepada wanita, kanak-kanak dan warga emas. Dengan cadangan itu, Juasseh percaya belanjawan Negeri Sembilan 2026 akan lebih efektif dan benar-benar menyentuh kehidupan rakyat dari bandar ke kampung. Sekian wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Juasseh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti berehat. Nanti kita sambung perbahasan pada jam 2.30. Dewan Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.55 tengahari]

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.40 petang]

YB Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita sambung perbahasan Saya menjemput Yang Berhormat Lobak.

YB ADUN Lobak: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Dato' MK, baru makan tengah hari, pertang tawarkan durian MK, nampak semua makan durian MK, saya ingat Dato' petang takda, tapi Dato' MK dekat Dato' *Speaker* yang hebat sekali bersama kita, tapi lain mungkin semua makan MK sudah pergi rehat lah tu. Takpa Dato' YB *Speaker*, terima kasih beri peluang saya untuk berbahas dalam Belanjawan peringkat yang ketiga Tahun 2026.

Dato' *Speaker*, Belanjawan Negeri Sembilan 2026 khususnya berkaitan peruntukan Pendidikan, satu elemen penting dalam membentukkan masa depan generasi kita, merentasi semua kaum. Dato' *Speaker*, saya sambungkan pantun yang berikut:

Gunung tinggi tempat beradu,
Rembang hijau tempat bersemi,
Anak bangsa hadapan kita selalu,
Pendidikan kukuh negeri dihormati.

Dato' *Speaker*, peningkatan peruntukan bantuan sekolah satu langkah positif, tetapi pandangan saya belum mencukupi lagi. Ha bila cakap ni ha Senaling pandang saya kerana pendidikan memang peruntukan bantuan sekolah tu belum cukup. Saya mengucapkan penghargaan kepada kerajaan kerana terus bersalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah. Tak salah saya lebih kurang 7 buah sekolah tahfiz di Negeri Sembilan ini 80 lebih sekolah SRJKC, 60 lebih sekolah jenis kebangsaan tamil dan 2 buah sekolah swasta di Negeri Sembilan ini. Peruntukan meningkat dari RM2 juta tahun 2025 kepada RM2.5 juta tahun 2026. Inilah ada satu perkembangan positif, namun jika dibanding dengan jumlah keseluruhan peruntukan pendidikan sebanyak RM28 juta jumlah RM2.5 juta ini kurang dari 10% kurang dari 10%. Setengah sekolah-sekolah tersebut mengandungi berbagai keperluan berbangunan dan persediaan yang semakin mendesak. Dato' *Speaker*, realiti di sekolah-sekolah berkenaan, kos semakin meningkat, banyak sekolah menghadapi kritikal. Khasnya kos pembinaan bangunan yang semakin tinggi, bumbung bocor, sistem elektrik usang, kelas kekurangan kipas atau tandas masalah tandas

dan lampu dan lain-lain. Semua ini memperlukan tindakan segera demi keselamatan murid.

Yang kedua kelas yang bertambah atau kelas yang kena *upgrade.* Bukan sahaja di tahfiz sekolah SRJKC atau SRJKT sama kena diutamakan. Yang hanya sekolah tahfiz banyak sekolah tahfiz beroperasi di bangunan sewa mempunyai risiko keselamatan dan memerlukan bantuan naik taraf yang lebih stabil. Sama juga di sekolah tamil di sekolah china juga SRJKC lagipun sekolah yang menengah persendirian, seperti Sekolah Chung Hua Templer kawasan saya atau di PD Sekolah Chung Hua PD, swasta sebagai sekolah komuniti mereka tidak menerima bantuan penuh kerajaan Persekutuan. Sokongan negeri sangat penting walaupun kesahihan dari Sikamat, Sekolah Chung Hua dapat RM30 ratus ribu tapi bila dia bagi tu orang akan pandangan lain. Tapi saya sini akan *menghighlightkan* isu pendidikan bukan isu kaum, kami kena bertimbang dengan seimbang dia. *So* kami harap menjagakan keadilan untuk semua kaum pendidikan sebagai pelaburan negeri. Saya ingat menggesakan disini bahawa isu pendidikan bukan isu kaum anak Malaysia anak Melayu anak Cina orang India semua adalah anak Negeri Sembilan. Pewaris masa depan negeri. Inilah semangat Madani. Peruntukan pendidikan bukanlah perbelanjaan. dia bukan perbelanjaan, dia merupakan satu pelaburan jangka panjang untuk mengurangkan kemiskinan kerana Sikamat utamakan mengkurangkan kemiskinan di Negeri Sembilan ni. Syabas dan taniah dapatlah sifar tapi pendidikan sama kena diutamakan. Jadi kami harap, harap yang peruntukan ini memastikan setiap sistem sekolah sama ada tahfiz, SJKC, SJKT atau sekolah swasta berikan sokongan yang cukupi dan adil. Inilah kalau tak salah saya inilah janjian kerajaan perpaduan kita. Ataupun janjian Pakatan Harapan atau Kerajaan Berpaduan. *So* kami harap perjanjian ini kena ditunaikan kena ditunaikan. Tak akan sampai Tahun Pilihanraya, kami baru cakap nak tunai atau nak utamakan. Kami kena *consistenly* dengan izin dia menyokong sekolah tahfiz, sekolah tamil dan sekolah cina di negeri kita ini khasnya yang dewan kita ini, kami utamakan pendidikan generasi kita.

Dato' *Speaker* cadangan untuk belanjawan jikalau boleh walaupun telah dibentangkan oleh Sikamat tapi haraplah tahun jikalau tak boleh berjaya tahun 2027 bolehlah bergandakan, bergandakan bahawa sekolah tahfiz, sekolah tamil, sekolah cina sama-sama dijaga dengan baik sekali. Tak akan anak kita ini dalam tempat yang belajar dengan risiko yang tinggi atau dalam tempat yang kurang baik dalam sistem pendidikan kita ini. Dato' YB *Speaker*, kami pun walaupun kami faham dalam belanjawan kali ini ada tabung penyelenggaraan sekolah, tapi RM1 juta ni tak cukup kerana selain itu kami faham di SK pun kena ada tanah untuk penyelenggaraan tapi kalau yang terpakai itu macam mana sekolah tahfiz macam mana sekolah cina macam mana sekolah tamil. Jikalau tak salah saya, jikalau saluran ini saya harap dapat jaga dengan seimbangnya. Kerana anak melayu ada anak saya anak

india pun anak saya orang cina pun anak kita ini. Kami sama-sama kena diutamakan.

Dato' YB *Speaker* kami pun harap kerana kerajaan kami beradakan digital sekolah-sekolah yang tadi saya sebutkan ini sekolah tahfiz ke sekolah tamil, sekolah cina pun kena *upgrade* dengan sistem digital. *So* perbelanjaan memang tinggi *so* kami harap kerajaan ni jikalau boleh bagi tahun akan datang 20 bajet 2027 boleh meningkatkan bantuan sekolah ini dan dengan isu pendidikan ni saya dengan pantun bertutup macam ni;

Pohon rendah tempat berlindung,
Akar kuat tak mudah koyak,
Peruntukan adil kita tunjuk,
Agar semua anak maju dan berjaya.

Inilah padangan saya kami harap kerajaan perpaduan ni mengutamakan yang saya suarakan di dewan yang mulia ini.

Dato' YB *Speaker*, tadi cakap yang program tegar miskin kerajaan bercapai dengan sifar, saya sini nak ber *highlight* izinnya bahawa keluarga miskin di Negeri Sembilan ini kami harap diutamakan. Dengan makluman Negeri Sembilan telah mencapai sifar miskin, dalam sejak Februari 2025, berdasar BGK Negeri Sembilan 2022 yang itu RM2,402 sebulan. Serta sifar miskin tegar sehingga 15 Oktober 2025. Namun terdapat 2,969 ketua isi rumah mudah miskin juga yang masih berisiko jatuh miskin kembali ke dalam kemiskinan terutamanya isi rumah dengan pendapatan perkapita sehingga RM500. *So* inilah cabaran yang paling utama sekali kerana pendapatan tidak stabil bagi KIR produktif. Kami harap yang isi keluargannya boleh *consistently* dengan izinnya berterusan betul-betul mengeluarkan miskin tegar. *So* apa cara dia untuk menolong mereka keluar dari miskin tegar kerana kos sara hidup sekarang ini meningkat, khususnya makanan, utiliti dan penjaga anak. Lepas tu kekurangan kemahiran. Kekurangan ni dia miskin yang utama sekali mereka kurang kemahiran. *So* lagipun apalah kita boleh bantu mereka tadi kemahiran, yang ini utama. Aset terhadap modal kecil dan tolonglah mereka dalam perniagaan atau yang lain tengok yang utama sekali bagi peluang kerja untuk yang golongan miskin tegat ni, janji mereka dapat kerja dengan maksima gaji yang ada memang lah dia akan keluar dari miskin tegar. Kalau tidak kami secara bantuan saja bila dia bantuan nampak dia sifar miskin tegar lepas tu bulan yang depan tu apa tetapi mungkin dia menghadapi masalah yang sama. Masuk balik ke miskin tegar. *So* kami harap kerajaan memantau atau mengutamakan kemungkinan yang mungkin akan ulang lagi bagi yang golongan miskin tegar ni.

So Dato' Yang Dipertua, kami berharap kerajaan boleh melalui latihan kemahiran menempatkan kerja. Inilah macam Giat MARA atau *HRD*

Corporate Kolej Vokasional dan industri tempatan bahawa HR bolehlah buat satu point untuk jalan *point,* khasnya macam di kawasan saya kawasan Lobak yang PPRT tu paling ramai orang miskin. Kami harap dan menaruhkan kedatangan ah Jabatan Hal Ehwal Kemanusiaan masuk ke tempat ni beri bagi peluang kerja biarkan mereka ada kerja sampaikan tak akan mereka jadikan golongan miskin. Inilah satu cara satu contoh yang di, yang boleh diadakan. Dato' Yang Dipertua, yang ini tentang kemiskinan.

Lagi yang ketiga saya nak *highlight* ini ialah SAINS. Kerana hari pertama saya tanya SAINS dengan keadaan paip, tapi yang untuk bahas ini saya akan cadangkan skim bantuan tarif air untuk keluarga **rentan** di Negeri Sembilan ini. Kerana kita nampak SAINS bawa bimbingan team SAINS sekali tadi yang kerugian sampai sekarang sudah untung. Syabaslah kepada ADUN Sikamat Yang Amat Berhormat kerana sudah beruntung kami harap mungkin mungkin boleh buat sikit bantuan tarif air untuk B40. Saya cadangkan sekarang bukan semualah kerana sekarang bantuan air memang ada subsidi air 20 meterpadu daripada yang golongan yang bawa list e-kasih bukan semua B40. *So* kami harap harap yang SAINS boleh dari data dia bantulah semua golongan B40. Inilah yang satu-satu cara untuk mengurangkan beban subsidi atau beban untuk bayar bil air dari golongan yang B40 ini. Dato' Yang Dipertua, kerana ini adalah satu peluang untuk SAINS buat CSR bahawa SAINS sudah untung dia boleh buat baik untuk CSR rakyat ha mungkin ha Dato' Yang Amat Mulia boleh berunding percadangan ini.

Dato' Yang Dipertua, saya nak *highlight* lagi satu bertambah baik yang tapak kubur cina kerana hari itu Temiang ada bersuarakan bahawa kubur tanah kubur cina, saya sini nak buat penjelasan bahawa dulu saya Hal Ehwal Bukan Islam, saya ada buat kajian kerana di Negeri Sembilan ini ada sebanyak 77 tapak kubur cina, dan kubur cina ini 40% tinggi tak ada tak ada orang yang berkeluarga dia, tak ada pengurus. *So* jadi yang tapak kubur ini menjadi macam semak-semut. Dia pun ada ada komplain tadi kesihatan tempat untuk denggi, nyamuk denggi. *So* kami harap harap jikalau boleh jikalau boleh kerajaan mensalurkan tanah perniagaan supaya membantu yang tanah-tanah kubur ini, yang dapat yang pendapatan kekurangan atau yang kekurangan itu boleh dapat tanah untuk menaik taraf jadikan tapak kubur cina ini tak akan nampak semak-semut atau terbiar saja. Inilah maklumat jikalau salah saya inilah maklumat kerajaan perpaduan kita ini. Dato' Yang Dipertua, saya pun ingin angkat peluang ini memohon agar kerajaan Negeri Sembilan meningkat tradisional yang tak ada operasi itu mencarikan satu operasi untuk menguruskan kerja-kerja di kubur cina. Lepas itu kami pun berharap kerajaan boleh bagi pulang yang kubur cina yang sedia ada menambahkan kemudahan termasuk pembinaan kolumbarium dan rumah abu kerana kematian sekarang lama tak ada. Sekarang tu kasi pulang mereka membina rumah abu bahawa rumah abu ini dia ataupun tapak pengkebumian hijau, *green barrier atau eco-barrier* dengan izinnya. Ruang ini

menyebabkan abu secara tanaman *memory* inilah pernah berlaku di Nilai. Nampak diterima oleh masyarakat cina ha tapi dengan cara ini dia menjimatkan tanah, kerana kami selalu di, ada suara tadi masyarakat cina bahawa tanah kubur kurang. *So* kami dengan cara rumah abu ini atau dia e-barrier itu dengan masuk abu dalam tanah, dia menjimatkan tanah. *So* nampak kerajaan kita ini dapat ha membantu masyarakat cina tentang yang tanah kubur. *So* yang tanah abu, rumah abu dia dapat mengurangkan beban kos rendah. Kos untuk rakyat kerana ramai orang cina pun ada ramai orang M40, B40 kerana di kubur swasta memang harga dia berbeza sebab banyak tinggi. Sudah jadi satu simptom yang tak baik di masyarakat cina. Saya boleh cakap ikhlas sekali, dulu saya pernah suara di sini nak mati tak ada wang pun tak boleh mati. *So* kami harap kerajaan yang ber yang susah nak bukanlah dia banyak kos, tak ada kos mati itu dia tradisional itu dia kena bayar kos yang tinggi. *So* kami harap kerajaan ini boleh bantu masyarakat cina bahawa kami sokong dengan rumah abu dengan itu eco-barrier, pengebumian yang hijau. Inilah dapat membantu bukan sahaja menjimatkan tanah, dia pun membantu orang-orang yang miskin orang-orang yang kurang upaya untuk menselesaikan bila dia, atau ahli keluarganya dapat membantu mereka menyelesaikan lepas mati mengkebumi di tanah itu.

Dato' YB *Speaker*, kami pun harap kerana 77 kubur cina ini kami susah buat *survey* jalan pun tak ada kadang-kadang dia jalan pagar pun dirosak, sampai lembu masuk. *So* ini satu tanda yang tak baik untuk orang yang mati di tapak kubur cina ini. *So* kami harap kerana kerajaan kita ini memang berutamakan kubur-kubur, nampak kubur melayu dengan kubur kristian dia jaga baik oleh PBT. Dengan baik sekali, rumput panjang tak ada, rumput lalang pun tak ada. *So* kami harap walaupun ini kubur cina ni yang tradisional ni selama sebelum merdeka mereka pun sudah jaga. Tapi nampak saya minta maaf cakap sikitlah kerana kekurangan *income* tadi yang pengurusan yang di khasnya di luar bandar mereka tak mampu nak jaga dengan tapak kubur cina ini. Sampai nak potong rumput ni mereka pun tak mampu. Dia hanya spraykan itu ubat sahaja jadikan nampak tak tak senonoh, yang sebetulnya di tapak kubur cina. Tapi tapak kubur orang islam atau tapak kubur kristian nampak dia susun baik sekali. Tapi tak nampak rumput lalang, lagipun selenggaraan pun nampak dengah cara yang patut sekali. *So* kami harap kerajaan kalau boleh bantulah ha kubur cina yang *tradition* ini sampai dia sampai setaraf macam kubur melayu, kubur islam atau kubur kristian. Inilah satu tanda untuk kehormatan orang yang meninggal dunia.

Dato' Yang Dipertua, saya pun menyokong saudara Lenggeng bahawa BAN dengan BAS. Saya faham BAN dengan BAS dia ikut senarai e-kasih, tapi sama juga saya dengan saudara Lenggeng memang kawasan kita ni mungkin kekurangan atau data yang kekurangan tu tak cover 100%. Yang budak-budak yang rumah atau ahli keluarga yang kurang *income* atau yang masih di bawah e-kasih atau belum daftar di e-kasih. *So* kami harap saya cadangkan

yang penuh cinta kasih itu sama beri kasi kuasa ke ADUN, 10 orang cukup kerana dia tertinggal tak ramai, mungkin 10 orang, kami cadangkan dan bagi kuasa ADUN cadangkan nama dia dan wang itu sampai keluarga yang betul-betul miskin. Itulah pandangan saya. Saya harap perkara ni kerana kalau tak salah saya bukan kali pertama bersuara di dewan yang mulia ni. Harap kali inilah boleh ditunaikan kerana di e-kasih saya maklumkan memang e-kasih *list* betul, tapi mungkin dia ada kekurangan tak cover 100%. Saya hanya minta 10 orang 36 DUN sini pun hanya 360 orang sahaja. Tadi sudah kira tak sampai 15% tadi tanah tu. *So* kami harap wang yang sepatut sampai orang yang memang-memang susah tu berilah kuasa untuk setiap DUN. Kami akan pantau dengah sekali *i think* buat *report* ke laporan ke boleh buat *detail.* Takda masalah. Tapi dapat bantuan dengan bersama rakyat.

Dato' YB *Speaker*, yang itulah sampai dah dari Lobak, saya ucap tahniah kerana Sikamat membentangkan satu bajet yang paling baik sekali. Berdekat dengan rakyat, kami harap tadi nampak yang tu bantuan warga emas walaupun tak ada dalam risalah ni tapi kami baca tadi skrip tu memang ada kerana bantuan warga emas ni dapat sokongan yang paling hebat sekali, kerana orang tua ni dua berturut-turut tahun dapat bantuan. Orang tu sampai pejabat saya, khidmat saya, pusat khidmat saya memang walaupun RM200 ada sebahagian orang dia tahu dua ratus dia derma untuk pusat. Dia pun tak mau wang itu, tapi dia berasa kerajaan perpaduan tu prihatin mereka, *so* kami tahniahlah berterusan dengan insentif warga emas ni. Sekian lagi terima kasih dan tahniah dan saya sokong Bajet 2026 ni. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Lobak. Saya jemput Yang Berhormat Jeram Padang.

YB ADUN Jeram Padang: Terima kasih Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Utama Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan atas kejayaan Pembentangan Belanjawan 2026 Negeri Sembilan pada hari Jumaat yang lalu. Ibarat nakhoda yang bijaksana mengemudi bahtera. Saya yakin dengan kekuatan kerajaan perpaduan setiap agenda yang dirangka ini yang dirangka ini dapat direalisasikan hasil kerjasama erat di antara pimpinan dan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional. Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan menyatakan sokongan saya terhadap bidang tumpuan 4 terutamanya berkaitan inisiatif pencahayaan kampung dan kampung orang asli dengan peruntukan satu juta.

Tuan Yang Dipertua, DUN Jeram Padang terdapat sebelas buah kampung orang asli yang sangat memerlukan kemudahan pencahayaan. Biar kecil tapak tangan nyiru saya tadahkan. Kerana inisiatif ini memenuhi keperluan asas dan menyentuh aspek keselamatan rakyat yang kita perjuangkan.

Pencahayaan yang baik bukan saja membantu anak-anak orang asli bergerak ke sekolah dalam keadaan selamat malah dapat mengurangkan risiko kemalangan, salah laku dan ancaman keselamatan. Bak kata pepatah terang itu membawa selamat, gelap itu mengundang mudarat. Saya percaya melalui pemantauan rapi dan pelaksanaan menyeluruh inisiatif ini akan menjadi salah satu langkah sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Dalam memperbaiki kesejahteraan komuniti orang asli. Dengan sokongan kerajaan negeri serta jabatan teknikal saya yakin agenda ini akan dapat direalisasikan dengan jayanya. Tuan Yang Dipertua, saya turut menyambut baik peruntukan RM100 ribu untuk menjayakan Karnival Orang Asli Negeri Sembilan, kerana ini merupakan buat kali pertamanyalah diadakan karnival untuk masyarakat orang asli. Karnival ini adalah *platform* penting untuk mempromosikan budaya warisan orang asli, tak kenal maka tak cinta. Maka usaha ini membuka ruang rakyat untuk mengenali adat seni dan identiti masyarakat orang asli. Namun tuan yang dipertua, saya mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan peruntukan tambahan bagi membangunkan sebuah pelancongan perkampungan orang asli dengan izin *living cultural village* sebagai produk pelancongan termasuk rumah tradisional orang asli, peralatan adat dan budaya, demonstrasi seni dan kraf, pameran dokumentasi komuniti, tapak demonstrasi aktiviti tradisi. Konsep ini mampu menjadi tarikan pelancongan utama sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Maka warisan orang asli wajar dijunjung sebagai aset negeri. Saya turut mencadangkan penubuhan *homestay* bertemakan rumah orang asli diadakan. Ini akan memupuk dan menjemput pengunjung-pengunjung benar-benar dapat merasai dunia dan kehidupan komuniti orang asli. Ia membuka peluang ekonomi dan memberi manfaat langsung kepada keluarga orang asli sendiri. Usaha ini bukan sahaja memelihara budaya bahkan sambil menyelam minum air kita memacu ekonomi setempat melalui pelancongan komuniti. Namun Yang Dipertua di tempat saya ini di Kampung Orang Asli Kelebang, saya mendapat aduan yang tidak putus-putus kerana Kampung Orang Asli Kelebang ini telah dijadikan tempat pengumpulan anjing liar yang telah ditaja oleh NGO yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya mohon pihak berkuasa perlu bertanggungjawab dan bertindak kerana telah mendapat banyak aduan daripada masyarakat kampung orang asli di sini. Jadi kalau kita tidak ambil tindakan seterusnya ia akan mengundang bahaya terutamanya keselamatan anak-anak dan kesihatan sekitar kampung tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh peruntukan RM750,000 bagi naik taraf pasarana awam dan pembaikan infrastruktur Felda di Negeri Sembilan. Sebagai ADUN bagi kawasan yang mempunyai beberapa gugusan Felda, saya menyambut baik peruntukan ini, namun kemana tumpahnya ke kuah kalau tidak ke nasi. Felda tetap memerlukan perhatian khusus kerana peranannya dalam peranannya yang besar dalam penggunaan luar bandar antara keperluan mendesak Felda yang pertamanya ialah penggantian paip

air yang telah uzur. Paip yang digunakan sejak puluhan tahun menyebabkan kebocoran dan gangguan bekalan air. Ini semua kawasan Felda mendapat masalah yang samalah Tuan Yang Dipertua. Keduanya pembinaan tangki simpanan air tambahan bagi kestabilan bekalan terutamanya pada waktu puncak. Contohnya pada hari perayaan di Felda ini rata-ratanya masyarakat orang Melayu. Maknanya pada hari raya akan berduyun-duyun *WhatsApp* mengatakan masalah gangguan air contohnya di Felda Palong 2 dulu ada pembinaan tangki air yang telah dibina oleh pihak Felda, setahu saya, tapi hari ini menjadi projek gajah putih kerana telah ditamatkan kontraknya. Jadi tangki air itu telah tidak tak turus dan terbiar begitu saja alangkah ruginya duit rakyat apabila kita membiarkan saja projek yang hanya tinggal 10% untuk disiapkan. Saya mohon pihak yang bertanggungjawab terutamanya Felda harap dapat selesaikan dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah tersebut. Yang ketiga baik pulih rumah peneroka uzur. Rumah generasi pertama Felda yang mengalami kerosakan struktur yang memerlukan bantuan Kerajaan. Yang keempat bantuan rumah peneroka terkesan bencana seperti ribut, banjir dan kebakaran yang telah berlaku di kawasan Felda khususnya di Jeram Padang. Ini ditambah lagi Negeri Sembilan mempunyai 49 tanah rancangan Felda yang paling banyak di dalam Malaysia. Maka peruntukan ini wajar ditambah bagi memastikan semua kawasan menerima manfaat yang adil dan seimbang.

Tuan Yang Dipertua, sebagai tambahan dalam perbahasan petang ini, saya ingin menarik perhatian dewan kepada satu isu yang semakin mendapat rungutan dalam kalangan perniaga kecil di daerah Jempol, khususnya berhubung *charge* pembaharuan permit dan lesen perniagaan di bawah Majlis Perbandaran Jempol. Baru-baru ini beberapa perniaga telah mengemukakan kepada saya bil bayaran yang menunjukkan peningkatan *charge* atau *charge* tambahan yang dirasakan membebankan seperti *charge* berkaitan pemasangan *awning*, pemasangan papan iklan, ubah suai pejabat, ubah suai kedai, sehingga jumlah keseluruhan mencecah ratusan ringgit. Tuan Yang Dipertua, peniaga kecil adalah nadi kepada ekonomi setempat, maka beroperasi dalam margin keuntungan yang kecil dan sebarang peningkatan kos walaupun sedikit boleh memberi kesan besar terhadap kelansungan perniagaan mereka. Bak kata perpatah yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing. Maka kita perlu memastikan dasar dan *charge* yang dikenakan tidak menambah tekanan kepada mereka. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar MPJL menjalankan kajian semula terhadap struktur *charge* pembaharuan lesen ini. Dengan mengambil kira pertamanya kemampuan peniagaan kecil, khususnya di pekan-pekan kecil seperti Rompin, Bahau dan kawasan luar bandar. Keduanya kesesuaian kadar *charge* dengan keadaan ekonomi semasa dan kos sara hidup rakyat. Ketiga penyelarasan semula *charge* yang tidak munasabah atau tidak jelas justifikasinya. Keempat meneliti mekanisme pengecualian atau diskaun bagi perniagaan mereka yang terkesan. Ini isunya sebelum ni peniaga kecil ni

bayar setiap tahun RM135 sebagai contohlah. Selepas ada pembaharuan permit ni semalam dia *whatsapp* saya bil yang dikenakan oleh peniaga ni oleh MPJL cecah RM850, yang perlu dibayar setiap tahun, bukannya sekali. Charge pasang *awning,* ubah suai *partition* dalam pejabat, ubah suai saya rasa tak masuk akal lah kalau kita nak *charge* pun sekali takpelah, ni setiap tahun, setiap nak *renew* lesen, saya rasa tak patutlah Yang Dipertua, saya harap MPJL kaji semula supaya jangan menimbulkan imarah rakyat kepada kerajaan negeri. Ni saya merayu sebab aduan ni dah banyak yang saya terima semalam. Kita tidak mahu *charge* ni menjadi punca kegusaran peniaga sehingga menjejaskan perniagaan mereka, jika terlalu membebankan ada yang mungkin memilih untuk berhenti berniaga, sedangkan kerajaan negeri menggalakkan usaha memperkasakan ekonomi rakyat. Contohnya membagi sumbangan TUNS yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang amat Berhormat Dato' Seri Utama. Jadi kalau kita teruskan juga maknanya kita punya agenda ataupun dasar kerajaan Negeri Sembilan tidak sampai. Tuan Yang Dipertua, saya percaya bahawa dengan semakan semula *charge* ini kita dapat membantu memastikan kesinambungan peniaga-peniaga kecil seterusnya mengukuhkan ekonomi tempatan seiring dengan semangat Belanjawan Madani yang menitik beratkan kesejahteraan rakyat.

Dan semalam saya ada dengar perbahasan daripada DUN Gemas ada membuat aduan mengenai jalan berlubang di Persimpangan Pasir Besar. Jadi saya mohon pihak JKR mengambil tindakan kerana ia telah mengganggu kelancaran pengguna jalan raya di kawasan tersebut, dan kawasan persimpangan itu merupakan kawasan yang sering berlaku kemalangan. Jadi saya nak menyampaikan hasrat saya dan Gemas sama ni sebab kami ni DUN sebelah-sebelah dan saya juga mohon kepada pihak JKR daripada jalan daripada Rompin ke Pasir Besar jalannya telah diturap dengan cantik, terima kasih. Cumanya perabot jalan seperti *gag rail* ada infrastruktur jalan seperti *rubber wall* longkangnya telah rosak. Jadi kita mohon supaya diperbaiki dan kalau boleh diletaklah pencahayaan lampu, sebab di kawasan itu kawasan jalan lurus, semua kereta laju yang sering berlaku kemalangan di persimpangan sebab tak sempat nak *brake* tiada amaran dan selalu orang akan membuat pusingan 'U' di depan kedai tomyam tu. Itu yang selalu berlaku. Jadi saya harap pihak JKR kaji dan mengenalpasti punca-punca kemalangan berlakunya ketidakpuashatian daripada pengguna jalan raya.

Tuan Yang Dipertua, sebagai wakil rakyat Jeram Padang, saya berdiri di sini dengan amanah untuk menyuarakan keperluan kampung-kampung tradisi Felda, taman perumahan dan 11 kampung orang asli. Segala cadangan ini bukanlah untuk mencari nama tetapi demi kepentingan rakyat. Biar putih tulang, jangan putih mata. Saya mohon kerajaan negeri meneliti dan mempertimbangkan segala perkara yang telah saya bangkitkan, demi memastikan Belanjawan 2026 benar-benar menyentuh denyutan nadi

rakyat. Jeram Padang akan terus menyokong setiap dasar yang memberi manfaat kepada rakyat dan akan terus bersuara apabila perlu demi memastikan tiada komuniti yang tertinggal. Dengan penuh hormat saya sudahi perbahasan ini dengan serangkap pantun.

Padi menguning di hujung bendang,
Angin bertiup membawa harapan,
Suara rakyat Jeram Padang,
Menjadi amanah saya perjuangkan.

Sekian Jeram Padang menyokong Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Terima kasih Yang Dipertua.

YB Yang Dipertuua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Jeram Padang. Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lukut: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi ruang saya selaku Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Lukut untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 serta usul Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2026 Negeri Sembilan. Saya menyokong usaha kerajaan negeri menyediakan belanjawan yang berhemat, berfokus dan berpaksikan kesejahteraan rakyat. Namun demikian terdapat beberapa perkara yang wajar diberikan perhatian agar peruntukan yang kita luluskan benar-benar memberi impak terhadap pembangunan inklusif dan mampan. Yang pertama berkenaan dengan pembangunan ekonomi setempat. Lukut merupakan kawasan yang berkembang pesat dengan aktiviti perdagangan pelancongan dan perumahan. Justeru itu saya mengaluk-alukan peruntukan yang berfokuskan pemerkasaan perindustrian kecil dan sederhana. Peningkatan ekosistem pelaburan serta penambahbaikan infrastruktur sokongan ekonomi. Namun saya ingin menegaskan pentingnya strategi pembangunan yang lebih tersusun. Khususnya dalam memperkukuhkan sektor pelancongan warisan dan budaya di sekitar Port Dickson, Lukut. Pembangunan ini bukan sahaja menambahkan nilai ekonomi malah mengukuhkan identiti tempatan. Saya berharap jabatan dan agensi berkaitan dapat memastikan peruntukan yang disediakan benar-benar sampai kepada pemain industri kecil dan komuniti setempat.

Yang kedua aspek infrastruktur dan kemudahan asas yang terus menjadi keutamaan bagi rakyat Lukut. Saya menyambut baik usaha kerajaan menaik taraf jalan sistem saliran dan kemudahan awam. Namun saya ingin menyarankan supaya perancangan pembangunan mengambil kira keperluan untuk jangka panjang yang terutama sekali bagi kawasan yang mengalami pertumbuhan pesat penduduk. Masalah banjir kilat, kesesakan lalu lintas dan kekurangan kemudahan komuniti yang tidak boleh lagi ditangani secara

reaktif. Dengan adanya peruntukan pembangunan 2026 saya berharap pendekatan holistik yang melibatkan kajian kejuruteraan, perancangan bandar dan penyertaan rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik. Dan yang ketiga saya ingin menyentuh berkenaan isu kesejahteraan sosial, khususnya yang melibatkan Pendidikan, kesihatan dan keselamatan komuniti. Lukut mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan kita memerlukan pengukuhan perkhidmatan awam di peringkat tempatan. Saya memohon agar perhatian diberikan terhadap keperluan menambahkan baik fasiliti sekolah, klinik kesihatan serta program-program intervensi sosial terutamanya bagi golongan rentan dan belia. Perbelanjaan pembangunan harusnya selari dengan matlamat meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan jurang sosio ekonomi.

Dato Yang Dipertua, Lukut ingin membangkitkan beberapa isu dalam dewan yang mulia ini, berkenaan di kawasan Lukut. Yang pertama saya ingin membangkitkan isu yang sangat membimbangkan masyarakat iaitu isu ketiadaan guru, ketidakberadaan guru dalam kelas semasa waktu pengajaran dan pembelajaran, yang semakin kerap dilaporkan oleh ibu bapa dan pentadbir sekolah di kawasan Lukut dan Port Dickson. Dato Yang Dipertua, murid hadir ke sekolah dengan harapan mendapat bimbingan yang sepatutnya tetapi apabila guru tiada dalam kelas sama ada kerana dipanggil untuk menghadiri mesyuarat, diarahkan untuk menjalankan tugas pentadbiran atau itu pun terlibat dalam kursus yang dijadualkan pada waktu sekolah dan murid dibiarkan tanpa halatuju. Ada kelas yang terbiar 20 hingga 40 minit tanpa pengawasan dan situasi ini bukan sahaja menjejaskan disiplin malah menyebabkan kehilangan jam pembelajaran. Sesuatu yang saya rasa kita tidak boleh mengkompromikan. Saya ingin menegaskan bahawa guru bukanlah punca masalah. Mereka sering ataupun mereka sendiri sering mengadu bahawa beban kerja pentadbiran semakin meningkat. Sehingga menjejaskan fokus mereka terhadap pengajaran. Dan kekurangan guru ganti juga, jadual kursus yang tidak sistematik serta arahan *last minute* dengan izin daripada pihak atasan adalah faktor sebenar yang menekan sistem Pendidikan.

Oleh itu saya mencadangkan beberapa langkah segera. Yang pertama mengurangkan mesyuarat dan kursus pada waktu puncak PDP dengan garis panduan yang lebih ketat daripada Kementerian. Yang kedua menambahkan peruntukan untuk guru ganti di sekolah yang mempunyai saiz murid besar. Yang ketiga mewajibkan rekod kelas tanpa guru dilaporkan kepada PPD untuk pemantauan terus. Yang keempat membenarkan PIBG mengambil guru pengantian semasa ketiada beradaan guru tertakluk situasi kewangan pihak PIBG dan mengurangkan tugasan pentadbiran guru dengan menempatkan pembantu tadbir tambahan di sekolah. Dato' Yang Dipertua, anak-anak kita hanya melalui zaman persekolahan sekali dalam hidup mereka. Jam pembelajaran mereka yang hilang tidak akan kembali. Saya

mendesak agar kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan melihat isu ini sebagai satu keperluan mendesak dan bukan sekadar aduan rutin.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk membahas tentang isu berkaitan dengan ketidakseimbangan komposisi kaum dalam perkhidmatan penjawat awam di Negeri Sembilan. Isu ini bukan bertujuan untuk mepersoalkan mana-mana kaum tetapi untuk memastikan pentadbiran kerajaan negeri benar-benar mencerminkan masyarakat majmuk yang kita wakili. Seterusnya mmeperkukuhkan keberkesanan dan penyampaian perkhidmatan kepada semua rakyat. Berdasarkan data rasmi yang saya dapat jumlah keseluruhan penjawat awam negeri ialah 5,499 orang daripada jumlah ini 5,273 adalah Melayu iaitu bersamaan dengan 95.89%. Manakala hanya 10 orang sahaja Cina iaitu 0.1%, 201 orang India 3.66% dan 15 orang daripada kaum-kaum lain iaitu 0.27%. Saya rasa peratusan ini menunjukkan wujudnya jurang yang sangat ketara. Khususnya dalam penyertaan masyarakat Cina dan kaum-kaum lain dalam sektor perkhidmatan awam negeri. Jika kita perincikan lagi mengikut kategori jabatan perkhidmatan awam negeri mempunyai 3,573 Melayu tetapi hanya 9 Cina 89 India dan 13 lain-lain kaum. Pihak berkuasa tempatan PBT pula terdiri daripada 1,499 Melayu, 1 Cina dan 111 orang India dan badan berkanun negeri pula mempunyai 201 Melayu, tiada Cina dan hanya 1 India dan tiada dari kaum-kaum lain. Dato' Yang Dipertua, angka-angka ini menimbulkan persoalan adakah wujudnya halangan penyertaan dari segi akses maklumat jawatan. Persepsi umum terhadap sektor awam, tatacara pengambilan atau kurangnya usaha promosi dan libat urus dengan komuniti bukan Melayu.

Dalam sesebuah negeri yang berkomposisi penduduknya majmuk, ketidakseimbangan setinggi ini tidak boleh diambil ringan. Kepelbagaian dalam organisasi kerajaan bukan sahaja soal representasi tetapi soal kualiti dan keberkesanan dasar. Apabila penjawat awam datang dengan latar budaya dan bahasa yang berbagai, keupayaan kerajaan memahami keperluan semua komuniti akan lebih kuat dan ini juga memberi mesej bahawa sektor awam mempunyai keperluan kesefahaman pelbagai kaum. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan dalam sidang dewan ini audit menyeluruh terhadap proses pengambilan kakitangan, kedua kempen kesedaran dan libat urus dengan komuniti bukan Melayu, untuk mengalakkan penyertaan dan yang ketiga biasiswa latihan dan program laluan kerjaya khusus bagi menarik minat golongan muda bukan Melayu memasuki sektor awam. Dan yang keempat pelaporan berkala kepada dewan berkenaan kemajuan usaha pembaikan komposisi kaum. Dan Dato Yang Dipertua, kepelbagaian bukan ancaman, ia adalah kekuatan. Saya berharap kerajaan negeri dapat mengambil tindakan proaktif demi memastikan pentadbiran Negeri Sembilan benar-benar inklusif dan mencerminkan wajah rakyatnya.

Dato Yang Dipertua, isu yang seterusnya saya ingin membawa dalam sidang dewan ini berkenaan dengan isu *homestay.* Port Dickson yang telah lama dikenali sebagai antara destinasi pelancongan pantai yang paling popular di Semenanjung Malaysia dengan kedudukannya yang strategik berhampiran dengan Lembah Klang serta kemudahan akses Lebuhraya, daerah ini menerima kedatangan pelancong yang konsisten sepanjang tahun. Keadaan ini terus mendorong kepada pertumbuhan pesat sektor penginapan alternatif seperti *homestay,* inap desa dan kediaman sewaan jangka pendek. Walaupun perkembangan ini memberi banyak peluang ekonomi kepada penduduk setempat, ianya juga membuka ruang kepada cabaran kawal selia yang semakin ketara dari setahun ke tahun. *Homestay* yang kini menjadi pilihan utama pelancong kerana harga yang lebih fleksibel ruang yang lebih besar dan kemudahan memasak yang tidak terdapat di hotel konvensional. Namun peningkatan jumlah homestay yang telah dibuka tanpa garis panduan jelas telah menimbulkan pelbagai komplikasi. Banyak kawasan perumahan mendapati ketenteraman hari yang terganggu apabila rumah-rumah yang sepatutnya dihuni keluarga tempatan telah bertukar menjadi unit penginapan sementara.

Situasi ini menyebabkan penduduk berdepan dengan masalah seperti kebisingan pada lewat malam, pergaduhan kecil, penggunaan kawasan parkir secara tidak terkawal, serta pergerakan tetamu yang keluar masuk secara berterusan. Aduan berkenaan isu keselamatan juga semakin meningkat apabila rumah kediaman berubah fungsi menjadi lokasi penginapan sementara. Pihak keselamatan suka memantau persekitaran kerana identiti tetamu berubah hampir setiap hari. Tanpa pendaftaran rasmi ataupun rekod tetamu yang betul, sebarang insiden yang melibatkan jenayah ataupun kerosakan harta benda sukar untuk disiasat dengan cepat. Ini telah mencetuskan rasa tidak selamat dalam kalangan penduduk yang sebelum ini hidup dalam komuniti yang stabil.

Saya ingin maklum dalam dewan ini, tiga hari lepas ada seorang kanak-kanak yang berumur empat tahun telah lemas dalam sebuah *homestay* dekat Port Dickson. Ini yang mencetuskan kebimbangan saya dalam dewan ini. Dalam masa yang sama, pemain industri pelancong yang berdaftar seperti hotel, resort, chalet dia merasakan wujudnya ketidakseimbangan persaingan. Mereka wajib mematuhi pelbagai peraturan seperti lesen operasi, audit keselamatan kebakaran, kawal selia bangunan, syarat-syarat kebersihan, cukai pelancongan serta pelbagai piawaian yang lain. Namun sebahagian daripada pengusaha *homestay* beroperasi tanpa sebarang bentuk pelesenan dengan kos operasi yang jauh lebih rendah. Mereka mampu menawarkan harga lebih murah dan akhirnya menjejaskan keseimbangan ekosistem pelancongan di Port Dickson.

Oleh itu, langkah kawal selia yang lebih sistematik sangat diperlukan. Antara cadangan utama memastikan semua penginapan jangka pendek didaftarkan secara rasmi dengan pihak berkuasa tempatan dan pendaftaran ini wajib ini bukan bertujuan untuk menyukarkan pengusaha tapi bagi memastikan semua operasi yang dijalankan mengikut piawaian minimum yang melibatkan keselamatan, kesihatan dan keselesaan tetamu serta penduduk setempat. Proses pelesenan yang telus dapat membantu pihak berkuasa bagi mengenalpasti unit yang aktif untuk memantau *trend* pelancongan dan merangka dasar pembangunan masa hadapan dengan lebih berkesan.

Selain itu perlu diwujudkan garis panduan khusus bagi operasi *homestay* dan garis panduan tersebut boleh merangkumi had jumlah tetamu maksimum berdasarkan keluasan rumah. Pemasangan sistem keselamatan seperti alat pemadam api dan pengesan asap dan peraturan kebisingan selepas waktu tertentu serta keperluan untuk mengekalkan jumlah lot parking minimum untuk penduduk asal. Saya rasa pengurusan sisa juga perlu diberi perhatian. Memandangkan peningkatan jumlah pelancong yang sering membawa peningkatan sampah domestik.

Untuk menyeimbangkan kepentingan penduduk pengusaha dan pelancong saya rasa satu mekanisme aduan yang lebih responsif wajar diwujudkan. Sebagai contoh sistem laporan digital yang membolehkan penduduk tempat membuat aduan secara terus kepada pihak majlis sekaligus membantu untuk mempercepatkan tindakan penguatkuasaan. Bagi pengusaha pula platform ini boleh menjadikan saluran untuk memberi maklum balas ataupun memohon bantuan sekiranya menghadapi isu operasi.

Dato' Yang Dipertua, penggunaan teknologi ini juga boleh memainkan peranan besar dalam memastikan kawal selia berjalan lancar. Portal pendaftaran dalam talian, sistem pengesanan cukai pelancongan, pengkalan data *homestay* yang berlesen serta integrasi dengan aplikasi pelancongan tempatan akan juga membantu Port Dickson lebih moden dan lebih mesra pelawat. Secara keseluruhannya isu kawalan *homestay* bukan sekadar masalah perumahan ataupun pelancongan tetapi ia melibatkan keseimbangan sosial, ekonomi dan keselamatan komuniti dengan pendekatan holistik yang menggabungkan peraturan jelas, kerjasama komuniti dan penggunaan teknologi pertubuhan *homestay* di Port Dickson boleh diurus dengan lebih mampan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Dato' Yang Dipertua, isu yang keempat saya ingin bawa dalam dewan ini adalah satu isu yang amat serius iaitu keselamatan jalan raya di Seremban-Port Dickson, highway SPDH. Pada 28 oktober 2025, satu kemalangan laut maut telah meragut nyawa sepasang suami isteri di laluan ini. Kejadian ini adalah peringatan pahit bagi nyawa rakyat yang tidak boleh diambil mudah.

SPDH adalah laluan utama yang digunakan untuk ribuan kenderaan setiap hari termasuk kenderaan berat dan pelancong. Namun pencahayaan jalan yang terhad, menjadikannya berisiko tinggi terutamanya pada waktu malam dan ketika hujan. Kelajuan pemandu yang tidak terkawal dan selekoh yang malap telah semakin menambah risiko dan fakta ini jelas tanpa tindakan yang segera tragedi yang serupa akan berulang. Oleh itu saya menyeru dalam dewan yang mulia ini supaya Syarikat PLUS, SPDH mempertimbangkan untuk pemasangan lampu jalan menyeluruh di sepanjang SPDH. Lampu jalan bukan sekadar memudahkan pandangan, tetapi menyelamatkan nyawa. Kajian menunjukkan jalan yang bercahaya dengan baik mampu mengurangkan kemalangan malam sehingga 30%. Dan ini bukan cadangan semata-mata tapi langkah praktikal yang mampu menyelamatkan nyawa rakyat.

Dato' Yang Dipertua, nyawa rakyat adalah amanah yang kita harus lindungi. Kemalangan baru-baru ini adalah peringatan bahawa keselamatan jalan raya bukan perkara kecil, saya menyeru agar dewan ini mengambil tindakan segera menyeru PLUS SPDH untuk memasang lampu jalan sepanjang SPDH demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin membangkitkan isu berkenaan dengan isu mat rempit dan keselamatan jalan raya juga. Yang semakin membimbangkan rakyat di Negeri Sembilan. Kegiatan lumba haram, aksi merbahaya macam *superman* dengan izinnya dan pengubahsuaian motosikal tanpa kelulusan bukan sahaja mengundang risiko kemalangan maut tetapi turut menjejaskan keteteraman awam, khususnya di kawasan bandar dan pinggir bandar. Statistik kemalangan motosikal di negara kita kekal tinggi sejak bertahun-tahun dan sebahagian insiden ini melibatkan remaja yang terjebak dalam budaya mat rempit. Ibu bapa bimbang masyarakat tertekan dan pihak berkuasa sering perlu menggerakkan operasi besar bagi mengawal keadaan. Dan isu ini bukan sekadar masalah penguatkuasaan, tetapi turut melibatkan faktor sosial seperti pengangguran, kurangnya aktiviti berfaedah untuk belia, serta pengaruh rakan sebaya. Dan saya ingin menggesa kerajaan negeri supaya memperkukuhkan kerjasama dengan PDRM dengan JPJ dan PBT bagi memastikan operasi penguatkuasaan dijalankan, dilaksanakan secara berterusan. Bukan bermusim, tetapi pada masa yang sama pendekatan panitif dengan izinnya sahaja tidak mencukupi. Kita perlu memberi tumpuan kepada pendidikan keselamatan jalanraya di sekolah. Program pembangunan sahsia belia serta menyediakan lebih banyak ruang rekreasi sukan pemotoran yang sah. Dan aktiviti komuniti untuk mengalihkan minat golongan muda daripada perlumbaan haram.

Selain itu kerajaan negeri juga boleh menilaikan keperluan menaik taraf pencahayaan negeri. Pencahayaan jalan, memasang kamera pengawasan di lokasi yang berisiko serta mempertingkatkan kempen kesedaran awam secara berterusan. Dan saya menyeru kepada semua pihak kerajaan,

keluarga, komuniti dan agensi penguatkuasaan sama-sama kita memainkan peranan bersama untuk mengekang budaya merempit demi menjaminkan keselamatan dan masa depan belia kita. Keselamatan jalan raya bukan tanggungjawab individu tapi tanggungjawab Bersama.

Dato' Yang Dipertua, isu yang saya nak bangkitkan seterus ini adalah berkenaan dengan cas kemajuan oleh PBT khususnya dari segi kutipan sebenar tahap penyertaan pemaju serta penggunaan dana hasil cas tersebut. walaupun dasar cas kemajuan *development charge* dengan izin telah diperkenalkan sebagai instrumen penting di bawah *Town And Country Planning Act 1976 (Akta 172)* bagi membiayai pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang seiring dengan penambahan nilai tanah dan pembangunan. Tetapi sehingga kini timbulnya beberapa persoalan yang serius berkenaan dengan ketelusan, keberkesanan dan impaknya terhadap keyakinan pelabur. Sehingga hari ini saya belum lagi menemui sebarang data awam rasmi yang menerangkan jumlah keseluruhan cas pemajuan yang telah dikutip sejak permulaan pelaksanaannya di semua PBT ataupun bilangan pemaju yang telah membayar cas tersebut. Laman rasmi PBT, mana-mana PBT saya Nampak hanya menyediakan borang-borang dan panduan pelaksanaan cas pemajuan seperti borang pengesahan cas pemajuan dan senarai semak di penilaian bagi tujuan cas pemajuan, tetapi saya tidak jumpai mana-mana laporan tahunan ataupun kenyataan akaun khas ataupun data statistik yang memaparkan jumlah kutipan, baki tabung ataupun ringkasan projek yang dibiayai dari cas pemajuan ini. Dan seperti yang idealnya yang perlu ada dalam rangka tadbir urus telus kajian terhadap pelaksanaan cas pemajuan di samping pihak berkuasa tempatan di Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakan PBT tidak konsisten dalam cara penggunaan cas kutipan pemajuan. Dan ada yang menyimpan dalam akaun khas tabung cas pemajuan tetapi ada juga yang terus memasukkannya ke dalam dana operasi biasa, *consolidated fund.* Dan tanpa data yang terbuka, tanpa data yang dikemaskini, sukar bagi wakil rakyat dan masyarakat untuk menilai sama ada kutipan cas ini memberi pulangan yang wajar kepada komuniti setempat ataupun sekadar menjadi beban kepada pemaju tanpa manfaat yang nyata.

Dato Yang Dipertua dalam amalan yang baik *best practice* dengan izin, Pembangunan, pemaju perlu adanya keyakinan bahawa apabila mereka membayar cas pemajuan, dana tersebut akan digunakan untuk membangunkan infrastruktur asas kemudahan awam, jalan, utiliti dan lain-lain kemudahan sokongan supaya projek mereka dalam kawasan sekitarnya mampan dan berpotensi tarik pelaburan. Dan ini juga adalah matlamat asal cas pemajuan di bawah Akta 172. Namun apabila tiada bukti bahawa dana telah digunakan untuk tujuan tersebut dan munculnya aduan bahawa sesetengah projek sudah membayar cas pemajuan tetapi kelulusan kebenaran merancang KM ataupun bangunan infrastruktur masih belum diperolehi lebih daripada satu tahun. Ini telah menjejaskan keyakinan

pelabur dan mereka mungkin merasa risiko terlalu besar dan menyebabkan minat untuk pelaburan merosot. Ataupun pemaju dia rela memilih lokasi lain dengan proses yang lebih jelas yang lebih konsisten. Ini bukan isu kecil jika pelaburan swasta melambat, ia boleh menjejaskan matlamat pembangunan mampan, pemajuan bandar serta penjanaan pekerjaan dan pelaburan di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, oleh itu saya mengemukakan beberapa cadangan konkrit yang perlu dipertimbangkan oleh PBT ataupun kerajaan negeri, agar dasar cas kemajuan ini dapat memenuhi matlamat asalnya ataupun mengembalikan keyakinan pelabur. Yang pertama penyediaan laporan tahunan cas pemajuan. PBT perlu menerbitkan setiap tahun laporan yang menyatakan jumlah keseluruhan cas pemajuan yang telah dikutip sejak pelaksanaan, berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan, berapa baki tabungnya, serta senarai projek mahupun dalam perumahan ke, komersial ke, industry ke, infrastruktur yang telah dibiayai dengan menggunakan dana tersebut. Yang kedua, penubuhan akaun khas iaitu tabung cas pemajuan sebagaimana yang ditunjukkan dalam **literal** dana cas pemajuan yang idealnya disimpan dalam akaun khas dan digunakan hanya untuk kemudahan awam ataupun infrastruktur berkaitan dengan projek dan bukannya masuk dalam dana operasi biasa. Akaun khas ini perlu diaudit dan dipantau secara terus.

Yang ketiga mekanisme pemantauan dan penilaian projek. Setiap projek yang membayar cas pemajuan perlu dimasukkan ke dalam sistem pemantauan. Status kelulusan kebenaran merancang dan bangunan dan perlaksanaan infrastruktur, jangka masa penyelesaiannya bila. Dan dana ini wajar dibuka dekat mana-mana, contohnya dekat atas talian. Kita boleh semak bila-bila masa. Yang keempat komitmen masa dan tanggungjawab yang jelas. Jika cas yang telah dibayar tetapi pemaju masih belum mendapat kelulusan ataupun pelaksanaan infrastruktur yang tertangguh lebih daripada tempoh tertentu, contohnya satu tahun. Pihak berkuasa perlu menjelaskan sebab dan menetapkan garis masa *timeline* supaya projek ini tidak tertanggung. Dan yang kelima penglibatan wakil rakyat dan komuniti setempat. Sebagai wakil rakyat, saya menekankan bahawa wakil rakyat tempatan dan komuniti sekeliling perlu dikemasukkan dalam proses pemantauan supaya manfaat pembangunan benar-benar dirasai oleh orang ramai dan penduduk setempat.

Dato' Yang Dipertua, saya percaya cas kemajuan ini pemajuan ini adalah satu instrumen yang penting untuk merancakkan pembangunan secara adil yang asalkan dilaksanakan dengan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan kebertanggungjawaban. Tetapi tanpa data yang jelas dan pengurangan dana yang boleh dipantau, cas ini boleh berpotensi menjadi beban ataupun merosakkan keyakinan pemaju dan bukan yang merangsang pelaburan. Oleh

itu saya mencadangkan agar kerajaan negeri melalui PBT dan jabatan berkaitan mengambil serius keperluan pelaporan terbuka dan akaun khas bagi cas pemajuan. Serta menyediakan *roadmap* pelaksanaan ataupun pemantauan yang jelas dan hanya dengan itu kita boleh memastikan bahawa pelaburan swasta terus boleh masuk dan pembangunan mampan tercapai dan kepercayaan pelabur serta rakyat setempat dapat dipelihara.

Dato' Yang Di-Pertua, saya ingin juga membagi satu isu yang saban tahun menjadi perhatian penduduk dan…

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat-Yang Berhormat…

YB ADUN Lukut: dan pelancong yang datang melawat ke Lukut dan Port Dickson

YB Yang Dipertua Yang Berhormat-Yang Berhormat…

YB ADUN Lukut: Ya? Dato' Yang Di-Pertua, saya pinjam ada YB yang kurang masa, saya semua pinjam boleh?

YB Yang Dipertua Dewan: Ringkaskan sikit ya… boleh?

YB ADUN LUkut: Saya cepatkan, saya ingin membangkit satu isu yang berkaitan saban tahun yang menjadi perhatian penduduk dan pelancong yang datang melawat ke Lukut dan Port Dickson iaitu berkaitan dengan lampu hiasan perayaan yang disediakan oleh PBT setiap kali tahun musim perayaan sama ada Tahun Baru Cina, Hari Raya, Deepavali mahupun Krismas. Lampu hiasan ini bukan sahaja menambah seri *landscape* bandar tetapi ia juga menjadi simbol perpaduan serta identiti masyarakat majmuk di Lukut dan Port Dickson. Namun ramai orang yang meluahkan bahawa jadual pemasangan, kualiti serta kuantiti dan lokasi pemasangan lampu ini masih boleh dipertingkatkan. Saya ingin mencadangkan agar MPPD boleh meneliti keperluan untuk meningkatkan peruntukan tahunan bagi menyediakan dan menyelenggarakan lampu hiasan perayaan di kawasan Lukut dan seluruh pentadbiran MPPD. Dan setiap tahun lampu hiasan yang memainkan peranan penting dan menyerikan suasana bandar sempena perayaan utama negara selain menjadi tarikan pelancong dan pemangkin aktiviti ekonomi setempat.

Dato' Yang Dipertua, 2 lagi. Saya juga ingin mengalih perhatian dewan yang mulia ini kepada satu isu keselamatan yang semakin membimbangkan iaitu aktiviti penjualan produk jeruk di persimpangan jalan utama khususnya di kawasan-kawasan tumpuan trafik dan ini bukan kali pertama saya sebut dalam dewan yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua, walaupun kita menghargai usaha anak-anak muda ataupun peniaga kecil yang menjadi rezeki dengan cara kreatif, namun aktiviti menjaja di persimpangan jalan menimbulkan

risiko keselamatan yang sangat serius. Peniaga yang bergerak antara kenderaan berhenti yang memegang bekas jeruk di tengah-tengah jalan kesibukan trafik, bukannya sahaja mendedahkan diri mereka kepada bahaya malah turun membahayakan pemandu lain. Satu *brake* yang mengejut ataupun kenderaan yang cuba mengelak boleh menyebabkan kemalangan yang membawa kecederaan. Selain itu aktiviti ini juga mengganggu kelancaran trafik ketika lampu isyarat merah pemandu mungkin rasa tertekan ataupun terganggu dengan kehadiran penjual. Manakala kenderaan yang telah berhenti lebih lama boleh menyebabkan kesesakan tambahan. Justera itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri melalui PBT mengambil beberapa tindakan yang segera, untuk yang pertama, penguatkuasaan larangan menjaja di persimpangan jalan secara lebih tegas selaras dengan undang-undang yang sedia ada, yang kedua menyediakan lokasi alternatif yang lebih selamat seperti lot gerai sementara ataupun ruang niaga mikro yang juga membantu golongan yang lebih yang ingin mencari rezeki tanpa menjejaskan keselamatan. Yang ketiga, melaksanakan kempen kesedaran kepada peniaga pengguna jalan raya yang mengenai *risk of activity*.

YB ADUN Temiang: Dato' *Speaker*, boleh saya mencelah? untuk isu ini saya nak tanya, adakah PBT memberi sebarang lesen peniagaan kepada pengusaha-pengusaha ini?

YB ADUN Lukut: nanti Nilai akan jawab. Dato' Yang Dipertua, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab kita Bersama. Kita perlu memastikan bahawa usaha untuk mencari pendapatan yang tidak mengorbankan nyawa. Semoga kerajaan negeri mengambil tindakan segera demi keselamatan rakyat. Dato' Yang Dipertua, *last, last* yang ni…

YB Yang Dipertua Dewan: Jangan ulas lama-lama sangat….benda *point* satu ulas lama…

YB ADUN Lukut: boleh, boleh, terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya ingin membagikan sekali satu kali lagi mengenai isu jalan masuk yang sempit ke Sekolah Kebangsaan Jimah Baru. Dan satu masalah yang telah berlarutan sekian lama dan memberi kesan langsung kepada keselamatan murid-murid, guru-guru dan ibu bapa. Dan laluan yang sedia ada bukan sahaja terlalu sempit malah tidak mampu menampung jumlah kenderaan yang meningkat terutamanya pada waktu puncak, dan keadaan ini telah mengundangkan risiko kemalangan serta kesesakan yang serius setiap hari. Saya ingin mengetahui status terkini cadangan pelebaran pembinaan jalan baru ini yang menuju ke Sekolah Jimah Baru ini yang sebelum ini pernah saya bangkitkan, adakah kajian teknikal telah siap dibuat, adakah keputusan JKR dan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung pelaksanaan projek ini telah siap? *so* saya amat berharap Kerajaan negeri dapat memberi komitmen yang jelas untuk

menyelesaikan isu ini demi menjamin keselamatan pelajar serta kelancaran pergerakan trafik. Dan jika terdapat kekangan peruntukan saya mohon agar projek ini dapat diberi keutamaan memandangkan ia melibatkan keselamatan kanak-kanak dan komuniti setempat dan saya menantikan penjelasan pihak kerajaan mengenai berkenaan garis masa dan peruntukan serta tindakan susulan yang telah diputuskan.

Okay, Dato' Yang Dipertua, akhir sekali saya ingin menegaskan pentingnya ketelusan, kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan. Apa jua bentuk peruntukan yang diluluskan tidak akan membawa makna jikanya pelaksanaannya tidak dipantau dengan rapi justeru saya menyeru agar kerajaan negeri memperkukukan mekanisme pemantauan projek. Memastikan proses perolehan yang telus serta melibatkan wakil rakyat dalam pemantauan pembangunan di kawasan masing-masing. Dato' Yang Dipertua, Belanjawan 2026 haruslah menjadi instrumen yang benar-benar menggerakkan ekonomi negeri, meninggikan kesejahteraan rakyat dan memperkukuhkan daya tahan kita terhadap cara masa depan. Dengan iltizam yang bersama, saya yakin Negeri Sembilan mampu melangkah lebih jauh sebagai negeri yang berdaya saing dan inklusif. Dengan ini Lukut menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 serta Usul Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2026 Negeri Sembilan. Sekian terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Lukut. Saya menjemput Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. *Bismillahirrahmanirrahim*. Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih diberi ruang dan peluang bersama dalam ucapan perbahasan pada hari ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, YB EXCO, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi. Pertama kalinya, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur dan kehadrat Allah SWT di atas limpah dan kurnianya sehingga kita dapat berkumpul dalam sidang dewan yang mula ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan ilitzam, saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang menjadi keutamaan demi kemajuan negeri kita serta di DUN Gemencheh khususnya.

Dato' Yang Dipertua, saya menyokong penuh Belanjawan Negeri Sembilan 2026 dengan tema Belanjawan Medani Rakyat Harmoni, dengan mengekalkan 46 inisiatif sedia ada dan 26 inisiatif baru yang diperkenalkan dan menerapkan 9 bidang tumpuan sebanyak RM112.80 juta diperuntukkan untuk dinikmati oleh rakyat Negeri Sembilan. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pasukan Kerajaan Negeri Sembilan yang sentiasa komited mengumpulkan hasil sehingga RM610 juta. Sebanyak RM640 juta

diperuntukkan bagi pembelanjaan mengurus serta peruntukan pembangunan sebanyak RM150 juta termasuk belanjawan defisit RM30 juta.

Dato' Yang Dipertua, dalam usaha membangunkan Negeri Sembilan, adalah menjadi amanah besar kita kepada pemimpin untuk memastikan setiap langkah yang diambil mencerminkan keperihatinan terhadap keperluan rakyat. Kita telah menyaksikan pencapaian yang membanggakan dalam aspek ekonomi, sosial dan pembangunan infrastruktur di bawah kemimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama EXCO Kerajaan Negeri Sembilan serta pasukan Kerajaan Negeri Sembilan. Dengan itu, saya menyeru semua pihak untuk terus bekerjasama secara kolektif agar kesinambungan pencapaian ini dapat diteruskan. Sebagai wakil rakyat, fokus utama saya adalah memastikan bahawa segala dasar dan projek yang diluluskan oleh kerajaan negeri memberi impak positif kepada kehidupan rakyat DUN Gemencheh dan kita perlu meningkatkan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui program-program yang inklusif, memacu ketumbuhan ekonomi yang lestari serta memfokuskan bidang pendidikan. Memelihara dan memperkukuhkan agama, warisan budaya dan adat yang menjadi identiti negeri kita.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengupas sikit isu kesejahteraan penduduk iaitu kos sara hidup terus menjadi cabaran utama bagi kebanyakan rakyat kita. Harga makanan asas yang meningkat dan perumahan mampu milik yang perlu terus menjadi keutamaan dalam perancangan dasar negeri. Terima kasih kerajaan negeri di atas peruntukan sebanyak RM5.76 juta bagi bidang tumpuan keterjaminan makanan. Saya juga ingin menyentuh isu kacau ganggu lalat dan bau dari industri ternakan ayam di Gemencheh yang setakat ini 36 kawasan reban ayam di Gemencheh yang saya anggap pembinaan yang tidak terkawal, kerana pemain industri ini kebanyakan membina dahulu kandang ayam tanpa memohon kebenaran, kebenaran merancang. Saya mencadangkan supaya pasukan *task force* ditubuhkan bagi memantau sepenuhnya masalah kacau ganggu lalat ini. Saya juga mencadangkan agar pasukan *task force* ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah anjing liar yang tidak terkawal khususnya di DUN Gemencheh. Serangan anjing liar kerap berlaku kebelakangan ini yang mencederakan orang dewasa, kanak-kanak serta binatang tenakan. Perkara ini adalah amat membimbangkan masyarakat di DUN Gemencheh khususnya.

Dato' Yang Dipertua, bagi menyentuh kelestarian alam sekitar dan infrastruktur asas. Masalah banjir kilat yang sering berlaku di beberapa kawasan perlu diberikan perhatian segera. Selain itu kempen kelestarian alam sekitar perlu terus diperkuat termasuk pengurusan sisa dan inisiatif hijau yang menangani isu perubahan iklim yang semakin meruncing. Saya mengucapkan terima kasih kepada PMX serta kerajaan negeri atas peruntukan RM150 juta yang diumumkan dalam RMK13 bagi Projek

Tempatan Banjir Lembangan Sungai Gemencheh. Saya memohon agar projek ini disegerakan bagi menyelesaikan isu banjir di Gemencheh yang sangat meruncing. Dato' Yang Dipertua, saya memohon, saya memohon Exco Perumahan serta KKW membangunkan projek perusahaan kampung dan rumah kos rendah atau sederhana di kawasan Gemencheh. Kita juga telah mengenal pasti tanah yang boleh dibangunkan projek ini untuk masyarakat di Gemencheh dan saya juga ingin menyatakan adakah ada perancangan dari pihak kerajaan negeri untuk membangunkan projek perumahan atau perusahaan kampung di kawasan DUN Gemencheh?

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang bidang tumpuan yang kelima iaitu korahanian dan agama. Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM16.05 juta untuk memperkasakan bidang tumpuan kelima ini saya juga mendapat rintihan dari pengerusi-pengerusi masjid yang memohon dipertimbangkan sedikit inisiatif bagi elaun bagi pengurusan masjid. Yang keduanya, tempoh hari saya telah hadir ke Pejabat Agama Islam Gemas bagi menyantuni Pejabat Agama Wilayah Gemas bagi menyantuni pasangan bernikah di sana. Saya mendapati ruang pejabat tersebut sangatlah sempit jika menjalani majlis pernikahan dan persandingan. Justeru itu, saya mencadangkan Pejabat Agama Islam Wilayah Gemas perlu dipindahkan ke bangunan yang lebih sesuai dan selesa.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas bidang tumpuan yang ke-9 iaitu kebajikan dan kesihatan dengan peruntukan RM2.34 juta diperuntukkan untuk dinikmati oleh rakyat yang memerlukan. Saya ingin cadangkan kepada kerajaan negeri jika boleh ditambah jika boleh ditambah skim bantuan mesra lampin pakai buang dewasa dan bantuan mesra susu orang telantar. Bantuan ini sebagai bantuan yang amat bermanfaat bagi penerima pesakit atau OKU telantar. Kos susu lebih daripada RM100 satu tin yang cuma boleh pakai 3-4 hari itu adalah kos yang tinggi untuk pesakit telantar atau OKU telantar. Untuk rekod sebanyak 1,243 penerima pasukan, bantuan pesakit telantar dikendalikan oleh JKM dengan peruntukan sebanyak RM5.9 juta. Di kesempatan ini saya ingin ucapkan jutaan tahniah kepada pasukan JKM yang sentiasa menyantuni dan menyantuni penerima bantuan serta sentiasa cakna jika berlaku bencana banjir dan sebagainya. Tahniah juga saya ucapkan kepada pasukan Baitulmal MAINS yang sentiasa cakna dan menyantuni masyarakat di DUN Gemencheh.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit isu Felda. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pengumuman baru iaitu menaik taraf prasarana awam atau pembaikan infrastruktur Felda. Dengan peruntukan sebanyak RM750 ribu. Terima kasih juga saya ucapkan kepada YB EXCO Kanaan kerana secara konsisten dan tidak pernah putus asa sentiasa memperjuangkan hak nasib dan kebajikan peneroka Felda dan generasi baru. Sebab itu saya ingin bersetuju, sebab itu

saya tidak bersetuju jika sesengah pandangan yang mengatakan bahawa pembelaan inisiatif terhadap keluarga besar Felda ini sebagai gula-gula politik atau pilihanraya. Pemimpin UMNO dan Barisan Nasional sejak dahulu lagi menjadi antara pembela utama masyarakat Felda, sebab Felda ini begitu dekat di hati kami. Kebetulan sebelum ini Felda juga susah untuk mendapatkan peruntukan daripada kerajaan negeri kerana ia berada di bawah bidang kuasa kerajaan pusat. Dan terdapat juga beberapa kekangan berokrasi seperti Akta GSA dan sebagainya. Peruntukan pembaikan infra sebanyak 750 ribu yang diperjuangkan oleh EXCO Kanan ini saya lihat sebagai satu permulaan yang baik dan *turning point* dengan izin kepada hubungan yang lebih rapat di antara peneroka Felda dan juga kerajaan negeri. Saya faham inisiatif yang diumumkan ini adalah inisiatif baru dan belum ada kaedah pelaksanaan dan pembahagian peruntukan ini. Tapi saya yakin kebijaksanaan YB EXCO Kanan peruntukan ini akan disalurkan dengan seadil-adilnya. Tambahan pula saya maklum awal-awal di DUN Gemencheh ini banyak infra dan fasiliti yang dirancangan Felda yang perlu ditambah baik. Contohnya perparitan, pencahayaan, infrastruktur asas dan sebagainya. Keutamaan pemilihan lokasi pembaikan ini harus mengambil kira penilaian infrastruktur berdasarkan tahap risiko keselamatan, keperluan mendesak dan impak kepada komuniti. Saya berharap Akta GSA tidak akan menjadi masalah atau penghalang dalam melaksanakan program-program pembaikan yang dirancang. Bercakap soal Akta GSA ini kita semua sudah maklum bahawa kerajaan persekutuan ada menyebut di dalam Parlimen bahawa pindaan terhadap Akta GSA ini akan dilakukan bagi memastikan ia relevan dengan situasi yang situasi dan keperluan semasa. Saya difahamkan sekarang ini pihak Felda sedang melakukan proses libat urus bersama pihak pemegang taruh dan peneroka bagi mendapatkan pandangan sebenar pindaan dan bagaimana diperlukan bagi Akta GSA ini. Saya ingin bertanyakan pada pihak Felda setakat ini berapakah jumlah sesi libat urus berkaitan Akta GSA ini telah dilakukan dan siapakah yang dilibatkan? Apa pula dapatan awal yang diterima oleh pihak Felda berkaitan perkara ini? Saya ingin memohon dan mencadangkan kepada pihak Felda libat urus ada ADUN yang berkenaan dalam apa jua sesi libat urus yang diadakan. Ini kerana, kami ada, ini kerana kami ADUN ini yang sering mendengar masalah yang menjadi kaunter aduan oleh rakyat oleh rakyat yang jadi sedikit sebanyak kami faham dan cakna dengan keperluan rakyat di kawasan kami. Felda jangan salah anggap wakil rakyat hendaklah dilibatkan bukan kerana hendak campur tangan dalam urusan jabatan atau ingin mengarah-arah kami hanya ingin mahukan yang terbaik untuk keluarga peneroka dan generasi baru di rancangan Felda. *Helen Keeler* pernah menyebut dalam buku tulisannya *alone we can do so little together we can do so much* dengan izin. Gandingkan semua kepakaran gandingkan semua kepakaran semua kepimpinan sama ada di peringkat akar umbi hingga kepimpinan tertinggi untuk kita cari satu solusi dan pendekatan yang terbaik agar Felda ini kita boleh kembalikan kegemilangannya dan kita bawa Felda ini di satu dimensi yang lebih baru dan lebih segar.

Saya juga ingin menyentuh tentang projek perumahan generasi kedua Felda di Bukit Jalur dan Felda Bukit Rokan Utara yang kini hampir siap yang dianggarkan 90% hingga 95% cuma saya ingin memohon kepada pihak SAINS, TNB dan agensi yang terlibat membantu menyelesaikan beberapa masalah dan kekurangan yang saya mohon kurangkan birokrasi. Saya harapkan pemohon-pemohon ini dapat memiliki rumah tersebut sebelum raya aidilfitri yang akan datang. Pihak Felda sedang menapis pemohon-pemohon dan saya rasa sekarang telah siap sepenuhnya untuk kita boleh kita serahkan rumah ini kepada pemohon-pemohon yang layak.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya ingin menyentuh rumah harapan rakyat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ucapan pembentangan belanjawan ada menyebut tentang rumah harapan rakyat yang dinaikkan peruntukannya kepada RM5 juta pada tahun 2025 kepada RM10 juta pada tahun 2026. Kenaikan sebanyak 100% ini sudah pastinya membolehkan kerajaan negeri membantu lebih ramai golongan B40 terutamanya golongan muda untuk mempunyai kediaman mereka sendiri. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan setakat ini apakah status dan pencapaian bagi program rumah harapan rakyat ini. Berapakah jumlah pemohonan yang diterima bagi inisiatif ini sepanjang tahun 2025 dan berapakah pula jumlah sebenar individu yang telah diluluskan oleh permohonannya, apa pula sebab utama yang dikenal pasti menjadi punca permohonan rumah harapan rakyat ini tidak diluluskan. Mohon juga pihak kerajaan membuat penerangan terperinci tentang jumlah kelulusan rumah harapan rakyat ini mengikut DUN. Program ini baik seperti ini perlu dipastikan manfaatnya sampai ke seluruh pelusuk negeri dan tidak hanya tertumpu di setengah kawasan sahaja.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh rumah mampu milik Negeri Sembilan. Satu lagi inisiatif menarik yang saya lihat dalam belanjawan ini adalah rumah mampu milik Negeri Sembilan. Inisiatif ini sudah semestinya satu berita gembira kepada anak muda di Negeri Sembilan kerana ianya salah satu lagi pilihan yang dapat membantu mereka memiliki rumah mereka sendiri. Inisiatif ini adalah skim sewa beli rumah mampu milik bagi Type A yang diwujudkan bagi membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki kediamaan sendiri. Khususnya mereka yang gagal memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan komersial disebabkan kekangan kelayakan atau pendapatan tidak tetap. Inisiatif ini menawarkan pembiayaan mudah untuk pemohon yang layak. Saya ingin menjelaskan kepada pihak kerajaan apakah syarat dan kriteria ditetapkan bagi pemohonan rumah mampu milik ini adakah pihak kerajaan negeri akan mengambil kira laporan daripada CTOS atau CCRIS sebagai salah satu kriteria untuk meluluskan pinjaman. Berapa pula jumlah maksima pinjaman yang boleh yang dibolehkan kerana dengan peruntukan hanya RM5 juta jika seorang individu boleh memohon sehingga

RM100 ribu hanya 50 orang sahaja individu yang boleh kita bantu. Mohon penjelasan berkenaan perkara ini.

Dato' Yang Dipertua, akhir kata adalah kita semua sebagai pemimpin berbahas dan membuat keputusan dengan penuh hikmah dan bijaksana, mendahulukan kesejahteraan rakyat serta menghayati prinsip perpaduan dan kesatuan yang menjadi asas kekuatan negeri ini. Semoga usaha kita diberkati dan negeri kita terus makmur serta Sejahtera. Dato' Yang Dipertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Belanjawan Negeri Sembilan 2026. Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Sekian *wabillahitaufiq walhidayah*, Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Waalaikumussalam WBT. Terima kasih Yang Berhormat Gemencheh. Saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Dato' *Speaker*. Yang Berhormat Sikamat. *Alhamdulillah* dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sikamat di atas pembentangan Belanjawan 2026 pada hari Jumaat yang lepas. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2026. Dato' Yang Dipertua, terima kasih juga kepada kakitangan kerajaan negeri yang bertungkus lumus melunaskan belanjawan 2025 dan insyaallah mereka juga akan bertungkus lumus untuk melunaskan belanjawan 2026. Alangkah indahnya jika Belanjawan 2026 ini memasukkan peruntukan kepada kami pembangkang.

Dato' Yang Dipertua, Pantai dan rakyat bukan untuk komersial semata-mata. Saya ingin menegaskan bahawa pantai adalah aset awam bukan untuk dimonopoli oleh pihak tertentu. Kini kita melihat *trend* yang membimbangkan di mana hotel-hotel dan projek swasta dibina betul-betul di pesisiran pantai sehingga menutup akses rakyat ke kawasan tersebut. Keadaan ini bukan sahaja mencemarkan imej semulajadi pantai malah menghalang rakyat untuk menikmati ruang awam yang sepatutnya menjadi hak mereka. Saya ingin menegaskan bahawa kita tidak menolak pembangunan dan kemajuan namun, pembangunan hotel dan projek komersial di kawasan persisir pantai haruslah diperindahkan ke kualiti yang sesuai seperti di seberang jalan dari pantai dan bukannya di pesisir Pantai. Tindakan membina terus di persisiran pantai bukan sahaja menjelaskan keindahan semula jadi malah mengganggu akses rakyat untuk menggunakan pantai sebagai ruang rekreasi dan komuniti.

Dato' Yang Dipertua, sehubungan dengan itu, saya mendesak kerajaan agar menghentikan kelulusan seberang pembinaan hotel baru di persisiran pantai malah kerajaan perlu meneliti semula dan juga perlu mengambil semula atau

mengurus tanah-tanah yang telah menjadi milik individu atau pihak swasta. Kita meletakkan status pantai sebagai harta awam yang diwartakan. Dengan langkah ini, pembangunan boleh diteruskan tanpa menjejaskan hak rakyat atau keindahan semula jadi. Tuan Yang Dipertua, marilah kita sama-sama memastikan pantai tetap untuk rakyat bukan untuk kepentingan komersial semata-mata supaya warisan semula jadi ini terus menjadi kebanggaan dan hak milik rakyat Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, isu pampasan dan masa depan nelayan di Port Dickson. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini kepada kebimbangan besar dalam kalangan para nelayan yang terjejas akibat pelaksanaan Projek Hibiscus II. Pada masa ini imbuhan atau pampasan hanya diberikan sepanjang tempoh projek berjalan. Sedangkan hakikatnya kawasan tangkapan ikan mereka telah mengecil secara kekal. Pengurangan kawasan ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan harian mereka malah turut mengancam kelangsungan sumber rezeki mereka dalam jangka masa yang panjang. Persoalannya apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan mata pencarian nelayan terus terjamin setelah projek ini selesai. Nelayan telah menyuarakan kebimbangan bahawa mereka tidak lagi menerima imbuhan sebaik sahaja projek itu tamat. Sedangkan implikasi terhadap kawasan tangkapan adalah berpanjangan. Situasi ini tidak adil kepada mereka sejak turun-menurun bergantung kepada hasil laut untuk menyara keluarga. Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan bahawa bantuan kepada nelayan tidak seharusnya bermaksud memaksa mereka beralih kepada pekerjaan lain yang tidak berkaitan dengan perikanan. Nelayan ini kekal sebagai nelayan itulah kemahiran itulah kepakaran dan itulah identiti mereka. Justeru, seharusnya kerajaan negeri mempertingkatkan bentuk sokongan yang benar-benar dapat memperkukuhkan industri perikanan ini sebagai satu penyelesaian iaitu menyediakan peralatan moden, mempertingkatkan infrastruktur jeti, serta kemudahan menyimpan, menyusun semula peralatan, penangkapan atau mengurus semula kawasan perairan supaya mereka mempunyai ruang dan ruang yang cukup untuk menguruskan aktiviti penangkapan ikan. Dengan langkah-langkah ini kelak semoga hidup nelayan dapat dipelihara, dan mereka tidak tersisih akibat pembangunan yang berlaku di kawasan perairan mereka sendiri. Saya berharap isu ini diberi perhatian serius untuk memastikan kesejahteraan komoditi nelayan terus terjamin untuk masa depan mereka.

Dato' Yang Dipertua, isu kelas fardhu ain. Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian dewan bahawa isu ini telah saya bangkitkan pada sidang yang lalu. Kelas fardhu ain semakin besar pemintaan rakyat terhadap pendidikan fardhu ain semakin meningkat namun kemudahan serta kapasiti ruang sekolah masih tidak memadai. Banyak sekolah beraksi dengan ruang yang terhad sehingga menimbulkan keperluan mendesak untuk penambahan

kelas-kelas baru. Bagi menampung jumlah pelajar. Pada masa yang sama, kekurangan tenaga pengajar juga menjejaskan mutu pelajaran. Menyebabkan guru-guru fardhu ain terpaksa mengendalikan kelas yang melebihi kapasiti ideal. Sehubungan itu saya memohon supaya kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dapat meneliti serta memberi kemudahan, serta menambah baikkan infrastruktur, menyediakan kelas tambahan serta menambah bilangan guru fardhu ain. Agar permintaan tinggi daripada ibu bapa dapat dipenuhi dan mutu pendidikan agama anak-anak terus terjamin. Menurut data murid pada sesi 2023 jumlah keseluruhan murid adalah 83,202 orang yang mengikuti kelas kafa dan juga staf seramai 57,206 orang iaitu sebanyak 69% yang tidak mengikuti kelas fardhu ain seramai 25,992 orang yakni 31%.

Dato' Yang Dipertua, keperluan pembinaan sekolah rendah di Taman Desa PD. Saya ingin mengangkat perhatian dewan bahawa keperluan untuk mewujudkan sekolah rendah baharu di kawasan Taman Desa PD pada masa ini kerana penduduknya terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah yang agak jauh iaitu di Sekolah Kebangsaan Rantau terletak 10km dari Taman Desa PD manakala Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Sirusa 14km. Jarak yang begitu jauh ini memberi tekanan kepada ibu bapa terutamanya mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri selain menambah kos pengangkutan dan masa perjalanan belajar tiap-tiap hari agak meletihkan mereka. Dato' Yang Dipertua, pembinaan sebuah sekolah rendah di Taman Desa PD bukan saja memberi manfaat kepada penduduk taman itu saja malah akan turut memberi dan menampung keperluan pendidikan anak-anak di persekitaran yang berhampiran seperti Kampung Barisan serta anak-anak pekerja ladang di Ladang Sua Betong. Dengan pertumbuhan polisasi dan pembangunan perumahan di kawasan tersebut, kemudahan sekolah rendah yang lebih dekat akan mudah diakses adalah keperluan asas yang wajar diberi keutamaan. Saya mohon agar kerajaan negeri dan Kementerian Pendidikan mempertimbangkan sebuah sekolah rendah baharu di Taman Desa PD bagi memastikan akses pendidikan yang lebih selamat mudah mampan untuk generasi muda pada asasnya.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengangkatkan satu keperluan tetap bagi penduduk di Taman Vista Jaya serta sekitarnya khususnya Taman Bayu Indah pada masa ini di kawasan tersebut terpaksa menulaikan solat Jumaat di Masjid Bandar Springhill yang bukan sahaja agak jauh tapi juga tidak mampu menampung jemaah yang semakin meningkat. Setiap minggu masjid itu penuh sesak sehingga ada terpaksa solat di luar ruang utama. Sehubungan itu, saya mohon agar surau Taman Vista Jaya dipertimbangkan untuk dinaiktaraf sebagai sebuah Surau Jumaat. Surau ini juga mampu menjadi pusat ibadah yang lebih dekat dan selesa sekaligus menampung keperluan jemaah termasuk Taman Bayu Indah yang turut berdepan cabaran jarak dan kapasiti penduduk. Saya berharap pihak berkuasa akan dapat memberi

penilaian segera dan memberikan kelulusan yang sewajarnya demi kemudahan serta kesejahteraan umat islam.

Dato' Yang Dipertua, saya juga bersetuju dengan Lukut, isu pencahayaan di Seremban Port Dickson Highway. Ingin saya menarik perhatian, isu keselamatan jalan raya kekurangan pencahayaan di Lebuh Raya Seremban Port Dickson. Lebuhraya ini sepanjang 23km menghubungi Mambau, Seremban dan Port Dickson dan digunakan oleh ribuan pengguna pada siang hari. Termasuk kenderaan-kenderaan persendirian, lori dan kenderaan berat. Pada pelbagai waktu terutama pada waktu malam dan ketika cuaca buruk keadaan ini menjadi tidak selesa kerana pencahayaan ataupun kekurangan lampu jalan ini menjadikan risiko untuk kemalangan itulah lebih tinggi. Dato' Yang Dipertua, pencahayaan di tanah perkuburan Taman Intan Perdana. Saya ingin menarik perhatian dewan isu pencahayaan di Tanah Perkuburan Taman Intan Perdana yang memerlukan tindakan segera kawasan perkuburan tersebut berada dalam keadaan gelap pada waktu malam walhal terdapat urusan perkuburan yang perlu dilaksanakan pada waktu malam apabila berlaku kelewatan atau sebelah petang. Keadaan pencahayaan tidak memadai keadaan pencahayaan yang tidak memadai menyukarkan pertugas melaksanakan tugas pengurusan jenazah secara teratur selamat dan penuh beradab. Ingin saya maklumkan bahawa pihak pengurusan kubur tersebut terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan membeli lampu solar bagi menampung keperluan asas pencahayaan. Namun begitu, pencahayaan tersebut masih tidak cukup dan tidak konsisten untuk menyokong kerja-kerja pengurusan jenazah pada waktu malam. Laluan jalan berhampiran kawasan perkuburan turut berada dalam keadaan gelap dan boleh menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna dan merayu pada pihak berkuasa berkaitan meneliti keperluan lampu pencahayaan yang sesuai dan berkesan sama ada secara konvensional atau lampu solar demi memastikan keselamatan serta kelancaran dalam penghormatan pengguna jenazah di tanah perkuburan itu.

Dato' Yang Dipertua, sebagai wakil rakyat saya ingin menekankan bahawa isu penting yang perlu diberi perhatian agar perbelanjaan ini dapat menerima manafaat maksimum kepada seluruh Negeri Sembilan khususnya di kawasan luar bandar dan komuniti yang lebih memerlukan. Pertama berkaitan dengan pengagihan bantuan dan pelaksanaan projek. Saya ingin bertanya bagaimana kerajaan negeri memastikan penyaluran bantuan dan projek ini sampai ke kawasan luar bandar dan kawasan pelancongan yang bukan bandar seperti Port Dickson, Jelebu dan daerah luar bandar yang lain. Adakah terdapat mekanisme khusus supaya pembangunan ini tidak tertumpu di bandar sahaja. Kedua berkaitan dengan ketelusan pelaksanaan dengan 69 inisiatif yang dirancang, saya ingin menegaskan kepentingan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang jelas bagaimana kerajaan negeri memastikan rakyat dapat melihat perkembangan projek, status peruntukan

dan keberkesanan setiap inisiatif. Tanpa pemantauan yang telus, risiko kelewatan dan ketidakadilan dalam pengagihan pasti akan wujud. Ketiga berkaitan dengan defisit Bajet Belanjawan 2026 mencatatkan defisit sebanyak RM30 juta ringgit. Saya ingin bertanya apakah langkah jangka panjang kerajaan untuk memulihkan keseimbangan bajet dan adakah terdapat rancangan untuk menjana semula, menjana semua pendapatan tambahan supaya defisit tidak memberi tekanan kepada pelaksanaan-pelaksanaan projek kepada rakyat. Keempat berkaitan bantuan Kesihatan. Kerajaan negeri telah menyediakan bantuan untuk pesakit kanser, dialisis dan rawatan kesihatan kritikal. Bagaimana kerajaan memastikan dana tambahan disediakan sekiranya bilangan penerima itu meningkat? Ini penting supaya rakyat yang benar-benar memerlukan tidak terlepas daripada manfaat bantuan yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan. Kelima berkaitan pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan. Saya ingin juga menekankan bahawa perbelanjaan ini harus memberi impak langsung kepada peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi tempatan khususnya untuk golongan belia komuniti miskin B40. Apakah strategi kerajaan untuk memastikan projek pembangunan projek pelancongan dan inisiatif ekonomi dapat membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' *Speaker*, secara keseluruhannya Belanjawan Negeri Sembilan 2026 menunjukkan niat baik kerajaan untuk menyentuh pelbagai aset kebajikan rakyat, namun keberkesanan ini bajet ini bergantung kepada pelaksanaan, ketelusan dan pemantauan yang berkesan. Saya berharap kerajaan negeri dapat menjawab dan memberi penjelasan yang komprehensif bagi memastikan setiap ringgit dibelanjakan memberi manfaat maksimum kepada rakyat Negeri Sembilan. Bagan Pinang menyokong Belanjawan 2026 dengan pindaan. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Pinang. Saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Salam Sejahtera, salam Negeri Sembilan bersih, muafakat Sejahtera. Salam Malaysia Madani. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 di dewan yang mulia ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan atas pembentangan Belanjawan 2026 yang bertemakan Belanjawan Madani, Rakyat Harmoni. Tema ni jelas menggambarkan pendekatan yang menyeluruh berpaksikan

rakyat serta menumpukan kepada 9 bidang utama yang mencerminkan keprihatian kerajaan negeri terhadap kesejahteraan rakyat. Namun tema yang baik mesti disokong dengan pelaksanaan yang tegas, pantas dan berkesan di akar umbi. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta seluruh jentera kerajaan negeri atas kejayaan menukarkan kedudukan kewangan negeri daripada defisit pada belanjawan tahun 2025 kepada lebihan pada ketika ini. Pencapaian ini membuktikan kecekapan tadbir urus serta pengurusan kewangan yang berhemah. Ini satu pencapaian yang wajar dihargai namun saya ingin menegaskan bahawa lebihan kewangan ini mestilah dirasai secara terus oleh rakyat dan bukan sekadar angka di atas kertas sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan pelaksanaan Projek Malaysia Vision Valley 2.0 ataupun lebih dikenali MVV2.0 saya yakin ia akan terus memacu pembangunan ekonomi Negeri Sembilan dan menyumbang kepada transformasi negeri ke arah negeri berpendapatan tinggi. Sebagai wakil rakyat Chuah saya ingin mengetengahkan beberapa isu penting di kawasan saya.

Dato' Yang Dipertua, isu pertama yang saya nak bawa adalah berkenaan dengan kawalan lembu berkeliaran. Berdasarkan statistik Ibu Pejabat Polis Daerah Port Dickson sepanjang tempoh 1 Januari 2025 hingga 30 November 2025 sebanyak 21 kes kemalangan melibatkan haiwan telah direkodkan di kawasan Chuah. Dan antaranya 15 adalah melibatkan lembu yang berkeliaran dan angka ini hanya merujuk kepada kes yang telah dilaporkan kepada pihak polis Sahaja. Dan saya yakin banyak lagi yang tidak membuat laporan polis. Kewujudan lembu ternakan yang berkeliaran ini bukan sahaja membahayakan nyawa pengguna jalan raya malah turut menjejaskan kebersihan persekitaran terutamanya di laluan pelancong masuk ke Negeri Sembilan. Keadaan sebegini tentu akan memberikan satu pandangan yang kurang baik kepada mereka dan saya difahamkan terdapat dua peruntukan undang-undang utama yang digunapakai untuk mengawal ternakan lembu di Negeri Sembilan iaitu satu Enakmen 8 tahun 1971, enakmen menghalang kerbau dan lembu dalam kawasan-kawasan larangan di bawah Seksyen 5 (1) dan yang kedua adalah Undang-Undang Kecil Kawalan Lembu Dan Kerbau Majlis Daerah Port Dickson 1983, UUK 11. Walaupun peruntukan undang-undang ini wujud, saya berpandangan bahawa penguatkuasaan masih perlu diperkasakan dan saya menyeru kepada Jabatan Veterinar untuk memantau dan memastikan lembu ternakan hanya dibenarkan berada di kawasan yang dilesenkan sahaja, dan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap penternak-penternak yang tidak mematuhi syarat. Kalau ada keperluan undang-undang sedia ada dipinda atau enakmen baru perlu ditambah, mohon buat kajian segera dan pelaksanaan segera. Dan saya berharap Jabatan Veterinar memandang serius terhadap perkara ini dan mengambil

tindakan yang tegas supaya kejadian kemalangan jalan raya akibat haiwan terutamanya lembu berkeliaran dapat dinoktahkan.

Dato' Yang Dipertua, perkara kedua adalah tentang kekurangan di Jalan Sepang- Lukut. Sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 Port Dickson dijangka menerima pertambahan pelancong yang ketara. Saya merakamkan penghargaan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson atas inisiatif menaiktaraf landskap di pintu masuk dari Jambatan Sepang Ke Port Dickson. Namun dengan peningkatan pelancong sudah tentu akan berlaku pertambahan kenderaan terutamanya di Laluan Sepang-Lukut yang sememangnya sibuk pada hujung minggu dan hari cuti. Pada masa ini masih lagi terdapat banyak kekurangan di laluan ini seperti permukaan jalan rosak, berlubang, selekoh-selekoh berbahaya, kekurangan pencahayaan pada waktu malam dan beberapa lokasi berisiko berlaku tanah runtuh. Dan saya telah mengadakan lawatan tapak bersama jurutera JKR Daerah Port Dickson dan lokasi-lokasi kritikal telah dikenal pasti untuk kerja-kerja pencahayaan, pelebaran jalan dan pengukuhan cerun. Sehubungan itu, saya berharap Kementerian Kerja Raya dapat memberi perhatian khusus dan meluluskan peruntukan segera demi keselamatan pengguna jalan raya dan memastikan jalan tersebut sentiasa dalam keadaan lancar dan selamat.

Dato' Yang Dipertua, isu ketiga adalah tentang kemudahan asas di *Pig Farm Area* ataupun PFA. Saya ingin menyentuh sekali kembali isu berkaitan kawasan *Pig Farm Area* yang pernah saya bangkitkan dalam sidang dewan sebelum ini. Untuk maklumat dewan yang mulia ini, pada peringkat awal perancangan, kawasan PFA telah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti jalan, parit dan lampu jalan. Namun setelah sekian lama, kesemua kemudahan tersebut telah mengalami kerosakan dan tidak diselenggara. Walaupun 374 pemilik lot dalam PFA telah membayar cukai tanah selama 26 tahun tanpa gagal. Tetapi sehingga kini tiada satu agensi yang bertanggungjawab menjaga kawasan ini. Ini bukan isu teknikal semata-mata. Ini isu keadilan kepada pembayar cukai. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar sebuah agensi khusus dilantik bagi tujuan pemantauan dan kawal selia kawasan ini dan satu tabung pemulihan infrastruktur PFA ditubuhkan bagi membolehkan kemudahan asas di kawasan ini dibaikpulih. Jika rakyat wajib bayar cukai klien juga, kerajaan juga wajib memulangkan perkhidmatan yang setimpal. Langkah ini penting bagi mengembalikan keyakinan pembayar cukai terhadap kerajaan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu yang keempat adalah tentang isu pengalihan meter air SAINS. Baru-baru ini, saya telah menerima aduan daripada penduduk-penduduk mengenai pengalihan meter air oleh pihak SAINS bagi kediaman di atas tanah lot di mana meter mereka akan dialihkan ke hadapan lot berhampiran paip utama. Saya faham langkah ini bertujuan memudahkan kerja penyelenggaraan. Pengalihan meter air oleh SAINS

mungkin baik dari sudut teknikal, tetapi kesannya kepada rakyat miskin. Ada antara rumah yang terpaksa menanggung risiko paip bocor hingga 200 meter selepas meter air apani SAINS. Saya berharap perkara ini tidak dilihat sebagai isu prosedur semata-mata tetapi sebagai isu keadilan sosial. Saya memohon agar pihak SAINS melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat bersasar supaya risiko kos tambahan tidak dipindahkan kepada rakyat miskin demi menjamin kesejahteraan serta kualiti hidup komuniti setempat.

Yang Berhormat Dato' Dipertua, isu kelima adalah tentang isu ladang ternakan ayam tanpa lesen. Awal tahun ini isu pencemaran sungai dan serangan lalat daripada ladang ternakan ayam di kawasan Chuah telah menyebabkan Jabatan Veterinar mengambil tindakan tegas termasuk pembatalan lesen ternakan pengusaha terlibat. Namun masih terdapat pengusaha yang meneruskan operasi kerana ia merupakan satu-satunya sumber pendapatan mereka. Saya ingin membawa satu kes di Bukit Pelandok. Ia melibatkan seorang wanita, beliau terpaksa meneruskan operasi ladang suami dia walaupun tanpa lesen kerana beliau perlu menanggung kos rawatan suaminya yang telah mengidap kanser, serta menyara anaknya yang masih bersekolah. Kes ini mengingatkan kita kepada kes viral pakcik petai dengan penguatkuasa MPPD yang berlaku pada Mac tahun ini. Tujuannya hampir sama yang mana beliau berniaga tanpa lesen untuk mengumpul duit bagi pembedahan mata isterinya, dan kes ini akhirnya telah diselesaikan secara baik dengan pihak Majlis Perbandaran Port Dickson telah memberikan lesen sementara kepada beliau untuk berniaga. Ini mencerminkan bahawa kita adalah kerajaan prihatin menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Sehubungan itu, saya juga berharap kerajaan negeri dan agensi berkaitan dapat mempertimbangkan pemberian lesen sementara atau bantuan bersesuaian pada pengusaha tersebut agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup tanpa mengabaikan aspek penguatkuasaan.

Yang Berhormat Dato' Dipertua perkara enam adalah berkenaan dengan kemudahan laluan di jalan kampung di kawasan Chuah. Saya menghargai usaha Pejabat Tanah Dan Daerah Port Dickson dalam usaha menaik taraf sebahagian jalan kampung di kawasan Chuah. Namun saya ingin memaklumkan dengan jelas bahawa masih terdapat rizab jalan yang wujud atas pelan tetapi masih tidak dibina di lapangan. Sebagai contoh saya telah menerima permintaan daripada sebuah rumah ibadat di atas lot 174 Bukit Pelanduk. Penganut dan penduduk jiran lot tersebut masih menggunakan laluan atas jalan hakmilik persendirian di lot 20241 sebagai akses keluar masuk. Ini bukan sahaja menimbulkan ketegangan dengan pemilik tanah malah mencemarkan imej pentadbiran apabila *reserve* wujud tetapi rakyat masih terputus akses. Saya berharap perkara ini tidak lagi berlarutan dan saya memohon kepada Pejabat Tanah Dan Daerah Port Dickson segera

menyemak rizab-rizab jalan kampung yang masih belum sempurna dan membina segera jalan rizab mengikut keperluan penduduk setempat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai penutup Chuah dengan ini menyatakan sokongan penuh terhadap Belanjawan Negeri Sembilan 2026 dengan serangkap pantun;

Burung enggang tebang sekawan,
Hinggap bertelur atas jerami,
Chuah menyokong cadangan belanjawan,
Demi rakyat terus harmoni.

Sekian terima kasih.

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Chuah. Saya tak berapa pandai berpantun. Saya tau dua tiga kucing berlari je. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan mesyuarat dewan. Sesi perbahasan Rang Undang-Undang dan Usul ini akan disambung semula pada hari Rabu, esok Rabu 10 Disember 2025 bersamaan 9 Jamadil Akhir 1447 Hijrah. Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat Dewan ditangguhkan pada jam 4.50 petang.]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 10 DISEMBER 2025 (RABU)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
14.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
15.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
16.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut

BIL.	NAMA	KAWASAN
19.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
20.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
21.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
22.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
23.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
24.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
25.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
26.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
27.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
28.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
29.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
30.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
31.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
32.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
33.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
34.	YB Tuan Haji Kamarol RIdzuan bin Mohd Zain	Paroi
35.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
36.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.06 pagi]

1. BACAAN DOA

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan. Susunan mesyuarat, perkara pertama, bacaan doa.

[Setiausaha Dewan telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. *Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi rabbil alamin wassalatu wassalamu ala ashrafil anbiya wal mursalin wa ala alihi wa sahbihi ajmain raditubillahi rabba wabil islami dina wabi muhammadin nabi wa rasulillah*. *Alhamdulillah* segala puji bagi Allah tuhan pencipta alam selawat dan salam ke atas jujungan Nabi Muhammad SAW ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato, Datin-Datin, tuan-tuan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat lagi bagi Persidangan Ketiga Belanjawan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15. Hari ini 10 Disember 2025 merupakan hari keempat persidangan. Di sini saya ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Rantau tidak dapat hadir pada hari ini kerana menjalankan tugas rasmi di Parlimen.

Hadirin sekalian, sebagaimana maklum, sesi perbahasan akan disambung semula pada hari ini. Saya amat berharap semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan dan seterusnya memberikan pendapat-pendapat yang dapat meningkatkan mutu penyampaian kerajaan kepada rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus. Hadirin sekalian sebagaimana biasa saya ingin menyeru pada semua hadirin agar sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap

Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai Ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian terima kasih, selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Keempat)

Setiauasaha Dewan: Perkara ketiga, pertanyaan-pertanyaan. Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan hari keempat.

YB Yang Dipertua Dewan: saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Lui.

YB ADUN Lui: Yang Berhormat Dato Yang Dipertua', saya kemukakan soalan nombor dua.

YB ADUN Pertang: *Bismillahirrahmanirrahim*, Assalamualaikum WBT. Dato Yang Dipertua', pertamanya saya nak ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Lui di atas soalan yang berkaitan dengan pembangunan Generasi Felda. Saya akan mengambil sedikit masa untuk menjawab soalan ini kerana soalan ini merangkumi perkara yang berkaitan dengan pembangunan menyeluruh bagi generasi baharu yang membawa maksud Generasi kedua Felda, ketiga, keempat dan kelima Felda khususnya dalam soal yang melangkaui ataupun merangkumi aspek pendidikan, keusahawanan pemilikan aset perumahan dan keterlibatan dalam sektor pertanian moden. Kalau tidak dijelaskan sejelasnya di dalam persoalan yang ditimbulkan oleh Sungai Lui ini akan membawa persepsi yang kerajaan ni tak buek apo-apo kepada Felda Dato' Yang Dipertua, kerana itu saya harap supaya penjelasan saya pada hari ini boleh menjelaskan segala perkara dan pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan terutamanya oleh Felda dan yang penting sekali apa yang dilakukan oleh kerajaan Negeri Sembilan kepada pembangunan generasi kedua, ketiga, keempat Felda di dalam menjaga hal ehwal yang berkaitan dengan kesejahteraan dan masa depan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat saya sering sebut ya, bahawa Felda sentiasa konsisten di dalam memastikan pembangunan generasi baru di rancangan Felda secara menyeluruh terutamanya di kalangan anak-anak muda dan generasi baru. Soalan Yang Berhormat merangkumi pelbagai aspek iaitu pendidikan, keusahawanan, pemilikan aset, perumahan dan keterlibatan dalam sektor pertanian moden, jadi saya sebut pada hari ini untuk saya sentuh setiap soal yang berkaitan yang ditimbulkan.

Pertama Dato' Yang Dipertua, soal Pendidikan, *Program Smart Classroom* Felda dilaksanakan di rancangan Felda bermula pada tahun 2021 sampai hari ini dan matlamat utama penubuhan *smart classroom* yang berkonsepkan bilik darjah pintar adalah berfokus kepada penggunaan teknologi ICT digital dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di samping mengwujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Sebanyak 14 buah sekolah yang terlibat di Felda Wilayah Raja Alias dan masih aktif dengan pelbagai aktiviti sampai hari ini. Kemudian yang keduanya ialah Program Felda Digital Maker Hub atau *FDMH-Coding And Robotics* telah mula dilaksanakan juga pada tahun 2021 sehingga sekarang bertujuan untuk mewujudkan satu budaya inovasi digital dan kemahiran pemikiran kemahiran komputer dalam kalangan murid dan warga sekolah. Ini pun kita buat di semua sekolah di kawasan Felda. Sebanyak 3 buah sekolah di Wilayah Raja Alias yakni SK Raja Alias 3, SK Felda Serting, SK Lui Timur terlibat dalam pelaksanaan program ini dan telah menyertai *Felda Robotics Challenge 2025* pada 1 hingga 3 Ogos bertempat di MITEC Kuala Lumpur dan SK Lui Timur juga telah mendapat tempat naib johan sempena dengan *Felda Robotics Challenge* Bagi Tahun 2024.

Yang seterusnya Dato' Yang Dipertua, pusat literasi keluarga PLK merupakan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang berumur 3 sehingga 4 tahun. Sebanyak 41 buah PLK dalam rancangan Felda telah pun diwujudkan dengan memberi peluang kepada anak dan cucu peneroka mendapat pendidikan awal sebelum memasuki alam persekolahan. Yang seterusnya pusat pemulihan dalam komuniti PDK semua orang tahu yang diwujudkan khusus kepada anak cucu peneroka yang kelainan upaya OKU, orang kelainan upaya bagi mendapatkan pendidikan awal melalui kurikulum yang formal dan sekarang ni KEMAS di bawah KKDW akan mewujudkan pulak tadika OKU orang yang kurang upaya ni insya-Allah bermula tahun 2026 ini akan dilaksanakan di setiap kawasan daerah ataupun kawasan DUN. Sebanyak 8 buah sekolah yang terlibat iaitu Felda Kepis, Jelai 4 Pasoh 1, Pasoh 2, Raja Alias 2, Serting Ilir 4 Dan Palong 6 dalam PDK tadi ya bagi pencapaian SPM tahun 2024 sebanyak 3 buah sekolah tersenarai dalam 10 sekolah terbaik di kawasan Felda iaitu SMK Bandar Baru Serting, GPS 3.32, SMK Palong 7 di kawasan DUN Palong ya, GPS 3.93 dan SMK Bukit Rokan GPS 4.13. Nampak kompetitif ya Dato' Yang Dipertua. Felda Raja Alias berada di kedudukan ketiga daripada 11 wilayah di seluruh Felda dengan GPS 4.63. Manakala bagi pencapaian UPKK tahun 2024 seramai 211 orang pelajar telah mendapat keputusan cemerlang yakni 7A dan A9.

Bab keusahawanan Dato' Yang Dipertua, pertama kita ada TUBF Ataupun Tabung Usahawan Belia Felda yang menawarkan pembiayaan kepada usahawan baru dan sedia dengan komuniti Felda khusus untuk memula dan mengembangkan perniagaan kecil. Kedua latihan keusahawanan turut disediakan oleh keusahawanan Felda melalui kerjasama MARA, FAMA,

RISDA, pertanian, perikanan, veterinar dan Felda, ini semua sedia maklum ya. Yang ketiga ialah jumlah keseluruhan usahawan Felda Raja Alias adalah 1,724 usahawan sasaran tahunan bagi pendaftaran baru pada setiap tahun usahawan adalah seramai 98 orang.

Ketiga Dato' Yang Dipertua, perumahan saya dah sebut panjang lebar ketika menjawab soalan daripada Yang Berhormat Serting pada hari kedua persidangan yang melibatkan 909 unit PGBF di bawah kawalan Felda dan 510 unit yang telah diserahkan kepada kerajaan negeri. Cuma hari ini Dato' Yang Dipertua, saya nak perbetulkan *statement* saya pada hari kedua bahawa tidak ada satu pun projek perumahan yang 909 ni siap, saya nak betulkan di Bukit Rokan kita dah siap 300 unit cuma ada sedikit lagi yang perlu kita penuh syarat SAINS dan Tenaga Nasional, dan Felda Pasoh 3 kita ada 150 unit lagi yang peratusan kesiapannya hampir dalam sekitar 10 ke 15 peratus lagi. Itu yang dah pencapaian nanti kita buat ya.

Yang akhir sekali Dato' Yang Dipertua, peladangan. Bagi membantu generasi kedua Felda mendapatkan peluang pekerjaan di sektor peladangan, Felda telah memperkenalkan Field Gig. Melalui inisiatif ini generasi kedua boleh memohon dan melibatkan diri di dalam pelbagai kerja ladang yang ditawarkan di rancangan Felda di seluruh negara Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YB ADUN Sungai Lui: Soalan tambahan Dato' Seri, satu saya nak tanya tentang pertanian iaitu bila kita di kawasan Felda kita ada banyak penternak-penternak yang menternak secara tradisional dan satu masalah yang timbul iaitu apabila tiba musim untuk tebang semula sebagainya, mereka ini diarahkan untuk mengosongkan ataupun mengalihkan ternakan diorang ni dan ini menjadikan satu masalah kepada penternak untuk mengalihkan ternakan dan sebagainya, adakah satu mekanisme lain untuk kita bantu penternak ini untuk mengatasi masalah tersebut?

YB ADUN Pertang: Saya tak pasti soalan Yang Berhormat Lui. Penternak, bila sampai musim nak kena…

YB ADUN Sungai Lui: nak tanam semula mereka diarahkan untuk mengosongkan ternakan. bermakna penternak ini ada yang 700-800 ekor ternakan.

YB ADUN Pertang: Baik Dato' Yang Dipertua, ini adalah konsep untuk melakukan aktiviti penternakan domestik secara individu dan kelompok kecil yang menggunakan kawasan-kawasan tanaman, sama ada sawit ataupun getah. Kebanyakannya sawitlah. Apabila proses penanaman semula, tentulah kawasan yang kita panggil sebagai kawasan penempatan penternakan ini harus dikosongkan untuk melaku dan menjalankan proses

penanaman semula. Jadi apabila berlakunya itu ada di kalangan penternak domestik ini menjual secara blok ternakan mereka maknanya kalau ada 50 ekor, dia jual 50 ekor secara blok, ada yang 60 ekor 60 ekor jual apa kita panggil? jualan kendang, bukan jualan ladang, jualan ladang ni Nismilan Prihatin, dia jual kandang ni dan murah, Dato' Yang Dipertua, ada penternak yang mengambil pendekatan yang sedemikian rupa, tetapi kalau penternak ini nak meneruskan ternakan mereka di dalam konsep yang lebih besar, maka pihak kerajaan negeri, melalui veterinar, kita ada padang ragut yang kita sediakan di beberapa tempat, dan kebanyakan padang ragut di Negeri Sembilan ni masih ada kekosongan yang boleh kita isi dengan operator penternakan haiwan ini, dan mereka boleh mohon, kalau kita dapati bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti penternakan *viable* dengan izin, maka kita akan terus memberikan peluang kalau kita boleh cetuskan minat mereka untuk terlibat dalam aktiviti penternakan pertanian dan keusahawanan, apatah lagi kalau mereka sudah melalui proses itu, dan nak memenuhi kehendak mereka dengan hanya untuk mendapatkan tempat yang sebaiknya, tentunya, kerajaan negeri melalui jabatan yang berkaitan akan memberi dokongan dan sokongan. Jadi saya nak minta Yang Berhormat Lui, kalau ada kes ini di kawasan Yang Berhormat, termasuk di kawasan Yang Berhormat yang lain sila maklumkan kepada saya, dan saya akan penuhi harapan dan hasrat Yang Berhormat terutamanya dalam memenuhi kehendak untuk memenuhi kesejahteraan golongan peneroka di kalangan generasi ke-2, ke-3 dan ke-4 Felda, Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat, Juasseh.

YB ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan nombor 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya minta maaf pasal saya terlari daripada jadual. Juasseh ni selalu betul lari daripada jadual, pasal apa saya tak tau. Takpalah, Juasseh terima kasih soal saya. Jawapannya senang je, Juasseh tanya apakah status terkini pusat pengumpulan padi di Melang? Yang Berhormat balik ke Juasseh itu hari-hari tengok ada pusat pengumpulan padi tu. itu tak pernah tutup.

YB ADUN Juasseh: Itu sebab saya tanya tu, itu sebab saya tanya…

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat tanya, biar saya jawab dulu, Yang Berhormat toksah la masuk dulu, karanglah kot nak tanya soalan tambahan. Memang kita ada daripada bila kita buka tu? Daripada tahun 2022 Yang Berhormat tanya berapa hasil keseluruhan yang telah dikumpulkan? Untuk maklumat Yang Berhormat pusat itu beroperasi seperti biasa, pusat ini adalah tempat pengumpulan hasil padi daripada pesawah di sekitar kawasan yang berkenaan dan ada yang datang daripada Jelebu ni, Yang Berhormat Datuk *Speaker* dan ada daripada Jelebu ni dihantar juga kepada pusat

pengumpulan ini. Pihak kerajaan negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan sentiasa pantau pelaksanaan aktiviti di pusat ni bagi memastikan kemudahan tersebut secara optimum dan selaras dengan objektif asal penubuhan. Oleh kerana Yang Berhormat nak tahu secara *detail*, harini ni saya nak bagitahu ya, daripada bulan Januari 2025 sampai September 2025 dalam tempoh itu 614.37 tan matrik padi telah pun dikumpulkan di pusat pengumpulan ini. Maknanya Dato' Yang Dipertua, dalam soal perancangan jangka panjang kerajaan negeri berhasrat supaya pusat ni berperanan sebagai hub utama di dalam proses pengumpulan penyimpanan dan pengedaran untuk pastikan padi ataupun beras Negeri Sembilan ini dapat kita kekal dan menampung keperluan bagi masyarakat di Negeri Sembilan ni, yang sekarang ni saya tengok dah semakin hari semakin baik Yang Berhormat. Terima kasih.

YB ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Exco. Soalan tambahan saya, kita sedia maklum antara cabaran utama kepada syarikat pengumpul padi ini adalah bagaimana nak meyakinkan pesawah supaya menghantar hasil padi mereka. Berapakah harga belian padi yang ditawarkan kepada pesawah? Adakah ianya harga lebih baik daripada harga lantai dan apakah tawaran lain yang diberikan oleh syarikat ini.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya dah jawab soalan ni dalam sidang yang lepas-lepas, tapi hari ni saya sebut sekali lagi Dato' Yang Dipertua. Dalam pusat pengumpulan ni Dato' Yang Dipertua, harga lantai daripada RM1,300 dinaikkan oleh Kementerian Keterjaminan Makanan ni untuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan daripada RM1,300 ke RM1,500 sekarang harga lantai belian. Tetapi di pusat pengumpulan ni Dato' Yang Dipertua, kita naikkan kita *offer* dia RM1,600 ke RM1,800 per tan untuk petani-petani hantar beras mereka, padi mereka ke pusat pengumpulan. Di samping itu Dato' Yang Dipertua, ada tawaran yang lebih istimewa yang dikemukakan oleh syarikat yang diberikan tanggungjawab ini, yakni kita beri dia *transport* atau pengangkutan percuma untuk bawa padi ke pusat pengumpulan ini. Saya fikir itu adalah antara perkara insentif yang kita berikan kepada pesawah-pesawah kita di samping beberapa perkara yang kita tambah baik dalam soal supaya pesawah padi kita ini boleh menghantar padi hasil padi mereka ke pusat pengumpulan. Kerana kita tidak ada peraturan Yang Berhormat ya, takda peraturan yang mewajibkan pesawah padi mesti hantar padi ke pusat pengumpulan kita. Dia boleh hantar ke Muar, Melaka dia boleh hantar ke Johor dan ini dimainkan oleh pemain-pemain industri padi ini untuk meletakkan harga tawaran yang jauh lebih tinggi daripada apa yang kita tawarkan, *but so far so good* dengan izin. Harga yang kita tawarkan adalah setanding dengan penawaran yang dibuat oleh kilang-kilang yang berhampiran dengan Negeri Sembilan insyaallah, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, saya kemukakan soalan ketiga.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, ini berkaitan dengan pelaksanaan caj kemajuan di mana kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan telah pun menyediakan kaedah-kaedah caj pemajuan Negeri Sembilan 2023 yang telah pun diwartakan pada 21 Mac 2024. Semua Pihak Berkuasa Tempatan PBT di Negeri Sembilan telah menggunapakai kaedah ini dan pelaksanaan caj pemajuan oleh PBT di Negeri Sembilan berkuasa pada 1 Januari 2024. Kaedah-kaedah caj pemajuan Negeri Sembilan ini juga telah dibuat pindaan pada tahun 2025 dan telah diwartakan pada 29 Mei 2025. Kadar caj pemajuan Negeri Sembilan ditentukan mengikut kawasan status bandaraya sebanyak 15% perbandaran pun 15% status daerah sebanyak 10% dan seluruh kawasan di bawah *Malaysian Vision Valley* (MVV) sebanyak 15%. Caj pemajuan boleh dikenakan sekiranya terdapat kenaikan nilai tanah yang dilevi bagi perubahan pada penggunaan tanah ataupun status tanah, perubahan ketumpatan dan juga perubahan luas lantai berdasarkan kepada Rancangan Tempatan Daerah yang telah diwartakan. Perbezaan itu perbezaan nilai itu akan dikenakan peratusan mengikut bandaraya, perbandaran, daerah dan juga Malaysian Vision Valley. Berkaitan dengan anggaran kutipan dalam Bajet PBT setiap tahun, eh *sorry* dalam Bajet PBT bagi tahun 2025, serta jumlah kutipan sebenar yang telah pun diperolehi sehingga Oktober 2025 mengikut PBT ini adalah seperti berikut, bagi Majlis Bandaraya Seremban anggaran dalam bajet tahun 2025 adalah sebanyak RM23 juta. Jumlah kutipan sebenar yang telah pun diperolehi sehingga Oktober 2025 adalah RM31 juta. Bagi Majlis Perbandaran Port Dickson anggaran adalah RM2.3 juta tetapi yang telah pun diperolehi sehingga Oktober adalah RM5.2 juta. Bagi Majlis Perbandaran Jempol anggarannya RM102,000 yang diterima, kutipan sebenar adalah RM20,000 bagi Majlis Daerah Tampin anggaran RM754,000 kutipan sebenar setakat Oktober RM150,600 bagi Majlis Daerah Kuala Pilah anggarannya RM36,000 untuk tahun ini yang berjaya dikutip setakat oktober RM27,964. Bagi Majlis Daerah Rembau anggarannya RM2.9 juta yang berjaya dikutip sehingga Oktober tahun ini RM581,000 bagi Majlis Daerah Jelebu anggaran kutipan RM149,100 yang berjaya kutip setakat Oktober RM96,979. Jumlah untuk kesemua PBT ini adalah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM37 juta daripada anggaran yang sebelum ini sebanyak RM29 juta. Terima kasih.

YB ADUN Temiang: Terima kasih jawapan daripada YB Exco. Jadi untuk caj kemajuan ini, saya rasa adalah perkara yang baru di Negeri Sembilan. Jadi saya nak tanya, adakah pihak Kerajaan memberi, membenarkan ini pemaju-pemaju perumahan dibayar secara ansuran untuk menjelaskan ini caj kemajuan. Dan yang kedua adakah caj kemajuan ni dikenakan hanya untuk pembangunan perumahan yang berskala besar ataupun mereka yang

menukar syarat daripada pertanian ke komersial juga dikenakan ini caj kemajuan terutamanya pemilik-pemilik tanah yang kecil yang luasnya tidak besar. Ini soalan tambahan saya.

YB ADUN Nilai: Berkaitan dengan soalan yang pertama bagi jumlah caj pemajuan yang melebihi RM100,000 pemaju boleh dengan persetujuan daripada PBT, membuat bayaran secara ansuran. Dimana bayaran pertama adalah sebanyak 15%, pertanyaan terakhir terutamanya pemilik-pemilik tanah yang kecil yang lossnya tidak besar ini soalan tambahan saya bayaran pertama boleh dibuat 15%, kedua 15%, ketiga 20% dan *sorry*, bayaran pertama boleh dibuat 15%, 20% dan 50%. Bayaran kedua dan selanjutnya tempoh masa ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Itu adalah antara perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan tetapi ada pecahan dia 15%, 15%, 20%, 50% dia bukan sekaligus mereka perlu bayar sekaligus sekaligus kerana kita tahu kalau mereka disyaratkan bayar sekaligus pada awalnya ia akan membebankan pihak pemaju. Sebab itu dalam jawapan saya tadi nyatakan ada satu pindahan telahpun dibuat pada tahun 2025 yang telahpun diwartakan balik pada 29 Mei 2025, kerajaan negeri telahpun mengubah cara peratusan pembayaran dia.

Bagi keluasan tanah yang sedikit, tetap dikenakan caj pemajuan tetapi jumlahnya adalah mengikut perbezaan nilai pasaran tanah, sebelum dan berdasarkan zon perumahan yang diluluskan. Biasanya untuk yang perubahan yang berlaku untuk pembinaan rumah-rumah persendirian ataupun satu unit rumah ini biasanya bayaran itu adalah tak sangat tinggi, sebab keluasan tanah pun tak begitu besar. Dan tempoh bayaran, tempoh bayaran ini tiada had maksimum, tetapi ia ditentukan oleh PBT, melalui perbincangan. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Johol.

YB ADUN Johol: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Johol soalan nombor satu.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan pekan-pekan di bawah pihak berkuasa tempatan. Adakah apa-apa cadangan dalam menangani kedai-kedai terbiar dan juga kosong khususnya di kawasan Johol. Secara amnya pihak berkuasa tempatan tiada peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada PBT untuk mewajibkan pemilik memastikan bangunan sentiasa aktif digunakan. Memang tak ada apa-apa undang-undang yang pastikan mereka perlu ada bangunan yang aktif digunakan ataupun mesti beroperasi. Namun begitu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171, PBT mempunyai kuasa mengambil tindakan jika bangunan persendirian itu menjadi tempat pembiakan nyamuk, tikus ataupun membawa apa-apa pencemaran. Dan yang kedua tidak diselenggara sehingga menjejaskan kebersihan alam sekitar. PBT boleh mengeluarkan notis kepada

pemilik bangunan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan pembersihan di bawah Seksyen 82 Dalam Rancangan Tempatan Daerah Kuala Pilah 2035, beberapa pendekatan disyorkan bagi pekan-pekan kecil termasuk di kawasan Johol supaya persekitaran pekan ditingkatkan dari segi visual iaitu melalui penyediaan elemen pencahayaan seperti pemasangan lampu, penyediaan papan tanda yang seragam dan juga menarik serta penyediaan laluan penjalan kaki bagi kemudah sampaian pengguna. Dan berkaitan dengan bangunan-bangunan ini saya ingat setiap PBT telahpun mulakan untuk menghantar ataupun memberikan notis termasuk juga memasang banner di hadapan kedai-kedai ini ataupun bangunan-bangunan terbiar ini supaya tindakan diambil ataupun mesej ini disampaikan kepada pemilik lot ataupun pemilik bangunan tersebut. Kalau tidak dilaksanakan pihak berkuasa tempatan boleh membersihkan kawasan tersebut dan kos itu akan dicaj kepada pemilik tersebut dan ini di beberapa PBT kita telahpun mulakan supaya tempat-tempat yang terbiar ini dapat pastikan kebersihan dan tidak membawa apa-apa gangguan kepada jiran ataupun penduduk setempat. Terima kasih.

YB ADUN Johol: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada YB EXCO atas jawapan yang sedikit banyak bercakap soal inisiatif peningkatan untuk keindahan ataupun pekan-pekan kecil seperti mana saya di Johol. Jadi saya juga nak mencadangkan nak bertanya kepada YB EXCO, saya rasa benda-benda ini patut dilihat apa yang saya masukkan juga menangani kedai-kedai terbiar ini sehingga kini masih lagi ada kedai-kedai yang beroperasi atas dasar seperti tempat sarang burung walit dan sebagainya di kawasan bandar. Jadi ini sebenarnya sedikit sebanyak memberikan kesan kepada kebersihan pekan-pekan seperti di Pekan Air Mawang di Johol ini dan saya juga nak melihat nak mencadangkan kepada pihak PBT supaya kiosk-kiosk yang terbiar ini pun disegerakan penempatan peniaga-peniaga baru ataupun masuk ke dalam kiosk ini, dan saya juga nak menyeru kepada pihak PBT aduan-aduan yang diterima oleh peniaga-peniaga seperti mana EXCO beritahu tadi inisiatif seperti mana nak pasang banner, pasang pencahayaan dan sebagainya, dan saya berharap juga pihak majlis datang kepada kawasan-kawasan ini supaya melihat sendiri apa yang sebenarnya kemudahan-kemudahan yang perlu penambah baik di kawasan itu. Bukan kerana datang sekadar nak bagi penguatkuasaan sahaja. Tetapi hadir ke bandar-bandar ini datang untuk memberikan apa kata itu cadangan-cadangan inisiatif untuk kebaikan pekan-pekan kecil ni. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan bangunan-bangunan yang dijadikan sebagai untuk burung walit ini sepatutnya mereka perlu dapatkan kebenaran dan lebih-lebih lagi di kawasan kedai ataupun di kawasan komersial sepatutnya itu tidak dapat dibenarkan, tidak boleh dibenarkan, dan kita harap penguatkuasaan itu dapat dilaksanakan oleh pihak PBT. Berkaitan dengan MyKiosk memang kita mengakui ada beberapa

tempat MyKiosk itu dikumpulkan dan juga diletakkan di tempat yang tidak strategik. Saya telah pun minta supaya kita kenal pasti peniaga-peniaga yang tepi jalan yang sedia ada kita terus pindahkan kepada mereka. Kita tak perlu pindahkan peniaga itu datang ke satu tempat. Lebih baik kita pindahkan ke tempat itu kalau tempat itu sesuai, tempat itu tidak mengganggu lalu lintas, lebih baik kita bagi terus kita lesenkan mereka. Itu bagi saya boleh menyelesaikan isu ini daripada kita kumpulkan MyKiosk-MyKiosk ini di satu tempat, kerana ia akan mewujudkan satu cabaran antara peniaga-peniaga ini. Peniaga-peniaga ini peniaga kecil, mereka tak boleh bersaing antara satu dua dia mesti berada di tempat-tempat yang jauh supaya mereka pun dapat berniaga, orang lain pun di tempat lain pun dapat berniaga. Dan satu lagi kita ambil maklum, berkaitan dengan beberapa cadangan daripada Yang Berhormat Johol, yang berkaitan kita lihat dan mungkin Yang Berhormat Johol pun dapat memberikan beberapa input kepada saya ataupun kepada PBT untuk kita lihat kesesuaian untuk contohnya pekan-pekan kecil ini ditambah baik dari segi pencahayaan, dari segi laluan pejalan kaki ataupun isu jalan ataupun longkang supaya pekan-pekan kecil ini pun dapat mempunyai kemudahan yang baik untuk dinikmati ataupun memberikan keselesaan dan juga selamat untuk penduduk di sesuatu kawasan itu. Terima kasih.

YB ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi saya nak sentuh pasal MyKiosk yang terbiar tadi YB Exco. Jadi saya sendiri di kawasan Lenggeng pun ada memohon MyKiosk sebab *demand* begitu tinggi. Saya dan saya dimaklumkan oleh Majlis, Majlis Bandaraya bahawa tidak ada yang *available.* Semua telah dihantar ke kawasan-kawasan. Tapi semalam kita dalam bahas Yang Berhormat Labu menyatakan ada lebih kurang 10 ke 11 MyKiosk di kawasan beliau yang tidak digunapakai. Jadi boleh tak YB EXCO menyatakan dalam dewan yang mulia ini bahawa mana-mana MyKiosk yang kita kenal pasti tidak digunapakai malah saya dengar lebih dekat 10 bulan tak pakai, dipindah kepada mereka-mereka atau pemohon permohonan baru yang *demand* dan bagi garis masa tempoh kepada mereka yang di sana tu, maksudnya sekarang ni mungkin mereka tak kasi pindah disebabkan mereka masih lagi nak memujuk peniaga-peniaga. Jadi kita pun perlu bagi masa. Boleh tak nyatakan dalam dewan ni berapa bulan masa yang boleh diberi kepada mereka, supaya senang saya bagitahu peniaga-peniaga kawan-kawan saya, kita ada tempoh dalam 2 bulan 3 bulan kalau mereka tak penuh, kita dapat MyKiosk tu. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan di kawasan Labu yang semalam pun telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labu, ada memang betul ada beberapa tempat yang lama kita tidak ada peniaga tetapi ada juga di peringkat pihak Majlis Bandaraya Seremban cuba untuk dapatkan peniaga untuk diisi di kawasan tersebut. Tetapi sambutan memang tidak baik khususnya di kawasan Kampung Jerangkang? Kampung Jerangkang di Labu,

memang diletakkan di satu tempat yang tidak ada mendapat sambutan. *So* kawasan-kawasan macam itu kita akan cuba pindahkan, saya tak boleh pastikan untuk pindah ke Lenggeng, tetapi saya akan minta kepada Datuk Bandar dan Datuk Bandar pun telah pun meletakkan satu tempoh masa, kalau satu bulan tak ada peniaga ,kita pindahkan saja. *So* itu adalah beberapa tindakan yang boleh kita ambil dengan segeralah. Kita saya pastikan isu ini dapat diselesaikan dalam beberapa tempoh masa ini, sebelum persidangan akan datang diharap tidak ada apa-apa isu MyKiosk ini dibangkitkan dalam persidangan DUN ini melalui Ahli-Ahli Yang Berhormat dan di kawasan Lenggeng pun saya dimaklumkan ada juga pihak majlis sediakan tapak di satu tanah yang baru untuk pindahkan juga beberapa MyKiosk yang sebelum ini terletak di tempat persendirian eh, kalau tak silap lah. *So* saya ingat itu adalah antara inisiatif yang kita sedang laksanakan dan kita pastikan semua MyKiosk ini dipindahkan segera dan yang paling penting dapat digunakan untuk berniaga oleh peniaga-peniaga yang layak. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih Dato' *Speaker*. Mambau kemukakan soalan pertama.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Mambau atas soalan berkenaan dengan lawatan Menteri Pelancongan ke Negeri Sembilan pada bulan September baru-baru ini dan apakah rancangan kerajaan negeri bekerjasama dengan pihak MOTAC untuk memajukan industri pelancongan Negeri Sembilan untuk menarik lebih ramai pelancong. Yang Berhormat Menteri Pelancongan Seni Dan Budaya telah mengadakan lawatan rasmi ke Negeri Sembilan pada 21 hingga 23 September 2025. Lawatan ini bertujuan meninjau beberapa tarikan pelancong utama. Di negeri ini antaranya Muzium Tentera Darat di Port Dickson, Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, *Homestay di* Pelandok Bass Port Dickson, Lorong Seni Seremban, Snow Lim Wonderland, Masjid Seri Sendayan dan Juga Tokong San, San Kau Tong di Blossom, sebagai sebahagian daripada persediaan menjelang Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, dan juga Tahun Melawat Malaysia 2026.

Selain daripada itu lawatan kerja ini antaranya melibatkan projek-projek fizikal yang telah diluluskan di bawah peruntukan MOTAC. susulan daripada lawatan kerja tersebut YBM MOTAC telah secara prinsipnya bersetuju untuk mempertimbangkan peruntukan di bawah kerja-kerja pemulihan pemuliharaan ubah suai dan naik taraf atau PIPUN bagi pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf jambatan gantung dan *survival camp* dengan izin di Muzium Tentera Darat Port Dickson Negeri Sembilan. Pada 22 September 2025, Yang Berhormat Menteri telah mengadakan perjumpaan rasmi dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan di Kediaman Rasmi Menteri Besar bagi membincangkan kerjasama strategik antara MOTAC dan

kerajaan negeri untuk memperkukuh pembangunan pelancongan, menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa serta merangka *Calender Of Events* dengan izin atau Takwim Kalendar berimpak tinggi, demi memastikan kejayaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.

Pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelancong antarabangsa sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, termasuk promosi melalui pameran dan misi jualan luar negara, penggunaan platform digital, kerjasama dengan agen pelancongan, serta penganjuran Famtrip, bagi memperkenalkan produk dan destinasi pelancongan Negeri Sembilan. Menyedari potensi promosi digital, LPNS menjalin kerjasama strategik dengan *Tourism Malaysia*, menggunakan pempengaruh untuk menonjolkan budaya, warisan dan juga produk pelancongan Negeri Sembilan, melalui kempen digital. Penghasilan kandungan kreatif, serta aktiviti hebahan di media sosial bagi menarik pelancong domestik dan antarabangsa. Pada masa yang sama, infrastruktur pelancongan negeri ini akan terus dipertingkatkan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung. Ini termasuk penambahbaikan kemudahan di lokasi pengunjung, pelancong utama, serta penyediaan akses yang lebih baik ke destinasi berpotensi. Untuk makluman semua, dewan yang mulia ini sebanyak RM10.44 juta telah diperuntukkan oleh MOTAC kepada Negeri Sembilan pada tahun 2025, iaitu dari Januari sehingga Oktober 2025. Dan ini merupakan satu rekod negeri yang menerima paling banyak daripada MOTAC untuk tahun 2025.

Di samping itu perancangan turut melibatkan penganjuran acara betaraf antarabangsa yang menarik lebih ramai pelancong luar. Pembangunan pakej pelancongan khas yang lebih menyeluruh dan mesra pelancong, serta peningkatan kualiti perkhidmatan dan hospitaliti dalam kalangan penggiat industri pelancongan tempatan. Langkah-langkah ini diharap dapat memperkukuh ekosistem pelancongan Negeri Sembilan serta meningkatkan daya saing negeri sebagai destinasi pelancongan pilihan di Malaysia. Untuk makluman juga, YBM telah meluluskan untuk satu acara antarabangsa iaitu *powerboat* sebanyak RM1 juta, untuk Muzium Tentera untuk PIPUN RM1 juta dan juga program kebudayaan di Masjid Seri Sendayan sebanyak RM100,000. Pada keseluruhannya, lawatan rasmi YBM MOTAC ke Negeri Sembilan telah membuka ruang kerjasama yang lebih kukuh antara Sekretariat Tahun Melawat Malaysia dan juga Sekretariat Tahun Melawat Negeri Sembilan, usaha yang dirancang ini dijangka dapat memperkukuh imej Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini serta meningkatkan kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa sempena Tahun Melawat Malaysia Dan Juga Tahun Melawat Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Exco Pelancongan, Bukit Kepayang. Dato' Yang Dipertua, kita akan menyambut tahun baru 2026, lebih kurang 3 minggu lagi. Tak lama lagi, jadi

kami di sini memang beryakinan bahawa saudari EXCO akan menjalankan tugas dengan baik dan agresif. Dengan baik sekali sewaktu dalam Portfolio Pelancongan Negeri Sembilan. Jadi soalan tambahan Mambau, apakah *feedback* atau sambutan daripada komuniti sampai ke hari ini untuk menyambut Tahun Melawat Malaysia di Negeri Sembilan. Terima kasih Dato'.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih Yang Berhormat Mambau atas soalan tambahan. Memang *feedback* sangat bagus. Setiap minggu, kami adakan satu aaa… sesi jejak warisan. Dimana lebih kurang 15 atau sehingga 20 orang peserta yang sama-sama mengikuti jejak warisan lebih kurang 20 tempat menarik di Bandaraya Seremban. Dan mereka datang daripada negeri-negeri lain selain daripada orang-orang tempatan dan *feedback* daripada mereka saya sudah *compile* dalam *google forms*, memang sangat bagus. Dan saya difahamkan juga banyak bas-bas pelancongan mengunjungi Pasar Besar Seremban. Dan sekarang Pasar Besar Seremban boleh dikatakan ramai pelancong-pelancong dari luar negeri. Dan juga jikalau anda pergi ke Pasar Karat di Lorong Seni, setiap hari Minggu memang ramai pengunjung. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak Yang Berhormat- Yang Berhormat untuk pergi mengunjungi Pasar Karat di Lorong Seni. dan dari segi promosi besar-besaran, sempena lawatan rasmi YBM MOTAC ke Negeri Sembilan, beliau juga merasmikan Snow Lim Wonderland yang menerima Anugerah *Snow World* Yang Paling Besar di Malaysia. Itu juga mendapat liputan yang meluas, dan Lorong Seni kami bakal mengadakan satu upacara rasmi pada 13 Disember 2025 untuk mengumumkan bahawa Lorong Seni Negeri Sembilan juga mendapat *Malaysia Book of Record,* untuk lorong seni yang paling panjang di Malaysia.

Dan juga pada bulan November ada satu video yang dikeluarkan oleh berkenaan dengan Galeri Stesen Keretapi Gemas, dia tiba-tiba jadi viral dan di mana saya meminta supaya untuk memenuhi syarat sebagai satu muzium mesti ada syarat-syarat kriteria dia. Salah satu adalah mempunyai artifak yang mencukupi. Maka dalam video tersebut, saya telah menyeru kepada orang ramai yang memiliki artifak-artifak ini untuk menyumbang kepada Galeri Stesen Keretapi Gemas dan mendapat sambutan yang begitu hangat. Dan kami terima artifak-artifak tersebut untuk melengkapi Galeri Stesen Keretapi Gemas. Dan juga setiap tahun kami nampak, sempena sambutan Hari Deepavali dekat *Little India*, atau sekarang dijenamakan sebagai *Rangoli Walk*. Setiap tahun dipenuhi, disesaki oleh pengunjung-pengunjung bukan sahaja dari Negeri Sembilan dan juga dari negeri-negeri lain. Dan Ngoca baru-baru ini, menerima 30,000 pengunjung. Begitu hebat aaa… apatu… aktiviti tersebut dan setiap tahun kami ada satu acara program yang besar-besaran iaitu NSFest yang tahun lepas menerima lebih kurang 1.2 juta pengunjung. Dan saya rasa, saya *confident* tahun ini akan lebih ramai pengunjung. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjemput anda semua untuk pergi ke NSFest yang bakal diadakan pada 20 Disember sehingga 31 Disember. Jumpa

anda di situ. Dan saya rasa komuniti-komuniti sudah menyedari bahawa tahun depan adalah Tahun Melawat dan saya rasa pengumuman bahawa tahun depan adalah Tahun Melawat Negeri Sembilan bukan satu pengakhiran. Ia adalah satu titik permulaan di mana kami akan terus dengan promosi tahun melawat ini. Mungkin ada Tahun 2027 2.0, 3.0 kerana promosi ini tidak boleh diberhentikan. Dan saya harap kita boleh sama-sama menggembling tenaga untuk sama-sama promosi sektor pelancongan di Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Johol: Soalan tambahan ya. Saya nak tanya YB EXCO berkaitan dengan promosi tadi kan. Apa yang saya lihat dan dengar tadi ialah banyak promosi di NSFest, di Seremban dan sebagainya. Jadi apakah cadangan pihak Exco berkaitan dengan promosi di kawasan-kawasan luar bandar. Kawasan-kawasan macam di Kuala Pilah, kawasan-kawasan yang mempunyai tarikan tetapi mungkin tak dapat promosi sepertimana yang dicadangkan oleh pihak EXCO tadi.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Johol. Memang aaa… ngoca tu dia ada di Kuala Pilah. Ok, kita ada setiap daerah, kami ada acara yang besar-besaran. Seperti di Tampin kami ada Trans Naning memang ini menjadi satu aktiviti pelancongan yang sangat diminati, dan juga setiap bulan kami ada Program 7 Wonders di mana kami mendaki gunung di setiap daerah. Dan juga saya menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat Johol supaya kita pergiatkan lagi di daerah-daerah lain. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Labu.

YB ADUN Labu: Terima kasih Dato' Yang Dipertua *Speaker*, soalan saya nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan Labu, Jalan Kampung Labu LBJ-ENSTEK. mengapakah JKR masih lambat menaik taraf infastruktur jalan di kawasan ini? Dato' Yang Dipertua, jalan yang dimaksudkan ialah Jalan LBJ, FT1266 di mana pihak JKR tiada perancangan buat masa ini, kerana untuk menaik taraf jalan tersebut. Walaubagaimanapun terdapat pemajuan di kawasan tersebut oleh pemaju New Time Development Sendirian Berhad yang akan menaik taraf jalan tersebut. Kerja-kerja menaik taraf jalan tersebut dijangka akan dilaksanakan pada awal januari 2026 dan kita sedia maklum bahawa NLE juga sedang dalam kerja menyiapkan projek tersebut dan saya yakin bahawa apabila siap projek tersebut kerja-kerja menaik taraf untuk Labu Jaya-ENSTEK ini boleh dibawa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Labu: Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, kepada Yang Berhormat Sikamat, untuk makluman, macam semalam dalam saya punya bahas saya, laluan ini merupakan laluan utama, jadi selepas diberitahu bahawa sementara ini tak ada rancangan untuk pembangunan menambah baik di kawasan berkenaan, saya mohon sekiranya pihak JKR dapat menambah baik infrastruktur jalan di kawasan ini memandangkan Yang Berhormat Sikamat, laluan ini merupakan laluan utama laluan utama banyak kenderaan berat yang melalui dan saya rasa perlu lihat juga bersama dengan mungkin dalam PBT, isu keselamatan ini banyak kemalangan maut berlaku dalam tempoh beberapa bulan ini terutamanya di *traffic light-traffic light* di kawasan ini. Jadi saya mohon walaupun tak ada perancangan untuk menambah baik laluan ini sementara ini tetapi wajib penambahbaikan daripada segi infra terutamanya di kawasan-kawasan *traffic light* dan juga di kawasan-kawasan yang berdekatan kampung dan juga laluan sekolah. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya lihat jalan ini tidak melibatkan mana-mana sekolah kerana sekolah berada di dalam di Kampung LBJ itu sendiri dan cuma saya nak kalau yang tadi di *traffic light* saya rasa itu kita boleh lihat keselamatan semula dan saya akan semak jika ada kemalangan maut dan saya akan minta supaya diberi perhatian utama di kawasan ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Sri Tanjung.

YB ADUN Sri Tanjung: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Sri Tanjung soalan nombor satu.

YAB ADUN Sikamat: Sri Tanjung. Soalan dia Loji Rawatan Air di Ngoi-Ngoi dan Tangki Batu Kikir. Dato' Yang Dipertua, perkembangan terkini pembinaan Loji Rawatan Air Ngoi-Ngoi 2-150 juta liter per hari. Projek pembinaan Loji Rawatan Air Ngoi-Ngoi Fasa 2 yang berkapasiti 150 juta liter sehari masih dalam fasa pembinaan. Fasa terakhir disebabkan keperluan teknikal projek ini mendapat lanjutan masa dan tarikh siap semasa adalah pada 31 Disember 2025 iaitu hujung tahun ini dan kemajuan kerja sebenar pada 25 Oktober 2025 adalah 94 dan berbanding jadual 96.02 dan sekarang kerja-kerja di Ngoi-Ngoi ini adalah penyambungan paip daripada Ngoi-Ngoi ke Bukit aaa.. di Lenggeng. Jadi ini antara yang kita kena segerakan, saya harap pihak PBA, Pihak Berkuasa Air, PAAB untuk sama-sama pastikan bahawa pemasangan paip dapat disegerakan.

Keduanya perkembangan terkini pembinaan Tangki Batu Kikir projek cadangan pembinaan satu tangki konkrit tertulang berkapasiti 990 ribu galen bersamaan 4 ribu 521 ribu 400 liter di Pekan Batu Kikir Mukim Kuala Jempol sedang melalui proses lanjutan masa dan tarikh siap semasa adalah pada

31 Disember juga pada hujung bulan ini insyaallah. Jadi dua perkara tersebut insyaallah akan siap pada dua, pada hujung bulan ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Seri Menanti.

YB ADUN Seri Menanti: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, ADUN Seri Menanti, peruntukan sektor infrastruktur terhadap banjir, pengurusan dan penyelenggaraan sungai dengan jumlah peruntukan RM10.5 juta ringgit bagi tahun 2025. Dato' Yang Dipertua, kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan telah menerima peruntukan sejumlah RM10.65 juta pada tahun 2025 bagi Vot P54. Di bawah Vot tersebut peruntukan disalurkan kepada lapan ketegori utama iaitu pengurusan perancangan tebatan banjir RM370 ribu, pengurusan lembangan sungai RM4.45 juta pengurusan zon pantai RM280 ribu, pengurusan pengairan dan saliran RM3.236 juta, pengurusan saliran mesra alam RM1.5 juta, program kesedaran awam *public outreach program* RM100 ribu dan pengurusan sumber air hidrologi dan mekanikal RM100 ribu dan pelbagai kajian RM213,627 ringgit. Bagi pengurusan rancangan tebatan banjir, projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut Rancangan Tebatan Banjir Sungai Temiang Daerah Seremban RM250 ribu, Rancangan Tebatan Banjir Kampung Tapak Daerah Kuala Pilah RM100 ribu, Rancangan Tebatan Banjir Sirusa Daerah Port Dickson RM20 ribu, bagi pengurusan lembangan sungai di seluruh Negeri Sembilan terdapat terdapat 46 kerja 46 kerja yang telah dilaksanakan pada tahun ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjumput Yang Berhormat Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, dan juga terima kasih kepada YB Temiang di atas soalan hospital besar baru akan dibina di Negeri Sembilan khususnya di kawasan DUN Rahang di bawah RMK-13. Apakah persediaan yang telah dan akan dibuat oleh kerajaan negeri bagi menyambut projek besar ini khususnya dari segi penyediaan infrastruktur, sokongan dan berapakah peruntukan yang telah disediakan dalam belanjawan negeri 2026 untuk tujuan tersebut.

Dato' Yang Dipertua, terdapat perancangan bagi pembinaan blok klinikal tambahan menyusun semula perkhidmatan sedia ada serta pembinaan pusat kecemerlangan perkhidmatan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dalam usaha menambahbaikan fasiliti dan perkhidmatan di Daerah Seremban. Dua

kawasan yang terlibat adalah di tapak tanah hospital sedia ada serta tanah rizab hospital. Persediaan yang sedang dilaksanakan dalam menyambut projek besar ini meliputi permohonan pemberi milikan tanah rizab hospital, penyediaan pelan perancangan pembinaan dan susun atur yang komprehensif, serta perancangan bagi dikenting perkhidmatan semasa kerja-kerja pembinaan. Kertas kerja bagi perancangan projek ini telah diangkat ke pihak Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mendapatkan ulasan berkenaan kebolehlaksanaan perancangan tersebut serta implikasi kos yang terlibat terima kasih, Yang Dipertua.

YB ADUN Rahang: Dato' Yang Dipertua, saya soalan tambahan. Apa status yang terkini?

YB ADUN Ampangan: YB Temiang, kan saya dah jawab tadi, kertas kerja bagi perancangan projek ini telah diangkat ke pihak Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan jadi kita tunggulah mendapat ulasan daripada pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberi ulasan untuk pelaksanaan perancangan tersebut. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, saya bertanyakan soalan nombor satu.

YB ADUN Senaling: Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Kota yang bertanyakan soal mendapan tanah, mendapan tanah di bangunan Sekolah Kebangsaan Semerbuk dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Adnan, Undang Haji Adnan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Dipertua, bagi Sekolah Kebangsaan Semerbuk ni sebenarnya Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telahpun menerima anggaran kos daripada Jabatan Kerja Raya iaitu sebanyak RM230,000 anggaran kos untuk membaik pulih mendapan tersebut, daripada JKR Negeri Sembilan dan telahpun dikemukakan dalam anggaran belanja mengurus ABM pada tahun 2026, iaitu tak lama lagilah Dato' Yang Dipertua, itu kedudukan dia tentang Sekolah Kebangsaan Semerbuk. Mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Haji Adnan pula, JPN telah mengemukakan permohonan lawatan tapak bagi pemeriksaan dan khidmat nasihat teknikal berserta anggaran kos daripada JKR Negeri Sembilan 27 Oktober yang lalu dan permohon tersebut akan dikemukakan ke cawangan cerun JKR untuk tindakan selanjutnya Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Serting.

YB ADUN Serting: Assalamualaikum dan selamat sejahtera, soalan nombor satu Dato' Yang Dipertua.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Serting, kenaikan taraf air di Negeri Sembilan 2025. Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri melalui SAINS sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti, stabil dan mampan dalam dinikmati oleh semua pengguna di seluruh Negeri Sembilan termasuk kawasan luar bandar. Penaiktarafan dan penambahbaikan yang sedang serta dilaksanakan adalah seperti berikut pertama, projek pembinaan loji rawatan air baru pertama, Loji Rawatan Air Ngoi Ngoi Fasa 1 berkapasiti 150 juta liter sehari dan Loji Rawatan Air Kampung Barisan Fasa 1 berkapasiti 150 juta liter sehari sedang dibangunkan bagi meningkatkan kapasiti bekalan air terawat untuk menampung keperluan kawasan Seremban dan Port Dickson. Projek ini akan memastikan tekanan air dan kapasiti agihan di kawasan berkenaan dapat ditingkatkan secara berperingkat.

Keduanya, program pengurangan air tidak berhasil *non revenue water*, pelaksanaan program Active Leakage Detection ALD, pembinaan *District Metering Zone* DMZ, serta penggantian paip lama secara berperingkat sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar NRW yang kini menjadi antara punca gangguan bekalan. Usaha ini turut disokong oleh penggunaan sistem telemetri bagi pemantauan tekanan air dan aliran secara maya. Naik taraf infrastruktur agihan ketiga, menaik taraf infrastruktur agihan dan tangki simpanan air. Beberapa tangki dan rumah pam akan dinaik taraf bagi meningkatkan keupayaan sistem agihan khususnya di kawasan berbukit dan luar bandar yang sedang sering mengalami tekanan rendah. Penambahan tangki simpanan baru juga dirancang di kawasan kritikal bagi menambah rezab bekalan. Kenaikan tarif air yang dilaksanakan adalah bagi memastikan kesinambungan pelaburan dalam projek-projek penaiktarafan ini serta bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan yang semakin meningkat. Walaupun bagaimanapun, kerajaan negeri telah memastikan kadar tarif air bagi kumpulan B40 dan pengguna domestik berpendapatan rendah masih kekal antara terendah di Malaysia. Langkah-langkah penaiktarafan yang dilaksanakan ini dijangka dapat meningkatkan tahap kepuasan pengguna melalui penambahbaikan kualiti bekalan air, pengurangan gangguan serta pengurusan sistem yang lebih cekap dan telus. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Kota: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Setakat pagi ini, daripada jam 7 hingga 11 kejadian paip pecah di 11 tempat Tampin-2, PD-2 Jempol-2, Kuala Pilah-1, Seremban-1 dan juga Rembau-1. Ini ada dalam i-SAINS. Antara permasalahan yang berlaku pada hari ini, permasalahan paip pecah di merata tempat di seluruh Negeri Sembilan. Seperti mana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat sebentar tadi, iaitu penaiktarafan ini terbabit juga tentang penggantian semula paip-paip lama dan sebagainya. Harapan saya agar

perkara ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana permasalahan paip bocor ini di mana-mana berlaku dan juga ia akan menyebabkan kepada pengguna tidak berpuas hati dengan apa yang ada pada ketika ini. Terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Semalam saya dah panjang lebar menyebut setiap daerah yang akan terlibat dalam penggantian paip-paip lama contohnya AC kepada *steel.* Ini antara perkara yang harus diberi perhatian oleh semua ADUN-ADUN kerana ini akan melibatkan kawasan mereka dan mungkin akan menyebabkan gangguan kepada lalu lintas pada tahun hadapan. Jadi saya berharap bahawa kerja terpaksa kita laksanakan kerana kita telah lama menantikan peruntukan bagi penggantian-penggantian paip ini sejak sekian lama dan kita tahu dengan jumlah yang agak panjang ini dengan kerja daripada pihak SAINS, PETRA, PAAB dan juga pihak berkepentingan, saya yakin bahawa ini akan memberikan satu manfaat besar bagi mengurangkan NRW yang berlaku di Negeri Sembilan ini. Dan akan membantu meningkatkan capaian kita kepada penduduk khususnya di luar bandar. dan kita juga mengadakan perbincangan dengan PETRA dan juga Felda bagi memastikan penggantian-penggantian paip di kawasan-kawasan Felda dapat kita laksanakan daripada masa ke semasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Chuah nombor 2.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Chuah atas soalan berkenaan homestay. Sebelum saya teruskan dengan jawapan, izinkan saya memberitahu dewan yang mulia ini, bahawa ada sedikit pindaan untuk jawapan saya semalam kepada ADUN Seremban Jaya. Saya minta supaya dihantar secara bertulis, terima kasih. Perkembangan *homestay* di negeri ini adalah pesat terutama di kawasan tumpuan pelancongan. Mohon nyatakan berapa jumlah homestay berdaftar di negeri ini dan apakah perancangan bagi memberi pilihan kepada pelancong tempatan dan luar negeri dalam meningkatkan pendapatan pengusaha *homestay*. Terlebih dahulu saya ingin beritahu dewan yang mulia ini, Dato' Yang Dipertua, bahawa *homestay* yang dimaksudkan atau dikawal selia oleh MOTAC adalah di bawah Program Pengalaman *Homestay* Malaysia. Ia merupakan satu program di mana perkhidmatan yang ditawarkan tidak terhad kepada perkhidmatan *lodging* saja atau penginapan saja. Pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha *homestay* kebanyakannya adalah rumah-rumah tradisional yang telah berdaftar dengan MOTAC. Menjalani gaya hidup seharian masyarakat malaysia serta turut serta dalam aktiviti-aktiviti pelancongan berasaskan komuniti dengan izin *community base tourism* seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, merewang, perayaan,

belajar tarian, memasak dan sebagainya. Konsep utama yang ditekankan bagi program ini adalah dengan izin *experiential tourism dan community base tourism*. Seiring dengan pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan juga Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, pembangunan *homestay* diperkasa sebagai produk pelancongan yang berdaya saing, berkualiti serta memberi impak ekonomi secara langsung kepada komuniti setempat. Manakala *short term residential accommodation* dengan izin STRA, merujuk kepada unit kediaman persendirian seperti rumah teres, banglo, pangsapuri, kondominium atau rumah berkembar yang digunakan untuk penginapan jangka pendek bagi pelancong atau pengunjung. Penginapan ini biasanya disewakan secara harian mingguan atau kurang daripada 90 hari. Dalam industri pelancongan, STRA ialah bentuk penginapan alternatif yang melengkapkan hotel contohnya AIRBNB, *homestay* modern, servis apartment sewaan harian, rumah percutian ataupun dengan izin *holiday homes*.

Negeri Sembilan setakat ini mempunyai selepas covid sebelum covid ada 12. Pada hari setakat hari ini ada 9 kluster *homestay* yang berdaftar di bawah MOTAC dengan definasi yang saya beritahu tadi yang mempunyai selain daripada penginapan ada pengalaman seharian. Bagi memberi lebih pilihan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa serta meningkatkan pendapatan pengusaha *homestay,* kerajaan Negeri Sembilan memperkenalkan pakej pelancongan bersepadu yang menggabungkan penginapan *homestay* dengan aktiviti eko-pelancongan, pengalaman komuniti dan juga warisan budaya. Selain itu, *homestay* turut dipromosikan menggunakan platform digital dan pemasaran melalui media sosial, agen pelancongan dan penyertaan dalam misi pameran dan jualan di peringkat nasional dan antarabangsa. Tidak dilupakan, latihan dan bimbingan turut diberikan kepada pengusaha *homestay* bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, pengalaman tetamu dan pengurusan operasi yang lebih profesional. Selain itu, penganjuran famtrip ke produk-produk pelancongan di Negeri Sembilan termasuk *homestay* akan diperkasakan dengan penyertaan agen pelancongan dari dalam dan luar negara. Langkah ini bertujuan memastikan pakej lawatan yang ditawarkan dapat memasukkan pengalaman *homestay* sebagai salah satu destinasi pilihan utama bagi pelancong yang mengunjung ke Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Lukut: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan sikit boleh?

YB ADUN Chuah: Lukut, saya la dulu boleh? Soalan tambahan saya, tadi EXCO kita jawab di Negeri Sembilan hanya 9 sahaja *homestay* yang berdaftar dengan kerajaan. Saya nampak itu angka yang sangat kecil lah, berbanding kalau di kawasan saya lebih daripada 9 *homestay* yang ada. Saya nak taulah apa langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mendapatkan data *homestay* yang lebih lengkap di Negeri Sembilan supaya kita dapat apani, membuat pemantauan ataupun memberikan latihan dan merancang

pembangunan serta mempromosikan *homestay* di Negeri Sembilan ni dengan lebih berkesan? terima kasih.

YB ADUN Kepayng: Terima kasih atas soalan tambahan. Yang tadi saya sudah maklumkan dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, bahawa definasi *homestay* di bawah MOTAC adalah selain daripada penginapan, ia mesti memberi pengalaman *community base* kepada yang menginapi homestay tersebut. Ada kriteria-kriteria dia. Jikalau homestay di kawasan Yang Berhormat Chuah menetapi kriteria tersebut, saya boleh mohon maklumkan kepada MOTAC atau saya supaya mereka didaftarkan di bawah MOTAC untuk melebihkan angka tersebut. Tapi cuma untuk *short term residential accommodation*, pada masa sekarang, belum dapat dikawal selia kerana MOTAC kini dalam fasa terakhir memuktamadkan garis panduan penginapan kediaman jangka Panjang SDRA di peringkat nasional. Draf garis panduan tersebut dijadualkan akan dibentangkan kepada jemaah menteri pada awal tahun depan dan seterusnya ke Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan. Di peringkat kerajaan Negeri Sembilan pula, dimaklumkan bahawa keperluan pelesenan STRA telah digariskan dalam draf Undang-Undang Kecil Hotel. Draf ini kini dalam proses semakan akhir oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum dibawa ke Mesyuarat MMK, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan, bagi pertimbangan dan pewartaan. Garis panduan dan kaedah pelaksanaan yang seragam akan dikongsi dengan semua pihak berkuasa tempatan sebaik saja keputusan muktamad diperoleh bagi memastikan pengoperasian STRA dapat dijalankan secara teratur dan selaras dengan kehendak perundangan negeri dan persekutuan. Terima kasih.

YB ADUN Lukut: soalan tambahan sikit Dato' Yang Dipertua. Adakah kerajaan negeri melalui PBT ataupun MOTAC telah melakukan pemeriksaan khusus terhadap premis yang telah menggunakan label *homestay* yang ini tanpa pendaftaran yang sah dan berapa jumlah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil setakat ini dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewajibkan semua penginapan jangka pendek ini termasuk airbnb dan sewaan harian untuk berdaftar sebagai penginapan pelancongan bagi mengelakkan penyalahgunaan istilah *homestay.* Terima kasih.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lukut atas soalan tambahan yang begitu bagus. Memang itu menjadi perancangan kami, itu sebabnya kami kena tunggu peringkat nasional untuk dibentangkan kepada jemaah menteri dan juga tadi saya beritahu di peringkat Negeri Sembilan pula kami akan bentangkan ke MMK supaya kita dapat selaraskan pengawalan selia ini. Kalau tidak, kami tidak ada SOP. pada masa sekarang, belum ada lagi. setelah kami memuktamatkan sop tersebut memang menjadi hasrat kerajaan negeri untuk mendaftarkan semua homestay dan diberi istilah yang tepat. Kerana masa sekarang, istilah *homestay* adalah untuk

penginapan dan juga pengalaman seharian *community base*. *So* untuk masa hadapan, kami akan tetapkan satu istilah yang khususnya untuk *short term residential accommodation*. terima kasih.

YB ADUN Kota: Soalan tambahan Dato'. Tadi Yang Berhormat Exco ada sebutkan sebelum ini kita ada 12 buah *homestay,* sekarang dah tinggal 9. Apa langkah inisiatif daripada pihak kerajaan untuk menghidupkan semula 3 homestay lagi yang di kawasan saya ada 1 *homestay* tapi hanya tinggal *signboard* saja. Apa inisiatif kerajaan negeri untuk mengaktifkan semula *homestay-homestay* yang telah tidak aktif ini untuk dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan di daerah-daerah Negeri Sembilan. Terima kasih.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota atas soalan tambahan. Memang kami ada dari pihak MOTAC ada menyantuni *homestay-homestay* yang aktif sebelum covid. Ada yang tidak berminat lagi atau tidak mampu untuk meneruskan operasi. Tapi kami juga boleh lihat kepada *homestay-homestay* yang menetapi kriteria yang ditetapkan oleh MOTAC supaya dimaklumkan kepada MOTAC, kami akan bantu dan memudahcarakan *homestay-homestay* tersebut didaftarkan di bawah MOTAC. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Gemencheh soalan nombor 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya bangun sekali lagi bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Gemencheh berkaitan dengan usahawan penternak baru. Yang Berhormat Gemencheh bertanyakan tentang langkah atau cadangan yang boleh diambil oleh kerajaan. Terutamanya oleh pihak veterinar untuk membantu usahawan penternak baru bagi meningkatkan daya tahan dalam menghadapi cabaran tentang penjagaan haiwan, penyakit atau pemakanan serta modal asas seperti pembiayaan, bantuan kewangan dan lain-lain.

Dato' Yang Dipertua, program pembangunan industri ternakan ini memberikan tumpuan kepada dasar jaminan makanan negeri khasnya dan juga jaminan makanan negara seperti yang kita sedia maklum lah. Tumpuan Jabatan Veterinar Negeri Sembilan adalah untuk memastikan tahap-tahap kadar kecukupan bagi 5 komoditi ternakan yang utama seperti daging lembu, kerbau, daging kambing bebiri, daging ayam, telur ayam dan susu segar mencapai sasaran ditetapkan di dalam Dasar Agro Makanan Negara 2.0 dan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2025. Bagi memastikan pada para penternak dapat meningkatkan hasilan ternakan mereka dan seterusnya mencapai tahap SSR yang telahpun ditetapkan, kerajaan Negeri Sembilan

melalui Jabatan Veterinar Negeri Sembilan telah memperuntukkan RM29 juta ringgit Dato' Yang Dipertua, dalam RMK-12 yang meliputi tempoh 5 tahun pelaksanaan daripada tahun 2021 sampai 2025. Sehingga 2025 sebanyak RM19.6 juta telahpun disalurkan oleh kerajaan negeri bagi membangunkan industri ternakan melalui inisiatif seperti yang saya nak sebut, ada 8 inisiatif untuk maklumat Yang Berhormat.

Pertama, program pengembangan veterinar. Yang kedua *regulatory*. Ketiga, kesihatan veterinar. Keempat, program pendekatan pengeluaran ternakan. Kelima, pembangunan industri asas tani. Keenam, pengukuhan genetik ternakan dan pembangunan teknologi pengeluaran makanan ternakan dan padang ragut. Jadi bagi memperkukuhkan kesemua strategi jangka pendek ini beberapa langkah penambahbaikan telahpun dijalankan dalam penyampaian perkhidmatan dan bantuan kepada para pengusaha ternakan merangkumi beberapa perkara yang semua kita sedia maklum. Maknanya macam menstrukturkan, mengklasifikasikan kawasan padang ragut seperti yang dah saya selalu sebut. Kemudian memberi keutaman kepada penternakan, terutamanya tunusu yang ada di Gemas, ada di Gemencheh sekarang. Kawasan pengeluaran lembu pedaging dan pelbagai perkara yang berkaitan dengan isu ataupun penternakan bagi memastikan kesemua hasilan ternakan ini dapat memberikan manfaat dalam industri daging negeri dan juga negara. terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya mohon ada wakil untuk memanjangkan soalan daripada Rantau. Takda.

YB ADUN Klawang: Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Walaupun belum dimohon bangun, tapi Seremban Jaya dah minta kemukakan soalan. Klawang mengemukakan soalan pertama.

YB ADUN Linggi: Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Klawang atas soalan yang berkaitan dengan talian telko di bahu jalan raya yang masih tidak diselenggara dan dipenuhi dengan tumbuhan yang menjalar. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terutamanya Ahli Berhormat ADUN Klawang, Suruhanjaya Komunikasi dan juga Multimedia Malaysia MCMC bersama pemberi perkhidmatan sentiasa bekerjasama dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan juga penyelenggaraan infrastruktur telekomunikasi sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan juga diselenggara. Sehingga 30 September 2025 MCMC telahpun menerima sebanyak 3477 aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan komunikasi dengan 48 daripadanya melibatkan struktur tiang gentian optik yang tidak diselenggara dengan baik. Antara aduan yang dilaporkan termasuklah struktur tiang yang tumbang ataupun jatuh akibat hakisan tanah, kabel yang tidak kemas dan juga sebagainya. Berdasarkan aduan-aduan yang diterima, kerajaan negeri melalui MCMC telah

mengarahkan pihak pemilik struktur untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan segera serta memulihkan perkhidmatan internet yang terjejas.

Selain daripada itu, MCMC juga telah mengarahkan semua pihak industri memastikan struktur tiang jalur lebar gentian optik sentiasa diselenggara dan dipantau secara berkala. Selanjutnya, kerajaan negeri bersama MCMC telahpun mengambil tindakan proaktif dengan mewujudkan satu jawatankuasa kerja bagi Pelan Strategik Keselamatan dan juga Integriti Infrastruktur Komunikasi Negeri Sembilan pada 28 Julai 2025 bersama pemilik-pemilik struktur. Ianya bertujuan untuk merangka pelan strategik dengan pendekatan lintas agensi dan juga pemilik struktur komunikasi agar aspek pemantauan penguatkuasaan, pelaporan dan juga respon, pemulihan perkhidmatan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik. Namun, sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat mahupun orang ramai di dalam kawasan DUN Klawang yang masih mempunyai masalah perkhidmatan adalah amat dialu-alukan untuk mengemukakan aduan kepada pemberi perkhidmatan iaitu syarikat-syarikat telko ataupun terus kepada MCMC di pautan aduan.mcmc.gov.my bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sekian terima kasih.

YB ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, keadaan ini sebenarnya berlarutan di banyak tempat. Malah sekarang ni kalau kita turun antara Klawang dan Seremban di jalan itu banyak perkara-perkara yang sebegini. Malah berlakunya kecurian-kecurian dan wayar-wayar yang dipotong tu hanya tergantung di tiang-tiang terlibat. Soalan saya adakah kecurian-kecurian ini dilaporkan dan bagaimana statistiknya selepas dalam masa 3 tahun yang kebelakang ini dan adakah langkah-langkah pencegahan oleh telko terlibat untuk mengelakkan kecurian-kecurian ini? terima kasih.

YB ADUN Linggi: Terima kasih Yang Berhormat ADUN Klawang atas soalan tambahan dia berkaitan kalau soal statistik ini saya tidak dapat beri jawapan dengan segera dalam dewan yang mulia ini cuma berkaitan dengan kecurian, *mainhole* yang hilang, itu memang di dalam pemantauan dan kita mengharapkan laporan-laporan terutamanya daripada warga penduduk yang melihat kejadian-kejadian seperti ini berlaku hendaklah terus melaporkan kepada pihak polis dan kalau ikut data kita sebelum-sebelum ini memang banyak berlaku kecurian-kecurian kabel dan kebanyakan mereka tinggalkan begitu saja dan kadang-kadang ada kabel-kabel yang tidak digunakan dah tamat tempoh tidak digunakan jadi kadang-kadang kita tak dapat maklumat yang sebenar dan lokasi yang tepat. Jadi kita harapkan supaya pelapor-pelapor dapat memberi maklumat yang tepat kepada kita untuk tindakan selanjutnya terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: Soalan nombor… aaa, Assalamualaikum WBT soalan nombor satu.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya nak ucapkan terima kasih kepada Paroi kerana bertanyakan soalan yang berkaitan dengan sawah padi yang terdapat di Negeri Sembilan. Untuk makluman dewan, jawapan bagi soalan ini saya jawab secara bersama dengan soalan nombor satu ADUN Sungai Lui pada hari kelima yang bertajuk pengeluaran padi di Negeri Sembilan oleh kerana kedua-dua soalan merujuk kepada perkara yang sama berkaitan dengan tanaman padi. Menjawab soalan utama daripada Yang Berhormat Paroi berkenan keluasan penanam padi di Negeri Sembilan. Luas kawasan lazim bertanam di Negeri Sembilan adalah seluas 1,150 hekta yang melibatkan kawasan utama iaitu Jelebu, Jempol Kuala Pilah dan Tampin yang meliputi 13 skim padi yang berada di bawah pemantauan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan. Untuk makluman Yang Berhormat, padi ataupun *oriza sativa* dalam nama saintifiknya untuk rekod dewan pasal kita nak tukar sekali Negeri Sembilan tukar nama padi itu *oriza sativa. oriza sativa* kalau. kalau di dialekkan tu dia akan jadi bahasa Yang Berhormat Nilai. Dia *relax* sikit Yang Berhormat ya, pasal tapi ni betul *oriza sativa* bahasa saintifik bagi padi lah. Diberi tumpuan oleh kerajaan negeri bagi memastikan sekuriti makanan negeri dapat dipenuhi. Penekanan ni diambil perhatian oleh kerajaan negeri apabila kita mengambil iktibar Yang Berhormat. Pada tahun 2023 bila berlakunya kekurangan beras di pasaran sekaligus meningkatkan permintaan kepada beras tempatan beras putih tempatan.

Jadikan itu Yang Berhormat, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah yang sewajarnya seperti melaksanakan tindakan peluasan kawasan sawah dengan memanfaatkan tanah-tanah terbiar untuk dibangunkan semula sebagai kawasan penanaman padi. Masalah kita sekarang ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Yang Berhormat Paroi kerana aktiviti penanaman padi ni tidak yang dikatakan tidak menguntungkan sesetengah pesawah. Jadi kerana itu dia tidak begitu popular, jadi kerana itu pada tahun 2024 Dato' Yang Dipertua, 150 ekar 61 hektar kawasan padi bagi Skim Terachi Batu 14 Kuala Pilah telah pun kita pulihkan serta bangunkan dengan penanaman padi bagi tahun 2025. Tahun 2025 ni Dato' Yang Dipertua, kita tambah lagi 40 hektar yakni 100 ekar tanah terbiar yang dikenalpasti untuk dibangunkan secara berperingkat di Skim Londah Tampin. Dalam masa yang sama kerajaan negeri turut menjalinkan kerja sama rapat dengan kerajaan persekutuan melalui pelaksanaan program pelestarian sawah negeri yang melibatkan peruntukan RM2 juta ringgit untuk membangunkan kawasan baru seperti yang saya nyatakan tadi serta menaik taraf infrastruktur sawah dan sistem peparitan bagi meningkatkan keberkesanan pengairan dan produktiviti pesawah. Antara bentuk bantuan lain yang disediakan termasuk penyediaan input pertanian, subsidi baja, benih sah serta khidmat nasihat

teknikal dan di samping itu juga melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang telah pun dikemukakan oleh kerajaan negeri, mensasarkan kerajaan negeri sekarang ini mensasarkan peningkatan purata padi daripada 4 tan sehektar kepada 7 tan sehektar menjelang tahun 2030. 2030 Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat mensasarkan 1 bilion pencapaian kita. Saya mensasarkan 7 tan sehektar saya sikit lah daripada ADUN Sikamat. Jadi saya jaga beras jaga padi, ADUN Sikamat jaga duit, besok senang kita boleh pakai duit yang disasarkan oleh ADUN Sikamat. Jadi selaras dengan itu agenda sekuriti makanan Negeri Sembilan ini dan matlamat kita senang Dato' Yang Dipertua, untuk memperkukuhkan daya tahan sektor pertanian negeri. Orang Negeri Sembilan semua sihat, makanan cukup, beras cukup dan juga kewangan negeri pun akan bertambah kukuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Paroi: Soalan tambahan untuk teknologi dan juga mekanisasi, apakah kerajaan Negeri Sembilan merancang untuk memperluaskan penggunaan teknologi moden ini macam contoh-contoh seperti *dron* atau untuk meningkatkan hasil per hektar di kawasan sawah sebab kita punya keluasan memang rendah tapi dengan teknologi yang kita bawa yang terbaru mungkin akan meningkatkan lagi dia punya apa lah hasil. Yang keduanya ialah untuk golongan muda dan perwarisan pesawah, Apa strategi kerajaan untuk menarik penglibatan anak muda dalam sektor penaman padi agar industri terus mampan dalam jangka masa Panjang? itu dua soalan Dato' *Speaker* aaa… Dato' EXCO.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, Paroi ni yalah Paroi takde kawasan padi kan? jadi kalau nak cari pun dah takde di Paroi ni…

YB ADUN Paroi: us ada us?

YB ADUN Pertang: Aaa???

YB ADUN Paroi: Ulu Sepori ado. Ulu Sepri

YB ADUN Pertang: Ulu Sepri? Ooo… maksud Paroi Ulu Sepri ya?

YB ADUN Paroi: Tak… tak….

YB ADUN Pertang: oh tak masuk…

YB ADUN Chembong: jangan nak menjajah itu… Dato' EXCO, jangan nak jajah kawasan Dewan Undangan Negeri Chembong. Ulu Seperi tu Dewan Undangan Chembong.

YB ADUN Pertang: Itu Chembong selesai dengan Paroi ya, saya nak jawab soalan Paroi…

YB ADUN Chembong: ini ingatan yang tegas daripada saya…

YB ADUN Pertang: Itu selesai dengan YB berdua ya. Saya jawab lah yang Paroi ni ya. Paroi saya dah sebut tadi kita nak tingkatkan daripada 4 tan kepada 7 tan sehektar. Peningkatan ini boleh berlaku seperti di Ulu Selangor, seperti di Sabak Bernam dan sebagainya dengan syarat benda yang berkualiti kita bagi pada pesawah, pertama. Yang keduanya teknologi penanaman padi ni mesti kita upgrade. Kalau kita menggunakan tenaga manusia, sekarang ni kita dah pakai dron. Melalui kepada pesawah-pesawah dan dron yang diberi melalui PPK ni disewakan. Malah ada khidmat dron kita untuk kita digunakan oleh pesawah-pesawah kita di seluruh Negeri Sembilan. Ini memang kita laksanakan. Cumanya untuk makluman dewan bahawa minat golongan muda kepada aktiviti pesawah ataupun penanaman padi ni masih boleh diperbaiki dan dipertingkatkan, kerana hasil yang mereka perolehi daripada jualan padi ni dikatakan tidak boleh memenuhi kehendak dan juga poket ekonomi golongan muda. Ini yang kita nak mula perbaiki daripada sekarang supaya minat orang muda kepada penanaman padi ni dapat kita tambah dari masa ke semasa. Dan saya yakin insyaallah dengan pendekatan beberapa pendekatan baru yang kita lakukan kepada aktiviti penanaman padi ni termasuk melalui aktiviti pelancongan dan juga aktiviti homestay yang dilaksanakan dari masa ke semasa, insyaallah golongan muda akan mula tertarik. Sekarang ni kita naik taraf kawasan penanaman padi di Sungai Buloh dengan kos sebanyak RM850 juta ringgit, eh *no* RM850 ribu ringgit dan juga naik taraf kawasan penanaman padi di Londah dengan kos hampir sejuta dalam proses tender sekarang. Insyaallah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Minta maaf Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Ok…

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat.

YB ADUN Seremban Jaya: Ok, ok Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, minta tolong ini penting punya, satu soalan saja.

YB Yang Dipertua Dewan: Semua soalan sini penting.

YB ADUN Seremban Jaya: Saya takda soalan tambahan.

YB Yang Dipertua Dewan: Tak sekarang ni sudah cukup masa, kita tengah mengejar masa, YangBerhormat.

YB ADUN Chembong: Tak boleh. Kalau Dato' *Speaker* bagi satu Seremban Jaya, Chembong bagi satu.

YB ADUN Seremban Jaya: Takda, Chembong last, banyak jauh, banyak jauh. Dato' Yang Dipertua, satu…

YB Yang Dipertua Dewan: Saya dah buat *ruling,* saya dah buat *ruling* minta maaf. Soalan akan dijawab secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberi jawapan secara bertulis.

4. <u>RANG UNDANG-UNDANG</u>

[sambungan urusan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan Dalam (2026) 2025.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam sesi Perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2026 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 saya nak ingatkan sini ada tujuh adun lagi belum berbahas dan saya berhasrat untuk kita selesaikan perbahasan ini pada pagi ini dan petang kita akan mula pada penggulungan. Sebab itu kita telah banyak masa hari Isnin dan Selasa banyak masa kita terluang kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat tak bersedia untuk berbahas. Jadi hari ini saya hadkan masa setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berucap hanya 10 minit kerana hari Isnin banyak kita masa. Takda siapa yang nak berbahas begitu juga semalam. Sehingga kita biarkan ada Yang Berhormat nak cakap sampai 10 minit pun. Jadi kita tetapkan 10 minit.

YB ADUN Seremban Jaya: aaa… Dato' Yang Dipertua, ini seriuslah. Zaman dulu, satu hari pun ada, setengah hari pun ada, masa itu kita ada cakap dalam dewan yang mulia. Sampai besok, ikut kita sampai besok la. Sebab 5, 6 orang ada lagi mau cakap. Ikut, pasal ini satu hari kita penting. Pasal satu tahun 3 bulan baru Dewan Yang Mulia. Ada apa masalah baru kita boleh bincang sini. Minta tolong.

YB Yang Dipertua Dewan: Okay, 15 minit.

YB ADUN Seremban Jaya: Sekarang saya pun boleh cakap la.

YB Yang Dipertua Dewan: Okay, 15 minit.

YB ADUN Paroi: Dato' Yang Dipertua, saya setuju dengan pandangan sahabat saya sebelah lah. Semalam saya tengok ada yang sampai satu jam.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat….

YB ADUN Paroi: Bagi pembangkang inilah ruang terbaik kami…

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Paroi, duduk sekejap. Peluang tu ada 2 hari lepas, hari Isnin sampai Selasa saya bagi ruang penuh, saya takda tahan, sampai ada Yang Berhormat cakap setengah jam. Tapi saya menunggu lagi, tak ada siapa yang nak berbahas. Jadi kita dah hujung. Jadi saya rasa, saya rasa begitu. Sebenarnya kalau kita bagi 15 minit pun cukup. Tapi kita lepaskan, dia pun cukup begitu, sampai setengah jam. Tapi sekarang ni, kita harap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang ni mengisi 15 minit tu dengan baiklah. Jadi saya mulakan dengan Yang Berhormat Seri Menanti.

YB ADUN Seri Menanti: *Bismillahirrahmanirrahim*, Assalamualaikum WBT. *(bacaan doa dalam Bahasa Arab)*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat EXCO Kanan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat Ahli Dewan serta ketua-ketua jabatan yang saya hormati dan kasihi sekalian. *Alhamdulillah* pada hari ini Seri Menanti, tanah beradat bumi berdaulat mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2026 ini yang mengangkat tema belanjawan madani rakyat harmoni. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan seluruh Anggota Pentabiran Kerajaan Negeri yang diketuai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri atas penyediaan Belanjawan 2026 ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, deras air kerana hujan, makmur negeri kerana agihan. Saya mulakan dengan rasa syukur kehadapan Ilahi kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Sikamat telah berjaya merekodkan prestasi kewangan yang membanggakan. Kita berjaya mencatat lebihan atau surplus sebanyak RM83.07 juta pada tahun 2024 dan menganjurkan hasil mencecah RM610 juta bagi tahun 2026. Satu dokumen fizikal yang memperuntukkan RM640 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM150 juta untuk Pembangunan. Walaupun kita berdepan dengan defisit unjuran sebanyak RM30 juta, saya melihat ini sebagai salah satu juhud Al-Mulk usaha bersungguh-sungguh kerajaan negeri dalam mengimbangi neraca keperluan rakyat dan keterbatasan hasil.

Di sisi pengurusan Islam, angka-angka positif ini adalah satu barakah namun Seri Menanti ingin membawa satu gagasan fikiran di dalam perbahasan kali ini yang berbunyi, deras air dek hujan, makmur negeri dek agihan. Lebihan hasil negeri ini ibarat air hujan yang turun melimpah ruah. Sifat air itu menghidupkan, namun jika air hujan itu hanya bertakung di empangan bukit, sawah dihilir tetap akan kering kontang. Maka menjadi kewajipan pemerintah untuk membina tali air yang cekap, agar air itu mengalir membasahi tanah-tanah rakyat. Justeru itu, kita tidak mahu Negeri Sembilan

sekadar maju pada angka KDNK, tetapi kosong jiwanya. Imam Al-Ghazali dalam nasihat Al-Mul~~u~~k berpesan rakyat itu akar dan pemerintah itu pohonnya. Jika akar itu rosak, maka tiadalah pohon yang boleh berdiri tegak. Maka izinkan saya membahaskan belanjawan ini mengikut 9 bidang tumpuan yang telah digariskan, dengan menyelitkan rintihan dan harapan rakyat dari Lembah Seri Menanti hingga ke Kampung Bukit Pilah.

Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang pertama berkenaan kemampanan ekonomi melancarkan alur menyantuni hulu. Izinkan saya menelusuri bidang tumpuan pertama kemampanan ekonomi. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan negeri atas pencapaian surplus RM83.07 juta pada tahun 2024 dan unjuran hasil yang positif. Ini adalah petunjuk bahawa kolam tadahan kewangan kita yang berada di hulu sedang berlimpah. *Alhamdulillah*. Namun dalam kita merangka angka mikro ini, saya ingin mengajak dewan menelusuri realiti mikro di kawasan Seri Menanti. Falsafah pengurusan air mengajak kita air yang banyak diempangan tidak akan menyuburkan sawah jika alur dan tali airnya tidak diselenggara dengan baik.

Yang pertama isu berkenaan dengan infrasuktur perhubungan. Di Seri Menanti, kita menyambut baik usaha menaik taraf jalan, namun saya ingin membawa perhatian khusus kepada status jalan alternatif di antara Seri Menanti yang akan berhubung dengan Ulu Sepri. Jalan ini adalah sebagai salah satu nadi baru bagi pelancongan dan ekonomi rakyat khususnya di kawasan Seri Menanti. Ibnu Khaldun dalam mukaddimah menegaskan bahawa kemakmuran sesebuah Wilayah, Al-Umran itu bergantung kepada kelancaran jalan-jalan perhubungannya Al-Masalik. Tanpa akses perhubungan yang selesa, potensi ekonomi Seri Menanti sebagai permata pelancongan yang baru akan terencat. Saya memohon agar sebahagian daripada peruntukan penyelenggaraan jalan sebanyak RM10 juta iaitu MARRIS diberikan keutamaan untuk melebarkan dan mencerahkan jalan-jalan kampung yang berada khususnya di Ulu Bendul sehinggalah ke Tanjung Ipoh kerana jalan ini merupakan sebagai salah satu jalan alternatif yang menjadi tumpuan terutama ketika hari minggu dan cuti sekolah.

Gangguan bekalan air lebih kritikal lagi berkenaan dengan isu air. Dato' Yang Dipertua, saya tidak berniat untuk menuding jari, tetapi marilah kita lihat fakta pada 6 hingga 7 Ogos 2025 yang lalu sebahagian besar kawasan Kuala Pilah termasuk kampung-kampung di Seri Menanti mengalami gangguan bekalan air yang menyulitkan kehidupan seharian. Kemudian pada 12 Ogos, sekali lagi notis penutupan dikeluarkan melibatkan kawasan kita. Bagi seisi keluarga di kampung dan peniaga warung kecil di pekan Seri Menanti, air adalah nyawa sebab kata orang kampung biar tak ada api, jangan tak ada air. Gangguan ini bukan sekadar ketidakselesaan ia adalah kerugian ekonomi buat kerajaan negeri. Justeru dengan rezab tunai negeri yang kukuh mencecah RM897 juta saya mencadangkan pendekatan fiq-alawiyat agar

mengutamakan penggantian paip usang di kawasan Seri Menanti. Kita tidak mahu rakyat melihat kita menyimpan wang di dalam akaun sedangkan paip di halaman rumah mereka kering. Biar susut air di kolam, jangan kering tekak rakyat di desa. Terima kasih kepada kerajaan negeri atas jawapan dari Yang Amat Berhormat Sikamat, yang menyatakan bahawa bermula tahun hadapan akan bermulalah penukaran paip-paip lama yang akan bermula bagi tahun 2026 ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan kedua berkenaan dengan keterjaminan makanan, membangkitkan taraf wakaf dan adat. Beralih ke bidang tumpuan kedua keterjaminan makanan. Saya menyambut baik peruntukan RM5.76 juta yang merangkumi inisiatif aituah dan ikhmar. Kawasan saya Seri Menanti secara tradisinya adalah boleh dikatakan sebagai kawasan padi Negeri Sembilan. Pemandangan sawah padi di sana bukan sahaja indah tetapi ia merupakan simbol kedaulatan makanan negeri. Namun realitinya masih ada petak-petak sawah dan tanah adat yang menjadi tanah mawat ataupun tanah mati dan terbiar. Isu ini bukan kerana orang kampung kita malas, tetapi kerana kekangan modal dan kerumitan status tanah adat. Laporan nasional menunjukkan terdapat hampir 91 ribu hektar tanah terbiar di seluruh negara yang berpotensi dibangunkan dan sebahagian kecil daripadanya ada di kawasan saya. Masalah utama di Seri Menanti adalah tanah yang pecah bahagian kecil-kecil *fragmentasi* dan milik ramai waris. Saya mencadangkan satu pendekatan rintis di Seri Menanti model *wakalah* tanah adat. Melalui inisiatif aituah, kerajaan negeri boleh melantik satu entiti seperti koperasi kariah kampung ataupun anak syarikat Negeri Sembilan Corp. untuk menjadi wakil pengurus mereka menyatukan tanah-tanah sawah kecil ini menjadi satu ladang estet mini. Menggunakan jentera moden dan dron pertanian pintar. Keuntungan dibahagikan mengikut faraid dan permuafakatan waris. Ini selari dengan semangat yang ditiupkan oleh pendeta tersohor kita Zaába yang sering mengkritik sikap menunggu buah gugur. Zaába mahu orang kita bangkit mengurus harta dengan bijaksana. Dengan cara ini peruntukan RM250,000 untuk program satu desa, satu tanaman. Tidak akan hanya menjadi program tanam pokok di tepi pagar rumah. Sebaliknya sebagai pencetus kepada industri pertanian komersial berskala komuniti di Seri Menanti.

Tanah Seri Menanti adalah tanah berkat *Insya-Allah* jika kita takbir dengan amanah dan ilmu, ia mampu mengenyangkan perut rakyat Negeri Sembilan khususnya. Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan ketiga pendidikan menyemai benih membaja budi bila kita berbicara soal tanah dan air, izinkan saya menyentuh soal benih iaitu modal insan kita di bawah bidang tumpuan ketiga Pendidikan. Kerajaan memperuntukkan RM28.81 juta untuk sektor ini. Ini satu jumlah yang signifikan ibarat menyediakan tanah dan baju yang cukup untuk menyemai benih modal insan kita. Namun tanggungjawab kita bukan sekadar menyediakan dana tetapi memastikan dana itu menyuburkan

benih yang betul pada masa yang tepat. Yang pertama, ketepatan masa bantuan persekolahan dan IPT. Saya menyambut baik kenaikan peruntukan daripada kerajaan Negeri Sembilan berkenaan dengan BAS-Bantuan Anak Sekolah kepada RM1.2 juta serta penerusan bantuan kemasukan ke IPT. Ini selari dengan prinsip *al-takaful ikhtimai* jaminan sosial. cuma ingin menekankan aspek musaroah iaitu bersegera dalam pengagihan. Jangan biarkan anak-anak kita melangkah ke gerbang sekolah dengan rasa rendah diri kerana kelengkapan persekolahan mereka tidak cukup. Sedangkan peruntukan sudah ada. Bak kata Pendeta Zaába dalam membicarakan kemiskinan. Kemiskinan itu membelenggu himmah ataupun semangat. Maka bantuan yang pantas akan membebaskan semangat anak-anak kita ini untuk belajar.

Yang kedua, persekitaran pembelajaran kondusif. Kita menghargai adanya Tabung Amanah Penyelenggaraan Sekolah berjumlah RM1 juta. Saya menyeru agar tabung ini digunakan secara proaktif untuk membaiki kerosakan kritikal di sekolah-sekolah lama ataupun di kawasan sekolah-sekolah kampung tanpa perlu menunggu aduan tular ataupun viral. Kita mahu sekolah kampung kita, walaupun fizikalnya sederhana tetapi prasarananya selamat dan membangkitkan izzah ataupun kemuliaan kepada para pelajar dan guru. Yang ketiga, pendemokrasian transformasi tusyen tambahan. Berkenaan inisiatif tusyen Madani dengan dana RM650,000 saya mencadangkan agar pelaksanaannya diperluaskan dengan turut mengembangkan kelas-kelas tambahan ini pergi ke komuniti-komuniti balai raya ataupun dewan-dewan komuniti yang ada di kampung-kampung ataupun taman-taman. Yang keempat, sekolah sejahtera tanpa buli.

Akhir sekali menyentuh peruntukan RM600,000 untuk program pembinaan karakter bangsa. Dato' Yang Dipertua, cabaran kita hari ini bukan sekadar melahirkan pelajar pintar, tetapi melahirkan pelajar yang beradab. Mutakhir ini, gejala buli di asrama dan sekolah semakin menjadi barah. Rasulullah SAW bersabda, seseorang muslim itu adalah mereka yang membuatkan muslim lain selamat dari kejahatan lidahnya dan juga tangannya. Riwayat Bukhori. Saya memohon agar dana pembinaan karakter bangsa ini difokuskan kepada Kempen Anti-Buli yang agresif dan berterusan. Kita tidak mahu sekolah menjadi medan trauma. Pasakkan nilai kasih sayang dan hormat menghormati supaya anak-anak Negeri Sembilan, bukan sahaja cemerlang otaknya, tetapi sejahtera jiwanya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang kelima. 4, 6, 8 saya akan buat yang terakhir. Kerohanian dan agama membina jiwa bukan sekadar bantu. Kerajaan juga memperuntukkan RM16.05 juta, termasuk RM6.5 juta untuk naik taraf masjid. *Alhamdulillah*, inisiatif ini memuliakan rumah Allah ini sangat terpuji.

Imam ghazali mengingatkan agama itu asas dan kekuasaan itu penjaganya. Sesuatu yang tidak ada asas akan runtuh dan sesuatu yang tiada penjaga akan

hilang. Pembangunan agama tidak boleh diukur semata-mata dengan tingginya kubah masjid atau mahalnya *carpet import*. Tetapi ia diukur dengan roh dan imarah pengisian di dalamnya. Kepimpinan masjid, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan negeri atas inisiatif elaun tambahan kepada seluruh imam-imam masjid di Negeri Sembilan ini, yang berjumlah RM370,000 serta insentif caruman PERKESO untuk bilal dan juga siak. Ini satu pengiktirafan kepada barisan dakwah kita di peringkat komuniti. Rasulullah SAW bersabda, yang paling utama mengimami kaum adalah yang paling pandai membaca kitab Allah, yakni Al-Quran. Di dalam satu program, saya teringat ada satu program yang dianjurkan oleh kementerian agama iaitu program Samat Hadis Sohih Bukhori di Masjid Putra, Putrajaya. Ada ulamak hadis menegur imam-imam yang berada di masjid terutama berkenaan dengan bacaan kerana mereka ini merupakan imam yang menjadi ketua di dalam ibadah kita. Jadi saya menyarankan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam agar boleh mengadakan daurah panduan imam untuk kita sentiasa memperbaiki bacaan dan kualiti imam-imam di setiap kariah.

Selanjutnya, Dato' Yang Dipertua, program Jilul Quran, belajar dan mengajarkan Quran. Tahniah dan syabas kepada kerajaan negeri kerana menitikberatkan aspek kerohanian Islam di negeri kita ini. Peruntukan sebanyak RM350 ribu adalah permulaan yang baik. Tetapi ia perlu disusuli dengan kefahaman tadabbur, bukan sekadar hafalan. Inilah benteng sebenar rakyat Negeri Sembilan daripada serangan pemikiran liberalisme dan juga keruntuhan moral. Saya mencadangkan agar kita menghidupkan kembali pengajian talaqi bersanat. Kitab-kitab mutabar, karya ulamak silam mempunyai aura tersendiri, keilmuan yang mampu menarik anak muda dan masyarakat untuk sama-sama mempelajari ilmu talaqi ini. Dato' Yang Dipertua, bidang tumpuan yang ketujuh berkenaan dengan pelancongan dan adat. Pohon rendang tempat bertuduh. Berpaling, beralih kita ke bidang yang ketujuh pelancongan adat dan budaya dengan peruntukan RM13.05 juta. Sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026, Seri Menanti adalah permata mahkota pelancongan negeri. Di sini terletaknya istana lama. Binaan kayu tanpa paku yang menjadi saksi bisu kebijaksanaan jurubina Melayu silam. Ibarat pohon rendang di tengah padang, Seri Menanti adalah tempat orang bertuduh mencari akar identiti. Namun persediaan infrastruktur pelancongan di Seri Menanti masih di tahap sederhana. Pelancong datang berbas-bas untuk melihat kehebatan istana. Tetapi kemudahan asas seperti tandas awam yang bertaraf antarabangsa, tempat *parking* yang teratur, papan tanda naratif sejarah masih kurang memuaskan. Pepatah adat menyebut, tegak rumah kerana sendi, runtuh sendi rumah binasa. Tegak bangsa kerana budi, runtuh budi hilanglah bangsa. Dalam konteks pelancongan, budi kita adalah keselesaan yang kita tawarkan kepada tetamu. Saya mencadangkan agar sebahagian besar dana tahun melawat Negeri Sembilan 2026 ini bukan dihabiskan untuk papan iklan di lebuhraya atau di

mana-mana sahaja. Sebaliknya, dilaburkan untuk projek pengindahan dan fasiliti zon warisan di negeri kita. Pekan Seri Menanti berpotensi menjadi seperti Kyoto di Jepun ataupun Fes di Maghribi. Pelancong bukan sekadar tengok bangunan mati, wujudkan homestay berkonsepkan suku. Di mana pelancong boleh masuk kampung.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh ringkaskan sikit tak? Banyak lagi?

YB ADUN Seri Menanti: Sikit lagi. Belajar masak lemak cili api dengan alunan cak lempong dan faham apa itu perut suku dan juga luar. Dato' Yang Dipertua, bagi tumpuan yang terakhir, saya gabungkan sekali 4, 6, 8 dan 9 iaitu menyantuni insan memelihara alam. Saya gabungkan bagi tumpuan ini berkenaan dengan komuniti belia alam sekitar dan kebajikan dalam satu naratif mudah iaitu payung teduhan dan bumi pijakan. Bagi komuniti dan kebajikan, saya menyambut baik kenaikan peruntukan rumah rakyat, rumah harapan rakyat kepada RM10 juta dan inisiatif baru *cancer care.* Ini adalah bukti kerajaan ini bersifat rahmah dan berkebajikan. Namun realiti demokrasi kita adalah masyarakat menua, *aging society*. Ramai warga emas tinggal sendirian kerana anak-anak berhijrah. Rasulullah S.A.W bersabda bukanlah dari kalangan kami sesiapa yang tidak mengasihi anak-anak kecil dan tidak memuliakan golongan orang tua dari kalangan kami. Kerajaan juga memperuntukkan RM13.1 juta untuk wanita belia dan sukan. Saya melihat inisiatif *cancer care* dengan bantuan *one-off* RM1000, dan bantuan *Care4U* ibu tunggal RM1.2 juta sebagai langkah terpuji, namun pemerikasaan wanita desa memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh.

Kita tidak boleh menutup mata yang berkenaan dengan perlindungan keluarga terhadap isu keganasan rumah tangga yang kadangkala tersembunyi di sebalik dinding rumah. Firman Allah S.W.T iaitu bergaulah kamu dengan mereka dengan cara yang terbaik. Saya memohon kerajaan memperkukuhkan unit kaunseling dan perlindungan di peringkat daerah bagi menangani isu ini dengan tegas namun berhikmah. Belia pewaris masa depan seterusnya berkenaan belia peruntukan RM5 juta untuk SUKMA 2026 kita amat alu-alukan. Kita mahukan ngauman atlet Negeri Sembilan bergema. Namun Dato' Yang Dipertua, isu belia bukan sekadar pingat emas tetapi isunya adalah kelangsungan hidup. Skim Rumah Mampu Milik Belia. Saya tertarik dengan inisiatif baru rumah mampu milik atlet Negeri Sembilan ini dengan dana RM5 juta. Anak muda hari ini terhimpit. Rumah nampak di mata. Tangan tak sampai mencapai harga. Saya mencadangkan agar kuota khusus untuk laluan hijau ataupun laluan hijau diberikan kepada golongan belia tempatan dalam skim RMM@Negeri Sembilan ini. Pastikan mereka mampu memiliki syurga kecil mereka sendiri di tanah kelahiran bukannya terpaksa menyewa sampai kedua. Yang kedua, peluang kerja dan ekonomi gig desa. Masalah penghijrahan bakat *brain drain* menyebabkan kampung kita

semakin sunyi. Program keusahawanan belia. jangan sekadar beri geran, tetapi wujudkan ekosistem gig ekonomi desa. Bawa infrastruktur *instrument internet* yang stabil ke pusat komuniti biarlah anak muda khususnya Seri Menanti boleh bekerja sebagai pereka grafik atau pengaturcara komputer dari beranda rumah pesaka tanpa perlu bersesak mencari rezeki di luar. Yang ketiga berkenaan dengan fasiliti sukan dan riadah. Peruntukan RM1 juta untuk infastruktur sukan mestilah digunakan untuk menyelenggara mana-mana gelanggang futsal atau takraw di kampung-kampung yang telah banyak uzur. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Exco Sukan yang sentiasa berhubung dengan ADUN-ADUN untuk memastikan fasiliti sukan di kampung kita sentiasa dalam keadaan baik dan terjaga. Imam syafi'i pernah berpesan tentang masa muda dan jiwamu jika tidak kau sibukkan dengan kebenaran nescaya ia akan menyibukkanmu dengan kebatilan.

Dato' Yang Dipertua, pepatah ada menyebut patah tumbuh hilang berganti kita tidak mahu yang patah itu harapan dan yang berganti itu hanyalah semak samun. Kita mahu yang berganti itu adalah generasi muda al-fateh yang gagah perkasa. Dato' Yang Dipertua, infrastruktur kampung dan orang asli. Cahaya dan air. Saya menyambut baik inisiatif baru program pencahayaan kampung dan kampung orang asli dengan dana RM1 juta. Ini sangat mustahak, kampung yang gelap mengundang bahaya dan jenayah namun selain cahaya lampu, kampung kita perlukan cahaya digital. Jaringan internet di Seri Menanti masih lemah, tetapi saya sentiasa berhubung dengan MCMC terutama yang melibatkan 3 kampung iaitu Kampung Bukit Perah, Kampung Kuala Talang Dan Kampung Tengah menuju ke Seri Menanti. Terima kasih kepada MCMC yang sentiasa memberikan maklum balas dan menyelesaikan masalah ini dengan kadar segera.

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta ringkaskan, Yang Berhormat.

YB ADUN Seri Menanti: Baik Dato' Yang Dipertua, yang terakhir berkenaan dengan kawasan spot banjir ini dapat saya harap dapatlah dibersihkan secara berkala agar masalah banjir kilat dapat dielakkan dengan sebaiknya. Terima kasih saya ucapkan kepada JPS dan Pejabat Daerah Kuala Pilah kerana sentiasa memberikan kerjasama yang baik khususnya di DUN Seri Menanti. Dan yang terakhir Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan adat perpatih tak lapuk di hujan…

YB Yang Dipertua Dewan: Banyak kali terakhir dah…

YB ADUN Seri Menanti: Sebagai ADUN Seri Menanti serba salah sekiranya saya tidak bercakap berkenaan dengan soal adat. Seri Menanti adalah tanah mengandung, pusat daulat adat perpatih walaupun ada peruntukan RM550,000 untuk geran aktiviti adat, saya melihat institusi adat kita sedang

menghadapi krisis kalau tidak dipasak dengan kuat dan diperkukuhkan. Memperkasakan institusi kkdan penghulu luak. Yang pertama institusi penghulu saya memohon bantuan kewangan pengurusan pentadbiran khusus untuk Penghulu Luak Tanah Adat Mengandung. Mereka adalah penjaga konstitusyen perlembagaan adat kita. Beban tugas mereka berat, menjaga waris dan suku, namun sokongan dana pentadbiran mereka amat terhad. Yang terakhir Dato' Yang Dipertua,

YB Yang Dipertua Dewan: Berapa kali terakhir dah.

YB ADUN Seri Menenti: Memuara kesejahteraan. Sebagai kesimpulan Seri Menanti melihat Belanjawan Negeri Sembilan ini sebagai satu dokumen yang sihat dan cemerlang dari segi angka namun perlu kita cermat dalam segi laksana, kita berbangga dengan lebihan hasil dan rezab yang tinggi namun ingatlah kejayaan kerajaan bukan diukur pada tebalnya buku akaun di perbedaharaan, tetapi pada tebalnya senyuman rakyat di lapangan. Naratif yang saya bawa hari ini, deras air dek hujan makmur negeri dek agihan belanjawan Negeri Sembilan 2026 ini secara prinsipnya adalah dokumen yang inklusif berkebajikan dan bertanggungjawab. Akhir sekali saya akhiri dengan 2 rangkap pantun:

Istana lama pasaknya teguh,
Warisan bangsa zaman berzaman,
Belanjawan dibahas bersungguh-sungguh,
Moga rakyat Negeri Sembilan hidup aman dan nyaman.

Dari Ulu Bendul Ke Gunung Pasir,
Singgah sebentar di Talang Dan Tanjung Ipoh,
Biar berbeza pendapat dan tafsir,
Demi negeri perpaduan muafakat kita teguh.

Dengan ini Seri Menanti menyokong Belanjawan Madani Rakyat, Belanjawan Madani Rakyat Harmoni 2026 ini, Terima kasih, Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Seri Menanti, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Serting.

YB ADUN Serting: *Bismillahirrahmanirrahim*. Assalamualaikum WBT. *Alhamdulillah* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua Dewan, diatas keizinan untuk saya berbahas di dewan yang mulia ini, rbagi Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 kerajaan Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Menteri Besar ADUN Sikamat, Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN, pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, dato'-dato', datin-datin, tuan-tuan dan juga puan-puan yang

dikasihi sekalian. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Sikamat atas pembentangan belanjawan 2026 pada Persidangan Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sembilan yang ke-15. Saya melihat ianya belanjawan yang boleh dikatakan mencakupi segenap lapisan bidang dan banyak inisiatif keperluan kepada rakyat Negeri Sembilan khususnya bahkan ianya dikatakan belanjawan defisit berbanding anggaran hasil pendapatan kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2026 seperti yang dibentangkan. Dato' Yang Dipertua, bajet bukan sekadar angka, tetapi cerminan falsafah pemerintahan bagi sesebuah negara dan negeri. Di dalam islam, perbelanjaan negara atau negeri adalah amanah besar yang dipertanggungjawabkan. Bajet berkesan bukan hanya pada unjuran ekonomi, tetapi juga pada nilai dan roh keadilan. Prinsip Islam mengajar bahawa keberkatan rezeki datang daripada pengurusan yang adil. Firman Allah SWT yang bermaksud, *wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan harta sesamaumu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka diantara kamu dan janganlah kamu membunuh dirimu sesungguhnya Allah maha penyayang kepadamu.* (surah an-nisa' ayat 29).

Sayugianya, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang telah bertungkus lumus menaikkan prestasi kerajaan negeri dari semua sudut yang menjadi penyebab kepada keberadaan peningkatan pelbagai bidang terutama ekonomi Negeri Sembilan saban tahun. Cuma pertanyaannya adakah di sana *hint* daripada Yang Berhormat Sikamat bahawa kita hampir kepada PRU atau PRN ke-16. Sekadar bertanya. Dato' Yang Dipertua, dalam masa yang terhad ini saya ingin memfokuskan perbahasan saya beberapa bidang dan diantaranya, yang pertama Pendidikan. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM28.81 juta bagi menyediakan 17 inisiatif kepada bidang yang mencakupi pembangunan akademik infra sara hidup dan juga lain-lain. Bagi saya suatu yang baik bagi kita memantapkan bidang pendidikan ini setanding dengan pembangunan pendidikan di peringkat pusat. Maknanya kita tidak ketinggalan bersaing maju bersama dengan negeri membangun sepertimana Selangor contohnya.

Saya terpanggil untuk menyentuh tentang keselamatan pelajar di peringkat sekolah, dibawah Kementerian Pendidikan. Saya berdiri hari ini dengan penuh rasa dukacita dan keprihatianan terhadap berapa insiden tragik yang menggoncang perasaan seluruh rakyat di Negeri Sembilan ini khususnya sebelum ini. Seperti kematian seorang murid tahun 4 yang diklasifikasikan sebagai kes buli berlaku di salah sebuah sekolah kebangsaan di negeri ini. Ia berlaku pada awal Oktober 2025 yang lalu. Ada pun kes kedua iaitu kes pelajar telah dicabul oleh seorang lelaki ataupun murid telah dicabul oleh seorang lelaki yang dikatakan teman lelaki kepada pengawal keselamatan yang bertugas di sekolah tersebut. Kes telah menjadi siasatan polis dan pelaku bersama pengawal terlibat telah direman. Mangsa telah dirujuk ke

perubatan HTJ. Begitu juga hal yang berkaitan dengan keselamatan pelajar akibat dari kelemahan penjagaan keselamatan infra di peringkat sekolah yang menyebabkan berlaku kematian seorang murid di sekolah kawasan Lenggeng sebelum ini. Sepertimana disebutkan sebelum ini oleh Yang Berhormat yang lain, kes berlaku iaitu pada penghujung Oktober boleh dikatakan awal Oktober dan juga penghujung Oktober tengah Oktober iaitu berlakunya perkara-perkara ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menegaskan disini bahawa sekolah sepatutnya menjadi kawasan paling selamat untuk anak-anak kita. Ia adalah tempat mereka membina harapan bukan tempat dimana nyawa mereka terancam. Sama ada secara fizikal ataupun mental. Selain itu Dato' Yang Dipertua, saya juga menggesa Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengambil langkah dengan segera. Antaranya meningkatkan keselamatan di kawasan sekolah melalui pemasangan CCTV di kawasan kritikal sepertimana luar tandas, koridor dan juga kawasan yang terpencil. Antara lain, saya mencadangkan memperketatkan tapisan keselamatan dan latar belakang semua pekerja sekolah termasuk pengawal keselamatan dan juga kakitangan kontrak. Seterusnya saya mencadangkan menambahkan bilangan kaunselor terlatih dan memperkukuhkan program pembangunan sahsiah pelajar, menguatkuasakan semua disiplin sekolah dengan pendekatan tegas tetapi mendidik, seterusnya penglibatan PIBG dan komuniti setempat dalam pemantauan keselamatan sekolah. Begitu juga melakukan reformasi sistem pendidikan agar menekankan aspek akhlak, nilai dan pembentukan peribadi bukan semata-mata akademik.

Apa yang berlaku pada hari ini, saya berharap inisiatif tabung amanah penyelenggaraan sekolah sebanyak RM1 juta dimanfaatkan dengan sebaiknya di samping bantuan di bawah kementerian yang terbabit. Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai inisiatif yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri pada tahun 2026 sebanyak RM750 juta kepada Felda. Saya berharap dapat menaiktarafkan kualiti prasarana penduduk Felda di seluruh negeri. Banyak aduan yang diterima oleh masyarakat di tempat saya berkaitan hal infra terutama kemudahan air yang saban tahun masih ditakuk lama. Bila diutarakan permasalahan air ini pihak SAINS melakukan kerja pembaikan seperti biasa. Namun apabila berlaku paip pecah dan ketiadaan air yang berlanjutan maka adakah usaha dari pihak kerajaan negeri untuk menggantikan paip lama di kawasan Felda kepada yang baru. Atau adakah ini berkaitan urusan pembangunan di peringkat Felda itu sendiri. Harap saya semoga masalah air di kawasan Felda dapat diuruskan dengan lebih baik dan efisien. Ini Saya sokong ucapan Yang Berhormat Jeram Padang semalam berkaitan masalah air di Felda. Selain itu baru-baru ini telah didatangi oleh beberapa orang peniaga di Felda Gugusan Raja Alias tentang surat merah merujuk kepada permis peniagaan di tanah rezab Felda oleh Pejabat Tanah Daerah Jempol.

Surat tersebut menyebut akan pencerobohan tanah milik kerajaan yang diusahakan oleh mereka. Para peniaga ini telah membina dan berniaga puluhan tahun, bahkan permohonan diluluskan oleh pengurus Felda setempat. Bila ditanya kepada pengurusan Felda mereka pun tidak dapat maklumat yang jelas tentang hal tersebut. Mohon penjelasan hal berkaitan. Kadang-kadang perubahan pengurusan berlaku tidak dihebahkan secara langsung kepada peniaga dan juga orang awam.

Dato' Yang Dipertua, saban tahun ketika belanjawan dibentangkan kami pihak ADUN pembangkang ini terasa juga dimana perginya peruntukkan kepada kami sebagai ADUN selama ini. Ni dah penggal ketiga dah. Selalu juga bertanya kepada sahabat ADUN yang lain, di blok kerajaan. Mereka kata mereka mendapat peruntukkan setiap bulan bagi menguruskan hal rakyat di kawasan masing-masing. Termasuk pengurusan pusat khidmat DUN. Ini bukan peruntukkan pembangunan yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat, sebelum ini kerana kita tahu semua adun dapat peruntukkan pembangunan daerah masing-masing. Dahlah sain pun tak diterima, tak laku. Peringkat pentadbiran, peruntukan pun tak dapat. Saya harap pada kenyataan YB Jeram Padang semalam atau sebelum ini iaitu YB Pembangkang kena terima berkaitan sain tersebut yang tak laku yang tidak terima di peringkat pentadbiran. Apa yang saya harapkan ianya adalah pendapat peribadi, bukanlah urusan pentabiran yang diamalkan oleh kerajaan negeri. Bagi saya Dato' Yang Dipertua, semua ADUN wajar menerima peruntukkan yang sama dan juga layan yang sama, demi kesejahteraan rakyat. Mengapa saya berkata begitu berdasarkan beberapa perkara iaitu yang pertama prinsip keadilan dan juga layanan saksama. ADUN dipilih secara sah oleh rakyat melalui pilihan raya, maka seharusnya dilayan dengan saksama oleh kerajaan walaupun blok pembangkang. Penafian peruntukkan kepada ADUN pembangkang adalah tindakan tidak adil kepada pengundi di kawasan tersebut. Islam dan demokrasi menuntutkan keadilan tanpa mengira fahaman politik dalam firman Allah subhanahu wa ta'ala yang berbunyi وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاءَ قَوْمٍ أَلَّا أَلَّا تَعْدِلُ أَعْدِلُهُ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى صَدَقَ اللَّهُ الْعَزِيمُ *dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap satu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwah* (suratul ma'idah ayat 8).

Yang kedua, peruntukan adalah untuk rakyat bukan untuk parti. Dana yang disalurkan adalah wang rakyat, bukan milik mana-mana parti pemerintah. Rakyat di kawasan pembangkang juga membayar cukai dan berhak menempati pembangunan yang saksama. Yang ketiga, demi kelansungan khidmat wakil rakyat, tanpa peruntukan, ada pembangkang sukar yang melaksanakan program kebajikan. Bantuan bencana contohnya, ataupun membaiki infrastruktur asas *on the spot*. Yang keempat, amalan baik di beberapa negeri yang mana beberapa negeri seperti mana Selangor dan

juga Pulau Pinang telah membuktikan kejayaan menyalurkan peruntukan kepada ADUN pembangkang demi rakyat. Ini wajar dicontohi untuk menunjukkan kematangan politik. Dato' Yang Dipertua, penyaluran peruntukan kepada semua ADUN tanpa diskriminasi adalah langkah penting ke arah Malaysia yang lebih adil matang dan demokratik. Sekiranya amalan ini masih diteruskan, yang rugi bukan ADUN tetapi rakyat di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, saya bersetuju atas perhatian serius kerajaan negeri kepada isu banjir kilat yang berlaku dengan memperuntukkan RM6.89 juta ringgit. Harapan saya dana tersebut dapat diarahkan kepada projek tebatan yang lebih penting atau lebih awla dan tempatnya selalu menjadi banjir kilat. Baru-baru ini berlaku ribut Tropika Senyar. Beberapa buah kawasan telah dilanda ribut khususnya DUN Bagan Pinang yang berlaku banjir termasuklah di DUN Linggi, DUN Serting dan juga lain-lain.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bagan Pinang di atas keprihatinan menawarkan khidmat mencuci rumah di DUN Linggi yang terlibat bencana banjir tersebut. Saya dipahamkan juga ada NGO yang turut terlibat antaranya Khidmat Malaysia dan juga jabatan amal yang telah dikerahkan kesana baru-baru ini. Begitu juga saya ingin menarik perhatian bencana banjir kilat yang berlaku di tempat saya. Disebabkan kecetekan Sungai Serting sehingga menengelamkan beberapa buah rumah di Serting Tengah baru-baru ini. Saban tahun punca yang sama berlaku bencana ini, iaitu longkang atau parit yang telah tua dimamah usia. Kebanyakan longkang kiri kanan jalan besar ataupun di kawasan-kawasan kampung masih bertaraf tanah dan kalau ada pun *calvert* hanya di depan taman perumahan ataupun di depan tempat-tempat masjid ataupun sebagainya. Sudah sampai masanya kerajaan melonjakkan pembangunan infra di kawasan luar bandar agar tidak jauh ketinggalan dengan infra di bandar.

Dato' Yang Dipertua, tidak ketinggalan ingin saya menyentuh pencahayaan di jalan-jalan persekutuan ataupun milik negeri. Kadang-kadang apabila kita ke negeri jiran kita contohnya Melaka sepanjang jalan negeri tersebut sama ada di bandar atau luar bandar adanya cahaya terang-benderang masuk je ke sempadan Tampin dah gelap bumin. Adakah sebab Melaka negeri kecil boleh buat macam tu dan kita negeri besar payah nak buat. Sesiapa yang pernah ke Temerloh contohnya melalui sempadan antara Lui ke Bera, gelap bumin juga waktu malam. Begitu juga Palong ke Keratong, gelap yo, banyak kemalangan jiwa berlaku di tempat yang sedemikian. Harapan saya biar orang negeri luar pula selepas ini masuk ke Negeri Sembilan ni dia yang rasa selamat dan tiada kebimbangan sebab pencahayaan jalan raya yang baik sebagai usaha kerajaan negeri. Banyak lagi tempat yang perlu diberikan pencahayaan Negeri Sembilan ini. Tadi adalah contoh-contoh saja yang disebutkan. Dato' Yang Dipertua, belanjawan sebelum ini dinamakan belanjawan seimbang. Pendapatan negeri dan perbelanjaan sama banyak. Tahun 2026 boleh

dinamakan belanjawan defisit. Pendapatan negeri kurang dan perbelanjaan berlebihan mungkin Yang Berhormat Sikamat dan juga kerajaan negeri merasakan pendapatan kita masuk tahun keempat surplus maka kerajaan negeri mengambil risiko belanjawan defisit. Kami di peringkat pembangkang ingin ingatkan keadaan ekonomi terkehadapan belum tentu stabil. Apatah lagi selepas perjanjian yang telah dimeterai oleh Malaysia-USA baru-baru ini, sekiranya ia dilaksanakan secara tak langsung negeri-negeri di seluruh malaysia akan terjejas ekonominya termasuklah Negeri Sembilan. Oleh yang demikian Serting mencadangkan agar kerajaan Negeri Sembilan membuat simpanan seperti pernah dibuat oleh Negeri Selangor satu masa dahulu dibawah pentadbiran Almarhum Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar. Saya percaya ada juga negeri lain yang membuat simpanan seperti itu. Mungkin ada yang kata Selangor bolehlah negeri maju, bagi saya kita adalah lebih awla ataupun lebih lagi boleh buat macam itu kerana negeri kita tak berapa maju inilah kita kena buat simpanan. Saya ingin menarik perhatian sidang kepada sejarah Nabi Yusuf A.S mengajar kita tentang pengurusan ekonomi yang baik. Baginda menaikkan simpanan makanan dan menghadkan penggunaan ketika ekonomi naik berkembang. Ketika mana tiba musim kemarau, simpanan tersebut digunakan ianya dirakamkan dalam Surah Yusuf ayat 46-49 sebagai rujukan.

Dato' Yang Dipertua, sebagai akhirnya saya mengucapkan tahniah kepada penjawat awam negeri yang mendapat bantuan khas kewangan BKK 2-3 bulan gaji. Saya juga ingin mencadangkan dalam dewan yang mulia ini kerajaan negeri memberikan juga bantuan tersebut kepada kakitangan kerajaan persekutuan, mengikut kadar yang sepatutnya. Mereka juga antara individu yang berjasa membantu menaikkan kemajuan negeri. Kita tidak boleh menafikan akan kepentingan mereka disini. Disamping itu juga Dato' Yang Dipertua, rakyat bawahan jangan dilupakan walaupun banyak inisiatif yang disediakan oleh kerajaan negeri namun tidak semua yang bernasib baik mendapat setiap inisiatif tersebut. Zaman ini dan terkehadapan zaman yang mencabar. Ada di kalangan kita terutama golongan B40 di luar bandar tidak semua yang mempunyai sumber kewangan yang baik. Harga barangan asas yang mahal kadang-kadang tidak mampu mereka miliki, terutama kepada yang bekerja sendiri. Mungkin akan ada yang berkata telah ada program jualan rahmah, namun barangan terhad tak semua sempat membeli disana. Golongan ini juga perlu dipandang oleh kerajaan. Dato' Yang Dipertua, akhirnya Belanjawan 2026 saya mencadangkan lebih terarah kepada kebajikan rakyat. Sejajar dengan kata-kata dari rakyat untuk rakyat. Dengan ini Serting menyokong Usul Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 Negeri Sembilan dengan pindaan. Sekian terima kasih. Assalamualaikum.

YB Yang Dipertua Dewan: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh terima kasih Yang Berhormat Serting, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Kota.

YB ADUN Kota: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum WBT. Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2026. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, Barisan Exco serta seluruh jentera pentadbiran negeri atas pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 berjumlah RM640 juta dengan anggaran hasil negeri sebanyak RM610 juta.

Dato' Yang Dipertua, belanjawan 2026 dibentangkan dalam suasana prestasi ekonomi negeri yang semakin kukuh, memberi keyakinan bahawa negeri ini berada di landasan yang betul namun kejayaan ini tidak harus menjadikan kita alpa. Disiplin fiskal kecekapan perbelanjaan serta keutamaan kepada projek berimpak tinggi mesti terus menjadi pegangan kerajaan negeri demi menjamin kestabilan kewangan jangka masa Panjang. Dato' Yang Dipertua, dalam semangat perbahasan yang membina, izinkan saya mengemukakan beberapa pandangan dan juga cadangan dengan tumpuan belanjawan Negeri Sembilan 2026 kepada sembilan bidang utama. Saya ingin mencadangkan beberapa dasar umum bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan impak yang menyeluruh. Yang pertama kemampanan ekonomi. Harus memperkukuh sektor perniagaan mikro kecil dan sederhana melalui insentif latihan dan juga pemasaran digital. Menggalakkan pelaburan hijau dan juga teknologi lestari bagi menjana pertumbuhan ekonomi jangka masa Panjang. Kedua keterjaminan makanan. Menyokong pertanian bandar dan kampung termasuk akuakultur dan ternakan kecil dengan menyediakan skim subsidi input pertanian dan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti.

Yang ketiga Pendidikan, dengan memastikan akses pendidikan berkualiti di semua peringkat termasuk pembaikan sekolah kritikal dan sokongan digital untuk pembelajaran hibrid dengan menggalakkan program latihan kemahiran dan juga TVET bagi memenuhi keperluan pasaran kerja pada masa kini. Pemerkasaan komuniti menyokong pembangunan komuniti melalui projek pembangunan infrastruktur asas, sukan dan juga kemudahan rekreasi, dengan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pengurusan projek dan program komuniti secara bersepadu. Kelima kerohanian dan juga agama, dengan memperkukuhkan program keagamaan dan nilai murni di sekolah dan juga komuniti, menyediakan kemudahan ibadah yang selamat dan juga kondusif serta program pembangunan modal insan berteraskan akhlak mulia. Keenam pemerkasaan belia wanita dan juga sukan, dengan menyediakan platform Latihan, pembangunan kepimpinan dan akses kepada pembiayaan untuk belia dan juga Wanita, memperluaskan program sukan dan rekreasi untuk semua peringkat umur termasuk pembangunan atlit muda dan juga kemudahan sukan komuniti. Ketujuh Dato' Yang Dipertua, pelancongan adat dan juga budaya. Dengan memperkukuh warisan budaya

dan aktiviti pelancongan berasaskan komuniti menggalakkan inisiatif mempromosikan produk tempatan dan acara budaya sebagai tarikan pelancong. Kelapan kelestarian alam sekitar dengan memperkukuh pengurusan sisa pemuliharaan hutan sungai dan juga kawasan paya bakau. Menggalakkan pembangunan lestari dan inisiatif hijau di sektor awam dan juga swasta. Yang kesembilan kebajikan dan juga kesihatan, dengan memperluas akses kepada kemudahan kesihatan dan program kebajikan sosial termasuk sokongan kepada golongan B40, warga emas dan juga orang kurang upaya, dengan memperkuat program kesihatan mental pencegahan penyakit dan juga promosi gaya hidup sihat. Kesemua fokus ini jelas mencerminkan keperluan semasa rakyat serta aspirasi negeri untuk membangun secara seimbang dan juga mampan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin memulakan perbahasan dengan membawa perhatian dewan terhadap beberapa isu penting yang masih membelenggu rakyat di dewan undangan negeri Kota. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri N28 Kota, saya menerima banyak aduan rakyat mengenai banjir yang masih berlarutan di kawasan Sungai Timun Dato' Yang Dipertua, setiap kali hujan lebat paras air sungai meningkat dengan cepat sehingga menjejaskan keselamatan penduduk, mengganggu kehidupan harian, dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan serta komuniti setempat. Keadaan ini bukan lagi sekadar soal keselesaan tetapi telah menjadi isu keselamatan dan kelangsungan hidup rakyat. Sebagai perbandingan kerajaan negeri Melaka telah mengambil langkah proaktif melalui projek mitigasi banjir berfasa termasuk menaik taraf tebing sungai, pendalaman dasar sungai, pembinaan kolam takungan dan juga rumah pam. Pendekatan bersepadu ini membuktikan bahawa isu banjir boleh ditangani dengan secara berkesan, sekiranya terdapat perancangan jangka masa panjang peruntukan mencukupi dan penyelesaian rapi antara kerajaan negeri dan agensi-agensi yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, saya mohon agar kerajaan negeri mempertimbangkan peruntukan tambahan untuk Sungai Timun termasuk menaik taraf dan mengukuhkan tebing sungai, mendalamkan dasar sungai serta melaksanakan pelan mitigasi banjir jangka panjang yang menyeluruh dan mampan.

Bagi Pekan Kota Dato' Yang Dipertua, saya merakamkan perhargaan atas pelaksanaan projek naik taraf sistem perparitan dan longkang yang sedang berjalan walaupun terdapat sedikit gangguan sepanjang tempoh pembinaan, masyarakat memahami keperluannya demi penyelesaian jangka masa panjang. Namun saya berharap projek ini dapat dipercepatkan dan disiapkan mengikut jadual kerana isu banjir di Pekan Kota ini telah berlarutan terlalu lama. Dato' Yang Dipertua, masyarakat dan peniaga di Pekan Kota sudah terlalu lama menunggu penyelesaian yang tuntas ini.

Saya juga ingin menarik perhatian dewan terhadap beberapa sekolah di Dewan Undangan Negeri kawasan Kota yang masih belum ada pembaikan walaupun laporan kerosakan telah dikemukakan berulang kali. Terima kasih Yang Berhormat EXCO yang telah menjawab dalam soalan lisan sebentar tadi, berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Semerebuk dan juga Sekolah Menengah Dato' Undang Haji Adnan. Suka saya ingatkan bahawa kita tidak boleh menunggu sehingga berlaku kemalangan atau kematian baru tindakan nak diambil insiden di Lenggeng harus dijadikan pengajaran bahawa keselamatan murid dan warga sekolah mesti menjadi keutamaan. Sehubungan itu saya memohon agar kerjaan negeri dengan kerjasama kementerian dan juga agensi berkaitan agar dapat mempercepatkan kerja-kerja pembaikan sekolah yang kritikal ini. Memasukkan sekolah terlibat dalam *rolling plan* pembangunan dan juga menyediakan peruntukan kecemasan bagi sekolah berisiko tinggi demi keselamatan murid dan juga guru-guru.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menarik perhatian dewan terhadap projek perumahan terbengkalai di Lubuk China, yang telah terlalu lama tergendala keadaan ini menjejaskan rakyat yang menunggu rumah siap dan menimbulkan ketidakpastian kepada penduduk setempat. Saya juga mohon agar kerajaan negeri mengambil tindakan segera terhadap isu ini sekiranya pemaju asal tidak mempunyai kemampuan, saya mencadangkan agar kerajaan negeri melalui anak syarikat atau agensi-agensi berkaitan mengambil alih projek ini dengan membina rumah mampu milik di lokasi strategik di Lubuk China ini. Tindakan ini Dato' Yang Dipertua, bukan saja menyelesaikan masalah rumah terbengkalai, tetapi juga menambahkan penempatan baru untuk anak muda memiliki rumah serta mewujudkan komuniti yang lebih stabil dan terancang. Sementara menunggu jalan penyelesaian, saya mohon agar kawasan ini dan binaan terbengkalai dirobohkan dan dibersihkan supaya tiada kegiatan tidak sihat berlaku di kawasan ini. Saya ingin merakamkan penghargaan atas pelaksanaan projek ataupun program Kampung Angkat Madani di dua lokasi dalam Dewan Undangan Negeri kawasan Kota iaitu Kampung Sawah Raja di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri dan Kampung Sungai Timun di bawah Perbadanan Perpustakaan Negara. Di Kampung Sawah Raja Dato' Yang Dipertua, projek ini memfokuskan kepada pembangunan komuniti dan penambahbaikan infrastruktur termasuk pembinaan dewan terbuka, baik pulih gelanggang futsal dan juga gelanggang takraw, pemasangan lampu-lampu solar baik pulih masjid lama dan pembinaan menara masjid, serta pembinaan jalan baru dari Kampung Sawah Raja ke R&R Pedas melalui jalan belakang bagi menghubungkan hampir 20 anak-anak muda kampung yang bekerja di syarikat stesen minyak di R&R Pedas tersebut. Projek ini dibiayai melalui peruntukan RM1 juta ringgit daripada kerajaan persekutuan dan telah dilancarkan serta diserahkan kerja siapnya kepada Pejabat Daerah dan juga JPKK Sawah Raja oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri merangkap Ahli

Parlimen Rembau pada 6 Disember 2025. Di Kampung Sungai Timun projek Kampung Angkat Madani turut memberi tumpuan kepada naik taraf dewan terbuka, baik pulih surau, penyediaan parking bot bagi kemudahan nelayan dan pembinaan mercutanda Sungai Timun sebagai identiti pengkalan nelayan serta terkenal dengan produk udang galah tempatan. Peluncuran dan penyerahan projek siap dijangka akan dibuat pada 20 Disember 2025.

Dato' Yang Dipertua. Di dewan yang mulia ini, saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Pegawai Daerah Rembau, jurutera Jabatan Kerja Raya Daerah Rembau dan semua agensi yang terlibat yang sangat komited menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Projek seperti ini bukan sahaja meningkatkan infrastruktur fizikal, tetapi juga dapat membantu menyelesaikan banyak permasalahan rakyat, memperkukuh ekonomi tempatan, mempromosikan aktiviti nelayan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk-penduduk setempat. Cara pelaksanaan projek yang sistematik dan menyuruh ini amat baik untuk dijadikan contoh oleh kerajaan Negeri Sembilan. Kesimpulannya Dato' Yang Dipertua, semua usaha ini menunjukkan bahawa dengan perancangan rapi penyelarasan antara agensi dan peruntukan mencukupi, banyak masalah rakyat dapat diselesaikan termasuk isu banjir, keselamatan sekolah, rumah terbengkalai serta pembangunan komuniti setempat.

Dato' Yang Dipertua, belanjawan Negeri Sembilan 2026 membawa harapan besar kepada rakyat terutama di dewan undangan negeri kawasan Kota diharapkan agar pelaksanaan projek dipantau secara rapi isu banjir ditangani secara menyeluruh dan sekolah dibaik pulih sebelum berlaku kejadian yang tidak diingini. Dato' Yang Dipertua, dalam kita menguruskan negeri dan juga kawasan saya ingin menegaskan bahawa jangan ada kerja sumbang yang boleh merosakkan perjanjian awal persetujuan awal penubuhan kerajaan ini. Kerjasama dan keharmonian dalam kerajaan perpaduan harus dipelihara jika mahu melihat perancangan pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat berjalan dengan baik.

Dato' Yang Dipertua, dengan penegasan tersebut saya menyokong belanjawan Negeri Sembilan 2026 dengan harapan ia menjadi belanjawan yang benar-benar membawa penyelesaian bukan sekadar perancangan di atas kertas. Dengan iltizam politik dan komitmen pentadbiran yang kukuh saya percaya Dewan Undangan Negeri Kawasan Kota mampu menjadi kawasan yang bukan sahaja maju secara fizikal tetapi juga sejahtera dari segi sosial dan juga Pendidikan. Sekian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: Waalaikumussalam warahmatullhi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Kota, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kerana memberi peluang kepada Mambau untuk berbahas pada Belanjawan Negeri Sembilan 2026 ini. Dato' Yang Dipertua, pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, kerajaan Negeri Sembilan pejabat kewangan dan semua agensi pemungut hasil kerana berjaya mencatatkan kutipan hasil RM655.8 juta sehingga 5 Disember 2025 iaitu 111% melepasi sasaran RM50.9 juta. Ini peningkatan 11% dan satu pencapaian yang luar biasa bagi saya. Jadi bagi sasaran 2026 sebanyak RM610 juta saya yakin negeri mampu sekali, mampu sekali lagi mencapai rekod baru dengan pentadbiran yang cekap dan amanah.

Dato' Yang Dipertua, belanjawan 2026 menyatakan Negeri Sembilan dijangka menerima nilai pelaburan sebanyak RM8 bilion pada tahun depan. Saya amat mengalu-alukan angka ini kerana menunjukkan negeri kita ini menjadi destinasi pelaburan yang sangat kompetitif. Namun begitu bagi manfaat rakyat saya ingin meminta penjelasan lanjut iaitu perincian sektor pelaburan. Berapakah pecahan pelaburan bagi sektor pembuatan perkhidmatan, logistik dan teknologi. Apakah jumlah peluang pekerjaan baru yang ditawarkan. Kedua, status terkini projek-projek pembangunan besar, mega projek. kami melihat banyak pengumuman besar-besaran kebelakangan ini antaranya Matrix Concepts, MVV City di Labu. Eco World, Eco Industry Park 7 di Port Dickson, Sime Darby Vision Business Park di Nilai. Sunway Group pembangunan percampur di kawasan KTM Keretapi. Port Dickson, cadangan pembangunan AI Port. Jadi soalan saya kepada kerajaan negeri Dato' Yang Dipertua, apakah status kemajuan projek-projek ini. Berapa banyak projek yang sudah menjalankan kelulusan *fast lane* seperti diumumkan dalam sistem peraturan pantas. Rakyat ingin melihat pelaburan ini bukan sekadar angka di atas kertas saja tetapi benar-benar memberi pulangan kepada ekonomi setempat.

Dato' Yang Dipertua, jadi Mambau ingin membahas sedikit isu di kawasan DUN Mambau. Dato' Yang Dipertua, saya menyambut baik pengumuman pembinaan jalan baru Nilai-Labu-Enstek NLV di bawah rangka kerja MVV. Ini satu projek berimpak tinggi yang akan meningkatkan integrasi Wilayah Selatan Lembah Klang. Namun saya ingin sekali lagi mengangkat isu Jalan Seremban-Port Dickson yang telah saya panggilkan berkali-kali dalam dewan ini. Masalah yang dihadapi rakyat Mambau di kawasan sekitar ialah kesesakan teruk di Jalan Rasah, masa menunggu melebihi 20 minit pada hari biasa. Lebih buruk pada hujung minggu dan musim cuti. dan menjejaskan bukan saja penduduk Mambau malah adalah pelancong ke Port Dickson. Jadi persoalan saya, apakah perancangan penaiktarafan atau pelan jangka panjang kerajaan terhadap Jalan Seremban-Port Dickson ini. Saya merayu agar jalan, isu jalan ini diberi perhatian serius, ini bukan sekadar isu jalan tetapi isu ekonomi pelancongan, keselamatan dan kualiti hidup rakyat.

Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan seterusnya Tahun Melawat Malaysia 2026. Jadi pagi tadi saya rasa saudari Exco dah jawab soalan, jadi saya ingin tambah sedikit. Tahun 2026 merupakan Tahun Melawat Malaysia 2026. Negeri Sembilan adalah negeri paling hampir dengan KLIA dan mempunyai potensi pelancongan yang sangat besar. Kita sering mendengar bahawa Negeri Sembilan dan Port Dickson sahaja, tetapi saya ingin menegaskan di dewan ini, Negeri Sembilan tidak boleh hanya bergantung kepada Port Dickson sahaja. Negeri Sembilan adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang mengamalkan budaya adat perpatih. Kita mempunyai Gunung Datuk di Rembau, Gunung Berembun di Jelebu, Bukit Baginda di Kuala Pilah, Kampung Lonek di Kuala Pilah, Kampung Minangkabau Warisan Budaya, Lorong Seni di Bandar Seremban dan Kampung Baru Mambau yang telah dipuji oleh Menteri Pelancongan sendiri sebagai kawasan berpotensi besar. Jadi saya mohon EXCO Pelancongan boleh menyatakan bagaimana strategi menarik pelancong tempatan untuk melancong ke tempat-tempat yang di yang saya bacakan tadi.

Dato' Yang Dipertua, jadi perkara yang kelima ialah isu sumber air dan pembangunan pusat data. Dato' Yang Dipertua, sumber air merupakan elemen yang amat penting kepada seluruh manusia rakyat dan pembangunan ekonomi negeri. saya ingin merakamkan bahawa bekalan air Negeri Sembilan secara keseluruhannya adalah stabil. Namun kita tidak menafikan bahawa ketika musim kemarau sesetengah kawasan masih berdepan gangguan air sementara dan penurunan tekanan air. Jadi baru-baru ini kerajaan negeri turut mengumumkan dua projek pusat data berskala besar iaitu sebuah pusat data hijau di Nilai oleh pelabur dari Amerika Syarikat dan sebuah pusat data berteknologi kecerdasan pembuatan AI di Spring Hill Port Dickson oleh Gamuda Berhad. Jadi saya memang menyokong usaha menarik yang menarik pelaburan berteknologi tinggi ini kerana sektor pusat tetap, sektor pusat data adalah masa depan ekonomi digital. Namun saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri kerana maklum balas industri menyatakan bahawa pusat data ini ialah industri yang sangat tinggi penggunaan air dan tenaga. Air digunakan untuk sistem penyejukan *cooling system* minda izin. Operasi server berkapasiti besar dan menyokong infrastruktur sokongan. Maka persoalan saya kepada kerajaan negeri adakah dua pusat data ini akan memberi tekanan kepada bekalan air Negeri Sembilan. Adakah wujud risiko sesetengah kawasan mengalami penurunan tekanan air.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya inilah isu penyalahguna vape, rokok elektronik dalam kalangan remaja. Saya rasa dari Seremban Jaya nak tanya soalan tak sempat lah. Jadi saya ambil masa ini untuk berbahas dengan ini. Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuhkan mengenai satu isu yang semakin meruncing di Negeri Sembilan. Penyalahgunaan rokok elektronik atau vape terutamanya dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah. Saya

menerima banyak aduan daripada ibu bapa dan guru bahawa pelajar seawal sekolah rendah boleh menetapkan vape dengan mudah. Vape dijual secara terbuka di premis kecil tanpa kawalan, malah terdapat kes pelajar menghisap vape di dalam kelas, di tandas sekolah atau semasa menunggu bas sekolah. Perkara ini amat membimbangkan kerana penggunaan vape boleh membawa kepada ketagihan nikotin pada usia muda. Masalah kesihatan paru-paru, prestasi akademik merosot dan risiko kepada gejala sosial lain. Walaupun isu kawal selia vape ada di bawah bidang kuasa persekutuan, dalam pemantaun saya dapat jawapan daripada soalan bertulis menyatakan kerajaan negeri sedang membuat pemantauan terhadap perkara ini. Saya percaya kerajaan Negeri Sembilan mampu membuat langkah kawal selia tambahan untuk melindungi generasi muda kita. Maka saya ingin menggesakan kepada kerajaan negeri kalau boleh saya cadangkan melaksanakan larangan penjualan vape di Negeri Sembilan secara berfasa. Beri 6 bulan tempoh *soft landing* untuk peniaga menghabiskan stok. Selepas itu larangan penuh ke atas penjualan vape *e-liquid* dan semua aksesori. Jika pelajar tidak boleh membeli penyalahgunaan vape bawah umur dapat dibendung secara berkesan. Ini pandangan saya Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya ada satu aduan awam iaitu sejak beberapa tahun dalam pembentangan belanjawan kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM1 juga untuk insentif penyelenggaraan taman-taman awam di Pihak Berkuasa Tempatan PBT. Ini adalah salah satu insentif yang sangat baik untuk menyalurkan peruntukan tambahan untuk tujuan ini dan ia juga sangat penting untuk memastikan taman-taman awam ini di sekitar taman perumahan dalam keadaan baik dan selamat untuk semua pengguna dan penduduk setempat. Tetapi paling penting adalah pelaksanaan setiap insentif ini di peringkat PBT, mohon dapatkan apakah status terkini insentif ini bagi tahun 2025.

Dato' Yang Dipertua, ini perkara yang terakhir. Dato' Yang Dipertua, walaupun saya selaku seorang ADUN Mambau, tapi saya juga telah menerima aduan dari peniaga kecil dari kawasan Majlis Perbandaran Jempol dan Majlis Daerah Kuala Pilah mengenai kenaikan harga yang mendadak ketika mereka memperbaharui atau renew lesen perniagaan mereka. Kebanyakan daripada mereka berpuluh-puluh tahun sudah berniaga dan *awning* yang dipasang berpuluh tahun, partition yang sudah lama dibuat dalam premis mereka, tetapi diminta untuk bayar *charge* atau permit yang sangat membebankan. Ini satu tindakan yang tidak boleh diterima oleh rakyat…
YB ADUN Labu: Mambau minta izin mencelah boleh?

YB ADUN Mambau: Nanti, nanti, biar saya habiskan dulu. Ini satu tindakan yang tidak boleh diterima oleh rakyat. Saya juga dimaklumkan bahawa kerajaan negeri tidak pernah menurunkan arahan sedemikian dan berharap kerajaan negeri dapat mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang

sengaja membebankan rakyat dan mencetuskan kemarahan rakyat terhadap kerajaan Madani. Tindakan yang menaikkan harga lesen atau mengenakan charge-charge yang baru ini harus dihentikan serta merta. Dan saya amat percaya kerajaan perpaduan Negeri Sembilan yang dipimpini oleh Yang Amat Berhormat Sikamat serta barisan pimpinan EXCO tidak akan membenarkan perkara ini berlarutan atau berterusan. Kerajaan negeri perlu memastikan semua PBT mengikut arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri dan barisan ADUN kerajaan. Kami akan sentiasa mendukung dasar kerajaan negeri yang membantu rakyat. Jadi Dato' Yang Dipertua, Belanjawan 2026 bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni adalah belanjawan yang baik, menyeluruh dan memberi tumpuan kepada keperluan rakyat. Namun sebagai ADUN Mambau, saya berpegang kepada peranan saya untuk menyokong perkara baik dan menegur perkara yang perlu diperbaiki demi kemakmuran negeri. Dato' Yang Dipertua, Mambau menyokong Belanjawan Negeri Sembilan 2026. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Mambau. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat dewan berehat sekejap. Kita akan sambung balik pada pukul 2.00 ya, bukan 2.30 ya, pukul 2.00 petang ni. Pukul 2.00, yang berbahas tu, berbahas selepas ni, Yang Berhormat Rahang. Oh takda, Yang Berhormat Rahang dan Yang Berhormat Paroi. Mesyuarat ditangguhkan.

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada jam 2.00 petang]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat, Datuk Timbalan Yang Dipertua Dewan.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi dalam sesi Perbahasan Usul Anggaran Belanjawan Pembangunan Negeri Sembilan bagi tahun 2026 dan Rang Undang-Undang Perbekalan.

Dari Lenggeng terus ke Jelebu,
Singgah di Sikamat membeli kelapa,
Perbahasan ini belum berlalu,
Jika mahu berhujah bangun sekarang, ruang masih terbuka.
Siapa berani, bangun. YB mana dulu?

YB ADUN Rahang: Datuk Timbalan Yang Dipertua.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Okey, kita jemput YB Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2026. Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan serta semua pihak yang telah memainkan peranan dalam penyediaan belanjawan ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Sikamat kerana berjaya membentangkan Belanjawan 2026 berjumlah RM640 juta yang bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Belanjawan ini membuktikan komitmen kerajaan untuk terus memaju pembangunan inklusif meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memastikan negeri kita kekal berada di landasan kemajuan.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, Kebersihan merupakan salah satu elemen asas dalam membentuk imej sesebuah bandar kawasan perumahan. Ia bukan sahaja mencerminkan keterlibatan masyarakat malah memberikan gambaran tentang keberkesanan tadbir urus pihak berkuasa tempatan. Kita sedar bahawa kos pengurusan sampah pembersihan awam semakin meningkat dan keupayaan PBT untuk menanggung kos ini berbeza-beza mengikut data pembangunan di kawasan masing-masing. Tempat PBT mempunyai sumber mencukupi namun ada juga yang menghadapi kekangan kerana pertumbuhan pembangunan yang terhad menyebabkan mereka suka menyediakan peruntukan besar bagi tujuan pembayaran kepada SWCorp. mengikut perjanjian. Dalam hal ini, saya mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan pemberian peruntukan tambahan atau skim sokongan kewangan khusus kepada PBT yang kurang berkemampuan supaya kerja-kerja berhutan sampah, pembersihan awam dapat dijalankan secara konsisten tanpa sebarang gangguan. Kebersihan bukanlah perkhidmatan yang boleh dikompromi kegagalan. Memastikan kelancaran berhutang sampai akan memberikan kesan langsung kepada kesihatan, imej negeri dan kualiti hidup rakyat. Pada masa yang sama saya ingin mendapatkan maklumat daripada kerajaan mengenai jumlah peruntukan yang telah dibayar oleh kerajaan persekutuan kepada SWCorp. bagi setiap PBT dalam tahun 2025 dan 2026. Sebagai data perbandingan penting untuk menilai jurang, perbezaan dan perancangan jangka panjang.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, dalam pembentangan belanjawan 2026 Yang Amat Berhormat Sikamat turut mengumumkan peruntukan RM10 juta untuk Program Rumah Harapan Rakyat dan RM5 juta untuk skim sewa beli atau rumah mampu milik negeri sembilan. Dua inisentif ini amat signifikan kerana rumah merupakan keperluan asas bagi setiap keluarga. Memiliki tempat tinggal yang selesa dan selamat, membeli asas kepada kesejahteraan dan kestabilan sesebuah keluarga, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan keluarga yang berada lama dalam situasi perumahan tidak formal. Sehubungan itu saya ingin menarik perhatian Dewan kepada isu

beberapa keluarga di Kampung Pasir Rasah yang telah menetap di tanah rizab jalan dan tanah rizab sungai sejak berpuluh tahun yang lalu. Kerajaan negeri sebelum ini telah menawarkan rumah mampu milik Type A kepada mereka sebagai penyelesaian jangka panjang. Namun begitu, beberapa keluarga tidak berjaya memperoleh pinjaman bank disebabkan faktor usia serta kekangan kewangan yang lain yang berada di luar kawalan mereka. Maka saya mencadang supaya kerajaan negeri meneliti dua bentuk penyelesaian pertama begitu keluarga yang mempunyai lot tanah sendiri di kawasan kampung tersebut. Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan untuk membina rumah di bawah program rumah harapan rakyat di atas lot mereka sendiri. Cadangan ini lebih praktikal yang dapat membantu keluarga tersebut terus menetap di kawasan asal tanpa menanggung beban pembiayaan bank. Kedua, bagi keluarga yang tidak mempunyai lot tanah, saya mohon supaya kerajaan meluluskan skim sewa beli agar mereka juga berpeluang memiliki rumah melalui ke atas pembayaran yang lebih fleksibel. Pendekatan ini bukan sahaja menyelesaikan isu perumahan di Kampung Pasir, malah membolehkan kerajaan-kerajaan infrastruktur seperti pembinaan jalan dan longkang dilaksanakan dengan lebih teratur dan menyeluruh.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, saya juga ingat membawa perhatian Dewan kepada pengumuman terkini oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berhubung kempen rumah prima kita. Pilihan bajet nilai hebat yang menawarkan diskaun sehingga 25% dalam senarai projek yang terlibat. Prima Seremban Central turut disenaraikan sebagai salah satu projek yang menikmati diskaun tersebut. Sehubungan itu saya memohon penjelasan mengenai status terkini pelaksanaan kempen ini khusus untuk Projek Prima Seremban Central termasuk jualan unit rumah terlibat serta berhampiran dan sejauh mana kempen ini memberi manfaat kepada pembeli-pembeli di Negeri Sembilan.'

Datuk Timbalan Yang Dipertua, prestasi setiap Pihak Berkuasa Tempatan amat penting kerana majoriti aduan yang diterima daripada penduduk adalah berkaitan isu di peringkat PBT seperti jalan rosak, longkang, lampu jalan, keselamatan bangunan dan pelbagai bentuk penyelenggaraan lain. Kita juga sedar bahawa jumlah cukai taksiran yang dikutip hanyalah sebahagian daripada kos keseluruhan projek infrastruktur dan penyelenggaraan yang dilaksanakan di peringkat PBT. oleh itu, saya mohon supaya Kerajaan negeri menyatakan dengan jelas jumlah kutipan cukai taksiran bagi tahun 2025 mengikut setiap PBT serta jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk pelaksanaan. Projek infrasturuktur dan penyelenggaraan mengikut setiap PBT pada tahun yang sama. Data ini sangat penting untuk menilai keberkesanan perbelanjaan tahap kebergantungan PBT kepada kerajaan negeri serta kemampuan sebenar PBT untuk merancang pembangunan jangka panjang.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, belanjawan 2026 ini memperlihatkan kesungguhan Kerajaan negeri untuk membawa Negeri Sembilan ke arah pembangunan yang lebih mampan dan siapang. Ia bukan sahaja memenuhi tuntutan semasa, tetapi turut mnyediakan asas kukuh untuk masa hadapan negeri kita. Oleh itu saya menyeru semua pihak tanpa mengira latar belakang politik atau kedudukan supaya brsama-sama menyokong belanjawan ini demi kepentingan rakyat dan kemajuan Negeri Sembilan. Dengan penuh rasa tanggungjawab saya menyatakan bahawa Rahang menyokong supaya Belanjawan Negeri Sembilan tahun 2026. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Rahang. Dijemput Yang Berhormat Paroi untuk teruskan perbahasan.

YB ADUN Paroi: *(bacaan doa pembukaan dalam Bahasa Arab)* Datuk Timbalan Yang Dipertua, dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan sekalian. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Timbalan Yang Dipertua atas ruang dan peluang yang diberikan untuk saya menyertai perbahasan membincangkan Belanjwan Negeri 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Jumaat yang lepas. Dalam perbahasan ini, saya ingin mengupas beberapa perkara penting yang menyentuh kepentingan rakyat serta beberapa aspek dalam Belanjawan 2026.

Yang pertamanya isu struktur hasil negeri. Penjualan aset bukan penyelesaian mampan, ya yang pertama. Datuk Timbalan Yang Dipertua, saya ingin memetik Laporan Audit Negara 3/2025 mukasurat 31 & 32, yang baru dikeluarkan. Dilaporkan perolehan daripada jualan barang-barang yang merupakan penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2024 dengan jumlah RM274.33 juta lebih kurang 43.1%. Data menunjukkan bahawa hasil premium pemberian milikan berlaku pendekatan ketara berlaku pada tahun 2024 dengan jumlah RM185.83 juta berbanding RM140.08 juta pada tahun 2023 dengan perubahan sejumlah RM45.75 juta lebih kurang 32% penambahan. Bolehkah pihak Kerajaan menjelaskan kepada Dewan Yang Mulia ini perincian jualan barang-barang tersebut, ya aset tersebut. Sumber pendapatan begini meskipun baik ya, namun terdedah kepada ketidaktentuan pasaran dan tidak menjamin pendapatan jangka masa panjang yang stabil. Kita tidak boleh terus bergantung kepada penjualan aset sebagai sumber pendapatan negeri. Ia umpama menjual harta demi belanja harian. Langkah ini tidak mampan dan boleh menjejaskan kedudukan fizikal negeri pada masa hadapan. Saya ingin membawa suara semak dan imbang dalam dewan ini sejauh manakah strategi jangka masa panjang negeri dalam memperkukuhkan asas ya, hasil yang lebih mampan, konsisten tanpa membebankan rakyat.

Yang Kedua, isu kutipan hasil dan tunggakan cukai tanah. Berdasarkan Laporan Audit Negara 3/2025 muka surat 12 berkaitan tunggakan cukai tanah di Negeri Sembilan. Terdapat beberapa dapatan penting yang wajar diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan negeri. Pertamanya dari segi jumlah tunggakan mengikut daerah. Seremban mencatat tunggakan tertinggi, meningkat daripada RM56.88 juta pada tahun 2023, kepada RM58.16 juta pada tahun 2024. Peningkatan sebanyak RM1.28 juta atau 2.3% makna Seremban tunggakannya cukup besar ya RM58 juta ya. Keduanya jika kita lihat pada pola tunggakan akaun belum terima, cukai tanah mengikut tempoh, kita mendapati bahawa tunggakan lebih 10 tahun yang membimbangkan ini telah menceah RM32 juta. Ini menunjukkan wujudnya kes-kes lama yang berlarutan tanpa penyelesaian yang memerlukan tindakan lebih tegas serta pendekatan pemutihan atau penyelesaian berstruktur, kenapa perkara ini boleh berlaku. Ini dalam laporan audit eh. Baru-baru ni. Keseluruhannya saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan negeri perlu memperkukuhkan penguatkuasaan, memperkemaskan mekanisme kutipan, memperkukuhkan tindakan pemulihan tunggakan serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pembayaran cukai tanah sebagai sumber hasil negeri bagi memastikan kadar kutipan dapat dipertingkatkan. Hasil ini amat penting bagi membolehkan kerajaan terus menyediakan infrastruktur perkhidmatan dan pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Datuk Yang Dipertua, isu yang ketiga ialah ke arah sekolah selamat. Datuk Yang Dipertua, izinkan saya memulakan dengan membangkitkan satu insiden yang amat mendukacitakan di kawasan Datuk Timbalan Yang Dipertua, dan menyayat hati yang berlaku baru-baru ini di salah sebuah sekolah dalam negeri kita. Pada 27 September, 2025 seorang murid lelaki berusia 9 tahun di sebuah sekolah rendah di Lenggeng makna DUN Timbalan Yang Dipertua, telah menghembus nafas terakhir selepas terjatuh dalam saluran kumbahan di dalam kawasan sekolah. Tragedi ini telah menimbulkan kegusaran malah mengetuk sanubari masyarakat kerana ia berlaku di institusi yang sepatutnya menjadi tempat paling selamat dan dilindungi bagi anak-anak kita. Iaitu tempat di mana ibu bapa dan penjaga meletakkan sepenuh kepercayaan untuk menyerahkan anak-anak mereka demi masa depan yang cerah. Ini bukan kali pertama. Dikejutkan dengan kehilangan pelajar di sekolah. Februari 2018 di Daerah Gemas contohnya, kita juga pernah digemparkan dengan berita seorang pelajar maut setelah kepalanya terkena bilah mesin pemotong rumput semasa aktiviti sukan di padang sekolah. Insiden malang yang berulang seumpama ini merupakan satu petanda jelas bahawa wujud kelemahan kritikal dari aspek pengurusan risiko, kawalan keselamatan dan juga penyelenggaraan fasiliti di beberapa institusi pendidikan kita. Sebagaimana dinyatakan EXCO semalam ada dua kematian ya, untuk tahun ini. Satu di Taman Tuanku Jaafar sekolah rendah dan juga

di Lenggeng. Tuanku Jaafar tu berkenaan dengan buli. Tapi di Lenggeng berkenaan dengan keselamatan.

Saya ingin menekankan di sini Datuk Timbalan Yang Dipertua, bahawa saya bukan bertujuan untuk mengungkit atau sekadar mengkritik. Sebaliknya saya ingin menarik perhatian semua Ahli Dewan yang dihormati agar turut sama cakna dan prihatin terhadap isu sebegini yang nyata dan jelas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang yang luas untuk penambahbaikan dalam beberapa aspek seperti pemeriksaan tempat kerja yang lebih kerap, prosedur kerja selamat SOP, komunikasi dan penyeliaan yang efektif semasa sebarang aktiviti dijalankan.

Yang keempat, kualiti perkhidmatan penyelenggaraan aset dan fasiliti sekolah. Datuk Yang Dipertua, kita perlu muafakat dalam usaha untuk mengelakkan nama baik negeri kita yang kita cintai ini daripada tercemar dengan peristiwa-peristiwa menyedihkan yang sebenarnya boleh dicegah. Kalau dalam keselamatan ni boleh dicegah. Kita jadikan setiap insiden lalu sebagai pengajaran, baik untuk membina sistem dan persekitaran yang baik, lebih selamat untuk generasi masa depan di Negeri Sembilan. Saya ingin mengajak semua Ahli Yang Berhormat untuk merujuk Seksyen 15 dan juga Seksyen 17, Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Yang Ke-514 Pindaan 2022 dan telah diwartakan pada 1 Jun 2024. Akta ini menegaskan tanggungjawab majikan yang dalam kontek ini adalah pihak pengurusan mungkin Jabatan Pelajaran ataupun Kementerian Pelajaran untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan bukan sahaja kepada pekerjanya malah kepada mana-mana orang yang berada di premis berkenaan. Ini bukan akta ya. Kegagalan mematuhi tanggungjawab ini boleh membawa kepada tindakan undang-undang berat termasuk denda tidak melebih RM500 ribu, hukum penjara 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Ini akta yang telah kita luluskan pindaan 2022.

Datuk Yang Dipertua, sudah tiba masanya untuk kita memberi tumpuan serius kepada aspek pemantauan dan pencegahan. Secara pro-aktif agar insiden yang menyayat hati seperti ini tidak berulang lagi. Saya ingin menegaskan bahawa pihak kerajaan perlu komited dalam memastikan pelantikan penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan OSH *Coordinator* atau Pegawai Keselamatan dan Kesihatan diwujudkan di dalam agensi Kerajaan terutama dalam institusi pendidikan selaras dengan tuntutan keselamatan, kesihatan pekerjaan pindaan 2022 di bawah Seksyen 29A. Mereka ini akan membantu menasihati pengurusan atasan di institusi untuk mengambil langkah-langkah yang wajar dalam membentuk sistem keselamatan dan kesihatan dalam sekolah. Menyelaras mesyuarat keselamatan, mengenal pasti risiko, mengawal risiko dan menjalankan siasatan dalaman bagi setiap insiden buruk yang berlaku akan dapat ditangani dari terus berulang. Saya percaya dengan usaha ini setiap agensi

akan lebih cakna dan komited dalam memenuhi tuntutan isu keselamatan kesihatan pekerjaan. Pelaksanaan ini bukan pilihan, ini bukan pilihan ya, tetapi ini adalah tanggungjawab undang-undang yang mesti dipatuhi demi keselamatan sekolah dan seluruh komuniti yang terlibat. Kalau kita tak patuhi, tindakan boleh diambil oleh Jabatan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan ya.

Datuk Yang Dipertua, berikutan tragedi ini, saya mewakili rakyat ingin bertanya kepada pihak Kerajaan. Adakah Kerajaan negeri mempunyai data lengkap bilangan sekolah di Negeri Sembilan yang telah melantik Penyelaras Keselamatan Kesihatan Pekerjaan ya, OSH *Coordinator,* ni wajib ni sebenarnya. Makna pihak Jabatan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dah buat promosi dari tahun 2019, saya dimaklumkan. Adakah kerajaan negeri telah bercadang menjalankan audit keselamatan menyeluruh terhadap semua sekolah. Dengan ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan negeri memperuntukkan dana khas untuk menjalankan kursus penyelaras keselamatan, kesihatan pekerjaan di sekolah-sekolah serta agensi-agensi kerajaan, ya. PBT apa semua lah, kena buat ya, ini mengikut undang-undang kita. Itulah ya serba sedikit berkenaan dengan keselamatan dan yang seterusnya, ini isu anjing liar ni berterusan. Isu anjing liar ni pun isu keselamatan penduduk. Bulan April haritu…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: 2 minit, 2 minit, 2 minit boleh eh?

YB ADUN Paroi: Janganlah macam tu Datuk Yang Dipertua, bagilah ruang sikit. Datuk Yang Dipertua, saya juga ingin memanjangkan suara rakyat berkenaan isu anjing liar yang masih terus berterusan, mengganggu gugat keselamatan dan mencemar keharmonian kehidupan harian dalam dewan ini. Kita maklum Sidang DUN pada April 2025 kita semua telah sepakat dan sebulat suara bersetuju dengan cadangan pelupusan anjing liar di kawasan majoriti Melayu. Namun kini setelah 6 bulan berlalu, lebih ya, rakyat masih belum merasai keberkesanan keputusan yang telah diambil. Hakikatnya kita dapat menyaksikan sendiri kehadiran kumpulan-kumpulan anjing liar yang terus berkeliaran secara terbuka. Malah hidup secara berkumpulan di berbagai lokasi. Situasi ini jelas mengundang rasa tidak selesa dan kebimbangan terhadap isu keselamatan penduduk. Terutamanya kanak-kanak dan warga emas. Saya sendiri masih menerima aduan daripada rakyat yang melaporkan kejadian mereka dikejar, diserang dan ada yang hampir digigit oleh anjing liar. Dan ada juga laporan haiwan peliharaan yang mati digigit oleh anjing liar. Kejadian ini berlaku meluas contohnya di DUN-DUN saya, Taman Bandar Senawang, Taman Lavedar Heights, Taman Pinggiran Senawang, Taman Senawang Perdana, Taman Tuanku Jaafar dan ada beberapa lagi. Sebagai wakil rakyat yang sah saya tidak hanya mendengar, saya sendiri telah mengemukakan beberapa aduan rasmi melalui saluran SISPAA, dan berhubung terus kepada SU Majlis Bandaraya Seremban,

mewakili masyarakat DUN saya, namun sehingga hari ini, penyelesaian yang tuntas masih belum kelihatan. Justeru itu, saya mohon pihak kerajaan berkongsi maklumat pelaksanaan keputusan seperti berapa ekor anjing liar telah dilupuskan sejak April lalu dan di lokasi mana. Dan selain SISPAA apa lagi mekanisme atau saluran aduan untuk rakyat boleh adukan perkara ini untuk mendapat perhatian dan tindakan pantas pihak berkuasa. Kami ADUN Pembangkang tak boleh masuk dalam mesyuarat MBS tau, Majlis Bandaraya Seremban, kalau ada ruang, saya nak masuk untuk nak membantu MBS nak menyelesaikan masalah ini. Itu rayuan saya lah pada pihak kerajaan.

Dan seterusnya, isu yang seterusnya ialah isu papan tanda SPD Tech Valley. Ni kalau kita pergi ke Rembau, daripada Seremban kita tengok aaa… apa? bukit yang digondolkan sebagaimana yang dinyatakan oleh YB Rantau. Sekali lagi saya ingin membangkitkan isu papan tanda luar SPD Tech Valley. Isu yang pernah saya sentuh dalam perbahasan dahulu. Jika memiliki, kita memiliki satu peraturan yang jelas. Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Seremban 1980 yang telah berkuatkuasa sejak 1 Januari 1981. Saya telah melawat lokasi berkenaan, tapi yang diubah hanya billboard utama. Tidak ada papan tanda lain. Undang-undang ini jelas mewajibkan penggunaan Bahasa Malaysia, dalam mana-mana iklan berbentuk papan tanda, poster atau tanda arah yang dipamerkan kepada umum. Saya ingin tegaskan di sini, undang-undang sedia ada mesti ditegakkan tanpa kompromi. Janganlah kita normalisasikan pelanggaran oleh entiti korporat besar, atau taikun-taikun atas nama pelaburan dan pembangunan. Ketegasan Kerajaan dalam perkara ini bukan Sahaja mencerminkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan kita, tetapi juga maruah pentadbiran bertamadun dan berprinsip. Contohnya berpuluh Bahasa Inggeris, Bahasa Cina. Takda Bahasa Malaysia. Ya, ini benda yang cukup saya rasa tak patutlah dah ditegur dalam sidang dewan yang lepas, masih lagi berterusan buat.

Yang Keenam ialah isu peruntukan ADUN Pembangkang. Tuntutan yang adil tapi bukan simpati. Datuk Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian dewan ini pada satu penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara Bil.3/2025. Mukasurat 41, Jadual 19 iaitu berkenaan Akaun Amanah Dana Khas Menteri Besar yang masih mencatat baki RM15.06 juta pada tahun 2024. Ini dalam Laporan Audit ya. Tak digunakan RM15. Menurut laporan tersebut, antara sebab utama baki tersebut tidak dibelanjakan adalah kerana kurangnya permohonan, sumbangan daripada individu, atau pihak yang disenaraikan dalam arahan amanah tersebut. Kalau kita tengok dalam bajet kita, 2026 bajet kita RM56 juta.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat kena landing yang berhormat.

YB ADUN Paroi: Kejap ya. 2025 RM45 juta. 2023 bajet dia RM33.73 juta.

YB ADUN Labu: Yang Berhormat minta pencelahan. Mohon celahan Yang Berhormat. Boleh?

YB ADUN Paroi: Boleh.

YB ADUN Labu: Datuk *Speaker*, minta sikit masa Datuk *Speaker*, sebab Chennah kelmarin 52 minit bercakap. Kami ADUN Pembangkang ni minggu, bulan sidang yang sudah ni takda bahas, *so* kalau boleh…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Kita nak masuk 20 minit dah ni, tadi 15 minit kita bagi, ni dh masuk 20 minit. Ni Labu nak mencelah pulak, 30 saat..

YB ADUN Labu: Sikit… jadi aaa… Yang Berhormat Paroi, apa pandangan Yang Berhormat Paroi kalau peruntukan tidak digunakan dalam audit tu RM15 juta, pada tahun ini peruntukan pembangunan ya, RM150 juta Menteri Besar P50 mendapat kenaikan, mendapat 37.33% iaitu sebanyak RM56 juta. Manakala P51, P54, P62, P60 yang sangat penting diturunkan. P50 mendapat RM56 juta, bermakna 1 hari Menteri Besar diperuntukkan sebanyak RM153,424. Adakah keperluan begitu banyak diperlukan oleh Menteri Besar untuk 1 hari. Jadi saya minta pandangan dan juga mengapa Perumahan Rakyat hanya mendapat RM3 juta, untuk rakyat ya, perumahan, tetapi Menteri Besar untuk membaik pulih kediaman, mendapat RM0.91 bermaksud RM910,000. Minta penjelasan, pandangan Paroi.

YB ADUN Paroi: Okay, saya berpendangan mudah ja. Saya ambil kata-kata daripada Rantau, maknanya kita buat bajet berimbang. Maknanya sebagaimana yang dinyatakan, maknanya kalau Rantau boleh peruntukkan masa zaman dia RM5 juta, tapi kita bagilah daripada RM56 tu kita tolak RM30 maknanya bajet berimbanglah. Itu lebih baik daripada kita defisit, bajet defisit lah. Itu pandangan, dan saya rasa itulah yang terbaik untuk kebaikan negeri. Dan saya juga memberi cadangan, jika benar permintaan kurang ya, ni saya nak landing ni. Sebagaimana yang dinyatakan tadi, RM15 juta tak pakai 2024 ni, audit ni, RM15 juta tak pakai ya. Jika benar permintaan kurang maka eloklah dibuka ruang kepada ADUN Pembangkang yang sentiasa bersungguh-sungguh memohon. Demi manfaat rakyat yang kami wakili. Kami di blok pembangkang bukan menagih simpati, apatah lagi mendesak tanpa asas, tetapi menuntut hak yang adil untuk memastikan perkhidmatan dan kebajikan rakyat di kawasan kami tidak ketinggalan. Hanya kerana perbezaan logo parti. Keadaan fizikal tidak boleh bersifat selektif dan partition. Jika Madani menjadi tema belanjawan, maka tunjukkan keadilan dalam tindakan. Bukan hanya dalam ucapan dan atas kertas. Inilah asas kepada *good governers* dan integriti pentadbiran. Menyantuni semua ADUN secara adil, dan tidak meminggirkan mana-mana pihak hanya kerana mereka tidak berada dalam blok Kerajaan. Kami ni *check and balance* Kerajaan ya.

Kami menang dalam pilihanraya mendapat mandat daripada Kerajaan dan itulah kami masuk dalam dewan yang mulia ni, bincang hal rakyat, bincang bajet, *last-last* kami tidak diberi peruntukan. Adil atau tidak? Fikir-fikirkan sendiri dan saya terpaksa sekali lagi menyatakan pada 25 Mei 2018, dalam Berita Harian, saya ingat lagi, kata-kata…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Kena *landing* Yang Berhormat.

YB ADUN Paroi: Ya?

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: *Landing* terus, habis terus ya.

YB ADUN Paroi: Aaa… maknanya apa yang dia kata, bagaimana seorang ADUN ingin berkhidmat, jika tidak diberi peruntukan. Saya 10 tahun tidak diberi peruntukan, ya. Maknanya pada masa tu dia nak beri peruntukan. *Insya-Allah.* saya rasa, setelah 3 tahun saya rasa dapat diberi sedikit peruntukan ya, untuk bukan untuk kami, tapi untuk rakyat ya. Pembangkang. Dan akhir sekali saya landing, saya mengambil kesempatan ni untuk merakamkan penghargaan setulus-tulusnya kepada Dato' Haji Mohd Khidir bin Majid, dia orang USA ni. Ulu Sepri *Area*, sama-sama satu kampung ni, atas khidmat beliau sebagai Pegawai Kewangan Negeri Sembilan, selama tempoh 2018 sehingga 2025. Prestasi pentadbiran kewangan negeri yang stabil, pengurusan aset dan hasil yang terkawal, seperti laporan belanjawan dan perbendaharaan, antaranya adalah termasuk jasa beliau. Kini saya mengucapkan tahniah dan harapan tinggi kepada Dato' Masri bin Hj. Razali, orang Rembau jugak ni, yang telah dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru, bermula 7 Mei 2025 dulu Datuk Bandar, tapi isu anjing, isu apa tak selesai tok, kena Datuk Bandar baru pulak yang ambil alih. Tapi mengucapkan terima kasih kepada Datuk Bandar baru dan juga SU MBS yang saya tengok begitu bekerja keras untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Semoga dengan semangat integriti dan ketegasan beliau, kita dapat melihat kesinambungan pengurusan kewangan yang cekap, seterusnya mempercepatkan pelaksanaan janji-janji pembangunan dan perkhidmatan kepada rakyat yang masih tertangguh. Namun ingin saya mengingatkan bahawa tanggungjawab ini tidak boleh dijadikan alasan untuk berlengah siap projek. Janji dan amanah mesti disempurnakan. Kita menuntut hasil nyata bukan hanya angka dalam akaun. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penjawat awam Kerajaan Negeri Sembilan. Berilah tepukan sikit. Takda yang tepuk penjawat awam ni. Sian dia.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: YB ni dah banyak dah lama saya bagi ni, teruslah.

YB ADUN Paroi: aaa... dan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan atas khidmat bakti mereka. Oleh itu saya, oleh itu jika ada lebihan ya, bolehlah saya cadangkan agar pihak Kerajaan negeri memberi Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan. Boleh eh. Mudah-mudahan sebagai penutup izin saya berkongsi dua ya, Surah Al-Maidah berbunyi: *dan bertolong-tolonglah antara kamu dalam perkara kebaikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu bertolong-tolong dalam perkara dosa dan permusuhan.* Ayat ini menjadi asas kepada kerjasama merentas sempadan politik, latar belakang dan perbezaan kepartian. Ia menggalak semua pihak termasuk Kerajaan dan pembangkan untuk bersama-sama dalam hal kebajikan rakyat dan pembangunan negeri, asalkan tidak melanggar prinsip kebenaran dan juga keadilan. Dan sempena asal negeri kita yang tercinta, Negeri Sembilan, saya tinggalkan 2 rangkap pantun, tujukan kepada Timbalan Datuk *Speaker*, kena jawab ni Datuk;

Bumi dan Rembau subur bersemi,
Putik melata harum bertahan,
Amanah di tangan harap terjaga di hari,
Demi Negeri Sembilan sentiasa aman.

Gunung Berembun Lembah berseri,
Seri padi di sawah luas terbentang,
Pegang Amanah junjung janji ini,
Agar rakyat senang negeri gemilang.

Datuk Yang Dipertua, dengan ini Paroi menyokong Belanjawan 2026 Negeri Sembilan dengan pindaan seperti yang dinyatakan yang telah dibentangkan pada 5 Disember 2025. *Wabillahi taufik*. Assalamualaikum WBT.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Paroi, *last but not least, big brother* Yang Berhormat Chembong. Jemput.

YB ADUN Chembong:
Lama sudah tidak ke hulu,
Dari pagi hingga senja,
Lama sudah abang menunggu,
Barulah sekarang abang merasa.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan *Speaker*, Yang Berhormat sahabat-sahabat, Ahli-Ahli Berhormat, Ahli-Ahli Dewan, Ketua-Ketua Jabatan. Saya nak mulakan perbahasan saya pada petang ini dengan menyebut nama Allah, Tuhan sekalian Alam, bagi kita sama-sama panjatkan selawat dan salam kita kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW kepada seluruh ahli keluarga dan sahabat handai Baginda. Datuk Timbalan *Speaker*, kedudukan kewangan ataupun ekonomi sangat penting untuk kita

mempertingkatkan kualiti hidup kita, kualiti hidup rakyat dan apabila pendapatan negeri bertambah, pendapatan negeri kita baik, sudah pasti kerajaan boleh menyediakan kemudahan asas yang lebih baik, sempurna, dapat kita sama-sama mempertingkatkan mutu kehidupan, mutu pendidikan, kesihatan, perumahan, prasarana sosial dan lain-lain. Oleh itu, dalam konteks Sidang Belanjawan ini, saya nak ambil kesempatan nak ucapkan tahniah kepada semua di antara kita, kepada Yang Amat Berhormat Sikamat, kepada Dato' Pegawai Kewangan Negeri, kepada semua penjawat-penjawat awam atas pembentangan Belanjawan tahun 2026 untuk negeri kita yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat, Jumaat lepas. Untuk tahun depan kita mensasarkan RM610 juta pendapatan dan kita menganggarkan Belanjawan kita RM640. Saya setuju juga dengan pandangan Yang Berhormat Rantau semalam, kiranya lebih baik kalau kita boleh, sekiranya bolehlah untuk kita buat Belanjawan berimbang. Sebab asas saya, *justify* saya Timbalan *Speaker* adalah, sebab tahun 2024 pendapatan kita adalah RM636 juta dan untuk tahun 2025 ini, baru menjelang minggu pertama bulan 12, 2025, kutipan kita telah mencecah RM655 juta. Jadi saya agak hairan, mungkin saya bukan pakar kewangan, kenapa sasaran kita untuk tahun depan kita letakkan hanya RM610 juta. Kalau kita letakkan sasaran kita RM640 juta dan perbelanjaan kita juga RM640 juta, insyaAllah Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, belanjawan kita mungkin boleh jadi lebih baik dilihat berimbang. Mungkin saya perlu diperjelaskanlah dalam hal ini, mana aspek-aspek yang mungkin saya kurang jelas dan sebagainya Datuk *Speaker*.

Banyak inisiatif baru diterbitkan, tahniah selain kita mengekalkan inisiatif-inisiatif yang lama. Datuk *Speaker*, saya rasa terharu ucapkan terima kasih, tahniah sebab pengumuman bantuan khas kewangan kepada penjawat awam Datuk *Speaker*. Sebab penjawat awam ini merupakan tulang belakang pentadbiran kerajaan, mereka lah yang memastikan. Mereka memainkan peranan penting memastikan pembangunan negeri berjalan lancar, melaksanakan dasar, menjalankan program-program inisiatif Kerajaan Datuk *Speaker*. Dan secara tak langsungnya juga Datuk *Speaker*, pengumuman 2 bulan minimum, 1 bulan berdasarkan prestasi oleh Yang Amat Berhormat Sikamat Jumaat lepas. Tahniah perlembangan bahawasanya itu penghargaan kepada kerja kuat pencapaian cemerlang penjawat awam. Dan pada masa yang sama, Timbalan *Speaker*, ianya juga menunjukkan sebenarnya Yang Amat Berhormat Sikamat ini dalam diam-diam dia menghargai saya jugalah. Sebab saya antara yang mencadangkan 2 bulan, 2 bulan setengah itu Datuk *Speaker*. Dalam diam-diam dia tengok ADUN Chembung punya cadangan ini perlu juga dipertimbangkan Datuk *Speaker*. Walaupun dalam gurau saya, sini saya untuk mengusulkan ini Datuk *Speaker*. Jadi terima kasih banyak, cumanya kadang-kadang Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, penjawat-penjawat awam ni pun tak patut juga Timbalan *Speaker*. Hari Jumaat lepas saya perhati saja, bila Yang Amat Berhormat

Sikamat turun ke bawah, berjalan di hadapan urusetia, Unit Dewan. Semua mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sikamat. Bila ADUN Chembung lalu, dia lupa abang yang mencadangkan dia Dato' *Speaker*, dia boleh buat tak tahu saja Datuk *Speaker*. Jadi apa-apa pun, ini adalah pencapaian kejayaan semua pihak Datuk *Speaker*.

Jadi terima kasih banyak, tahniah Datuk *Speaker*. Satu perkara yang saya juga rasa sangat bersukacita dan rasa gembira perlu saya ucapkan tahniah dalam Dewan ini Datuk *Speaker*, adalah cita-cita besar kerajaan negeri yang mensasarkan pendapatan negeri kita RM1 bilion ringgit menjelang 2030 tahun, eh 2030, tahun 2030. Timbalan *Speaker*, walaupun secara relatifnya keluasan negeri kita kecil, kita punya sumber mungkin terhad berbanding dengan negeri-negeri yang lebih besar. Tapi ini tidak menjadi penghalang untuk negeri kita memasang cita-cita tinggi untuk mencapai kemajuan Datuk *Speaker*. Saya yakin dengan hala tuju yang jelas, semangat kerjasama yang tinggi, kita akan dapat mencapai pendapatan RM1 bilion ringgit menjelang 2030, dan saya masih ingat sekitar tahun 2015, semasa kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Rantau, rancangan pembangunan pemodenan Negeri Sembilan 2015-2045. Ketika itu juga telah mensasarkan pendapatan negeri boleh mencapai RM1 bilion ringgit dalam tempoh 10 tahun bermula daripada 2015. Terima kasih, kita sama-sama jayakan.

Datuk Timbalan *Speaker*, Saya juga terpikat, suka, terharu dengan perbidalan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat, semasa pembentangan Jumaat lepas, saya pinjam sebentar Yang Amat Berhormat Sikamat, dapek sama laba, cicir samo cari, nan ado samo kito makan, nan takdo kita samo cari. Saya sambung Datuk Timbalan *Speaker*. Kalau daging, samo kita lapah, kalau tulang, samo kito cincang. Kok panjang, sama-sama kita korek. Kok pendek, samoa-samo kita sambung Datuk Timbalan *Speaker*. Saya mencadangkan apalah kiranya kesejahteraan dari segi ekonomi dan pendapatan ini, selain daripada kita menaikkan bantuan khas kewangan kepada penjawat awam, tanda penghargaan kita, kita berkongsi dengan golongan-golongan yang lain Datuk *Speaker*. Oleh demikian, untuk kesekian kalinya, saya nak mencadangkan di dalam Dewan Yang Mulia ini, apalah kiranya kerajaan Negeri Sembilan dapat mempertimbangkan untuk menaikkan elaun kepada semua Pengerusi JPKK dan Setiausaha JPKK dalam Negeri Sembilan Datuk *Speaker*. Sekarang ni rasanya dah sampai masanya untuk kita mempertimbangkan untuk menaikkan kadar elaun Pengerusi JPKK dan Setiausaha JPKK Datuk *Speaker*.

Begitu juga, di atas kesejahteraan keadaan kewangan kita yang baik, Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, saya nak mencadangkan agar dalam aspek pendidikan, khususnya kepada agensi-agensi yang berkenaan yang asal Negeri Sembilan dan sebagainya. Saya mendapat banyak cadangan, banyak aduan Datuk *Speaker*. Walaupun kita memperuntukkan banyak

bantuan bagi tujuan pendidikan, tetapi ada juga keluhan-keluhan daripada penjaga-penjaga, pelajar-pelajar yang sedang belajar di IPTS, institusi pengajian tinggi swasta Datuk *Speaker*. Kita perlu buang persepsi kita punya pemahaman. Kadang-kadang kita ingat semua anak-anak yang belajar di IPTS ni orang-orang kaya Datuk *Speaker*. Bukan, kadang-kadang mereka terpaksa masuk IPTS sebab kelayakan mereka tidak membolehkan mereka masuk IP, IPTA Datuk *Speaker*. Kadang-kadang jurusan yang ditawarkan di IPTA itu tidak memenuhi dia punya hasrat untuk dia mencapai cita-cita mereka Datuk *Speaker*. Jadi saya cadangkan di atas keadaan kewangan kita yang baik ini untuk kita timbangkan apalah kiranya kita dapat memberi juga mempertimbangkan bantuan, pinjaman dan apa saja kepada anak-anak yang juga belajar di IPTS. Mungkin kita boleh hadkan bukan semua, tetapi mereka yang benar-benar layak golongan B40 ataupun ada had-had kelayakan yang tertentu Datuk *Speaker*.

Datuk speaker saya, Datuk Timbalan *Speaker* saya juga menyokong penuh bantuan-bantuan inisiatif yang lain terutamanya bantuan ataupun apa yang dikatakan apresiasi bantuan sumbangan kepada warga emas, golongan warga emas yang 70 tahun ke atas Datuk *Speaker*. Semasa penyampaian, saya yakin rakan-rakan di tempat-tempat lain pun dapat melihat riak air muka wan-wan pakcik-pakcik abang kita yang menerima Datuk *Speaker* mereka sangat menghargai. Minggu lepas saya menyampaikan dan di peringkat DUN Chembong mereka menyampaikan salam terima kasih kepada kerajaan negeri dan kepada Yang Amat Berhormat Sikamat. Di sini saya mencadangkan Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*, mungkin perlu kita buat mungkin wajar lebih baik kita buat sedikit kajian sekiranya mampu dan juga kita bersedia untuk menurunkan had umur penerima ini daripada 70 tahun kepada yang lebih rendah agar lebih ramai yang boleh kita bagikan Datuk *Speaker*, Datuk Timbalan *Speaker*. Ya menurut bacaan saya menurut bacaan saya secara puratanya mengikut statistik had umur ataupun penduduk warga yang berumur 65 tahun ke atas adalah lebih kurang 7 ke 8 peratus saja Datuk Timbalan *Speaker* dan mungkin ini kita boleh buat kajian dan kalau kita bersedia mungkin untuk tahun-tahun mendatang kalau kita boleh timbangkan untuk menurunkan penerima warga emas ini daripada 70 tahun kepada 65 tahun ataupun umur yang lebih rendah daripada 70 tahun.

Selain itu Datuk Yang Dipertua, saya dengar Serting, Paroi juga mencadangkan untuk diberikan bantuan ini kepada penjawat-penjawat awam peringkat persekutuan ya kepada, Serting, Paroi abang dah cadangkan ini lama dah Datuk dan saya ucapkan terima kasih dah dibagi pun Serting, Paroi tahun lepas tak salah saya cumanya mungkin kita boleh kembangkan kepada penjawat-penjawat awam kakitangan peringkat persatuan di peringkat agensi-agensi yang sebelum ini tak dapat di peringkat agensi Datuk Timbalan *Speaker*, dan untuk itu juga perkongsian ini yang kita katakan dapat sama mendapat Datuk Timbalan *Speaker*, saya juga menerima cadangan

tentang bantuan ataupun pinjaman yang diumumkan dengan kosong faedah kosong persen faedah ini Datuk Timbalan *Speaker* kepada penjawat-penjawat awam satu perkara yang baik tapi juga saya nak mencadangkan Datuk Timbalan *Speaker* agar ianya boleh diperluaskan juga kepada kakitangan kerajaan yang bertaraf kontrak Datuk Timbalan *Speaker*. Mungkin juga kita boleh buat kajian kita hadkan mereka yang layak pekerja-pekerja kaki tangan kerajaan yang bertaraf kontrak ini yang mungkin telah berkhidmat 5 atau 10 tahun ke atas Datuk Timbalan *Speaker* jadi itu yang saya nak cadangkan tentang perkongsian.

Datuk Timbalan *Speaker*, saya menyokong saya menyokong penuh bersukacita dengan hasrat kerajaan negeri untuk menumpukan usaha kita menumpukan usaha kearah iaitu bekerja, tinggal dan riadah di negeri kita sendiri Datuk Timbalan *Speaker* dalam konteks ini kalau kita nak bekerja untuk kita tinggal di negeri kita di kawasan kita Datuk Timbalan *Speaker* aspek yang paling penting ataupun antara yang penting adalah kegiatan ekonomi dan peluang pekerjaan dan keduanya adalah tempat tinggal Datuk Timbalan *Speaker*. Saya nak bercakap sedikit tentang perkara-perkara tersebut untuk kita menggalakkan slogan itu direalisasikan Datuk Timbalan *Speaker* tempat tinggal di kawasan Dewan Undangan Negeri Chembong saya nak sebut sedikit saya nak ucapkan tahniah terima kasih kepada agensi-agensi anak-anak syarikat kerajaan Negeri Sembilan contohnya PKNNS sedang ataupun membina taman perumahan yang dinamakan Desa PKNNS di Chembong. Datuk Timbalan *Speaker* saya berharap perkara ini dapat diteruskan dengan baik cumanya apa yang saya dimaklumkan kategori *type* A Rumah Mampu Milik *Type* A masih belum dibuat ataupun dibina Datuk Timbalan *Speaker*. Saya harap ianya dapat dipercepatkan demi peluang kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan rumah mampu milik ini Datuk Timbalan *Speaker*. Keduanya juga Projek Perumahan Rakyat Chembong saya mohon Yang Berhormat Nilai untuk sedikit memberikan perhatian rumahnya sebanyak 452 unit telah siap Datuk Timbalan *Speaker* tapi hanya sebahagiannya sahaja yang telah dihuni. Ramai yang bertanya permohonan yang baru-baru ini telah tutup, tapi bilakah permohonan-permohonan ini diproses dan dimaklumkan siapa yang dapat. Saya mohon dipercepatkan, saya faham mungkin ianya kelulusan tersebut adalah di peringkat *federal* tapi saya mohon kerajaan negeri melalui EXCO Perumahan dan kerajaan tempatan untuk melihat dan dapat membantu kami dalam hal ini Datuk Timbalan *Speaker* dan tentang perumahan juga, ha… ni saya betul minta tolong Datuk Timbalan *Speaker* ada sebuah projek perumahan dinamakan Taman Rembau Bayu bersebelahan dengan berdekatan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Rembau (URES) yang telah dibina mula dibina lebih daripada 10 tahun dulu dan kini terbengkalai Datuk Timbalan *Speaker*. Kami faham pembeli faham dan semua orang faham ini adalah projek swasta, tapi saya mohon jasa baik pihak kerajaan dapat melihat apa bagaimana kita boleh tolong bantu mereka Datuk

Timbalan *Speaker* mungkin boleh kita ajukan panjangkan ini ke peringkat persekutuan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sekiranya ada projek-projek ataupun peruntukan-peruntukan membaik pulih projek-projek perumahan terbengkalai dan sebagainya. Kesian mereka-mereka yang telah membeli kena bayar sewa rumah pada masa yang sama rumah yang terbengkalai ini telah mula mereka dipotong gaji dan sebagainya Datuk Timbalan *Speaker*.

Seterusnya Datuk *Speaker* berhubung dengan kegiatan ekonomi untuk menggalakkan masyarakat rakyat tinggal di kawasan kita adalah tentang pelaburan. Pelaburan penting untuk kita membuka peluang pekerjaan dan sebagainya kita boleh menghalang ataupun tidak menggalakkan golongan belia-belia untuk keluar daripada kawasan kita saya, nak bertanya kepada pihak kerajaan dan berterima kasih dahulunya saya dah sebut dalam dewan ini tentang Kilang EV. Kilang kereta tanpa petrol, bukan kilang kereta tanpa tayar. Kalau kilang kereta tanpa petrol dan tanpa bateri itu di Senawang Jaya. Datuk *Speaker* apakah perkembangan Datuk Timbalan *Speaker* apakah perkembangan pembinaan ataupun keadaan kilang ini dan saya juga nak menyatakan di Dewan Undangan Negeri Chembong hanya ada dua sahaja kawasan industri iaitu Kawasan Perindustrian Chembong dan Kawasan Perindustrian Halal Hub di Pedas. Datuk Timbalan *Speaker* untuk menggalakkan pelaburan datang ke kawasan kita, ke daerah Rembau, saya rasa sampai masanya untuk kita melihat membuka kawasan perindustrian yang baru Kawasan Perindustrian Chembong seolah-olah kelihatan dah penuh dah tak boleh lagi menerima pelabur-pelabur baru Datuk *Speaker*. Adakah pihak kerajaan khususnya pentadbiran di Rembau telah melihat ataupun ada rancangan untuk melihat untuk membuka kawasan perindustrian baru selari dengan usaha kerajaan negeri yang semakin tahun semakin banyak mendapat pelaburan sekitar 7 ke 8 bilion setahun Datuk Timbalan *Speaker* dan saya juga melihat ada permasalahan tentang Kawasan Perindustrian Halal Hub di Pedas dengan keadaan infrastruktur, keadaan jalan longkangnya tidak begitu baik Datuk Timbalan *Speaker* saya mohon untuk kita sama-sama lihat kerajaan negeri bantu apakah permasalahan ini keadaan prasarana di Kawasan Halal Hub Pedas tidak berada dalam keadaan yang seperti sepatutnya kawasan -kawasan industri yang kawasan industri ini selalunya juga datang, ramai yang datang daripada luar dan kelihatan kurang baik untuk memperlihatkan keadaan yang seumpama itu.

Datuk Timbalan *Speaker*, saya mengambil kesempatan juga untuk menyuarakan membawa beberapa hal-hal, hal ehwal tentang masyarakat dan juga pembangunan di Dewan Undangan Negeri Chembong Datuk Timbalan *Speaker*, pertamanya tentang pendidikan pendidikan sangat penting Datuk Timbalan *Speaker*, kita boleh bezakan rakyat, masyarakat yang mempunyai taraf pendidikan yang baik dan sebaliknya, Datuk Timbalan *Speaker*, dalam sidang, sidang pertama tahun ini tak salah saya, sekitar bulan

April Yang Berhormat Senaling ada menyebut dalam semasa pengulungannya dia mengatakan Chembong ini banyak cakap Datuk Timbalan *Speaker*, banyak cakap ni perumpamaannya ertinya lain, dari segi peribahasanya, sebenarnya bukan banyak cakap, saya banyak membawa isu-isu tentang Pendidikan, Datuk Yang Dipertua, sebab pendidikan itu penting, Antaranya yang saya sebut dan kali ini saya sebut lagi kali kedua dan ketiganya Datuk *Speaker*, secara khususnya untuk diambil perhatian oleh pihak kerajaan negeri ataupun pihak Exco Pendidikan, kalau ianya bukan di dalam kapasiti kerajaan negeri, saya minta tolong untuk dibawa kepada peringkat kementerian Datuk Timbalan *Speaker*.

Pertamanya masalah ketiadaan asrama lelaki bagi pelajar-pelajar Kolej Vokasional Datuk Undang Haji Muhammad Syarif. Keduanya saya juga dah menyebut Kolej Vokasional Datuk Lela Maharaja di kawasan saya ada dua Kolej Vokasional Datuk Timbalan *Speaker*, asrama tidak cukup untuk Kolej Vokasional Datuk Lela Maharaja ni pihak kolej diminta oleh pentadbiran supaya menaikkan dia punya enrollment pengambilan pelajar tetapi bilangan asramanya tidak selari, tidak cukup untuk jumlah pelajar yang ada Datuk Timbalan *Speaker*, dan saya juga pernah menyebut salah satu sekolah yang cemerlang pencapaiannya adalah Sekolah Menengah Agama Rembau ataupun Sekolah Menengah Tuan Haji Ibrahim di Pekan Rembau Datuk *Speaker*. Di atas pencapaian cemerlang ibu bapa menjadi tumpuan untuk menghantar anak-anak mereka dan mereka juga menghadapi masalah ketidakcukupan asrama yang kritikal Datuk Timbalan *Speaker*. Jadi bila saya tanya di peringkat bawah di PPD apakah perkembangan tentang usul-usul cadangan yang saya bawa di dalam Dewan ni Datuk *Speaker* dan jawapan yang saya dapat adalah agak mengecewakan. Perkaranya tak sampai ke bawah ataupun masih lagi ada belum tindakan yang sewajarnya Datuk *Speaker* jadi Datuk Timbalan *Speaker*, saya mohon ianya diberikan perhatian yang serius tentang perkara ini.

Datuk Timbalan *Speaker*, dalam Sidang Dewan yang lalu Sidang Dewan Pertama bulan April dulu juga saya telah menyebut membawa isu tentang kelewatan siapnya Kompleks Sukan Daerah Rembau. Datuk Timbalan *Speaker*, sahabat saya kekanda ADUN Palong menyatakan memberi jawapan akan melihat perkara ini memberikan jawapan apakah sebenarnya alasan kelewatan ini Datuk *Speaker* dan ADUN Palong tadi pun ada sebut dalam Dewan nanti insyaAllah saya akan turun melihat sendiri. Saya tunggu Datuk *Speaker* kalau turun nanti saya belanja dan ini merupakan satu kerugian, bukan saja kepada kerugian masyarakat yang tidak boleh menggunakan kemudahan ini kemudahan semua dah siap dalam itu tapi masih lagi belum digunakan, jadi soalan saya bilakah Kompleks Sukan Rembau ini boleh digunakan dan sekiranya apa ada permasalahan, apakah permasalahan yang sebenarnya dan apakah tindakan pihak kerajaan negeri untuk mengatasi

kelewatan ini Datuk Timbalan *Speaker*. Saya benar-benar mengharap penggunaan Kompleks Sukan Daerah Rembau ini dapat dipercepatkan.

Datuk Timbalan *Speaker*, selain pada itu juga saya nak membawa tentang isu ataupun aduan orang asli di kawasan saya Datuk Timbalan *Speaker*. Minggu lepas saya dihubungi oleh kepimpinan Tok Batin dan juga masyarakat Kampung Orang Asli di Ulu Chuai, mereka mengadu kepada saya Datuk *Speaker* menyatakan baru-baru ini Jabatan Kemajuan Orang Asli bersama-sama dengan pihak Juruukur telah datang dan menyatakan kepada mereka Juruukur dah buat pengukuran tentang perizapan kampung orang asli dan setelah dimaklumkan kepada Orang Asli Ulu Chuai daripada penerangan tersebut mereka dinyatakan, diberitahu bahawasanya sempadan perizaban yang dibuat itu adalah lebih kecil daripada yang sebenarnya Datuk Timbalan *Speaker*, dan bermaksud kalau perizaban sempadan baru yang dibuat secara langsung secara serta mertanya banyak 10 hingga 15 buah rumah Kampung Orang Asli Ulu Chuai akan berada di luar kawasan rizab Orang Asli Ulu Chuai Datuk *Speaker*. Saya mohon perkara ini dapat diperlihatkan dan berkenaan tentang kampung orang asli juga saya mohon mohon sangat kerajaan negeri pihak JAKOA dan yang sebagainya dapat melihat permasalahan yang telah juga saya bawa di dalam dewan sebelum ini kejadian tanah runtuh di kedua-dua kampung orang asli Kampung Orang Asli Ulu Chembong dan Kampung Orang Asli Ulu Chuai cerun tebing berhampiran tempat kediaman mereka runtuh dan apakah perkembangan tentang permasalahan ini untuk kita selesaikan Datuk Yang Dipertua.

Datuk Yang Dipertua, saya juga nak membawa kepada dewan ini nak mengucapkan tahniah terima kasih syabas kepada kerajaan negeri dengan apa yang dinyatakan Datuk Timbalan *Speaker* sebab tentang projek-projek penyelenggaraan MARRIS. Dengan adanya program penyelenggaraan jalan di bawah MARRIS ni banyak permasalahan jalan-jalan kampung dapat diselesaikan Datuk Yang Dipertua. Terutamanya di Rembau saya nak ambil kesempatan nak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih tahniah kepada semua penjawat-penjawat awam kakitangan di daerah Rembau Datuk Yang Dipertua, masa buat kerja-kerja MARRIS ni ada yang sampai kerja malam kerja lebih masa Sabtu dan Ahad. Berkenaan tentang kerja-kerja undi adalah satu perkara yang baik Datuk Timbalan *Speaker*, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sikamat dengan harapan kalau boleh perbanyakkan lagi kerja-kerja undi ni bak kata Yang Berhormat Chennah dua hari lepas, kerja undi ni seolah-olah adalah cabutan bertuah kepada mereka-mereka kontraktor-kontraktor kecil ni ,cumanya Datuk *Speaker* baru-baru ni ada satu kenyataan kalau tak salah saya saya dimaklumkan kenyataan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) pemakluman tentang akan diadakan kerja undi penyerahan jalan negeri di bawah peruntukan MARRIS Fasa 1 tahun hadapan 2026. Dalam kenyataan notis ini disebut antara syarat-syaratnya adalah kontraktor perlu berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan

perlu mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (TCC). Permasalahannya Datuk Timbalan *Speaker*, banyak daripada kontraktor-kontraktor ni yang tak dapat mematuhi syarat ini disebabkan sebelum itu sekitar bulan 7/2025 satu surat daripada Pegawai Kewangan Negeri telah dikeluarkan yang daripada pemahaman saya surat tersebut mengatakan TCC tersebut tidak diwajibkan pemakaiannya untuk kerja-kerja undi MARRIS Datuk *Speaker*. Jadi saya harap saya merayu bagi pihak kontraktor yang datang menyuarakan ini supaya syarat pematuhan sijil pematuhan cukai TCC ni dikecualikan untuk kerja-kerja undi yang akan datang ni Datuk *Speaker*.

Datuk Timbalan *Speaker* seterusnya satu dua lagi Datuk Timbalan *Speaker* saya juga nak menyebut tentang bantuan daripada pihak kerajaan khususnya bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Datuk *Speaker*, ini bagi saya keluhan-keluhan umum nama dia keluhan-keluhan umum,dua hari lepas kalau boleh saya perdengarkan voicemail rakaman suara Datuk *Speaker* daripada salah seorang ketua kampung yang menyatakan seorang ni kalau boleh saya namakan Puan Kamariah daripada Kampung Kundur Ulu yang sekian lama ni mendapat bantuan daripada JKM tiba-tiba dipotong disebabkan, disebabkan dia pergi meninggalkan rumah dia sementara ke rumah anak dia dan rumah anak ni pula dikatakan sebab anak ni ada pendapatan Datuk *Speaker* tetapi pendapatan itu tidaklah dapat menampung keperluan ibu ni Datuk *Speaker*, jadi saya harap perkara-perkara yang umum yang ringkas yang mudah ni dapat kita perhatikan Datuk Timbalan *Speaker*, jadi itu saja yang saya nak sampaikan dalam ini dalam perbahasan ni sekali lagi saya ucapkan terima kasih, tahniah kepada semua di antara kita yang dapat menjayakan belanjawan, Sidang Belanjawan untuk 2026. Terima kasih Wabillahitaufiq walhidayah, Assalamualaikum WBT.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Chembong. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sesi Perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri bagi tahun 2026 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 telah pun selesai. Seterusnya saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab. Silakan EXCO.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih Datuk Timbalan *Speaker*. Assalamualaikum WBT Salam Bersih Muafakat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani. Terima kasih YB Timbalan Datuk Yang Dipertua, atas peluang untuk saya menggulung sesi perbahasan kali ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan serta memberikan pandangan bernas sepanjang perbahasan belanjawan 2026 ini. Terlebih dahulu tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Aminuddin Bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan yang telah membentangkan Belanjawan 2026 bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri dan seluruh kakitangan jabatan dan

agensi yang telah menyediakan Belanjawan 2026. Datuk Timbalan Yang Dipertua, aspek kesihatan menjadi faktor utama dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di Negeri Sembilan. Menjaga kesihatan bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga memberi impak positif kepada keluarga komuniti dan negara, memastikan kelangsungan hidup yang sihat dan produktif. Kepentingan kesihatan sangat luas meliputi peningkatan kualiti hidup, produktiviti, kesejahteraan mental dan fizikal serta kemajuan negara kerana badan yang sihat membolehkan kita aktif mengelak penjakit, penyakit menjimatkan kos rawatan dan menyumbang kepada masyarakat serta ekonomi secara menyeluruh.

Umum kita ketahui kesemua daerah di Negeri Sembilan telahpun mempunyai hospital daerah. Perancangan menambah baik perkhidmatan hospital di semua tujuh daerah sentiasa dipantau dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Selain hospital perkhidmatan kesihatan turut dibantu melalui 52 klinik kesihatan dan 92 buah klinik desa 10 klinik komuniti 45 klinik pergigian serta 8 klinik bergerak yang beroperasi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk sekitar Negeri Sembilan. Dalam usaha untuk meningkatkan akses kesihatan di seluruh negara dan memenuhi keperluan serta kehendak masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia KKM menekankan pembangunan dan peningkatan taraf 436 Klinik Daif di Malaysia. Projek Klinik Daif ini merujuk kepada inisiatif Kerajaan Malaysia terutamanya oleh KKM untuk menaik taraf dan membangun semula bangunan klinik yang usang atau daif di seluruh Negeri Sembilan, bagi memastikan rakyat mendapat akses kesihatan berkualiti dalam persekitaran selamat. Melibatkan pembinaan bangunan baru baik pulih dan kemudahan mesra OKU dengan peruntukan besar dalam dan pelaksanaan berbagai fasa. Klinik-klinik yang terlibat dalam projek ini akan dilengkapi dengan kemudahan terkini dan teknologi maklumat untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan Kesihatan. Selain itu langkah-langkah keselamatan dan keselesaan juga diambil kira untuk memastikan persekitaran yang produk kondusif untuk pesakit dan kakitangan kesihatan. Secara ringkas projek ini adalah komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan kualiti kesihatan dapat dinikmati semua tanpa mengira lokasi dengan tumpuan utama kepada klinik daif.

Yang Berhormat Datuk Timbalan, YB ADUN Mambau ada membangkitkan berkenaan isu vape dalam kalangan pelajar sekolah. Jabatan Kesihatan Negeri sedang melaksanakan plan jangka panjang yang menyeluruh bagi mengurangkan tabiat merokok serta penggunaan rokok elektronik vape melalui strategi yang merangkumi pendekatan pencegahan penguatkuasaan rawatan berhenti merokok serta kerjasama berbagai pihak. Antara pendekatan yang dilaksanakan adalah seperti berikut, mewujudkan persekitaran bebas amalan merokok melalui penguatkuasaan Akta 852 meliputi Seksyen 7 dan 8 (larangan pengiklanan pengiklanan produk

merokok dan produk merokok tiruan), Seksyen 9 (larangan promosi atau tajaan produk merokok), Seksyen 10 dan 11 (larangan penjualan produk merokok dan produk merokok tiruan). Seksyen 12 (larangan pemberian hadiah bagi produk merokok). Seksyen 13 (larangan penjualan produk merokok kepada orang belum). Seksyen 15 (kawalan pembungkusan dan pelabelan). Seksyen 16 (kawasan atau tempat larangan merokok). Seksyen 17 (larangan merokok bagi OBD). Seksyen 18 (tanggungjawab tuan punya bangunan atau premis memastikan tiada aktiviti merokok berlaku). Menyediakan pelan evokasi lima tahun yang merangkumi mewujudkan program penjagaan khusus bagi golongan kanak-kanak dan remaja. Melaksanakan program intervensi berhenti merokok bagi kanak-kanak remaja dan belia yang telah terjebak dengan tabiat merokok melalui program kesihatan oral tanpa amalan merokok dan Mekud Newstie. Membantu golongan perokok dewasa berhenti merokok melalui perkhidmatan berhenti merokok di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta. Memperkukuhkan pemerkasaan masyarakat mengenai bahaya merokok dengan melaksanakan Program Premis Bersih Bebas Asap di Negeri Sembilan bagi meningkatkan pemahaman dan pematuhan masyarakat terhadap larangan merokok di tempat awam. Program ini melibatkan kerjasama NGO seperti PEMADAM, Ikram Health dan NCSM, agensi swasta, persatuan, peniaga, pihak industri serta komuniti.

Yang Berhormat Datuk Timbalan, dalam memastikan keharmonian antara kaum dan masyarakat umum tidak tergugat oleh kumpulan-kumpulan pelampau yang memainkan sentimen agama dan kaum dalam cubaan memecahbelahkan rakyat. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Negeri Sembilan disokong erat oleh agensi kerajaan di peringkat negeri mahupun persekutuan telah mengambil langkah-langkah yang berikut bagi menangani cubaan tersebut. Antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak kerajaan adalah pemerkasaan peranan entiti organisasi komuniti di peringkat akar umbi, meningkatkan semangat patriotisme dan pelaksanaan aktiviti dan program berteraskan perpaduan iaitu semarak kenegaraan, memupuk semangat cintakan negara, dan penghayatan rukun negara melalui program seperti pameran bicara tokoh dan perkongsian budaya. Semarak perpaduan menggalakkan perpaduan kaum agama dan budaya melalui aktiviti seperti sambutan Minggu Perpaduan, *Unity Fun Walk* dan Liga Sukan Komuniti. Rumah Komuniti Rahmah, membina komuniti yang harmoni dan saling menghormati melalui kerjasama berbagai pihak dalam program seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah dan projek ekonomi. Ketiga-tiga kluster ini menyokong usaha membina masyarakat bersatu dan Sejahtera. Langkah-langkah ini bertujuan untuk membantu memastikan perpaduan dan keharmonian rakyat Negeri Sembilan terus terpelihara menjadikan negeri ini sebagai contoh sebuah masyarakat majmuk yang stabil, progresif dan sejahtera. Proses menyatupaduan berlandaskan tapak integrasi yang aktif

dan inovatif memerlukan penyelesaian yang efisyen di semua peringkat termasuk persekutuan dan negeri serta lapisan masyarakat, bermula individu keluarga dan komuniti. Keharmonian dan perpaduan kaum ialah asas kepada kestabilan dan kemajuan negara tanpa perpaduan pembangunan sukar dicapai. Setiap entiti masyarakat mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar untuk memupuk semangat saling menghormati tolak ansur dan nilai kekitaan demi kesejahteraan bersama. Peranan dan tanggungjawab kerajaan entiti masyarakat mahupun perseorangan perlu bersama-sama dalam memastikan kedaulatan dan kesejahteraan negara agar terus diperlihara.

Yang Berhormat Datuk Timbalan, keseluruhan belanjawan ini menggambarkan iltizam kerajaan Negeri Sembilan untuk memperkasa kesihatan rakyat mendukung perpaduan, memperkukuh penyampaian maklumat memantapkan integrasi nasional serta memperluas kerjasama berimpak bersama NGO. Melalui sinergi dan kerjasama yang baik ia akan terus dipacu serta mampan berkesan dan berpaksikan nilai Madani. Akhir kalam, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas pandangan serta cadangan yang membina. Portfolio-portfolio yang saya pikul akan terus digerakkan dengan penuh amanah demi kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan. Jika ada mana-mana jawapan yang tidak dapat saya jawab secara lisan saya akan berikan jawapan berkenaan secara bertulis. Sekian, wabillahi Taufiq wahidayah, Assalamualaikum WBT.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Exco, seterusnya.

YB ADUN Linggi: Datuk Yang Dipertua, terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membuat penggulungan, bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkaitan isu liputan internet, penyelenggaraan infrastruktur telekomunikasi serta hala tuju pembangunan digital di Negeri Sembilan. Yang pertama ialah liputan internet lemah di 3 kawasan iaitu Kampung Bukit Perah, Kampung Kuala Talang dan juga Kampung Tengah menuju ke Seri Menanti.

Datuk Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Seri Menanti atas isu yang dibangkitkan berkaitan dengan liputan dan juga kualiti jaringan internet di kawasan Seri Menanti khususnya melibatkan Kampung Bukit Perah, Kampung Kuala Talang dan Kampung Tengah menuju ke Seri Menanti. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan terus melaksanakan inisiatif di bawah Pelan Jalinan Digital Negara ataupun JENDELA bagi memperluas liputan jalur lebar dan meningkatkan kelajuan internet di seluruh Negeri Sembilan. Sehingga 31 Oktober 2025, liputan internet di kawasan yang berpenduduk di Negeri Sembilan telah pun mencapai 99.93%. Manakala bagi kawasan berpenduduk

di DUN Seri Meranti sahaja, liputan telah mencapai pada angka 99.24%. Pencapaian ini membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan kesalinghubungan digital yang lebih baik kepada rakyat. Di bawah pelaksanaan JENDELA di DUN Seri Meranti, empat menara komunikasi baru telah pun siap dibangunkan. Satu lagi tapak menara iaitu di kawasan Kampung Talang dan juga Kampung Purun yang kini sedang dalam pembinaan, yang turut melibatkan salah satu, nasib baik tak kena kacau. Yang turut melibatkan salah satu kawasan aduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kesemua 23 stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf kepada rangkaian 4G. Sebanyak 1683 premis telah pun dilengkapi dengan rangkaian gentian optik berkapasiti *gigabyte*.

Berhubung isu liputan lemah di Kampung Bukit Perah dan juga Kampung Tengah, pihak MCMC telah pun menerima laporan YB dan kita telah melaksanakan audit kualiti perkhidmatan di kawasan tersebut. Hasil daripada audit mendapati terdapat ketidakpatuhan terhadap *standard* mandatori kualiti perkhidmatan. Sehubungan dengan itu notis 51(2) ketidakpatuhan kualiti yang telah ditetapkan telah pun dikeluarkan kepada penyedia perkhidmatan untuk tindakan segeral. Suruhanjaya juga akan mengeluarkan arahan Suruhanjaya kepada mana-mana pihak penyedia perkhidmatan yang gagal mematuhi *standard* seperti yang telah pun ditetapkan. Kegalan ini mematuhi arahan ini merupakan satu kesalahan di bawah Akta Komunikasi Dan Juga Multimedia 1998 (Akta 588) dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil.

Kerajaan menyeru orang awam di Sri Menanti dan juga seluruh negeri untuk menyalurkan maklumat lokasi-lokasi yang mengalami masalah liputan melalui aplikasi MCMC Nexus dan aplikasi ini boleh kita *download* di dalam melalui *Android* dan juga *Apple* dan kita boleh sendiri buat ujian liputan di kawasan yang kita rasakan kurang baik. Aduan dengan kelajuan muat turun yang konsisten di bawah 10MB akan disalurkan untuk siasatan dan tindakan penambahbaikan oleh penyedia perkhidmatan. Sekiranya aduan kepada penyelia perkhidmatan tidak dapat diselesaikan, rakyat juga boleh terus membuat aduan kepada MCMC melalui portal aduan rasmi. Kerajaan negeri akan terus memastikan isu kualiti liputan ini diberi perhatian serius dan diperbaiki secara berterusan demi kesejahteraan rakyat khususnya masyarakat di kawasan DUN Seri Menanti.

Yang kedua ialah penutup *mainhole* yang dibuka ataupun vandalisme yang dibangkitkan oleh ADUN Seremban Jaya. Terima kasih kepada ADUN Seremban Jaya yang telah membangkitkan isu keselamatan awam berkaitan penutup *mainhole* yang dibuka akibat vandalisme dan juga pencurian kabel. Kerajaan memandang serius perkara ini dan setakat 30 September 2025 MCMC telahpun menerima 3,477 aduan berkaitan komunikasi dan 5 daripadanya melibatkan penutup *mainhole* yang telahpun terbuka. Antara

tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah penutupan dan juga pembaikan segera setiap kali laporan diterima, pemasangan penutup *mainhole* jenis keselamatan tinggi setakat ini 32 lokasi hotspot telah lengkap dengan penutup keselamatan dan juga program pemulihan kabel tembaga dilaksanakan bagi mengurangkan insiden pencurian kabel dan juga gangguan perkhidmatan serta pemantauan berkala oleh pihak utiliti telekomunikasi. Kerajaan negeri akan terus memantau tindakan ini secara menyeluruh.

Seterusnya iaitu liputan internet lemah di Taman Putra, Juasseh. Datuk Yang Dipertua, di Taman Desa Putra Juasseh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Juasseh atas keprihatinan mengenai liputan internet di Taman Desa Putra Juasseh. Untuk maklumat Dewan Yang Mulia ini MCMC bersama penyedia perkhidmatan telahpun menjalankan audit kualiti perkhidmatan di kawasan tersebut dan mendapati terdapat ketidakpatuhan terhadap *standard* mandatori kualiti perkhidmatan. Jadi Notis Seksyen 51 (2) telahpun dikeluarkan kepada penyedia perkhidmatan bagi memastikan tindakan penambahbaikan segera diambil. Secara keseluruhannya capaian liputan di DUN Juasseh telahpun mencapai 99.47% dengan pelaksanaan 3 menara baru, penaik tarafan 30 stesen pemancar, serta penyediaan gertian optik kepada 3,952 premis termasuk di kawasan orang asli Kampung Guntur. Kerajaan Negeri akan terus memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan sehingga liputan di Taman Desa Juasseh mencapai tahap yang memuaskan. Khususnya bagi membantu pelajar SPM, usahawan wanita di rumah dan juga anak muda dalam ekonomi digital.

Yang keempat ialah berkaitan penyelenggaraan talian telco di bahu jalan yang telahpun dibawa oleh ADUN Klawang. Untuk makluman semua, keadaan kabel dan juga tiang telekomunikasi yang ditumbuhi tumbuhan menjalar sehingga menjejaskan imej negeri. MCMC telahpun menerima 48 aduan melibatkan tiang gentian optik tidak diselenggara. Arahan telahpun dikeluarkan kepada pemilik struktur untuk melakukan pembaikan segera serta memastikan penyelenggaraan berkala dilaksanakan. Pihak TM turut memaklumkan bahawa tumbuhan menjalar tumbuh semula dengan cepat dan kini sedang mengkaji penyelesaian jangka panjang termasuk kaedah pembersihan lebih menyeluruh, penanaman tumbuhan yang lebih sesuai dan juga penyelenggaraan berjadual yang lebih sistematik, dan kita di pihak Kerajaan Negeri Sembilan komited untuk memastikan aspek kebersihan dan juga keselamatan infrastruktur selaras dengan persediaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.

Seterusnya iaitu naik taraf infrastruktur digital di Lukut. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lukut atas pertanyaan mengenai perancangan menaik taraf infrastruktur digital di kawasan luar bandar. Melalui pesan pelan JENDELA, Negeri Sembilan telahpun mencapai 99.93% liputan kawasan berpenduduk manakala DUN Lukut merekodkan 98.9% yang telahpun diliputi kawasan

internet. Antara pencapaian utama di DUN Lukut adalah 5 menara baru siap dibina, 48 stesen pemancar di naik taraf, 10,838 premis dilengkapi gentian optik, 9 tapak pemancar 5G DNB yang memberikan 92.7% liputan kawasan berpenduduk dan 5 tapak 5G U-Mobile siap membawa trafik pada tahun pertama operasi. Peluasan liputan 5G ke kawasan luar bandar akan diteruskan secara berperingkat sejajar matlamat RMK-13 untuk mencapai 98% liputan 5G di seluruh negara menjelang 2030. Selain daripada itu, pengoperasian pusat Nadi yang telahpun diwujudkan di setiap DUN termasuk Nadi Pekan Lukut, menyediakan akses internet percuma, komputer, latihan digital dan juga program peningkatan kemahiran bagi merapatkan jurang digital.

Akhir sekali, Kerajaan Negeri komited memastikan infrastruktur digital di Negeri Sembilan berada dalam keadaan terbaik demi kesejahteraan rakyat serta pembangunan ekonomi negeri. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas teguran, cadangan serta aduan yang disalurkan. InsyaAllah segala isu yang dibangkitkan akan terus diberi perhatian dan dipantau sehingga penyelesaiannya benar-benar dirasai oleh rakyat. Sekian terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, seterusnya EXCO daripada pihak kerajaan. Boleh? Dari Bahau.

YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Johol, Yang Berhormat Chennah, Rantau, Sri Tanjung, Mambau, Lenggeng, Chembong yang telahpun mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh perkara yang berkenaan dengan Portfolio Industri. Dato' Yang Dipertua, bagi menyokong aspirasi untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai hub pelaburan utama negara, Kerajaan Negeri dengan usaha sama swasta, giat melaksanakan pembangunan kawasan-kawasan industri baru. Usaha ini bertujuan untuk menarik lebih banyak pelabur berpotensi, khususnya ke wilayah pembangunan *Malaysia Vision Valley 2.0* yang melibatkan daerah Seremban dan Port Dickson. Pada masa ini, seluas 8,593.28 ekar kawasan industri baru telah dikenal pasti dan sedang dalam proses pemajuan kawasan industri baru dengan senarai terperinci melibatkan SPD Tech Valley dengan keluasan 523 ekar, kini dibangunkan oleh pemaju Swri Pajam Development, Eco Business Park 7 dengan keluasan 1,195 ekar, dibangunkan secara usaha sama Perbadanan Negeri Sembilan, SD Guthrie dan Eco World Development Berhad. Suka saya nak nyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa projek ini telahpun disempurnakan majlis pecah tanahnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 11 November yang lalu. NS Semiconductor Valley atau ringkasnya NSSV akan dibangunkan NS Semiconductor Valley Sendirian Berhad yang merupakan Special Purpose Vehicle ataupun SPV usaha sama Perbadanan Negeri Sembilan dan MI Group. Pembangunan

kawasan perindustrian seluas 837 ekar di kawasan perindustrian Tuanku Jaafar ini adalah merupakan antara usaha pembesaran sektor industri sedia ada di kawasan tersebut. Menerusi usaha sama yang berkaitan juga Perbadanan Negeri Sembilan kini dalam usaha bagi membangunkan sebidang tanah di Parcel B dengan keluasan 1,281 ekar menerusi projek NS Smart Park atau NSSP. Di Parcel B juga Matrix Concept dengan Perbadanan Negeri Sembilan telah menjalin usaha sama membentuk sebuah SPV iaitu N9 Matrix Development Sendirian Berhad bagi membangunkan sebuah projek perbandaran baru MVV City di atas plot tanah seluas 1,382.2 ekar. Dalam pembangunan bercampur ini terdapat juga komponen perindustrian di kawasan berhampiran dengan projek Vision Business Park oleh Sime Darby Property. Menyentuh kepada projek tersebut, Sime Darby Property Berhad kini dalam usaha pembangunan tiga kawasan perindustrian yang melibatkan Vision Business Park di Pasir B seluas 760 ekar. Hamilton Industrial Park di Parcel A dengan keluasan 892 ekar dan juga XME Business Park FASA yang baru seluas 75 ekar. TH Properties juga pada masa ini sedang merealisasikan pembesaran kawasan perindustrian di bandar Enstek, dengan projek Tech Park at Enstek Fasa 3 seluas 616.56 ekar. Kawasan perindustrian Tech Park@Enstek telah terletak di antara kawasan perindustrian Parcel B dan pembangunan Eco World di Parcel C.

Oleh itu, kerajaan negeri menjangkakan dengan kehadiran syarikat-syarikat multinasional di hub perindustrian itu seperti Kellogg's, Ajinomoto, Dutch Lady dan banyak lagi serta pengembangan perindustrian di sekitar akan membentuk suatu ekosistem perindustrian kompleks dan komprehensif di bahagian barat Negeri Sembilan yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Kuala Lumpur. Selain itu, pembangunan kawasan perindustrian Negeri Sembilan turut dirancakkan dengan pembangunan Spring Hill Industrial Park Fasa 3 yang sedang dibangunkan oleh pemaju West Synergy di atas tanah seluas 179 ekar. Pemaju hartanah juga akan membangunkan Eco Smart Industrial Park dengan keluasan 757 ekar di kawasan berdekatan dengan tapak kualiti alam dan yang terakhir, melibatkan kawasan industri sokongan kepada pembangunan NSSV iaitu Kelisah Mewah Industrial Park seluas 95.52 ekar oleh pemaju Azam Mewah Sendirian Berhad.

Dato' Yang Dipertua, dengan wujudnya rangka komprehensif Pelan Pembangunan *Malaysian Vision Valley 2.0* dan disokong dengan pembangunan kawasan-kawasan industri baru kerajaan negeri mampu menarik pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi khususnya dalam sektor elektrik dan elektronik serta semikonduktor Aeroangkasa, Teknologi Makanan dan Pharmaceutical selaras dengan sektor yang disasarkan dalam kluster industri di wilayah tengah yang telah diwar-warkan secara rasmi pada 11 November 2025 yang lalu. Strategi ini turut disokong dengan dasar pelaburan kerajaan negeri yang terbuka dan mesra pelabur. Kerajaan negeri turut menekankan kaedah pemudahcara pelaburan melalui inisiatif *NS*

Fastlane di peringkat pihak berkuasa tempatan. Ini adalah salah satu usaha kerajaan negeri untuk mempercepatkan proses kelulusan dan menyediakan kemudahan yang lebih efisien kepada pelabur yang ingin menjalankan projek di Negeri Sembilan. Program *Fastlane* ini memberi ruang kepada pelabur untuk menikmati proses yang lebih cepat dan lancar bermula dari sebelum kelulusan pelan sehingga bangunan siap di tapak. Seterusnya kebenaran beroperasi dalam masa yang singkat melalui gabungan proses di peringkat kelulusan pelan, Sijil Perakuan Siap (CCC) dan lesen pengoperasian.

Dato' Yang Dipertua, untuk portfolio Hal Ehwal Bukan Islam. Yang Berhormat Lobak telah pun memberi beberapa cadangan di mana Yang Berhormat telah pun mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat memberi perhatian kepada tapak-tapak perkuburan Cina dan untuk maklumat Yang Berhormat Lobak, kerajaan negeri sentiasa mengambil maklum keperluan masyarakat bukan Islam termasuk pengurusan kawasan perkuburan Cina di seluruh negeri. Berdasarkan semakan yang terkini, terdapat 90 tapak kawasan perkuburan Cina di Negeri Sembilan dan jumlah keluasannya adalah sebanyak 270.605 hektar. Pengurusan setiap tanah kubur bukan Islam, khususnya untuk komuniti Cina ini akan diuruskan oleh mana-mana pertubuhan atau persatuan yang berkelayakan dan diiktiraf oleh Jabatan Pertubuhan Malaysia (ROS). setiap pertubuhan yang telah diluluskan akan menguruskan segala hal ehwal serta penyelenggaraan tanah kubur tersebut. Pihak pertubuhan juga mengenakan kadar cas yang minimum bagi setiap pengurusan pengebumian memandangkan tapak-tapak ini perlu sentiasa diselenggara dengan lebih baik dan sempurna serta berada dalam keadaan yang terurus dan bersih. Kerajaan negeri melalui pejabat saya, Pejabat Pengurusi Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam sentiasa prihatin terhadap pertubuhan ataupun persatuan yang menguruskan tapak perkuburan bukan Islam agar kawasan tersebut dapat diurus dengan teratur dan berkesan. Kerajaan negeri juga komited ia komited untuk memastikan pengurusan kawasan perkuburan bukan Islam khususnya kaum Cina, diberikan perhatian yang sewajarnya sebagai sebahagian daripada usaha menjaga kebajikan dan sensitiviti semua rakyat tanpa mengira agama dan kaum.

Untuk menjawab soalan yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chembong tadi, Yang Berhormat Chembong tadi ada membangkitkan persoalan mengenai status terkini Kilang EV yang kita telahpun adakan majlis pecah tanah lebih kurang setahun yang lalu. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Chembong dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kilang tersebut sekarang telahpun sampai fasa yang paling akhir saya dimaklumkan tak lama lagi mereka akan dapat CCC, cuma dari segi kerjasama dengan Syarikat Neta tersebut itu terpaksa dihentikan ataupun kontrak dengan mereka terpaksa tamat kerana syarikat tersebut telahpun berhenti operasi di China. Jadi walaubagaimanapun, sudah tentunya orang kata mengapa Neta dia berhenti dan sebagainya, bagi saya, saya rasa yang paling penting kilang

tersebut masih dalam proses pembangunan dan seperti apa yang saya katakan tadi, kilang tersebut dijangka akan siap sepenuhnya pada *first quarter* ataupun *quarter* yang pertama pada tahun depan dan untuk makluman semua, sebenarnya selain daripada membuat kereta EV, Neta sebenarnya kilang tersebut selama ini memang terbuka untuk bekerja dengan mana-mana syarikat otomobil untuk membuat *truck* ataupun membuat kereta dan untuk maklumat semua, sebenarnya saya rasa 2 minggu yang lepas saya pernah berjumpa dengan pemilik kilang tersebut dan saya telah dimaklumkan bahawa mereka telahpun mendapat beberapa *partner* ataupun beberapa *partner* strategik untuk mereka meneruskan operasi di kilang tersebut. Saya rasa itu sedikit sebanyak yang saya boleh menjawab kepada Yang Berhormat Chembong dan yang akhir sekali, tadi Yang Berhormat Mambau ada menyebut mengenai beberapa data center yang telah wujud dan akan wujud di negeri kita dan sudah tentunya, kerajaan negeri kita sentiasa memastikan bahawa setiap kilang, tak kira data center ataupun apa-apa saja kilang kita ada syarat kita yang cukup ketat sekali dan kita akan pastikan bahawa bekalan elektrik dan juga bekalan air sentiasa mencukupi bukan sahaja untuk kilang, tetapi untuk rakyat jelata. Itu sedikit sebanyak yang saya ingin sampaikan terima kasih terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Bahau. Dijemput seterusnya wakil daripada kerajaan, terima kasih.

YB ADUN Repah: Terima kasih YB Datuk Timbalan *Speaker*. Salam Malaysia Madani, salam perpaduan, salam Negeri Sembilan bersih, muafakat sejahtera. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Negeri Sembilan atas pembentangan bajet yang inklusif dan komprehensif pada kali, dan juga saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan pada kali ini. Di samping itu, saya menerima beberapa persoalan berkaitan dengan beberapa isu melibatkan portfolio saya. Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN-ADUN yang membangkitkan isu-isu berkaitan portfolio ini.

Pertamanya berkaitan dengan ADUN Gemas. Isu yang dibangkitkan adalah kesukaran warga emas untuk menggunakan aplikasi eCOSS dalam urusan pembelian minyak masak memandangkan ketiadaan telefon pintar ataupun talian internet. Untuk makluman ADUN Gemas Aplikasi Mobile E-Kos merupakan satu model tambahan kepada sistem skim penstabilan harga minyak masak eCOSS yang berperanan sebagai salah satu mekanisme mengawal ketirisan minyak masak paket 1kg. Aplikasi ini memerlukan peruncit merekodkan transaksi jual beli minyak masak paket bersubsidi 1kg kepada pengguna yang berdaftar menggunakan kod QR. Penggunaan *mobile* eCOSS ini akan melengkapkan pemantauan rangkaian pengedaran minyak

masak paket bersubsidi 1kg dari kilang, penapis sehingga ke rantaian akhir iaitu pengguna. Pelaksanaan aplikasi ini telah dilaksanakan secara rintis dalam Program Jualan Rahmah Madani PJRM di seluruh Negeri Sembilan sejak Ogos 2025. Bermula November 2025 pula inisiatif ini telah dipanjangkan dan digalakkan pelaksananya di peringkat pasaraya di Negeri Sembilan. KPDN Negeri Sembilan juga mengambil malam isu kesukaran rakyat yang tidak mempunyai telefon pintar atau menghadapi gangguan liputan internet. Bagi mengatasi isu ini KPDN Negeri Sembilan dengan kerjasama semua operator Program Jualan Rahmah telah menempatkan petugas khas untuk membantu rakyat Negeri Sembilan dalam memastikan pelaksanaan mekanisme kawalan dan penjualan minyak masak paket 1kg ini berjalan lancar di seluruh negeri, menjangkaui Program Program Jualan Rahmah dan juga pemain industri, pemborong dan juga peruncit yang lain. KPDN Negeri Sembilan juga mengalukan sebarang pertanyaan atau aduan berhubung perkara yang boleh disalurkan melalui aplikasi Ez Adu KPDN, Whatsapp ke nombor 019-8488000 panggilan ke talian hotline ke 1-800-886-800 ataupun di portal I-ADU-KPDN di laman web eaduan.kpdn.com.my.

Seterusnya ADUN lukut membangkitkan persoalan berkaitan dengan bagi pemerkasaan industri mikro, kecil, sederhana PMKS perlu ada strategi pembangunan yang sistematik, khususnya pelancongan untuk pembangunan ekonomi setempat. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Lukut, industri mikro, kecil dan sederhana PMKS merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Negeri Sembilan terutamanya dalam sektor makanan, peruncitan, kraftangan, perkhidmatan dan juga industri pelancongan. Negeri Sembilan mempunyai keunikan tersendiri yang berasaskan warisan adat budaya alam semula jadi serta potensi pelancongan keluarga. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan juga telah merangka penubuhan pusat jualan setempat produk PMKS di daerah-daerah bagi mengalakkan pertumbuhan ekonomi setempat melalui Kempen Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Perancangan ini juga melibatkan kerjasama daripada jabatan agensi lain seperti PKNS, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, PBT dan juga PTD, Pejabat Daerah Tanah. Selain produk PMKS, pusat ini juga akan menempatkan produk-produk pelancongan Negeri Sembilan dan cenderahati sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Cadangan penubuhan *One Stop Centre* ini dijangka dapat merangsang ekonomi setempat secara mampan. Antara cadangan lokasi *One Stop Centre* di setiap daerah adalah seperti berikut Seremban di Muzium Negeri Sembilan Seremban. Kuala Pilah di Perkampungan Budaya Terachi. Rembau, Wet World Pedas. Jempol di Teratak Za'ba. Tampin, Lomak Salai dan Stesen Keretapi Lama Gemas. Port Dickson di bandar, Sunggala Prima. Jelebu di Apaca Coffee, TiTi. Selain itu juga cadangan memperkasa Dataran Usahawan Seremban 2 juga merupakan inisiatif strategi yang selari dengan agenda

Kerajaan Negeri Sembilan yang memperkukuhkan ekosistem pembangunan usahawan dan menggalakkan pembangunan ekonomi tempatan.

Dengan mewujudkan hub PMKS di Dataran Usahawan akan dapat menyediakan pusat perniagaan komuniti yang lengkap dengan fasiliti seperti pusat latihan dan seminar, ruang niaga yang kondesif serta kemudahan khidmat nasihat kepada usahawan tempatan. Dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM500,000 pada tahun 2026 Kerajaan Negeri Sembilan akan cuba untuk merealisasikan projek-projek dan program-program yang telah dirancang agar dapat membuka peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan masalah lokasi perniagaan penjaja yang tidak teratur dan terancang. Kerajaan Negeri Sembilan juga mengambil maklum kepentingan pembangunan ekonomi setempat melalui pengukuhan sektor pelancongan berasaskan warisan dan budaya. Strategi pembangunan yang lebih sistematik sedang dirancang termasuk perancangan produk pelancongan yang berfokus memantapkan penawaran, tarikan dan acara dan pengalaman pelancong.

Kedua, penglibatan komuniti setempat iaitu meningkatkan penyertaan usahawan tempatan dalam rantaian nilai pelancongan termasuk penginapan makanan, kraftangan dan juga perkhidmatan pelancongan. Ketiga, promosi bersepadu dan strategik menggunakan platform digital kempen promosi melalui pameran dan misi jualan kerjasama dengan ejen pelancongan serta penganjuran FAMTrip bagi memperkenalkan produk industri mikro kecil dan juga sederhana yang berasaskan pelancongan. Keempat, pembangunan infrastruktur pelancongan memastikan kemudahan akses dan juga persekitaran yang mesra bagi pelawat.

Datuk Yang Dipertua, Ini berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh ADUN Labu, dia tak ada dalam Dewan sekarang tetapi saya jawab juga atas persoalan yang dibangkitkan oleh beliau iaitu sebahagian bekas pekerja ladang Sime Darby Plantation, Labu pernah mengumumkakan permohonan untuk memiliki rumah mampu milik *Type* A di Taman Kirby Labu tetapi telah dinafikan hak untuk memiliki rumah tersebut. Untuk makluman yang berhormat ADUN Labu berdasarkan semakan Bahagian Perumahan didapati tiada sebarang aduan pernah diterima daripada bekas pekerja ladang secara rasmi berhubung permohonan tersebut. Untuk makluman YB ADUN Labu juga sebanyak 94 unit rumah mampu milik *Type* A telah dibina di kawasan projek Taman Kirby Labu. Daripada jumlah tersebut sebanyak 93 unit telah dibuat pengisian dan terdapat satu unit baki perlu diisi dan inilah jawapan kepada ADUN Labu dan saya juga telah meminta beliau untuk mengemukakan bantahan ataupun penafian hak kepada pekerja yang telah membuat aduan kepada ADUN Labu, tetapi sehingga sekarang saya tidak menerima apa-apa senarai peserta yang dinafikan hak tersebut. Jadi saya minta ADUN Labu ini kalau saya nak jawab kepada soalan hipotesis memang

sukar bagi saya. Kalau ia berdasarkan fakta sudah tentu saya akan menjawab bagi penafian tersebut. Ini adalah satu tuduhan yang serius terhadap kerajaan negeri kerana mendakwa bahawa hak sesuatu pekerja itu dinafikan. Jadi saya minta lain kali kalau nak berhujah di dalam dewan ini berdasarkan kepada fakta bukannya soalan hipotesis. Sukar untuk kita jawab. Jadi untuk makluman juga sebagai tambahan kepada ADUN Seremban Jaya yang membangkitkan isu berkaitan dengan perumahan iaitu peruntukan RM50 juta di peringkat kementerian saya telah berhubung dengan YB Kula untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan peruntukan ini.

Sebenarnya peruntukan itu adalah untuk Skim Khas Pembiayaan Perumahan bagi pekerja ladang yang disalurkan kepada Bank Simpanan Nasional bagi membolehkan pekerja ladang ini mendapatkan skim tersebut untuk membeli rumah ataupun membina rumah tersebut dan saya dimaklumkan di Perak, belum lagi projek itu dimulakan sebenarnya mereka ada tanah tetapi dana yang diperuntukkan tersebut adalah untuk pembiayaan sahaja, bukannya untuk pembinaan ataupun untuk projek perumahan rakyat untuk pekerja-pekerja ladang. Jadi walau bagaimanapun saya akan membawa cadangan ADUN Seremban Jaya ke peringkat kementerian untuk kita bincang supaya kita dapat realisasikan program untuk pekerja ladang ini, tetapi sudah tentu kita perlukan tanah dan sebagai satu program CSR pihak ladang juga sepatutnya mematuhi program CSR ataupun *compliance* dengan ESG iaitu memperuntukkan tanah untuk pembinaan ini, sudah tentu kalau sekiranya ada tanah yang sesuai sudah tentu kita akan boleh membuat projek perumahan rakyat ini untuk pekerja ladang.

Jadi ini adalah cadangan yang baik daripada ADUN Seremban Jaya dan saya rasa ia perlu dibawa ke peringkat kementerian supaya kita dapat gunakan bukannya dana daripada RM50 juta itu. RM50 juta itu adalah untuk pembiayaan bagi pembelian rumah oleh pekerja-pekerja estet di seluruh Malaysia dan di Negeri Sembilan kita ada lebih kurang statistik daripada pekerja ladang di Negeri Sembilan bilangan permohonan yang diluluskan dan tidak diluluskan adalah seperti berikut bilangan permohonannya adalah 45 sehingga November 2025 bagi pembiayaan skim khas ini untuk pekerja ladang dan bilangan yang diluluskan adalah 20 dan bilangan yang tidak diluluskan adalah sebanyak 25 sebab ia tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat juga. Kita menghadapi kekangan dari segi kebolehan untuk membeli rumah tersebut kerana berdasarkan dokumen-dokumen yang diperlukan dan ada pekerja-pekerja ini tidak mampu untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang sepatutnya bagi membolehkan BSN memberi kelulusan pinjaman tersebut dan faedah yang dikenakan adalah sangat-sangat rendah 2% sahaja, jadi ini mungkin perlu dikaji balik oleh pihak kementerian supaya melonggarkan lagi syarat-syarat permohonan ini supaya kita dapat pastikan lebih ramai pekerja ladang ini dapat membeli rumah, rumah sendiri mereka untuk buat kali pertama.

Jadi ada juga kekangan lain iaitu kekurangan rumah kos rendah ini di tempat-tempat yang strategik. Jadi kita perlu seperti yang disebut oleh ADUN Seremban Jaya tadi kita perlukan satu tanah di kawasan yang strategik tidak jauh daripada tempat pekerja ladang ini bekerja jadi kalau ada tanah seperti ini sudah tentu kerajaan negeri akan memberi kerjasama dalam usaha untuk membuat projek PPR ini untuk pekerja ladang bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan rumah untuk keluarga mereka. Jadi untuk peringkat kerajaan negeri kita akan bawa usul ini kepada kementerian supaya kita dapat satu dana dan saya dimaklumkan juga daripada RM50 juta ini sebanyak RM26.4 juta telah dibiayai melalui Bank Simpanan Nasional kepada pemohon-pemohon yang telah berjaya dan bakinya tidak banyak iaitu kurang daripada RM25 juta sahaja.

Jadi kita akan usulkan benda ini kepada kerajaan persekutuan supaya kita dapat pastikan pekerja ladang juga dapat hak mereka dan bukan setakat itu saja, di ladang-ladang kita mahukan pekerja-pekerja ini dapat kebajikan yang baik untuk mereka sebab kita tahu pekerja ladang ini ada keperluan akses kepada kesihatan, akses kepada pelbagai kemudahan, supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera. Jadi ini adalah matlamat dan kita nak pastikan setiap warga di Negeri Sembilan ini mempunyai rumah untuk mereka sendiri dan bagi keluarga mereka supaya kita tidak pinggirkan warga Negeri Sembilan ini daripada memiliki rumah mereka sendiri. Jadi kerajaan akan terus memberi perhatian kepada isu ini supaya kita nak pastikan kesejahteraan rakyat di Negeri Sembilan ini dapat dijamin dan dipastikan. Itu saja Datuk *Speaker* saya mohon.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Repah. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Kepayang.

YB ADUN Bukit Kepayang: Yang Berhormat Datuk Timbalan Yang Dipertua dan Dewan Yang Mulia ini bersempena dengan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema Belanjawan Madani Rakyat Harmoni, sukacita saya menggulungkan perbahasan kali ini dengan menekankan beberapa aspek belanjawan yang jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan dalam sektor pelancongan, kesenian dan kebudayaan yang menjadi teras kepada masyarakat, pembangunan masyarakat bersih mufakat dan sejahtera sesuai dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan. Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan menerusi Belanjawan 2026 telah menyediakan peruntukan untuk semua lapisan masyarakat daripada bayi ke budak sekolah ke mahasiswa ke belia ke warga emas. Di sini saya menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri, Ahli MMK, Dato' SS, Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang dan semua penjawat awam.

Sebelum saya teruskan, izinkan saya untuk menyampaikan serangkap pantun.

Lembah Pantai Port Dickson Permai,
Pasir Memutih Laut Membiru,
Moh Bercuti Bersama Keluarga Ramai,
N9 Menanti Dengan Senyuman Mesra Selalu.

Saya telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan dan terdapat beberapa isu yang menyentuh tugas dan fungsi Portfolio Pelancongan Kesenian Dan Kebudayaan Negeri Sembilan. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labu, kenapa laluan masuk ke Negeri Sembilan masih kosong? Adakah Tahun Melawat Negeri Sembilan sekadar acara kertas atau agenda sebenar untuk rakyat? Untuk makluman, walaupun Yang Berhormat Labu tidak berada dalam Dewan saya ingin menjawab. Bagi menghadapi persiapan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 yang kini giat dilaksanakan Projek Pembinaan Mercu Tanda Sempadan Negeri, Sempadan Daerah serta Papan Tanda *Fund Map* Pelancongan Daerah turut diambil kira sebagai salah satu inisiatif berimpak tinggi untuk memudahkan rujukan pelancong yang memasuki Negeri Sembilan. Bagi memastikan keseragaman dan keberkesanan semua daerah sedang dalam tindakan memasang banting dan juga papan iklan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Labu bahawa alangkah baiknya jikalau saya boleh jentik jari semua sempadan dicahayakan semua telah bersedia, tapi keadaannya bukan begitu, kami perlu masa untuk, satu dana, yang keduanya kerja-kerja sedang dijalankan atau dengan izin *work in progress* sebenarnya pintu gerbang pintu masuk ke Seremban sudah di naik taraf cuma sekarang kita nak tambah lagi mungkin pencahayaan dan juga papan tanda. Pelaksanaan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 bukan sekadar agenda di atas kertas atau program sementara tetapi ia bertujuan bertujuan memberikan manfaat langsung kepada rakyat negeri ini. Penganjuran Tahun Melawat Negeri Sembilan dijangka memperkukuh peluang pekerjaan dan keusahawanan terutamanya melalui perusahaan kecil, sederhana serta aktiviti keusahawanan dalam sektor pelancongan, perhotelan, perkhidmatan makanan dan industri kreatif tempatan. Program ini mampu merancakkan pengaliran ekonomi setempat sekaligus meningkatkan pendapatan komuniti terutama di kawasan tumpuan pelancongan bandar dan luar bandar.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Tahun 2024 kami ada satu inisiatif Tech@N9 *Tourism Arts and Culture* at N9 di mana peruntukan ini telah ia selaras dengan pendekatan merakyatkan pelancongan di mana JBKK dan juga NGO komuniti setempat KRT mereka dapat memohon dana ini untuk mengadakan aktiviti dan program pelancongan dan juga tadi rakan bijaksana

saya DUN Repah sudah beritahu tentang *One Stop Center* di mana kami ada pusat pengumpulan produk-produk IKS. Tadi ada di seberang muzium itu juga dapat memanfaatkan komuniti setempat selain itu pelaksanaan program ini juga menyokong usaha penambahbaikan kemudahan asas seperti akses jalan, kebersihan, keselamatan, kemudahan awam, penyediaan fasiliti pelancongan yang lebih berkualiti untuk kesejahteraan rakyat. Secara keseluruhannya Tahun Melawat Negeri Sembilan bukan saja memacu pertumbuhan pelancongan tetapi juga menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi rakyat serta pemerkasaan identiti negeri secara berterusan.

Untuk menjawab Yang Berhormat Seremban Jaya berkenaan dengan jambatan sebenarnya sekarang dia adalah jambatan keempat tinggi kerana ada jambatan baru yang sedang telah dibina iaitu di *Park Bypass* Bukit Putus sebagai tempat pelancongan dan R&R. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan tanah yang dicadangkan untuk pembangunan R&R di laluan *Park Bypass* Bukit Putus itu terletak dalam Hutan Simpanan Berembun. Ia mempunyai keluasan tanah yang agak terhad dan terletak di kawasan cerun berbukit serta lokasi yang kerap berlaku kemalangan jalan raya. Sehubungan itu sebarang cadangan pembangunan di kawasan tersebut diperlukan diadakan kajian terperinci oleh Jabatan Kerja Raya termasuk penilaian terhadap pelebaran rizab jalan, keselamatan struktur, kesesuaian geologi tapak, serta keberkesanan rekabentuk infrastruktur yang dicadangkan. Kajian ini adalah penting bagi memastikan keselamatan pengguna jalan jalan raya terjaga dan kelestarian alam sekitar terpelihara.

Saya boleh cadangkan supaya untuk projek akan datang kerajaan persekutuan menerapkan elemen pelancongan ke dalam struktur infrastruktur jabatan misal kata dari contoh Yang saudara ADUN Seremban Jaya bagi mereka sudah ada elemen tersebut. Maksud dalam kos pembinaan jabatan mereka juga ada satu menara tinjau diseberang supaya nampak bahawa jambatan itu tinggi dan juga ada tempat jalan yang untuk kenderaan masuk dan juga turun melalui jambatan. Itu kos sudah diambil kira tapi sekarang infrastruktur tidak mengambil kira elemen pelancongan. *So* boleh dicadangkan kepada kerajaan persekutuan untuk projek-projek yang akan datang.

Untuk menjawab Yang Berhormat Klawang untuk diadakan satu anjung tinjau di Bukit Tajali berdekatan dengan Masjid Jamik Klawang. Untuk makluman Yang Berhormat Klawang, berdasarkan semakan Pejabat Klawang, Klawang *sorry*, minta maaf Klawang Pejabat Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan ICU, JPM NS tiada menerima sebarang permohonan bagi membiayai anjung tinjau di Bukit Tajali pada tahun ini. Walau bagaimanapun ICU akan mempertimbangkan sekiranya ada peruntukan pada tahun hadapan. Untuk menjawab isu Yang Berhormat Sri Tanjung yang mengatakan

bahawa Ribut Senyar telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada jeti penumpang Port Dickson, PBT mengambil maklum laporan mengenai kerosakan teruk yang dialami di jeti penumpang Port Dickson akibat ribut senyar. Keutaman telah diberikan untuk menilai tahap kerosakan secara menyeluruh termasuk struktur jeti dan pintu masuknya, bagi memastikan keselamatan feri dan pengunjung. Kerjasama dengan pihak berkepentingan dan kontraktor berkelayakan sedang dipercepatkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pemulihan secepat mungkin. Pihak kerajaan Negeri Sembilan juga menekankan kepentingan mengekalkan imej Port Dickson sebagai destinasi pelancongan selamat dan menarik selaras dengan usaha pemulihan ekonomi setempat. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan aliran pelancong tidak terganggu secara signifikan sepanjang tempoh pembaikan. PBT menghargai kesabaran dan kerjasama orang ramai serta pengunjung dalam menghadapi situasi sementara ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat Gemas berkenaan dengan mengapa Muzium Gemas dijenamakan sebagai Galeri Stesen Kereta Api Lama Gemas. Usaha ke arah merealisasikan Muzium Kereta Api Gemas tidak pernah terhenti. Menurut Lembaga Muzium Negeri Sembilan terdapat keperluan atau kriteria untuk kewujudan satu perjawatan Kurator muzium di Majlis Daerah Tampin yang merupakan kriteria utama bagi mengwujudkan sebuah muzium. Perlu ditadbir oleh satu pasukan yang mempunyai kepakaran dalam bidang *curatorial,* konservasi pengurusan, pendidikan dan keselamatan artifak. Jadi buat masa ini Muzium ini terpaksa dijenamakan sebagai Galeri Stesen Kereta Api Lama Gemas sementara menunggu perjawatan tersebut. Galeri Stesen Kereta Api Lama Gemas sedang giat disiapkan bagi menerima pelancong sempena tahun melawat. Saya selaku EXCO Pelancongan mengalu-alukan sumbangan artifak berkaitan dengan KTM melalui video yang dimuat naik dalam laman Facebook Majlis Daerah Tampin pada 12 November 2025 yang telah menerima sebanyak 77,100 ribu tontonan setakat 12 November setakat 8 Disember 2025 dan masa Stesen Kereta Api dan beberapa barangan artifak lain yang telah disumbangkan oleh Encik Ibrahim dari Kulai Johor yang akan turut dipamerkan dalam Galeri Stesen Kereta Api Gemas selepas proses pendaftaran inventori aset selesai. Antara barangan yang dipamerkan seperti kelengkapan pembaikan rail, kereta api lampu-lampu, lokomotif alat perhubungan dan komunikasi lokomotif dan lain-lain lagi pihak operator juga dalam proses menempah pakaian-pakaian lama KTM untuk dipamerkan dalam Galeri Stesen Kereta Api Lama Gemas. Pihak Majlis Daerah Tampin juga telah melantik operator untuk mengoperasikan Galeri Stesen Kereta Api Lama Gemas. Antara pengisian di Galeri ini adalah sewaan basikal, restoran dalam *coach* atau gerabak kereta api, sewaan dewan terbuka, bilik mesyuarat dan juga beberapa kedai menjual makanan dan minuman seperti cendol sawit dan makanan masakan panas. Sehingga kini Galeri Stesen Kereta Api

Lama Gemas mendapat sambutan yang hangat lebih-lebih lagi sewaktu hari minggu.

Untuk menjawab Yang Berhormat Gemas juga berkenaan dengan penurunan peruntukan P62. Terima kasih atas keprihatinan anda untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang telah siap yang dilaksanakan tidak perlu diteruskan lagi. Sebaliknya tumpuan diberikan kepada promosi tahun melawat. Penurunan peruntukan di bawah P62 daripada RM6 juta ke RM2.5 juta adalah hasil daripada proses penyusunan semula keutamaan projek bagi tahun kewangan semasa. Kerajaan kini menumpukan perbelanjaan kepada projek berskala besar yang sedang berjalan termasuk memastikan kesinambungan projek terdahulu serta menyiapkan pembangunan yang perlu diselesaikan sebelum projek baru dapat dilaksanakan. Walhal dana untuk peruntukan untuk acara dan promosi telah dinaikkan dari RM6.5 juta ke RM12 juta untuk tahun depan. Meskipun berlaku pengurangan peruntukan di bawah P62 kerajaan memastikan tiada program utama yang terjejas secara langsung kerana sebahagian komponennya telah diselaraskan diperuntukkan di bawah kod dan jabatan lain sebagai usaha mengoptimumkan sumber kewangan negeri. Di samping itu pada masa ini fokus utama turut diberikan kepada promosi kempen tahun melawat sebagai strategi meningkatkan kehadiran pelancong dan mengukuhkan penjenamaan negeri termasuk pelaksanaan aktiviti *Calendar of Events, NS Fest, Tampin MTB Jamboree, Tampin Transnaning*, *Seven Wonders Challenge*, Sirkit Lima Bukit, Pesta Bola Ngoca, Kejuaraan Petronas dan Malaysia Cup Pre. Penganjuran acara-acara utama ini dirangka sebagai pemangkin kehadiran pelancong serta mengukuh penjenamaan negeri dalam tempoh persediaan tahun melawat.

Sehubungan itu memandangkan projek pembangunan berskala besar mengambil masa yang panjang untuk disiapkan, fokus tahun melawat kini diberikan kepada memastikan ketersediaan produk pelancongan yang sedia ada dan siap digunakan. Pendekatan ini membolehkan pelancong menikmati pengalaman yang lengkap dan berkualiti semasa lawatan mereka ke Negeri Sembilan menjelang 2026. Untuk menjawab Yang Berhormat Lukut berkenaan dengan langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menanangi isu keselamatan kawal selia pembangunan serta operasi homestay di Port Dickson. Untuk makluman terdapat dua definasi yang berbeza berkaitan *homestay* di Malaysia. Program Pengalaman *Homestay* Malaysia di bawah MOTAC merupakan satu program di mana perkhidmatan ditawarkan tidak terhad kepada perkhidmatan lodging atau penginapan saja, pelancong tinggal bersama tuan rumah pengusaha *homestay* kebanyakannya adalah rumah-rumah tradisional yang telah berdaftar dengan MOTAC menjalani gaya hidup seharian masyarakat Malaysia dan turut serta dalam aktiviti pelancongan berasaskan komuniti dengan izin *Community Based Tourism* seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, merewang, perayaan,

belajar tarian, memasak dan sebagainya. Konsep utama yang ditekankan bagi program ini adalah dengan izin *Experiential Tourism* atau *Community Based Tourism*. Kini Negeri Sembilan mempunyai sembilan kluster. Kata kunci adalah kluster orang ingat sembilan buah rumah *homestay,* bukan setiap kluster *homestay* kemungkinan ada lima rumah enam rumah, ini menunjukkan bahawa ia lebih daripada sembilan buah rumah. Ia ada sembilan kluster *homestay* yang berdaftar di bawah MOTAC manakala dengan izin *Short Term Residential Accommodation* atau STRA merujuk kepada unit kediaman persendirian seperti rumah teres, bungalow, pangsapuri, kondominium atau rumah berkembar yang digunakan sebagai penginapan jangka pendek bagi pelancong atau pengunjung.

Penginapan ini biasanya disewa secara harian, mingguan atau kurang daripada sembilan puluh hari dalam industri pelancongan STRA ialah bentuk penginapan alternatif yang melengkapkan hotel, contohnya Airbnb, *homestay* moden, servis apartment, sewa harian atau rumah percutian MOTAC ini dalam fasa akhir memuktamadkan garis panduan penginapan kediaman jangka pendek di peringkat nasional. Draf garis panduan tersebut dijadualkan dibentangkan kepada jemaah menteri pada awal tahun hadapan dan seterusnya ke Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Di peringkat Kerajaan Negeri Sembilan, dimaklumkan bahawa keperluan pelesenan STRA telah digariskan dalam Draf Undang-Undang Kecil Hotel. Draf ini kini dalam proses semakan akhir oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi pertimbangan dan perwartaan. Garis panduan dan kaedah pelaksanaan yang seragam akan dikongsi dengan semua pihak berkuasa tempatan sebaik saja keputusan muktamat dibuat oleh bagi memastikan pengoperasian STRA dapat dijalankan secara teratur dan selaras dengan kehendak perundangan negeri dan Persekutuan. Kerajaan Negeri mengambil serius isu keselamatan serta kawal selia pembangunan serta operasi *homestay* yang berdaftar di bawah MOTAC mahupun premis penginapan jangka pendek di bawah STRA.

Sehubungan itu beberapa langkah cadangan penambahbaikan bagi memastikan keselamatan pengunjung terjamin dan operasi *homestay* lebih teratur. Antaranya MPPD melaksanakan audit dan pemetaan menyeluruh terhadap unit-unit homestay di Port Dickson untuk mengenalpasti premis tidak berlesen dan tidak mematuhi *standard.* Keduanya mewajibkan lesen atau permit operasi sah bagi semua pengusaha *homestay* termasuk yang beroperasi melalui platform digital. Yang ketiga, mengadakan sesi libat urus berkala bersama komuniti setempat, persatuan penduduk dan pengusaha *homestay* untuk menangani isu berbangkit. Keempat mewujudkan saluran aduan khas khusus termasuk talian hotline portal digital dan aplikasi mudah alih di bawah MPPD, dan kelima penyelarasan antara agensi seperti Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Majlis Perbandaran Port Dickson serta

agensi pelancongan bagi memastikan pembangunan *homestay* tidak menjejaskan kesejahteraan komuniti setempat.

Ada tiga lagi…Untuk menjawab Yang Berhormat Jeram Padang yang mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan peruntukan tambahan bagi membangunkan sebuah pelancongan perkampungan orang asli dengan *Living Cultural Village* sebagai produk pelancongan. Cadangan untuk menubuhkan sebuah perkampungan orang asli sebagai produk pelancongan berbentuk *Living Cultural Village* dengan izin adalah wajar dipertimbangkan. Konsep ini berpotensi menampilkan budaya warisan dan cara hidup masyarakat orang asli secara tradisional dan menarik. Seumpama model perkampungan budaya di Medan Indonesia yang berjaya menarik pelancong melalui pengalaman interaktif dan persembahan budaya yang memukau. Walau bagaimanapun sebarang peruntukan tambahan perlu disertai dengan Pelan Pembangunan yang sistematik termasuk nombor satu penglibatan komuniti memastikan masyarakat orang asli diberi peranan aktif dan manfaat ekonomi secara langsung. Keduanya pemeliharaan budaya mengekalkan tradisi secara tulen tanpa disalahgunakan untuk kepentingan komersial. Ketiganya infrastruktur dan keselamatan menyediakan kemudahan asas serta memastikan keselamatan pelancong dan komuniti dan keempatnya promosi dan pemasaran. Strategi promosi yang berkesan penggunaan platform digital kempen promosi melalui pameran misi jualan serta kerjasama dengan agen pelancongan bagi memperkenalkan produk pelancongan. Cadangan ini boleh dijadikan rujukan untuk perbincangan langsung lanjut bagi memastikan projek yang diusahakan memberi impak positif jangka panjang kepada komuniti dan sektor pelancongan negeri.

Untuk menjawab Yang Berhormat Seri Menanti sebagai dana Tahun Melawat tidak hanya dihabiskan untuk tujuan papan iklan di lebuhraya atau di mana-mana saja tetapi dilaburkan untuk projek pengindahan fasiliti zon warisan di Negeri Sembilan dan untuk memujudkan *homestay* berkonsepkan suku di mana pelancong dapat belajar masak lemak cili api sambil menikmati alunan cak lempong dan juga faham istilah perut suku dan luak. Lembaga Muzium Negeri Sembilan dalam perancangan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf maklumat papan sejarah di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti secara berfasa. Selaras dengan pelaksanaan kerja-kerja naik taraf, pameran serta pembangunan muzium yang dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2026. Berhubung isu parkir ruang sedia ada di kawasan muzium adalah terhad. Justeru para pelawat yang lain boleh menggunakan kawasan pakir berhampiran seperti di Padang Seri Menanti serta tanah milik persendirian di sekitar kawasan tersebut. Bagi menangani perkara ini secara menyeluruh, LMNS akan mengadakan perbincangan bersama Pihak Berkuasa Tempatan untuk meneliti penyelesaian yang lebih sesuai dan mampan. Berhubung kemudahan tandas awam pihak pentadbiran turut akan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan dan penaiktarafan agar seiring

dengan imej pelancongan adat dan warisan yang ingin diketengahkan oleh Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini adalah diyakini bahawa pengalaman pengunjung di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti akan menjadi lebih selesa, tersusun dan mencerminkan nilai warisan Negeri Sembilan yang sebenar.

Untuk makluman terdapat cadangan mewujudkan *homestay* di Kampung Seri Menanti dan perkara ini telah pun dipanjangkan kepada MOTAC Negeri Sembilan untuk tindakan selanjutnya. Beberapa cadangan kerjasama dan konsep pengisian *homestay* berkaitan boleh dipertimbangkan seperti berikut. Mewujudkan kerjasama strategik dengan komuniti dan adat dan badan budaya untuk memastikan penyampaian maklumat adat perpatih terutama mengenai, perut dan luak adalah tepat. Penyediaan infrastruktur sokongan seperti menyediakan dapur demonstrasi yang sesuai untuk kelas masakan pelancong dan menyediakan sudut budaya galeri mini yang menerangkan sejarah adat suku dan luak. Suka saya cadangkan kepada Yang Berhormat Seri Menanti bahawa untuk memajukan sesuatu tempat sektor pelancongan di sesuatu tempat perlu ada satu itinerari yang menarik untuk kita jemput ejen pelancongan untuk *famtrip* familiarisasi di mana saya bagi contoh di Gunung Pasir di Luak Gunung Pasir boleh diadakan masakan Kari Kepala Kambing di Luak Ulu Muar boleh ada demonstrasi Kuih Sopang di Seri Menanti boleh bawa ke Istana Lama Diraja Seri Menanti dan di Terachi boleh diberi demonstrasi Gula Enau dan di Inas atau Ineh sangat popular dengan apam juga, boleh dibuat demonstrasi memasak apam dan di Jempol ada satu tempat yang cukup menarik iaitu laluan penarikan.

Buat satu itinerari yang menerapkan elemen-elemen yang menarik di setiap luak supaya ia akan menangkap imaginasi pelancong-pelancong itu cadangan saya lah. Okay, yang terakhirnya untuk Yang Berhormat ADUN Mambau yang menyatakan bagaimana strategi menarik pelancong tempatan untuk melancong ke tempat-tempat pelancongan Negeri Sembilan. Strategi untuk menarik pelancong ke destinasi pelancongan di Negeri Sembilan perlu mengambil kira keunikan setiap lokasi yang tadi saya sebut tadi serta minat pelancong tempatan antaranya termasuk promosi berfokus menggunakan media sosial papan iklan untuk mengetengahkan keunikan setiap destinasi selain daripada itu Portal Pelancongan Negeri Sembilan telah dilancarkan untuk memudahkan pelancong buat rujukan bagi merancang destinasi percutian di Negeri Sembilan. Pengalaman interaktif penganjuran *FAMTrip* bagi memperkenalkan produk dan destinasi pelancongan Negeri Sembilan. Pakej pelancongan bekerjasama dengan agen pelancongan untuk menawarkan pakej yang menggabungkan beberapa destinasi dalam satu perjalanan. Kemudahan dan *accessibility* memastikan kemudahan asas seperti tempat letak kereta, tandas, papan tanda laluan terselamat tersedia bagi menarik pelancong keluarga dan kumpulan. Kerjasama komuniti tempatan menggalakkan penglibatan komuniti setempat untuk menjadi

pemandu pelancong menjual produk tempatan dan mempamerkan budaya serta tradisi mereka menjadikan pengalaman pelancongan lebih *authentic*. Secara keseluruhan strategi ini perlu mengimbangi promosi pengalaman menarik kemudahan asas dan penglibatan komuniti bagi memastikan destinasi pelancongan Negeri Sembilan menarik kepada pelancong tempatan. Sekian Terima kasih.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Kepayang. Saya bagi laluan sikit kat Yang Berhormat Repah nak sambung sikit dia punya penggulungan tadi.

YB ADUN Repah: Terima kasih Dato' Timbalan *Speaker*. Tadi terlepas pandang berkenaan isu yang dibangkitkan oleh DUN Paroi. Pertamanya isu berkaitan dengan adakah pemeriksaan keselamatan di tempat kerja dilakukan di sekolah-sekolah oleh pihak JKKP. Untuk makluman ADUN Paroi pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Negeri Sembilan telah menjalankan pemeriksaan keselamatan di tempat kerja termasuk di sekolah-sekolah di Negeri Sembilan. Sebanyak 5 sekolah telah terlibat dalam program kunjung bantu JKKP di sekolah Negeri Sembilan pada tahun 2024 iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Mantin, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kepayang, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Muhammad Said dan juga Sekolah Kebangsaan Chuah. Bagi tahun 2025 sebanyak 5 sekolah terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Muhammad Taha, Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Sendayan, Sekolah Menengah Kebangsaan Senaling, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Semarak dan Sekolah Kebangsaan Seremban 2A. Seterusnya ADUN Paroi juga membangkitkan berkenaan dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Pindaan 2022 Keselamatan di sekolah. Pihak JKK JK JKKP Negeri Sembilan menjalankan pemeriksaan atau audit tempat kerja di sektor awam termasuk sekolah-sekolah di sekitar Negeri Sembilan untuk makluman.

Seterusnya ADUN Paroi juga membangkitkan cadangan agar pegawai keselamatan JKKP ditempatkan di sekolah-sekolah bagi memastikan keselamatan warga sekolah terutamanya pelajar. Untuk makluman ADUN Paroi, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Pindaan 2022 mewajibkan semua tempat kerja yang mempunyai bilangan pekerja lebih dari 5 orang untuk melantik Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, OSH Koordinator termasuklah di sekolah-sekolah. Penyelarasan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ni merupakan individu yang dilantik dan bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurus Hal Ehwal KKP di tempat kerja, membantu majikan dalam pelaporan, pentadbiran dokumen dan juga mempromosikan budaya keselamatan dan isu terakhir yang dibangkitkan oleh YB ADUN Paroi adalah cadangan agar peruntukan khas diberikan khusus untuk aspek keselamatan dan kesihatan pekerja

terutamanya di sekolah-sekolah. Untuk makluman ADUN Paroi pihak JKKP tidak mempunyai peruntukan khas untuk disalurkan kepada sekolah berkaitan dengan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Walaubagaimanapun, pihak JKKP Negeri Sembilan sentiasa bersedia untuk memberi khidmat nasihat termasuklah menjalankan pemeriksaan dan audit di sekolah-sekolah bagi memastikan tahap keselamatan dan kesihatan kerja di sekolah dalam keadaan baik. Terima kasih.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Teruskan Yang Berhormat Palong.

YB ADUN Paroi: Sedikit….aaa, sedikit…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Takda soalan tambahan Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: Bukan-Bukan, sikit nak bertanya sikit tentang dana tu…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Takda-takda, soalan tambahan tak dibenarkan.

YB ADUN Paroi: Aaa???

Timbalan Yang Dipertua Dewan: Penggulungan, penggulungan takda soalan tambahan.

YB ADUN Paroi: Salah jawapan tadi, saya nak, nak, nak..

Timbalan Yang Dipertua Dewan: Tak boleh, mana boleh kata Kerajaan salah.

YB ADUN Paroi: Saya nak…

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Takpa… takpa Yang Berhormat Paroi nanti apa-apa nak buat usul, buat…

YB ADUN Paroi: Aaa…. Okay

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: kita bagi laluan kepada Yang Berhormat Palong. Terima kasih.

YB ADUN Palong: *Bismillahirrahmanirrahim*. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan *Speaker*. Pertama sekali izinkan saya merakamkan penghargaan kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2026. Perbahasan yang matang dan

bertanggungjawab hari ini telah membuktikan komitmen dewan untuk memastikan agenda pembangunan negeri diterjemahkan secara berkesan kepada rakyat. Sebagai Exco yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin Portfolio Belia Dan Sukan, suka saya menyatakan bahawa saya menyokong sepenuhnya Belanjawan Negeri Sembilan 2026 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana belanjawan ini bukan sekadar dokumen angka tapi dokumen dasar dokumen keberanian politik dan dokumen harapan untuk masa depan negeri yang kita cintai. Datuk Yang Dipertua, bagi Portfolio Pembangunan Belia dan Sukan ini ada belanjawan ini telah memperuntukkan tiga suntikan besar untuk memacu agenda belia dan sukan negeri. Izinkan saya memperincikan ketiga-tiga bahagian secara ringkas. Suntikan pertama adalah RM3.7 juta yakni bagi pengurusan dan pemerkasaan belia dan sukan. Peruntukan ini akan memberi impak langsung kepada yang pertamanya pembangunan kepimpinan belia yang keduanya memperkasaan keusahawanan belia yang ketiga pembangunan organisasi dan komuniti yang keempat membudayakan sukan di kalangan rakyat Negeri Sembilan dan yang kelima mengiktiraf pencapaian gemilang anak-anak Negeri Sembilan di pentas kebangsaan dan internasional. Inilah pelaburan modal insan bukan untuk hari ini tetapi untuk 10-20 tahun ke hadapan dengan harapan kita supaya kita akan dapat membentuk belia yang ada identiti kompetensi keupayaan mentadbir komuniti serta belia yang mengamalkan gaya hidup sihat.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, peruntukan yang kedua adalah RM1 juta ringgit untuk program pemerkasaan infrastruktur sukan. Peruntukan ini akan menaik taraf gelanggang padang dan kemudahan komuniti membaik pulih fasiliti latihan akar umbi serta menyediakan persekitaran latihan yang selamat dan moden. Ini bukan hanya penyelenggaraan, ini adalah asas kepada pencarian bakat sukan di peringkat awal dan di peringkat akar umbi. Sukan tidak boleh berkembang sekiranya infrastrukturnya tidak diberikan keutamaan. Kita mahu fasiliti yang selamat, moden dan boleh digunakan sepanjang masa. Manakala suntikan yang ketiga adalah sebanyak RM5 juta ringgit untuk persediaan SUKMA 2026. Ini adalah satu pelaburan yang strategik. Dengan peruntukan ini Negeri Sembilan akan dapat, pertamanya memperkukuh pusat latihan negeri, yang kedua menyediakan jurulatih dan sains sukan, yang ketiga menyusun penyertaan acara mengikut potensi podium, yang keempat memastikan atlet berada pada tahap optimum dan yang kelima agar kita dapat menambah penyertaan atlit kita dalam SUKMA 2026. Kita mahu Negeri Sembilan hadir ke SUKMA Selangor 2026 bukan sekadar bertanding tapi bersedia sebagai pencabar serius di podium Datuk Yang Dipertua. Ini tidak termasuk dana yang akan saya percaya dibantu oleh bapak-bapak angkat sukan. Menjelang SUKMA 2026 Saya ingin menzahirkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang menjadi bapak angkat sukan yang telah memberikan sumbangan pada setiap sukan yang terlibat dalam SUKMA 2024 yang lalu. Datuk Yang Dipertua, secara keseluruhannya

Belanjawan ini memberikan impak langsung meluas dan berstrategi tinggi kepada generasi muda negeri. Dengan ini saya penuh yakin menyatakan bahawa Belanjawan Negeri Sembilan 2026 ialah belanjawan yang pro-belia pro-pembangunan insan dan pro-masa depan.

Bahagian yang kedua saya ingin fokuskan kepada menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Menjawab persoalan daripada ADUN Temiang yakni berkenaan program pembangunan sukan negeri dan isu elaun jurulatih. Pembangunan sukan negeri tidak dibina dalam sehari ia dibina melalui rangka kerja bersepadu antara Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara, Persatuan Sukan Negeri, Kelab Akar Umbi, Sekolah Sukan Negeri dan Sekolah Sukan Malaysia. Negeri Sembilan telah melaksanakan program pembangunan sukan pelapis dan bakat sejak dahulu lagi. Kita mempunyai pusat latihan aktif bagi sukan seperti angkat berat, gimnastik dan gimrama, karate, taekwondo, menembak, pelayaran, bowling, ping pong, wushu, dan beberapa sukan lain. Jurulatih pula kita lantik berdasarkan kepada yang pertamanya kelayakan Sains Sukan mereka. Yang keduanya sijil khusus sukan rekod prestasi dan majoritinya ialah bekas atlit kebangsaan dan negeri. Di peringkat akar umbi kelab-kelab sukan menjalankan pencarian bakat awal. Yuran minimum yang dikenakan oleh kelab adalah di luar kawalan MSN tetapi ialah realiti kepada komitmen profesional jurulatih. Namun penting untuk saya maklumkan di dewan ini atlit yang berbakat yang terpilih tidak perlu membayar yuran tinggi apabila diserap ke program MSN atau Sekolah Sukan Negeri. Latihan adalah percuma dibimbing oleh jurulatih profesional dan hari ini suka saya maklumkan di dewan hari ini bahawa seramai 50 atlit anak Negeri Sembilan sekarang ini berada di bumi Thailand bertanding di Sukan Sea Thailand 2025. 50 atlit. Mereka bukan produk luar, merekalah hasil daripada ekosistem pembangunan sukan di Negeri Sembilan.

Datuk Yang Dipertua, bahagian yang soalan seterusnya juga daripada ADUN Temiang, yang ini berkenaan dengan pembangunan sukan sekolah rendah Program Sukan Sekolah Rendah tertakluk pada program sukan prestasi tinggi sekolah ataupun dipanggil SPTS dibawah KPM dan JPNS. Penglibatan MSN adalah hanya khidmat nasihat Latihan, penyertaan kejohanan dan bimbingan teknikal. Bagi sekolah yang tiada fasiliti contohnya squash, renang ataupun olahraga, pihak sekolah boleh membuat tempahan fasiliti MSN secara rasmi. Aktiviti berbakat dipadankan ke pusat latihan negeri sekolah sukan negeri atau sekolah sukan Malaysia ini bagi memastikan akses latihan yang setara profesional dan percuma yuran dan percuma dapat kita sediakan kepada mereka. Yuran swasta adalah pilihan ibu bapa. Sama seperti kelas tusyen juga, jadi itu berada di luar kawalan kerajaan Negeri Sembilan.

Seterusnya adalah soalan daripada ADUN Gemas. Sebenarnya saya nak perbetulkan jawapan saya semalam. Adinda, yang ini berkenan dengan

Negeri Sembilan tidak disebut sebagai sebagai sebagai penganjur Sukan Sea semalam. Saya telah pn menghantar persoalan itu kepada Pejabat Menteri semalam dan inilah maklum balas yang saya terima daripada pejabat menteri yakni Sukan Sea akan dianjurkan dengan kerjasama strategik bersama Kerajaan-kerajaan negeri sebagai penganjur bersama negeri-negeri yang telah menyatakan hasrat untuk menjadi penganjur akan menggunakan peruntukan kerajaan negeri seperti Sarawak mereka menyumbangkan RM350 juta, Pulau Pinang RM15 juta, Johor RM5 juta. Bagi sukan berbasikal di Velodrome Nasional di Negeri Sembilan dan sukan pelayaran di Pulau Langkawi Kedah akan menggunakan peruntukan daripada kerajaan pusat dan diuruskan oleh pihak sekretariat *Malaysian Sea Games Organising Committee 2027* Kementerian Beliau dan Sukan. Justeru sukan-sukan ini walaupun dianjurkan di negeri-negeri berlainan tetap diletakkan di bawah kluster Kuala Lumpur. Namun adinda Gemas, hakikatnya Negeri Sembilan tetap menjadi venue rasmi Sukan Sea 2027. Apa yang penting ialah atlit antarabangsa tetap bertandang dan bertanding di bumi Negeri Sembilan dan ini tetap mengangkat imej Negeri Sembilan berhak sukan berbasikal elit negara. ando ando ando.

Seterusnya inilah soalan daripada Chembong yang ini berkenaan dengan Kompleks Sukan Chembong ataupun KS Rembau. Untuk makluman Chembong saya telah pun menyatakan menyampaikan mesej kepada Pejabat KSU iaitu rasa kecewanya kita Kerajaan Negeri Sembilan dan Rakyat Negeri Sembilan di atas kelewatan siapnya beberapa fasiliti sukan di Negeri Sembilan. Bukan hanya KS Rembau, termasuklah KS Gemas dan juga Akademi Belia di Port Dickson. Tiga projek ini masih lagi belum siap dan ekoran daripada itu pada 11 November yang lepas KSU sendiri datang melawat ke projek-projek di Negeri Sembilan dan makluman terkini yang saya terima tadi ialah setakat hari ini, ini jawapan daripada JBS. Setakat hari ini penyerahan KS Rembau dari kontraktor kepada KBS dijadualkan pada 19 Januari 2026. Fasiliti sukan, padang bola sintetik, dua padang futsal, dewan badminton 9 court dan fasiliti-fasiliti sukan lain dah siap dan sedia untuk digunakan. Cuma kerja-kerja infrastruktur jalan masuk ke KS Rembau dalam progres dalam progres pelaksanaan sekarang dan dijangka siap sebelum tarikh 19 Januari 2026. Dijangka Kompleks Sukan Rembau akan dibuka kepada awam setelah segala urusan berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan dapat dimuktamadkan pada suku kedua 2026. Itulah penjelasan yang saya terima sebentar tadi. Datuk Yang Dipertua, dengan menjawab beberapa soalan daripada rakan-rakan Yang Berhormat tadi.

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' Timbalan *Speaker*, mohon pencerahan sikit je, mohon pencerahan bukan soalan tambahan mohon pencerahan bermaksud 19 Januari penyerahan daripada kontraktor kepada pihak KBS itu masih belum boleh digunakan lagi?

YB ADUN Palong: Aaa… mengikut penjelasan ini diserahkan daripada penyerahan mungkin ada dokumentasi nak disiapkan dan sebagainya mereka jangka boleh mula dalam suku kedua tahun depan.

YB ADUN Chembong: suku kedua?

YB ADUN Palong: Ya…

YB ADUN Chembong: suku kedua itu diantara bulan 3 hingga bulan 6.

YB ADUN Palong: Ya…

YB ADUN Chembong: saya mohon sangatlah kalau tak dapat bulan 6, bulan 5 Datuk Timbalan *Speaker*, kalau tak dapat bulan 5, bulan 4 terima kasih.

YB ADUN Palong: Saya telah menyatakan hasrat ataupun rasa kecewa kita. Datuk Yang Dipertua, Belanjawan 2026 memberi mesej jelas kerajaan negeri memilih untuk melabur pada masa depan bukan sekadar membiayai membiayai operasi semasa melabur pada belia bermaksud melabur kepada 10, 20 tahun masa depan. Melabur kepada sukan bermaksud melabur kepada membina budaya bersukan dan budaya cemerlang di kalangan rakyat. Dengan pembangunan akar umbi yang kukuh dengan sokongan belanjawan yang jelas dengan komitmen semua pihak, saya yakin Negeri Sembilan sedang menuju kepada negeri yang maju pencapaiannya tinggi semangat kesukaanannya dan melahirkan generasi muda yang berakhlak berdaya saing berwibawa sekian terima kasih Datuk Yang Dipertua.

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Palong. Saya jemput Yang Berhormat Pilah.

YB ADUN Pilah: *Bismillahirrahmanirrahim* Assalamualaikum WBT. Salam Negeri Sembilan bersih mufakat sejahtera salam perpaduan salam Malaysia Madani rakyat di santuni. Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi sesi perbahasan belanjawan 2026. Terlebih dahulu tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun yang telah membentangkan Belanjawan 2026 bertemakan Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Tidak dilupakan juga terima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri dan seluruh kakitangan jabatan dan agensi yang telah menyediakan Belanjawan 2026. Kepada jabatan dan agensi di bawah Portfolio Wanita Keluarga Dan Masyarakat Insyallah kita akan bekerja lebih gigih dalam memastikan belanjawan ini mencapai objektif dalam mensejahterakan rakyat Negeri Sembilan.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, izinkan saya memulakan penggulungan hari ini dengan serangkap pantun.

Gunung Pilah berhias megah,
Lembahnya aman damai berseri ,
Belanjawan Madani jadi tata kelola,
Untuk rakyat Negeri Sembilan hidup harmoni dan dihargai.

Menjawab persoalan perkara yang berbangkit mengenai borang pengesahan pendapatan dalam kalangan Yang Berhormat Kawasan Pembangkang yang tidak diiktiraf yang diajukan oleh Yang Berhormat Labu. Okay saya menjawab disini bagi pemberian bantuan kewangan sama ada bantuan persekutuan mahupun Negeri pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menggunapakai Garis Panduan Pengurusan Bantuan Persekutuan Bulanan iaitu JKM pada tahun 2025, serta Garis Panduan Penggunaan Bantuan Am Negeri Sembilan pada tahun 2025. Kedua-dua garis panduan ini menjadi rujukan serta prosedur bagi pihak JKM mempertimbangkan pemberian bantuan kewangan bersesuaian kepada penerima yang memenuhi syarat dan kelayakan.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, berdasarkan garis panduan tersebut juga terdapat satu dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon iaitu di lampiran empat iaitu surat akuan pengesahan pendapatan iaitu pekerjaan yang melibatkan permohonan yang bekerja sendiri atau tidak bekerja atau tiada sumber pendapatan seperti tidak mempunyai slip gaji. Di ruang bawah lampiran tersebut ada dinyatakan individu yang dibenarkan membuat pengesahan iaitu penghulu ataupun pengawa ataupun pemimpin masyarakat ataupun mana-mana individu yang diangkat atau dipilih untuk memimpin dan mewakili masyarakat di peringkat setempat oleh kerajaan sama ada di peringkat negeri ataupun persekutuan. Datuk Timbalan Yang Dipertua, bersama ini juga turut saya kemukakan beberapa borang pengesahan pendapatan yang telah disahkan oleh YB Labu sendiri, serta di kawasan pembangkang yang lain ada di sini saya nyatakan di sini tapi YB Labu tak ada di sini, di sini ada, jadi JKM jadi borang ini telah diproses oleh pihak JKM dan dijalankan siasatan kepada individu yang memohon. Jadi sehubungan dengan itu, dakwaan yang mengatakan pengesahan pendapatan yang dimasukkan arahan daripada EXCO itu tidak tepatlah di sini ya.

Dato' Yang Dipertua, okey teruskan ya, ada ada bukti kalau nak tengok ada bukti ya, di sini ya di sini. Untuk untuk maklumat yang berhormat YB Labu untuk tahun 2025, 5 adun pembangkang menerima bantuan kewangan berjumlah lebih RM20 juta melibatkan 3,974 penerima. Perinciannya saya nyatakan di sini. Bagi kawasan Labu 515 penerima iaitu RM2.7 juta. Ini banyak ya, kita lihat di sini ya yang seterusnya kawasan Paroi penerima sebanyak 1,121 penerima dengan RM5.86 juta. Serting pula seramai 732 penerima dengan RM3.11 juta. Bagan Pinang 800 penerima dengan jumlah

RM4 juta, ini semua juta je ni kan RM4.6 juta manakala Gemas 806 penerima dengan RM4.21 juta. Manakala bagi tahun 2025 sebanyak RM1.6 juta telah disalurkan kepada PPDK di kawasan pembangkang melibatkan 9 Pusat Pemulihan Komuniti di Paroi, Labu, Bagan Pinang, Gemas dan Serting. Jadi Datuk Timbalan Yang Dipertua, sehubungan dengan itu dapat dirumuskan disinilah bahawa pihak kerajaan tidak meminggirkan kawasan-kawasan atau hak YB kawasan pembangkang dalam aspek yang dinyatakan. Jadi isu kebajikan bukan perkara yang boleh dipolitikkan kerana ia adalah tunjang utama bagi memastikan kesejahteraan serta kemaslahan masyarakat sentiasa dijaga dan dipelihara.

Datuk Yang Dipertua, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Juasseh mengenai isu pembangunan sosial yang melibatkan pemerkasaan wanita warga emas serta kanak-kanak. Yang Berhormat, terima kasih yang tidak terhingga buat Yang Berhormat Juasseh yang telah membawa isu ini. Pihak kerajaan negeri sangat komited dalam isu-isu yang melibatkan pemerkasaan wanita warga emas serta kanak-kanak. Dalam usaha membangunkan kapasiti seperti memperkasakan wanita khususnya di kawasan Juasseh. Wadani dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita (JPW) Negeri Sembilan telah menganjurkan satu program iaitu Bengkel Asah Resin Art pada 12 Julai 2025. Program ini turut diserikan dengan pengisian program Matahari iaitu Kesihatan Mental dan Emosi Wanita yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesejahteraan mental. Terima kasih YB kerana memberi sokongan hadir bersama dalam program tersebut. Ya melalui bengkel ini wanita-wanita komuniti kawasan Juasseh bukan sahaja berpeluang mempelajari kemahiran seni resin art tetapi juga didorong untuk menerokai potensi keusahawanan dan dimaklumkan di sini ya YB ada seorang peserta wanita telah menjalankan usahawan kecil-kecilan di rumah lah melalui aktiviti kreatif ini terima kasih.

Jadi Datuk Yang Dipertua selain itu untuk pemerkasaan warga emas antara inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memperkasakan warga emas adalah menerusi pemberian bantuan kewangan iaitu bantuan kewangan yang diberikan bagi tujuan memenuhi keperluan asas penerima bantuan, selain itu membantu penerima bantuan ke arah hidup berdikari dan kurang kebergantungan kepada bantuan, selain itu sumber kewangan sementara bagi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Untuk makluman YB secara keseluruhan melalui JKM jumlah penerimaan bantuan warga emas bagi DUN Juasseh adalah seramai 200 orang dengan jumlah kewangan sebanyak RM1,497,600 sehingga Disember 2025. Selain itu di Negeri Sembilan terdapat 40 buah pusat jagaan warga emas yang telah didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 iaitu Akta 506. Akta ini digubal bagi tujuan pendaftaran pengawalan dan pemeriksaan ke atas Pusat Jagaan bagi memastikan yang diberikan memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dengan memberi penekanan kepada urusan kebajikan,

kesejahteraan dan keselamatan kepada pihak yang memerlukan. Di Kuala Pilah ya terdapat satu pusat aktiviti warga emas iaitu dikenali sebagai PAWE yang didaftarkan di bawah Akta ini. Selain itu Rumah Seri Kenangan, Seremban merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan yang dikelola oleh JKM. Fungsi RSK ialah memberi penjagaan pelindungan dan pemulihan kepada warga emas yang daif. Penghuni di sini terdiri daripada kaum Melayu, China dan India yang berumur antara 60 tahun ke atas dari seluruh Malaysia. Jadi statistik di Penghuni Seremban sehingga Oktober adalah di lampiran di sebelah, ada di sini ramai Penghuni yang telah warga emas yang menjadi Penghuni di RSK Seremban. Pusat aktiviti warga emas PAWE adalah sebuah pusat yang menjalankan aktiviti harian dalam komuniti setempat dan merupakan satu perkhidmatan bercorak perdampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas. Untuk makluman YB, PAWE menerima bantuan kewangan pengoperasian sebanyak RM50,000 setahun untuk apa jua aktiviti yang yang yang dijalankanlah oleh pihak ahli PAWE. Untuk maklumat YB, bagi Parlimen Kuala Pilah PAWE telah diwujudkan di alamat Dewan Orang Ramai Taman Melang dalam Mukim Ampang Tinggi iaitu di Kuala Pilah. PAWE di Daerah Kuala Pilah mempunyai ahli berdaftar seramai lima ratus 252 orang yang telah melaksanakan 72 aktiviti sehingga bulan Oktober 2025. Aktiviti ini dilaksanakan bukan saja melibatkan penduduk setempat tetapi merangkumi penduduk di sekitar daerah Kuala Pilah. Datuk Yang Dipertua, antara kolaborasi strategik yang dilaksanakan di antara pihak JKM bersama penduduk dan pembangunan keluarga LPPKN di pusat-pusat PAWE ini adalah program terapi kesunyian. Ini adalah pemerkasaan untuk golongan waga emas ya YB. Jadi program-program ini untuk melibatkan supaya warga emas tidak kesunyian ya jadi program ini terus dilaksanakan sehingga tahun yang akan datang.

Jadi Datuk Yang Dipertua, dua program peringkat kebangsaan ini meraikan warga emas juga telah dilaksanakan di Negeri Sembilan iaitu Sambutan Hari Waga Emas yang telah diadakan pada 4 Oktober dan 5 Oktober yang lalu. Kedua-dua program ini dilaksanakan di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sembilan. Datuk Timbalan Yang Dipertua, untuk program yang untuk pemerkasaan kanak-kanak modul pendidikan keselamatan keluarga dan anak ataupun PEKA yang diperkenalkan oleh LPPKN merupakan salah satu inisiatif utama bagi meningkatkan kesedaran serta kemahiran ibu bapa dan penjaga mengenai aspek pelindungan keselamatan kanak-kanak dalam kehidupan seharian malahan keselamatan di alam siber. Modul ini merangkumi pengetahuan mengenai isu keselamatan digital antaranya buli, *online grooming* malahan memberi penekanan terhadap kemahiran kawalan ibu bapa secara secara praktikal seperti penggunaan *parental control,* ibu bapa yang dilatih turut diajar kemahiran pertolongan cemas sekiranya berlaku insiden kepada kanak-kanak. Bagi tahun 2025 jumlah penyertaan bagi modul PEKA ini adalah seramai 101 orang ibu bapa atau penjaga melibatkan pelaksanaan peringkat negeri. Buat masa ini tiada pecahan

khusus di Kawasan Juasseh kerana penganjuran melibatkan seluruh Negeri Sembilan. LPPKN juga turut menyediakan pusat remaja iaitu *café teen* yang terletak di Seremban 2 berfungsi sebagai pusat serba moden dan mesra remaja *café teen café teen*. Antara antara perkhidmatan lain juga iaitu perkhidmatan pendidikan dan pembangunan kemahiran PPK dan promosi penerangan di sekolah dan juga institusi pendidikan di sekitar Negeri Sembilan. Antara sekolah yang telah disantuni oleh pihak LPPKN Negeri Sembilan adalah di daerah Kuala Pilah pada tahun 2025 iaitu Sekolah Menengah Sains Za'ba, Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kurshiah, Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Besar Borhanuddin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kikir yang melibatkan seramai 10,167 pelajar di seluruh Negeri Sembilan telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini. Manakala bagi memastikan remaja di Negeri Sembilan turut mendapat pengetahuan tentang kesihatan reproduktif secara atas talian sebanyak 113 bahan telah dimuat naik untuk menggunakan dimuat naik menggunakan pelbagai medium seperti *Facebook, Instagram, TikTok* pada tahun 2025. Selain itu LPPKN turut menyediakan perkhidmatan kaunseling remaja secara percuma kepada semua remaja yang berusia antara 13 hingga 24 tahun. Seramai 122 pelajar yang telah menerima perkhidmatan ini manakala bagi perkhidmatan kesihatan reproduktif pula seramai 104 pelajar telah mendapat manfaat dari perkhidmatan ini.

Datuk Yang Dipertua, pihak JKM juga melalui Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak pula telah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak iaitu Kasih Kanak-Kanak yang melibatkan sejumlah 566 buah sekolah di seluruh Malaysia. Manakala di peringkat Negeri Sembilan program advokasi ini telah dilaksanakan di 27 buah sekolah terpilih yang melibatkan penyertaan sebanyak 5,448 orang pelajar, guru ibu bapa dan komuniti kawasan dan 3 buah pusat aktiviti kanak-kanak iaitu BAKK yang melibatkan penyertaan 2,800 orang kanak-kanak ibu bapa dan komuniti. Program ini turut diperluas ke R&R Seremban melalui kerjasama pihak PLUS Malaysia Berhad. Pelaksanaan program ini adalah melalui kerjasama strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Polis Diraja Malaysia dan seluruh komunikasi multimedia SKMM dan agensi yang berkaitan serta penglibatan komuniti melalui pasukan perlindungan kanak-kanak.

Datuk Timbalan Yang Dipertua, berkenaan soalan Yang Berhormat Gemencheh mengenai cadangan kerajaan negeri mewujudkan bantuan mesra lampin pakai buang dewasa serta bantuan mesra susu pesakit terlantar yang akan memberi manfaat kepada kumpulan yang memerlukan. Saya menjawab di sini Yang Berhormat Gemencheh, terima kasih atas cadangan yang telah dihasratkan oleh YB untuk makluman Yang Berhormat objektif pemberian bantuan kewangan kebajikan JKM adalah antaranya

memenuhi keperluan asas bagi meringankan atau meringankan beban penerima bantuan selain itu alat sokongan sosial yang membantu penerima bantuan kearah berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan. Selain itu alat pemulihan agar penerima bantuan terus tinggal bersama keluarga atau komuniti dan sebagai sumber kewangan sementara ya menerima bantuan meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Lampin pakai buang bagi orang dewasa serta susu khusus bagi pesakit terlantar adalah satu keperluan mendesak bagi golongan yang memerlukan, jadi pemberian bantuan kewangan oleh pihak JKM adalah berbentuk tunai yang dikreditkan ke akaun penerima bantuan. Sehubungan dengan itu mereka boleh menggunakan bantuan tersebut bagi pelbagai keperluan termasuklah pembelian lampin pakai buang mahupun susu khusus ya yang dimasukkan. Selain itu pihak selain pihak JKM pihak MAINS juga adalah antara agensi kerajaan negeri yang menawarkan perkhidmatan pemberi bantuan kepada golongan fakir miskin yang memerlukan keperluan.

Datuk Yang Dipertua, menjawab soalan Yang Berhormat Seri Menanti bagi isu yang berbangkit iaitu pengukuhan unit kaunseling dan perlindungan yang melibatkan kes keganasan rumah tangga ya Yang Berhormat. Yang Berhormat kerajaan telah mengambil langkah produktif untuk menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 Akta 521 dengan mengambil kira pandangan daripada agensi berkaitan pertubuhan bukan kerajaan. Akta ini berkuatkuasa pada 1 Jun 1996 ini bertujuan untuk memberikan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara yang bersampingan dengannya. Perlindungan ini termasuklah perlindungan yang diberi kepada mangsa daripada berterusan menerima ancaman penderaan. Antara langkah pengukuhan di bawah akta ini adalah tindakan awal dan susulan dengan mempercepatkan proses pengeluaran perintah perlindungan kecemasan dan perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan melalui kerjasama strategik dengan pihak PDRM mahupun mahkamah. Selain itu pengukuhan tempat selamat kepada mangsa keganasan ditambah baik dengan meningkatkan keselesaan dalam aspek kemudahan dan keselamatan. Jadi Datuk Yang Dipertua, berdasarkan statistik kes keganasan rumah tangga pihak JKM bagi tahun 2017 sehingga 2025 sebanyak 292 kes telah dilaporkan dan telah disantuni. Angka ini menggambarkan perlu tindakan proaktif semua pihak bagi menangani isu ini. Selain itu Jabatan Pembangunan Wanita aa Negeri Sembilan sentiasa menjalankan program-program advokasi berkenaan keganasan rumah tangga yang kian meningkat dari masa ke semasa. Advokasi terhadap keganasan rumah tangga turut termaktub dalam Dasar Wanita Negara 2025-2030 di bawah kluster keselamatan dan penekanan inisiatif strategi perlindungan pencegahan dan bantuan serta pemulihan. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan telah menjalankan sebanyak enam program advokasi keganasan rumah tangga pada tahun 2025 dengan tiga program fizikal serta program secara *online.*

Datuk Yang Dipertua, menjawab perkara yang berbangkit mengenai isu keselamatan kanak-kanak yang diajukan oleh Yang Berhormat Serting. Terima kasih Yang Berhormat atas keperihatinan membawa isu yang amat penting ini. Saya selaku EXCO Wanita Keluarga Dan Masyarakat dan juga seorang ibu saya sendiri sangat *committed* dalam memastikan setiap aspek keselamatan kanak-kanak diberi serius oleh kerajaan negeri. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak iaitu kasih kanak-kanak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan bersama rakan strategik iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Advokasi Pelindungan Kanak-Kanak, kasih kanak-kanak pada tahun 2024, yang melibatkan 30 buah sekolah di seluruh Negeri Sembilan dengan penyertaan seramai 10,495 orang terdiri daripada guru dan komuniti. Pada tahun 2025 pelaksanaan Program Advokasi Pelindungan Kanak-Kanak ini diteruskan di 27 buah sekolah terpilih yang melibatkan 5,458 orang guru ibu bapa dan komuniti perluasan di 3 buah sekolah pusat aktiviti di 3 pusat aktiviti kanak-kanak yang melibatkan penyertaan 2,800 orang kanak-kanak di seluruh Negeri Sembilan. Selain itu apa apa selain itu dari pemerkasaan ataupun isu keselamatan ini juga isu keselamatan kanak-kanak juga di diberikan penekanan melalui sistem EDKK iaitu Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual terhadap kanak-kanak iaitu merupakan inisiatif di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyimpan maklumat individu yang pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Sistem ini dibangunkan bagi mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak di seluruh negara. Selain itu sistem ini digunakan untuk menyemak calon orang yang layak dan sesuai dan semakan permohonan penjagaan anak pelihara serta bagi pengambilan pekerja di pusat jagaan kanak-kanak. Melalui sistem EDKK pihak sekolah institusi dan pusat jagaan ibu bapa atau penjaga boleh membuat semakan latar belakang individu yang berinteraksi atau menjaga kanak-kanak bagi memastikan mereka tidak mempunyai rekod seksual.

Datuk Yang Dipertua, ada satu soalan yang tadi last tadi aa sekejap je Datuk hahaha haha ok dari YB, YB Chembong ya mengenai isu penamatan bantuan yang diterima oleh Puan Kamariah Binti Adam dari Kampung Kundur Hulu. Penamatan adalah disebabkan aa ya…

YB ADUN Chembong: apa pula jawapan tu terselit pula…

YB ADUN Pilah: Kat bawah cari tadi…

YB ADUN Chembong: untuk saya yang terselit…

YB ADUN Pilah: tak…

YB ADUN Chembong: yang lain semua kat atas.

YB ADUN Pilah: tak dia ikut turutan ok dia penamatan adalah disebabkan penama keluar daerah serta mempunyai anak yang mempunyai pendapatan lebih. Jadi YB saya teranglah di sini ya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ke atas keperihatinan YB Chembong untuk membawa isu ini. Untuk makluman YB, menurut garis panduan pengurusan bantuan kewangan persekutuan (bulanan) JKM tahun 2025, pendapatan isi rumah tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan PGK iaitu purata isi rumah miskin tegar semasa ataupun PGK purata perkapital miskin tegar semasa buat masa kini kadar PGK semasa yang digunapakai bagi menentukan kelayakan pemohon ialah PGK 2022 iaitu RM1,198 untuk isi rumah dan RM322 untuk perkapita. Penama adalah penerima bantuan warga emas sejak tahun 2016, bantuan yang telah diterima adalah sebanyak RM600 sebulan pada tahun 2025. Secara keseluruhan bantuan yang telah diterima oleh penama adalah sejumlah RM47,700 jadi hasil siasatan siasatan dari sejak yang tadi YB maklumkan tadi YB Chembong maklumkan, JKM membuat siasatan pada 7 Oktober 2025, didapati penama telah berpindah tinggal bersama anak di Daerah Rembau. Jadi anak penama bekerja sebagai penjawat awam, manakala menantu pula bekerja sebagai penyelia tapak di sini dinyatakan oleh pihak JKM hasil siasatan pendapatan isi rumah adalah sebanyak RM6,000 sebulan. Jadi berdasarkan semakan kaji semula ini jadi pihak JKM mendapati penama tidak layak menerima bantuan warga emas. Jadi kalau jika pemohon ingin memohon bolehlah menghantar borang untuk JKM menyemak semula sekali lagi. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat semua atas pertanyaan. Jadi jelaslah yang di sini yang Datuk Yang Dipertua, bahawa kerajaan Negeri Sembilan sentiasa berlaku adil dan tidak meminggirkan mana-mana kawasan. Isu kebajikan bukan untuk dipolitikan ia adalah amanah untuk menjaga maruah, kesejahteraan dan masa depan rakyat khususnya di Negeri Sembilan.

Portfolio Wanita Keluarga Dan Masyarakat akan terus memperkukuh Program Melalui Perlindungan Kanak-Kanak, Kebajikan OKU, Pemerkasaan Wanita Dan Penjagaan Warga Emas. Dengan sokongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta seluruh Ahli Yang Berhormat kita yakin Belanjawan Madani ini akan membawa Negeri Sembilan ke arah masyarakat yang sejahtera inklusif dan penuh kasih sayang. Dengan izin saya membacakan serangkap pantun ya Datuk Yang Dipertua.

Bayu Pilah ke Seri Menanti,
Berbisik halus nilai beradat,
Exco wanita memimpin dengan hati ,
Bersama LPPKN JPW dan JKM menjaga rakyat nogori yang berkat.

Akhir kata daripada saya sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua, Sekian wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum WBT.

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

YB Timbalan Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Pilah. Tadi apa Yang Berhormat Paroi dia menjual pantun kepada saya, jadi saya nak balat saya nak jawablah, tapi saya nak jawab dalam pantun berkenaan dengan Amanah. Saya nak jawab dengan sepotong hadis, *tiada seorang hamba yang telah diamanahkan oleh Allah untuk menguruskan hal ehwal rakyat di bawah tanggungannya lalu tidak menunaikan amanah tersebut meskipun dengan hanya menyampaikan satu nasihat melainkan dia tidak dapat mencium haruman syurga* Riwayat Al-Bukhari. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO Kanan, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, sebentar lagi saya akan menangguhkan Mesyuarat Dewan, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan yang dapat hadir pada hari ini. Inilah contoh mereka yang layak dapat bonus 3 bulan Yang Amat Berhormat. Sesi penggulungan akan disambung pada hari Khamis 9 Disember pada esok hari. Saya tutup dengan *Subhanallahumma wa bihamdika asyadu Allah ilahaillaanta astaghfiruka waatubu ilaik*. Mesyuarat Dewan ditangguhkan.

[Mesyuarat Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.]

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN) PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-15 PADA 11 DISEMBER 2025 (KHAMIS)

HADIR:

BIL.	NAMA	KAWASAN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Haji M K Ibrahim bin Abd Rahman	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin b. Haji Harun	Sikamat
3.	YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias	Pertang
4.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
5.	YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim	Pilah
6.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Senaling
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Dato' Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
9.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
10.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
11.	YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli	Linggi
12.	YB Dato' Hajah Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman	Ampangan
13.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin	Lenggeng
14.	YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir	Klawang
15.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Haji Idris	Chembong
16.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
17.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
18.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak

BIL.	NAMA	KAWASAN
19.	YB Dato' Mohd Razi bin Mohd Ali	Sungai Lui
20.	YB Puan Sri Dato' Bibi Sharliza binti Mohd Khalid	Juasseh
21.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
22.	YB Dato' Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol
23.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
24.	YB Dato' Mohd Zaidy bin Abdul Kadir	Jeram Padang
25.	YB Tuan Dr. Rajasekaran a/l Gunnasekaran	Sri Tanjung
26.	YB Tuan Muhammad Sufian bin Maradzi	Seri Menanti
27.	YB Tuan Siau Meow Kong	Rahang
28.	YB Tuan Suhaimi bin Aini	Kota
29.	YB Tuan Yew Boon Lye	Chuah
30.	YB Tuan Suhaimizan bin Bizar	Gemencheh
31.	YB Tuan Mohamad Hanifah bin Abu Baker	Labu
32.	YB Tuan Mohd Fairuz bin Mohd Isa	Serting
33.	YB Tuan Haji Kamarol RIdzuan bin Mohd Zain	Paroi
34.	YB Tuan Haji Abdul Fatah bin Zakaria	Bagan Pinang
35.	YB Tuan Haji Ridzuan bin Ahmad	Gemas

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

1.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
2.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah

HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim)

2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Muzalmah binti Mustapha Kamal)

3. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (YB Dato' Masri bin Hj. Razali)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
   (Mohd Amin bin Ludin)

2. KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
   (Mohd Zamri bin Md Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

[Mesyuarat dimulakan pada jam 10.12 pagi]

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

1. BACAAN DOA

Setiausaha Dewan: Susunan mesyuarat, perkara pertama, bacaan doa.

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua Dewan. Susunan mesyuarat perkara pertama, bacaan doa.

[Setiausaha Dewan telah membacakan doa di bawah Peraturan IX, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YB Yang Dipertua Dewan: Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. *Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu ala ashrafil ambiyaa iwal mursalin waala aalihi wasahbihi ajma'in. Raditubillahi rabba wa bilislamidina wabimuhammadin nabiya warasula. Alhamdulillah*, segala puji bagi Allah, Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Utama Haji Amuddin bin Haji Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Yang berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, hadirin dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke sidang mesyuarat bagi Persidangan Ketiga Belanjawan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15. Hari ini, 11 haribulan Disember, merupakan hari ke-5 persidangan. Di sini saya ingin memaklumkan berkenaan ketidakhadiran Yang Berhormat ADUN Rantau, tidak dapat hadir pada hari ini kerana menjalankan tugas rasmi di Parlimen. Yang Berhormat, ADUN Chennah, tidak dapat hadir pada hari ini eh, pada hari semalam dan hari ini kerana perlu menghadiri program di peringkat Kementerian. Sebagai mana maklum, sesi penggulungan akan disambung semula pada hari ini. Saya berharap agar semua Ahli-Ahli Yang Berhormat

dapat memberi sepenuh perhatian kepada jawapan-jawapan yang akan dikemukakan oleh barisan EXCO berhubung isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam sesi perbahasan yang lalu.

Hadirin sekalian, sebagai mana biasa, saya ingin menyeru kepada semua hadirin untuk agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap Dewan serta tata kelakuan dan etika sebagai Ahli Yang Berhormat sepanjang persidangan. Dipohon kerjasama semua hadirin untuk memastikan persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekian, terima kasih. Selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kelima)

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga. Pertanyaan-pertanyaan. Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan hari kelima.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya dengan hormatnya mempersilakan ADUN Seremban Jaya.

YB ADUN Lobak: Dato' saya dulu.

YB Yang Dipertua Dewan: aaa… baik ADUN Lobak.

YB ADUN Lobak: Okay. Terima kasih kerana saya mohon izin dari Dato' *Speaker*. Ahh… terima kasih lagi. Dato' kasi awal dari Seremban Jaya dan Lukut kerana ada satu lawatan bencana rumah pangsa di Blok B and C Lobak dari JKR. *So* saya kemukakan soalan nombor satu.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih Yang Dipertua, terima kasih YB Lobak. Ada dua soalan daripada YB. Mohon pihak Kerajaan Negeri menyatakan jumlah pesakit mental yang telah direkodkan dari tahun 2021 hingga kini dengan pecahan mengikut daerah. Dan juga nombor dua, apakah pelan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memperkukuh perkhidmatan kesihatan mental termasuk penambahan pusat rawatan, penyediaan kaunselor, kempen kesedaran serta sokongan kepada keluarga pesakit. Dato' Yang Dipertua, jumlah pesakit mental yang direkodkan dari tahun 2021 sehingga kini mengikut daerah adalah seperti berikut. Seremban hingga kini ada 11,090 orang. Kuala Pilah 2,456. Port Dickson 2,174 orang. Tampin 1,008 orang. Jempol 1,039 orang. Jelebu 685 orang. Rembau 812 orang. Keseluruhnya adalah 19,264 orang. Data terkini di Hospital Kerajaan bagi Penyakit *Schizophrenia* adalah seramai 285 pesakit, kemurungan seramai

319 pesakit dan kebimbangan seramai 9 pesakit. Terdapat 3 pusat komuniti kesihatan mental yang dikenali sebagai Mentari di Negeri Sembilan iaitu di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Port Dickson dan Hospital Tengku Ampuan Najihah Kuala Pilah yang menyediakan perkhidmatan seperti saringan awal, konsultasi pesakit rehabilitasi pesakit mental secara menyeluruh dan promosi *kesihatan* mental kepada masyarakat.

Negeri Sembilan merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai 3 Mentari di daerah Seremban, Kuala Pilah dan Port Dickson. Mentari juga mengadakan kolaborasi dengan berbagai organisasi seperti PERKESO dan berbagai syarikat swasta di dalam program sokongan pekerjaan *Supported Employment dalam* membantu pesakit mental yang stabil untuk kembali kepada alam pekerjaan dan seterusnya diterima oleh masyarakat. Selain dari itu program *Social Enterprise* juga diperkenalkan kepada pesakit mental bagi mendedahkan mereka ke dalam aktiviti perniagaan di samping pembangunan sosial pesakit tersebut.

Aktiviti sokongan kepada keluarga pesakit mental dijalankan secara berterusan sepanjang tahun. Perawatan pesakit ke rumah juga dilakukan oleh unit komuniti psikiatri dari Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tengku Ampuan Najihah dan Hospital Port Dickson bagi pesakit psikiatri kronik yang memerlukan perawatan ke rumah. Berbagai program kesihatan mental diperkenalkan di peringkat Negeri Sembilan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mental. Inisiatif saringan kesihatan kebangsaan yang merangkumi aspek saringan kesihatan mental melibatkan fasiliti kesihatan komuniti serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di Negeri Sembilan.

Selain itu saringan kesihatan mental dijalankan di kalangan semua lapisan masyarakat termasuk di sekolah, institut pengajian tinggi awam melalui program komuniti sihat perkasa negara, COSPEN. Komuniti melalui program *outreach* tempat kerja serta golongan berisiko tinggi seperti wanita mengandung, pesakit kronik dan warga emas. Sejak tahun 2020 seramai 8 pengawai psikologi kaunseling telah ditempatkan di kesihatan *primer* di seluruh Negeri Sembilan dan jumlah ini telah meningkat kepada 12 orang pada tahun 2025, bagi memperluas ekses perkhidmatan intervensi dan kaunseling di klinik kesihatan. Berbagai program juga dijalankan di peringkat komuniti bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat di Negeri Sembilan berkenaan kesihatan mental.

Antara objektif utama adalah mengurangkan stigma kesihatan mental di kalangan masyarakat di samping mencipta persekitaran yang lebih penyayang, inklusif dan membolehkan individu yang mengalami masalah kesihatan mental mendapat bantuan dan sokongan di semua fasiliti kesihatan di Negeri Sembilan. Selain itu kempen berterusan seperti sambutan Bulan Kesihatan Mental Sedunia, inisiatif Laman Minda Sihat dan

program K-Mindset Komuniti Minda Sejahtera turut dilaksanakan bagi memperkukuh literasi kesihatan mental dan menggalakkan masyarakat mendapatkan bantuan profesional lebih awal.

Perkhidmatan yang disediakan bukan secara fizikal sahaja, malah terdapat penyelesaian talian *HEAL* yang dikendalikan oleh Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, di mana orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental secara tele kaunseling di talian 15555. Talian ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kaunseling Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertauliah. Perkhidmatan ini boleh diakses setiap hari, termasuk cuti umum bermula jam 8 pagi sehingga 12 pagi. Sekian, itu saja Yang Dipertua, Terima kasih.

YB ADUN Lobak: Terima kasih, Ampangan. Memang golongan ini memang kesian khasnya ahli keluarga mereka, tapi sekarang masalah yang utama sekali ialah sebahagian kecil itu, tanpa jagaan keluarga, mereka selalu merayau-rayau di pekan atau tempat merata-rata dan menimbulkan masalah sosial. *So* saya nak tanya kerajaan, apa *solution* bahawa boleh bantu orang yang merayau tu sampai dia kacau gangguan orang ramai sampai ada orang kena pukul ke atau dia pecahkan cermin kereta macam-macam itu, *so* apa *solution* bahawa boleh tolong orang yang mental itu merayau di tempat khasnya di pekan kerana 2026 itu tahun pelancongan, takkan orang ini merayau khasnya dipasar ke atau di *food court* ke jadikan, timbulkan masalah rakyat. Terima kasih.

YB ADUN Ampangan: Terima kasih YB Lobak soalan tersebut saya akan bagi jawapan secara bertulis, YB Lobak. Boleh YB?

YB ADUN Lobak: Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Seremban Jaya.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, terima kasih, saya mengemukakan soalan nombor dua. Terima kasih.
YB ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Seremban Jaya, mengenai apakah strategi serta pencapaian kerajaan negeri dalam menarik pelaburan industri dari China dan juga India. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan pelbagai strategi proaktif bagi menarik pelaburan industri dari negara luar meliputi negara China dan India. Dalam konteks rangka pembangunan ekonomi negeri, tumpuan diberikan kepada pembangunan *Malaysian Vision Valley 2.0* yang melibatkan daerah Seremban dan Port Dickson. Dalam usaha pembangunan pada masa ini, tumpuan adalah kepada pelaksanaan pembangunan 12 kawasan industri baru yang seluas 8,593.28 ekar di Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, dengan wujudnya rangka

komprehensif tampilan pembangunan MVV 2.0 dan disokong dengan pembangunan kawasan-kawasan industri baru, Kerajaan Negeri mampu menarik pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi, khususnya dalam sektor elektrik dan elektronik, semikonduktor, aeroangkasa teknologi makanan dan pharmaceutical selaras dengan sektor yang disasarkan dalam kluster industri di wilayah tengah, yang telahpun diwar-warkan secara rasmi pada 11 November 2025 yang lalu. Strategi ini turut disokong dengan dasar pelaburan Kerajaan Negeri yang terbuka dengan mesra pelabur. Kerajaan Negeri turut menekankan kaedah pemudahcara pelaburan melalui inisiatif *NS Fastlane* di peringkat pihak kuasa tempatan.

Dato' Yang Dipertua, dari segi promosi pula, beberapa siri misi galakan pelaburan ke China telah berjaya dilaksanakan pada tahun ini iaitu ke Shenzhen dan ke Shanghai bagi menarik pelaburan dalam sektor farmaseutikal dan elektrik serta elektronik. Hasilnya, Kerajaan Negeri berjaya menyakinkan pelabur NMAC Corporation Limited ke Spring Hill Industrial Park yang bernilai pelaburan RM700 juta. Selain itu, syarikat Hunan *Yuneng Energy Battery Materials Company Limited* yang merupakan pengeluar *litium-ion battery materials*, bernilai pelaburan sebanyak RM1 bilion ringgit juga dalam proses *uphill* rundingan bersama dengan SPD Tech Valley. Dato' Yang Dipertua, walaupun pelaburan dari negara India tidak sebesar pelaburan dari China, selain daripada keberadaan syarikat Recron Malaysia yang telah lama bertapak di Nilai, Kerajaan Negeri turut mengalukan sebuah projek pelaburan baru dari India, iaitu LRC, *Specialty Chemical Private Limited* yang baru membuka operasi di kawasan industri Nilai Utama pada tahun ini, bagi mengeluarkan *special chemical additive* untuk banjuhan konkrit. Dato' Yang Dipertua, kerjasama baik berterusan yang telah dilaksanakan di antara MIDA dan agensi-agensi Kerajaan Negeri antaranya seperti Invest NS, NS Corporation, MBI, UPEN dalam menarik pelaburan ke Negeri Sembilan telah membuahkan hasil apabila telah berjaya mencatatkan kelulusan pelaburan dari negara China dan India daripada tahun 2020 sehingga Jun 2025 dengan perincian seperti berikut.

Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau MIDA, daripada tempoh tahun 2020 sehingga Jun 2025, pelaburan dari negara China mencatatkan jumlah pelaburannya sebanyak RM2.71 bilion melibatkan 18 projek. Ini berjaya membuka sebanyak 1,115 peluang pekerjaan. Manakala pelaburan dari negara India dalam tempoh yang sama mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM22.81 juta yang melibatkan 2 projek sahaja. Pejabat MIDA Negeri Sembilan sentiasa aktif dalam menjalankan sesi libat urus bersama jabatan dan agensi berkaitan pelaburan kerajaan negeri dalam usaha tarikan pelaburan ke Negeri Sembilan dengan program seperti penganjuran program promosi pelaburan dalam dan luar negeri bersama kerajaan negeri seperti seminar bersama pelabur sesi bengkel dan libat urus serta sesi meja rundingan bulat *round table discussion* dengan izin bersama

bakal pelabur. Mesyuarat bersama dengan pertubuhan perwakilan syarikat daripada China dan India yang berpotensi untuk melabur dan juga syarikat sedia ada yang berkeupayaan untuk berkembang serta lawatan fasilitasi MIDA dan Invest Negeri Sembilan ke syarikat-syarikat yang beroperasi di Negeri Sembilan yang mana ibu pejabat syarikat tersebut berpengkalan di China dan India bagi memberikan bantuan fasilitasi kepada syarikat-syarikat dalam melaksanakan projek pelaburan sedia ada dan juga projek pelaburan baru. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' Yang Dipertua, terima kasih, Exco Perindustrian memang jelas tapi saya minta kira luar bandar banyak industri di kawasan industri lah tapi saya tengok contoh Jempol, Jelebu, Kuala Pilah, Tampin. Ada *factory* memang *transport* memang mahal lah, tapi ini 4 tempat kita ada industri kira ringan industri barang-barang elektronik macam ini ada peluang pekerja-pekerja di keliling contoh Jelebu, Jelebu, Jempol, Kuala Pilah Tampin. Adakah rancangan EXCO boleh bina kilang-kilang di kawasan ini? Pasal pekerja-pekerja kira tempatan mereka boleh peluang dapat kerja. Terima kasih. Lagi satu Dato' Yang Dipertua,saya mohon minta maaf saya tengok semua ADUN kakitangan pakai batik tapi ini ADUN Seremban Jaya satu orang takda pakai, saya mohon minta maaf. Terima kasih.

YB ADUN Bahau: Terima kasih. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat ADUN Seremban Jaya. Mengenai sektor perindustrian yang berada di Daerah Jempol, Kuala Pilah ataupun di Tampin dan juga di Jelebu. Untuk maklumat Yang Berhormat Guna, saya rasa kita sedia maklum untuk Negeri Sembilan Timur, Jelebu, Kuala Pilah dan juga Jempol. Sebenarnya dalam rancangan kerajaan negeri dia lebih kepada agropolis di mana kita fokus kepada pertanian. Walaupun kita lihat walaupun kita tak dapat lihat wujudnya fisikal, adanya kilang di tepi-tepi jalan. Tetapi saya ingin berkongsi di sini baru-baru ini saya dimaklumkan bahawa ada sebuah kilang hampir siap dibina di Jempol yang menghasilkan baja organik.

Dan saya dimaklumkan juga pelaburan tersebut dia lebih kurang dalam RM100 juta ringgit. Itu sesuatu yang kita tak boleh nampak di tepi jalan sebab kilang dia berada berdekatan dengan ladang sawit. Dan pada masa yang sama juga, saya rasa mungkin Yang Berhormat Seremban Jaya sedia maklum, kalau di Daerah Tampin kita adanya satu pelaburan saya rasa pelaburan yang paling besar salah satu pelaburan yang paling besar di Tampin iaitu di Gemas di Ladang Tenusu F&N dan jumlah pelaburannya adalah sebanyak RM1.8 bilion. Jadi ini sesuatu yang kerajaan selama ini telah pun laksanakan di mana kita cuba sedaya upaya untuk memudah cara. Sebab itu F&N pelaburan yang begitu besar sekali memilih untuk melabur di Negeri Sembilan. Dan sudah tentunya adanya pelaburan yang sebegini, sudah tentunya dia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk kita sama-sama kita pastikan kita dapat menjana ekonomi setempat.

Saya rasa dalam perkara ini, kerajaan negeri yang dipimpini oleh Yang Amat Berhormat Sikamat, kita telah pun banyak berusaha untuk kita nak memudah carakan. Khususnya adanya kalau adanya pelabur yang ingin melabur di Negeri Sembilan Timur kita akan cuba sedaya upaya untuk membantu kita facilitate membantu mereka untuk *facilitat*e untuk pastikan kilang ataupun pelaburan mereka dapat mulakan operasi mereka dalam masa yang terdekat. Itu memang sesuatu yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan kerana kita juga nak memastikan bahawa bukan saja di Seremban, di PD kita jaga dengan baik. Kita juga perlu pastikan bahawa daerah-daerah lain juga diberi fokus untuk kita nak memastikan bahawa penduduk kita juga boleh mendapatkan peluang pekerjaan di daerah-daerah yang disebutkan tadi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Lukut.

YB ADUN Lukut: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Lukut kemukan soalan nombor 2.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Lukut yang bertanyakan tentang pelancongan yang berasaskan kesihatan dan rawatan dengan izin *wellness tourism*. Berdasarkan Rancangan Kawasan Khas Persisiran Pantai Port Dickson RKKPPPD yang telah diwartakan pada 9 Disember 2021 antara fokus utama yang digariskan ialah mengukuhkan Port Dickson sebagai *wellness zone* iaitu kawasan pembangunan bersepadu yang menggabungkan elemen pelancongan kesihatan dan gaya hidup sihat. Langkah ini secara langsung menyokong usaha kerajaan negeri dalam menarik pelaburan termasuk pelabur asing ke sektor pelancongan berasaskan kesihatan dan rawatan dengan izin *wellness tourism*. Kerajaan negeri sedang mengkaji potensi dan peluang pelaksanaan sektor ini sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan pelancongan berimpak tinggi. Terutamanya dalam usaha menjadikan Port Dickson sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf antarabangsa pada masa hadapan.

Bagi tujuan tersebut, kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi atau UPEN, LPNS Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan serta NS *Corporation* sedang memperkukuh kerjasama strategik dengan agensi pelaburan dan pelancongan di peringkat Persekutuan serta pemain industri bagi menarik minat pelabur asing untuk belabur dalam pembangunan projek-projek berasaskan kesihatan dan kesejahteraan di Negeri Sembilan khususnya di Port Dickson dan Lukut. Baru-baru ini saya diberi satu taklimat berkenaan dengan satu konsep yang agak baru dan menarik cuma sekarang kita perlu menarik pelabur untuk masuk untuk konsep tersebut iaitu dia menggunakan pendekatan *prevention is better than cure* dengan izin mencegah lebih baik daripada mengubati dimana ada satu kerjasama strategik dengan syarikat

insurans dia akan buat satu *medical check-up* selepas *medical check-up* dia akan beri satu program yang diikuti supaya dia tidak perlu untuk *claim insurance*. Itu adalah konsep baru dan saya harap jika segalanya berjalan dengan lancar kita bakal ada pelabur untuk masuk untuk konsep tersebut. Di peringkat antarabangsa pula kerajaan negeri merancang untuk menyertai misi jualan antarabangsa yang telah diatur oleh *Tourism Malaysia* seperti *Global Investment & Tourism Expo GITE 2025, Tourism Trade International Expo and Discovering the Magnificence of Indonesia Expo DMI Expo* bagi menarik pelabur ke Port Dickson dan Lukut. Terima kasih.

YB ADUN Lukut: Terima kasih jawapan daripada Bukit Kepayang. Dato' Yang Dipertua, *trend global* menunjukkan peningkatan minat masyarakat antarabangsa terhadap rawatan pemulihan, Kesihatan, pencegahan dan gaya hidup yang sihat. Negara serantau seperti Thailand dan Indonesia telah membuktikan bahawa sektor ini mampu menarik pelancong yang berkualiti tinggi yang boleh berbelanja lebih dan sekaligus boleh menyumbang secara langsung kepada ekonomi negeri. Soalan tambahan saya, saya nak tahu apa status terkini pelaksanaan rancangan kawasan persisiran pantai bertaraf antarabangsa yang sejak tahun 2021 dan apakah strategi khusus kerajaan negeri untuk mempromosikan Port Dickson sebagai destinasi *wellness tourism* dengan izin kepada pelancong asing yang terutamanya daripada negara jiran seperti Singapura Indonesia dan China, dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan zon pelancongan kesihatan di Port Dickson termasuk kemudahan spa perubatan, pusat rehabilitasi moden ataupun rawatan kesihatan alternatif dan apakah insentif yang ditawarkan kepada pelabur ataupun pengusaha sektor wellness untuk membuka pusat rawatan yang berasaskan laut iaitu *thalassotherapy* dengan izin ataupun pusat pemulihan fisioterapi di Port Dickson. Sekian terima kasih.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lukut yang tanyakan soalan tambahan. Seperti mana yang saya jawab tadi, memang ini adalah usaha kerajaan negeri melalui UPEN, LPNS dan juga NS *Corp* untuk menarik pelabur. Cuma sekarang kita perlu tunggu, satu, mereka berminat untuk pelabur yang kedua, kita kena perincikan insentif yang itu kita saya rasa saya *confident* bahawa UPEN dan juga LPNS dan NS *Corp* dapatlah bantu untuk merealisasikan impian kami supaya Port Dickson boleh dijadikan satu pusat *wellness* untuk kalau tidak dapat menandingi Thailand ataupun Indonesia kami juga boleh menjadi satu titik permulaan kerana saya dipahamkan baru-baru ini dengan krisis sempadan diantara Cambodia dan Thailand ada lebih kurang 2 juta rakyat Cambodia yang sebelum ini pergi ke Thailand untuk menerima rawatan *wellness* sekarang sedang cari alternatif. Maka ini kami rasa satu peluang keemasan cuma sekarang kita perlu masa untuk kita menarik pelabur terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Sungai Lui.

YB ADUN Sungai Lui: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan nombor dua.

YB ADUN Palong: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Sungai Lui atas soalan berkenaan Pembangunan belia. Soalannya ialah apakah program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan belia dan apakah impak program ini kepada penyertaan belia dalam masyarakat dan juga pembangunan negeri. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa komited melaksanakan agenda pembangunan belia secara menyeluruh melalui pendekatan berasaskan kemahiran kepimpinan, keusahawanan dan keterlibatan dalam komuniti. Selaras dengan fokus Belanjawan Negeri Sembilan tahun ini dan juga tahun hadapan Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dan akan terus melaksanakan beberapa program. Dalam aspek pemerkasaan ekonomi dan keusahawanan belia, ada beberapa program yang kita laksanakan, yang pertama kita ada TUNS, kemudian kita ada TUNS Plus dan juga kita ada Bantuan Kecil Usahawan Belia yang kita memberikan sokongan atau modal asas kepada peniaga-peniaga kecil yang ingin memulakan perniagaan mereka di peringkat akar umbi.

Dalam aspek pembangunan kepimpinan dan modal insan pula, kita ada *Madani Youth Leadership Camp*, kita ada sokongan persatuan, sokongan dana Persatuan Belia Dan Sukan, pada tahun ini sahaja kita telah menyalurkan hampir RM200,000 kepada persatuan belia dan sukan bagi melaksanakan program pendidikan kesukanan, sahsiah dan pembangunan masyarakat di peringkat akar umbi. Manakala dalam aspek kemahiran kerjaya dan keboleh pasaran pula, kita ada *Negeri Sembilan Career Development and Talent Empowerment Center* ataupun NEST, platform pembangunan bakat dan kerjaya yang menyediakan latihan industri, kursus kemahiran, pembangunan profesional dan penempatan kerja. Setakat ini, program industri training program telah melibatkan hampir 2000 ya, 2000 belia serta kerjasama dengan 33 syarikat. Kemudian seterusnya kita ada program *protege* dan akademi dalam industri yang diuruskan oleh Yayasan Negeri Sembilan yang menjadikan peluang perantis latihan di tempat kerja dan pendedahan industri kepada belia bagi meningkatkan kebolehpasaran dan memadankan bakat tempatan dengan keperluan majikan dalam negeri. Maka, Dato' Yang Dipertua, impaknya program ini telah menunjukkan impak yang jelas kepada pembangunan modal insan serta kekuatan komuniti belia di Negeri Sembilan.

Pertamanya, kita dapat mengukuhkan ekonomi belia dan pengurangan migrasi keluar dengan pendekatan TUNS, TUNS Plus dan bantuan mikro ini, membantu belia memulakan serta mengekalkan perniagaan tanpa beban hutang yang besar. Ini meningkatkan kebergantungan belia pada ekonomi

negeri sendiri dan mengurangkan keperluan berhijrah ke negeri lain. Manakala yang kedua, peluang kerjaya bernilai tinggi dalam negeri lalui NEST seperti yang saya disebutkan tadi, latihan industri, belia memperoleh kemahiran industri terkini dan akses kepada peluang pekerjaan yang berkualiti dalam negeri kita. Ini menyokong ekosistem bakat tempatan serta keyakinan pelabur terhadap keupayaan modal insan Negeri Sembilan.

Manakala dari segi pengukuhan organisasi belia dan kepimpinan akar umbi pula, dengan dana yang kita salurkan pada persatuan, banyak program-program berbentuk sahsiahnya kesukarelawannya, kepimpinannya dapat dijalankan secara konsisten. Belia kini bukan sahaja peserta tapi turut menjadi penganjur, fasilitator dan pemimpin dalam masyarakat. Keempat peningkatan kebolehpasaran dan modal insan negeri. Program kemahiran latihan industri dan pembangunan kepimpinan telah melonjakkan kompetensi belia dalam bidang teknikal, pengurusan dan keusahawanan. Manakala belia hari ini boleh menyumbang balik kepada kerajaan negeri. Inilah yang kita mahukan. Belia kini menyumbang idea, kepimpinan dan buah fikiran dalam pembangunan dasar serta aktiviti dalam masyarakat. Kerajaan negeri yakin bahawa belia Negeri Sembilan adalah penggerak utama masa depan. Melalui program TUNS, TUNS Plus, MyLead, NEST dan bantuan pembangunan peringkat akar umbi ini, kita sedang membina generasi muda yang berdaya tahan, yang berkemahiran dan mampu memacu pembangunan negeri yang kita cintai. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Bagan Pinang.

YB ADUN Bagan Pinang: Assalamualaikum, terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, saya memilih soalan, memilih soalan nombor satu.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan pelaksanaan anjing liar. Dasar kawalan anjing liar yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh semua pihak berkuasa tempatan di Negeri Sembilan. Fokus utama pelaksanaan dasar ini adalah untuk kita mengawal dan juga mengurangkan populasi terbiar, anjing terbiar, demi menjaga keselamatan awam, kebersihan persekitaran dan juga kesejahteraan komuniti. Selaras dengan dasar ini, PBT melaksanakan operasi tangkapan secara berkala dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Pertubuhan Kebajikan Haiwan. Sehingga Oktober 2025, jumlah tangkapan yang telahpun direkodkan adalah seperti berikut. Majlis Bandar Seremban jumlah tangkapannya adalah 1,372, MPPD 161, Majlis Perbandaran Jempol 233 Majlis Daerah Tampin 379, Majlis Daerah Kuala Pilah 70, Majlis Daerah Jelebu 43. Secara keseluruhannya adalah lebih 2,258. Secara keseluruhan, pelaksanaan operasi ini telahpun menunjukkan keberkesanan antaranya pengurangan aduan awam berkaitan dengan gangguan anjing terbiar di beberapa kawasan. Tetapi kita masih mengaku

bahawa di beberapa tempat memang masih ada isu ini dan kita akan cuba untuk melaksanakan tangkapan ini dengan sebaik mungkin.

Selain itu, PBT juga turut melaksanakan kaedah *trap neuter rehome* ataupun *manage* sebagai pendekatan pelengkap dalam pengurusan anjing terbiar. Pihak majlis telah melaksanakan program TNRM secara berperingkat melalui proses menangkap, mengkembiri, menempat semula anjing di pusat perlindungan serta pengurusan berterusan. Anjing-anjing yang ditangkap ini tidak dibiarkan di, tidak dilepaskan di luar tetapi kita ada beberapa tempat yang dijadikan sebagai tempat penyimpanan anjing liar ini untuk anjing-anjing yang ditangkap disimpan di kawasan tersebut. Pendekatan ini turut membantu untuk kita menstabilkan populasi anjing terbiar dan juga mengurangkan gangguan awam di beberapa kawasan tumpuan dalam bandar. Terima kasih.

YB ADUN Jeram Padang: Soalan tambahan, boleh? Bagan Pinang dulu, Bagan Pinang dulu.

YB ADUN Bagan Pinang: Adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan untuk melaksanakan projek pelupusan anjing-anjing tersebut? Perlu tambah peruntukan atau tidak? Terima kasih. Adakah kerajaan bersedia untuk menambahkan peruntukan bagi melaksanakan projek ini agar lebih berkesan? Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Ya, Kita di peringkat PBT di peringkat pihak berkuasa tempatan memang setiap pihak berkuasa tempatan telah pun menyediakan sejumlah peruntukan untuk tujuan ini dan kita tahu ini adalah melibatkan isu sensitif dan juga mengambil kira beberapa faktor dan saya juga telah pun meminta supaya beberapa peruntukan tambahan perlu disediakan di beberapa kawasan supaya isu ini dapat diselesaikan dan juga dengan kerjasama beberapa pihak NGO supaya isu ini kita dapat diselesaikan dengan lebih baiklah.

YB ADUN Jeram Padang: Soalan tambahan? apa ni, Yang Dipertua, di kawasan saya ni di kampung orang asli ni mungkin bukan di bawah kawasan PBT lah tapi dia ada buat tempat perlindungan ataupun tempat pengumpulan anjing liar yang ditaja oleh NGO yang tidak bertanggungjawab. Adakah pihak PBT memberi kebenaran kepada mereka sebab sebelum ni dia buat di tepi jalan. Saya pun telah arahkan pejabat daerah untuk merobohkan. Akhirnya barang yang diambil yang diroboh itu dipindah pulak ke kampung orang asli. Saya minta tak tahulah sama ada PBT ataupun JAKOA ataupun Pejabat Daerah. Aduan ni telah saya dapat banyak kali dikalangan masyarakat orang asli. Saya harap benda ini dapat dirobohkanlah sebab dia akan memudaratkan keselamatan anak-anak dan kesihatan di sekitar Kampung

Orang Asli Kelebang ini. Saya harap tidak dapat diteruskanlah jangan dibuatlah.

YB ADUN Nilai: Isu ini saya juga telah dimaklumkan tapi kawasan itu adalah di luar kawasan PBT tetapi yang saya dimaklumkan bahawa ada juga penduduk sana sebilanganlah yang pada awalnya mereka yang kumpulkan anjing dekat kawasan kampung asli dekat sana. Selepas itu bila satu tempat yang lagi satu yang mereka buat itu tidak dapat mereka pindahkan ke sana tetapi saya dimaklumkan JAKOA pun tidak memberikan apa-apa kebenaran lah kepada mereka untuk sebab itu adalah tanah di kawasan perkampungan orang asli lah ok?

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, oleh kerana ni soalan ni berkaitan dengan… aaa?

YB ADUN Paroi: Saya dulu tadi, saya dulu, Dato' lambat…

YB ADUN Pertang: Bertenang-bertenang, Paroi ni cepat sangat nak naik darah, sabar, ni hari hari Khamis ni relek sikit. ni berkaitan dengan pusat pembela pembelaan bukan pembelaan pembelaan anjing liar ni. Walaupun kampung orang asli ni bukan kawasan PBT Dato' Yang Dipertua ya tapi saya juga ada menerima laporan dan saya dah minta supaya pihak JAKOA untuk teliti perkara ni bersama dengan Yang Berhormat ADUN Jeram Padang dan tentunya kawasan perkampungan orang asli tidak dibenarkan sebarang kawasan untuk dibuat kawasan bela anjing liar dan sebagainya, tak dibenarkan sama sekali. Dan kalau ini didapati berlaku lagi di kampung apa kita akan jalankan penguatkuasaan supaya *operator* ini kena kosongkan kawasan ni ataupun berhadapan dengan tindakan penguatkuasaan dan undang-undang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB ADUN Paroi: Terima kasih Dato'. Sedikit persoalan anjing dan pelupusan ini dalam soalan sayalah boleh atau tidak orang awam ataupun sukarelawan untuk menghapuskan anjing di kawasan-kawasan yang memerlukan, yang memerlukan tindakan segera. Ini melibatkan keselamatan. Kalau kita tengok di kawasan saya di Paroi, sama dengan kawasan Yang Dipertua ni sebenarnya yang menjaga. Laporan anjing nak katakan tiap-tiap hari, semalam daripada Taman Tuanku Jaafar, Masjid. Anjing ada kesan tapak masuk dalam Masjid ini daripada SU surau, Masjid beritahu. Dan isu ini saya nampak dah berpanjangan.

YB Yang Dipertua Dewan: YB Paroi…

YB ADUN Paroi: Soalan saya Tindakan…

YB Yang Dipertua Dewan: YB Paroi bertanyalah apa ni bagi pihak YB Paroi.

YB ADUN Paroi: Ok, ok…

YB Yang Dipertua Dewan: Jangan sebut Yang Dipertua tak ada apa-apa sini. Dia mempengerusi je…

YB ADUN PaROI: Tapi jaga juga kawasan-kawasan saya tu sebagai Penyelaras DUN Paroi. Sama-sama. Dia punya…

YB Yang Dipertua Dewan: Saya di sini *Speaker*.

YB ADUN Paroi: Peruntukan pun banyak ….

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Paroi.

YB ADUN Paroi: ya…ya…ya…ya….

YB Yang Dipertua Dewan: Duduk sekejap Yang Berhormat Paroi, duduk sekejap.

YB ADUN Paroi: ok saya duduk.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya nak jelaskan sini saya duduk sini sebagai speaker. Penyelaras ke ADUN angkat ke di luar sana. Jadi Yang Berhormat kalau nak cakap bagi pihak Yang Berhormat je. Jangan sebut nama orang lain. Ok sambung lagi. Dan saya nak ingat lagi satu eh, benda ni satu soalan tadi semua ada isu kat sini, anjing ni, tapi janganlah semua gunakan satu soalan sebagai soalan tambahan bagi semua. Saya benarkan satu je lagi.

YB ADUN Paroi: Soalan pertama kebanyakan yang bertindak kesian, Majlis Bandaraya Seremban. Benda ni dah berturutan berapa tahun kita tak boleh membuat keputusan tentang anjing. Kita ada masa haritu kita dah buat keputusan bersama boleh dilupuskan di kawasan-kawasan Melayu. Keputusan dalam Dewan ni. Dan sekarang ni dah 6 bulan anjing banyak lagi. Dan semalam dapat laporan daripada Masjid Taman Tuanku Jaafar, anjing masuk ini ada tapak dia. Dan gigitan dan juga ancaman kepada penduduk berkenaan keselamatan ni cukup banyak. Oleh demikian saya minta lah Majlis Bandaraya Seremban kita ada 1,372 telah ditangkap, dan saya tak tahu ditangkap ni dilupuskan ke ataupun diletakkan di kawasan-kawasan lain. Itu soalan saya lah.

YB ADUN Seremban Jaya: Dato' *Speaker* minta sikit satu. Ok, tada, tada tada, pasallah satu pasal ADUN saya sorang tanya Dato' *Speaker*. Ini ADUN Paroi dia cakap hapuskan atau kasi mati, janganlah ini masalah sensitif dulu pun 6 bulan dulu sudah banyak besar masalah…

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, minta apa ni minta EXCO jawab,

YB ADUN Seremban Jaya: minta laluan, saya minta EXCO banyak tempat di PBT …

YB Yang Dipertua Dewan: Ya betul Yang Berhormat, *so* mintak….

YB ADUN Seremban Jaya: tolong tangkap, kasi masuk, kandang jangan kasi hapus, mati ok terima kasih

YB Yang Dipertua Dewan: ok cukup, cukup….duduk

YB ADUN Paroi: Saya… tidak bersetuju..

YB Yang Dipertua Dewan: Duduk.. EXCO je, sekarang duduk semua.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan tadi nak bunuh sendiri, saya ingat itu adalah cadangan itu adalah sesuatu yang tidak sah, kerana itu adalah sebagai satu kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015. Itu sendirilah, saya ingat tidak perlu dilaksanakan. tetapi di beberapa tempat, kita memang ada mengambil tindakan. Sebab itu kita juga cuba mewujudkan beberapa tempat tempat apa ni penyimpanan anjing liar ini dan di beberapa kawasan di kawasan yang tidak ada masalah, tidak ada gangguan, tidak ada apa-apa aduan, kita telah pun wujudkan 2 ataupun 3 tempat yang baru di Mantin dan juga di satu lagi tempat di taman di kawasan Kuala Sawah, untuk kita wujudkan tempat ni dan anjing-anjing ni kita akan hantar ke sana. Itu yang kita sedang laksanakan dan beberapa kawasan tertentu seperti mana yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat Paroi, kita akan ambil tindakan segeralah supaya ada aduan, kita akan cuba kita ambil selesai dan beberapa tempat ni kita cuba selesaikan supaya isu ni kita selesaikan, kita pun faham ada beberapa isu yang perlu kita selesaikan, isu beberapa isulah kita cuba selesaikan dengan sebaik mungkin saya.

YB ADUN Paroi: aaa….boleh saya…

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Temiang.

YB ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, saya kemukakan soalan pertama.

YB ADUN Repah: Terima kasih Dato *Speaker*, terima kasih juga kepada ADUN Temiang yang bertanyakan soalan nombor 1 berkaitan dengan TUNS PLUS. Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini TUNS PLUS merupakan satu inisiatif kerajaan negeri yang kita telah mulakan beberapa tahun yang lepas dan jumlah di bawah TUNS PLUS ni adalah RM15,000 tanpa

faedah yang kena dibayar balik oleh penerima pinjaman TUNS PLUS dan kalau kita ikutkan sehingga 24 Oktober 2025 jumlah nilai yang belum bayar dari peminjam Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan TUNS PLUS adalah sebanyak RM3,272,249.57 ia melibatkan seramai 576 orang peminjam TUNS PLUS daripada keseluruhan pemohon 650 orang peminjam yang mempunyai tunggakan dan tidak mengemukakan bayaran balik pinjaman tersebut. Seramai 127 orang peminjam telah ditamatkan perjanjian dan perlu mengemukakan keseluruh pinjaman tersebut. Untuk makluman yang Dewan Yang Mulia juga dan kita telah menyenarai hitam penerima-penerima tertentu yang masih belum membayar balik pinjaman tersebut. Pinjaman ini merupakan satu pinjaman yang tak banyak bayaran ansuran balik, jumlah pinjamannya adalah RM15,000 tanpa faedah, jadi kalau kita ikutkan trend dia sikap peminjam ni dah pinjam tak nak bayar balik. Jadi sebab itu kita rehatkan TUNS PLUS bagi membolehkan kita mendapatkan semula pinjaman yang telah diberikan kepada penerima-penerima tersebut dan kita sedang usaha untuk menuntut balik melalui tuntutan surat daripada peguam dan juga kita senarai hitamkan mereka-mereka yang enggan bayar. Saya tengok *trend* dia, kalau kita dah hantar surat nak *blacklist,* baru nak bayar. Sebenarnya mereka ada kapasiti untuk bayar balik, tapi sikap mereka yang tidak endah berkenaan dengan pembayaran balik, itu sebabnya kita rehatkan TUNS PLUS ni untuk sementara waktu. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Johol.

YB ADUN Johol: Terima kasih Dato' *Speaker*. Saya soalan nombor satu.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Johol yang bertanyakan tentang apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk memastikan tempat-tempat pelancongan dan kawasan-kawasan yang berpotensi dapat berdaya saing, terutama dari segi kemudahan asas. Selama saya dilantik jadi EXCO Pelancongan Kebudayaan dan Kesenian 2 tahun 3 bulan lebih saya mendapati bahawa *basic* keperluan, keperluan asas untuk sesuatu pusat pelancongan adalah nombor satu, *connectivity* ketersambungan. Nombor dua adalah dari segi informasi, iaitu *tourism information center*. Nombor tiga adalah dari segi kebersihan kemudahan awam, *so* kerajaan Negeri Sembilan telah merangka dan melaksanakan beberapa langkah strategik bagi menambah baik infrastruktur pelancongan di seluruh negeri, diantaranya dengan meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas di destinasi utama seperti Pantai Teluk Kemang dan Taman Eco Rimba Ulu Bendul, menaik taraf tandas, surau, tempat letak kereta, papan tanda mesra pelancong serta penyelenggaraan berkala. Selain itu tapak pelancongan seperti kompleks sejarah, taman rekreasi dan kawasan pantai turut diselenggara dengan R&R Seremban berperanan sebagai *gateway* promosi produk pelancongan tempatan. Usaha penambahbaikan fasiliti sokongan juga dilaksanakan bagi memastikan papan

tanda lebih jelas dan surau lebih selesa, memudahkan pelancong tempatan dan antarabangsa termasuk pelancong muslim. Bagi memanfaatkan teknologi pusat maklumat pelancong dan inisiatif digital seperti *Tourism Information Center* dengan izin, *Code QR Interactive*, papan tanda *Fun Map* dan portal pelancongan diperkenalkan bagi pengalaman pelancongan yang lebih efisien dan interaktif. Di samping itu, kerajaan negeri melaksanakan pembangunan pelancongan bersepadu dan lestari melalui projek berimpak tinggi seperti Arena Seremban dan *Port Dickson Waterfront*. Baru-baru ini ada majlis pecah tanah untuk Seremban Sentral dimana ia adalah satu *transit orientated development* dengan izin yang menerapkan ketersembungan informasi yang saya sebut tadi. Saya harap ini juga dapat disambungkan dengan juga Hotel Aloft yang akan berada di Terminal 1. Kesemua ini boleh dijadikan satu pembangunan pelancongan bersepadu dan lestari dengan menekankan keseimbangan antara kemajuan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti memastikan sektor pelancongan negeri berkembang secara mampan dan inklusif. Kesimpulannya kerajaan Negeri Sembilan *committed* dengan memperkukuhkan prasarana serta kemudahan pelancongan bagi memastikan sektor pelancongan negeri terus berdaya saing mampan dan berkualiti tinggi. Pendekatan bersepadu ini dijangka mampu memberikan pengalaman terbaik kepada setiap pelawat serta memperkukuh imej Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan utama menjelang Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Terima kasih.

YB ADUN Johol: Soalan tambahan Dato' *Speaker*, saya ucapkan terima kasih atas penerangan ataupun maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Exco berkaitan dengan kemudahan asas sepertimana soalan saya ya. Apa yang dimaklumkan tadi memang banyak kemudahan-kemudahan yang telah dirancang oleh pihak EXCO Kerajaan Negeri. Tapi apa yang bagi saya sedikit mendukacitakan ialah mungkin perkara ini tidak berlaku di tempat saya di Johol iaitu kawasan-kawasan pelancongan seperti di Air Terjun Batu Maloi dan kawasan-kawasan lain ya, kawasan *healing* yang mungkin kepada mereka kemudahan asas yang kita perlukan ialah seperti jalan masuk yang baik atau tandas atau gazebo, surau dan sebagainya. Jadi saya amat berharap perkara ini dapat dipertingkatkan kerana apa yang saya lihat juga dari segi pengurusan program, program ini juga perlu diperkembangkan, dikembangkan ke kawasan-kawasan kecil kawasan-kawasan saya ini supaya kita tidak hanya tertumpu kepada kawasan yang memang dah terkenal, tetapi kita lebih asasnya nak memperkenalkan kawasan-kawasan lain dan saya juga ingin menarik perhatian YB EXCO, berkaitan dengan satu pusat pelancongan di Johol iaitu di Batu Maloi, di Air Terjun Batu Maloi, Gua Batu Maloi sedikit saya mengucapkan terima kasih kerana saya lihat inisiatif Jabatan Hutan membina tempat apa dia dipanggil tempat berehat tempat kalau ada program dan sebagainya tapi sedikit yang saya rasa perlu penambahbaikkan di samping kita menyediakan kemudahan itu janganlah kita rosakkan ataupun janganlah kita jadikan struktur baru yang ada dalam kawasan itu

orang kata itu tak *match* lah *esthetic value-nya* dalam kawasan hutan, kita buat bangunan yang *concrete jungle* ke dalam hutan, jadi biarlah *design* itu cantik kalau kawasan itu *healing* buatlah kawasan-kawasan yang yang seolah-olah reka bentuknya menyamai alam semula jadi itu. Tiba-tiba dalam tengah hutan ada satu bangunan struktur yang orang kata itu kalau dari segi pandangan orang memang ada kemudahan tetapi dari segi pandangan itu bagi saya tidak sesuai. Jadi saya harap YB EXCO dapat memberikan pandangan juga kepada jabatan-jabatan yang terlibat seperti Jabatan Hutan, supaya kawasan pelancongan kita ini kita tunjukkan identiti kita itu, kalau hutan identiti bagaimana identiti dalam kawasan hutan dan sebagainya, terima kasih.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Johol atas soalan tambahan memang sangat bagus cadangan yang diutarakan. Saya rasa Johol jikalau secara tersendiri ada Gua Batu Maloi di mana saya pergi merata dunia untuk misi jualan, saya memang mengatakan bahawa Gua Batu Maloi adalah gua yang paling panjang, gua Batu *Granite* yang paling panjang di Malaysia 2.8 km dan ada orang kata Gua Niah lebih panjang ya, Gua Niah itu Batu Kapur ini Gua Batu Maloi, Batu *Granite,* memang dapat anugerah gua Batu *Granite* yang paling panjang di Malaysia, 2.8 km. Cuma sekarang kita kena usahakan supaya Gua Batu Maloi ini dimasukkan dalam ekosistem pelancongan yang merangkumi luak-luak di Gunung Pasir, Ulu Muar, Seri Menanti dan Terachi, Inas, dan Jempol. Saya sudah cadangkan semalam dimana kita boleh tinggal di resort atau *homestay* di Seri Menanti dan juga pergi menikmati pemandangan sawah padi di Terachi, makan di kedai Kak Ain dan juga pergi menikmati pengalaman masak kari kepala kambing di Gunung Pasir dan pergi ke tempat gula enau mereka membuat memproses gula enau dan juga pergi ke Istana Seri Menanti. Saya harap kita dapat membina satu ekosistem dimana kita juga dapat menerapkan yang tadi saya kata ketersambungan. Ada perancangan supaya adakan JPKK menggunakan ATV mereka untuk membawa pelancong-pelancong ke tempat ini. Dan saya rasa satu lagi produk yang sangat ikonik di Johol adalah stesen minyak paling kecil di Malaysia. Semua ini saya harap kita dapat masukkan ke dalam itinerari dan saya menyambut baik cadangan YB Johol untuk kita memajukan produk ini terima kasih.

YB ADUN Lenggeng: Soalan tambahan Dato' *Speaker*. YB Exco, saya nak bagi sedikit maklumat. Di Lenggeng ada kita lancarkan larian denai Lenggeng. Maksudnya larian denai ni kita lari masuk ke kampung orang asli, kita lihat air terjun, perkampungan-perkampungan dan sebagainya, jadi kita dah mulakan pada tahun 2024 dan pada tahun 2024 kita mendapat peserta sebanyak 493 peserta daripada 13 buah negara pada tahun 2024. Pada tahun 2025 baru-baru ni pada bulan Disember, tarian denai Lenggeng ni, tarian pulak, larian denai Lenggeng ni diteruskan kerana mendapat sambutan baik, Kali ni peserta datang daripada 23 buah negara dan hampir 715 peserta. *So*

larian ni ada, tepuk-tepuk, kuat-kuat sikit tepuk. *so* larian ni 30km, 5km 50km, jadi banyak sambutan yang dapat, jadi secara tidak langsung, dia mempromosi Negeri Sembilan lah mempromosi negara kita sebagai destinasi pelancong. Jadi dan setelah kita buat pada tahun 2025 ni acara ni telah dimasukkan dalam kalender *Asia Trail Master*, *so* maksudnya dia akan jadi bila orang Asia ni dia akan jadikan ni salah satu destinasi pilihan. Jadi soalan saya adalah, adakah YB EXCO bersetuju untuk jadikan acara larian Lenggeng Desa ni sebagai acara salah satu acara yang mampu menjadi daya tarikan pelancong untuk tahun 2026, terima kasih.

YB ADUN Kepayang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggeng atas soalan tambahan atau informasi tambahan, saya setelah dengar saya cukup tertarik dan saya terus kata setuju untuk masuk ke dalam *kalender of event*. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Mambau.

YB ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, Mambau kemukakan soalan nombor satu, terima kasih.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih ADUN Mambau. Mengenai status projek *Malaysian Vision Valley 2.0*, sila senaraikan status pembangunan pihak kerajaan Negeri Sembilan dalam *Malaysian Vision Valley 2.0* termasuk kawasan pembangunan atau pelan yang telah dibangunkan dan juga kawasan yang akan dibangunkan pada tahun 2025 ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, *Malaysian Vision Valley 2.0* ataupun MVV 2.0 merupakan koridor pembangunan strategik kerajaan Negeri Sembilan yang meliputi kawasan di daerah Seremban dan Port Dickson. Inisiatif ini dirangka untuk menjadi pemangkin utama pembangunan ekonomi wilayah tengah sejajar dengan aspirasi rancangan fizikal negara ke-4 serta rancangan struktur Negeri Sembilan 2045. Cadangan pelan konsep pembangunan projek *heartbeat* MVV 2.0 telah diperakukan secara dasar oleh Majlis Perancang Fizikal Negara MPFN menerusi Mesyuarat MPFN ke-47 Bilangan 1/2025 yang bersidang pada 24 April 2025 selepas dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancang Negeri JPN Bilangan 1/2025 pada 13 Januari 2025. Pelaksanaan MVV yang disusun di bawah rangka *Heartbeat Project* seperti mana pertimbangan MPFN merangkumi 5 kawasan pembangunan utama iaitu Parcel A melibatkan *Tech Park Parcel B Smart County Parcel C Integrated Industrial Hub Parcel D NS Semiconductor Valley dan Parcel E Port Dickson Free Zone serta AI Smart Container Port.* Setiap Parcel ini dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2045 berasaskan prinsip pembangunan mampan teknologi pintar senergi antara sektor serta keseimbangan sosioekonomi. Wilayah Parcel A terletak di Mukim Setul dan Labu, daerah Seremban dengan keluasan lebih kurang 2,800 ekar milik Sime

Darby Property. Kawasan ini berperanan sebagai pusat perindustruan berteknologi tinggi yang menempatkan sektor aeroangkasa, bioteknologi dan hub halal. Pembangunan ini diluluskan oleh MPFN pada 18 April 2019 dan *Hamilton City* kini berada dalam fasa pembinaan oleh Sime Darby Property. *Hamilton City* juga berfungsi sebagai pintu masuk utama Kedua MVV 2.0 ke arah utara serta menyokong ekosistem pelaburan serantau dengan hubungan langsung ke KLIA Agropolis Aeropolis. *Parcel B Smart County*. Parcel B dikenali sebagai *Smart County* berkeluasan lebih kurang 8,746 ekar Mukim Labu Seremban. Ia merupakan kawasan bandar baru yang menjadi nadi utama pembangunan MVV 2.0, menggabungkan komponen perindustrian, perumahan, komersial serta institusi pendidikan. Pembangunan ini dilaksanakan oleh beberapa rakan strategi utama antaranya Sime Darby Property, Mega Sedaya Sendirian Berhad, NS Smart Park Sendirian Berhad dan Negeri Sembilan Matrix Development. Kawasan Perindustrian MVV City dan *Vision Business Park* yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang dan sekaligus telah dilancarkan. Setakat tahun 2025 ini ia akan dibangunkan sebagai hub perindustrian berteknologi tinggi dan perniagaan yang dijangka menjadi antara pemangkin utama kepada transformasi ekonomi Negeri Sembilan. Bagi *Parcel C, Integrated Industrial Hub*, Parcel C terletak di Mukim Jimah, daerah Port Dickson dengan keluasan keseluruhannya 15,000 ekar. Kawasan ini memberi tumpuan kepada pembangunan industry aeroangkasa, logistik, bioteknologi, elektrik dan elektronik tenaga boleh diperbaharui serta industri halal.

Projek pertama dilancarkan pada *Parcel C ialah Eco Business* Park 7 pada 11 November 2025 lalu. Projek ini adalah hasil kerjasama Perbadanan Negeri Sembilan, Eco World, Development Group Berhad dan SD Guthrie Berhad. Parcel C juga berperanan penting menghubungkan ekosistem perindustrian antara Negeri Sembilan dan Selangor serta menerima limpahan ekonomi daripada KLIA, Aeropolis dan Wilayah Putrajaya. Bagi *Parcel D, NS Semiconductor Valley. Parcel D Semiconductor Valley* terletak di Mukim Senawang Seremban dengan keluasan lebih kurang 799.4 ekar. Pembangunan ini telah mendapat kelulusan kebenaran merancang bagi pembangunan kawasan perindustrian yang sedang giat membangunkan kawasan kerja-kerja infrastruktur utama yang dijangka akan selesai menjelang tahun 2027.

NSB dirancang sebagai zon industri berimpak tinggi yang berfokus kepada industri semikonduktor dan industri berteknologi tinggi. Setakat ini tiga syarikat pelaburan antarabangsa telah menunjukkan minat untuk memperluaskan fasiliti mereka di kawasan ini dengan jumlah keluasan 262 ekar. Pembangunan ini jangka menjadi pemangkin kepada ekosistem semikonduktor Negeri Sembilan seiring aspirasi kerajaan negeri untuk menjadikan sektor teknologi tinggi sebagai pemacu ekonomi baru.

Bagi *Parcel E Port Dickson Free Zone dan AI Smart Container Port, Parcel E* pula dirancang di Mukim Pasir Panjang Port Dickson dengan keluasan 2,000 ekar yang merangkumi *Port Dickson Free Zone* dan *AI Smart Container Port* dibangunkan bagi kerjasama strategik antara SD Guthrie Berhad dan Tanco Holding Berhad. Projek ini memberi tumpuan kepada pembangunan hub logistik dan pengedaran serantau yang mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan AI dengan pengurusan kargo dan *container.* Apabila siap kelak ia bakal menjadi pemacu utama bagi aktiviti perdagangan dan logistik bagi menyokong industri MVV 2.0 dan wilayah tengah secara keseluruhan.

Selain itu, MVV 2.0 turut menjadi komponen utama dalam kluster industri wilayah tengah. Kluster ini memberi tumpuan kepada penyelarasan pembangunan industri berimpak tinggi di Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Melaka bagi memperkukuh jaringan pelaburan strategik negara. Bagi memastikan semua pembangunan dapat dilaksanakan dengan lancar, kerajaan negeri turut memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur pemangkin seperti jalan baru Nilai Labu Enstek NLE, kedua peningkatan kapasiti utiliti asas termasuk air, elektrik dan telekomunikasi, serta yang ketiga cadangan jaringan jalan baru bagi memperkukuh hubungan antara kawasan pembangunan MVV dengan wilayah tengah. Secara keseluruhannya, Dato' Yang Dipertua, Pembangunan *Malaysian Vision Valley 2.0* berada di fasa pelaksanaan aktif selaras dengan perakuan MPFN pada 24 April 2025 dan pengiktirafan sebagai komponen utama kluster industri wilayah tengah yang telah dirasmikan pada 11 November 2025. Dengan pelaksanaan projek utama yang saya sebutkan tadi meliputi *Tech Park, Smart County, Integrated Industrial Hub, NS Semiconductor Valley* dan *Port Dickson Free Zone MVV 2.0* diyakini akan menjadi pemacu utama pembangunan ekonomi Negeri Sembilan serta menyumbang kepada pertumbuhan mampan dan seimbang di wilayah tengah Malaysia Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Seri Menanti.

YB ADUN Seri Menanti: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, jalan-jalan ke Lahad Datu, soalan saya nombor 1.

YB ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya baru balik daripada Lahad Datu, sekarang saya jawab nombor 1. Dato' Yang Dipertua, Terima kasih kepada DUN Seri Menanti yang bertanyakan soal yang berkaitan dengan peruntukan Pelan Pembangunan Luar Bandar 2026-2045. Dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar yang lebih mampan dan berteraskan kemakmuran dan ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat luar bandar, kerajaan Negeri Sembilan melalui UPEN sedang merangka Pelan Pembangunan Khusus yang dinamakan sebagai Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan Darul Khusus 2026-2045. Pelan ini juga dirangka selari dengan bidang fokus dan strategi yang terdapat dalam RPNS 2021-

2025 dan RMK ke-13. Justeru bagi merealisasikan kajian ini sebanyak RM400,000 telah pun diperuntukkan bagi pembangunan pelan ini.

Soalannya Dato' Yang Dipertua, untuk maklumat Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2026-2045 ni adalah dokumen perancangan pembangunan khusus di kawasan luar bandar bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang sehingga tahun 2045 tanpa melibatkan sebarang projek fizikal. Skop utama penyediaan pelan ini adalah pertama kajian semula terhadap tahap relevan inisiatif dan *flagship* yang terdapat dalam pelan 2019-2040 yang kedua mengenalpasti isu dan cabaran utama semasa dan yang dihadapi. Ketiga, pemetaan bidang tumpuan dan strategi berdasarkan input hasil dapatan kajian dan dokumen pembangunan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri. Keempat, pemadanan inisiatif dan jawatankuasa bertindak. Kelima, sesi libat urus dengan pemegang taruh dan agensi pelaksana dan yang akhir sekali adalah penyediaan ringkasan eksekutif, pelan induk dan juga pelan Tindakan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kajian pelan pembangunan luar bandar masih di peringkat memuktamadkan terma rujukan dan dimulakan oleh perunding pada 15 November tahun 2025. Peruntukan sebanyak RM400,000 seperti yang telah saya sebut akan dibelanjakan untuk kajian awal dan proses dokumentasi bagi semua kajian yang terlibat. Dalam skop kajian ini, ia turut melibatkan pelbagai sesi libat urus, yakni fokus *group* daerah dan juga yang lain-lain bagi mengenalpasti cadangan projek dan program yang sesuai selari dengan pelan hala tuju luar bandar Negeri Sembilan Terima kasih Datuk *Speaker*.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Gemas.

YB ADUN Gemas: Terima kasih Tuan *Speaker*, Gemas mohon tarik balik soalan ni kerana petang semalam pihak berkuasa telah membersihkan kawasan ini, walaupun saya telah membuat laporan dalam Sistem SISPAA pada bulan lima yang lepas, semalam dibersihkan. Terima kasih.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, saya sebagai tambahan sedikit, di tempat itu juga SWCorp telah pun memasang CCTV di kawasan tersebut untuk pemantauan supaya isu pembuangan sampah daripada kawasan di situ tidak dibuat lagilah.

YB ADUN Gemas: Terima kasih Tuan EXCO.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Rahang.

YB ADUN Rahang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan saya nombor satu.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan Seremban Sentral, apakah pelan pengindahan semula kawasan berhampiran Seremban Sentral? Majlis Bandaraya Seremban telah pun mensyaratkan kepada pemaju untuk mengemukakan kelulusan pelan landskap sebagai satu syarat kelulusan pembangunan di kawasan tersebut. Pihak pemaju dikendaki untuk mematuhi semua ulasan-ulasan berkaitan dengan landskap di kawasan tersebut selaras dengan garis panduan pembangunan landskap Majlis Bandaraya Seremban. Dan selain daripada itu, kita juga telah pun mengadakan perjumpaan dengan kumpulan Sunway, mereka juga bersetuju untuk melaksanakan beberapa CSR untuk landskap di kawasan berhampiran dengan pembangunan Seremban Sentral ini. Selain daripada itu, kerja-kerja pengindahan lampu hiasan di jalan-jalan utama, di pusat bandar juga telah dimasukkan ke dalam perancangan pada tahun 2026. Dan selain daripada itu, pada tahun ini juga banyak lampu-lampu telah pun dipasang khususnya di pusat bandar Seremban dan sedang dipasang di kawasan Taman Tasik ataupun Lake Garden dan juga beberapa kerja-kerja pengindahan dan baru-baru ini semua pokok sepanjang jalan Sungai Ujong juga telah pun dipasang dengan lampu-lampu yang berwarna-warni supaya ia juga dapat mengindahkan lagi kawasan pusat bandar Seremban ini dan tindakan awal melibatkan pemeriksaan keadaan infrastruktur di bawah selian MBS di sekitar kawasan Seremban Sentral juga akan dijalankan bagi mengenalpasti keperluan pembaikan dan juga kerja-kerja penyelenggaran berkala akan terus dilaksanakan bagi memastikan kawasan sekitar berada dalam keadaan baik termasuk pusat bandar Seremban. Terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Chuah.

YB ADUN Chuah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih ADUN Chuah. Soalan ADUN Chuah adalah dalam Belanjawan 2023-2024 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan untuk kedua-dua laluan itu mengurangkan bagi mengurangkan kesesakan jalan Sepang-Lukut dan Lukut-Linggi. Mohon menyatakan apakah status kemajuan kedua-dua projek sehingga kini dan sebarang permasalahan bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Dato' Yang Dipertua, status semasa projek pembinaan jalan dan jambatan Sungai Sepang yang menghubungkan Bukit Pelanduk dan Port Dickson Negeri Sembilan dengan Sungai Pelik Sepang kini berada dalam peringkat perolehan. Projek tersebut telah diiklankan pada 3 Julai 2025 dan dijangka surat setuju terima SST akan dikeluarkan pada Disember 2025 ini. Manakala bagi projek membina jambatan baru dan jalan tuju Kuala Lukut ke Chuah Daerah Port Dickson Negeri Sembilan juga berada dalam peringkat perolehan. Dijangka

siap, dijangka surat setuju terima akan dikeluarkan pada April 2026. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput Yang Berhormat Gemencheh.

YB ADUN Gemencheh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Gemencheh soalan nombor 1.

YAB ADUN Sikamat: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sekali lagi DUN Gemencheh paip lama paip lama-lama mohon pihak SAINS mengkaji berapakah panjang keseluruhan sistem paip air di dalam DUN Gemencheh yang dikenalpasti perlu diganti segera dan nyatakan kawasan terlibat serta apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan air yang sering terputus akibat paip air lama selalu pecah. Dato' Yang Dipertua, pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh pihak SAINS adalah melaksanakan projek penggantian paip lama melalui peruntukan SAINS, Pengurusan Aset Air Berhad, PAAB dan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi PETRA secara berperingkat mengikut keutamaan. Terdapat satu projek melalui peruntukan PAAB dimana kemajuan terkini adalah dalam proses reka bentuk dan juru perunding. Senarai projek adalah seperti berikut; penggantian paip jenis asbestos simen AC bersaiz 300mm kepada paip *mild steel* bersaiz 300mm sepanjang 10.5km dari kolam Imbangan Dangi ke kolam Ulu Rokan. Terdapat 8 projek melalui peruntukan PETRA dan kelulusan peruntukan telah diperoleh dalam makmal penilaian nilai VA. Senarai projek adalah seperti berikut; Pertama penggantian paip jenis AC bersaiz 100mm kepada paip *mild steel* bersaiz 100mm sepanjang 2.2km di Kampung Paya Lebar, Gemencheh. Kedua penggantian paip jenis AC bersaiz 150mm kepada paip *mild steel* bersaiz 200mm sepanjang 800m bagi jajaran memasukkan kolam di Felda Bukit Rokan, Gemencheh. Ketiga penggantian paip jenis AC bersaiz 300mm kepada paip *mild steel* bersaiz 300mm sepanjang 10.5km dari kolam Imbangan Dangi ke kolam Ulu Rokan, Gemencheh. Keempat penggantian paip AC bersaiz 200mm kepada paip *mild steel* bersaiz 200m sepanjang 3.4km dari Dewan Gemencheh ke Kuari Gemencheh. Kelima penggantian paip jenis AC bersaiz 100mm kepada paip mild steel bersaiz 100mm sepanjang 300m di Felda Bukit Rokan, depan Masjid Gemencheh. Keempat penggantian AC bersaiz 200mm kepada paip *mild steel* 200mm sepanjang 500m dari Balai Polis, Gemencheh ke Simpang Pekan, Gemencheh. Keenam, ketujuh penggantian paip jenis AC bersaiz 80m kepada paip *mild steel* bersaiz 100m sepanjang 1km di Felda Bukit Rokan sepanjang Bukit Rokan peringkat 3, Lorong 3A, 3B 3C dan 3D di Gemencheh. Dan yang ke lapan penggantian paip jenis AC bersaiz 80ml kepada paip *mild steel* bersaiz 100mm sepanjang 900m di Felda Bukit Rokan, peringkat 4 Jalan Kubur, Gemencheh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput seorang Ahli Dewan untuk mengemukakan soalan untuk Rantau. Takda? Dijemput Bagan Pinang

YB ADUN Chembong: Ada…

YB Yang Dipertua Dewan: Okay, sila.

YB ADUN Chembong: Dato' Yang Dipertua, saya bagi pihak ADUN Rantau mengumumkan soalan nombor 1. Terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih YB Chembong bagi pihak ADUN Rantau menanyakan soal, soal dasar Yang Dipertua, dan perancangan pendidikan bagi anak-anak Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, kita di Negeri Sembilan ini kita maklum bahawa pendidikan adalah salah satu perkara yang kita berikan perhatian yang sepenuhnya dan sudah tentulah penggerak utamanya di negeri ni ialah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Makanya bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dengan visinya pendidikan berkualiti insan terdidik negara sejahtera dan misinya melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara. Di Negeri Sembilan JPNS bertanggungjawab menyelaraskan dasar negeri dengan hala tuju nasional di bawah pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan aspek seperti akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan juga kecekapan. Dasar pendidikan turut ditumpukan kepada memastikan anak-anak Negeri Sembilan benar-benar mendapat tempat belajar serta mengiktiraf pencapaian mereka termasuk anugerah untuk siswazah yang cemerlang. Dato' Yang Dipertua, kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang menyokong setiap peringkat dari sekolah rendah, menengah, IPT serta menyediakan laluan ke alam pekerjaan melalui beberapa aspek iaitu akses dan ekuiti kepada pendidikan asas. JPNS bertanggungjawab memastikan semua kanak-kanak mengikut umur yang ditetapkan mendapat tempat belajar pada hari pertama sesi persekolahan baharu, sesi persekolahan baharu dimulakan. Ini penting supaya tiada anak Negeri Sembilan tertinggal pada peringkat asas di samping itu juga kerajaan negeri menyediakan insentif dan pengiktirafan pelajar cemerlang melalui Yayasan Negeri Sembilan dan terdapat Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama untuk graduan dari Negeri Sembilan yang memperoleh ijazah dengan kelas pertama dimana setiap penerima, menerima insentif sebanyak RM5,000.

Dato' Yang Dipertua, bantuan kewangan untuk pelajar IPT dan kemasukan IPT Negeri Sembilan Yayasan juga menyediakan pinjaman pendidikan bagi pelajar IPT yang memerlukan dengan syarat tertentu. YNS juga menyediakan bantuan sara hidup mahasiswa anak Negeri Sembilan. Bagi memudahkan proses pembelajaran pelajar dari Negeri Sembilan. Malah bantuan

kemasukan ke IPT yang diumumkan oleh kerajaan negeri sebagai insentif tambahan supaya anak negeri terus melanjutkan pengajian. Dasar pendidikan terus berusaha dasar pendidikan dan bantuan kewangan ini adalah untuk membina asas yang kuat bagi pelajar supaya terus berusaha mengekalkan kecemerlangan akademik dan bersedia memasuki alam pekerjaan melalui pendidikan berkualiti dan insentif lanjutan. Untuk makluman, pada tahun 2025 jumlah murid pra-sekolah kerajaan berjumlah 7,801 orang. Pra-sekolah swasta 12,303 orang. Jumlah murid sekolah rendah dari tahun 1 hingga 6 pula adalah 10,823 orang. Manakala bagi sekolah menengah pula berjumlah 19 ribu, 192,285 orang murid.

Kerajaan negeri juga memberikan keyakinan penuh dalam aspek pengurusan dan jaminan kualiti pendidikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dalam menyediakan keputusan penempatan guru dan memastikan semua sekolah dibekalkan guru sebagai komitmen terhadap pendidikan asas. Pada tahap seterusnya iaitu tahap lanjutan dari pengajian ke pekerjaan dan bakti kepada negeri, kerajaan negeri sedang membina legasi anak negeri yang cemerlang yang selepas tamat pendidikan tinggi, mereka boleh menyumbang balik kepada pembangunan negeri melalui kepakaran profesionalisma dan kesediaan bekerja, Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat, semua pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis.

4. RANG UNDANG-UNDANG

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di dalam sesi penggulungan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan tahun 2026 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhorat Nilai.

YB ADUN Nilai: Dato' Yang Dipertua, yang pertama berkaitan dengan Yang Berhormat ADUN Rahang yang telah pun meminta supaya berkaitan dengan jumlah kutipan cukai taksiran sehingga 30 November 2025 untuk semua PBT dan juga jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk projek infrastruktur dan juga penyelenggaran mengikut setiap pihak berkuasa tempatan. Untuk Majlis Bandar Raya Seremban sehingga 30 November 2025 jumlah kutipan cukai adalah sebanyak RM155 juta. Bagi Majlis Perbandaran Port Dickson RM31 juta. Majlis Perbandaran Jempol RM6.3 juta. Majlis Daerah Tampin RM6 juta. Majlis Daerah Kuala Pilah RM6.6 juta. Majlis Daerah Rembau RM3.1

juta dan Majlis Daerah Jelebu RM2.6 juta dan kebanyakan ataupun hampir semua hasil melalui cukai taksiran dan juga beberapa terimaan kebanyakannya adalah digunakan untuk perbelanjaan mengurus. Walaupun perbelanjaan mengurus itu adalah satu bilangan yang cukup besar jumlah yang cukup besar tetapi setiap PBT juga mendapat peruntukan daripada pelbagai sumber contohnya daripada MARRIS Kerajaan Negeri, KPKT, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri untuk melaksanakan banyak projek-projek infrastruktur dan juga penyelenggaran mengikut setiap PBT.

Bagi Majlis Bandaraya Seremban setakat ini jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk projek infrastruktur dan juga penyelenggaraan adalah sebanyak RM247 juta. Bagi Majlis Perbandaran Port Dickson RM39.2 juta. Majlis Perbandaran Jempol RM32.9 juta. Majlis Daerah Tampin RM18 juta, Majlis Daerah Kuala Pilah RM9.3 juta, Majlis Daerah Rembau RM21.7 juta dan Majlis Daerah Jelebu adalah RM15 juta. Kalau kita bandingkan dengan cukai taksiran yang kita kutip dengan projek-projek infra jumlah peruntukan itu adalah lebih besar daripada apa yang kita kutip. Maka ini adalah usaha yang diambil oleh setiap PBT melalui sokongan daripada peruntukan daripada MARRIS, Kerajaan Negeri, Kementerian KPKT dan juga beberapa agensi lain, kita telahpun berjaya melaksanakan banyak projek infrastruktur dan juga penyelenggaraan di semua kawasan PBT. Keduanya daripada Yang Berhormat Rahang juga berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal. Pengurusan sisa pepejal iaitu pungutan sampah dan juga pembersihan awam adalah satu jumlah peruntukan yang cukup besar untuk setiap PBT dan bagi tahun 2026 bagi tahun 2026 PBT juga menyediakan ataupun membayar setiap bulan, setiap tahun kos kepada SWCorp. Tetapi pada masa yang sama, Kerajaan Persekutuan juga telahpun menyediakan peruntukan untuk setiap PBT dibayar kepada SWCorp mengikut PBT. *So* persoalannya adalah berapakah yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi tahun 2026 jumlah peruntukan kepada SWCorp bagi kos pungutan sampah dan juga pembersihan awam di Negeri Sembilan adalah sebanyak RM265 juta berbanding RM237 juta pada tahun 2025, dan RM265 juta ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan bagi tahun 2026 telahpun ada kenaikan sebanyak RM28 juta mengambil kira penambahan kawasan baru, semakan kadar pusingan ketiga, dibawah perjanjian konsesi serta pengenaan cukai jualan dan perkhidmatan SST atas perkhidmatan pembersihan awam. Anggaran peruntukan Kerajaan Persekutuan mengikut PBT bagi tahun 2026 untuk tujuan kos pungutan sampah dan juga pembersihan awam Majlis Bandaraya Seremban sebanyak RM131.3 juta. Di peringkat PBT, PBT bayar dalam RM50 juta untuk setiap tahun. Bagi Majlis Perbandaran Port Dickson RM38.2 juta. Bagi Majlis Perbandaran Jempol RM22 juta. Bagi Majlis Daerah Tampin RM21 juta. Bagi Majlis Daerah Kuala Pilah RM17 juta. Majlis Daerah Rembau RM17.5 juta dan Majlis Daerah Jelebu RM17.3 juta. *So* ini adalah peruntukan kerajaan persekutuan, dan anggaran

setiap PBT yang dibayar oleh PBT adalah lebih kurang dalam anggaran 30-40% itu adalah dibayar ataupun ditanggung oleh setiap pihak berkuasa tempatan.

Seterusnya adalah berkaitan dengan Yang Berhormat Rahang juga berkaitan dengan salah satu inisiatif daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu iaitu kempen Rumah Prima Kita iaitu dimana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengumumkan bahawa akan memberikan diskaun sehingga 25% untuk projek rumah-rumah di bawah projek Prima sehingga 31 Disember 2025 dan untuk residensi Seremban Central sehingga 4 Disember 2025 masih mempunyai 353 unit rumah dan akan diberikan diskaun sebanyak 20% untuk rumah di Residensi Seremban Central. Antara syaratnya adalah mesti warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas gajinya daripada RM2,500 sehingga RM15,000 dan rumah pertama dan rumah kedua dibenarkan untuk beli di bawah skim ini yang mendapat diskaun sehingga 20%. Seterusnya berkaitan dengan Rumah Harapan Rakyat. Inisiatif Rumah Harapan Rakyat ini diwujudkan pada tahun 2021 oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan juga keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah tetapi mempunyai tanah. Tanah sendiri ataupun tanah ahli keluarga untuk membina rumah sendiri yang lebih sempurna dan juga selesa. Harga seunit rumah di bawah program ini adalah sebanyak RM85,000 dan peserta perlu membayar bayar balik tanpa faedah secara ansuran sebanyak RM238 selama 25 tahun ataupun 300 bulan. Dari tahun 2021 sehingga tahun 2024, bilangan unit rumah Rumah Harapan Rakyat yang telahpun diluluskan dan juga siap dibina dan telahpun diserah kepada peserta adalah sebanyak 212 unit. Bagi tahun 2025 ini, kerajaan negeri telahpun meluluskan 71 unit Rumah Harapan Rakyat dan sepanjang 5 tahun ini bermula tahun 2021 sehingga 2025, 283 unit rumah telahpun ditawarkan ataupun diberikan di bawah skim Rumah Harapan Rakyat dan kita lihat memang setiap tahun mendapat sambutan yang cukup baik dan apabila mendapat sambutan yang cukup baik peruntukan tahun ini adalah RM5 juta sejak 2021, setiap tahun RM5 juta dan kerajaan negeri telahpun menaikkan peruntukan RM5 juta ini kepada RM10 juta pada tahun 2026 dan sudah tentu pada awal tahun hadapan permohonan untuk ini akan dibuka dan diuruskan oleh PKNNS dan sesiapa yang layak, Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh minta kepada mereka untuk mohon dan kerajaan negeri akan mempertimbangkannya.

Seterusnya adalah berkaitan dengan Yang Berhormat Mambau, berkaitan dengan peruntukan penyelenggaraan taman-taman awam di pihak berkuasa tempatan. Salah satu inisiatif yang kerajaan negeri telahpun mengumumkan dan disambung daripada tahun lepas tahun ini dan juga tahun hadapan adalah inisiatif penyelenggaraan taman-taman awam di Negeri Sembilan. Dan bagi tahun 2025 mengikut rekod semua kerja telahpun siap dilaksanakan iaitu di MBS di Taman Awam Jalan Keliling, Majlis Bandaraya

Seremban telah siap dilaksanakan. MPPD kemudahan rekreasi di Taman Intan Perdana siap dilaksanakan. MPJL Taman Awam di Taman Permainan Zon Serting Bandar Seri Jempol telah siap. Majlis Daerah Tampin di Taman Rekreasi Gemas telah siap. Majlis Daerah Kuala Pilah ada di beberapa tempat di Taman Seri Ulu Bendul, Taman Seri Alam, Taman Rumah Rakyat Juasseh, Taman Desa Permai, Rumah Rakyat Pekan Johol, Taman Seri Terachi dan Taman Pilah Jaya pun telah siap dilaksanakan dan Majlis Daerah Rembau penyelenggaraan Taman Awam Majlis Daerah Rembau telah siap dilaksanakan dan Majlis Daerah Jelebu pun beberapa di kawasan lapang Taman Bukit Kempas pun telah siap dilaksanakan. Semuanya telah dilaksanakan itu adalah status untuk inisiatif dan tahun hadapan pun inisiatif ini akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Seterusnya adalah Yang Berhormat ADUN Seri Tanjung dan juga Yang Berhormat Seri Meranti ini berkaitan dengan satu skim ataupun inisiatif baru yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Sikamat, inisiatif baru iaitu Inisiatif Rumah Mampu Milik@N9 yang diperkenalkan adalah merupakan satu skim jual beli Rumah Mampu Milik *Type* A. Inisiatif ini diwujudkan bagi kita membantu rakyat yang berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri, khususnya mereka yang gagal memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan komersial disebabkan oleh beberapa kekangan kelayakan dan juga pendapatan tidak tetap. Dimana setiap projek perumahan kita ada Rumah Mampu Milik *Type A* berharga RM80,000 sehingga RM110,000 dan kita melalui Unit Perumahan, Kerajaan Negeri akan memastikan rumah ini akan sampai kepada keluarga ataupun pemohon yang layak, tetapi salah satu cabaran yang dihadapi oleh pemohon-pemohon ini adalah walaupun kita tawarkan rumah itu kepada mereka, tetapi mereka gagal untuk mendapatkan pinjaman bank atas beberapa faktor, pendapatan tidak tetap, ada masalah beberapa masalah dalam sistem perbankan mereka, itu yang menyebabkan mereka tidak layak mendapat pinjaman, walaupun mereka layak, sebab itu kerajaan negeri pada tahun hadapan akan memperuntukkan sebanyak RM5,000,000 di bawah Skim Inisiatif Rumah Mampu Milik@N9 supaya kerajaan negeri sendiri akan menyediakan peruntukan, tetapi ini adalah satu permulaan, sudah tentu bukan banyak yang kita dapat bantu tetapi sekurang-kurangnya melalui peruntukan RM5,000,000 ini kita dapat membantu beberapa keluarga yang memang sukar dan tidak akan mendapat pinjaman bank daripada bank komersial, *so* ini adalah salah satu inisiatif bagi saya yang sangat berkesan untuk memastikan keluarga-keluarga yang susah ini dan juga berhadapan dengan beberapa masalah ini dapat memiliki rumah sendiri.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Paroi, berkaitan dengan penggunaan papan tanda bahasa Melayu. Majlis telah mensyaratkan iklan untuk premis ini, premis hendaklah di dalam bahasa Malaysia, di samping bahasa-bahasa lain dibenarkan. Penulisan bahasa lain hendaklah berukuran lebih kecil iaitu

tidak lebih besar dari kadar setengah tulisan dalam Bahasa Malaysia dan hendaklah ditunjukkan dengan cara yang lebih mudah dilihat. Lesen iklan dipremis dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan 1980 dan juga pindaan 1986. Selain itu sebanyak 113 kompaun juga telah dikeluarkan kepada pemilik iklan yang tidak mematuhi syarat di dalam tempoh 2025. Bagi beberapa kes tertentu kita akan minta MBS untuk untuk mengambil beberapa tindakan supaya mereka boleh menukarkannya.

Seterusnya daripada ADUN Lenggeng terdapat 30 kekosongan rumah Mampu Milik *Typ*e A di Taman Arowana Lenggeng. Sama juga isu dia adalah seperti mana yang tadi saya nyatakan, apabila kita tawarkan, isu yang kita berhadapan adalah mereka tidak dapat pinjaman bank daripada bank daripada bank. Itu yang menyebabkan mengambil masa yang lama tetapi kita memang sudahpun terima banyak permohonan untuk rumah Mampu Milik *type A* di bawah Taman Arowana Lenggeng ini dan kita akan cuba untuk mempercepatkannya.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Sungai Lui, berkaitan dengan penyediaan Rumah Awam Harga Rendah diperhalusi dalam belanjawan akan datang dan memang kerajaan negeri sentiasa cakna dengan keperluan berkaitan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah ini. Sebagai perbandingan inisiatif bajet tahun 2025, untuk perumahan untuk tahun ini kita sediakan RM10.1 juta tetapi tahun hadapan kita naikkan kepada RM20 juta. Bagi tahun 2026 iaitu peruntukan Rumah Harapan Rakyat RM5 juta, dipertingkatkan sekali ganda kepada RM10 juta dan juga beberapa inisiatif lain yang memang memfokuskan kepada aspek perumahan.

Seterusnya daripada ADUN Gemencheh, perancangan negeri dalam peluasan kampung dan juga syarat Rumah Mampu Milik@N9, tadi saya sudah nyatakan untuk inisiatif rumah mampu milik Negeri Sembilan. Yang Berhormat Lukut berkaitan dengan caj kemajuan, saya ingat semalam saya sudah pun jawab. Seterusnya melalui ADUN Lukut juga untuk caj kemajuan, untuk Majlis Bandaraya Seremban seperti mana oh ini semalam saya pun telah jawab RM33 juta untuk ADUN Lukut ini kawalan *homestay* ataupun rumah sewa di peringkat PBT. Rumah penginapan jangka pendek di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban, *sorry* Majlis Perbandaran Port Dickson termasuk dalam kategori *townstay* iaitu penginapan untuk tujuan rumah kediaman seperti rumah teres ataupun rumah kampung bagi tujuan sewaan harian. Manakala *homestay* pula merupakan penginapan yang dikendalikan di bawah program *homestay* Malaysia oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya dan juga *airbnb* berfungsi sebagai platform tambahan bagi penginapan tersebut. Bagi tujuan kawalan di peringkat PBT, Undang-Undang Kecil Hotel Majlis Perbandaran Port Dickson 2025 telah diwartakan pada 25 September 2025, yang turut memperuntukkan tafsiran berkaitan dengan jenis penginapan serta pengenaan *charge fee* lestari bagi

setiap bilik penginapan yang ditempah oleh pelancong, Langkah ini merupakan sebahagian usaha MPPD untuk kita memastikan aktiviti penginapan jangka pendek ini dilaksanakan secara teratur dan juga memberi sumbangan kepada hasil pelancongan dan MPPD juga turut melaksanakan proses pemutihan bagi mengenalpasti pengusaha-pengusaha *homestay* ini pada tahun 2026. *So* sudah diwartakan oleh MPPD dan pada tahun hadapan proses pemutihan akan dilaksanakan dan bagi PBT-PBT yang belum lagi diwartakan bermula tahun hadapan kita akan laksanakan supaya ia selaras dengan semua PBT *homestay* ini dilesenkan untuk menyelesaikan beberapa isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lukut.

Yang Berhormat Labu berkaitan dengan papan tanda sempena melawat Tahun Melawat Negeri Sembilan. Untuk ini pihak jabatan dalam tindakan penyediaan melaksanakan sembilan kerja berkaitan jalan masuk ke Negeri Sembilan pada bulan ini. Yang pertama, kerja-kerja membina papan tanda sempadan di kawasan Seremban iaitu dari Salak Tinggi masuk ke Nilai. Kedua kerja-kerja menaiktaraf landskap serta kerja-kerja berkaitan di pintu masuk Bandar Seremban. Ketiga, kerja-kerja menaiktaraf landskap serta kerja-kerja berkaitan di pintu masuk Tol Nilai. Empat kerja-kerja pengindahan landskap serta kerja-kerja berkaitan di Bandar Seremban, Jalan Tunku Munawir, Jalan Dato' Sheikh Ahmad, Jalan Berhadapan Muzium Negeri. Kelima kerja-kerja menaitaraf landskap di kawasan Terminal 1 Seremban. Keenam menaitaraf landskap di flyover lingkaran Seremban. Ketujuh, menaitaraf landskap serta kerja-kerja berkaitan di Pintu Gerbang Seremban Dua. Kelapan, kerja-kerja menaitaraf landskap pintu masuk di Mukim Labu. Kesembilan, kerja-kerja membina papan tanda di kawasan Temiang. Dan semua ini dijangka iklan pada 22.12.2025 dan semua kerja ini berkaitan dengan pintu masuk ke Negeri Sembilan.

Seterusnya, ADUN Seremban Jaya berkaitan dengan penutup *mainhole utility.* Pihak majlis telah pun menetapkan di dalam syarat am kelulusan pelan jalan dan parit serta syarat kelulusan permit korekan bahawa semua penempatan *mainhole* di bahagian *side table* hujung ROW. Ketetapan ini berkuatkuasa ke atas pihak pemaju dan juga pihak utiliti yang berkaitan dengan tujuan mengelakkan kejadian *mainhole* dibuka oleh pihak tidak bertanggungjawab pada masa depan. Tetapi kita tahu beberapa *mainhole* ini berada di tengah jalan ni bukan yang baru, tetapi yang lama. Tetapi untuk baru-baru ini memang majlis telah pun syaratkan supaya berada di hujung ROW supaya ia tidak memberi apa-apa kesan kepada pengguna jalan.

Yang Berhormat ADUN Seri Tanjung berkaitan dengan keceriaan bagi lampu perayaan di Port Dickson. Majlis Perbandaran Port Dickson akan meningkatkan kuantiti lampu-lampu perayaan bermula pada tahun 2026 dengan memperuntukkan RM350,000 untuk tujuan tersebut. Dan sebanyak

1,500 unit lampu perayaan akan dipasang melibatkan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepawali dan juga Krismas.

Seterusnya, Yang Berhormat Rantau berkaitan dengan minority zoning industri yang telah diluluskan. Perancangan pembangunan industri di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban adalah berdasarkan rancangan tempatan *Malaysian Vision Valley 2045* yang diwartakan pada 15 April 2021 yang mana telah di zon mengikut guna tanah ditetapkan. Bagi mana-mana pembangunan industri yang tidak selaras dengan rancangan tempatan ianya akan dirujuk kepada JPN untuk mendapatkan arahan dan juga nasihat. Sekiranya keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri memberikan arahan nasihat memperakukan perubahan zon guna tanah industri tersebut maka pihak majlis hendaklah membuat pengubahan dalam rancangan tempatan *Malaysian Vision Valley 2045.* Bagi zon guna tanah industri tersebut, seperti mana yang keperluan sub seskyen 16 (3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 Akta 172.

Seterusnya ADUN Klawang. Sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan apakah perancangan untuk atasi masalah kereta terbiar. Untuk makluman sejak tahun 2021 sehingga 2025 pihak pentadbiran majlis telahpun membuat sitaan sebanyak 1,618 jumlah sitaan kendaraan terbiar dan daripada jumlah tersebut 1,192 kereta telahpun dilupuskan dan selebihnya kereta yang disita telah dituntut semula oleh pemilik kendaraan. Dan usaha ini akan kita teruskan khususnya di kawasan Majlis Bandaraya Seremban.

Seterusnya ADUN Lukut tindakan terhadap isu penjualan mangga di lampu isyarat jalan utama. MPPD menetapkan sasaran untuk menghentikan penjualan mangga di jalan-jalan utama atas faktor keselamatan dan juga memelihara nama baik Port Dickson sebagai bandar peranginan negara. Jabatan Penguatkuasaan MPPD telahpun mengambil tindakan tegas berhubung aktiviti penjualan mangga dengan melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan setiap minggu. Tindakan kompaun dan sitaan telah dilaksanakan dan mencatatkan sitaan sebanyak 1,532 bekas mangga yang berjumlah RM5,825. Tindakan juga diambil berdasarkan Undang-Undang Kecil Penjaja MPPD MDPD 1982. Seterusnya daripada ADUN Gemas oh tadi saya sudah jawab dan tambahan adalah pembuangan sisa pepejal pembinaan di hadapan stesen minyak BHP Persimpangan Gemas yang tidak dikutip. Hasil semakan SWCorp mendapati bahan tersebut bukanlah sisa pepejal pembinan sebaliknya merupakan kabel jalur lebar milik satu syarikat telekomunikasi di negara ini. Pihak syarikat berkenaan juga masih melaksanakan kerja-kerja pemasangan kabel jalur lebar di kawasan tersebut dan kita telah pun minta supaya syarikat tersebut bertanggungjawab ke atas apa yang mereka lakukan di situ.

Berkaitan dengan Yang Berhormat ADUN Chembong, Rumah Mampu Milik *Type A* di Taman Desa PKNNS Chembong. Berkaitan dengan Rumah Mampu Milik *Type A,* Permohonan permit iklan, *Advertising Permit* AP kepada KPKT untuk pembangunan fasa *Type A* di Taman Desa PKNNS Chembong, telah dibuat pada November, bulan Nov, pada bulan lepas 2025, November 2025. Kerja-kerja tapak untuk pembangunan ini di *Type A* jangka bermula pada Februari 2026.

Berkaitan dengan ADUN Chennah, status terkini mengenai kebenaran merancang *Smart AI Container Port* oleh MPPD. Pada 8 Disember 2025, Unit OSC MPPD telah pun menerima permohonan kebenaran merancang bagi tujuan cadangan pembangunan pelabuhan *Midport Port Dickson* ataupun *Smart AI Container Port* di kawasan batas pelabuhan Kuala Sungai Linggi, seluas 72.8 hektar oleh pemaju Tetuan Midport Holding Sdn Bhd. Permohonan tersebut telah diedar kepada Jabatan Teknikal dalaman MPPD dan juga Jabatan Teknikal Luar untuk ulasan melalui Sistem *OSC Online 3.0 Plus* pada 8 Disember 2025. Pada 12 Disember 2025, esok perunding ataupun pemaju *AI Port* akan membentangkan kepada semua Jabatan Teknikal di dalam mesyuarat Pra OSC, ini bagi memastikan semua syarat teknikal dipatuhi sebelum ia dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat ataupun OSC MPPD Bilangan 24 yang dijadualkan pada 22 Disember 2025. Yang Berhormat Gemas berkaitan dengan oh ini saya sudah jawab, berkaitan dengan ADUN Chembong projek terbengkalai Taman Rembau Jaya. Pada 28 September 2018, KPKT telah pun menerimanya.

YB ADUN Chembong: Rembau Bayu Taman Rembau Bayu.

YB ADUN Nilai: ni kan? betul lah projek terbengkalai Taman Rembau Bayu.

YB ADUN Chembong: tadi sebut Rembau Jaya.

YB ADUN Nilai: ooo…projek terbengkalai Taman Rembau Bayu ok. Pada 28 September 2018, KPKT telah pun mengisytiharkan projek di atas sebagai projek terbengkalai. Pada 19 Ogos 2020, projek ini telah diserahkan kepada IN Liquidator untuk dibangunkan semula. Pelan Kebenaran Berancang yang baru telah dikemukakan, dibentangkan dalam OSC pada 13 September 2020 dan dibentangkan juga dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 15 September 2020. Pelan Kebenaran Merancang ini telah diluluskan sepenuhnya pada 5 April 2021. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Kuasa Kecil Pusat Setempat OSC Bilangan 5/2022 pada 16 Mac 2022 telah menimbangkan semula permohonan Pelan Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan dan juga Pelan Bangunan dengan keputusan lulus dengan pindaan Pelan kerana perlu mematuhi semua syarat daripada agensi teknikal seperti JKR, JPS dan juga Majlis Daerah Rembau. Pemaju gagal mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh itu, permohonan itu telah ditolak dalam

Mesyuarat OSC pada 8 Jun 2022. Perundingan, perunding sekali lagi telah mengemukakan permohonan pindaan KM pada 24.11.2025 dalam sistem OSC tapi sehingga kini permohonan rasmi masih belum dikemukakan di kaunter OSC. Permohonan hanya akan diproses selepas permohonan secara rasmi.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya ADUN Gemas. Oh, Taman Rekreasi sudah jawab juga. Seterusnya adalah daripada ADUN Labu berkaitan dengan, ini tambahan kepada Yang Berhormat Repah dalam projek di Taman Kirby ini selain daripada 36 orang yang telahpun ditawarkan secara terus melalui pembelian rumah *type A* secara bersubsidi dengan harga RM36,000 ini, 36 orang ini adalah senarai lama yang diberi oleh Syarikat Sime Darby sebelum ini, sebab ada perjanjian antara mereka sebelum ini dan kita telahpun menawarkan dan selain daripada itu ada juga 4 bekas pekerja ladang telahpun ditawarkan rumah dan mereka pun berjaya mendapatkan pinjaman bank dan mungkin ada yang terlepas itu adalah disebabkan oleh walaupun mereka bekas pekerja ladang tetapi mungkin syarat yang kita ada untuk rumah *type A* ini mungkin mereka tidak patuhi dan juga ada yang tidak pun berjaya mendapatkan pinjaman bank, tetapi kita juga telahpun menawarkan untuk beberapa bekas pekerja ladang di Labu, area Labu ini di Taman Bakti YNS juga, ada juga lah kalau ada beberapa yang secara ini boleh mengemukakan kepada kita dan kita akan cuba untuk selesaikan.

Yang seterusnya Yang Berhormat Rahang, beberapa keluarga yang tinggal, di setinggan. Kerajaan negeri telahpun menawarkan rumah mampu milik *type A* Iringan Bayu di Iringan Bayu dan daripada mereka memang ada beberapanya menghadapi masalah pinjaman bank dan mungkin kita akan lihat balik apa yang kita dapat bantulah, mungkin melalui beberapa inisiatif pada tahun hadapan. Seterusnya daripada Yang Berhormat Chembong juga berkaitan dengan PPR Chembong seperti mana yang kita tahu ada 452 unit rumah. *Phase* 1, 151 telahpun ditawarkan untuk *Phase* 2 baki ada 301 unit kediaman. Kita telah menerima 3,000 permohonan dan sedang disemak dan akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pengurusan Jabatan Perumahan Negara Bilangan 1/2026 untuk kelulusan dan pihak Jabatan Perumahan Negara dan KPKT merancang untuk melaksanakan pengisian pada bulan April 2026 sebab permohonannya adalah lebih 3,000.

Dan yang paling last kita tahu ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat telahpun menyatakan beberapa isu yang berlaku di beberapa pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan pengenaan beberapa caj tambahan seperti *awning* dan juga *partition*. Untuk isu ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung aduan awam yang berkaitan dengan pengenaan caj-caj yang dikenakan kepada mereka oleh pihak berkuasa tempatan yang tidak pernah dikuatkuasakan ataupun dilaksanakan sebelum ini. Isu ini telahpun dibangkitkan dalam mesyuarat MMK dan MMK telahpun

membuat keputusan bahawa lesen ataupun caj yang dikenakan ke atas *partition* sesekat, *awning,* sengkuap dan juga lain-lain struktur sediada dan telah lama dibina dikecualikan daripada dikenakan sebarang caj dan tidak dijadikan sebagai salah satu syarat untuk kita memperbaharui lesen perniagaan sediada. Walaubagaimanapun, lesen dan caj bagi permohonan lesen perniagaan baru adalah dibenarkan.

Selain daripada itu kerajaan negeri juga telah memutuskan bahawa semua pihak berkuasa tempatan dan juga lain-lain agensi tidak mengenakan sebarang caj tambahan ataupun memperluaskan sebarang caj dan dinasihati untuk mendapatkan nasihat dan juga ketetapan pihak berkuasa negeri bagi sebarang pengenaan ataupun penguatkuasaan caj baru. Ini adalah untuk kita selesaikan beberapa masalah aduan terutamanya pada masa ini yang membebankan peniaga dan juga rakyat dan kita harap apa-apa caj tambahan itu perlu dirujuk kepada pihak berkuasa negeri untuk diputuskan oleh pihak berkuasa negeri ataupun MMK. Itu sahaja, sekian terima kasih.

YB ADUN Labu: Yang Berhormat, sikit soalan tambahan boleh? Pertanyaan?

YB Yang Dipertua Dewan: Sesi penggulungan…

YB ADUN Labu: Boleh ya? Ok.

YB Yang Dipertua Dewan: Minta kebenara siapa tu Labu?

YB ADUN Labu: Boleh? Minta maaf speaker.

YB Yang Dipertua Dewan: Labu minta kebenaran siapa tadi?

YB ADUN Labu: Berkaitan dengan soalan terakhir.

YB Yang Dipertua Dewan: Tanya saya dulu la…

YB ADUN Labu: Minta maaf speaker, saya nak tanya soalan tambahan sikit. Boleh ya?

YB Yang Dipertua Dewan: YB, boleh…

YB ADUN Labu: Bukan soalan, saya nak pertanyaan berkaitan perkara yang berkaitan, boleh ya? Banyak juga di Majlis Perbandaran Seremban terutamanya lesen ya. Premis itu dah ada lesen perniagaan tetapi Majlis menghantar aa apa minta juga mereka *submit* balik pelan, pelan bangunan. Jadi bila saya tanya kepada Majlis mereka memberitahu dulu dia tak submit, tapi setahu saya dalam Majlis Mesyuarat Ahli Majlis, apa-apa lesen yang diluluskan telah mendapat kelulusan jabatan-jabatan yang berkenaan jadi

bagi saya, kalau lesen yang telah diluluskan pada Majlis Perbandaran dulu, sekarang bila Majlis Bandaraya tak perlulah Majlis Bandaraya meminta balik pelan, jadi itu menyusahkan. Contoh satu *Car Wash,* dia minta pelan bangunan, dia suruh submit pelan bangunan sejak 2019 dah ada lessen, dia minta submit sekarang, jadi kalau tidak dia memberi tempoh 30 hari, jadi saya rasa tak betul, dan bila kita tanya kepada pegawai yang berkenaan, mereka beritahu YB dulu dia tak *submit*, jadi itu bukan salah pemohon, itu mungkin ada ketidak apa ketelusan pada mereka memohon dulu, jadi minta tolong YB EXCO kalau boleh jawab perkara ini.

YB ADUN Nilai: Beberapa perkara ini kita tahu mungkin pada masa itu mungkin prosedur dia pada masa itu adalah berlainan dengan sekarang, tetapi kita akan lihat balik beberapa isu seperti ini supaya ia tidak membebankan peniaga ataupun masyarakat. Tetapi pada masa yang sama ada juga beberapa perkara kalau kita tahu ada kesilapan dia lebih baik kita ubah ataupun kita perbetulkannya, tetapi yang penting adalah ia tidak membebankan banyak terutamanya pada masa sekarang, jadi itu kita akan lihat balik dan kita akan cari satu kaedah yang baik supaya kedua-dua pihak, perniagaan itu pun dapat dijalankan dengan baik, dengan teratur dan pada masa yang sama ia juga tidak membebankan premis-premis ataupun pengusaha-pengusaha peniagaan tersebut.

YB ADUN Paroi: YB *Speaker*, nak minta laluan sikit.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya menjemput… saya tak nak jadi perbahasan balik benda ni.

YB ADUN Paroi: Tak-tak, soalan saya…

YB Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, EXCO dah gulung, Yang Berhormat, saya nak terangkan sini, sekarang ini sesi penggulungan, kita ada peluang tadi masa kita soal jawab kita bahas, jadi sekarang ini penggulungan, kalau setiap jawapan itu akan dipertikaikan balik, akan disoalkan balik…

YB ADUN Paroi: Tak, soalan saya tak jawab tu. Ada soalan aaa…

YB Yang Dipertua Dewan: Ini, Bila soalan. ini bukan sesi soalan lagi dah, ok.

YB ADUN Paroi: Soalan anjing, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Saya jemput Yang Berhormat Senaling.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, *Bismillahirrahmanirrahim* Assalamualaikum WBT. Pertama saya ucapkan terima kasih pada Dato' Yang Dipertua, kerana beri saya peluang untuk

menjawab sikit sebanyak dalam sesi penggulungan ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat yang hampir semua Yang Berhormat ada menyentuh soal pendidikan dan sebahagiannya memberikan isu, sebahagiannya memberikan cadangan, tapi saya berhajat untuk hanya menjawab soalan-soalan yang ada isu dari segi pendidikan ini.

Yang pertama saya tengok ada isu guru ada soalan berkaitan dengan isu guru, kekurangan guru tetapi yang saya dah jawab semalam YB Chembong, dah jawab ya, tinggal lagi YB Lukut, saya nak jawab harini. YB Lukut panjang lebar satu, tiga muka dia baca semalam saya dapatkan salinan berkaitan dengan masalah guru di kawasannya. Yang Berhormat ada menyebut soal ada kelas yang terbiar 20 hingga 40 minit tanpa pengawasan guru. Jadi soalnya Yang Berhormat tidak menyatakan sekolah mana Yang Berhormat, sekolah jenis apa, kalau tidak mudahlah sikit, kita terus berhubung dengan PPD, minta PPD tengok sekolah ini apa berlaku di sekolah ini, tapi tak dinyatakan di sini sekolah mana, sekolah jenis apa, SJKC ke, sekolah menengah ke, sekolah rendah ke SJKT ke, sekolah kebangsaan ke, tak ada YB, saya anggap ini sebagai satu laporan lah *complain* daripada Yang Berhormat. Walaubagaimanapun tentang apa disebut oleh Yang Berhormat Lukut ni kelas tanpa pengawasan guru sebenarnya tak boleh dipandang ringan, kita amat mengambil berat tentang soal ini. Untuk makluman Yang Berhormat, jika guru tidak hadir ke sekolah disebabkan cuti sakit, cuti rehat atau menghadiri bengkel atau mesyuarat, pihak pentadbiran sekolah harus melakukan penggantian. Penggantian guru, *relief teacher* bagi masa guru berkenaan, hal ini adalah di bawah tanggungjawab dan seliaan pentadbir sekolah, jika berlaku kelalaian tentang perkara ini, ibu bapa boleh melaporkan kejadian ini kepada pentadbir sekolah, PPD, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dalam keadaan segera supaya siasatan dan tindakan tuntas boleh diambil. YB, kalau 20 minit ke 40 minit tak ada cikgu ni, serius YB jadi, kena maklum kepada kita sekolah mana ni. Ini saya terlalu panjang ni, kita rasa tak seronoklah bila ditimbulkan sini ada kelas yang cikgu tak masuk kelas sampai 40 minit ni, lama sebenarnya budak-budak terbiar ni jadi, ini kena kita ambil kita ambil serius tentang perkara ni dan kalau ada perkara ni berlaku lagi tolong maklum pada segeralah kepada kita tanpa perlu tunggu dewan bersidang, ini satu perkara yang kita tidak boleh kompromi. JPN tidak berkompromi tentang perkara ni, setiap murid wajar mendapat hak sepatutnya iaitu belajar pada masa waktu yang ditetapkan mengikut jadual yang disediakan. Saya setuju dengan YB, apa yang YB tulis ni, ataupun yang dibahaskan ni malah JPN dan PPD juga telah membuat penambahbaikan dengan melaksanakan mesyuarat bengkel selepas waktu persekolahan bagi melindungi masa murid-murid. Apa yang YB sebut ni sebab difahamkan cikgu terlampau banyak terlibat dengan mesyuarat tergemparlah, dipanggil untuk *event* dan sebagainya jadi ini kita dah ambil tindakan YB, penambahbaikan seperti menjadualkan semua mesyuarat, bengkel dan kursus berkaitan

dengan guru selepas waktu persekolahan akan diambil. Ini bagi menjamin hak murid-murid mendapat pendidikan berkualiti. Malah semua program yang dirancang akan dinilai semula agar tidak bertindih supaya penglibatan guru adalah terkawal. Pengetua dan guru besar turut diberi kuasa untuk mempertimbangkan serta meluluskan permohonan guru keluar sekolah bergantung kepada keperluan dan kekerapan guru berkenaan. Penempatan Pembantu Tadbir tambahan seperti mana dicadangkan oleh YB Lukut di sekolah adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebarang tambahan penempatan ini perlulah mengambil kira implikasi kewangan kerajaan dan sebagainya. Jadi YB Lukut, saya kita ambil berat tentang apa yang YB suarakan ni ya, tinggal lagi lepas ni boleh beritahu saya lah sekolah mana. *I really want to know* ok.

Isu kedua yang ditimbulkan ialah soal penguasaan 3M, ini disebut oleh YB Klawang semalam. Saya dah jawab sebahagian YB tinggal lagi YB minta Klawang minta saya statistik. Jadi hari ni saya nak baca lah. Walaupun dalam ketiadaan YB Klawang hari ni, isu tahap penguasaan 3M yang dibangkit oleh YB Klawang berdasarkan kutipan data murid mendapat tahap penguasaan TP 1. Bilangan murid sekolah rendah di Negeri Sembilan, tidak menguasai kemahiran 3M bagi tahun 2024 sehingga tahun 2025 adalah seperti pecahan berikut. Ini YB Klawang minta semalam dan saya dah janji nak bacakan maklumkan pada hari ni. PPD Seremban mencatat ni 2024-2025 ya. PPD Seremban mencatatkan seramai 637 murid daripada 122,480 murid keseluruhan. Ini yang tak boleh menguasai 3M di daerah Seremban. 637 murid. Di daerah Rembau 59 murid daripada 8,472. Di daerah Kuala Pilah, PPD Kuala Pilah 36 murid daripada 11,763. Ini Kuala Pilah lebih rendah lah sikit ya. PPD Tampin 60 murid daripada 16,543. PPD Port Dickson 173 orang murid daripada 26,625 dan PPD Jempol-Jelebu seramai 151 murid daripada 29,959, itu yang data kita dapat ya. Seperti mana di pohon tentang murid yang tak boleh menguasai 3M. Jika dibandingkan dengan tempoh 2023-2024 itu tahun sebelum ni hampir semua daerah menunjukkan penurunan jumlah murid tidak menguasai 3M kecuali daerah Rembau dan daerah Tampin. Keseluruhan data ini menunjukkan bahawa usaha intervensi literasi dan numerasi yang dilaksanakan oleh KPM dan JPNS telah memberikan kesan positif khususnya dalam mengurangkan bilangan murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M. Walau bagaimanapun, pemantauan dan intervensi berfokus akan terus diperkukuh terutama di daerah yang mencatatkan kadar lebih kadar yang lebih tinggi. Itu jawapan saya.

Seterusnya YB Lobak ada menyentuh tentang AI dan teknologi digital. KPM mengakui kepentingan literasi AI dan telah pun menyepadukan elemen berkaitan AI dalam beberapa mata pelajaran seperti berikut. Yang pertama, Sains Komputer, subjek di peringkat menengah yang memberi asas logik, pengaturcaraan, penyelesaian masalah dan pembelajaran mesin. Yang kedua, teknologi maklumat dan komunikasi dan yang ketiga, reka bentuk dan

teknologi, RBT ya, iaitu subjek menyentuh robotik asas, otomasi dan sistem pintar melalui tugasan projek.

Selaras keperluan masa depan, kurikulum persekolahan 2027. KP 2027 memperkukuh elemen AI secara lebih komprehensif. Dalam mata pelajaran teknologi dan digital, murid akan melaksanakan projek yang menggunakan AI untuk menghasilkan aplikasi seperti rumah pintar, bandar pintar dan sistem pengurusan pintar. Elemen *Internet of Things* (IOT), turut diberikan penekanan sebagai sebahagian ekosistem AI. Dalam pelaksanaan ini, guru berperanan sebagai fasilitator yang membimbing murid menggunakan AI secara beretika, selamat dan bertanggungjawab. Untuk makluman semua, makluman Dewan, KPM telah melancarkan Dasar Pendigital Pendidikan iaitu Dasar Komprehensif bagi memastikan sistem pendidikan negara bergerak seiring dengan perkembangan teknologi digital. Dasar ini memberi penekanan kepada beberapa aspek utama termasuklah pemerkasaan infrastruktur digital, peluasan akses kepada peranti dan platform pendidikan digital dan juga pembangunan kompetensi digital murid dan pemimpin sekolah. KPM turut mengukuhkan ekosistem digital melalui Pelantar DELIMA, *Digital Educational Learning Inisiatif Malaysia* yang menyediakan akses kepada bahan PDP, aplikasi pembelajaran serta persekitaran kolaboratif yang menyokong pembelajaran digital secara menyeluruh. Selain daripada kurikulum, pelbagai pertandingan berkaitan robotik, inovasi digital dan STEM turut dianjurkan di peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa bagi memupuk minat murid dalam teknologi masa depan. JPNS komited menyokong aspirasi pendigitalan ini melalui pelaksanaan program latihan sokongan digital serta pemantauan infrastruktur di sekolah-sekolah. Usaha ini memastikan murid Negeri Sembilan mendapat manfaat optimum daripada transformasi digital pendidikan.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang seterusnya saya nak sentuh ialah soal keselamatan sekolah. Untuk ini ramai Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung Sri Tanjung ada menyebut, Lobak pun ada sebut, Kota, YB Serting dan juga YB Paroi ini secara langsung menyebut tentang masalah keselamatan di sekolah. Isu keselamatan di sekolah turut menjadi topik utama yang dibangkitkan semasa perbahasan ini. JPNS telah melaksanakan *program immediate reform* yang memberi penekanan utama tentang aspek keselamatan. Pengetua dan guru besar di sekolah diminta mengenalpasti lokasi-lokasi di dalam kawasan sekolah yang berisiko dan seterusnya memasang papan tanda amaran dan memasang tali keselamatan bagi kawasan ini. Ini saya dah terangkan itu dalam jawapan saya. Dalam masa yang sama, sekolah diminta melaporkan segera kepada PPD sekiranya terdapat infrastruktur usang dan berbahaya. Pengetua dan guru besar sekolah juga diminta sentiasa melaksanakan *management by walking around* ini memang kita minta ya, guru besar dan pengetua ni dia kenalah pagi-pagi itu ambil sikit masa untuk tengok kawasan, setiap inci kawasan sekolah itu

adalah di bawah jajahan guru besar dan pengetua. Dia kena tahu dia kena *exercise* sikit dari sudut ke sudut di kawasan sekolah, tengok apa-apa masalah yang perlu yang perlu dibaiki kalau ianya mendatang kemudarat kepada anak-anak. Ia merujuk kepada amalan pemimpin di mana pentadbir turun padang secara berkala untuk membuat pemantauan langsung terhadap operasi. Proses kerja dan suasana persekitaran organisasi melalui pendekatan ini pentadbir sekolah dapat berinteraksi secara terus dengan warga sekolah, mendapatkan maklum balas autentik, mengenal pasti isu sebenar, dilapang serta memastikan setiap tugasan dilaksanakan mengikut prosedur dan *standard* yang ditetapkan, selain itu setiap pengambilan pekerja ini menyentuh tentang isu yang disebut oleh Serting. Isu-isu ada yang pekerja pun berbahaya juga untuk anak-anak ni kan, selain itu setiap pengambilan pekerja khususnya pengawal keselamatan memangnya memerlukan tapisan keselamatan. Hal ini terkandung dalam kontrak antara pihak penyedia perkhidmatan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengetua dan guru besar juga telah diingatkan agar meneliti dan memeriksa borang tapisan keselamatan yang diberikan oleh pihak penyedia perkhidmatan keselamatan kepada sekolah.

Seterusnya berhubung dengan usul daripada YB Serting juga berkaitan sama ada KPM perlu melantik kaunselor terlatih di sekolah dan seterusnya melaksanakan transformasi pendidikan yang mendekatkan aspek pembentukan akhlak dan sesi perbahasan pada semalam, suka dimaklumkan bahawa para kaunselor dan guru bimbingan kaunseling yang ditempatkan di sekolah-sekolah dalam Negeri Sembilan ini memangnya terlatih dan diperakui kemahiran mereka. Jadi YB jangan risau semua kaunselor kita adalah kaunselor yang terlatih. Dalam kurikulum kebangsaan aspek pembentukan karakter murid memangnya ditekankan. Mata pelajaran pendidikan Islam, pendidikan moral diperuntukkan waktu untuk diajar kepada murid. Selain itu pelbagai program pembinaan jati diri pembukaan ilmu dan kepimpinan yang dilaksanakan di sekolah. Ini memang kita beri penekanan. Kita bukan hanya bercakap tentang pencapaian memanglah kita nak pencapaian sekolah-sekolah Negeri Sembilan ni hebat. Setakat ini memang hebat pun dalam SPM dan sebagainya tapi kita tak pernah lupa kita tak pernah lupa meletakkan aspek pembangunan modal insan itu menyediakan seorang modal insan yang mempunyai jati diri, mempunyai sahsiah yang baik. Ini adalah salah satu daripada tanggungjawab kita di sekolah juga. Dan kita di Negeri Sembilan Dato' Yang Dipertua, kita tak pernah meninggalkan falsafah pendidikan kita iaitu untuk melahirkan modal insan yang seimbang. Kata kuncinya ialah seimbang. Bukan hanya bercakap tentang pencapaian akademik semata-mata tetapi seimbang dari segi intelektual, emosi, jasmani dan juga sahsiah. Ini memang menjadi satu pegangan kita dalam pendidikan kita di sekolah-sekolah di Negeri Sembilan ini. Kemudian isu mengenai, selain daripada itu, pada tahun 2027 modul pembinaan karakter diperkenalkan bagi memantapkan sikap dan karakter

murid selaras dengan falsafah seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi.

Isu penyelenggaraan infrastruktur sekolah turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, contohnya sekolah ini Sri Tanjung rasanya ni. Sekolah Menengah Tinggi Port Dickson. Loji Kumbahan Vokasional Port Dickson dan kita dah menghantar mengangkat permohonan sekolah kepada bahagian pengurusan aset Kementerian bagi mendapat peruntukkan. Kerja pembaikan sekolah yang berada dalam kategori kritikal kita akan kemukakan permohonan di bawah program ubah suai dan naik taraf, manakala kerja-kerja pembaikan yang melibatkan kerosakkan secara kecemasan permohonan peruntukkan akan diangkat segera kepada KPM bagi memastikan tindakan pembaikan dapat dilaksana tanpa sebarang kelewatan. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Seri Menanti menimbulkan soal isu buli ini seperti mana yang saya sebutkan tadi memang menjadi salah satu perkara yang kita titik beratkan dan kita tahu bahawa bukan hanya soal buli tapi pengurusan salah laku buli dan salah laku seksual juga kita usahakan di peringkat sekolah supaya perkara ini dapat kita banteras. Isu buli ini dah menjadi satu perkara yang dikatakan secara umum dan kita dah minta galakkan sekolah-sekolah buat program-program yang berkaitan dengan salah laku buli ini. *Say no to bully* dan sebagainya ini memang sedang berjalan di sekolah-sekolah di Negeri Sembilan pada hari ini dan kita memang di bahagian di pihak kita memang memberikan sokongan. Kita bantu program-program seumpama ini supaya kita dapat mengekang isu buli di sekolah-sekolah.

Selain daripada itu perkara yang selanjutnya ialah tak banyak lagi satu dua perkara lagi. Perbezaan elaun sara hidup ini Chembong sebut. COLA ini bukan hanya pada guru sahaja ini YB ya. Ini Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Tujuh, ini Dato' SS mungkin tahu lah ya. Bantuan Sara Hidup COLA ditetapkan dan dibayar mengikut tempat bertugas pegawai berdasarkan persempadanan laluan kawasan pihak berkuasa tempatan. Setakat ini Jabatan Perkhidmatan Awam belum ada sebarang pemakluman berkaitan tindakan penyelarasan elaun dan bantuan sara hidup. Ini YB Chembong timbulkan sebab dia kata mungkin cikgu tak nak pergi di Rembau ni sebab Elaun COLA di Rembau rendah rupanya Dato'. Saya pun tak tahu ni doh. Di Seremban rupanya tinggi. Ini saya tak tahu, tak pernah kerja dengan kerajaan kan. Jadi baru saya tahu ni jadi perbezaan, tapi ini bukanlah penyebab YB, Rembau kurang cikgu sikit, sebab semua tempat memang ada kurang sebenarnya, bukan di Rembau je. Tapi perbezaan ni kita tak boleh apa Dato' kan? JPA sahaja yang boleh menyelaraskan semula. Di Negeri Sembilan…

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Senaling, sikit boleh? Sikit…Dato' *Speaker*, boleh? Sikit saja. Saya nak menyatakan di sini pihak guru tidak *complain* pun. Mereka tidak pernah menjadikan isu ni sebagai halangan mereka untuk kerja di mana sahaja pun. Kita ucapkan terima kasih banyak

kepada para guru, Yang Berhormat Dato', cumanya sebagai pemimpin di Rembau, saya rasa kecil hatilah, sikit kenapa orang Rembau yang bertugas di Rembau dapat kurang daripada daerah lain. Saya mohon, saya mohon Yang Berhormat Senaling bawa perkara ini ke peringkat yang lebih tinggi terima kasih.

YB ADUN Senaling: Terima kasih Dato' Chembong ya. Baru saya tahu di Negeri Sembilan terdapat tiga kategori kawasan. Kawasan A Daerah Seremban, kawasan B pula Daerah Port Dickson dan Jempol. Ooo dia ikut Bandaraya ni Dato' ya. Majlis Perbandaran. Sementara Kuala Pilah, Jelebu, Jempul, Rembau ni semua kategori C lah, jadi KOLA dia kurang. Tapi ini seperti kata Yang Berhormat tadi tak ada sebab langsung guru-guru tak ada *complain* pun soal-soal ni.

Isu kekurangan asrama, YB Chembong juga, Jabatan Pendidikan ambil maklum tentang masalah kekurangan asrama di Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Dato' Undang Haji Muhammad Syarif dan Sekolah Menengah Agama Haji Ibrahim. Perkara ini akan dibangkitkan semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan bersama pengarah-pengarah negeri. Ini komitmen daripada pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sahaja yang berkaitan dengan isu berkaitan guru-guru ni dan satu perkara tentang Paroi lah, Paroi ada sebut saya tak lupa, Paroi, menanyakan sama ada, ada penyelaras di bawah Akta Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja ni. Di peringkat sekolah tak ada YB, mungkin dalam industri kilang mungkin ada lah, di sekolah tak ada di sekolah kita ada unit 3K itu yang menguruskan soal keselamatan, kebersihan dan kesihatan, dari segi penyelaras di bawah akta ni tak ada. Walaupun apa yang berlaku di beberapa 1-2 insiden yang terpencil yang berlaku di sekolah-sekolah Negeri Sembilan beru-baru ini memang kita sedih dan sebagainya tapi dari segi dalam konteks ini kita dah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk perkara-perkara seperti ini tidak lagi berlaku di sekolah-sekolah kitalah. Insiden ni memang berlaku di mana-mana, tapi kita sedih lah sebab berlaku di sekolah Negeri Sembilan.

YB ADUN Paroi: Celahan sikit nak bagi penerangan tentang Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan.

YB ADUN Senaling: Panjang nak bagi penerangan ni YB, panjang nak bagi penerangan ni, akta ni di sekolah kita tak pakai YB, kita tak pakai.

YB ADUN Paroi: Rujuk balik dengan DOSH lah, Dato', Akta ni dah dipersetujui 2022, setiap mana-mana tempat kerja yang ada 5 orang atau lebih, akta ni mesti ada seorang OS koordinator, penyelaras keselamatan kesihatan, untuk memantau keselamatan di tempat kerja macam agensi kerajaan pun kena ada

tu rujuk balik dengan Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan ya. Dato' rujuk balik lah.

YB ADUN Senaling: Terima kasih YB, kita akan tengok, kita akan panjangkan perkara. Apa pandangan Yang Berhormat Paroi, tinggal lagi buat ketika ini saya nak maklumkan, tidak ada penyelaras ni, yang kita ada ialah kita tubuhkan unit 3K ni, iaitu yang menjaga yang diketuai adalah seorang guru untuk menjaga aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan murid-murid di sekolah, itu yang kita amalkan sekarang dan insya Allah kita doa lah tidak berlaku lagi perkara yang sepertinya pernah berlaku di sekolah, di Negeri Sembilan dalam masa beberapa bulan yang lalu, terima kasih Dato' Yang Dipertua, itu sahaja terima kasih kepada semua yang yang memberikan pandangan dan sebagainya dalam segi isu pendidikan terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat Senaling. Saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Pertang.

YB ADUN Pertang: *Bismillahirrahmanirrahim* Assalamualaikum WBT Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat dan Sejahtera. Pertama sekali saya ingin mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, terutamanya Dato' Yang Dipertualah, kerana bagi peluang untuk Pertang menggulung perbahasan pada petang ini dan penggulungan saya walaupun agak tebal sikit hari ini tapi saya cuba pendekkan kerana stamina pun tak berapa bagus, cuma Yang Berhormat kalau nak mencelah, mencelah baik-baik sikit ya, jangan terjah-terjah, kalau saya terperanjat karang, saya pun akan membalas dengan terperanjat.

Saya nak ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat ADUN kerana telah mengemukakan beberapa pertanyaan dan memberikan pandangan terhadap perkara-perkara di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Bertindak, Pertanian Keterjaminan, Makanan Kos Sara Hidup Dan Juga Kemajuan Desa, Wilayah Perladangan Dan Komoditi semasa sesi perbahasan belanjawan Negeri Sembilan tahun 2026 di dewan yang mulia ini. Terdapat 12 ADUN yang telah membangkitkan isu di bawah kedua-dua portfolio yakni ADUN Johol, Klawang, Sungai Lui, Gemas, Lenggeng, Jeram Padang, Gemencheh, Bagan Pinang, Chuah, Seri Menanti, Serting dan juga Chembong. Semua Yang Berhormat telah membangkitkan pelbagai isu ada yang sama ada yang isu yang berbeza ini biasa, saya mendengar dengan teliti setiap perbahasan daripada semua Yang Berhormat, dan selepas saya buat penelitian bersama dengan jawatankuasa dan pegawai-pegawai saya, terdapat lebih kurang 32 isu yang berkaitan kedua-dua portfolio yang dibangkitkan. Saya menyedari bahawa semua isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN semua adalah bertujuan untuk memakmurkan lagi

Negeri Sembilan selaras dengan tema belanjawan Negeri Sembilan kita pada tahun 2026 yakni Belanjawan Madani Rakyat Harmoni. Semua sama matlamat kita nak tengok Negeri Sembilan diurus dengan baik, berada dalam keadaan yang stabil dan mempunyai persefahaman di dalam urus tadbir kerajaan perpaduan yang semakin meningkat daripada tahun ke tahun. InsyaAllah saya akan memberikan maklum balas dalam masa yang sesingkat mungkin berkaitan dengan perkara-perkara yang ditimbulkan.

ADUN Johol membangkitkan berkenaan dengan pembangunan industri dan tarikan pelaburan luar bandar. Kerajaan negeri melalui UPEN memberi tumpuan kepada pembangunan industri luar bandar selaras dengan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan ataupun RPNS Rancangan Struktur Negeri Sembilan dan Rancangan Tempatan Daerah. Perancangan ini bertujuan untuk memperkasakan kawasan luar bandar sebagai zon pertumbuhan baru, dan beberapa perkara yang telahpun disenaraikan seperti yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat yang berkaitan perkara-perkara dengan pembangunan luar bandar. Bagi memastikan pembangunan industri luar bandar lebih tersusun dan berimpak, beberapa strategi utama telahpun dikenal pasti. Pertama pembangunan kluster ekonomi desa. Kedua pemantapan infrastruktur dan *connectivity* ataupun hubungan antara bandar dan juga kawasan luar bandar. Ketiga ialah strategi pelaburan yang berfokus dan keempat pembangunan modal insan TVET luar bandar.

Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat ADUN Johol menyentuh juga berkenaan dengan inisiatif baru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Sikamat dalam Pembentangan Belanjawan pada Jumaat lepas berkaitan dengan program Anak Pokok Harapan Satu Desa, Satu Tanaman. Ini adalah inisiatif baru ke arah kesejahteraan rakyat. Selain daripada YB Johol, YB Seri Menanti juga membangkitkan perkara yang sama. Maka saya nak ulas atau jawab secara bersekali. Objektif program satu kampung ataupun Program Anak Pokok Harapan ini, satu desa satu tanaman adalah memastikan bagi setiap kampung dan komuniti masyarakat di Negeri Sembilan ini mengusahakan dan mempunyai budaya pertanian untuk mengusahakan tanaman bernilai secara tersusun bagi mengwujudkan sumber pendapatan sampingan jangka panjang serta meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar. Itu matlamat kita. Program ini menekankan pembangunan tanaman yang mempunyai potensi hasil dalam tempoh sederhana termasuk tanaman yang matang dalam tempoh sekitar 3 ke 5 tahun. Selari dengan objektif itu, kerajaan bersetuju dengan cadangan pelaksanaan projek tanaman di kawasan yang berfokus kepada komuniti seperti kelapa dan tanaman bernilai yang lain dan yang lain itu kita semua sedia maklum tanaman jangka pendek, sederhana dan panjang. Apabila tanaman ini mencapai tempoh matang, ia bukan sahaja memberi manfaat kepada ekonomi penduduk kampung malah berpotensi mewujudkan industri hiliran setempat, ini yang penting. Dengan pembangunan rantaian

nilai dan aktiviti pemprosesan produk hiliran, sesebuah desa dan kampung diyakini mampu berkembang sebagai sebuah kawasan industri desa yang mampan dan memberi pulangan jangka panjang kepada masyarakat setempat. Dengan peruntukan awal yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya nak ucapkan terima kasih sebanyak RM250 ribu yang diperuntukkan bagi tahun 2026 sebagai projek awalan, kita mensasarkan untuk melaksanakan projek rintis ini, bagi program sekurang-kurangnya di 10 ke 14 kampung di seluruh Negeri Sembilan. Memandangkan Yang Berhormat Johol dan Seri Menanti merupakan antara 2 ADUN yang terawal yang menunjukkan minat terhadap program ini, selepas membuat penelitian dan semakan awal, suka saya nak umumkan dan nak bagi penghargaan kepada kedua-dua ADUN ini, supaya dua projek rintis pertama bagi program ini akan dilaksanakan pertama di kampung Gating Inas, Johol yakni di kawasan DUN Johol Yang Berhormat ya, DUN Johol ada 80 buah rumah, kita dah sasar, 80 buah. Kemudian yang kedua di Kampung Talang Seri Menanti, ada 125 buah rumah untuk makluman ADUN Seri Menanti. Penelitian lanjut akan dibuat bersama dengan Yang Berhormat ADUN dan juga Jabatan Pertanian bagi melihat kesesuaian pokok yang bakal ditanam di kedua kampung ini.

ADUN Klawang mengemukakan dan membangkitkan berkenaan dengan isu reka bentuk rumah PPRS di mana air kumbahan dan limpahan masuk dalam tangki septik yang sama. 2 ADUN tadi tak ucap terima kasih pun ya.

YB ADUN Johol: Terima kasih, YB Pertang.

YB ADUN Pertang: Dah berjolok baru dia nak cakap terima kasih.

YB ADUN Johol: Seri Menanti dah balik.

YB ADUN Pertang: Ramai ADUN yang saya boleh *transfer* ni Yang Berhormat. Yang Berhormat Klawang, dia kan kadang-kadang saya ungkit perkara macam tu pasal kita kena *appreciate* apa yang kerajaan buat, kita jangan nak hentam je Yang Berhormat, bila saya sebut soal satu pokok, satu tanaman, satu desa ni, kita *create* ini adalah inisiatif tambahan untuk rakyat di kawasan DUN kita. DUN saya pun saya kemudiankan dan saya bagi perhatian kepada DUN Yang Berhormat, jadi kita kena *appreciate* apa yang kerajaan buat, apa yang kerajaan inisiatif untuk rakyat, pasal ni hasrat kita, hasrat kita supaya semua masyarakat di Negeri Sembilan mendapat pembelaan dan juga mendapat manfaat daripada setiap tahun pembentangan bajet dan juga belanjawan yang dikemuka dan dibentangkan oleh kerajaan. Saya masuk balik pada ADUN Klawang untuk makluman Yang Berhormat pelan rekabentuk PPRS yang diguna pakai buat masa ni direka untuk air kumbahan dan air limpahan disalirkan ke dalam tangki septic berkapasiti 5 PE jenis *high density polythene*. Hasil daripada makluman awal yang saya terima,

sepatutnya tak ada sebarang masalah dalam rekabentuk ni, tapi oleh kerana Yang Berhormat ADUN telah mengemukakan dan memberi maklum balas, maka saya akan minta kepada pihak kementerian untuk buat semak kan segera terhadap komponen pelan PPRS yang berkaitan dan kita akan tambah baik jika ada berlaku beberapa perkara yang tidak memuaskan.

ADUN Sungai Lui membangkitkan berkenaan dengan cadangan supaya Felda dijadikan hub pengeluaran pertanian dan penternakan agar dapat menarik minat dan penglibatan golongan belia dengan menggunakan teknologi terkini. Untuk makluman Yang Berhormat kawasan Felda di daerah Jempol merupakan antara zon tumpuan di bawah kawasan Ergopolis selaras dengan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021 dan 2025 dan Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan 2023-2033. Kawasan ini mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai hub pengeluaran pertanian dan penternakan negeri. Namun demikian, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa khusus dalam menentukan aspek tebus guna atau pembangunan tanah yang berada di bawah pemilikan Felda dan segala kelulusan berkaitan penggunan tanah adalah tertakluk sepenuhnya kepada pihak pengurusan Felda. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri melalui jabatan teknikal seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa menggalakkan penglibatan golongan belia melalui pelbagai insentif dan skim sokongan tertakluk kepada syarat permohonan. Melalui pembentangan belanjawan negeri, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian turut memperkenalkan insentif sejahtera tani yakni bantuan berbentuk *in-kind contribution* kepada usahawan tani yang berumur 40 tahun ke bawah yang terlibat dalam projek tanaman makanan. Insentif ini bertujuan untuk membantu menyerap kos operasi ladang sehingga 20% serta meningkatkan pendapatan peserta antara RM500 ke RM1000 sebulan.

Selain itu, pelbagai kursus, sesi libat urus dan program sokongan seperti Agrofest di setiap daerah turut dilaksanakan bagi menarik minat belia termasuk di dalam kawasan Felda khususnya di dalam penerapan teknologi pertanian moden seperti penggunaan *Internet Of Things* ataupun IOT dan juga dron. Bagi sektor penternakan pula, Jabatan Veterinar menyediakan pelbagai bantuan di bawah RMK12 kepada penternak yang berminat dan layak termasuk bantuan padanan skim *double up* 2.0, menaikkan taraf premis ternakan, kolam kumbahan, mesin perincih rumput dan lain-lain seperti yang telahpun saya sebut berkali-kali di dalam dewan yang mulia ini. Semua tahu tentang bantuan ini. Insentif yang disediakan ini merupakan komitmen berterusan kerajaan negeri untuk memperkukuhkan sektor pertanian melalui peningkatan penyertaan golongan belia sama ada di kawasan Felda maupun di kawasan lain yang berpotensi dibangunkan sebagai pusat pengeluaran makanan. Kerajaan negeri melihat golongan belia sebagai agen perubahan yang mampu memacu transformasi sektor pertanian daripada kaedah konvensional kepada pendekatan moden yang berasaskan kepada

teknologi. Langkah ini juga selari dengan aspirasi negeri untuk melonjakkan keterjaminan makanan serta memperluaskan lagi peluang ekonomi baru dalam sektor pertanian, penternakan dan juga perikanan. Maka untuk dengan itu program sentuhan Madani Felda yang bermula pada tahun 2025 dilanjutkan lagi pada tahun 2026 untuk memenuhi keperluan yang berkaitan dengan peningkatan ataupun pembaikan di dalam industri pertanian di seluruh ke 45 no, sorry, 49 kawasan Felda yang berada di dalam Wilayah Raja Alias.

Dato' Yang Dipertua, YB Lui juga membangkitkan berkenan cadangan supaya *pocket land* yang ada di kawasan Felda dimanfaatkan untuk permulaan generasi ke-2 Felda. Ini juga telahpun disebutkan beberapa kali bahawa *pocket land* di kawasan Felda ini sememangnya berada di dalam radar dan juga antara perancangan penting saya supaya dapat dimanfaatkan untuk pembinaan rumah generasi baru dan generasi ke-2, ke-3, ke-4 dan ke-5 Felda. Akan tetapi perkara ini perlu diperhalusi dan diteliti pelaksanaannya supaya tidak timbul masalah dan perkara berbangkit di kemudian hari. Saya telah jelaskan secara detail dan teliti dan kerajaan negeri melalui pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri Sembilan bersama Felda telah mengadakan Bengkel Cadangan Dasar Pemberi Milikan Tanah Lot Generasi Baru Felda LGF Negeri Sembilan pada bulan September 2025 yang lepas di Kuala Terengganu. Bengkel tersebut diadakan bagi menyediakan satu garis panduan atau TOR *Terms of Reference* dengan izin sebagai rujukan kepada kaedah pelaksanaan LGF di seluruh rancangan Negeri Sembilan dengan penambahbaikan kepada Dasar Pemberi Milikan Lot Kosong Dalam Pegangan Bandar, Seksyen 6 Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 yang telah diluluskan oleh kerajaan Negeri Sembilan bagi pelaksanaan LGF Printis Negeri Sembilan di Felda Palong 12. Cadangan Dasar Pemberi Milikan tersebut akan dimasukkan dalam kaedah permohonan untuk *pocket land* dan tanah-tanah kosong kerajaan yang terdapat di dalam kawasan Felda. Kertas cadangan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak yang saya pengerusikan dan setelah diperhalusi akan dibawa untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, dengan penetapan garis panduan tersebut kejayaan pelaksanaan LGF Printis Negeri Sembilan di Felda Palong 12, pelaksanaan LGF ini boleh juga kita sebar luaskan kepada rancangan Felda di dalam Negeri Sembilan termasuk di dalam kawasan Felda Sungai Lui.

YB Gemas bertanyakan berkenaan dengan peruntukan bagi kawasan yang terjejas dengan bencana. Untuk makluman Yang Berhormat bagi kawasan yang terjejas akibat bencana, permohonan bagi membaik pulih premis kemudahan awam, balai raya, jalan, rumah boleh dimohon melalui pejabat daerah. Pejabat Daerah ada peruntukan. Ada beberapa saluran menggunakan peruntukan MARRIS menggunakan tabung amanah bencana yang berada di bawah kawalan kerajaan negeri mengikut garis-garis panduan yang tertentu.

Isu bencana ini juga dibangkitkan oleh YB Jeram Padang khusus bagi kawasan Felda. Untuk kawasan Felda ini bermula pada 1 Mac 2021 Felda melalui Jabatan Pembangunan Komuniti dan Generasi ada menyediakan bantuan khas kepada peneroka seluruh Felda yang terkesan dengan bencana. Bantuan tersebut dikenali sebagai Bantuan Kebajikan Peneroka ataupun BKP yang memberi bantuan kepada peneroka yang terkesan dengan bencana alam yang menyebabkan kerosakan rumah dan harta benda di rancangan-rancangan Felda. Kadar bantuan yang diberikan tidak kurang daripada RM100 ringgit dan tak lebih daripada RM10,000 ringgit atau apa-apa nilai yang munasabah berdasarkan kos kemusnahan yang ditanggung oleh mangsa berdasarkan penilaian dan kelulusan jawatankuasa. Felda juga melalui inisiatif terbaru telah melaksanakan kempen kepada semua peneroka seluruh Felda agar menyertai Program *Insurance Takaful MyFire Plus*. Ini kempen baru ini. Dengan kadar potongan serendah RM65 ringgit setahun melalui KPF Niaga sebagai agennya dilantik dengan jumlah perlindungan maksima RM200,000 ringgit. Di samping itu, Felda turut memperkenalkan Bantuan Tabung Kebajikan Kecemasan Peneroka (TKKP) bermula pada 1 Oktober 2022 yang turut melibatkan bantuan bencana kebakaran dengan maksima bantuan sebanyak RM40,000 ringgit bergantung kepada kemusnahan rumah yang terlibat. Melalui bantuan ini, peneroka perlu mencarum sebanyak RM12 ringgit setahun dengan syarat tidak pernah memohon bantuan dalam tempoh 3 tahun. Yang ni saya nak sarankan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang punya kawasan Felda bolehlah membayarkan caruman untuk ketua isu rumah di dalam rancangan Felda masing-masing. Pemohon boleh terdiri daripada peneroka atau pengganti peneroka dan pentadbir dan isteri peneroka. ADUN dengan Ahli Parlimen, *share* lah. Seorang bayar RM6 ringgit, kalau ada 500 peneroka, setahun baru 2 RM6 ringgit. Boleh bayar, *no problem.* Berkenaan isu banjir di Pasir Besar pula, pihak Felda telah melantik kontraktor bagi menyelesaikan isu perparitan sepanjang 2.4 kilometer dalam kawasan rancangan Felda Pasir Besar. Pelan mitigasi banjir ni hampir berjaya kerana tiada laporan banjir yang diterima selepas projek siap pada 22 Jun tahun 2025. Pihak Felda sememangnya memandang serius perkara ni sebelum ni, arahan telah diberikan kepada anak syarikat Felda, yakni FIC bagi melantik perunding untuk membuat kajian tebatan banjir secara menyeluruh di Felda Pasir Besar pada 19 November 2024 yang menggunakan dana dalaman Felda. Status terkini, pihak JPS telah pun memberi surat kelulusan yang menyatakan tiada halangan bagi projek menaik taraf sistem perparitan, pembersihan dan pembinaan baru kolam tadahan air serta kerja-kerja berkaitan di Felda Pasir Besar dan pihak perunding dalam proses semakan bersama pihak PBT yang terlibat bagi memuktamadkan keseluruhan skop sebelum pelaksanaan projek.

ADUN Lenggeng. Lenggeng memberi cadangan supaya Program Perikanan Rakyat diperluaskan dengan melibatkan belia dan JPKK dalam program ni.

Untuk makluman Yang Berhormat sememangnya saya setuju dan tentunya saya akan pastikan supaya dapat kita memperluaskan lagi program ini keseluruh DUN yang melibatkan ramai pihak. Jabatan Perikanan telah melaksanakan 5 projek Printis Kolam Rakyat bagi tahun 2025 yakni di Pusat Komoditi Pembangunan Sendayan, KRT Taman Taman Panchor Jaya Fasa 7,8 Lenggeng, Kampung Wong Seng Chow di Sikamat, Kampung Kuala Jemapuh Kuala Pilah, Kampung Sri Jemapuh di Kuala Pilah juga. Kuala Pilah dapat 2, Pertang 1 pun saya tak bagi. Tengok, berkorban apa saja untuk rakan-rakan yang lain.

YB ADUN Lenggeng: Terima kasih Yang Berhormat Exco.

YB ADUN Pertang: Berkorban apa saja.

YB ADUN Seri Menanti: Terima kasih, Juasseh dua tu.

YB ADUN Pertang: Tapi harap Pertang janganlah tolak saya pula sebagai wakil rakyat.

YB ADUN Juasseh: Cakap terima kasih la ni.

YB ADUN Pertang: Saya akan bagi lebih pada Pertang selepas ini. Konsep Kolam Rakyat ni memfokuskan kepada pembangunan kawasan Tanah Terbiar yang berpotensi untuk dimajukan oleh komuniti setempat. Pengoperasi projek ni tidak memerlukan kos tinggi kerana ia hanya melibatkan penyeliaan komuniti atau individu. Manakala jabatan menyediakan sokongan berbentuk teknikal dan bantuan input asas. Bagi tahun 2026, kita nak ubah sikit konsep daripada Kolam Rakyat kepada konsep sistem ternakan ikan dalam tangki. Pasal apa kita tak lanjutkan Kolam Rakyat ni? Bukan kita tak lanjutkan tapi kita *slow down* sikit kerana kolam ataupun konsep tangki ni Dato' Yang Dipertua, lebih mudah untuk diurus, pemantauan yang lebih sistematik dan yang penting sekali kita dapat terapkan teknologi yang lebih moden kepada sistem penternakan yang terkini. Dua spesies yang akan dilaksanakan pada pendekatan awal ikan tangki ni yakni talapia ikan apa? talapia dan ikan keli yang merupakan spesies pilihan utama rakyat. Harga mahal, makanan sedap dan boleh dapat hasil yang cepat. Bagi tahun 2026 saya mensasarkan melalui Jabatan Perikanan, seramai 30 peserta bakal dilibatkan di dalam program ini. Maknanya untuk maklumat ADUN-ADUN, 30 peserta kita akan pilih anggaran pengeluaran bagi projek ternakan ikan dalam tangki dijangka mencecah 15 ribu kilo dengan nilai anggaran sekitar RM100 ribu bagi setiap pusingan pengeluaran Dato' Yang Dipertua. Ini peluang untuk golongan belia kita ya. Banyak projek dan program pertanian yang kita *initiate* sebagai satu program baru bagi menambah pendapatan bagi seluruh masyarakat Negeri Sembilan sampai ke

peringkat akar umbi. Bukan setakat di Seremban sahaja, tetapi sampai ke peringkat kampung dan juga mukim.

YB Jeram Padang mencadangkan supaya perkampungan budaya orang asli *cultural, living cultural village* serta homestay bertema rumah tradisional orang asli sebagai projek pelancongan. Ini saya tak boleh jawab ini YB Nicole, kenapa masuk dalam saya punya teks. Saya pindah, saya lompat eh. Pasal apa masuk dalam teks saya? Oh pasal orang asli takpelah yang ni saya jawab bertulis lah ADUN ya. Saya nak jawab kepada YB Jeram Padang ni tadi. Berkaitan dengan soalan kepada YB Arul tadi. Yang ni saya dah siapkan. Kerana ni dah jadi isu masyarakat. Berkenaan dengan isu Kampung Orang Asli Klebang yang dikatakan telah dijadikan pusat pengumpulan anjing terbiar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. JAKOA dan pejabat daerah telah mengadakan perjumpaan bersama pihak yang terlibat pada 9 Oktober 2025 di Balairaya Kampung Orang Asli Klebang Yang Berhormat eh. Betul tak Yang Berhormat? JAKOA telah menerangkan bahawa Kampung Orang Asli Klebang merupakan kawasan rizab orang asli yang telah diwartakan di bawah Seksyen 7 (1) Akta 134 Akta Orang Asli di mana segala urusan di dalam rizab perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah JAKOA selaku Pegawai Pengawal Tanah Rizab Orang Asli. Ini syaratnya. Dalam perjumpaan tersebut, JAKOA telah memberi penerangan bahawa berdasarkan peruntukan Seksyen 6 (2) dan Seksyen 7 (2) Akta Orang Asli tahun 1954, Tanah Rizab Orang Asli tidak merangkumi penggunaan bagi tujuan pemeliharaan dan penempatan haiwan. Oleh itu, aktiviti pengumpulan anjing terbiar di Kampung Orang Asli Klebang tidak selaras seperti yang saya jawab tadi, dengan peruntukan undang-undang sedia ada dan dengan jelas telah melanggar undang-undang. Pejabat Daerah dan Tanah juga telah menerangkan bahawa kesalahan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 (1) Kanun Akta Tanah Negara. Jika disabitkan kesalahan, boleh kena denda tidak melebih RM10 ribu dan dipenjarakan untuk satu tempoh yang tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali. Ini serius, Dato' Yang Dipertua, saya jelaskan di Dewan Yang Mulia ini, JAKOA telah memberi dua kali tempoh masa untuk mengosongkan kawasan tersebut. Bagi tarikh pertama, JAKOA telah mengeluarkan surat mengarahkan pihak berkenaan, mengosongkan tempat penjagaan anjing tersebut sebelum atau selewat-lewatnya 13 November tahun 2025 Yang Berhormat ya. Namun, pengusaha mohon pertimbangan untuk lanjutan masa satu tahun, karena tak dapat tempat baru dan sebagainya. JAKOA Negeri telahpun mengemukakan permohonan ini kepada Ibu Pejabat dan keputusan pada 9 Disember 2025, Ibu Pejabat tidak mempertimbangkan permohonan lanjutan tempoh masa dan mengarahkan pengusaha supaya mengosongkan serta membawa keluar anjing-anjing tersebut selewat-lewatnya 8 Januari 2026. Kalau arahan ini tidak dipatuhi Dato' Yang Dipertua, JAKOA akan memohon tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh Pejabat Daerah Jempol Pejabat Daerah Jempol.

YB Jeram Padang, Gemencheh, Serting membangkitkan isu yang sama berkenaan dengan penggantian paip air lama di kawasan Rancangan Felda yang sering menjadi punca masalah bekalan air di setengah-setengah kawasan. Yang ini, paip air dah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah dijawab oleh kerajaan beberapa kali dan insyaAllah kita akan buat proses penggantian dari masa ke semasa. Saya nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi kelulusan peruntukan awal RM755, RM750,000 yang telah diluluskan dalam belanjawan kali ini bagi kerja-kerja kecil dan pembaikan infrastruktur di kawasan Felda. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Walaupun peruntukan ini agak sempit sedikit tetapi peruntukan tambahan akan dikemukakan dalam jangka masa yang tertentu insyaAllah.

ADUN Gemencheh membangkitkan pelbagai isu di bawah portfolio saya. Saya nak sebut satu persatu yakni membangunkan penempatan baru menyusun semula penempatan kampung sedia ada secara terancang di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas dan *amenity* sosial. Skop projek PPK ini merangkumi pembinaan rumah PPRS dan juga penyediaan lot tapak rumah, kemudahan infrastruktur asas, sistem bekalan air elektrik dan rawatan kumbahan dan juga kemudahan dewan, surau dan sebagainya. Berkenaan PPK Kampung Tenai Yang Berhormat Gemencheh, kos anggaran asal adalah RM107 juta berbanding dengan kos siling yang ditetapkan oleh KKDW yakni RM50 juta. Sehubungan dengan itu Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin sering ataupun sedang mengenalpasti tapak projek baru yang sesuai mengikut siling peruntukan yang telah ditetapkan oleh pihak KKDW. Seterusnya berkaitan dengan isu Akta GSA untuk maklumat Yang Berhormat, Mesyuarat Penyelarasan Pindahan Akta MPPA 530, telah bermula pada penghujung tahun 2022 yang mana kemudiannya telah membawa kepada pengumpulan maklumat dan insyaAllah Akta ini akan dibawa ke Dewan Rakyat di Parlimen bermula pada tahun 2026. Beberapa siri mesyuarat pun dah berjalan dan kita juga telah mengadakan pelbagai sesi libat urus yang berkaitan dengan isu pentabir, isu perunding, isu berkaitan dengan kuasa dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, saya terus pergi kepada berkenaan dengan isu Gemencheh yang menimbulkan isu kacau ganggu lalat yang berpunca daripada ladang ayam di kawasan yang berkaitan. Berkenaan dengan isu kacau ganggu lalat ini saya telah banyak kali sebut bahawa kerajaan negeri tidak akan kompromi dalam mana-mana operator ataupun syarikat yang menjadi punca kepada kacau ganggu sama ada lalat ataupun bau. Kita menyasarkan walaupun kita mempunyai sasaran untuk mengekalkan *safe, sufficient rate* atau SSR bagi ayam dan telur supaya kita dapat memastikan bekalan makanan ini tidak putus dan sentiasa boleh diperoleh oleh rakyat dengan mudah akan tetapi itu tak jadi alasan Dato' Yang Dipertua, dan tidak memberi sebarang kelonggaran kepada pihak syarikat untuk beroperasi

sesuka hati dan tidak mengikut peraturan yang kita tetapkan. Untuk makluman ahli dewan terutamanya Gemencheh, empat ladang ayam yang telah dikompaun dibawah Enakmen Kawalan Dan Perlesenan Penternakan Unggas Dan Aktiviti Berkaitan Dengan Penternakan Unggas 2024 sepanjang tahun 2025 bagi DUN Gemencheh dengan jumlah kompaun yang dikeluarkan RM20,000. Dua ladang telah dikompaun atas kesan kacau ganggu lalat iaitu ladang milik Huat Lai Resources Berhad dan Ayamas Integrated Poultry Sendirian Berhad. Dua ladang lagi telah dikompaun kerana beroperasi tanpa lesen iaitu ladang milik SM Boiler dan Farm Base Sendirian Berhad. Kesemua ladang dikenakan kompaun maksimum RM5,000 pada setiap kesalahan.

YB Bagan Pinang membangkitkan kerisauan berkenaan dengan mata pencarian nelayan yang mungkin terjejas terjejas akibat Projek Hibiscus 2. Tadi ada soalan. Tapi YB tak tanya, saya tak jawab. Sekarang saya jawab ya. Pembangunan yang dilaksanakan di Negeri Sembilan kebajikan rakyat menjadi keutamaan kerajaan negeri ini memang *without fail* Yang Berhormat dengan izin. Kita sentiasa fikir pasal kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri Sembilan prihatin terhadap nasib nelayan yang terjejas akibat pelaksanaan projek Hibiscus 2 sebagai langkah tanggungjawab sosial dan memastikan tiada golongan yang terpinggir. Kerajaan negeri bersama dengan agensi persekutuan yang berkaitan sentiasa mendengar nadi dan suara golongan nelayan yang terkesan. Berkaitan dengan nelayan di kawasan Hibiscus 2 ni, kita telah merangka beberapa inisiatif dan langkah supaya pendapatan mereka tidak terjejas. Antara inisiatif utama yang bakal dilaksanakan pada tahun 2026 ialah kerjasama strategik antara kerajaan Negeri Sembilan dengan KPKM melalui pelaksanaan program mengoptimumkan penggunaan tanah. Melalui inisiatif ini kita akan labuhkan tukun tiruan di beberapa lokasi di perairan Port Dickson sebagai alternatif kawasan operasi tangkapan ikan yang terjejas akibat pembangunan tersebut. Melalui program ini sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan bagi pembinaan dan melabuhkan unjam-unjam di kawasan strategik di dalam perairan Port Dickson. Unjam ini berfungsi sebagai struktur tiruan di laut untuk menarik kehadiran ikan dan mewujudkan ekosistem marin yang lebih seimbang. Kehadiran unjam membantu mengalakkan pertambahan taburan populasi ikan serta dapat menambah hasil tangkapan Yang Berhormat. Dengan peningkatan hasil tangkapan pendapatan nelayan turut meningkat selaras dengan objektif pembangunan ekonomi pesisir pantai. Program ini juga dijangka dapat membantu imbangkan ekosistem marin dan mengekalkan sumber perikanan untuk jangka panjang, bagi memastikan generasi akan datang terus menikmati hasil laut. Untuk maklumat Yang Berhormat juga pampasan kepada nelayan ini saya nak sebut, pampasan kepada nelayan yang terjejas di kawasan tersebut telahpun disalurkan bermula pada bulan Jun 2024 sehingga Mei 2029 yang melibatkan seramai 30 orang nelayan dengan kadar bayaran sebanyak RM1,000 sebulan pada setiap nelayan. Tahun 2024 sampai 2029. Pampasan dibayar oleh pihak pemaju itu melalui MBI yang kemudian

salurkan kepada persatuan nelayan yang berkenaan. Selain daripada itu yang RM1,000 Yang Berhormat, melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia jabatan di bawah saya, nelayan berdaftar di bawah Jabatan Perikanan Malaysia turun menikmati beberapa bantuan antaranya apa? pembelian minyak petrol bersubsidi, elaun sara hari hidup nelayan RM300 sebulan dan insentif hasil tangkapan sebanyak 10 sen bagi setiap kilogram hasil tangkapan *fair* kepada semua nelayan.

Dato' Yang Dipertua, ADUN Chuah membangkitkan berkenaan dengan isu haiwan ternakan yang berkeliaran di kawasan perumahan dan jalan raya. Saya fikir ini pun dah dijawab dengan Chuah, ADUN Chuah ini pun dah dijawab secara panjang lebar oleh Yang Berhormat ADUN Nilai dan saya fikir itu juga terpakai kepada penternakan lembu kambing dan juga binatang ternakan yang akan kita jalankan secara berkala Yang Berhormat ya.

ADUN Seri Menanti membangkitkan berkenaan status terkini jalan alternatif dari Seri Menanti Kuala Pilah ke Ulu Sepri, Rembau. Projek ini sedang berjalan di bawah RP1 RMK12 di bawah pelaksanaan dan pemantauan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan dan projek ini juga dijangka siap pada tahun 2027 Yang Berhormat dalam tempoh ataupun skop yang melangkaui 8km dengan spesifikasi dan jadual yang telah ditentukan, jadi sabar Yang Berhormat 2027 insya Allah siaplah jalan ini.

ADUN Serting membangkitkan isu berkenaan isu peniaga di tanah rizab Felda yang menerima surat merah daripada Pejabat Tanah Jempol, yang ni dah jawab kan Serting? tak jawab lagi eh? untuk makluman Yang Berhormat melalui pekeliling dalaman Felda telah memberikan kebenaran penggunaan kawasan kosong dalam rancangan kepada peneroka atau generasi peneroka untuk menjalankan perniagaan dan mengusahakan tanaman. Matlamat Felda dalam memberikan kebenaran penggunaan tanah ini adalah bagi menggalakkan peneroka dan warga peneroka meningkatkan tahap ekonomi dan menambah pendapatan. Tidak dinafikan juga terdapat binaan bangunan atau aktiviti penanaman kontan dan kekal yang tak dapat kelulusan daripada mana-mana agensi ada yang dapat kebenaran ada yang tak dapat kebenaran. Pengurusan Felda ada menerima beberapa aduan berkaitan dengan notis pendudukan tanah kerajaan, tanah rizab tanah lombong tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri yang telahpun ditampal oleh pejabat tanah dan daerah di premis-premis perniagaan dan bangunan beberapa Rancangan Felda. Rentetan daripada ini oleh kerana pertindihan kuasa meluluskan sebagaimana yang telahpun dimaklumkan oleh Pejabat Daerah Tanah Dan Daerah bermula pada tahun 2025 pengurusan Felda telah membekukan sebarang permohonan penggunaan tanah dan kawasan rancangan kecuali atas tujuan perumahan peneroka dan pembangunan kehadapan lot generasi baru felda mengikut konsep yang dimuktamadkan dan berkaitan ladang peneroka.

ADUN Chembong elaun Pengerusi dan Setiausaha JPKK, ADUN Chembong. Untuk makluman ADUN Chembong, ini semua perjuangan Bersama ni. Dulu pun kita minta saya dah bawa dalam *Mets club meeting. Mets club meeting* ni maknanya mesyuarat bersama Yang Amat Berhormat Menteri, Timbalan Perdana Menteri, bersama Exco-Exco KKDW seluruh negara pada setiap *Mets club* saya bentang minta tolong naikkan elaun JPKK JPKKKP tapi sampai hari ni belum terlaksana lah. Kita doa supaya dapat dilaksanakan secepat mungkin karena sekarang ni Pengerusi JPKK dapat RM900, RM500 pusat bayar, RM400 kerajaan negeri tampung. Setiausaha dapat RM300, RM100 kajian negeri bayar dapat RM400. Elaun mesyuarat RM50 tapi tu lebih baik daripada KRT Yang Berhormat. KRT langsung tak dapat apa dan saya dah perjuangkan ke Dewan Rakyat. KRT Negeri Sembilan pun saya nak maklum eh saya sebagai Ahli Parlimen bersama dengan rakan-rakan ahli parlimen daripada Negeri Sembilan memperjuangkan elaun KRT supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk diberi kepada semua Pengerusi, Setiausaha dan juga Jawatankuasa KRT tak baik lagi ke Negeri Sembilan tu? Pegawai Perpaduan ada? Takda? tak baik ke lagi tu? tu kita bawa semua tu, besok kalau KRT dapat Negeri Sembilan tambah lagi sikit tu saya tak tahulah, tu MB lah jawab. Jadi ADUN Chembong timbulkan isu tu je eh. Aaa ni pasal Chuai ni ADUN Chembong ada sebut pasal Chuai rasanya Kampung Orang Asli Chuai membangkitkan berkenaan isu perizaban Kampung Orang Asli Ulu Chuai, yang dikatakan lebih kecil daripada keluasan sebenar, ADUN Chembong eh untuk makluman ADUN Chembong, Chuai ni, Kampung Ulu Chuai ni telah diwartakan sebagai rizab orang asli di bawah Seksyen 7, Akta 134 sepertimana siar warta bertahun 1957. Penugasan kerja ukur telah dibuat oleh Jurukur JAKOA bagi kawasan seluas 16 hektar kawasan penempatan. Walaubagaimanapun, penduduk mendakwa kawasan yang diukur lebih kecil berbanding dengan keluasan kampung sebenar iaitu 48 hektar. JAKOA akan membuat semakan status tanah bersama PDT Rembau berhubung baki keluasan 32 hektar bagi tujuan permohonan rizab tambahan Kampung Orang Asli Ulu Chuai, Yang Berhormat, ni insyaallah kita akan lakukan sebaik mungkin lah dan juga kerja cerun dan sebagainya tu Kampung Ulu Chuai, Ulu Chembung adalah dalam tindakan dan insyaallah setelah selesai kerja-kerja *soil investigation* ataupun SI JAKOA tengah buat sekarang dan insyaallah kita akan laksanakan pada tahun 2026.

Dato' Yang Dipertua, saya fikir saya dah sentuh semualah walaupun saya lompat-lompat kerana terpaksa lompat Dato' Yang Dipertua, yang lain tu kalau ada Yang Berhormat ADUN rasa tak puas hati boleh tulis untuk saya dapatkan jawapan bertulis, ini pun ada tebal ni, saya boleh hantar kepada Yang Berhormat untuk tahu apa tentang perkara ni pasal saya terpaksa bagi ruang masa yang secukupnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk buat penggulungan akhir sebelum kita makan tengah hari. Karang

Yang Berhormat *complain* pada saya makan lambat, tapi jangan makan banyak-banyak Yang Berhormat supaya kesihatan kita tetap dijaga.

Yang Berhormat, saya nak sebut satu Yang Berhormat Yang Dipertua, ya bagi mengakhiri penggulungan saya, walaupun ini bukan bidang saya bukan portfolio saya, tapi sebagai Exco Kanan, sebagai Ketua Parti saya harus memberikan sedikit pandangan saya dalam soal yang berkaitan perkara yang berlaku dalam pembentangan bajet dan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Satu dua hari ni Yang Berhormat Dato' *Speaker*, keluar beberapa perkara yang timbul dalam soal yang berkaitan dengan anggaran belanjawan di dalam media sosial yang saya tak boleh tahan tu Yang Berhormat, pagi tadi saya dapat teks daripada beberapa orang bertanyakan kepada saya sebagai Ketua Parti apa yang saya buat kenapa saya tidak mengambil dan memberikan pandangan kepada kerajaan eh saya dalam kerajaan ni, saya bersama dengan rakan-rakan EXCO daripada Barisan Nasional di dalam kerajaan. Kenapa saya tak bagi pandangan kepada Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Kewangan pun saya tak tanya dan saya tak bagi pandangan kepada kerajaan berkaitan dengan bajet kenapa kita mesti ada bajet defisit sedangkan peruntukan yang diperuntukkan kepada P50 Menteri Besar boleh kita tarik untuk stabilkan bajet defisit. Saya nak bagitahu eh, kalau itu Menteri Besar jawab lah tapi saya nak jawab bagi pihak saya sebagai EXCO, kanan dan juga mewakili parti saya di dalam urus tadbir kerajaan. Pada tahun 2023 Yang Berhormat, Dato' Seri *Speaker*, 2023 bulan Ogos mesyuarat pertama bulan September mesyuarat EXCO. Ayat pertama saya kepada mesyuarat MMK apa dia, saya bagitahu ini adalah sejarah terbentuk di dalam kerajaan Negeri Sembilan untuk mengurus tadbir kerajaan Negeri Sembilan di bawah Kerajaan Perpaduan ini sejarah bagi rakyat Negeri Sembilan dan harapan saya sebagai orang yang diberi mandat oleh parti dan rakyat bersama-sama dengan kerajaan Pakatan Harapan kita mesti menterjemahkan aspirasi dan janji kita kepada rakyat, pertama.

Kedua kita mesti ada *understanding* persefahaman antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan supaya rakyat tak nampak pergolakan politik dan urus tadbir kerajaan negeri ini mesti dinikmati dan melangkaui proses parti. Itu persetujuan kita pertama. Dan *Alhamdulillah* Dato' Yang Dipertua, tahun 2025, sekarang ini 2025, kita dah bentang bajet kali yang ketiga dan dalam bajet kali ketiga ini semua aspirasi kerajaan perpaduan yang dibawa oleh kedua-dua parti di dalam PRN 2023 telah pun dipenuhi.

Dato' Yang Dipertua, warga emas daripada berapa ribu? Warga emas, RM40 ribu tahun 2024. Kita bagi RM200 sebulan. Tahun 2026, warga emas naik RM70 ribu.

Suara Ramai: RM200 setahun.

YB ADUN Pertang: *Sorry-sorry*, karang kalau sebulan karang lagi pengsan. RM200 setahun. Warga emas 70 tahun ke atas. Ni dalam dewan ni, siapa yang tak terima RM200? Beritahu saya. Ha? Oh, belum ada. Belum masuk lagi 70 tahun.

YB ADUN Juasseh: Hello, tengok dulu.

YB ADUN Pertang: Dapat RM200 sebulan. Oh, RM200 setahun. Dato' Yang Dipertua, Tahun 2026, jangkaan kita 70 ribu warga emas. Dan ini termaktub dalam aspirasi aspirasi. Mana saya bawa tadi? Nanti, dah tak jumpa. Ada bawah ke?

YB ADUN Bahau: Paling bawah.

YB ADUN Pertang: Paling bawah. Dalam aspirasi perpaduan Negeri Sembilan ni. Kita bawa ni. Kita bawa warga emas. Kita bawa orang kahwin. Kita bawa *baby*. *Baby* ni maknanya anak yang baru lahir. Anak menteri besar. Eh, bukan anak menteri besar. Cucu menteri besar yang baru lahir ni dapat RM500. Dapat RM500.

Dapat RM100. Tapi saya nak maklum pada Pegawai Kewangan. Saya dapat cucu belum dapat duit lagi. Dapat RM100. Yang ambil lesen dapat. Lepas tu apa lagi kita bagi? Kita bagi lagi beberapa aspirasi kerajaan perpaduan. Yalah kahwin tu betul lah. IPT, TUNS, BAN. Semua itu bawah aspirasi rakyat. Semua untuk aspirasi rakyat. Dan kosnya Dato' Yang Dipertua, untuk makluman ahli dewan, Warga emas je RM14 juta. Kesejahteraan rakyat ni kita belanja RM27 juta. Masuk kat mana ni? Masuk dalam P50 menteri besar. Saya bukan nak *defend* Menteri Besar. Tapi saya nak *defend* sistem kita. Dan saya nak bagitahu. Saya lama dalam dewan ini. Saya nak bagitahu Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita buat konsultasi bajet bersama Ketua-Ketua Jabatan di Pulau Pinang. 3 hari, 4 hari, 3 malam. Dan kita bincang secara *detail.* Tak cukup dengan itu. Kita bincang dalam MMK dan saya berbahas dengan PKN. Saya berbahas dengan Ahli EXCO. Ini bajet mesti dirasai dan dinikmati oleh rakyat sedara-sedara. Bantuan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bantuan Ahli EXCO. Bukan bantuan untuk peribadi ye. Bantuan kawasan untuk kesejahteraan rakyat. Masuk mana? Masuk P50 Menteri Besar. Kalau saya ambil bajet daripada Menteri Besar RM30 juta ataupun saya keluarkan, ataupun saya bagitahu ataupun Menteri Besar kata takpelah. Kita keluarkan daripada P50 Menteri Besar RM30 juta. Aspirasi nasional kita nak buat macam mana? Ini janji saya. Ini janji kerajaan perpaduan kepada rakyat. Prinsip perjuangan yang dibawa oleh Barisan Nasional dan juga Pakatan Harapan supaya apa yang kita buat dan janji kepada rakyat, mesti sampai kepada rakyat. *By all means* dengan izin. Tidak ada kompromi. Mesti sampai ke dapur setiap rakyat di dalam Negeri Sembilan. Ini mesti kita buat sedara-sedara. Itu pertama.

Yang keduanya, saya minta kepada, saya buat sikit *homework* tadi. Pasal ni dia orang *protect* saya ni, saya mula saya tak nak sebut ni. Tapi bila dia *whatsapp* kepada saya, saya nak jelaskannya. Ini l*ive* dalam *Facebook* saya. Tahun 2021 defisit bajet RM112 juta. Saya tak tahu kalau PKN kata salah, you betulkanlah. Tahun 2022 defisit bajet RM88 juta. Tahun 2023 defisit bajet RM100 juta. Tahun 2024 defisit bajet RM35 juta. Tahun 2025 *balance* bajet. Tahun 2025. Tahun 2026 kita masuk balik defisit bajet RM30 juta.

Dan kesemua defisit bajet ini, apabila kita tutup akaun Tahun Hasil Sebenar kita tidak dapat ataupun kita mempunyai surplus pada hujung tahun. Tahun 2022 RM30 juta, 2023 RM4 juta. Tahun 2024 RM83 juta. Dan tahun 2025 RM161 juta. Lebihan daripada anggaran kita RM161 juta.

YB ADUN Lenggeng: 2025 pembetulan, 2025 tu RM83 juta.

YB ADUN Pertang: aaa???

YB Pegawai Kewangan Negeri: Belum final lagi Datuk Seri, belum tutup lagi.

YB ADUN Pertang: Aaa….belum tutup lagi.

YB Pegawai Kewangan Negeri: Belum final lagi.

YB ADUN Pertang: Setakat ini 100…

YB Pegawai Kewangan Negeri: RM160 juta.

YB ADUN Pertang: RM160 juta, 161 juta. 161 ni saya buat *homework* ni, tak tidur saya buat ni. RM161 juta. Setakat ini. Maknanya kita ada lebihan masuk ke rizab negeri. Semua ni duit masuk ke rizab negeri. Kalau RM30 juta ni saya tanya, saya minta maaf ya Yang Amat Berhormat saya melangkaui tugas saya. Tapi ini untuk kerajaan, pasal saya mengambil tanggungjawab ni. Saya telefon kepada Pegawai PKN. Malam tadi pukul 11.35 saya call PKN. Nasib baik PKN jawab. Kalau dia tak jawab, saya jawab dia di awal malam ni. PKN kalau saya call tak jawab. Saya kata PKN kenapa bajet RM640 juta ni you buat bajet defisit. Naikkan je lah anggaran belanjawan RM610 itu kepada RM640 juta. Kan dah *balance* bajet. Dia kata, Datuk Seri saya tak boleh buat kerja yang saya tak boleh capai katanya. RM610 juta adalah anggaran bajet yang realistik. Kenapa realistik? 60% kita bergantung kepada hasil bukan cukai. Hasil bukan cukai. Betul. PKN. Ini PKN jawab saya. Saya check balik apa yang PKN jawab. Betul. Kerajaan negeri bergantung kepada hasil bukan cukai 60%. Saya kata you lonjaklah sikit. Baru RM30 juta. Tak boleh. Pasal ini soal menyediakan bajet kerajaan negeri. Jadi hasil cukai kita 28% sahaja. Jadi kerana itu, kita nak kena tengok bagaimana kita buat unjuran bajet kita.

Kerana saya bertanggungjawab dalam soal anggaran belanjawan supaya rakyat mendapat kesejahteraan dalam soal pembelaan kita kepada rakyat.

Tetapi saya yakin apabila saya tengok pergerakan dan juga apa perkara-perkara yang berangkumi kepada inisiatif yang dibuat oleh kerajaan negeri, percayalah tahun 2026 juga kita akan mendapat kutipan hasil yang lebih daripada 64 RM640 juta. Jadi Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua, *we have to be more rational* dengan izin ya. Kita boleh protes pembangkang. Pembangkang saya tengok pun okey. Cuma sekali dia protes lah. Masa saya jadi pembangkang pun macam tu. Saya pun jadi pembangkang tu memang teruk lebih teruk daripada apa yang ada sekarang. Tapi hasrat saya masa tu nak tengok rakyat supaya dapat pembelaan. Tapi sebagai pihak kerajaan, saya nak bagitahu mauduk kita adalah untuk menyalurkan tenaga usaha dan segala matlamat kita untuk rakyat. Apa yang kita tak buat di Negeri Sembilan? Agama Islam, masjid, surau, musolla, rizab tanah kubur, rizab sungai, semua kita buat. Untuk masyarakat bukan Islam, China, India dan juga masyarakat orang asli, kita bincang dan kita lakukan. Untuk orang miskin, B40. Untuk golongan asnaf, kita buat, kita bagi. Untuk golongan pendidikan, juga kita laksanakan. Dan kesemua aspirasi yang terkeluar ataupun di dalam bajet 2026 ni merangkumi semua soal yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat. Saya nak ucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar, termasuk pegawai-pegawai Kewangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan kerana telah pun mengambil tindakan dan inisiatif untuk memastikan kerajaan negeri dapat diurus tadbir dengan baik dan memberikan keutamaan kepada pentadbiran rakyat. Saya mohon maaf, Dato' Yang Dipertua, terima kasih banyak. Sekian penggulungan saya pada hari ini. wabillahitaufiq walhidayah, Assalamualaikum WBT.

YB Yang Dipertua Dewan: *Waalaikumsalam WBT.* Terima kasih Yang Berhormat Pertang. Dengan ini saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Sikamat.

YAB ADUN Sikamat: *Bismillahirrahmanirrahim*. Dato' Yang Dipertua, Ahli-Ahli Dewan yang saya hormati, tadi Tok Jalal dah sebahagian besar dia dah jawab saya punya. Jadi saya pendek je lah tak panjang. Itu dia batuk. Kalau dia tak batuk, saya tak tahu. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan pada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan. Setiap pandangan, teguran, cadangan dan kritikan yang diberikan menunjukkan komitmen kita bersama untuk memastikan pertadbiran negeri terus berada pada landasan yang betul demi kepentingan rakyat. Perbahasan yang berlangsung memperlihatkan kematangan politik dan kebertanggungjawapan kita sebagai wakil rakyat. Walaupun terdapat perbezaan pandangan kita tetap bersatu dalam hasrat membina Negeri Sembilan yang lebih makmur dan

progresif serta inklusif. Tuan Yang Dipertua, Firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 159 bermaksud *maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad kau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, para sahabat dan pengikutmu dan engkaulah bersikap kasar lagi keras hati tentulah mereka akan lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu dan pohonkanlah ampun bagi mereka yang bermesyuaratlah dengan mereka dengan urusan peperangan dan hal-hal keduniaan. Kemudian apabila engkau telah berazam sesudah mesyuarat untuk membuat sesuatu maka bertawakallah kepada Allah sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadanya*.

Setiap keputusan yang kita ambil dalam kerajaan ini dibuat secara syurah dalam mengambil kira pandangan dan kebijaksanaan ramai pihak. Bahagian penyediaan belanjawan ini sendiri melibatkan proses libat urus yang luas bersama semua pemegang taruh supaya setiap dasar yang dirangka benar-benar memenuhi keperluan rakyat. Kita gerak kerja belanjawan bermula bulan Mac lagi 2025 dan kita banyak program-program yang dilakukan, penetapan batas belanjawan, *screening* belanjawan mengurus, *screening* belanjawan pembangunan, *retreat* belanjawan yang dimaklumkan tadi pemukiman kertas Dewan Hasil, mengurus dan pembangunan RUU pembentukan dalam MMK mesyuarat pemurnian sejak awal lagi. Jadi itu yang kita rasa bahawa itulah keadaan yang akan berlaku pada tahun hadapan yang kita tak rasa pada hujung-hujung ini barulah kita lihat bahawa akaun kita itu agak baik jadi kerana itulah kita lihat apa yang ada dalam belanjawan kita pada hari ini. Dalam soal pemilihan senator juga perkara ini bukan diputuskan secara tertutup di peringkat kepimpinan negeri semata-mata sebaliknya keputusan tersebut dibuat melalui perbincangan teliti dan persetujuan bersama di antara Pengerusi Barisan Nasional, Yang Amat Berhormat Dato' Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi Pakatan Harapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri. Inilah budaya musyawarah yang menjadi asas Kerajaan Perpaduan bagi memastikan setiap langkah diambil dengan penuh hikmah, keadilan dan rasa tanggungjawab. Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan telah berjaya memberikan pelbagai manfaat yang jelas kepada rakyat mengenai penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, tersusun dan inklusif dengan kestabilan politik yang wujud Kerajaan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada agenda pembangunan tanpa gangguan. Pelbagai inisiatif dapat digerakkan dengan pantas termasuk penambahbaikan sistem penyampaian bantuan pemerkasaan pendidikan dan latihan kemahiran, peningkatan infrastruktur asas, serta perluasan program kebajikan untuk golongan rentan. Semua ini membuktikan bahawa model Kerajaan Perpaduan mempunyai kelebihan besar dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik adil dan seimbang. Ini bukan soal laba dalam politik atau siapa mendapat kelebihan yang penting ialah bagaimana kita memikul amanah untuk berkhidmat

kepada rakyat dengan tulus dan ikhlas. Kerusi yang kita duduk ini juga bukan satu penghormatan tetapi satu tanggungjawab yang menuntut kita bekerja tanpa mengira kepentingan peribadi atau kepartian. Rakyat menilai bukan melalui slogan atau janji tetapi melalui perkhidmatan yang mereka rasai setiap hari. Selagi kita jujur dan dalam amanah selagi kita mengutamakan keperluan rakyat melebihi percaturan politik insyaAllah negeri kita akan terus maju dan kepercayaan rakyat akan kekal bersama kita. Izinkan saya menjawab setiap perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan kita pada kali ini.

Dato' Yang Dipertua, pembangunan ekonomi dan pelaburan merupakan tunjang utama kepada kemakmuran dan daya saing Negeri Sembilan memandang serius peranan dan strateginya mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi. Memacu projek berimpak dan pada masa yang sama memastikan pengurusan sumber asli negeri dilaksanakan secara mampan. Subsekyen berikut akan memperincikan maklum balas kerajaan terhadap inisiatif-inisiatif utama yang sedang dan akan dilaksanakan memacu pertumbuhan ekonomi negeri demi faedah dalam jangka masa panjang kepada rakyat. Inisiatif memacu ekonomi kerajaan negeri secara proaktif, melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk merancakkan aktiviti pelaburan memudah cara proses perniagaan dan memastikan Negeri Sembilan kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini. Analisis inisiatif *Fastlane* dan *MBS Fly* isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Lenggeng dan Yang Berhormat ADUN Mambau yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai status dan keberkesanan inisiatif *Fastlane*. Inisiatif *Fastlane* merupakan satu pendekatan peraturan tangkas yang diperkenalkan untuk mempercepatkan proses urusan permohonan pembangunan khusus bagi projek-projek berimpak tinggi. Matlamat utama adalah untuk memacu pertumbuhan pelaburan negeri ke arah sasaran RM8 bilion pada tahun 2026. Inisiatif ini telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seremban MBS melalui *MBS Fly* ataupun *Fastlane 4U*. Kriteria utama untuk pertimbangan sebuah projek di bawah inisiatif *Fastlane* adalah seperti berikut. Kawasan terancang perihal tanah telah diselesaikan, kesediaan tapak untuk pendirian bangunan dan dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti, laporan impak alam sekitar, laporan impak sosial, laporan impak lalu lintas telah diuruskan. Bangunan yang diberi, yang memberi impak pelaburan kepada Negeri Sembilan seperti hospital, sekolah, dewan, kilang dan bengkel.

Antara kisah kejayaan *success stories* projek di bawah inisiatif *Fastlane* yang telah berjaya mencapai status tanah termasuklah Projek Komplek Hospital Swasta oleh Seremban Specialist Hospital Sena Group, projek kilang gudang dan pejabat di Bandar Baru Enstek oleh Tetuan T. Hasegawa Flavors. Projek pembinaan bangunan perindustrian di Sendayan Tech Valley oleh Tetuan Seko Precision Sendirian Berhad dan projek pembangunan kilang di kawasan

perindustrian Tech Park Enstek oleh Tetuan Go Builders Netsoft Sendirian Berhad. Strategi penarikan pelabur industri merupakan satu isu berkaitan dengan insentif pelaburan, pembukaan kawasan industri baru dan tarikan industri perkhidmatan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Johol, Yang Berhormat ADUN Chembong dan Yang Berhormat ADUN Chennah. Negeri Sembilan mempunyai kelebihan kompetitif yang ketara hasil kedudukan strategik yang berhampiran dengan Lembah Klang disokong oleh jaringan infrastruktur yang baik seperti lebuhraya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Bagi memanfaatkan kelebihan ini, Kerajaan giat bekerjasama dengan Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), melalui pelbagai aktiviti antaranya pertama program misi galakan perdagangan dan pelaburan untuk menarik pelabur berkualiti dari syarikat multinasional, kedua pembangunan ekosistem rantaian bekalan tempatan melalui penganjuran *supply chain* seminar, penganjuran sesi dialog bersama dengan Dewan Perniagaan dan Persatuan Industri bagi mencari penyelesaian kepada cabaran pelabur, keempat pemudah cara pembiayaan melalui akses kepada *venture capital, private equity dan inisiatif domestic investment coordination platform* DICP, yang kelima mengadakan *SME Investment Desk* untuk memberi khidmat nasihat kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana.
Di samping itu, Kerajaan Negeri turut menawarkan insentif pelaburan swasta yang menarik, iaitu diskaun premium tanah bagi pembayaran yang dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis 5A dikeluarkan. Kedua, bayaran cas pemajuan secara ansuran tanpa denda dan ketiga, fasiliti dan khidmat bantuan berterusan daripada Invest NS.

Status dan perancangan projek MVV 2.0 telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rantau dan Yang Berhormat ADUN Mambau. MVV merupakan agenda pembangunan komprehensif jangka panjang yang merangkumi daerah Seremban Port Dickson dirangka menjadi sebuah kawasan pertumbuhan baru yang akan menjadi pemangkin ekonomi negeri. Fasa awal pembangunan tertumpu pada pembangunan kawasan industri berteknologi tinggi bagi menarik pelaburan baru. Pembangunan MVV 2.0 melibatkan beberapa plot tanah yang diklasifikasikan sebagai Parcel A yang saya sebut pagi tadi. *Parcel A, Tech Park dinilai Parcel B, Smart Quantity Parcel C, Integrated Industry Hub* di Tanah Merah dan di Bukit Pelanduk, Port Dickson, *Parcel D, Integrated Metric Time Hub and Waterfront* Koridor di Pesisir Pantai, Port Dickson, Parcel E, *PD Free Zone and AI Smart Container*, Port Dickson dan Parcel F, *NS Semiconductor Valley.* Ini antara yang saya telah sebutkan pagi tadi. Pengurusan sumber asli perlombongan unsur nadir bumi REE. Ini berkait dengan kelulusan manfaat ekonomi dan impak alam sekitar kepada aktiviti perlombongan unsur nadir bumi REE telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Temiang dan Yang Berhormat ADUN Klawang. Kerajaan Negeri telah meluluskan 3 permohonan untuk melombong unsur nadir bumi di daerah Jeelbu iaitu di Mukim Ulu Klawang dan Mukim Ulu

Triang. Kelulusan diberikan tempoh selama 6 tahun saja. Projek ini dijangka memberi impak ekonomi yang signifikan kepada negeri antaranya, pertamanya hasil royalti kepada kerajaan negeri sebanyak 15% daripada harga pasaran semasa. Berdasarkan anggaran kutipan hasil royalti dijangka mencecah RM22 bilion dalam tempoh 6 tahun tersebut. Peluang pekerjaan projek ini dianggarkan akan mewujudkan antara 50 hingga 100 peluang pekerjaan secara langsung dengan potensi berkembang sehingga 345 peluang pekerjaan merangkumi jawatan mahir, separuh mahir, teknikal dan pengurusan. Bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan komuniti setempat kerajaan negeri menegaskan bahawa semua aktiviti pelombongan wajib mematuhi sepenuhnya keperluan kajian kesan alam sekitar EIA dan skim operasi melombong OMS. Pembangunan ekonomi yang pada saat ini perlu diseimbangkan dengan tadbir urus kewangan yang cekap, perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi dan memastikan manfaat dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat. tadbir urus yang cekap, pengurusan kewangan yang berhemat perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi merupakan asas kepada penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cemerlang kepada rakyat.

Kestabilan dan kecekapan dalam pentadbiran membolehkan dasar-dasar pembangunan dilaksanakan dengan berkesan. Subseksyen berikut akan mengupas maklum balas dari kerajaan berkaitan pengurusan hasil negeri, pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan awam serta usaha-usaha penguatkuasaan kutipan cukai demi kelestarian fiskal negeri. Pengurusan kewangan yang telus dan bertanggungjawab adalah penting untuk mengekalkan keyakinan awam dalam memastikan setiap perbelanjaan memberi pulangan baik kepada negeri. Persoalan mengenai butiran perolehan daripada jumlah jualan, barang-barang dan laporan anggaran terimaan bukan hasil telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Paroi dan Yang Berhormat ADUN Gemas. Kerajaan negeri ingin menjelaskan bahawa istilah jualan barang-barang. Kod hasil 73,000 bukan bermaksud penjualan aset atau harta benda kerajaan bagi memberi konteks berdasarkan prestasi tahun semasa 2024. Hasil utama di bawah kod ini termasuklah premium tunai, premium tanah RM75.28 juta, cas air mentah RM88.5 juta, jualan barang-barang bercetak RM6.12 juta dan premium perhutanan RM3 juta. Bagi anggaran terimaan bukan hasil 2026 yang berjumlah RM64,757,000 sumber utama adalah terimaan yang signifikan berjumlah RM60 juta bagi sebanyak RM4.755 juta adalah terdiri daripada terimaan lain-lain seperti berikut. Pulangan balik perbelanjaan, terimaan daripada agensi kerajaan dan keuntungan atas jualan ataupun pelupusan aset.

Berikut adalah prestasi kutipan hasil negeri setakat semalam. Kutipan sebenar sehingga 10 Disember 2025 hasil cukai kita adalah RM156,923,900.26 sen. Bagi hasil bukan cukai adalah RM437,435,733.35 dan terimaan bukan hasil adalah RM66,072,100.37 berjumlah keseluruhan

RM660,431,737.98 dan kita menetapkan belanjawan tahun lepas, tahun ini adalah sebanyak RM590 dan ditambah dengan RM10 juta bajet tambahan menjadi RM600 juta kita sekarang pada hari ini ada lebihan RM60,431,733.98. Isu berkaitan peruntukan Vot P50 yang tinggi dan Vot P56 yang kurang telah dibangkitkan oleh ADUN Rantau dan Yang Berhormat ADUN Temiang. Bagi isu yang diutarakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau Peruntukan P50 kesejahteraan rakyat bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM45 juta. Dari jumlah ini RM15 juta diperuntukkan bagi inisiatif aspirasi kerajaan negeri merangkumi inisiatif belia kawin RM1.5 juta, inisiatif warga emas RM10 juta, inisiatif kelahiran baru RM500,000, inisiatif bantuan kemasukan ke IPT RM3 juta. Bagi peruntukan RM30 juta diagihkan secara spesifik seperti berikut. RM26.82 juta kepada 36 Pusat Khidmat DUN. RM1 juta bagi peruntukan khas Yang Berhormat EXCO Kanan. RM500,000 untuk Program Sentuhan Madani Warga Felda, RM200,000 Peruntukan Khas Bagi Yang Berhormat *Speaker* dan baki hanya tinggal RM1.5 juta adalah untuk bantuan yang diluluskan oleh Menteri Besar kepada individu, NGO dan persatuan yang berdaftar, tak sampai RM5 juta, tak sampai RM10 juta, manakala anggaran perbelanjaan P50 kesejahteraan rakyat seperti yang dibentangkan dalam cadangan belanjawan 2026 adalah berjumlah RM56 juta. Tadi Dato' Jalal dah *explain* kalau kita ambil RM30 juta, saya setuju nak kita ubah, kita boleh ubah hari ini dengan kita luluskan bajet kita dengan perubahan. RM56 juta kenaikan peruntukan daripada kenaikan daripada RM45 juta tahun 2025 kepada RM56 juta tahun 2026 adalah dihususkan untuk kesejahteraan rakyat terutama dari inisiatif belanjawan dan aspirasi perpaduan, skim sejahtera, peningkatan peruntukan adalah seperti berikut. Pertambahan peruntukan Yang Berhormat ADUN dan YB Exco bagi peruntukan Pengurusan Pusat Khidmat, Program Kesejahteraan Rakyat daripada RM28.5 juta 2025, kepada RM31.95 juta pada 2026 dengan kenaikan sebanyak RM3.43 juta, meliputi perkara berikut, iaitu agihan kepada 36 Pusat Khidmat DUN. Sebanyak 36 Pusat Khidmat DUN, termasuk Pusat Khidmat DUN. Sebanyak RM1.5 juta untuk peruntukan EXCO kanan. Sebanyak RM200,000 peruntukan khas kepada Yang Berhormat *Speaker*.

Pelaksanaan inisiatif belanjawan aspirasi perpaduan 2026 adalah RM21.5 juta. Bantuan kelahiran RM1 juta, bantuan belia kahwin RM2.5 juta, bantuan warga emas RM14 juta, bantuan IPT RM3.5 juta, Program Sentuhan Madani Warga Felda RM500,000. Baki selebihnya adalah sebanyak RM2.55 juta untuk bantuan kesejahteraan rakyat melalui Pejabat Menteri Besar. RM2.55 tak sampai pun RM5 juta lagi. Meliputi sumbangan bantuan yang diluluskan oleh Menteri Besar kepada individu, NGO dan persatuan-persatuan yang berdaftar. Saya harap kita dapat buku bajet tu boleh baca. Kita janganlah serang dalam sidang DUN. Saya harap baca, faham. Jadi kalau kita faham, kita tahu apa sebenarnya kegunaan-kegunaan vot-vot ini. Berkenaan dengan vot pembangunan 56, peruntukan ini bukanlah satu-satunya sumber pembiayaan untuk projek pembangunan di kawasan DUN,

banyak lagi sumber peruntukan lain disalurkan melalui peruntukan kerajaan negeri dan persekutuan. Projek-projek ini dilaksanakan oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Salir Air dan turut menerima peruntukan pembangunan secara langsung daripada kerajaan negeri dan persekutuan.

Kenapa kita belanja defisit dan kita tahu sebenarnya akhirnya kita tak tidak ada defisit. Dan kita juga bersyukur, setakat hari ini rizab kita ialah RM897 juta hampir RM900 juta. Kalau kita guna RM30 juta, RM50 juta untuk tahun akan datang itu pun tak ada masalah sebenarnya. Kita juga perlu sebenarnya untuk berbelanja, cuma ayat dia itu masih defisit kita tak boleh sebab hasil kita ketika itu tak sama hasil yang kita kutip pada tahun semasa itu tak sama. Jadi apabila tak sama dia jadi defisit terpaksalah kita sebut defisit walaupun akhirnya ada surplus. Dan kalaupun ia defisit, kita ada simpanan yang cukup untuk kita berbelanja kepada rakyat yang ada di Negeri Sembilan ini. Kerajaan negeri juga mengambil maklum isu tunggakan hutang pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan SWCorp. Bagi membantu meringankan beban PBT, kerajaan telah menyediakan bantuan ehsan sebanyak RM1.25 juta yang disalurkan kepada 5 PBT yang terkesan. Selain itu satu geran *one off* sebanyak RM250,000,000 diberikan kepada setiap PBT yang terlibat pada tahun 2026. Tak termasuk MBS dan MPPD. Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Lukut, tabung khas caj pemajuan dilaporkan sebagai sebahagian daripada liabiliti semasa dalam penyata kewangan tahunan negeri. Penyata ini diaudit pada setiap tahun oleh jabatan audit dan melalui firma audit swasta yang dilantik. Ini bukan kita letakkan dia sebagai tabung amanah dan untuk membelanja kita bukan sesuka hati untuk kita belanja dan selepas itu kita juga akan di audit. Jadi untuk mengatakan bahawa sesuka hati kita berbelanja itu kita kena perbetulkan. Pengurusan sumber manusia yang adil dan berasas merit adalah kritikal untuk memastikan perkhidmatan awam kekal profesional dan cekap. Sistem penilaian prestasi *My Performance* isu berkaitan kriteria dan indikator penilaian prestasi kerja yang dibangkitkan oleh yang Berhormat ADUN Labu. Sebenarnya kita dah ada dah dan tambah baik daripada tahun ke setahun. *Alhamdulillah* terima kasih pentadbiran Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Indikator penilaian prestasi adalah berdasarkan markah penilaian prestasi pegawai yang dinilai yang selaras dengan dasar baru pengurusan prestasi. Penilaian ini merangkumi 5 elemen utama dalam Sistem *My Performance.* Pertama, sasaran kerja utama. SKU mengukur prestasi kerja individu ataupun pasukan selari dengan ojektif jabatan. Kedua, kompetensi fungsian (KF), mengenai kemahiran dan pengetahuan untuk menjalankan fungsi tertentu. Ketiga, kompetensi tingkah laku, menilai tingkah laku dan prestasi pegawai. Keempat, nilai sepunya menilai keperibadian pegawai. Kelima, penilaian penglibatan dan sumbangan menilai komponen penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi. Ada di antara pegawai penjawat awam ada terlibat dengan NGO terlibat dengan komuniti.

Ini antara yang diberikan pemarkahan. Proses penilaian ini dilaksanakan berdasarkan prinsip adil, telus, ojektif, relevan dan keboleh saingan. Pegawai yang dinilai, yang tidak berpuas hati dengan hasil penilaian boleh menghantar permohonan untuk semakan semula kepada panel Pembangunan Sumber Manusia untuk pertimbangan panel. Menjawab persoalan daripada Yang Berhormat ADUN Lukut. Dasar pengambilan penjawat awam diurus oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam SPA adalah berteraskan prinsip merit, kompetensi serta persaingan yang terbuka dan adil *open and fair competition*, tiada sebarang penetapan kuota kaum atau etnik dalam proses ini. Kita di peringkat negeri, kita tidak ada satu jabatan yang seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Semuanya kita akan maklumkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memastikan proses ini berjalan. Untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif termasuk tawaran biasiswa, hadiah latihan persekutuan (HLP), program pengajian peringkat sarjana dan PHD dan kemudahan cuti belajar separuh gaji, dan berhubung dengan cadangan oleh ADUN Chembong untuk memperluaskan kemudahan 0% faedah kepada kakitangan kontrak, kerajaan negeri menjelaskan bahawa keutamaan pada masa ini diberikan kepada penjawat awam berstatus tetap, ini kerana mekanisme pembayaran balik adalah melalui pemotongan gaji yang lebih terjamin. Peluasan skim ini kepada kakitangan kontrak adalah berisiko tinggi dan boleh menyebabkan teguran berulang daripada Jabatan Audit Negara Malaysia disebabkan kesukaran mendapatkan bayaran balik sekiranya perkhidmatan mereka ditamatkan.

Bagi pengurusan tunggakan cukai tanah, kutipan cukai tanah yang cekap adalah penting bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan pengurusan negeri. Menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Paroi sehingga 12 Disember 2025 jumlah cukai tanah semasa adalah sebanyak RM132,644,701.73 mana kutipan tunggakan cukai berjumlah RM12,808,028.40. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai strategi dan usaha bersepadu bagi mengutip tunggakan cukai tanah antaranya pemutihan data dimana 28,723 hak milik telah dikenalpasti sebagai bertunggak. Mengeluarkan surat peringatan secara berperingkat kepada pemilik. Ketiga, membuat panggilan telefon dan pemakluman awal melalui email kepada pemilik yang belum membayar. Keempat, menggiatkan usaha lawatan dari rumah ke rumah. Kelima, mempertingkatkan kekerapan kutipan luar melalui van bergerak di lokasi strategik. Keenam, pengeluaran Notis 6A kepada pemilik yang telah dikenalpasti. Ketujuh, penglibatan pemimpin setempat serta wakil rakyat dan penghulu untuk mengingatkan penduduk. Kelapan, peringatan dari khutbah Jumaat di masjid-masjid utama. Kesembilan, menyediakan kemudahan bayaran ansuran bagi cukai semasa dan tunggakan. Kesepuluh, menyediakan perkhidmatan cukai DEN iaitu sistem notifikasi elektronik kepada pemilik berdaftar. Kesebelas, menganjurkan kempen galakan bayaran dengan insentif seperti cabutan bertuah, hadiah bar

emas, motosikal dan peralatan elektrik. Tindakan rampasan tanah di bawah seksyen 100 kanun tanah negara merupakan langkah terakhir yang akan diambil setelah semua usaha lain tidak berhasil.

Kecakapan dalam tadbir urus dan kewangan membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur kemudahan awam yang berkualiti yang memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat harian. Penyediaan infrastruktur moden, utiliti yang stabil dan kemudahan awam yang menyeluruh adalah manifestasi keperhatinan kerajaan terhadap kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri komited untuk menangani isu-isu berkaitan bekalan air, menaik taraf jalan raya, menguruskan risiko banjir dan menyediakan perumahan yang selesa. Seksyen ini akan memperincikan maklum balas kerajaan terhadap isu-isu kritikal yang dibangkitkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa pada tahap yang terbaik. Kerajaan Negeri melalui agensi giat melaksanakan pelbagai projek bagi memastikan bekalan air yang bersih dan berterusan dapat dinikmati oleh semua penduduk. Program penggantian paip isu berkaitan penggantian paip lama dan uzur yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Serting, Yang Berhormat ADUN Jeram Padang, Yang Berhormat ADUN Gemas, Yang Berhormat ADUN Seri Menanti. Kerajaan Negeri mengesahkan bahawa program penggantian paip di kawasan Felda sedang dilaksanakan secara berperingkat dengan peruntukan daripada Felda dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah KKW ataupun PETRA. Khusus untuk Felda Pasir Besar isu dibangkitkan oleh ADUN Gemas, punca paip pecah adalah disebabkan paip sedia ada telah uzur daripada jenis AC ataupun asbestos simen. Kerja-kerja penggantian paip UPVC sepanjang 2,800 meter sedang dalam perancangan. Bagi DUN Seri Menanti isu beberapa projek penggantian paip UPVC dan HDPE telah dirancang melalui peruntukan dalaman Syarikat Air Negeri Sembilan SAINS sendiri dan Pengurusan Aset Air Berhad PAAB. Status projek Rumah Pam Kolam Teluk Kemang isu Yang Berhormat Adun Bagan Pinang. Projek ini dilaporkan telah mencapai status 84% dan dengan jangkaan penyiapan penuh pada November 2025. Gangguan bekalan air Loji Rawatan Linggi yang dibawa oleh Adun Bagan Pinang. Pemberhentian sementara Loji Rawatan Linggi ini berlaku disebabkan oleh kekeruhan air mentah yang tinggi terutama selepas hujan dan tindakan ini adalah selaras dengan piawaian kualiti air minum yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kerana itu TAPS Linggi dan TAPS Kampung Barisan insyaAllah akan mengurangkan lagi kesan daripada hujan lebat dan kekeruhan ini. Cadangan menaik taraf Empangan Teriang isu yang dibawa oleh Adun Klawang satu kajian dijalankan pada tahun 2022 mendapati bahawa penaiktarafan empangan sedia ada adalah lebih adalah tidak disyorkan. Sebagai alternatif, kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan pembinaan sebuah empangan baru di kawasan Kenaboi untuk menyelesaikan isu bekalan air di Daerah Jelebu secara jangka panjang. Isu operasi dan perkhidmatan lain, gangguan bekalan di Juasseh bagi

mengurangkan kekerapan gangguan, SAINS sedang dilaksanakan projek penggantian paip UPVC sepanjang 1km dan projek menaik taraf kolam di Bukit Sempit. Skim bantuan tarif air B40 dibangkitkan ADUN Lobak. Kerajaan melalui SAINS mengambil maklum cadangan ini dan akan meneliti untuk pertimbangan lanjut. Ketiga, kedudukan meter air dibangkitkan ADUN Chuah kedudukan meter yang berhampiran dengan paip utama adalah mengikut tata cara perkhidmatan SAINS. Ia bertujuan untuk memastikan proses penyelenggaraan dan pembacaan meter dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dato' Yang Dipertua, penyediaan rangkaian jalan raya yang selamat selesa adalah keutamaan kerajaan untuk melancarkan pergerakan penduduk dan merancakkan aktiviti ekonomi. Pertamanya, projek menaikkan taraf jalan di DUN Juasseh projek menaik taraf jalan Pelangai Terentang N141 telah diluluskan. Projek lain seperti jalan Kuala Pilah *Bypass* dan menaik taraf jalan Tanjung Ipoh Ranjau Hantu N101 juga dalam perancangan dan pelaksanaan. Jalan Gadung Jaya Enstek dibangkitkan oleh ADUN Labu. Pihak JKR Negeri Sembilan sedang bekerjasama dengan pemaju hartanah untuk menaik taraf sebahagian jalan Tiara Sendayan. Jalan Alternatif Seri Menanti ke Ulu Sepri dibangkitkan oleh ADUN Seri Menanti projek dalam pelaksanaan dengan kemajuan fizikal semasa adalah 76.7% sehingga 4 Disember 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada 27 Ogos 2027. Penyelenggaraan dan keselamatan jalan, pemasangan lampu jalan dibangkitkan oleh Adun Sungai Lui, Adun Jeram Padang, Adun Bagan Pinang, Adun Serting. Pihak JKR telah mengambil tindakan seperti memasang 8 lampu solar di DUN Sungai Lui dengan peruntukan RM100 ribu untuk pemasangan lampu solar di Jalan Air Itam Kemayan. Cadangan pemasangan lampu di Lebuh Raya, Seremban Port Dickson akan dipanjangkan kepada Lebuh Raya Malaysia (LLM), ini saya telah sendiri menulis surat tetapi jawapannya adalah pihak PLUS tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Kerosakan jalan, isu kerosakan jalan di Kampung Londah oleh Adun Gemas dan jalan Sepang Lukut oleh Adun Chuah adalah disebabkan oleh kerja-kerja projek JPS dan pemasangan kabel utiliti. Tindakan pembaikan sedang dan akan diambil oleh pihak berkaitan. Longkang rosak, tersumbat dibangkitkan oleh Adun Temiang, JKR telah mengemukakan permohonan peruntukan RM800 ribu kepada Kementerian Kerja Raya untuk menaik taraf longkang di laluan Persekutuan FT-001. Tumpahan minyak dibangkitkan oleh ADUN Sungai Lui. Pihak FGV Holding Berhad telah bertanggungjawab membersihkan tumpahan minyak di laluan terlibat dan telah memasang papan tanda amaran kepada pengguna jalan raya. Papan tanda terhalang dibangkitkan oleh ADUN Seremban Jaya, JKR Daerah Seremban telah mengambil tindakan segera dengan membersihkan timbunan yang menghalang papan tanda maklumat jambatan kedua tertinggi di Malaysia di Bukit Putus. Pengurusan jalan di bawah Peruntukan MARRIS projek di DUN Kota dibangkitkan Adun Kota sebanyak 11 projek penyelenggaraan longkang dengan kos RM1.64 juta telah

diluluskan pada tahun 2025. Dari jumlah itu 8 projek telah siap dan baki 3 projek siap dijangka siap pada penghujung tahun. Syarat kelayakan kontraktor dibangkitkan oleh ADUN Chembong, Mesyuarat Jawatankuasa MARRIS telah meluluskan pematuhan sijil pematuhan cukai (TCC) sebagai salah satu syarat wajib bagi pendaftaran kerja undi MARRIS bagi tahun 2026. Tapi kita selalunya ada 3 kali cabutan ini tak ada masalah kalau dia tak dapat yang ni, yang akan datang dia boleh. Jalan Ladang Pertanian dibangkitkan oleh Adun Klawang. Sebanyak 23 projek penyelenggaraan Jalan Ladang di daerah Jelebu dengan peruntukan RM2.248 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan melalui peruntukan MARRIS.

Pengurusan banjir dan saliran kerajaan negeri sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan risiko banjir melalui projek-projek tebatan dan penyelenggaraan sistem saliran. Tindakan mitigasi banjir, kawasan hotspot dibangkitkan ADUN Seri Menanti. Terdapat 123 kawasan *hotspot* banjir di Negeri Sembilan. Bagi DUN Seri Menanti JPS telah membelanjakan RM250,000 untuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan sistem saliran. Banjir di Sungai Timun Rembau dibangkitkan Adun Kota. Projek kerja pemulihan sistem saliran dengan kos RM700,000 telah pun siap. Permohonan untuk projek jangka panjang telah dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia ke-13. Banjir di Serting Tengah dibangkitkan ADUN Serting, JPS telah melaksanakan projek naik taraf pembentungan sedia ada kepada saiz 1.5 meter kali 1.5 meter di kawasan Air Bong dengan kos RM280,000. Pendalaman sungai di Klawang dibangkitkan oleh Adun Klawang. Pihak JPS menjelaskan bahawa kerja-kerja pendalaman sungai boleh dilaksanakan namun ia perlu dikawal selia dengan teliti bagi mengelakkan isu ketidakstabilan tebing sungai,

Dato' Yang Dipertua, penyediaan perumahan mencukupi dan perancangan guna tanah yang teratur adalah penting untuk pembangunan yang mampan. Status projek perumahan dan penempatan projek perluasan kampung PPK di Gemencheh dibangkitkan oleh Yang Berhormat Adun Gemencheh. Siling peruntukan bagi projek ini yang diluluskan oleh KKW adalah sebanyak RM50 juta berbanding kos anggaran asal adalah RM107 juta. Sehubungan itu Pejabat Pembangunan Daerah Tampin sedang dalam proses mengenalpasti tapak projek yang lebih sesuai mengikut siling peruntukan yang baru. Pembinaan rumah atas rizab kerajaan di DUN Rahang dibangkitkan oleh ADUN Rahang. Sebanyak 15 notis pencerobohan telah dikeluarkan kepada penghuni daripada 12 rumah yang terlibat 2 buah telah dirobohkan sendiri oleh penghuni. Cadangan untuk perubahan struktur yang masih berbaki akan dibawa ke Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk perbincangan lanjut. Pembangunan tanah dan infrastruktur sokongan. Status pembinaan jeti pelabuhan AI dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook ADUN Chennah. Urusan pemberi milikan tanah bagi projek ini telah selesai. Bayaran premium sebanyak RM1.8 juta telah diterima dan hak milik telah didaftarkan

pada 3 November 2025. Status cadangan jalan masuk ke SK Jimah baru dibangkitkan oleh Yang Berhormat YB Choo Ken Hwa ADUN Chuah, ADUN Lukut. Proses pengambilan tanah sedang berjalan dan dijangka selesai pada tahun 2026. Permohonan peruntukan pembinaan jalan akan dibuat pada belanjawan tahun 2027. Isu notis merah di kawasan Felda Jempol dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serting. Pengeluaran notis penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan mulai tahun 2025 sebagai *task force* yang telah dibentuk bagi menangani isu pencerobohan kawasan tanah kosong Felda secara bersepadu. Pembangunan fizikal yang mampan perlu diiringi dengan pembangunan rohani, sosial yang seimbang bagi melahirkan masyarakat sejahtera dan harmoni. Pembangunan yang seimbang tidak hanya tertumpu pada aspek fizikal dan ekonomi tetapi juga merangkumi pembangunan insan, kerohanian dan kesejahteraan sosial. Kerajaan negeri sentiasa komited untuk memperkasakan institusi agama dan pendidikan Islam serta memantau sebarang anasir yang boleh menggugat keharmonian masyarakat. Seksyen ini menggariskan usaha-usaha kerajaan dalam memastikan pembangunan modal insan di negeri ini terus diperkukuh. Kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Hal Ehwal Agama Islam di segenap peringkat. Pembangunan kualiti imam dan pengajian menjawab cadangan yang dibangkitkan oleh ADUN Seri Menanti. Beberapa program telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti imam dan pegawai masjid. Pertamanya Program Pensijilan Pengajian Islam telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan berjaya melahirkan 90 orang imam bertauliah dari daerah Seremban, Rembau dan Rembau. Program ini diperluaskan keseluruh daerah mulai tahun 2026. Kelas talaki Al-Quran bersanat telah dilaksanakan di Masjid Negeri sejak tahun 2015 yang dibimbing oleh 5 orang guru bertauliah bagi memastikan tradisi keilmuan islam terus subur. Satu Program Mentor Menti antara imam dan pemegang Isbad Negeri Sembilan dirancang untuk bermula pada tahun 2026 bagi memperbaiki mutu bacaan Al-Quran. Penyelenggaraan dan pentadbiran masjid Surau isu pentadbiran Surau di DUN Juasseh dibangkitkan oleh ADUN Juasseh. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Surau di Negeri Sembilan adalah berdasarkan pemilihan di peringkat kariah melalui mesyuarat agung. Kerajaan juga sentiasa prihatin terhadap penyelenggaraan. Sejumlah RM618 ribu telah disalurkan untuk beberapa projek penyelenggaraan masjid dan Surau di Dun Juasseh antara tahun 2021 hingga 2025. Naik taraf Surau solat Jumaat di Bagan Pinang dibangkitkan oleh ADUN Bagan Pinang. Permohonan pada tahun 2023 tidak diluluskan kerana jarak Surau tersebut ke Masjid Kariah Bandar Springhill hanya 5.2km dan masjid sedia ada masih mampu menampung bilangan Jemaah. Walau bagaimanapun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bersedia untuk mempertimbangkan semula sekiranya ada permohonan baru dikemukakan.

Menjawab persoalan Adun Bagan Pinang Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sentiasa memberikan tumpuan penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur premis kelas Fardu Ain KAFA dan Sekolah Agama Rakyat. Bantuan naik taraf infrastruktur premis Sekolah Agama Rakyat dari tahun 2023 hingga 2022 adalah seperti berikut. Selenggara naik taraf Sekolah Agama Rakyat Taman Datuk Haji Abdul Samad RM100 ribu pada tahun 2023. Selenggara naik taraf Sekolah Agama Rakyat Al Ihsaniah RM72 ribu tahun 2023. Sekolah Agama Rakyat Taman Datuk Abdul Samad melalui Kerajaan Negeri RM100 ribu tahun 2024. Selenggara naik taraf Sekolah Agama Rakyat Datuk Haji Abdul Samad RM98,500 dan Selenggara naik taraf Sekolah Agama Rakyat Al Ihsaniah RM89,700 berjumlah RM460 ribu ringgit. Isu pemantauan pergerakan GISB dibangkitkan ADUN Klawang. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti MAINS, PDRM dan MKN dalam melaksanakan program intervensi kepada bekas anggota GISB dengan peruntukan awal sebanyak RM250 ribu ringgit, program ini bertujuan membantu mereka kembali kepangkuan masyarakat belandaskan ajaran ahli sunnah wal jamaah yang sebenar. Selain itu sebagai langkah kawalan sebanyak 14 tauliah mengajar telah ditarik balik antara tahun 2021 hingga 2025 atas kesalahan melanggar syarat-syarat tauliah. Maklum balas yang diperincikan dalam laporan ini membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam mendengar dan menangani setiap isu yang dibangkitkan oleh wakil rakyat. Setiap pandangan yang disuarakan dalam Dewan Yang Mulia ini diambil serius sebagai panduan yang merangka dasar dan tindakan yang lebih baik demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negeri Sembilan. Diharapkan kerjasama erat antara pihak eksekutif dan legislatif akan terus terjalin bagi memastikan pentadbiran negeri berjalan lancar dan agenda pembangunan dapat direalisasikan dengan jayanya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YB Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Amat Berhormat Sikamat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan tahun 2026 dan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 telah dijawab oleh pihak Kerajaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul Anggaran Belanja Pembangunan Negeri Sembilan tahun 2026 sila angkat tangan. Sebulat suara ya. Yang tidak bersetuju, yang berkecuali. Usul ini diluluskan sebulat suara. Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

[Keputusan undian: 32 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. YB ADUN Jeram padang dan YB ADUN Labu tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan Manakala YB ADUN Chennah dan YB ADUN Rantau tidak hadir]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan

Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan Bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju, yang berkecuali. Dewan bersidang secara jawatankuasa.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. YB ADUN Labu tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan Manakala YB ADUN Chennah dan YB ADUN Rantau tidak hadir]

[Cokmar Diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha: Fasal Satu.

YB Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan, jika tiada fasal satu ini adalah menjadi sebagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Fasal Dua.

YB Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan, jika tiada fasal dua adalah menjadi sebagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha: Jadual.

YB Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan, jika tiada jadual adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada Dewan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan semua setuju eh. Dewan bersidang semula.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. YB ADUN Labu tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan Manakala YB ADUN Chennah dan YB ADUN Rantau tidak hadir]

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali ketiga]

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan (2026) 2025 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang bersetuju rang undang-undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sila angkat tangan. Rang Undang-Undang ini akan dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: 33 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju. YB ADUN Labu tiada dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan Manakala YB ADUN Chennah dan YB ADUN Rantau tidak hadir]

Setiausaha Dewan: Enakmen Perbekalan (2026) 2025 Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri.

5. PENANGGUHAN PERSIDANGAN

Setiausaha Dewan: Perkara Kelima, Penangguhan Persidangan.

YAB ADUN Sikamat: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana telah berjaya mengendalikan Persidangan Dewan dengan jayanya.

YB ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga bangun menyokong cadangan itu terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telahpun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu saya ada menerima permohonan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat ADUN untuk menyampaikan ucapan penangguhan bagi persidangan kali ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk menyampaikan ucapan selama 10 minit sahaja. Saya jemput Paroi. Taknak? Takda ya? Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan, aaa? Chembong nak? oh Chembong. Sila Yang Berhormat Chembong.

YB ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menghormati pandangan rakan-rakan, dengan ini saya menangguhkan Persidangan.

YB Yang Dipertua Dewan: ok betul, terima kasih.

YB ADUN Chembong: Minta maaf saya tarik balik, itu kerja Yang Dipertua, saya menarik balik ucapan penangguhan saya, terima kasih.

YB Yang Dipertua Dewan: Ada respon dari kerajaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini saya mengambil kesempatan untuk ucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan pada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, media massa dan urusetia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini. Jadi saya pun ada pantun nak baca lah.

Gunung Datuk tegak berdiri,
Awan berarak lembut berlalu,
Sidang Belanjawan penuh harmoni,
Semoga Negeri, semoga Negeri Sembilan terus maju.

Sekian, Persidangan Dewan ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 2.35 petang]